



# FAKTA FILEM MALAYSIA

(1933-2021)

Menyelusuri Perkembangan Filem Tanahair

SUSUNAN : MD SALLEH KASSIM





**FAKTA  
FILEM MALAYSIA  
(1933-2021)  
Susunan  
Md.Salleh Kassim  
(M.Sc in Journalism, Boston University, USA)  
1 MAC 2022  
Copyright Md. Salleh Kassim 2022**

## Kata Pengantar

Alhamdulillah, syukur kami panjatkan kehadrat Allah Yang Maha Esa kerana dengan rahmat, kurnia, serta taufik dan hidayah-Nya kami dapat menyelesaikan susunan buku tentang “Fakta Filem Malaysia 1933 – 2021”. Adalah diharapkan buku ini meskipun banyak kekurangan di dalamnya dapat berguna dalam rangka menambah maklumat mengenai perkembangan filem-filem tanahair.

Maklumat dalam buku ini bermatlamat untuk dijadikan rujukan bagi pencinta filem-filem Melayu dan Malaysia serta pengkaji filem-filem berkenaan.

Ia adalah langkah awal bagi membolehkan peminat seni filem tanahair mengenali watak filem-filem Melayu bermula daripada tahun 1930an – selepas zaman bangsawan hingga ke tahun 2021.

Dengan adanya buku ini para pengkaji boleh mengenalpasti tentang tema-tema yang di paparkan oleh sutradara luar dan dalam dan melihat peringkat demi peringkat pada tahun berikutnya.

Penulis menyedari bahawa makalah ini masih memiliki kekurangan. Oleh kerana itu, saranan dan kritik yang membangun daripada para pembaca yang budiman sangat diperlukan untuk penyempurnaan buku ini pada waktu yang akan datang.

Subang Jaya 28 Ogos 2021.

**Kandungan**

Kata Pengantar	Halaman	3	
Daftar Isi	Halaman	4	
Bab 1	Filem 1930 Hingga 1950	Halaman	5
Bab 2	Filem 1951 Hingga 1960	Halaman	15
Bab 3	Filem 1961 Hingga 1970	Halaman	52
Bab 4	Filem 1971 Hingga 1980	Halaman	96
Bab 5	Filem 1981 Hingga 1990	Halaman	115
Bab 6	Filem 1991 Hingga 2000	Halaman	157
Bab 7	Filem 2001 Hingga 2005	Halaman	200
Bab 8	Filem 2006 Hingga 2010	Halaman	236
Bab 9	Filem 2011 Hingga 2015	Halaman	285
Bab 10	Filem 2016 Hingga 2020	Halaman	372
Bibliografi	Halaman	434	
Profil Penulis	Halaman	435	

## Bab 1 (Filem 1930-an Hingga 1950)



## 1933

### \* LEILA MAJNUN



Filem Melayu pertama di Tanah Melayu ini diterbitkan oleh syarikat Motilal Chemical, yang berasal dari Bombay tetapi beroperasi di Singapura. Watak utama Leila Majnun dibawa oleh seorang pelakon bangsawan yang menjadi pujaan ramai, M. Suki. Seri Panggung bangsawan terkenal di Singapura pada masa itu, Che Fatimah Bt. Jasmin terpilih sebagai wirawati atau Seri Panggung. Che Fatimah juga merupakan penyanyi piring hitam yang terkenal juga menyanyi dalam filem itu. Filem Laila Majnun ini kemudian diterbitkan semula pada tahun 1962 dengan menampilkan pelakon Nordin Ahmad, Latifah Omar.

Penerbit : Chinese JV Motilal Chemical & Co.(Bombay), Singapore

Pengarah : B.S.Rajhans.

Pelakon : M.Suki, Fatimah Jasmin, Syed Ali Mansoor Al Attas.

### \* SAMARANG



Filem ini mengisahkan mengenai seorang penyelam mutiara (Ahmang) yang gagal memikat hati anak gadis ketuanya, tetapi berjaya membunuh seekor jerung ganas yang mengorbankan adiknya. Setelah berusaha, Ahmang kemudian memperolehi banyak mutiara yang membolehkannya memiliki gadis yang dicintainya itu.

Penerbit : United Artists Picture (US).

Pengarah : Ward Wing

Pelakon : Ahmang, Chang-Fu, Mamounah, Ko-Hai & Sai-Yu, Theresa Seth, Captain Cockle.

### \* TIGA KEKASIH

Penerbit : Shaw Brothers Ltd.

Pengarah :

Pelakon : Adik Teruna, Juriah, Tina, Habsah, Mustajab, A. Rahman

## 1937

### \* BERMADU



Ia mengisahkan seorang lelaki kaya berkahwin dua, dan mempunyai dua abang ipar. Isteri pertama hamil dulu. Si suami terpaksa ke England kerana urusan perniagaan. Abang kepada isteri pertama terpaksa ikut. Sepeninggalan mereka, isteri kedua dan abangnya menyeka madunya, kemudian dihalau. Akibat seksaan mereka, anak dalam kandungan isteri pertama meninggal dunia. Isteri pertama merempat di sebuah pondok usang. Bila suami pulang dari England, isteri kedua memfitnah isteri pertama. Setelah 20 tahun berlalu, takdir menemui si suami dan isteri pertama. Apabila cerita sebenar diketahui si suami mengambil tindakan.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Miss Yen & Wan Hai Ling

Pelakon : Aman Belon, Yem,Tina, Habsah, Putih Lawak.

### \* GAGAK HITAM



Filem ini mengisahkan seekor burung gagak yang sesat di dalam hutan untuk mencari tempat bertelur. Gagak sesat ini tidak tahu hendak ke mana dengan tiba-tiba terjumpa sarang burung hantu di dalam hutan tersebut. Oleh kerana gagak yang tidak dapat menahan lagi daripada hendak bertelur maka, gagak itu menggunakan sarang burung hantu itu untuk bertelur. Kisah filem ini menjadi lebih menarik apabila telur burung hantu ini menetas serentak bersama telur burung gagak tadi.

Penerbit : Shaw Brothers Limited

Pengarah : Runme Shaw

Pelakon :

### \* TOPENG HITAM



Filem Topeng Hitam merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Singapura yang ketika itu merupakan sebahagian dari Malaysia pada tahun 1937. Ia merupakan filem Melayu keluaran Shaw Brothers.

Penerbit : Shaw Brothers Ltd

Pengarah : Runme Shaw

Pelakon :

**1938**

### \* BOOLOO

Pegawai British, Robert Rogers, telah menulis buku mengenai harimau putih di Malaya dan Singapura. Namun, para pengkritik (tidak percayakan wujudnya harimau putih) mempersendakan bukunya itu. Oleh kerana buku itu ditulis berdasarkan cerita ayahnya, dia tiada pilihan melainkan dia sendiri ke Malaya dan Singapura bagi membuktikan kesahihan cerita ayahnya - ditambah lagi *London Explorere's Society* mengalihkan plaque ayahnya dari dinding peringatan di bangunannya. Ketika memburu harimau putih itu, Robert Rogers ditangkap oleh orang asli, dicakar harimau, Berjaya menyelamatkan Mamo Clark daripada menjadi korban, pertembungannya dengan ular sawa dan pelbagai cabaran lagi. Akhirnya, Robert Rogers berhasil membuktikan kesahihan cerita ayahnya, dan apabila dia pulang didapatinya plaque ayahnya telah diletakkan semula ke tempat asalnya.

Penerbit : Paramount

Pengarah : Clyde E. Eliot

Pelakon : Colin Tapley, Jayne Regan, Mchio Ito, Herbet DeSouza, Fred Pullenm, Ratna Asmara.

**1940**

### \* MUTIARA



Filem ini mengisahkan mengenai seorang nelayan yang menemui sebuah mutiara besar. Dia kemudian ke bandar menjual mutiara itu kepada seorang ahli perniagaan dengan nilai \$1,000,000. Dia nyaris-nyaris dirompak ketika sedang berseronakan dan menikmati kehidupan di bandar. Kerlipan dan keindahan kota Singapura tidak menarik minatnya, dia lebih selesa hidup sebagai nelayan di kampung. Justeru itu, sebelum pulang ke kampung dia mendermakan kesemua \$1,000,000 tersebut kepada tabung perang, sekolah dan hospital.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Hau Yau & Wan Hai Ling

Pelakon : Miss Tina, Haron, Yem, Habsha, Talip & Noordin.

### 1941

### \* IBU TIRI



Filem ini memaparkan kekejaman seorang ibu tiri yang diadaptasikan daripada sebuah filem Cina.

Penerbit : Shaw Brothers Ltd

Pengarah : Hau Yau & Wan Hai Ling.

Pelakon : Che Tina, Mustajab, Aman Belon, Adi Teruna, Juriah, Haji Gong, Aman, Md. Amin, Hafsaah Buang, Dara, A. Rahman, Putih Lawak.

### \* HANCHOR HATI

Filem ini bertema sedih dan menurut ulasan akhbar Warta Malaya, ramai penonton menitiskan air mata ketika menyaksikannya. Filem ini turut disulami dengan lagu-lagu nyanyian Ahmad C.B dan Miss Rose yang kebanyakannya bercorak sedih dan menyayat hati.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Hau Yau & Wan Hai Ling

Pelakon : Miss Tina, Yem, Putih Lawak, Rose, Ahmad C.B, Haji

Gong, Habsah.



### \* TERANG BULAN DI MALAYA

Filem inspirasi daripada filem Indonesia "Terang Boelan" lakonan Raden Mokhtar dan Rokiah yang mendapat sambutan hangat di box office. Filem ini adalah yang keenam keluaran Shaw Brothers selepas "Mutiara", "Bermadu", "Toping Saitan", "Ibu Tiri" dan "Hanchor Hati". Ia sempat ditayangkan sebelum berlakunya Perang Dunia Kedua. Filem ini ditayangkan serentak di 3 panggung wayang di Singapura, Queens (Geylang), Sun (New World) dan Empire (Tanjong Pagar).

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Hau Yau & Wan Hai Ling

Pelakon : Yem, Tina, Puteh Lawak

### \* TOPING SAITAN



Topeng Saitan merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Singapura yang ketika itu merupakan sebahagian dari Malaya pada tahun 1941. Ia merupakan filem Melayu ketiga keluaran Shaw Brothers. Shaw Brothers telah mengemukakan Momo Latiff sebagai heroine, dan dia digandingkan dengan A. Rahman (atau terkenal juga sebagai Rahman Cantik) sebagai hero. Momo dikatakan pernah berlakon dalam filem keluaran Indonesia dan A. Rahman pula merupakan pelakon bangsawan (opera) yang terkenal dan diminati ramai. Filem ini merupakan filem pertamanya, dan Momo kemudian lebih terkenal sebagai penyanyi dibandingkan pelakon. Poster filem ini menonjolkan pelakon berpakaian seperti koboi dan berkuda. Ia mendapat sambutan hangat di Singapura dan ditayangkan selama kira-kira dua minggu.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Hou Yao

Pelakon : Momo Latiff, Haji Gong, Hapsha, Mimi, Haji Gong, A.Rahman.

**Trivia** - Filem ini merupakan filem Melayu pertama ditayangkan serentak di tiga panggung wayang di Singapura - Queens (Geylang), Sun (New World) dan Globe (Great World).

**1942**

### \* MATA HANTU

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah :

Pelakon : A.Rahman, Yem, Habsah.

### \* MENANTU DURHAKA



Penerbit : Tan Wong Film Company

Pengarah : BS Rajhans

Pelakon : Mokhtar Wijaya, Tarmina, Haris, Yusuf Banjar, Juriah, S. Kadarisman.

**Trivia** : Penggambaran filem ini tergendala akibat Perang Dunia Kedua apabila Jepun menakluki Malaya (Singapura). Ia disambung semula apabila perang tamat. Ia berjaya disiapkan dan ditayangkan kerana iklannya ada tersiar dalam akhbar (Utusan Melayu) mengenai tayangannya.

**1946**

### PERANG DUNIA KEDUA

**1947**

### \* SINGAPURA DIWAKTU MALAM



Kisah mengenai peristiwa yang dialami oleh masyarakat Singapura pada tahun 1947 (selepas Perang Dunia Kedua) pada waktu malam yang indah dan permai terutama di taman-taman hiburan seperti Great World dan New World.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Bachtiar Affendi, Siput Sarawak, Pelakon Bangsawan, Pelakon Indonesia.

### \* SERUAN MERDEKA

Tarikh Tayangan – 16 Ogos 1947



Ia mengisahkan keganasan dan kekejaman tentera Jepun di Singapura ketika Perang Dunia Kedua. Leftenan Rashid memimpin sepasukan gerila bertindak menentang penjajah. Leftenan Rashid yang bertugas di unit semboyan, ditangkap kerana didapati menjadi perisik rahsia tentera Bersekutu. Dia kemudian berjaya melepaskan diri dan menjadi buruan. Di samping itu, ia juga menyelitkan percintaan antara Leftenan Rashid (Salleh Ghany) dengan Zaharah

(Rokiah Hanaffi).

Penerbit : Malayan Arts Production

Pengarah : BS Rajhans.

Pelakon : Salleh Ghani, Rokiah Hanafi, Johar, Siti Tanjung Perak.

## 1948



### \* CHEMPAKA

Cerita mengisahkan kehidupan di sebuah kampung di Sumatra. Panglima Long (orang jahat) dan musuh ketatnya, Panglima Geyu (hero), bertelah merebutkan seorang gadis jelita bernama Chempaka.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Salleh Ghani, Kasma Booty, Yem, Maroeti, Suhara Effendi, Jaffar Wiryo.

### \* CHINTA



Akibat satu pemberontakan, hampir seluruh penduduk di sebuah bandar terbunuh. Antara yang berjaya terselamat ialah seorang hamba yang setia dan seorang tuan puteri kecil. Mereka berdua berjaya mlarikan diri dan dibesarkan di sebuah kampung nelayan. Beberapa tahun selepas itu, Raja yang memerintah di negeri itu mangkat. Puteranya menggantikan tempat baginda. Ketika raja baru itu melawat ke kampung nelayan, dia bersua dengan Tuan Puteri yang sudah dewasa dan jatuh cinta. Mereka gembira selepas mengetahui asal usul masing-masing dan menyelesaikan segala perselisihan yang berlaku dahulu.

Penerbit : Shaw Brothers

Arahan : B.S.Rajhan

Pelakon : S.Roomainoor, Siput Sarawak, P.Ramlee dan lain-lain.

#### \* PISAU BERACHUN



Seorang jutawan yang mana sebelum dibunuhan bertengkar dengan seorang ahli perniagaan. Apabila polis tiba di rumah ahli perniagaan itu untuk menahaninya, dia pula didapati dibunuhan. Polis benar-benar bingung dengan kejadian yang berlaku. Walau bagaimanapun, orang yang membunuhan berjaya diberkas selepas dia melakukan pembunuhan yang ketiga. Dia membuat pengakuan kepada polis, tetapi kemudian mlarikan diri dengan sebuah kereta.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Kasma Booty, Bachtiar Effendi, Yem, Maroeti, Jaffar Wiryo, Johar.

#### \* KAMPUNG SENTOSA



Filem Kampung Sentosa merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Singapura yang ketika itu merupakan sebahagian daripada Malaya pada tahun 1948. Filem ini diterbitkan dalam bentuk filem hitam putih tanpa warna.<sup>1</sup>

Penerbit : American Film Inn /Sound Master New York

Pengarah : B Reaves E Elliot

Pelakon : Mohd Nor Lambak, Raja Hamidah Raja Saat.

**Trivia** - Kehadiran syarikat Sound Master Of New York Ins sekitar 1948 dilihat oleh Onn Jaafar sangat penting kerana pada waktu sama Tanah Melayu terkepit dengan ancaman komunis. Atas inisiatif Onn Jaafar dan rakan baiknya, Syed Alwi Al Hadi, 'empat orang kuat' dari Amerika Syarikat itu termasuk pengarahnya B Reaves E Elliot dibawa ke Johor Bahru sekitar 1948 bagi mencungkil bakat sesuai untuk dijadikan pelakon.<sup>2</sup>

1949

#### \* NASIB



Tiga sekawan Kassim, Puteh dan Baki ternampak sekumpulan lanun mendarat di pantai dan memasuki gua berhampiran. Selepas lanun-lanun itu meninggalkan gua dan menaiki kapal, mereka bertiga menemui harta yang banyak lalu mengambilnya dan menjadi kaya. Sebelum itu, Kassim bakal mewarisi harta pesaka peninggalan bersama abangnya Kalam dan kakak iparnya Zainah. Mereka berdua yang tamak menghalau Kassim dan merampas hartanya.

Penerbit : Shaw Brothers.

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : S. Roomai Noor, Siput Sarawak , Haji Gong, Tina, Daeng Harris, P. Ramlee, Jaafar Wiryo.

<sup>1</sup> Belasungkawa: Perginya sebutir bintang, Oleh Nor Akmar Samudin Diarkibkan 2014-02-24 di Wayback Machine.

<sup>2</sup> Ibid

**\* NILAM**

Seorang pemuda Ahmad, diusir dari kampung halaman angkara fitnah. Ahmad membuat keputusan menjadi kelasi kapal dan belayar ke Mesir dan jatuh cinta dengan Puteri Mesir bernama Nilam. Walau bagaimanapun, hubungan mereka mendapat tentangan Perdana Menteri yang inginkan anaknya Rashid berkahwin dengan Nilam.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : S.Roomainoor, Siput Sarawak, Daeng Idris, P.Ramlee, Siti Tanjung Perak, Neng Yatimah.

**\* NOOR ASMARA**

Omar, seorang guru muzik, mengajar Rokiah bermain biola. Dia jatuh cinta dengan kakak Rokiah yang bernama Zaharah. Percintaan mereka melalui pelbagai cabaran.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : S.Roomainoor, Kasma Booty, Daeng Harris, Baby Mardiana, Siti Tanjung Perak, Jaafar Wiryo, Ahmad CB, Norsiah B.

# 1950

**\* ALOHA**

Satu perayaan besar berlangsung di pulau percutian Pulau Hawaii. Di antara pengunjung ialah saudagar Magoya dan pembantunya Moku. Mereka berkenalan dengan Makali dan Mariyo yang tinggal di situ dan turut menyertai acara yang disediakan. Makali mempunyai seorang anak gadis yang cantik bernama Aloha. Mariyo dan Aloha saling menyintai tetapi saudagar Magoya turut menaruh perasaan terhadap Aloha. Saudagar Magoya mengugut bapa Aloha iaitu Makali untuk merestui perkahwinan mereka kerana saudagar Magoya tahu bahawa Makali sebenarnya adalah bekas lanun yang dikehendaki dan pernah terkenal dengan nama

Sankali.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : Mariam, Osman Gumanti, P.Ramlee, Jaafar Wiryo, Roseminah, Siti Tanjung Perak, Daeng Idris, Daeng Harris, AR Tompel, S.Shamsuddin.

### \* BAKTI



Orang Kaya Ibrahim terlalu memanjakan anak lelakinya Hassan. Dengan persetujuan anak perempuannya, Saadiyah Orang Kaya Ibrahim mengambil kanak-kanak miskin bernama Nasir sebagai anak angkat. Saadiyah sangat sayang kepada kanak-kanak itu, tetapi Hassan membencinya. Hassan dan Nasir selalu bergaduh. Apabila dewasa, Hassan mempunyai seorang kekasih rahsia - seorang mata duitan bernama Edah. Hassan mencuri barang kemas milik ibunya yang baru meninggal dunia dan dihadiahkannya kepada Edah. Hassan menyuruh Edah menulis

surat kepada Nasir menyatakan perasaan terima kasihnya di atas pemberian hadiah itu. Apabila bapa mereka mengetahui perkara itu, Nasir disoal dan akhirnya membawa diri meninggalkan rumah. Nasir kemudiannya berjaya menjadi seorang pemuzik terkenal sementara Hassan dipenjarakan selama dua tahun atas kesalahan mencuri rantai leher adiknya.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd (MPF)

Pengarah : L.Krishna.

Pelakon : S.Roomainoor, Kasma Booty, P.Ramlee, Siput Sarawak.

### \* DEWI MURNI



Raja Indraloka menemui gadis kampung Dewi Murni ketika memburu rusa di hutan lalu berkahwin dengannya. Dengan tipu helah Datuk Menteri Besar kerana berkehendakkan Raja berkahwin dengan anaknya, Chitrawati, dia menggunakan sihir untuk Raja melupakan Dewi Murni yang dikahwininya. Kemurjaban sihir akan menjadi sia-sia sekiranya cincin Raja yang kini dipakai Dewi Murni masih ada, dan kerana itu Datuk Menteri Besar mengarahkan orang suruhannya mengambilnya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : Osman Gumanti, Kasma Booty, D.Harris, A.R.Tompel.

### \* KEMBAR



Asmah & Asiah adalah dua beradik kembar seiras. Ketika menghadiri satu perayaan Asmah hilang. Seorang tua menemui Asmah dan memeliharanya. Ketika meningkat dewasa Asiah menjadi penari sementara Asmah tinggal di Kampung. Asmah mencintai seorang pemuda Bashir, seorang anak orang kaya dari kota. Apabila Asmah berpindah, Bashir tidak berjaya menemuinya – namun bertemu pula dengan kembarnya Asiah.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : M.Amin, Mariam, D.Harris, Siti Tanjung Perak.

### \* PEMBALASAN



sumpahan itu kembali menjadi manusia semula. Akhirnya mereka telah jatuh cinta.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : S.Roomai Noor, Siput Sarawak, Rokiah.

Seorang ibu tiri yang jahat membuat sumpahan kepada anaknya sendiri sehingga menjadi monyet. Anaknya lari ke hutan sehingga menemui sebuah istana tempat tinggal Puteri Jasmin. Monyet sumpahan itu terpikat pada kejelitaan dan kemerduan suara Puteri Jasmin. Dia selalu mengawasi istana. Pada satu hari Puteri Jasmin diculik kerana rancangan jahat kakak kandungnya sendiri yang cemburukan Puteri itu. Tapi malangnya rancangan jahatnya tidak berjaya kerana monyet itu menyelamatkan Puteri Jasmin dan membawa lari jauh dari istana. Dengan bantuan seorang Tok guru akhirnya monyet

### \* RACHUN DUNIA



Jamal mewarisi perniagaan ayahnya menjadi saudagar getah terkenal dan hidup bahgia bersama anak perempuannya Mardiana dan isterinya yang setia, Aminah. Suatu hari wakil insurans (Harun) bertemu dengan ayah Jamal (Kamil) untuk menjual polisi insurannya tetapi ditolak. Walau bagaimanapun, Jamal menunjukkan minatnya terhadap insuran itu. Berikutan pengenalananya dengan Harun, Jamal dibawa berkenalan dengan teman wanita Harun (Aishah) dan rancangan dibuat untuk mempengaruhi Jamal dengan tujuan untuk membolot harta kekayaan yang diwarisinya. Jamal berjaya dipikat oleh Aishah dan mula pula mengabaikan tugasnya di pejabat dan terhadap isteri dan anaknya. Jamal meminta Aishah berkahwin dengannya dan sanggup menceraikan Aminah. Ayahnya yang tidak bersetuju Jamal berkahwin dengan Aishah dan bertindak mengusir Jamal keluar dari rumah di samping meninggalkan Aminah dan anaknya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Osman Gumanti, Kasma Booty, Siput Sarawak, P.Ramlee.

### \* TAKDIR ILAQI



Khatijah, seorang ibu tiri yang tamak harta dan gila kuasa, sentiasa merasa tergugat dengan kehadiran anak tirinya Fatimah. Sewaktu ketiadaan suaminya, Khatijah mengupah seseorang untuk membunuh Fatimah. Tetapi Fatimah berasas baik kerana orang itu bersimpati dengannya. Sebaliknya, dia mengambil keputusan untuk memotong tangan Fatimah yang akan ditunjukkan kepada Khatijah sebagai bukti Fatimah sudah dibunuhnya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan


Pelakon : P.Ramlee, Neng Yatimah, D.Harris, A.R.Tompel, Siti Tanjong Perak.

## Bab 2 (Filem 1951 Hingga 1960)



**1951**

**\* ANGIN BERPESAN**



Kehidupan sebuah keluarga terumbang ambing, akibat seorang ayah yang pergi ke laut menangkap ikan tetapi kemudian tidak pulang-pulang.

Penerbit : Nusantara Film

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : S.Kadarisman, Nuraini Muti, Daeng Idris.

**\* BAPA SAYA**



Osman Gumanti.

Ia mengisahkan mengenai peranan seorang bapa sebagai ketua keluarga menguruskan rumah tangga dengan adil dan bijaksana. Kebijaksanaannya menangani keperluan setiap ahli anggota keluarganya cukup tegas. Baik bersama isterinya yang memiliki pelbagai karenah serta anak-anaknya yang sentiasa bertengkar dan orang-orang gajinya yang bergaduh sesama sendiri.

Penerbit : Nusantara Film

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : A.R Tompel, Siti Tanjung Perak, Neng Yatimah,

**\* BERDOSA**

Salmah (Siput Sarawak) berusaha memikat Osman (Yem) dengan mengatakan Rosnah (Neng Yatimah) isterinya berlaku curang terhadap suaminya. Salmah dibantu oleh ibunya berniat untuk memusnahkan rumah tangga Rosnah dan Osman. Salmah berjaya menghasut Osman untuk menceraikan isterinya. Rosnah yang berbadan dua kemudianya dipelihara oleh Ahmad (Daeng Harris) dan isterinya Siti (Siti Tanjung Perak) selamat melahirkan seorang bayi perempuan bernama Meriam. Manakala Osman pula mengahwini Salmah.

Penerbit : Malay Film Productions (MFP)

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : S.Roomai Noor, Neng Yatimah, Siput Sarawak, Rokiah, Yem, Siti Tanjung Perak, Baby Mardiana, Hariss.

**\* DERITA**

Penerbit : Malay Film Production

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Ali Rahman, Neng Yatimah, Mariam, A.Rahim.

### \* JUWITA



Seorang penggubah lagu terkenal – Abidin, pulang ke kampung selepas lima tahun meninggalkannya. Dia terkejut apabila mendapati kekasihnya Juwita telah buta. Abidin berusaha mengembalikan penglihatan Juwita. Dalam pada itu, Hassan, teman baik Abidin juga menyimpan perasaan cinta terhadap Juwita.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : P.Ramlee, Kasma Booty, A.Rahim, Salmah, Saadiah, Daeng Harris, Siti Tanjung Perak.

### MANUSIA

Penerbit : Shaw

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Omar Rojik, Kasma Booty, Jaafar Wiryo, Jaafar Shah, Zainab, Hashimah Yon.

### \* PELANGI



Ismail Kassim melarikan diri dari kampung kerana dipaksa menikahi sepupunya, Nona Asiah. Di Singapura dia bekerja sebagai penyanyi di sebuah restoran dan jatuh cinta dengan penyanyi wanita (Eloni Hayat) yang turut bersamanya sebagai penyanyi di restoran itu. Nona Asiah turut ke Singapura dan kebetulan pula diterima bekerja sebagai penyanyi di restoran yang sama. Ismail Kassim kemudian jatuh cinta dengan Nona Asiah.

Tambah merumitkan keadaan apabila pengurus Restoran (S. Naneng) turut jatuh cinta dengan Nona Asiah.

Penerbit : Nusantara Film

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Ismail Kassim, Nona Asiah, Eloni Hayat, S.Naneng, Salmah Ismail, Mustarjo Kamsani.

### \* PENGHIDUPAN



Jaafar, seorang kaya bersama isterinya Rubiah dan adik iparnya Salim tinggal di Katong, Singapura. Rubiah menerima surat daripada datuknya di Johor memintanya datang melawat. Oleh kerana tiada siapa untuk menjaga rumah, Rubiah menyuruh Salim ke Johor menggantikannya. Di rumah Datuknya, Salim bertemu seorang gadis, Salbiah di mana keluarga Salbiah terlalu banyak berhutang hingga tidak mampu membayar kembali wang yang dipinjam daripada seorang Sikh. Bagi menebus hutang, Salbiah mahu dikahwinkan dengan Sikh itu. Salim bersympati dengan Salbiah dan berjanji membantunya menjelaskan segala hutang keluarganya. Salbiah yang terlalu percaya dengan janji Salim yang disangkakannya ikhlas dengan rela hati menyerahkan tubuhnya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : P.Ramlee, Rokiah Jaafar, Maria Menado, Daeng Harris, Siti Tanjung Perak, Ulong Jawa.

### \* PERKAHWINAN RAHSIA



Filem Perkahwinan Rahsia diarah oleh pengarah Hsu Chiao Meng dibantu oleh A. R. Tompel dan ditayangkan pada 1951.

Penerbit : Run Run Shaw

Pengarah : Hsu Chiao Meng

Pelakon : S.Kadarisman, Eloni Hayat, Daeng Harris.

### \* PULAU MUTIARA



Penerbit : Malay Film Productions (MFP)

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Osman Gumanti, Maria Menado, A.R.Tompel, Siti Rohani.



### \* RAYUAN SUKMA

Ia mengisahkan mengenai percintaan Mahadi dan Marliah yang berkawan sejak di bangku sekolah. Hubungan mereka dicemburui Musa sehingga mereka dewasa. Mahadi kemudiannya bekerja di Pulau Pinang. Musa pula berniat jahat dengan menyimpan semua surat yang dikirimkan Mahadi untuk Marliah. Musa merancang berkahwin dengan Marliah tanpa pengetahuan Mahadi. Akhirnya bapa Marliah bersetuju mengahwinkan anaknya dengan Musa. Apabila Mahadi pulang dengan harapan untuk bertemu Marliah. Di hari majlis perkahwinan antara Musa dan Marliah berlaku percaduhan di antara Musa dan bapa Mahadi sehingga Musa terbunuh.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Haji Mahadi, Rosenani, Habsah, Salbiah.

### \* SEJOLI



Zubaidah berkahwin dengan seorang pemuda yang tidak bertanggungjawab, Ismail. Ismail kemudiannya meninggalkan rumah tanpa sebab walaupun Zubaidah ketika itu sedang hamil. Selepas pemergian Ismail, sahabatnya Mustar sering ke rumah Zubaidah dengan niat jahat. Zubaidah berasa terhina lalu menghalau Mustar keluar daripada rumahnya. Mustar keluar dengan perasaan marah dan menghasut tuan punya rumah agar menghalau Zubaidah dari rumah itu. Akhirnya Zubaidah hidup merempat. Setelah melahirkan kandungannya, Zubaidah meninggalkan anaknya Mariam dalam kebun bunga seorang kaya bernama Ibrahim, oleh kerana tidak mampu menjaga anaknya .

Penerbit : Malay Film Productions (MFP)

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : P.Ramlee, Rosenani, A.Rahim, Saadiah, Kasmah Booty, Neng Yatimah, Daeng Idris, S.Shamsuddin, M.Amin & Siti Tanjung Perak.



#### \* SHORGIA DUNIA

Penerbit : Malay Film Productions (MFP)

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon : Jaffar Shah, Rokiah Jaffar, Musalmah, M.Shariff.

**1952**

#### \* ALADIN



Aladdin menemui seorang ahli nujum yang mengaku dia adalah bapa saudaranya. Ahli nujum itu membawanya ke sebuah gua untuk mengambil lampu ajaib. Aladdin mengambil lampu itu, tetapi ahli nujum itu hanya ingin lampu itu tetapi Aladdin tidak memberikannya dan Aladdin ditimbus di dalam gua itu. Aladdin meminta pertolongan jin di dalam lampu ajaib itu untuk pulang ke rumah.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Ali Rahman, Mariam Rahim, Jaffar Shah, S.Shamsuddin dan Nordin Ahmad.

#### \* ANJURAN NASIB

Maimun seorang penyanyi menolong seorang pencuri tanpa mengetahui pencuri itu dikehendaki polis. Pencuri itu sebenarnya adalah bapanya-Kamal yang mencuri beg beserta wang milik Haji Salleh yang diamanahkan kepada kawanya Sidek untuk diserahkan kepada anaknya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : P.Ramlee, Mariam, Harun Omar, D.Harris, Saadiah, R.Azmi, Omar Rojik, Musalmah, Marliah, Saamah.



#### \* ANTARA SENYUM DAN TANGIS

Abidin, seorang jurutera di sebuah lombong milik Hamid - seorang yang kedekut. Hamid mempunyai seorang anak perempuan, Maimun yang cintakan Abidin. Satu kemalangan berlaku di lombong dan mengorbankan seorang pekerja. Hamid tidak mahu membayar pampasan kepada keluarga pekerja itu. Abidin yang kesal dengan tindakan majikannya mengambil keputusan berhenti. Maimun begitu sedih dengan keputusan Abidin. Abidin bekerja di lombong yang baru dibuka oleh kawan baiknya Nasir. Abidin juga berkahwin dengan Faridah.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : P. Ramlee, Rokiah Jaafar, Musalmah, M. Amin, Yusuf Banjar, Siti Tanjong Perak, Saamah, Zaitun.

#### \* DIAN

Penerbit : Ong Keng Huat - Nusantara Film

Pengarah : Phani Majmudar

Pelakon : Aziz Jaffar, Zaiton, S.Kadarisman, Haji Mahadi.

**\* GADIS PELADANG**

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : BS Rajhans

Pelakon : Yusof Latiff, Neng Yatimah, Maria Menado, Daeng Harris, Omar Rojik, Salleh Kamil, Marliah, Jamil Sulong.

**\* JIWA LARA**

Seorang pelakon berjaya - Osman membawa isterinya Fatimah dan anak-anak ke kampung menemui orang tuanya. Mereka diterima baik oleh keluarga. Di sana mereka diperkenalkan dengan Salbiah – seorang penari dan penyanyi hebat yang tinggal bersama keluarganya. Apabila Osman dan Fatimah kembali ke Singapura, Salbiah turut serta. Osman mula menaruh hati dengan Salbiah dan ini mencetuskan masalah keluarga bersama isterinya Fatimah.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Osman Gumanti, Rokiah Jaffar, Neng Yatimah.

**\* LUPA DARATAN**

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Omar Rojik, Rosenani, Jamil Sulong, Haron Omar.

**\* MISKIN**

Kamil bekerja di rumah Yusof seorang hartawan sebagai pencuci kereta sambilan untuk menampung kehidupannya bersama ibunya Rokiah. Anak Yusof, Jamilah jatuh cinta pada Kamil. Pada suatu hari, apabila rumah di mana Kamil dan ibunya tinggal, dibuang atas arahan Yusof, dengan alasan untuk menggantikannya dengan yang baru. Malangnya, apabila rumah itu tidak diperbaikti. Jamilah yang bersimpati terhadap Kamil menyerahkan barang kemasnya kepada Kamil untuk digadai supaya rumah itu dibaiki. Zakaria, anak saudara Yusof melihat Kamil menerima barang kemas itu dan menyampaikan berita yang Kamil kononnya merampas barang itu daripada Jamilah. Kamil ditangkap dan dibawa ke muka pengadilan.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : P.Ramlee, Rosenani, Musalmah, Jamil Sulong.

**\* NORMA**

Penerbit : Ong Keng Huat - Nusantara Film

Pengarah : A.R.Tompel

Pelakon : S.Kadarisman, A.R.Tompel, Salmah Ismail, Salbiah Harun.

**\* PACHAR PUTIH**

Penerbit : Ong Keng Huat - Nusantara Film

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : S.Kadarisman, Normadiyah, Junaiah, A.Rahim, Daeng Idris.

### \* PATAH HATI



Kasim, seorang pemuda yang rajin ketika di sekolah, namun bapanya Hasan tidak mampu menanggung perbelanjaannya belajar keluar negara. Sahabat karib Hasan, Sidek membantu Hasan dengan membiayai pengajian Kasim. Setelah lulus Kasim pulang ke tanahair. Hasan dan Sidek bertolak dari KL ke Singapura untuk menyambut kepulangan Kasim. Sebelum bertolak ke KL, Kasim mengunjungi kedai bunga dan jatuh hati dengan gadis jurujual bernama Rahimah. Mereka berkenalan sehingga timbul perasaan cinta. Oleh kerana itu, Kasim lebih selesa tinggal di Singapura walaupun sering didesak bapanya pulang ke KL.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : P.Ramlee, Neng Yatimah, Musalmah, Mohd Hamid, Jamil Sulong , Marliah Ahmad, Aini Jasmin, Ahmad Chetty.

### \* PERMATA DI PERLIMBAHAN



Seorang pelanggan tetap sebuah kelab malam, Yusof jatuh hati pada seorang penyanyi kelab malam Fatimah. Namun, Fatimah menolak kerana Yusof seorang yang berperangai agresif dan kasar. Yusof sengaja memperkenalkan majikannya, Abdullah kepada Fatimah untuk melihat reaksi Fatimah. Abdullah sebenarnya telah berkahwin tetapi hubungan dengan isterinya tidak bahagia. Fatimah jatuh hati pada Abdullah dan hubungan mereka menjadi lebih intim. Yusof iri hati lalu memberitahu isteri Abdullah, Fauziah. Fauziah berkenalan dengan Fatimah dan mendapati Fatimah bukanlah seperti yang dikhabarkan oleh Yusof. Yusof menjadi lebih sakit hati melihat mereka akrab lalu meracuni minuman Fatimah. Malangnya minuman itu diminum oleh Fauziah.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Haji Mahadi

Pelakon : Nordin Ahmad, Maria Menado, Salmah Ibrahim, J.Husny, Suud Jr, Rokiah Jaafar.

### \* RAMLI RAMLAH

Penerbit : Keris Film Production

Pengarah : Jaafar Wiryo

Pelakon : Rosini, Ahmad Shah, Tuminah.

**Trivia** - Jaafar Wiryo merupakan pengarah filem pertama bagi Cathay-Keris Film Productions, iaitu filem Ramli Ramlah.

### \* SENEATI

Penerbit : Nusantara

Pengarah : A.R.Tompel

Pelakon : A.Bakarrudin, Normadiah, A.R.Tompel, S.Kadarisman, Junaidah, Daeng Idris.

**\* SESAL TAK SUDAH**

Penerbit : Nusantara Film  
 Pengarah : A.R.Tompel  
 Pelakon : A.R.Tompel, Ratna Si, Salmah Ismail, Daeng Idris, Salbiah Harun, R. Suriani.

**\* SETIA**

Penerbit : Ho Ah Loke - Keris Film Production

Pengarah : AS Simons

Pelakon : Rosini, Ahmad Mahmud, M. Amin.

**TrivIA** - Ia merupakan filem pertama keluaran Cathay-Keris Film Productions setelah ia ditubuhkan.

**\* SEDARAH**


Hassan seorang kelasi kapal meninggalkan isterinya Rubiah yang hamil untuk belayar. Semasa ketiadaannya, rumahnya terbakar. Rubiah yang disangkakan meninggal dunia, ditemui tidak sedarkan diri oleh seorang lelaki yang membawanya ke Pulau Pinang. Di sana, Rubiah melahirkan seorang anak lelaki bernama Harun. Hassan yang memulakan hidup baru berkahwin dengan seorang gadis di Jakarta. Mereka berpindah ke Singapura di mana isterinya melahirkan seorang anak lelaki bernama Hashim. Hassan kini mempunyai jawatan yang tinggi di syarikat perkapalan tempatnya bekerja. Apabila dewasa, Hashim mengambil alih tugas Hassan. Harun mengambil keputusan ke

Singapura bagi menjadi kelasi kapal. Di Singapura, Hassan dan Hashim menerima Harun untuk bekerja di atas kapal 'Juwita' tanpa mengetahui bahawa Harun mempunyai pertalian darah dengan mereka.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : P.Ramlee, Rosenani, A.Rahim, Saadiah.

**\* TAS TANGAN WANITA**

Mardiana bertemu kasih dengan seorang jejaka Dr. Firdaus yang membantu menyelamatkan keadaan bapanya yang tenat. Pada waktu yang sama, timbul satu konflik dalam keluarga Mardiana sehingga menimbulkan satu suasana yang tegang.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Osman Gumanti, Maria Menado, Neng Yatimah.

**\* YATIM PIATU**

Aminah - seorang anak yatim piatu yang berperangai buruk dan biadab. Aminah berkenalan dengan Rohana yang berjanji untuk mendidiknya menjadi seorang manusia sejati. Peluang keemasan yang ditawarkan oleh Rohana tidak digunakan sepenuhnya kerana Aminah tetap dengan perangai lamanya. Keluarga Rohana terpaksa menghantar Aminah semula ke rumah anak yatim.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Yusof Latiff, Rokiah Jaafar, Saadiah, Harun Omar, Mariani.

**1953**



**\* AIR MATA**

Seorang ayah kehilangan anak lelakinya, Rashid. Ayahnya mengetahui kewujudan anaknya apabila cuba mengenali seorang perempuan bernama Hasnah yang juga ingin dikenali oleh anaknya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Ahmad Mahmood, Rosnani, Siti Tanjong Perak, Mustarjo, Habibah.

**\* BERBAHAGIA DI SINGAPURA**

Penerbit : Keris Film Production

Pengarah : Jaafar Wiryo

Pelakon : Siti Hanim, Rohaya, M. Amin

**\* BUDI MULIA**

Penerbit :

Pengarah :

Pelakon :



**\* BULOH PERINDU**

Isteri sultan dan isteri di kalangan pembesar istana melahirkan anak lelaki pada hari yang sama. Dua putera itu ditukarkan sebagai usaha untuk merampas kuasa sultan. Putera sebenar (Shariff Medan) dibesarkan di sebuah kampung dan kemudian jatuh cinta dengan gadis jelita kampung itu, Rusini. Putera palsu (Bakar Rudin) yang bersikap bengis dan kejam tertarik hati dengan Rusini tetapi tidak mendapat layanan. Sekumpulan gajah menyerang kampung itu, dan penduduknya diselamatkan oleh putera sebenar manakala putera palsu lari menyelamatkan dirinya. Peristiwa itu membawa kedua mereka (bagi menentukan siapa berhak menaiki takhta) beradu kekuatan bersilat yang mana putera sebenar memenangi perlawanan. Akhirnya, putera palsu tewas dan rancangan untuk menjatuhkan sultan pun terungkai. Putera sebenar kemudian ditabalkan menjadi sultan.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : BS Rajhans

Pelakon : Rosenani, Shariff Medan, Bakarudin, M. Amin, Momo Latif, Norsiah Yem.

**\* CHEMBURU**

Kisah percintaan tiga segi antara Rosnah, Nasir dan Mariana. Rosnah dan kakaknya, Mariana, mencintai Nasir. Rosnah tidak tahu Mariana mencintai Nasir begitu juga sebaliknya. Begitupun juga, Nasir mencintai Rosnah melebihi cintanya kepada Mariana. Rosnah pula bukan saja dicintai oleh Nasir tetapi dicintai Encik Sulong, orang kaya. Encik Sulong berhasrat menjadikan Rosnah isterinya.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Yusuf Latiff, Rosenani, Mariani, Nordin Ahmad, Siti Tanjong Perak, Haji Mahadi.

### \* CINTA ABADI

Penerbit : Cathay  
 Pengarah : L.Krishnan  
 Pelakon : Salleh Ghani, Maria Menado.

### \* DAHLIA



Penerbit : Cathay Keris Film  
 Pengarah : B.S.Rajhan  
 Pelakon : Shariff Medan, Baharuddin, Norsiah, Yem, Rosini

### \* HATI IBLIS



Ramlan selalu mengirim surat dan money order tetapi tidak pernah sampai ke tangan Aini. Gayah mengambil semua wang itu. Lebih malang bila Aini diusir dari kampung atas satu lagi fitnah.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd  
 Pengarah : KM Basker  
 Pelakon : Ali Rahman, Aini Hayati, Jamil Sulong, Salmah Ibrahim, Daeng Harris, Annie Jasmin.

### \* HUJAN PANAS



Amir seorang pelayan restoran bercita-cita menjadi pengubah lagu. Dia meminati Aminah, seorang penyanyi di tempat kerjanya. Amir meminta Aminah menyanyikan lagu-lagu ciptaannya tetapi Aminah tidak berminat. Hasnah, juruwang di restoran itu bersimpati terhadap Amir yang dikhianati oleh Aminah apabila Amir menyatakan rasa cintanya pada Aminah. Dalam diam, Hasnah turut menyimpan perasaan terhadap Amir. Pada suatu hari, sorang pemilik opera bernama Zakaria mengunjungi restoran itu dan terdengar lagu-lagu ciptaan Amir, lalu mempelawanya bekerja di tempatnya.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd  
 Pengarah : B.N Rao  
 Pelakon : P. Ramlee, Siput Sarawak, Aini Hayati, Baby Zarina, Haji Mahadi, Mustarjo, Malik Sutan Muda.

**\*IBU**



Raiha - seorang ibu buta tinggal bersama anaknya Raimy yang meminati muzik. Raimy bercita-cita menjadi seorang pemain trumpet ternama seperti Zulkifli. Nasib menemukan kedua peminat seni ini dengan Zulkifli yang mengajar Raimy untuk mencapai cita-citanya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : P.Ramlee, Neng Yatimah, Rosenani, Aini Hayati.

**\* ISTANA IMPIAN**



Pasangan Salim dan Sapiyah mencintai satu sama lain. Namun, mereka malu meluahkan perasaan masing-masing. Sementara itu, Sulung, seorang yang baru memiliki kekayaan menjadi bongkak dan sering menghina orang yang tidak setaraf dengannya. Zaiton, seorang penyanyi dan rakan kongsinya cuba menipu dan membolot harta Sulung.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : V.Gerimajy

Pelakon : Ahmad Mahmood, Neng Yatimah, Saadiah, S.Shamssuddin, Mariani, Haji Mahadi, Omar Rojik, Salleh Kamil.

**\* KERANA KAU**

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.R.S.Sastry

Pelakon : Mohd Hamid, Mariam, Saadiah, Omar Rojik, Daeng Hariss.

**\* MANGSA**

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Yusof Latiff, Siput Sarawak, Ahmad Mahmood, Mariani, Salleh Kamil.

**\* NELAYAN**

Filem Nelayan merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia pada 1953.

Filem Nelayan diterbitkan dalam bentuk filem hitam putih.

Penerbit : Cathay Keris Film

Pengarah : Jaafar Wariyo

Pelakon : Salleh Ghani, Umi Kalsum, Jaafar Wiryo.

**\* PUTUS HARAPAN**



Hashim, pemilik sebuah kilang yang besar mempunyai dua anak, Fatimah dan Osman dan seorang anak angkat bernama Yusuf yang kehilangan bapanya dalam kemalangan di kilangnya. Isteri Hashim tidak suka Yusuf dan melarang anak-anaknya bergaul dengan Yusuf. Namun, Fatimah yang mewarisi sifat penyayang ayahnya sering memberi semangat kepada Yusuf yang sering menyesali nasibnya sebagai anak yatim. Walaupun begitu, Yusuf merupakan seorang pelajar pintar di sekolah. Apabila Hashim meninggal dunia, nasib malang menimpah Yusuf. Walaupun Hashim meninggalkan harta yang mencukupi serta wasiat untuk menjaga kebaikan Yusuf, ibu angkat Yusuf bertindak memberhentikan persekolahannya.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : BN Rao

Pelakon : P.Ramlee ,Yusuf, Rokiah Jaafar, Fatimah, Musalmah, Nordin Ahmad, Salleh Kamil, Mariani, Aini Jasmin & Aziz Satar.



### \*RAJA SEHARI

Penerbit : B.S.Rajhan

Pengarah : B.S.Rajhan

Pelakon : Ali Rahman, Mariani, D.Harris, Saadiah.

**TriviA** - Sesudah menyiapkan filem Raja Sahari, Ho Ah Loke telah menarik B.S.Rajhans ke Keris Film untuk mengarahkan filem Buloh Perindu, yang merupakan filem

Melayu pertama diterbitkan dalam bentuk warna.

### \* SANGSARA

Seorang pekerja di sebuah kedai emas dituduh membunuh majikannya. Anak perempuannya dan seorang kana-kanak yang dibelanya menjadi pasangan kekasih. Anak perempuannya kemudian menyedari bahwa bapanya difitnah dan berusaha menuntut bela.



Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Yusof Latiff, Neng Yatimah, Siput Sarawak, Daeng Idris.

### \* SIAPA SALAH



Salim dan isterinya Aminah dan anaknya Jamil hidup mewah di sebuah rumah besar di Kuala Lumpur. Orang gaji mereka, Yatimah mempunyai seorang anak perempuan bernama Noorma. Jamil dan Noorma berkawan rapat hingga akhirnya mereka bercinta. Ketika Jamil sakit kepala Noorma datang memiciti kepalanya. Salim terkejut melihat Noorma dan Jamil berdua-duaan. Salim begitu marah dengan perbuatan Noorma

lalu menghalau dia dan ibunya dari rumah itu

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : P.Ramlee, Neng Yatimah, Daeng Idris, Normadiah, Siti Tanjong Perak, Haji Mahadi, Salleh Kamil, Marlia.

### \* UNTUK SESUAP NASI

Penerbit : Ho Ah Loke - Rimau Film Production Ltd

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, R. Suriani, Mustapha Maarof, Raden Tuminah.

1954

### \* ARJUNA

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : V. Girimaji

Pelakon : Ahmad Mahmud, Rokiah Jaafar, Nordin Ahmad, Aziz Satar, Aini Hayati, Daeng Harris, Mustarjo, Malik Sutan Muda.

### \* CINTA ABADI (KEMBALI KE DESA)

Penerbit : Keris Film Production

Pengarah : S. Roomai Noor, Sho Wee Gok, Jaafar Wiryo (*Pengarah Asal*)

Pelakon : Mislia, Salleh Ghani.

#### \* GELORA HIDUP

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : Yusof Latiff, Rosenani, Musalmah, S.Kadarisman, Nordin Ahmad.

#### \* IMAN



Seorang Tok Guru tua yang bosan membuat kebajikan dan mengabaikan kenikmatan dunia, cuba membunuh diri dengan meminum racun. Tetapi belum sempat dia berbuat demikian, Iblis menjelma menyelamatkan dan terus memujuk supaya menjadi pengikutnya dan berjanji akan memberi segala kemewahan dan apa saja yang dimahunya.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : K.R.S.Sastry

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Haji Mahadi, Mariani, Neng Yatimah, Jins Shamsuddin.

#### \* INSAF

Penerbit : Keris Filem

Pengarah : B.S.Rajhans

Pelakon :

#### \* JASA

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Yusof Latiff, Mariam, S.Kadarisman, Salmah Ibrahim, Ali Rahman, A.Rahim, Saadiah, Aziz Star.

#### \* KECHEWA



Seorang gadis gelandangan bernama Kesuma (Mariam Baharum) datang ke pusat hiburan untuk mencari pekerjaan. Mokhtar yang memperkenalkannya kepada Khatijah (Salmah Ibrahim). Khatijah menawarkan pekerjaan kepada Kesuma sebagai pembantu di rumahnya. Manakala, Yusof (Yusof Latiff) pula merupakan suami kepada Khatijah, seorang yang miskin hidupnya dan tidak pernah disayangi oleh Khatijah. Hasil perkahwinan bersama, mereka dikurniakan seorang anak perempuan bernama Rafaeh (lakonan semasa dewasa Saadiah) Lama kelamaan, Yusof mulai jatuh cinta terhadap Kesuma dan ini membuatkan Mokhtar (S. Kadarisman) adik kepada Khatijah cemburu kerana dia menaruh hati terhadap Kesuma yang menolak cintanya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Yusof Latiff, Mariam, S.Kadarisman, Salmah Ibrahim, A.Rahim, Salleh Kamil, Ibrahim Pendek, H.M.Rohaizad..

#### \* KELUARGA TOLOL

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Aziz Sattar, Siti Tanjong Perak, Normadiah, S.Shamsuddin, Ibrahim Pendek.

#### \* MERANA



Dua beradik, Amir dan Faridah tinggal bersama ibu mereka di rumah besar di sebuah kampung di Ipoh. Amir dihantar ibunya ke rumah bapa saudaranya di Taiping dengan harapan supaya Rosini, sepupu Amir, dapat memikatnya dan dengan demikian dapat memastikan segala harta berada dalam lingkungan keluarga. Ibunya kecawa kerana Amir pulang dengan cerita yang berlainan. Bukan Rosini yang dipilihnya untuk dijadikan teman hidup tetapi seorang gadis kampung bernama Aminah. Walaupun terdapat halangan yang dirancang oleh ibunya, Amir dan Aminah akhirnya berkahwin. Malangnya, pada hari Amir membawa isterinya ke rumah, kakaknya Faridah yang sentiasa menyebelahinya mengalami kemalangan dan meninggal dunia.

Penerbit : Shaw

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : P.Ramlee, Latifah Omar, Siti Tanjong Perak, Mariani, Aini Hayati, Musalmah.

#### \* NAFSU

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Maria Menado, Osman Gumanti, Rosini, M. Amin.

#### \* PANGGILAN PULAU



Seorang pengembala kuda miskin, Zulkiflee jatuh cinta dengan anak bosnya - Jelita tetapi tidak diperkenan oleh bapa wanita itu, Johan. Tetapi setelah dia dihina oleh Johan dan rakannya Husin, Zulkiflee berhenti kerja dan mencuba nasib sebagai kelasi kapal. Apabila kapal yang dinaikinya karam, Zulkiflee terdampar di sebuah pulau. Dengan bantuan penghulu pulau itu, Zulkiflee pergi mencari harta karun. Lama-kelamaan, Zulkiflee memutuskan untuk kembali mencari Jelita.

Penerbit : Malay Film Productions.

Pengarah : S. Ramanathan

Pelakon : P.Ramlee, Zulkifli, Normadiah, Yusof Latiff, A. Rahim, Nordin Ahmad, S.

Kadarisman, Salleh Kamil, Latifah Omar, Melati, Ibrahim Pendek, Daeng Idris, Omar Rojik.

#### \* PAWANG

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : KM Basker

Pelakon : Haji Mahadi, Rosnani Jamil, Daeng Idris, Omar Rojik, Musalmah, S.

Shamsuddin, Jamil Sulong.

### \* PERJODOHAN



Sepasang suami isteri Rashid dan Habibah mempunyai seorang anak bernama Johan. Rumah tangga Rashid dan Habibah terumbang-ambing akibat tiada persefahaman. Rashid sering mengadu tentang masalahnya kepada rakan-rakannya di pejabat, dan rakannya Yaakob sering menasihatkan Rashid agar bersabar. Habibah juga mengadu kepada Mak Longnya dengan mendakwa diperlakukan seperti hamba di rumah dan mahukan kebebasan.

Habibah meminta Mak Longnya mencarikannya kerja sebagai guru jahit. Rashid begitu marah apabila mengetahui Habibah bekerja tanpa keizinannya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : P.Ramlee, Normadiah, Nordin Ahmad, Aini Hayati, Mariani, Siti Tanjong Perak.

### \* PERTARUHAN

Penerbit : Cathay

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaafar, Zaiton, Jins Shamsuddin, Normadiah, S.Kadarisman, Salleh Kamil.

### \* TANGISAN IBU

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah: L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Mislia, M.Amin, Tuminah.

### \* TERANG BULAN DIMALAYA



Penerbit : Ho Ah Loke

Pengarah: B.S.Rajhans

Pelakon : Radin Mokhtar, Rusini, Yem -Sukarsih, Sharif Medan, Bakar Rudin, Mala Ratina.

1955

### \* ABU HASSAN PENCHCURI

Abu Hassan yang tidak mempunyai pekerjaan bercita-cita memperisterikan Puteri Faridah. Rakannya Kassim mentertawakannya. Abu Hassan berazam untuk bertemu tuan puteri, tetapi istananya dikawal dengan rapi. Impian Abu Hassan menjadi kenyataan apabila dia berjaya mencuri sebatang tongkat ajaib daripada seorang ahli sihir.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.N.Rau.

Pelakon : P.Ramlee, Mariam Rahim, Mohd Hamid, Nordin Ahmad, Daeng Idris, Malik Sutan Muda.



**\* BERNODA**



Penerbit : Shaw Brothers  
 Pengarah : S.Ramanathan  
 Pelakon : Yusof Latiff, Normadiah, Latifah Omar,  
 S.Kadarisman, Nordin Ahmad, Siti Tanjong Perak.

**\* DUKA NESTAPA**

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film  
 Pengarah : L. Krishnan  
 Pelakon : S. Roomai Noor, Darasalam, Mislia.



**\* EMPAT ISTERI**

Kisah berkisar pergolakan dan cabaran hidup seorang suami hartawan yang beristeri empat. Filem adalah cermin hidup, ia menuntut supaya lelaki jangan cuba-cuba mahu berkahwin empat. Ia masih relevan tanpa batas waktu.

Penerbit : Shaw Brothers  
 Pengarah : B.S.Rajhan  
 Pelakon : Daeng Idris, Normadiah, Saloma, Latifah Omar,  
 Mariani A.Rahim, Salleh Kamil



**\* INSAN**

Keadaan hidup Jamilah (Saadiah), seorang anak yatim sejak lahir dan hidup dalam kemiskinan berubah apabila seorang penarik beca bernama Omar (Omar Rojik) mengahwini ibunya Mariam (Siput Sarawak). Omar berkerja keras selama lebih 10 tahun membesar Jamilah hingga terjejas kesihatan. Keadaan mula berubah apabila dia dewasa, lebih lagi bila punya ramai kawan dari golongan berada termasuk Salmah (Latifah Omar), anak seorang hartawan. Jamilah berkenalan dengan sepupu Salmah bernama Hassan (Ahmad Mahmud), seorang peguam muda yang banyak harta. Hassan mula tertarik dengan Jamilah dan ingin menjadikan dia sebagai Isteri. Hassan juga mengetahui Jamilah dari golongan miskin tetapi berpura-pura cuba menyembunyikan keadaan yg sebenar.

Penerbit : Shaw  
 Pengarah : K.M.Basker  
 Pelakon : Omar Rojik, Siput Sarawak, Ahmad Mahmood, Saadiah, Latifah Omar, Malik Sutan Muda.

**\* IRAMA KASIH**

Penerbit : Loke Wan Tho, Cathay-Keris Film  
 Pengarah : Laurie Fredment  
 Pelakon : Nety Herwaty, Rosini, M. Nor Lambak, S. Roomai Noor.



**\* JUBAH HITAM**

Penerbit : Shaw  
 Pengarah : S.Ramanathan  
 Pelakon : Yusof Latiff, Zaiton, S.Kadarisman, Daeng Idris, A.Rahim.

### \* KASIH MENUMPANG



Sepasang suami isteri yang tidak mempunyai anak mengambil seorang anak angkat. Beberapa tahun kemudiannya isteri pasangan itu mengandung. Dengan kelahiran anak kandungnya mereka tidak memperdulikan lagi anak angkatnya.

Penerbit : Cathay-Keris Film/Shah Film Production

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Nor, Rosnani Jamil, Rosini, M.Amin, R.Suriani.

### \* KIPAS HIKMAT



Seorang Putera Raja dari Damsyik ingin menakluki Basyrah tetapi pada waktu yang sama merahsiakan identitinya. Pada suatu hari berlaku kekecohan di bandar Basyrah apabila Puteri Norain menolong Putera Raja daripada dibunuh oleh, Perdana Menteri Basyrah, Karim. Karim berhasrat memiliki "Kipas Hikmat" daripada Raja bagi membolehkannya merampas tempat Raja Basyrah dan mengahwini Puteri Norain.

Penerbit : Shaw

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : Yusof Latiff, Mariam, S.Kadarisman, Ibrahim Pendek, A.Rahim, Omar Rojik.

### \* MENYERAH



dari kapal.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : KM Basker

Pelakon : Yusof Latiff, Latifah Omar, Siput Sarawak, S. Kadarisman, Ahmad Shah.

### \* MUTIARA DARI MALAYA



Ali datang ke kampung nelayan di sebuah pulau. Dia tidak mahu hidup bergantung dengan kemewahan ibu bapanya. Di kampung itu, Ali dipelawa Pak Yem (nelayan tua) tinggal di rumahnya. Pak Yem hidup sebatang kara, tinggal bersendirian. Kedatangan Ali tidak disenangi Rahman (pemberita surat khabar) yang telah bertunang dengan gadis cantik (Salmah) dan ibunya (Zaiton) pula tidak menyukai anak tirinya, Mariam. Semasa pergi menangkap ikan, Ali menemui beberapa tiram mengandungi mutiara hitam yang sangat berharga. Tidak lama kemudian, tiba-tiba mutiara itu hilang. Disebabkan Mariam seringkali ke rumah Pak Yem, dia dituduh muncurinya. Kerana disyaki mencuri, Zaiton menghalau Mariam dari rumah dan dia kemudian membawa diri dan menumpang tinggal di rumah Pak Yem dan Ali.

Penerbit : Cathay Keris.

Pengarah : Laurie Fredment

Pelakon : S. Roomai Noor, Mislia, Sri A.Unety, M. Amin, Dollah Sarawak.

#### \* PENARIK BECHA



Amran dan Azizah berbeda darjat. Amran bertugas sebagai penarik beca yang tinggal bersama ibunya di sebuah pondok buruk. Namun sikap kemanusiaan menyebabkan Amran sanggup bertarung nyawa membantu Azizah dari gangguan pemuda nakal. Hubungan mereka yang berlainan taraf menjadikan Ghazali, pemuda jahat yang menggilai Azizah akhirnya menghasut ayah gadis itu supaya membenci Amran.

Penerbit : Malay Film Productions.

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Saadiah, Salleh Kamil, Udo Omar, Saamah, Habsah, Omar Suwita, Kemat Hassan, Shariff Dol.

#### \* RIBUT



Para nelayan di sebuah kampung tradisional terpaksa menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran. Mereka yang mempunyai banyak wang berkuasa menentukan nasib kehidupan para nelayan yang dihimpit kemiskinan. Orang yang berpengaruh di kampung itu boleh mengarahkan nelayan turun ke laut walaupun dalam keadaan larut bergelora dan kemungkinan ribut melanda.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Haji Mahadi, Rosenani, Habsah, Salbiah.

#### \* ROH MEMBELA



Filem yang mengabungkan sains fiksyen dan alam ghaib ini mengisahkan roh isteri yang mati dibunuhan menuntut bela terhadap mereka yang bertanggungjawab di atas kematian suami dan dirinya.

Penerbit : Shaw

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : Nordin Ahmad, Neng Yatimah, Daeng Idris, Normadiah, Haji Mahadi, Salleh Kamil, Aziz Sattar.

#### \* SAUDARAKU

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Laurie Fredment

Pelakon : Darasalam, Maria Menado, Marsita.

#### \* SELAMAT HARI RAYA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Maria Menado, Salleh Ghani, Umi Kalsom, M. Amin.

#### \* SELAMAT TINGGAL KEKASIHKU

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Kasma Booty, M. Amin, Shariff Medan, Dollah Sarawak, Adik Yunalis, Adik Jaafar, Sri A Unety.

## 1956

### \* ADAM

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : S. Roomai Noor, Hasnah Rahman, Nursiah Yem, M. Amin, Umi Kalsom, Rahimah Alias.



### \* ADEK-KU

Dua beradik - seorang pemilik kilang papan di Malaya sementara adiknya Suhaimi gemar berpoya-poya di Singapura dengan seorang wanita bernama Rose. Suhaimi diminta pulang ke tanahair dan ditawarkan kerja di syarikat kilang papan abangnya. Tidak lama kemudian dia jatuh cinta dengan Aminah, seorang wanita yang turut dicintai abangnya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : Ahmad Mahmood, Rosnani Jamil, Salmah Ismail, Haji Mahadi, Siti Tanjong Perak, Malik Sutan Muda, Omar Suwita, Mohd Hamid.

### \* ANAKKU SAZALI



\* Hassan dan Mahani melarikan diri ke Singapura selepas hubungan mereka tidak direstui keluarga. Hassan meneruskan minat dalam bidang muzik dan berjaya menjadi seorang pemuzik terkenal. Hassan gembira apabila Mahani hamil anak pertama mereka. Malangnya Mahani meninggal dunia ketika melahirkan Sazali. Kasih sayang Hassan terhadap Sazali begitu mendalam hingga menyebabkan Sazali membesar menjadi seorang yang kurang ajar. Sazali mempunyai pengikut yang ramai dan menjadi ketua gangster yang paling dikehendakki.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Phani Majumdar

Pelakon : P.Ramlee, Zaiton, Rosnani Jamil, Nordin Ahmad, Hashimah Yon, Daeng Idris, Habsah Buang, Malik Sutan Muda, Ibrahim Pendek, S. Kadarisman, Siti Tanjong Perak, HM Rohaizad, Kemat Hassan, Omar Suwita, Shariff Dol, Tony Castello.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-4, 1957 - Tokyo

Pelakon Lelaki Terbaik - P. Ramlee

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Tony Castello

### \* AZAN

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Nursiah K, Shariff Medan, Salleh Ghani, Umi Kalsom, M. Amin.

### \* BUNGA TANJUNG

Penerbit : Cathay Keris

Pengarah : ?

Pelakon : Maria Menado.

### \* DONDANG SAYANG

Penerbit : Cathay Keris Film

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Nusiah Yem, Mustapha Maarof, Hasnah Rahman, M. Amin.

### \* HANG TUAH



\* Hang Tuah lima bersaudara bersama Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu menuntut ilmu bersama Adiputra di Gunung Ledang. Selesai menuntut ilmu, mereka kembali ke Melaka. Di Melaka mereka berjaya menyelamatkan Dato' Bendahara daripada seorang lelaki yang sedang mengamok. Apabila Sultan mengetahui berita, baginda berminat menjadikan mereka hulubalang istana. Hang Tuah kemudian dilantik sebagai Laksamana.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : Phani Majumdar

Pelakon : P.Ramlee, Saadiah, Ahmad Mahmud, Zaiton, Haji Mahadi, Daeng Idris, Yusof Latiff, Nordin Ahmad, S. Shamsuddin, Aziz Satar, Siti Tanjung Perak, Mariani, Saamah, Mustarjo, Nyak Osman, Rahmah Rahmat.

### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-3, 1956 - Hong Kong

Penggubah Lagu Terbaik - P. Ramlee

Penyertaan : Festival Filem Antarabangsa, Jun 1956 – Eropah.



### \* KEADILAN ILAH'I

Penerbit : Shaw

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Yusoff Latiff, Saadiah, Malik Sutan Muda, S.Kadarisman, Daeng Idris.

### \* MEGA MENDUNG

Penerbit : Cathay Keris

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : S.Roomai Noor, Mustapha Maarof.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-4, 1957 - Tokyo

Adek Wan Hussein - Pelakon Kanak-Kanak Terbaik.



### \* PENCHURI

Seorang pemuda, Umar masuk ke sebuah bilik dengan tujuan mencuri dan terserempak dengan tuan rumah, Jamilah. Secara kebetulan, kawan Jamilah turut ada bersama. Umar terpaksa mencari helah lalu mengaku dia adalah suami Jamilah. Kawan Jamilah mempercayai kata-kata Umar walaupun Jamilah menafikannya. Setelah kawan Jamilah pulang, Umar menerangkan sebab sebenar dia mencuri. Jamilah serba salah mendengar pengakuan ikhlas Umar yang begitu menyentuh perasaannya.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : KM Basker

Pelakon : Yusof Latiff, Siput Sarawak, S. Kadarisman, Siti Tanjung Perak.

**\*RIBUT**

Ribut merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia pada tahun 1956. Menariknya, filem hasil arahan K. M. Basker ini dikeluarkan dalam bentuk warna atau Gevaert Color. Filem ini merupakan filem pertama keluaran Malay Film Productions Ltd. (MFP) yang tersedia dalam bentuk filem berwarna dan yang kedua selepas filem Buloh Perindu hasil terbitan Cathay-Keris Film.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Ahmad Mahmud, Saadiah, Haji Mahadi, Rosnani Jamil, Habsah, Salbiah, Aziz Sattar, Mustarjo, Siti Tanjung Perak.

**\* SEMERAH PADI**

Aduka dan Teruna, sama-sama menjadi orang kanan Penghulu. Tanpa pengetahuan mereka, kedua-duanya meminati Dara, gadis yang sama di kampung mereka. Teruna bertunang dengan Dara, sebelum berangkat ke medan perang. Sedangkan selama ini Aduka menjadi kekasih Dara. Baik Dara mahupun Aduka, tidak berani menceritakan hal sebenarnya pada Teruna. Sepeninggalan Teruna,

Dara diculik oleh orang-orang jahat dan disembunyikan di sebuah pondok usang. Aduka diarahkan mencari Dara. Dalam hujan lebat, Aduka menemui Dara di pondok itu . Ketika itulah mereka tidak dapat menahan rasa rindu membara yang membawa kepada perbuatan zina.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Saadiah, Nordin Ahmad, Salleh Kamil, Daeng Idris, Normadiah.

## 1957

**\* ABU Nawas**

Filem Abu Nawas merupakan sebuah filem Melayu hitam dan putih yang bercorak dokudrama dan diterbitkan di Singapura yang ketika itu merupakan sebahagian dari Malaysia pada tahun 1957. Filem ini diarahkan oleh Cyril Randall di bawah terbitan Malayan Film Unit (kini dikenali sebagai Filem Negara Malaysia). Filem ini dibintangi oleh Nona Asiah dan Ismail Kassim sebagai dua pelakon utama.

Penerbit : Malayan Film Unit

Pengarah : Cyril Randall

Pelakon : Nona Asiah, Ismail Kassim

### \* BELANTARA



Sekumpulan kelasi kapal sedang mencari harta karun dengan berpandukan sebuah peta. Apabila kapal berlabuh di sebuah pulau, Johan sebagai ketua kelasi ke hutan pulau itu untuk mencari bekalan makanan. Tiba-tiba Johan dipatuk ular sehingga hampir maut. Tetapi beliau sempat diselamatkan oleh Melati seorang gadis pulau. Kamil, orang kanan Johan mula tamak dan belot. Beliau mencuri peta itu dan terus mencari harta karun itu. Semasa di dalam gua tempat harta karun ditemui, Kamil bertarung dengan Johan.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Ramanathan

Pelakon : S.Roomainoor, Rokiah Jaffar, Siput Sarawak, Yem.

Trivia - Filem ini musnah akibat Banjir Besar di Studio Jalam Ampas.

### \* BUJANG LAPOK



dengan Sapiah dan Ramli dengan Normah.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Normadiah, S.Shamsuddin, Aziz Sattar, Zaiton, Dayang Sofia, Siti Tanjung Perak, Shariff Dol.

### \* DENDAM PONTIANAK



Di sebuah kampung kecil, Khalid dan Siti sedang membuat persiapan untuk perkahwinan mereka dengan bantuan penduduk kampung. Namun, kampung ini mula mengalami kematian ngeri serta kejadian ghaib yang mencetuskan ketakutan dan kacau-bilau. Ini semuanya kerana, seorang hantu cantik, Pontianak telah tiba dan menghantui kampung. Gadis ini ingin membala dendam kepada Khalid.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Maria Menado, Puteh Lawak, S.M.Wahid, Mustaffa Maarof, Salmah Ahmad, Rahimah Alias.

### \* HANTU JERANGKONG



Mak Hitam adalah seorang bomoh, yg telah mati dan dihidupkan semula oleh hantu belaan nya lalu berubah menjadi Hantu Jerangkung. Tujuannya ialah membunuh dan menghisap darah penduduk kampung. Apabila kampung asalnya mempunyai kawalan yang rapi di bawah lindungan seorang pawang, dia dan hantu belaannya berpindah ke kampung lain. Supaya tidak disyaki orang bahawa mereka adalah hantu, Mak Hitam telah meresap ke dalam badan seorang wanita dan menyamar sebagai seorang bomoh.

Penerbit : Shaw

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Aziz Jaffar, Hashimah Yon, Habsah, Omar Suwita, Zainon, Aziz Sattar, S.Shamsuddin

### \* KASEH SAYANG



Halimah dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak perempuan sepasang suami isteri dari Indonesia bernama Sukartini. Semasa Jepun menyerang Indonesia dalam perang dunia kedua, mereka terpaksa melarikan diri. Sukartini ketinggalan di Indonesia dan dijaga oleh Halimah. Selepas perang, pasangan suami isteri itu kembali untuk mengambil semula anak mereka tetapi Halimah tidak mahu melepaskan Sukartini. Akhirnya masalah itu terpaksa diselesaikan di mahkamah.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Phani Majumdar

Pelakon : Haji Mahadi, Neng Yatimah, Saadiah, Hashimah Yon, Jins Shamsuddin.

### \* KEMBALI SEORANG



Hussain (Salleh Kamil), diburu polis kerana kes pembunuhan dan rompakan - namun ayah mertuanya Juanda ditangkap dan dihukum walaupun dia tidak melakukan kesalahan. Seorang penduduk kampung Yusof (Ahmad Mahmud) membantu anak Juanda setelah bapanya dipenjarakan.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Ramon A. Estella

Pelakon : Ahmad Mahmud, Saadiah, Salleh Kamil, Mariani, Daeng Idris, Sunatri, Saamah.

### \* MOGOK



Hamzah, seorang pengurus kilang, merancang mengadakan mogok di kilang majikannya. Dia juga mempunyai hubungan sulit dengan isteri majikan. Ismail dan Fatimah pula adalah rakan sekerja serta saling bercinta. Mereka akhirnya terbabit dalam rancangan jahat Hamzah dan terpaksa menghalang perkara buruk itu daripada berlaku.

Penerbit : Shaw

Pengarah : K.M.Basker

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, S.Kadarisman, Mariani, Daeng Idris, Siti Tanjong Perak.

### \* PANCHA DELIMA



Seorang pemotong kayu bersama tiga anak perempuannya, Anggerik, Tanjung dan Teratai. Anak bongsunya, Teratai, memiliki seutas rantai hikmat 'Pancha Delima'. Seorang putera raja, Suria Kencana yang disumpah oleh ibu tirinya yang tamakkhan kuasa. Suria Kencana hidup dalam sumpahan dengan bertukar menjadi ular pada siang hari, dan kembali menjadi manusia pada malam hari. Cuma rantai hikmat 'Pancha Delima' dapat melawan sumpahan itu.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd .

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : Jins Shamsuddin, Hashimah Yon, Udo Omar, Haji Mahadi, R. Surini, Shariff Dol, Kemat Hassan, Ali Fiji, Mohd Rafiee, Omar Suwita, Aziz Satar, S. Shamsuddin.

### \* PONTIANAK



Wak Dolah menemui seorang kanak-kanak perempuan dalam hutan, lalu mengambil dan memeliharanya sebagai anak angkat dan diberikannya nama Comel. Orang tua itu, juga menulis buku mengenai perubatan tradisional, tinggal bersetorong diri di sebuah pondok dalam hutan. Apabila dewasa, Comel adalah seorang gadis yang hodoh ditambah pula badannya bongkok dan seringkali menjadi kutukan dan deraan penduduk-penduduk kampung. Sebelum meninggal dunia, Wak Dolah berpesan kepadanya supaya memusnahkan dengan membakar segala yang dihasilkannya termasuk buku karangannya. Walau bagaimanapun, ketika Comel sedang menjalankan amanah ayah angkatnya itu dia terjumpa buku yang memberi petua (rahsia) menjadi cantik. Comel tidak membakar buku itu tetapi menggunakan untuk menjadikan dirinya cantik.

Penerbit : Keris Film Productions

Pengarah : B.N.Rao

Pelakon : Maria Menado, M.Amin, Mustafa Maarof, Salmah Ahmad, M.Kassim, Dollah Sarawak, Hassan Temberang, Puteh Lawak, S.M.Wahid.

**TriviA :** Pada tahun 1958, filem ini dialih bahasa ke dalam bahasa Kantonis dan ditayangkan di Hong Kong. Pada tahun 1960, sebuah stesen televisyen di Amerika membeli hak tayangan filem ini dan menayangkannya dalam slot filem Asian, yang disertakan dengan sarikata bahasa Inggeris.

### \* PUTERA BERTOPENG



Tengku Kamaruddin dengan sokongan Sidik merampas kuasa daripada abangnya bila mengetahui rancangan dia untuk melantik anaknya Tengku Ali sebagai penggantinya. Walau bagaimanapun, Tengku Ali berjaya melepaskan diri dan membentuk satu kumpulan pemberontak dengan memakai topeng muka. Kekasihnya Wan Dalilah juga dipaksa menghawini dan dikurung dalam Istana.

Penerbit : Shaw

Pengarah : K.M. Basker

Pelakon : Ahmad Mahmood, Normadiah, Daeng Idris, A.Rahim, S.Kadarisman, Haji Mahadi, Aziz Sattar.

### \* SALAH SANGKA

Penerbit : Loke Wan Tho Cathay - Keris Film Productions.

Pengarah : B.N.Rao

Pelakon :

### \* SERUAN DARAH

Penerbit : Shaw

Pengarah : Chew Cheng Kok

Pelakon : Ahmad Mahmood, Neng Yatimah, Yusof Latiff.

### \* TANGISAN IBU

Penerbit : Cathay

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : S.Roomainoor, Mislia.

#### \* THE LONG HOUSE



Seorang pemuda berbangsa Inggeris (Kenny Buchannan) jatuh cinta dengan gadis Dayak (Luli) di pedalaman hutan Sarawak. Cinta mereka tidak kesampaian kerana adat istiadat kaum Dayak menentang percintaan mereka kerana berlainan adat dan berlainan bangsa.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : Phani Majumdar

Pelakon : Luly, Kenny Buchannan.




#### \* UDANG SEBALIK BATU

Penerbit : Cathay

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Mustapha Maarof, Rose Yatimah, Suraya Haron, Ahmad Osman, Neng Yatimah.

**1958**




#### \* ANAK PONTIANAK

Ia merupakan sebuah filem klasik Melayu diterbitkan pada tahun 1958 yang ditulis oleh Abdul Razak menonjolkan unsur seram dan tahuul. Filem ini mengambil plot cerita dari kepercayaan tahuul hantu masyarakat Melayu dan diolah dalam bentuk filem. Filem ini merupakan siri Pontianak pertama yang dikeluarkan oleh Shaw Brothers' Malay Film Production. Ia dihasilkan selepas melihat kejayaan siri Pontianak yang dihasilkan oleh Cathay Keris.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Ramon A. Estella

Pelakon : Jins Shamsuddin, Hashimah Yon, Dayang Sofia, S.Kadarisman, Aziz Sattar, Kemat Hassan.



#### \* AZIMAT

Remy mendapat azimat daripada seorang tua misteri. Sejak memilikci azimat itu pendiriannya berubah. Dia menjadi orang yang tidak percaya pada diri sendiri dan menyalahkan azimat itu kerana membunuh ayahnya sendiri.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Rolf Bayer


Pelakon : Pancho Magalona, Saloma, Tita Doran, Ahmad Mahmood, Jins Shamsuddin, Salleh Kamil.

#### \* CIK MAMAT PARANG TAJAM

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Wahid Satay, Salmah Ahmad.



#### \* DOKTOR

Idris yang berasal daripada keluarga miskin membuktikan kepada keluarga dan masyarakat dia berkemampuan berjaya menjadi seorang doktor. Setelah berjaya menjadi Doktor, dia betugas di kampungnya dan merawat orang susah tanpa mengenakan apa-apa bayaran.

Penerbit : Shaw Brothers.

Pengarah : Phani Majmudar

Pelakon : Aziz Jaffar, Zaiton, S.Kadarisman,  
Normadiah, Salmah Ahmad, Haji Mahadi.



#### \* GERGASI

Seorang pemburu berjaya memaku tenguk pontianak dan menjadikannya seorang wanita jelita lantas mengahwininya. Mereka dikurniakan cahaya mata seorang anak perempuan diberi nama Mutiara. Apabila Mutiara meningkat remaja, dia dianugerahi rupa paras jelita dan menjadi kegilaan pemuda di kampungnya.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Dhiresh Gosh

Pelakon : Hashimah Yon, Aziz Jaafar, Hj Mahadi, S. Kadarisman, Ahmad Nisfu, Aziz Satar.



#### \* HANTU KUBUR

Mak Hitam (Habsah Buang) hidup kembali sebagai hantu kubur dan membuat kekacauan di dalam kampung jika Musa (Aziz Jaafar) tidak menurut kemahuannya. Apabila Tok Penghulu (S. Kadarisman) dan orang-orang kampung tidak lagi berdaya melawan puaka Mak Hitam, mereka meminta bantuan dari Tok Pawang (Malek Sutan Muda) yang tahu asal-usul Mak Hitam.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Chew Chen Kok

Pelakon : Aziz Jaffar, Hashimah Yon, S.Kadarisman, Aziz Sattar, S.Shamsuddin.

#### \* IKAN DUYUNG

Penerbit : Cathay Film Productions

Pengarah :

Pelakon :




#### \* KAKI KUDA

Tuan Hussin memiliki kuda lumba bernama Black Royal. Aziz pemandu kepada Tuan Hussein menyamar menjadi tuannya untuk memikat seorang gadis, Zuraidah. Penyamaran Aziz ini dibantu oleh Sudin seorang penjaga kuda yang juga mencuba memikat sepupu Zuraidah bernama Aminah.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Kirdar Sharma

Pelakon : Aziz Sattar, S.Shamsuddin, Normadiah, Saloma, Mustarjo, Annie Jasmin, Shariff Dol.



#### \* MASHARAKAT PINCHANG

Seorang kanak-kanak, Samad mencari kakaknya Maimun yang terputus berita selepas kakaknya berkahwin dan berpindah ke Singapura. Setelah menemui kakaknya, Samad berdikari mencari wang bagi mengurangkan beban kakaknya yang bercerai dan menjadi penari joget. Wahab seorang penjenayah sering mengganggu Maimun di tempat kerja.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Phani Majumdar

Pelakon : S.Kadarisman, Salleh Kamil, Tony Castillo, Rosenani, Neng Yatimah, Daeng Idris, Haji Mahadi, A.Rahim.



#### \* MATA HARI

Seorang gadis - Matahari, mengetuai perjuangan untuk mengembalikan keamanan dan kebebasan negaranya. Umai pula digambarkan sebagai seorang tali barut yang bekerja untuk tentera Jepun.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Ramon A.Estella

Pelakon : Ahmad Mahmood, Maria Menado, Salleh Kamil, Omar Rojik, Daeng Idris, Alice Ma, Kemat Hassan.

**Trivia :** Beberapa 'scene' di awal filem yang menunjukkan peperangan tersebut merupakan rakaman perang yang asli dari tahun 1941 hingga 1942.



#### \* ORANG LICHIN

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Maria Menado, Mahmood June, M. Amin.



#### \* ORANG MINYAK

Filem ini mengisahkan perihal sebuah kampung yang dihantui orang minyak. Ia dirakamkan di Singapura, ketika itu sebahagian daripada Persekutuan Tanah Melayu. Filem tersebut berasaskan dari lagenda Melayu amat menghiburkan masa kini sebagaimana ketika ia dikeluarkan.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : S. Roomai Noor, Salmah Ahmad, Nordin Ahmad, Mahmud June, M. Amin.


#### \* PATUNG CENDANA

Penerbit : Cathay Film Productions

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar.

### \* SATAY



\* Kamil adalah anak tunggal keluarga kaya. Bapanya tidak gemar sikapnya suka berfoya-foya terutamanya dengan wanita yang tidak setaraf. Untuk mengubah sikap Kamil, ayahnya menjodohkannya dengan Zainon. Suatu hari ketika dia berehat di padang, dia didatangi seorang kanak-kanak bernama Satay. Kanak-kanak itu mengatakan bahawa Kamil adalah ayahnya.

Penerbit : Cathay Film Productions

Pengarah : K.M.Bashker

Pelakon : Wahid Satay, Salmah Ahmad, Puteh Lawak, Aidi Ali.

### \* ANUGERAH & FESTIVAL FILEM

Festival Filem Asia Pasifik ke-6, 1959 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri - Pelakon Kanak-Kanak -Terbaik - Aidi Ali.



### \* SERGEANT HASSAN

Hassan berusia 10 tahun ketika ayahnya meninggal dunia dan tidak lama kemudian ibunya pula kembali ke Rahmatullah. Walau bagaimanapun, kehadiran Hassan tidak disenangi anak bapa tirinya, Aziz. Apabila membesar Aziz dan Buang sering mencari kesalahan Hassan. Aziz bertambah marah apabila Salmah memilih Hassan sebagai kekasih. Apabila perperangan tercusus, Aziz dan Hassan menyertai askar Melayu Di Raja. Seterusnya konflik antara mereka semakin memuncak.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Lamberto Avallena

Pelakon : P.Ramlee, Saadiah, Salleh Kamil, Jins Shamsuddin, Daeng Idris.



### \* SRI MENANTI

Diadaptasi daripada novel asal bertajuk 'Fatimah' oleh Chua Boon Hean, 'Sri Menanti' merupakan gambaran sedih tentang percintaan antara budaya yang dihalang oleh prasangka dan pengasingan kaum. kekasih.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Phani Majmudar

Pelakon : Salleh Kamil, Zaiton, Chan Chong, Dong Tan, S.Kadarisman, S.Shamsuddin, Ibrahim Pendek.

### \* SELENDANG DELIMA



Bapa Putera Tengku Bangsegara memerintah supaya anaknya ke Gunung Ledang supaya dilatih oleh Betara Guru. Kepulangannya dari situ terlalu memerlukan jaraknya apabila kerajaannya berada dalam keadaan porak peranda. Bapanya dibunuh hanya meninggalkan adindanya Puteri Sri Banian. Sri Banian dipaksa berkahwin dengan Dewa Laksana dan melahirkan seorang cahaya mata yang diberi nama Selendang Delima.

Penerbit : Cathay Keris Film Productions

Pengarah : K.M.Bashker

Pelakon : Latifah Omar, Maria Menado, M.Amin & Abdullah Chik.

### \* SERANGAN ORANG MINYAK



Orang Minyak terlepas dari penjara dengan pertolongan Tok Gurunya. Seluruh penduduk kampung berasa bimbang dan tidak selamat. Inspektor Dasuki dipertanggungjawab menangkap Orang Minyak kerana sebelum ini dia berjaya menangkap makhluk spesis itu.

Penerbit : Cathay-Keris Film .

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : M. Amin, Nordin Ahmad, Latifah Omar, Udo Omar

### \* SUMPAH ORANG MINYAK



Si Bongkok hidup tersisih kerana rupanya hodoh. Namun, dia seorang yang berhati mulia. Tanpa disedarinya, dia di bawa ke alam bunian dan diberi peluang meminta apa sahaja. Dia meminta untuk kelihatan cantik, tetapi diberi syarat untuk tidak membunuh sesama manusia. Kerana melanggar sumpahnya, kecantikannya tidak dapat dilihat manusia. Si Bongkok terpaksa menjadi orang minyak dan memerkosa 21 orang gadis dalam masa tujuh hari, selain mengaku bahawa syaitan adalah tuhan.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : P. Ramlee, Salleh Kamil, Shariff Dol, Sri Dewi, Daeng Idris, Haji Mahadi, Ali Rahman, Malik Sutan Muda, M. Rafee, Fatimah Osman, Rahmah Rahmat, Ahmad C.B , Raja Hamidah, Mustarjo, Nyong Ismail.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-5, 1958 – Manila - Sinematografi Hitam Putih Terbaik - A. Bakar Ali.

### \* SUMPAH PONTIANAK



Filem ini adalah kesinambungan dari filem 'Dendam Pontianak'. Chomel diusir keluar dari kampung dan kembali ke rupa asalnya, seorang perempuan hodoh dan berbongkok setelah tenguknya dipaku. Dia merayau-rayau kampung ke kampung untuk mencari makan dan tempat tinggal dan akhirnya dia jatuh lemah kerana kelaparan lalu dipelihara oleh seorang tua yang baik hati. Maria anak Chomel, selalu dihantui oleh bayang-bayang ibunya dan kemudianya pergi ke dalam hutan untuk mencarinya. Sementara itu, penduduk kampung dikejutkan dengan beberapa berita pembunuhan dan kematian yang dahsyat dan semuanya menunding jari

pada Pontianak.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film .

Pengarah : BN Rao

Pelakon: Maria Menado, Mustapha Maarof, Salmah Ahmad, Shariff Medan, Puteh Lawak, Wahid Satay.

**\* TAUFAN**



(Ahmad Mahmud) mengambil keputusan menyelam mutiara untuk membantu tunangnya menyelesaikan hutangnya.

Penerbit : Malay Film Productions (Shaw Bros)

Pengarah : Teodorico C. Santos

Pelakon : Ahmad Mahmud, Zaiton, Salleh Kamil, Mariani

## 1959

**\* ADAM**

Penerbit : Cathay Keris Productions

Pengarah : S.RoomaiNoor.

Pelakon : S.Roomainoor, Hasnah Rahman.



**\* BATU BELAH BATU BERTANGKUP**

Ia mengisahkan tentang dua adik beradik melalui liku kehidupan setelah kematian ayah dan ibunya yg dikaitkan dengan puaka dari Batu Belah Batu Bertangkup. Kanak-kanak itu kemudian dipelihara oleh nenek kebayan dan berjaya mengharungi pelbagai cabaran.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Aziz Jaafar, Zaiton, Neng Yatimah, Salleh Kamil, S. Kadarisman, Haji Mahadi, Rahmah Rahmat.



**\* BAWANG PUTIH BAWANG MERAH**

Pak Ali mempunyai dua isteri iaitu Labu dan Kundor. Hasil dari perkahwinannya yang pertama, mereka dikurniakan seorang anak perempuan Bawang Merah. Isteri keduanya Kundor pula melahirkan seorang anak perempuan bernama Bawang Putih. Selepas kematian Pak Ali, hidup Labu dan Bawang Merah semakin terseksa apabila mereka dipaksa melakukan pelbagai kerja rumah. Tambah menyedihkan, Kundor tergamak membunuh Labu. Kelembutan, kecantikan dan kemerduan suara Bawang Merah berjaya menambat hati Putera Raja negeri itu. Mereka berkahwin dan hidup bahagia. Kundor dan Bawang

Putih semakin cemburu dan berhasrat menghancurkan perkahwinan itu.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Latifah Omar, Umi Kalthom , Mustapha Maarof, Siti Tanjung Perak, Aminah Yem, Shariff Medan, Mahmud June.

### \* DANDAN SETIA



Baginda Dewa Kayangan menyumpah puterinya menjadi buah Pau dan dibuang ke bumi supaya perperangan reda di atas perebutan anakandanya itu. Di bumi, buah pau itu ditemui seorang permaisuri memakannya dan hamil. Anak yang dilahirkan keadaannya begitu hitam legam dan diberi nama Intan Terpilih.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Jins Shamsuddin, Saadiah, Aziz Jaffar, Normadiah, Rahmah Rahmat.

### \* HATI BATU



Bapa Zainal, Tok Musa memiliki ladang getah dan mengupah orang menorehnya. Zainal dalam diam-diam berkahwin dengan Zaitun seorang perempuan cabaret. Zainal membawa keluarga berjumpa bapanya. Bapanya sangat marah bila mengetahui siapa Zaitun sebenarnya dan menuduhnya perempuan kotor dan sial. Dia menyuruh Zainal menceraikan Zaitun. Akibatnya Zainal mati dalam satu kemalangan jalanraya. Tok Musa menghalau Zaitun keluar rumah tetapi cucucucunya Idah dan Idi tinggal bersamanya kerana tidak mahu mereka tahu siapa ibu mereka.

Penerbit : Cathay

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Latifah Omar, S.Azam, Fauziah Ahmad Daud, Faizal Ahmad Daud, Siti Tj Perak, Hasnah Harun, Salleh Melan, M. Shahdan.

### \* JULA JULI BINTANG TIGA



Seorang puteri kayangan yang berkahwin dengan Raja Dhasyahalan Syah yang disumpah apabila rahsia Julu Juli Bintang Tiga terbongkar. Ini menyebabkan beliau menghilangkan diri dan meninggalkan seorang cahaya mata iaitu Putera Baharum Syah.

Penerbit : Cathay Film Productions

Pengarah : B.N.Rao

Pelakon : Abdullah Chik, Salmah Ahmad.

### \* KORBAN FITNAH



Rahimah bersedia mengorbankan matanya untuk suaminya, tetapi doktor menolak. Doktor hanya mahu cantuman mata dari orang yang meninggal. Husein yang baru datang ke rumah sakit mendengar perbualan itu. Ia memutuskan membunuh diri agar dapat membala budi kakaknya. Ia menulis surat kepada doktor untuk mengambil mata dari orang yang bunuh diri. Belum sempat bunuh diri, Husein ditangkap polis.

Penerbit : Maria Menado/Cathay-Keris Film .


Pengarah : PL Kapur

Pelakon : Maria Menado, Siput Sarawak, Sukarno M. Noor, Syed Hassan Izat Amir.

#### \*Anugerah & Festival Filem

Penyertaan : Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-16, 2003 (Tayangan Khas).

\*Trivia : Filem pertama terbitan Maria Menado Production, penerbit filem wanita pertama.



#### \* MAHSURI

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Kasma Booty, Nordin Ahmad, S. Roomai Noor

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-6, 1959 (Kuala Lumpur)

Anugerah:

Filem Cerita Rakyat Terbaik

**TriviA** - Skrip filem Mahsuri telah ditulis oleh Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra dan dibeli oleh Cathay

Keris dengan harga RM10,000. Hamzah Hussin menjadi penulis lakon layar filem itu.



#### \* MUSANG BERJANGGUT

Di dalam kerajaan Pura Cendana, Raja Alam Syahbana dan permaisurinya memutuskan untuk mengambil anak angkat setelah gagal mempunyai anak sendiri bagi mewarisi takhta baginda. Tun Nila adalah anak yang terpilih dalam ribuan yang hadir ketika pemilihan anak angkat itu. Dia membesar menjadi seorang Putera yang cukup tampan di mana Ayahandanya telah memerintahkannya mencari pasangan hidup. Tun Nila membuat keputusan untuk mencari pasangannya itu dengan caranya tersendiri bukan di kalangan rakyat di kerajaannya itu.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Saadiah, Mustarjo, Ahmad Nesfu, Habsah, Momo Latiff, Malik Sutan Muda, Udo Omar, Raden Sodero.



#### \* NUJUM PAK BELALANG

Belalang bersama bapanya hidup dalam serba kemiskinan. Tindakan bapanya yang kononnya seorang ahli nujum merubah kehidupan mereka, sehingga dimartabatkan sebagai "Ahli Nujum Di Raja". Namun pada suatu hari Pa' Belalang diuji yang mana kegagalaannya akan menggadaikan kerajaannya. Pertaruhan besar yang membabitkan negara membuatkan Pak Belalang gentar dan melarikan diri. Namun, Belalang yang lebih pintar daripada bapanya sekali lagi berjaya menutup helah Pak Belalang.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, S.Shamsoeddin, Aziz Sattar, Hashimah Yon, Bat Latiff, Ahmad Nesfu.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-7, 1960 (Tokyo)

Anugerah : Filem Komedi Terbaik.

### \* PENDEKAR BUJANG LAPOK /1959



\* Ramli, Aziz dan Sudin tinggal di rumah Pendekar Mustar untuk belajar silat. Ketika di sana, ketiga-tiga sahabat ini menaruh hati kepada Ros, anak Pak Mustar. Apabila Ros dilarikan oleh orang kanan Ahmad Nisfu - Ramli, Aziz dan Sudin keluar untuk menyelamatkan Ros.

Penerbit : Shaw Brothers/Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : P.Ramlee.

Pelakon : P.Ramlee, S.Shamsuddin, Aziz Sattar, Rose Yatimah, Mustarlo, Ahmad

Nisfu, Momo Latif.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-6, 1959 - Kuala Lumpur

Filem Komedi Terbaik.

### \* PUTERI GUNUNG BANANG



Mengishkan 3 beradik lelaki yang sudah tua. Mereka hidup sebagai bujang tua dan tinggal di hujung desa. Mereka hidup ibarat *kais ayam pagi, makan pagi, kais ayam petang makan petang*. Suatu hari, Wira (Ahmad Mahmud), membangunkan dari tidur jin penunggu gua, (M. Babjan) di Gunong Banang. Akibatnya, jin itu menghukumnya dengan menyuruh memakan muntahnya. Wira terus makan sehingga membuatkan dia pengsan seketika. Tersedar dari pengsan, Wira bertemu Puteri Gunong Banang, (Sri Dewi). Tuan puteri membawanya masuk kedalam gua dan menyuruh Wira melihat cermin. Alangkah terkejutnya apabila dia mendapati wajahnya sudah menjadi muda kembali.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ahmad Mahmood, Hashimah Yon, Salleh Kamil, Seri Dewi, S.Kadarisman.

### \* RADEN MAS

Pengiran Agung berkahwin dengan Mas Ayu, seorang penari namun perkahwinan mereka ditentang oleh Raden Manosekoro dan Raden Mas Ratu kerana perbezaan darjah. Bagi menghapuskan Mas Ayu, Raden Mas Ratu mengutuskan Pengiran Agung pergi memburu kijang. Sekembalinya Pengiran Agung daripada berburu, baginda mendapati istananya terbakar dan Mas Ayu terbunuh. Pengiran Agung mengambil keputusan membawa diri bersama puterinya, Raden Mas yang berjaya diselamatkan. Raden Mas dibesarkan seperti orang kebanyakan tanpa diberitahu asal-usulnya. Suatu hari, Raden Mas terserempak dengan seorang puteri raja bernama Tengku Halijah. Raden Mas dipukul kerana cuba menasihatkan Tengku Halijah. Apabila mengetahui siapa sebenarnya Raden Mas, Sultan mengahwinkan Pengiran Agung dengan puterinya sebagai menebus kesalahan.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, M. Amin, Siput Sarawak, Mahmud June, Siti Tanjung Perak, Shariff Medan, Umi Kalsum, Mustapha Maarof.

### \* RAHSIA HATI KU



Menceritakan kisah adik-beradik yang menunggu kepulangan ayahnya yang sekian lama menghilang. Walaupun mereka hidup bersusah payah semenjak ketiadaan bapanya tapi mereka tetap gembira dan bahagia. Rubi bercinta dengan Hanif yang pulang ke kampung semasa cuti semesternya. Pada masa yang sama Ros juga menyintai Hanif dalam diam. Dia memendam perasaan cintanya dan meluahkan didalam puisi. Ros jatuh sakit dan akhirnya mengundang maut. Bapa mereka pulang pada hari kematian Ros juga terkejut dengan kematian anaknya. Pada keesokan harinya bapa mereka meminta diri untuk pergi semula mencari ketenangan kerana rasa bersalah di atas kematian Ros. Rubi tergerak membaca puisi-puisi peninggalan Rosnah akhirnya menyedari yang rosnah menyintai Hanif.

Penerbit : Merdeka Film Productions.

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : M.Amin, Maznah Ahmad, Sharifah Haniffa.

### \* RAJA LAKSMANA BINTAN

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Normadiah, Aziz Jaafar, Rosenani, S.Kadarisman,Salleh Kamil, Haji Mahadi, Rahmah Rahmat, Aziz Sattar.



### \* RASA SAYANG EH

Ia mengisahkan tentang kekeliruan yang berlaku apabila peta harta karun yang menjadi rebutan dua buah kumpulan penjahat jatuh ke tangan seorang pelawak terkenal di dalam perjalannya ke Singapura.

Penerbit : Cathay-Keris

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Wahid Satay, Dollah Sarawak, Kasma Booty, Salmah Ahmad, M. Amin, Yem.



### \* SAMSENG

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Ramon A.Estella

Pelakon : Jins Shamsuddin, Aziz Jaafar, Zaiton, Rosnani, Saamah, Haji Mahadi, A.Rahim, Omar Suwita, M.Rafee, Ali Fiji.

### \* SAUDAGAR MINYAK URAT



Mengisahkan mengenai pasangan suami isteri dengan gelagat masing-masing.Isteri yang garang dan suami yang suka berfoya-foya dengan wanita menjadikan pasangan suami isteri ini sentiasa dalam keadaan tidak mempercayai antara satu sama lain.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Ramon A.Estella

Pelakon : S.Kadarisman, Normadiah, S.Shamsuddin, Aziz Sattar, Mariani, Saloma, Leng Hussein, Ibrahim Pendek, Ahmad Nesfu.

## 1960

### \* ANTARA DUA DARJAT



Ghazali berkenalan dengan Tengku Zaleha yang tinggal di banglo Anggerik Villa. Pada majlis sambutan harijadi Tengku Zaleha, Ghazali dan rakan-rakannya dijemput membuat persembahan nyanyian. Hubungan Ghazali dan Tengku Zaleha semakin intim dan kelakuan Tengku Zaleha yang suka keluar bersiar-siar menimbulkan rasa marah ayahnya Tengku Karim. Tengku Karim kemudian mlarang Tengku Zaleha keluar bergaul dengan orang kebanyakan. Walaupun begitu, permintaan Tengku Zaleha untuk belajar bermain piano diizinkan ayahnya yang tidak mengetahui bahawa guru

piano tersebut iaitu Ghazali.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Saadiah, S.Kadarisman, Yusof Latiff, Ahmad Nisfu, Kuswadinata, Mariam, Rahmah Rahmat, Kemat Hassan, Ali Fiji.

### \* CHE MAMAT PARANG TUMPOL

Che Mamat sentiasa bernasib malang. Segala kerja yang dilakukan sentiasa tidak mendatangkan hasil. Atas pujuhan kekasihnya Fatimah, Che Mamat menyertai peraduan menulis cerita pendek. Kemenangannya membuka lembaran baru apabila dia ditawarkan menjadi wartawan di sebuah akhbar.

Penerbit: Cathay Keris

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon: Wahid Satay, Latifah Omar, M. Amin, Siti Tanjong Perak, Dollah Sarawak, Annie Jasmin, Salleh

Ghani, Yem Jaafar, Aman Belon.

### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-8, 1961 – Manila - Filem Komedi Terbaik.



### \* HANTU RIMA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : L. Krishnan, B.N. Rao, S. Roomai Noor

Pelakon : S.Roomai Noor, Mary Lim, Siput Sarawak, Yem, Safinah,Puteh Lawak, Aman Belon, Mahmud June



### \* ISI NERAKA

Filem ini mengisahkan tentang kedatangan Islam ke Tanah Melayu dan penerimaan penduduk setempat. Filem ini dimulakan dengan babak pengislaman Sultan Melaka dan para pembesarnya di istana oleh Makhsum Syed Abdul Aziz. Selepas itu, babak bersambung di sebuah perkampungan Melayu yang penduduknya masih belum memeluk Islam tetapi mendengar perkhabaran tentang Islam di Melaka.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Salleh Kamil. Haji Mahadi, Habsah, S.Kadarisman, Rahmah Rahma

### \* LELA MANJA

\* Lela dan Manja disiksa oleh ibu tiri, Dang Suri, setiap kali ayah mereka tiada di rumah. Perbuatan Dang Suri menjalin hubungan sulit dengan seorang lelaki kaya sering dilihat oleh Lela dan Manja tetapi mereka diugut supaya merahsiakananya. Namun rahsia itu terbuka lalu berlaku kejadian yang menyedihkan. Lela dan Manja kemudiannya terpisah ketika mlarikan diri.



Penerbit : Shaw Brothers.

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Zaiton, Jins Shamsuddin, Aziz Sattar, Rosenani, Bat Latiff, Haji Mahadi, Habibah Harun.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-7, 1960 - Tokyo

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Bat Latiff.

### \* MEGAT TERAWIS



Walaupun Kamsiah adalah isteri Megat Terawis, tetapi dia juga perempuan keinginan seorang Putera Raja, Tengku Johan Lela Pahlawan. Dengan perintah Sultan, sanggupkah Megat Terawis menceraikan isterinya atau dia rela menjadi penderhaka dan dihukum.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ahmad Mahmood, Hashimah Yon, Jins Shamsuddin, Haji Mahadi, A.Rahim, S.Kadarisman, Normadiah, Kemat Hassan, Rahmah Rahmat, Shariff Dol.

### \* NOOR ISLAM

Sebilangan kecil rakyat sebuah negeri yang beragama Islam dan kegiatan mereka berjalan secara rahsia yang mana akhirnya Puteri Raja sendiri memeluk Islam. Dalam pada agama Islam berkembang sedikit demi sedikit, para menteri dalam kerajaan tetap memegang teguh terhadap agama yang mereka anuti. Mereka turut mengupah dayang-dayang menyamar di sebalik patung-patung berhala supaya rakyat percaya patung itu berkuasa dan berkata-kata. Akhirnya niat jahat menteri-menteri itu terbongkar dengan kerjasama daripada Puteri Raja itu sendiri.

Penerbit : Cathay-Keris Film  
Pengarah : KM Basker

Pelakon : Nordin Ahmad, Salmah Ahmad, Siput Sarawak, Mahmud June, Shariff Medan.

### \* PAK PANDIR MODEN



Pak Pandir - seorang yang kedekut mempunyai empat orang anak. Pak Pandir membesaraskan anak-anaknya dengan pendekatan yang begitu tegas. Mereka tidak dibenarkan bangun lambat dan tidak dibenarkan bergaul dengan wanita. Walau bagaimanapun tanpa pengetahuannya, anak-anaknya membuat perhubungan dengan orang kampung.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : J. Cabin Yoo

Pelakon : Puteh Lawak, S. Roomai Noor, Roseyatimah, Wahid Satay, Mat Sentol.



#### \* PERTARONGAN

Datuk Gehara (Sharif Dol) hidup aman damai bersama isterinya, Dang Nila (Normadiah) dan dua orang anak lelakinya, Tamir (Jins Shamsudin) dan Sari (Aziz Jaafar). Jawatan Datuk Gehara menjadi rebutan, terutama sekali, Datuk Teras (S.Kadarisman) dengan pengikutnya, Datuk Berang (Salleh Kamil) dan Datuk Mika (Omar Suwita). Mereka terus memberontak dan membunuh Datuk Gehara. Dang Nila, Tamir dan Sari dapat melarikan diri ke kampung lain. Apabila Tamir dan Sari meningkat dewasa, Dang Nila menyuruh mereka membala dendam di atas kematian Datuk Gehara dan merampus kembali jawatan penghulu.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd .

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaafar, Zaiton, Jins Shamsuddin, Normadiah, S. Kadarisman, Salleh Kamil.



#### \* PUTERA SANGKAR MAUT

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh


Pelakon : Aziz Jaafar, Saadiah, Zaiton, Jins Shamsuddin, A.Rahim, Saamah, Rahmah Rahmat, Shariff Dol, M.Rafee.

#### \* SELAMAT HARI RAYA

Penerbit : Cathay Kers Film

Pengarah : B.N.Rau

Pelakon : S.Roomainoor, Maria Menado.



#### \* SUMPAH WANITA

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaafar, Hashimah Yon, Jins Shamsuddin, Normadiah, Aziz Sattar, M.Zain, H.M.Bosra.



#### \* TUNANG PAK DUKUN

Karim dan Tijah merupakan pelajar jurusan perubatan di sebuah universiti dan mereka adalah sepasang kekasih. Malangnya ketika pulang ke kampung, Tijah dijodohkan dengan dukun di kampungnya, Lebai Husin. Tijah dan Karim berusaha menghalang perkahwinan itu.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Abdullah Chik, Roseyatimah, Mahmud Jun.


## Bab 3

### (Filem 1961 Hingga 1970)



**1961**

**\* ABU NAWAS**



Filem Abu Nawas merupakan sebuah filem Melayu hitam dan putih yang diterbitkan di Singapura yang ketika itu merupakan sebahagian dari Malaya pada tahun 1961.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : A R Tompel

Pelakon : AR Tompel, Jah Ismail, Yusof Bujang, Fatimah Mohamed.



**\* ALI BABA BUJANG LAPOK**

Ali Baba adalah seorang yang miskin dan abangnya Kassim Baba yang kaya. Ali Baba sering meminta wang dan makanan daripada abangnya. Ketika Ali Baba mencari kayu, dia ternampak sekumpulan penyamun bergerak ke sebuah bukit batu yang besar. Ali Baba bersembunyi berhampiran gua itu dan apabila semua penyamun keluar, dia terus membuka pintu gua itu seperti mana yang dilakukan oleh ketua penyamun tadi. Ali Baba terkejut melihat harta yang begitu banyak. Abangnya Kassim Baba hairan apabila mendapat tahu hal ini. Sifat tamak Kassim Baba mendorongnya mengambil kesemua harta di dalam gua itu.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Normadiah, Aziz Sattar, S.Shamsuddin, K.Fatimah, Ibrahim Pendek, M.Zain, Leng Hussein.

**\* ANEKA HIBURAN**

Penerbit :

Pengarah :

Pelakon :

**\* ASMARA KIRANA**

Penerbit : Merdeka studio

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Ed Osmera, Sharifah Hanim.

**\* DARAH KU**

Penerbit : Maria Menado Film

Pengarah :

Pelakon : Malik Selamat, Maria Menado.



**\* GADO-GADO**

Penerbit :

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Wahid Satay, Fatimah Ahmad, Mahmud June, Aman Belon, Siti Tanjung Perak.

### \* HANG JEBAT

Sultan Melaka, Sultan Mansur Shah murka terhadap Laksamana Hang Tuah yang berpunca dari hasil fitnah Patih Karma Wijaya. Sultan mengambil keputusan hukuman bunuh dijatuhi keapada Hang Tuah, dan Datuk Bendahara diperintahkan supaya melaksanakan hukuman it. Hang Jebat bertindak menuntut bela di atas kematian Hang Tuah. Hang Tuah yang disembunyikan Bendahara Melaka dipanggil untuk membunuh Hang Jebat yang disifatkan menderhaka kepada Raja Melaka.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Nordin Ahmad, M. Amin, Latifah Omar, Mahmud June, Rosnani Jamil,

Abdullah Sani, Siput Sarawak

### \* Anugerah & Festival Filem

Penyertaan : Festival Filem Antarabangsa Hong Kong ke-26, 2002 (Tayangan Khas).

Festival Filem Asia ke-9, 1962 (Seoul).

**TriviA :** Filem pertama arahan Hussein Hanif.



### \* INDERA BANGSAWAN

Putera Raja Indera Bangsawan dan Indera Sakti mencari Buluh Perindu atas titah ayahandanya. Dalam perjalanan, mereka berdua terpisah kerana puting beliung. Indera Sakti tiba ke sebuah negara bernama Antah Berahi yang sepi kerana diserang Garuda. Dia membunuh Garuda dan menyelamatkan Puteri Sabna Sari. Mereka jatuh cinta. Indera Bangsawan pula tiba ke sebuah gua yang dihuni nendanya Kuban Shah. Indera Bangsawan meminta bantuan untuk mendapatkan Buluh Perindu. Kuban Shah menitahkannya ke negara Antah Permata dan berkahwin dengan Puteri Ratna Saerah. Buluh Perindu itu adalah helah ayahanda mereka yang mahukan kedua puteranya mencari pasangan hidup masing-masing.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Saadiah, Kuswadinata, Malik Sutan Muda, Habsah.



### \* JALAK LENTENG

Tengku Puteri, seorang anak Raja yang kematian ayahandanya hendak dikahwinkan oleh bondanya dengan Megat Rambai, seorang panglima Raja tapi dia tidak menyukainya kerana berwatak bengis dan nakal. Dalam masa yang sama seorang lagi anak Raja yang menjadi tetamu di Istana juga meminati tetapi tidak dilayan. Dia lebih meminati Jalak Lenteng tanpa menyedari tetamunya itu adalah Jalak Lenteng yang menyamar dan tinggal di dalam hutan dengan berpakaian hodoh. Walau bagaimanapun dia terpaksa meminta pertolongan Jalak Lenteng dari kebuasan Megat Rambai.

Megat Rambai.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Yusoff Latiff, Latifah Omar, Mahmud Jun.



#### \* LELA SATRIA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film .

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Ummi Kalthum, Mohd June, Wahid Satay, Mazlan Ahmad, Fatimah Ahmad.



#### \* MAS MERAH

Ia mengisahkan , 'Mas Merah' anak kepada sebuah keluarga dengan dua isteri yang bermusuhan. Ibunya ialah Mak Merah, yang berkongsi suami (Pak Sagai) dengan Mak Gelam. Malangnya, pasangan ibu tidak baik antara satu sama lain, sering bertengkar dan berkelahi untuk menyelesaikan perbezaan mereka. Permusuhan dan kebencian memuncak ke arah menghasut Mak Gelam mencederakan dan membunuh Mak Merah. Selepas kematian ibunya, Mas Merah terpaksa meninggalkan keluarga dan kampungnya untuk mencari perlindungan. Dia bertemu dengan Awang Sulong, seorang putera raja yang dilahirkan dan

dibesarkan di hutan akibat kepercayaan raja terhadap fitnah ibunya Puteri Mayang Mengurai.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Seri Dewi, A.Rahim, Habsah, Saamah, Salleh Kamil, Kemat Hassan, Malik Sutan Muda.



#### \* PANJI SEMERANG

Seorang puteri raja tidak mendapat perhatian dari ayahandanya. Dia mengembara ke luar istana dan menyamar menjadi seorang laki-laki bernama Panji Semirang. Sepanjang perjalanannya, ia menemukan banyak rintangan sebelum akhirnya dapat bertemu kembali dengan keluarganya.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaafar, Saadiah, S.Kadarisman, Dayang Sofia, Normadiah.



#### \* PUTERI GUNUNG LEDANG

Sultan Mahmud Shah ingin mengahwini Puteri Gunung Ledang. Baginda memerintahkan Hang Tuah dan Tun Mamat pergi meminang. Pinangan Baginda diterima oleh Puteri Gunung Ledang tetapi dengan beberapa syarat yang luar biasa. Walaupun begitu, kesemua syarat itu dapat dipenuhi kecuali syarat terakhir iaitu semangkuk darah putera Baginda.

Penerbit : Cathay-Keris Film.

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Mazlan Ahmad, Fatimah Ahmad, Wahid Satay, Puteh Lawak.

### \* SENIMAN BUJANG LAPOK



Tiga orang sahabat iaitu Ramli, Aziz dan Sudin tinggal di sebuah perumahan yang penuh sesak dengan pelbagai ragam manusia. Pelbagai adegan lucu yang berlaku di kawasan perumahan itu dan di tambah dengan telatah tiga orang sahabat itu yang membabitkan diri di dalam dunia perfileman di Studio Jalan Ampas.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Saloma, Aziz Sattar, S.Shamsuddin, Lena Hussein, M.Zain, Kemat Hassan.

### \* SRI MERSING



Damaq, seorang pendatang yang jujur dan ikhlas memulakan hidup baru di kampung lain. Apabila Damaq menyelamatkan Sri, gadis cantik di kampung itu, dia terpaksa berlawan dengan Awang Sulung. Sungguhpun kalah, Awang membuat fitnah yang memaksa Damaq keluar dari kampung itu. Ayah Sri, Pak Malau mendapat tahu bahawa Awanglah sebenarnya yang menjadi dalang di sebalik kehilangan Sri. Walaupun Pak Malau cuba memujuk Damaq dan keluarganya dari pergi, Damaq tetap pergi dari kampung tersebut.

Penerbit : Cathay – Keris Film

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Nordin Ahmad, Rosenani, Mahmud June, Hussein Abu Hassan, Rose Yatimah, Mustapha Maarof, Neng Yatimah, Rahmah Ali, Saadiah.

### \* SERI TANJUNG



Dua orang anak yatim dihalau keluar rumah oleh ibu tiri mereka. Ketika menghadapi pelbagai cabaran ketika dalam bandar yang dipenuhi pelbagai kejadian jenayah - mereka berjaya meneruskan hidup dengan menjual kuih muih dan berkerja sebagai kuli. Tun Setia yang menyamar dirinya sebagai orang biasa telah bersimpati dengan anak yatim tersebut. Hasratnya untuk menolong mereka diketahui oleh ibu tiri mereka.

Penerbit : Malay film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Hashimah Yon, Bat Latifff, Normadiyah, Omar Suwita, Rahmah Rahmat, Haji Mahadi, A.Rahim.

### \* SINGAPURA DI LANGGAR TODAK



Para nelayan yang menuju ke pantai untuk menangkap ikan bergegas pulang kendaratan kerana ikan todak mula menyerang Singapura. Maka Raja Singapura mengarahkan rakyatnya ke tepi pantai berbaris dan menjadikan betis masing-masing sebagai pedinding dari serangan ikan todak. Namun usahanya gagal. Seorang kanak-kanak berumur 7 tahun bernama Hang Nadim mencadangkan agar ditarik batang pisang untuk dijadikan kubu pertahanan. Akhirnya baginda bersetuju dengan cadangan itu. Kebanyakan ikan todak yang menyerang semula akhirnya tersangkut pada batang pisang. Singapura akhirnya bebas dari serangan ikan todak. Di istana, kebanyakkan pembesar berasa iri dengan kebijaksanaan Hang Nadim. Mereka berjaya menghasut Raja sehingga Hang Nadim dibuang ke laut.


Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaffar, Hashimah Yon, S.Kadarisman, Kuswadinata, Ahmad C.B, Bat

Latiff, M.Babjan.

### \* SI TANGGANG



Tanggang menjadi anak derhaka dengan ibunya selepas berjaya menjadi nakhoda kapal. Ibunya gembira sebaik saja megetahui kapal Tanggang akan berlabuh di perkampungan mereka. Dia ingin bertemu dengan Tanggang tetapi kecewa apabila dihalau dari kapal. Tanggang yang berkahwin dengan anak orang kaya malu muahu mengaku wanita tua yang buruk itu ibunya. Tanggang akhirnya menerima pembalasan apabila disumpah menjadi batu.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd (MPF)

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Normadiah, Zaiton, S. Kadarisman, Sarimah, Bat Latif.

### \* SITI ZUBAIDAH



Sultan Zainal Abidin menemui seorang gadis yang memiliki suara yang lunak ketika berhenti di sebuah pulau semasa dalam pelayaran. Baginda tertarik hati dengan suara dan wajah gadis itu. Apabila mengetahui gadis itu adalah anak kepada Penghulu pulau yang disinggahinya, Sultan Zainal Abidin memohon keizinan untuk menyunting anak Penghulu itu sebagai permaisurinya.

Penerbit : Cathay-Keris Film/Maria Menado Production

Pengarah : BN Rao.

Pelakon : Nordin Ahmad, Maria Menado, Siput Sarawak, M. Amin,

Mahmud June, Roseyatimah, Mat Sentol.

### \* SULTAN MAHMOO MANGKAT DIJULANG



Datuk Megat Seri Rama berjaya menumpaskan sekumpulan lanun, berjaya menyelamatkan Wan Anum. Baginda Sultan Mahmud amat gembira atas kejayaan Datuk Megat dan dinaikkan pangkat kepada Datuk Laksamana. Tun Bija Ali, seorang pembesar istana tidak berpuas hati dengan perlantikan itu lebih-lebih lagi apabila Datuk Laksamana Megat mengahwini Wan Anum.

Penerbit : Cathay

Pengarah : KM Basker

Pelakon : Nordin Ahmad, Maria Menado, M.Amin, Mahmud June, Mustapha Maarof, Siput Sarawak, Wahid Satay.



### \* SUMPITAN RACUN

ASP Latif adalah seorang pegawai polis yang ditugaskan menyiasat satu kes pembunuhan. Dia mendapat bantuan Dr Tan Lai Peng. Siasatan itu mengambil masa lama, namun dia berjaya membongkar satu kes rompakan. Kisahnya bermula apabila seorang mata-mata gelap dibunuh dan adiknya, Rokiah, diburu oleh kumpulan berkenaan kerana dia menyimpan satu rahsia penting.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : S. Roomai Noor, Latifah Omar, Mary Lim.



### \* TUN TIJAH

Tun Tijah yang memiliki rupa paras yang elok sering menjadi sebutan orang-orang yang berdagang di Pahang, namun begitu telah pun ditunangkan dengan Sultan Pahang. Khabar kecantikan Tun Tijah hingga ke pengetahuan Sultan Mahmud Syah yang ketika itu telah pun kematian isterinya yang pertama, Tun Kecil. Baginda telah menghantar utusan peminangan ke Pahang namun ditolak oleh Bendahara Seri Amar Diraja berikutan pertunungan Tun Teja dengan Sultan Pahang.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Abdullah Chik, Salmah Ahmad, Mustapha Maarof, A.R.Tompel.

### \* TUNGGAL

Penerbit :

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Ahmad Mahmud, Noor Azizah, S. Kadarisman, Mahyon Ismail, Hussein Abu Hassan, Nor Sabariah.



### \* YATIM MUSTAPHA

Permaisuri Ketiga cemburu terhadap Permaisuri Bongsu kesayangan Raja. Dengan itu beliau merancang untuk memfitnahnya. Raja diracun dan Permaisuri Bongsu dituduh membunuhnya lalu dihukum penjara seumur hidup. Anak Permaisuri Bongsu iaitu Tengku Cahaya dan Tengku Asmara kini menjadi mangsa keadaan dan terpaksa meninggalkan istana.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Nordin Ahmad, Siput Sarawak, Umi Kalsom, Salmah Ahmad, Abdullah Chik, Mustapha Maarof, Habibah Harun, Abu Bakar Yem

**1962**

**\* ANAKKU SUAMIKU**

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : S. Ahmad, Sharifah Hanim.



**\* BADANG**

Badang - seorang pemuda yang mempunyai kekuatan istimewa setelah memakan muntah hantu air yang hendak dibunuhnya kerana mencuri hasil tangkapan ikannya. Walau bagaimanapun, sebagai syarat, Badang tidak boleh berkahwin, jika tidak dia akan menemui ajal dengan dahsyatnya. Kegagahan Badang sampai ke pengetahuan Sultan dan Badang dilantik menjadi Panglima Di Raja.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Wahid Satay, Zainol Gemok, Roseyatimah, Umi Kalthoum, Shariff Medan, Dollah Sarawak, Siti Tanjung, Ani Jasmin, Udo Omar, Rahmah Ali.

**\* BATU DURHAKA**

Pemberontak yang diketuai oleh Perkasa (S. Kadarisman) dan kuncu-kuncunya sering membuat kacau dan pada suatu hari mereka menculik Madu. Kakaknya, Mawar yang juga tunang kepada Wira (Rahmah Rahmat) mengadu kepada ayahnya Tok penghulu Anjang (Malek Sutan Muda) untuk menyelamatkan adiknya. Anak murid kepada Tok Penghulu, Wira (Jins Shamsuddin) dan kuncu-kuncunya membantu untuk menyelamatkan Madu tetapi mereka mudah ditewaskan.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Jins Shamsuddin, Aziz Jaffar, Sarimah, S.Kadarisman, Rahmah Rahmat, Seri Dewi, Malik Sutan Muda.



**\* CHELORONG CHELORENG**

Tengku Mahkota Derma Kesuma yang enggan berkahwin dengan puteri dari negara musuh ayahandanya milarikan diri dari istana. Sewaktu dalam pelarian, Derma terpikat dengan Harum Cendana dan mengahwininya. Suatu hari, Harum Cendana dilarikan orang. Derma bersama-sama sahabatnya, Chelorong dan Cheloreng cuba mencarinya.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : S. Roomai Noor

Pelakon : Wahid Satay, Latifah Omar, Siti Tanjung Perak.

**\* DANG ANOM**

Dang Anom, gadis jelita anak kepada Sang Rajuna Tapa, ditunangkan dengan Panglima Malang. Seri Paduka Sultan yang jatuh cinta pada Dang Anom menjadikannya perempuan simpanannya. Panglima Malang berjaya memasuki istana untuk bertemu Dan Anom. Malangnya mereka ditangkap dan dihukum. Demi menyelamatkan anaknya Sang Rajuna Tapa membuka pintu utama kubu diraja untuk membenarkan askar Majapahit menyerang kerajaan itu.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Nordin Ahmad, Fatimah Ahmad, Mahmud June, M. Amin, Roseyatimah, Yusof Latiff.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-9, 1962 - Seoul

Muzik dan Lagu Terbaik.

**\* GERHANA**

Karim berhijrah dari kampungnya ke Singapura untuk memperbaiki kehidupan. Ia telah jatuh hati pada Nora pada pandangan pertama.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmud, Zaiton, Haji Mahadi, Rahmah Rahmat, Bat Latiff, Saamah, Habsah.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-11, 1964 - Taipei

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Bat Latiff.

**\* IBU MERTUAKU**

\* Perkahwinan Sabariah bersama Kassim Selamat ditentang oleh ibunya, Nyonya Mansoor seorang janda kaya yang mementingkan harta, pangkat dan kedudukan seseorang. Tindakannya ini menyebabkan penderitaan kepada Kassim Selamat. Kerana terlalu menangisi kehilangan Sabariah, mata Kassim Selamat menjadi buta.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramalee, Sarimah, Ahmad Mahmood, Mak Dara,

Zaiton, Ahmad Nisfu.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-10, 1963 - Tokyo

Pelakon Berbakat Serba Boleh - P. Ramlee

Sinematografi Hitam Putih Terbaik - A. Bakar Ali

Festival Filem Dunia, Januari 1965 - Paris

Anugerah : Hadiah Istimewa

**\* JULIA JULI BINTANG TUJUH**

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Nordin Ahmad, Wahid Satay, Umi Kalsum, Putih Lawak.



#### \* KERIS SEMPENA RIAU



Laksmana Ali memfitnah ayah Engku Muda yang menyebabkan Laksmana Perwira Jiwa dipenjara oleh Sultan Riau. Laksamana dituduh mencuri *Keris Riau* yang dimiliki oleh Laksmana Ali padahal Laksamana Ali merancangnya dengan tersusun iaitu *Keris* itu diletakkannya di tempat tinggal Laksamana Perwira Jiwa agar dituduh. Selepas pemenjaraan Laksamana Perwira Jiwa, Laksmana Ali membuat rancangan seterusnya iaitu ingin membunuh isteri Laksamana Perwira Jiwa dan rumah ibu Engku Muda dibakar. Akhirnya anak Laksamana Perwira Jiwa iaitu Engku Muda berjaya menangkap orang suruhan Laksamana

Ali yang ingin membunuh ibunya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : L. Krishnan

Pelakon : Abdullah Chik, Kasma Booty, Mustapha Maarof, Mahmud June, Salmah Ahmad, Nyak Othman.

#### \* KORBAN KASIH

Tengku Iskandar membantu menguruskan perniagaan ayahnya dan dia dikenali rakan-rakannya sebagai Ariffin. Ariffin berkenalan dengan seorang jururawat bernama Marhaini dan hubungan mereka bertambah intim. Apabila Ariffin ditugaskan oleh ayahnya ke Jakarta, Ariffin berjumpa Marhaini sekali lagi dan meluahkan perasaan cintanya. Dalam perjalanan ke Jakarta, kapal terbang yang dinaiki Ariffin kemalangan. Sementara itu, di sebuah pulau, penduduk kampung menyelamatkan Ariffin yang terdampar di tepi pantai.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Yusof Latiff, Fatimah Ahmad , Siput Sarawak, Zainab Yem.

#### \* LAILA MAJNUN




Laila adalah anak Orang Kaya Amir, dan Qais pula anak kepada Amri yang miskin. Laila dan Qais mula berkasihan sejak di bangku sekolah. Orang Kaya Amir menentang perhubungan mereka dan ini menyebabkan Laila terpaksa berjumpa Qais secara diam-diam sehingga mereka dewasa. Orang Kaya Amir cuba memisahkan mereka setelah mendapat tahu bahawa mereka masih bercinta. Untuk memutuskan perhubungan mereka, Orang Kaya Amir berpindah dan sejak itu Qais merana. Qais bertekad mencari Laila dan berjaya menemuinya ketika gadis itu sedang memberi derma kepada orang miskin.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, Umi Kalthom, Ahmad Nisfu, Habibah Harun, Abu Bakar.

#### \* LABU & LABI



Labu dan Labi adalah orang gaji Haji Bakhil. Mereka berdua bercita-cita menjadi kaya dan berkahwin dengan anak Haji Bakhil, Manisah. Untuk memikat Manisah mereka berangan-angan menjadi orang kaya dan menempuh pelbagai pengalaman menarik termasuklah di hutan. Walau bagaimanapun berlakulah perebutan antara Labu dan Labi.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Mariani,M.Zain, aloma, Udo Omar, Rahimah Alias, Sarimah, Aziz Sattar

### \* LANCANG KUNING



Telani adalah penari kepada Baginda Sultan Siak, dan Baginda Sultan terpikat dengannya. Pada masa yang sama, kedua-dua panglima Baginda Sultan iaitu Panglima Alang Yahya dan Panglima Ali juga terpikat dengan Telani. Walau bagaimanapun, Telani lebih menyukai Alang Yahya. Hubungan mereka mula terjalin sejak Alang Yahya menyelamatkan Telani daripada mati lemas. Hal ini tidak menyenangkan Panglima Ali lalu dia mencuba pelbagai helah untuk menggagalkan hubungan Telani dan Alang Yahya. Rancangannya hampir berjaya apabila Alang Yahya dan Telani dituduh berlaku sumbang. Sebaliknya apabila mereka dibawa menghadap, Baginda Sultan menyuruh mereka bernikah. Sewaktu Telani mengandung, Alang Yahya diutuskan berlayar ke Lingga untuk mengutip ufti. Kesempatan ini diambil oleh Ali untuk membala dendam.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, Yusof Latiff, Haji Arshad, Roseyatimah.

### \* LUBALANG DAIK

Kekejaman Dato' Demang yang mengutip cukai ke atas penduduk setempat setelah berkerja keras ke atas hasil usaha tanaman mereka tidak disenangi oleh Sinkip. Ketika beliau datang untuk mengutip cukai di kampung mereka dia dihiburkan oleh Melati dan menarik perhatiannya. Dia memberi arahan supaya Melati tinggal bersamanya di tempat kediamannya. Sinkip berdendam kerana Melati adalah tunangnya. Dia bersemuka dengan Dato' Demang tetapi dia tidak mampu melawan kekuatan Dato' Demang.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Aziz Jaffar, Sarimah, Jins Shamsuddin, S.Kadarisman, Rosenani, Normadiah, A.Rahim, Haji Mahadi, Habsah, Suraya Harun.

### \* MABOK KEPAYANG



Hubungan Ahmad dan Aminah tidak direstui oleh keluarga mereka. Ibu Ahmad dan bapa Aminah sering bersengketa. Ahmad terpaksa meninggalkan kampung. Pada masa yang sama, seorang pemuda kaya cuba memikat Aminah tetapi tidak diendahkannya. Adik beradik Aminah membantu menghalang niat jahat pemuda tersebut. Sekembalinya Ahmad dari perantauan, dia cuba merapatkan semula hubungannya dengan Aminah. Tidak berapa lama kemudian, bapa si pemuda kaya yang baru pulang ke kampung setelah menguruskan perniagaannya di Indonesia pula terpikat dengan Aminah. Ibu si pemuda kaya yang mendapat tahu hal tersebut cuba menghalang suaminya daripada berkahwin dengan Aminah seterusnya berjaya merapatkan hubungan antara keluarga Ahmad dan Aminah.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Wahid Satay, Ani Jasmin, Siti Tanjung Perak.

### \* MATA SYAITAN

Penerbit : Cathay

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Yusoff Latiff, Fatimah Ahmad.

### \* NERACHA



Seorang suami, Rahman hidup dihimpit kesusahan. Keadaan menjadi lebih terbeban apabila anak lelakinya sakit. Rahman cuba meminjam kepada majikannya tetapi tidak berhasil. Akhirnya kerana terlalu terdesak dia mencuri duit syarikat. Polis mencari Rahman di rumah tetapi dia sempat mlarikan diri ke Pahang dan meninggalkan anak dan isterinya. Di sana dia telah dianggap sebagai Husin, adik kepada pemilik ladang getah kerana wajahnya yang seiras Husin. Dia kembali ke Singapura untuk mengambil Minah dan anaknya, Mansor. Tetapi Minah tidak mahu kerana ia bukan harta mereka yang sebenar. Rahman membuat pertimbangan antara harta dan keluarga. Akhirnya Rahman membuat keputusan untuk menyerah kepada polis. Dengan cara itu barulah dia mendapat kembali anak dan isterinya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Aziz Jaffar, Murni Sarawak

### \* NORLELA

Mengisahkan kisah percintaan antara Norlela, (Murni Sarawak) dan Putera Amran, (Aziz Jaafar). Norlela bekerja sebagai penghibur di istana. Raja, (S. Kadarisman) menitahkan agar Amran dikahwinkan dengan Puteri Faridah, (Sarimah) dari kerajaan Tading Naurat. Amran tidak bersetuju dan Raja murka dengan keputusan Amran. Sementara itu, akibat kecewa dipermainkan, Raja Tading Naurat iaitu Sultan Abdul Hamid, (M. Rafiee) menitahkan agar Panglima Badrul Hisham (Salleh Kamil) menyerang kerajaan itu, tetapi dihalang oleh

Badrul Hisham.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Aziz Jaafar, Sarimah, Murni Sarawak, S.Kadarisman, Salleh Kamil, Kuswadinata, M.Rafee, Omar Suwita.

### \* RATAPAN IBU

Penerbit : Merdeka Film Productions.

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Mustapha Maarof, Kasma Booty, Abdullah Chik, Norasmah, Rosemawati.



### \* SELENDANG MERAH

Datuk Mega bimbang Datuk Sura akan mempengaruhi orang-orang kampung bangun menentang kezalimannya memeras gut dan membuat ancaman. Dengan bantuan anaknya (Datuk Gaya), Lantam dan Jampok, Datuk Mega memaksa Datuk Sura pindah kerana rumah yang didudukinya adalah di atas tanah kepunyaannya. Datuk Sura diberi tempuh 30 hari untuk pindah atau pun membayar 500 ringgit. Bersimpati dengan kesusahan yang ditanggung Datuk Sura, orang-orang kampung yang diketuai Darma bersatu hati membuat hasil kerja tangan untuk dijual ke Tasik. Apabila siap semua barang-barang itu Darma menawarkan diri untuk ke Tasik menjualkannya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Abdullah Chik, Kasma Booty, Salmah Ahmad, Mustapha Maarof, Mahmud Jun.

**\* SITI MUSLIHAT**

Sebuah cerita yang mengisahkan tentang seorang isteri yang menyokong jangka masa suaminya menjadi Sultan di negara Indera Permai. Pada ketika zaman diraja dan orang kampung di mana ada pepatah mengatakan "seorang suami kepunyaan si isteri dan si isteri kepunyaan si suami. Hanya persefahaman antara mereka akan membawa kebahagian dan kemesraan.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Ibrahim Pendek, Aziz Sattar, S.Shamsuddin, M.Zain, Mariani.

**\* SITI PAYUNG**

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Mustapha Maarof, Salmah Ahmad, Kasma Booty, Abdullah Chik, Mahmud Jun, Latifah Omar.

**\* TUN FATIMAH**

Tun Fatimah seorang wanita yang berjiwa perwira yang sentiasa melindungi Melaka daripada ancaman Portugis. Tun Fatimah anakanda perempuan kepada Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir. Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir ialah anak Bendahara Seri Nara Di Raja Tun Ali dengan Tun Kudu. Tun Fatimah sudahpun berkahwin dengan Tun Ali apabila Sultan Mahmud cuba memperisterikannya. Disebabkan fitnah, Sultan Mahmud memerintahkan hukuman bunuh kesemua ahli keluarga Tun Fatimah termasuklah kekandanya Tun Tahir, Tun Hasan dan ayahandanya Bendahara Tun Mutahir serta suaminya Tun Ali. Sultan Mahmud yang menyesal selepas menyedari fitnah tersebut akhirnya berkahwin Tun Fatimah.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Maria Menado, Nordin Ahmad, Yusof Latiff, Roseyatimah, Salleh Melan, Ahmad Nisfu.

**1963**

**\* ANAK MANJA**

Filem ini mengisahkan bagaimana dua beradik, Aziz dan Syukur yang mempunyai watak yang berbeza. Aziz seorang yang nakal serta sering mengamalkan sikap pentingkan diri sendiri. Manakala Syukur pula seorang yang cukup sederhana.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Mustapha Maarof, Kasmah Booty, Rosemawati, Abdullah Chik, Mahyon Ismail.

### \* BAYANGAN DI WAKTU FAJAR



Kisah nasib malang yang menimpa gadis desa Suriyani, seorang anak angkat yang menjadi mangsa pertaruhan dalam konflik merebut harta pusaka antara dua abang angkatnya. Umar seorang yang suka hidup berpoya-poya sedangkan Salim adalah seorang yang berkerja keras memajukan estet getah mereka.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Usmar Ismail

Pelakon : S. Roomai Noor, Latifah Omar.

### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-10, 1963 (Tokyo)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik.

### \* BUDI DAN DOSA

Asmah yang cemburu dengan adik angkat sanggup memfitnahnya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Zaiton, Hashimah Yon, Kuswadinata, Zainon Fiji, Haji Mahadi.



### \* CHEMPAKA BIRU

Sebuah negeri baru sahaja kematian Sultan. Sebelum mangkat, Sultan tersebut telah bertitah supaya mencari puterinya yang dilarikan lanun berpuluhan tahun yang lalu. Selagi tidak ditemui, jenazah Sultan tidak boleh dikebumikan. Satu angkatan yang diketuai Wan Perkasa telah ditugaskan mencari Puteri Cempaka dan ini tidak disenangi oleh Datuk Juada yang telah mengarahkan anak angkatnya, Depuh agar mendahului angkatan itu dan membunuh Wan Perkasa. Depuh diarahkan supaya mencari seorang gadis bernama Kenchana sebagai ganti Puteri Cempaka untuk kepentingan Datuk Juada.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Ghazali Sumantri, Suraya Harun, Rosyatimah, Yem.



### \* CHUCU DATOK MERAH

Awang Janggut ialah cucu kepada Datok Merah, seorang panglima yang terkenal lagi terhormat di Terengganu suatu ketika dahulu. Awang sering berbangga dengan asal keturunannya itu. Dia tidak mahu membuat kerja-kerja biasa di kampung walaupun terpaksa hidup susah bersama isterinya Wan Kuntum. Kesukaan Awang ialah memelihara seekor ayam sabung bernama Jalak.

Pada suatu hari, Awang telah menyelamatkan Siti Molek dari gangguan pemuda kampung bernama Long Daik. Siti telah memujuk ayahnya, orang kaya Hassan supaya mengambil Awang bekerja sebagai pengawal keselamatan mereka. Walaupun tahu Awang sudah beristeri, Siti telah menggoda Awang supaya suka kepadanya. Sementara itu, Wan Kuntum yang sedang hamil sering ditinggalkan keseorangan di rumah.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, Roseyatimah, A. Rahim, Yem Jaafar, Dollah Sarawak, Rahimah Alias, Minah Yem, M. Osman.

### \* DARAHKU



Fauziah tinggal bersama ayahnya, Pak Sabah. Mereka berdua sering kesempitan wang dan sentiasa meminta pertolongan abangnya, Zahari tetapi Zahari tidak pernah membantu ayahnya. Zahari mempunyai isteri, Ramlah sentiasa tidak puas dengan apa yang di milikinya. Pada suatu hari, ketika hujan lebat ayahnya dilanggar kereta, dan dirawat oleh Yazid pemilik kereta yang melanggar ayahnya itu. Selepas kemalangan itu ayahnya tidak dapat berkerja dan sering jatuh sakit. Tetapi abangnya Zahari tidak pernah menjenguk. Pada suatu hari ayahnya diserang sakit jantung dengan tiba-tiba, dan meninggal dunia. Kebetulan hari itu abangnya di tuduh mencuri dan di masukkan kedalam penjara.

Penerbit : Cathay-Keris Film / Penerbit Bersama Maria Menado Production

Pengarah : Ramon Estella

Pelakon : Malik Selamat, Maria Menado, Mariani, Ghazali Sumanteri.

### \* DARAH MUDA



Fauziah yang miskin tinggal bersama sama bapanya, Pak Sha'aban seorang penjaja makanan. Abang Fauziah dan isterinya Ramlah hidup dalam kemewahan walaupun sebenarnya berhutang. Ramlah yang suka berbelanja besar membuatkan suaminya berhutang keliling pinggang. Melihatkan kemewahan abangnya Fauziah cuba meminjam wang dari abangnya. Tetapi abang Fauziah tidak membantunya. Satu hari ayah Fauziah Pak Sha'aban dilanggar kereta yang dipandu oleh seorang pemuda bernama Yazid. Yazid menghantar Pak Sha'aban ke hospital dan Yazid ke rumah Pak Sha'aban untuk memberitahu Fauziah mengenai hal itu. Yazid menanggung kesemua perbelanjaan bil hospital rawatan Pak Sha'aban. Yazid yang sudah mula terpikat pada Fauziah melamar Fauziah untuk menjadi isterinya. Fauziah mula hidup senang kerana Yazid berasal daripada keluarga berada. Abang Fauziah yang kesusahan mula menganggu Fauziah dengan meminta wang darinya.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Salleh Kamil, Mariani, S.Kadarisman, Rahmah Rahmat.

### \* FAJAR MENYINSING

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : L.Krishnan

Pelakon : Abdullah Chik, Norasmah, Mahmud Jun, Kasma Booty, Mustapha Maarof.

### \* GILA TALAK

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film


Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Wahid Satay, Fatimah Ahmad, Yusof Latiff, Dollah Sarawak, Siti Tanjung Perak, Umi Kalthom.



### \* GUL BAKAWALI

Ia mengisahkan pengembalaan Taj dan rakannya Mubarak mencari Bunga Bakawali untuk mengubati mata Rajanya yang tiba-tiba buta bila terpandang wajahnya. Dia banyak menempuh dugaan dan godaan ketika pengembalaan itu termasuk dari seorang ahli sihir perempuan yang handal (Puteri Jenuh Hati). Akhirnya dia bertemu juga Bunga Bakawali itu yang hanya terdapat dalam taman larangan kepunyaan Puteri Saharazad yang dkawal ketat oleh Jin yang garang.



Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar.

### \* IBU AYAM

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Mustapha Maarof, Salmah Ahmad, Mak Dara, Mahmud June, Aziz M. Osman.



### \* JAMBATAN MAUT

Hamidah tinggal bersama ibunya yang buta. Ketika pulang selepas mandi dan mencuci kain, Hamidah diganggu oleh Haron (Kepala Penjahat) dan tiga lagi kawannya. Hamidah berjaya melepas diri dan lari, tetapi dikejar oleh Haron dan kawan-kawannya. Sampai di pertengahan jambatan buluh untuk menyeberang dia tidak dapat lepas kerana dikepung.

Demi mempertahankan maruahnya, Hamidah mengambil keputusan terjun ke dalam sungai. Ibrahim, kebetulan sedang lalu di situ, cuba menyelamatkannya tetapi gagal.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Maroeti

Pelakon : A.Mokhtar, Sofia Ibrahim, A.Bakar Jaafar.

### \* KASIH TANPA SAYANG

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ahmad Mahmood, Hashimah Yon, Normadiah, Aziz Jaffar, Rosenani, M.Zain, Habsah, Ibrahim Pendek, Omar Suwita.

### \* KORBAN

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, S.Kadarisman, Mariani, Zaiton, Kuswadinata, Omar Suwita, Malik Sutan Muda, Bat Latiff, Haslinda.

### \* MASUK ANGIN KELUAR ASAP

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Wahid Satay, Fatimah Ahmad, Yusof Latiff, Dollah Sarawak, Siti Tanjung Perak, Udo Omar, Mat Sentol.

#### \* MELANCONG KE TOKYO



Rosnah (Saadiah) merupakan seorang wanita dari Malaysia yang memenangi peraduan dengan ganjaran melancong ke Tokyo dan segala perbelanjaan ditanggung oleh pihak penganjur. Kunio (Asao Matsomoto) dan Mariko (Motoko Furukawa) ditugaskan untuk menjadi pemandu Rosnah bersama bapa saudaranya, Ali (S. Kadarisman) semasa mereka berada di Tokyo. Mariko mencintai Kunio tanpa pengetahuannya. Tetapi, Kunio tidak mencintai Mariko kerana terpikat dengan kejelitaan Rosnah. Rosnah tidak dapat menerima cinta Kunio kerana sudah mempunyai kekasih di kampungnya yang bernama Darus (Aziz Jaafar).

Penerbit: Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : Ramon A. Estella

Pelakon : Aziz Jaafar, Saadiah, S. Kadarisman, Asao Mutsumoto, Motoko Furukawa, Normadiah, M. Zain, Rahmah Rahmat.

#### \* NASIB SI LABU LABI



Selepas kematian isteri, suasana sedih menyelubungi keluarga Haji Bakhil. Namun, bila Labu dan Labi menunjukkan diri, awan duka beredar pergi, cahaya gembira mula menari sesudah 'lepas hari'. Haji Bakhil menjadi ulat daun: Labu dan Labi tumpang sekaki bak kena miang keladi. Walau bagaimanapun, Haji Bakhil yang kedekut mula berani menabur wangi untuk derma itu dan ini, terutamanya bila yang datang memintanya ialah seorang perempuan bernama Murniati (Murni Sarawak), guru di sekolah anak-anak yatim.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd.

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, M. Zain, Udo Omar, Mariani, Ibrahim Pendek, S. Shamsuddin, Murni Sarawak, Habsah Buang, Sudarmaji, Aziz Satar, Ahmad Nisfu, Dayang Sofia.

#### \* PILEH MENANTU



Ia mengisahkan Encik Udo (Udo Omar) dan Puan Habsah (Habsah Omar) yang mempunyai dua anak perempuan bernama Nona (Sarimah) dan Noni (Dayang Sofia) yang kerap menolak pinangan orang. Kedua-dua mereka mahu bermenantukan orang kaya. Malang sekali kerana terlalu memilih, akhirnya mereka ditipu dan mendapat menantu tukang kebun dan pemandu sahaja.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaafar, Sarimah, M.Zain, Dayang Sofia, Ibrahim Pendek, Habsah, Ahmad Nesfu, Udo Omar, Mustarjo.

#### \* PERTIWI

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Ed Osmera, Sharifah Hanim, Dali Siliwangi, Mariati.



#### \* PONTIANAK KEMBALI

Penerbit : Cathay-Keris Film / Penerbit Bersama Maria Menado Production

Pengarah : Ramon Estella

Pelakon : Maria Menado, Malik Selamat.

### \* PUTERI CEMPAKA BIRU




Sebuah negeri baru sahaja kematian Sultan. Sebelum mangkat, Sultan tersebut telah bertitah supaya mencari puterinya yang dilarikan lanun berpuluh tahun yang lalu. Selagi tidak ditemui, jenazah Sultan tidak boleh dikebumikan. Satu angkatan yang diketuai Wan Perkasa telah ditugaskan mencari Puteri Cempaka dan ini tidak disenangi oleh Datuk Juada yang telah mengarahkan anak angkatnya, Depuh agar mendahului angkatan itu dan membunuh Wan Perkasa. Depuh diarahkan supaya mencari seorang gadis bernama Kenchana sebagai ganti Puteri Cempaka untuk kepentingan Juada.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Ghazali Sumantri, Suraya Harun, Rose Yatimah, Yem.

### \* RAJA BERSIONG



Seorang raja murka kerana masakan yang dihidang kepadanya tidak sedap. Namun, dia akhirnya berselera semula dan bertanya kepada tukang masaknya mengenai ramuan digunakan. Tukang masak itu memberitahu darahnya masuk ke dalam makanan raja kerana tangannya terluka. Mulai saat itu, raja berkenaan semakin meminati darah manusia hingga giginya ditumbuh siong dan rakyat menjadi mangsa.

Penerbit : Cathay-Keris Film.

Pengarah : Ramon Estella

Pelakon : Malik Selamat, Maria Menado, Eddy Ali, Raden Sudiro, Izat Emir, Asnawi, Marsita, Alias Congo, King Godobell, Raden Juriah.

### \* RUMAH ITU DUNIA AKU



Kisah nasib seorang anak orang gaji, Lena yang selalu didera dan dicemuh oleh isteri majikannya yang sangat membencinya. Dia juga tidak menyedari bahwa majikan lelakinya adalah ayahnya sendiri dan selalu melindunginya. Tapi ayahnya terpaksa merahsiakan hubungan dengan ibunya dari pengetahuan adik beradik yang lain kerana perjanjian dengan isterinya – Mak Pah. Akhirnya abang sulongnya mengetahui rahsia ini dan cuba melindungi dia dari tindakan ibunya yang masih berdendam kerana bermusuhan dengan ibu Lena.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : S. Roomai Noor, Latifah Omar, Malik Selamat, Roseyatinah, Tony Kassim.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-11, 1964 - Taipei

Bakat Baru Menyerlah – Piala Emas (International Association of Independent Film US) – Malek Selamat.

**\* TAJUL ASHIKIN**

Kisah seorang Tengku Mahkota bernama Tengku Ibrahim yang ingin belajar mengenai dunia luar. Beliau menyamar sebagai penjual kain bernama Tajul Ashikin. Ketika berniaga, kainnya dicuri oleh seorang budak. Apabila mengejarnya, Tajul berjumpa dengan kakak budak itu lalu hatinya terpaut. Pada waktu sama berlaku pergolakan di kampung itu.

Penerbit : Cathay-Keris Film.

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Roseyatimah.

**\* TANGKAP BASAH**

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Mustapha Maarof, Kasma Booty, Mahmud Jun, Mak Dara, Rosemawati.

**1964**

**\* AIR MATA DUYUNG**

Seorang nelayan bernama Awang Jermal yang bersahabat baik dengan putera raja bernama Engku Alang di mana dalam masa yang sama, adik Engku Alang, Engku Suraya telah jatuh cinta dengan Awang Jermal. Akibatnya Engku Suraya telah disumpah menjadi ikan duyung kerana bercinta dengan rakyat biasa.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Suraya Haron, Malik Selamat, Neng Yatimah, Salina, Rohani Yusoff.

**\* DUA PENDEKAR**

Cerita mengenai Awang Lekiu yang melantik dirinya Datuk Bendahara selepas kematian ayah angkatnya, Datuk Bendahara Mutualib. Dia memerintah dengan zalim dan rakyat dipaksa menurut segala perintahnya. Suatu hari, seorang pemuda, Adam bersama orang kampung yang enggan mengikut katanya ditangkap serta diseksa. Pada masa yang sama, Awang Lekiu meminang Kenaga, kekasih Adam, tetapi ditolak oleh gadis itu. Awang Lekiu berjanji akan membebaskan Adam sekiranya Kenaga bersetuju berkahwin dengannya.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Yusof Latiff, Roseyatimah, Salleh Melan, Siti Tanjung Perak.

**\* DUPA CHENDANA**

Penerbit : Shaw

Pengarah : Ramon A. Estella

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Mariani, Aziz Jaffar, S.Kadarisman.

**\* HUJAN DARAH**

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Ali Rahman, Sofia Ibrahim, Rosemawati, Abdullah Chik.

**\* HUTANG DARAH DIBAYAR DARAH**

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Nordin Ahmad, Roseyatinah.



**\* ISTANA BERDARAH**

Mengisahkan perihal Mahfuz dan Mahadi - dua orang pahlawan yang terselamat apabila kapal mereka diserang oleh lanun. Mereka mendarat di sebuah pantai yang tidak diketahui dan mereka bertemu seorang pertapaan. Dia meramalkan bahawa Mahfuz akan menjadi seorang yang berkuasa di negeri sedangkan Mahadi akan menjadi rakyat biasa.

Penerbit : Cathay

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Yusof Latiff, Salleh Melan, Fatimah Ahmad, Ahmad

Osman, Soraya Harun.



**\* JAUH DI MATA**

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Fred Young

Pelakon : Abdullah Chik, Sofia Ibrahim, Rosemawati, Derwis Mansor.



**\* JERITAN BATIN**

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Aziz Jaffar, Normadiah, Haji Mahadi, Omar Suwita, Aziz Sattar.



**\* KALUNG KENANGAN**

Tengku Mawar melahirkan anak yang tidak diketahui bapanya. Demi menyimpan rahsia itu, anaknya dihanyutkan ke sungai. Anak itu dijumpai dan dibesarkan sepasang suami isteri yang menamakannya Rabu. Malangnya, ibu angkat Rabu tidak menyenangi kehadiran Rabu lantas menghalauinya pergi. Rabu mengembara dan akhirnya sampai ke sebuah negeri. Di situ bermulalah kisah Rabu dilantik menjadi Panglima.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Ghazali Sumantri, Latifah Omar, Haji Arshad, Umi Kalthom.

### \* MADU TIGA



Jamil (P. Ramlee) telah beristeri dengan Latifah (Zaharah Agus) selama 12 tahun tetapi Latifah tidak mengambil berat tentang Jamil. Tanpa pengetahuan Latifah Jamil bernikah lagi dengan Hasnah (Jah Mahadi). Walaupun Jamil sudah berkahwin dua, namun setelah terpandang wajah Rohani (Sarimah), hati Jamil berkeinginan pula untuk berkahwin dengan Rohani.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Ahmad Nisfu, Sarimah, M.Rafee, Haji Mahadi, Zahara Agus, Alias Congo.

### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-11, 1964 - Taipei  
Filem Komedi Terbaik.

### \* MAMBANG

#### MODEEN



Kisah lika-liku hidup anak muda sebagai anak seni. Anuar adalah ketua kepada sebuah kelab seni. Dia seorang penyanyi & pemain muzik. Anuar diminta menjadi guru nyanyi Azlin atas desakan Mariam. Niat Anuar hanyalah untuk mencari rezeki.

Penerbit : Malay Film Productions (MFP)

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Aziz Jaffar, Saadiah, Normadiah, Aziz Sattar, S.Shamsuddin, M.Zain, Dayang Sofia, Omar Suwita, Ibrahim Pendek, Rahmah Rahmat.

### \* MAT TIGA SUKU

Filem ini mengisahkan Mat ‘mendengar’ suara penunggu rumah dan meminta pelbagai benda seperti nasi, air dan duit yang banyak. Mat menjadi ‘kaya’. Kebetulan rompakan berlaku dan Mat dituduh merompak dan dipenjarakan. Dalam penjara Mat berjaya menghalang cubaan banduan untuk melepaskan diri dan diberi habuan dan hidup mewah dalam penjara.

Penerbit : Keris Film Productions

Pengarah : Mat Sentol

Pelakon : Mat Sentol, Noraini, Wahid Satay.

### \* MATA PERMATA



Ia megisahkan tentang sikap ingin menunjuk-nunjuk dan bersaing antara dua keluarga Kahar dan Cikgu Latiff.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-11, 1964 - Taipei  
Anugerah Juri - Anugerah Golden Harvest - Sumbangan Dalam Kemajuan Pendidikan Sosial.

Penerbit : Malayan Film Unit

Pengarah : Osman Shamsuddin

Pelakon : SM Salim, Norlidar Saidi, Siti Hawa Zain, Abu Bakar Ahmad, Norma Salim.



#### \* PANGLIMA BESI

Penerbit : Loke Wan Tho-Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Roseyatimah, M. Wari.



#### \* PONTIANAK GUA MUSANG

Filem ini mengisahkan Amran dan Rohani yang menjalin hubungan cinta melampaui batas di hadapan Gua Musang. Amran kemudiannya pergi belayar dan untuk menutup malu Rohani membawa diri ke hujung kampung. Sekembalinya Amran dari perantauan, dia mendapati Rohani sudah tiada. Halimah membunuh Rohani hanya semata-mata untuk memikat Amran. Rohani yang sudah mati kini menjelma sebagai harimau jadian dalam mimpi Halimah.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : BN Rao

Pelakon : Suraya Haron, Wahid Satay, Mat Sentul, Umi

Kalthum, Siput Sarawak, Siti Tanjung Perak. Malik Selamat, Dollah Sarawak, Yem Jaffar, Aman Belon Ghazali Sumantri.

#### \* RAGAM P. RAMLEE

P. Ramlee dan Saloma mempersembahkan tujuh lagu secara solo dan berduet. Minta Nombor Ekor - Kisah dua sahabat, Ramlee dan Raden yang ingin cepat kaya dan selalu bermain judi 'tiga nombor ekor'. Damaq - Kenanga tinggal bersama abangnya, Anggerik, seorang peniaga yang sering berdagang ke serata pekan dan negeri. Oleh kerana bimbangkan keselamatan adiknya semasa ketiadaannya, Anggerik merancang menjodohkan Kenanga dengan Damaq, seorang perwira muda di kampungnya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Saloma, Kasma Booty, Mahmood June, Ali Rahman, Idris Hashim, Yusof Banjar, Minah Hashim, Zsa Zsa Loma.

\* **TriviA** : Cerita Minta Nombor Ekor pada mulanya tidak diluluskan untuk tayangan kerana bertentangan dengan agama Islam.

#### \* RUMAH ITU DUNIA AKU



Filem ini mengisahkan seorang anak perempuan yang bekerja di rumah bapanya bersama ibu tirinya sebagai pembantu rumah.

Penerbit : Cathay Keris

Pengarah : M.Amin

Pelakon : S.Roomai Noor, Latifah Omar, Rose Yatimah, Malek Selamat, Siti Tanjung Perak.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-11, 1964 - Taipei

Bakat Baru Menyerlah - Piala Emas (International Association of Independent Film US) – Malek Selamat.

### \* SI TORA HARIMAU JADIAN



Penduduk Kampung Kiambang ketakutan kerana keganasan Sitora Harimau Jadian. Dr.Effendi yang datang untuk membantu orang kampung di situ pun akhirnya disumpah dan menjadi Anak Sitora dan turut mengganas. Seorang pendatang bernama Pendekar Amin tidak mempercayai perkara tahuyl dan tidak memerlukan bantuan Tok Bomoh. Tuan OCPD menerima banyak aduan tentang keganasan Sitora, tetapi beliau tidak mempercayainya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P.Ramlee Mahmud June,Rosmawat, Ali Rahman, Minah Hashim, Fazliyaton, Idris Hashim, Yusof Surya.

### \* SIAPA BESAR



Mengisahkan pertandingan dua keluarga berjiran siapa yang lebih kaya dan bermampu. Mereka bersaing membuat tembok tebal, kemudian pertandingan siapa yang membeli barang mahal. Sharipah membeli radiogram besar untuk menunjukkan kelebihan kemampuan. Apabila Permaisuri tahu jirannya ada radiogram besar bunyi, dia membeli satu set drum untuk membuat bunyi yang lebih bising. Apabila kedua-dua anak keluarga datang ke Singapura dari luar negeri, Sharipah menyewa kereta besar untuk menyambut kedatangan Maznah. Permaisuri pula menyewa satu kendaraan yang lebih besar.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Sattar, Zaiton, Normadiah, Udo Omar, S.Shamssuddin, Ibrahim Pendek, Ahmad Daud.

### \* TIGA ABDUL



Kisah pergolakan keluarga Ismet Ulam Raja, seorang hartawan di Isketambola. Dia mempunyai tiga orang anak lelaki, Abdul Wahab, Abdul Wahib dan Abdul Wahub. Apabila bapa mereka meninggal dunia, Abdul Wahab dan Abdul Wahib mula bersikap tamak dengan membolot harta peninggalannya. Manakala, Abdul Wahub yang benci dengan sikap tamak abangnya, memutuskan persaudaraan dengan mereka.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd .

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Haji Mahadi, S. Kadarisman, Ahmad Nisfu, Sarimah, Mariani, Dayang Sofia, M. Babjan, Salleh Kamil, S. Shamsuddin, S. Sudarmaji, Hashim Salleh, Ahmad Ghani, Udo Omar.

**Trivia :** Filem terakhir arahan dan lakonan P. Ramlee yang diterbitkan oleh Malay Film Productions Ltd. sebelum berpindah ke Merdeka Studio di Kuala Lumpur.



### \* TUN MANDAN

Penerbit : Shaw

Pengarah :Salleh Ghani

Pelakon : Abdullah Chik, Salmah Ahmad, Rosemawati, Mustapha Maarof.

### \* WAN PERKASA



Ia mengisahkan isteri yang berlaku curang dengan Penghulu Muda. Penghulu Muda Linggi dilantik menggantikan Wan Perkasa yang dititah sultan mengetuai angkatan tentera menentang musuh. Ini memberi peluang kepada Lingga memadu kasih dengan isteri Wan Perkasa. Cintanya berbalas kerana isteri Wan Perkasa selalu kesunyian dan dahagakan kasih sayang lelaki. Suatu hari, berita tersebar menyatakan Wan Perkasa dibunuhan. Lingga mengisyiharkan dirinya sebagai pengganti dan melantik Kumbang sebagai Penghulu Muda.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : M. Amin, Latifah Omar, Malik Selamat, Siput Sarawak, Tony Kassim, Dollah Sarawak.

**1965**

### \* BIDASARI



Ia mengisahkan seorang gadis yang berkongsi nyawa dengan seekor ikan yang mempunyai raut wajah yang cukup memukau dan suara yang begitu merdu. Bidasari merupakan satu kebencian bagi Baginda Permaisuri apabila didapati bahawa Bidasari adalah perempuan paling cantik sekali di kerajaan beliau setelah melihat di dalam cermin ajaibnya. Perkara ini membangkitkan suatu niat untuk menghapuskan Bidasari supaya Permaisuri menjadi perempuan paling cantik sekali di dalam kerajaan beliau itu.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon: Sarimah, Jins Shamsuddin, S.Kadarisman.

### \* BUMIPUTERA

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Mahmud Jun, Sofia Ibrahim, Fazliiyaton, Minah Hashim, Idris Hashim, Sonny Abdullah, Haji Othman.

### \* CINTA KASEH SAYANG



Normah yang tidak puas dengan suaminya, Nasir, menjalinkan hubungan dengan lelaki lain. Kisah ini bermula apabila Normah dipikat Jamal. Mulanya, hubungan mereka baik tetapi terputus apabila Jamal diberhentikan kerja dan terpaksa berpindah ke tempat asal isterinya. Kemudian Normah bertemu Rahman. Ketika berkelah dengan Rahman, Normah tiba-tiba lemas.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Latifah Omar, Ahmad Osman, Ghazali Sumantri, Fatimah Ahmad.



#### \* DAJAL SUCHI

Sulaiman di lahirkan cacat wajahnya. Dia di gelar dajal kerana ketika waktu kelahirannya penduduk kampung menerima satu bencana yang membunuh nelayan-nelayan termasuk ayahnya sendiri. Penduduk kampung menyalahkan kelahirannya dan mengatakan kelahirannya membawa sial, tetapi Tok Musa tidak mahu menerima pendapat orang kampung dan menganggap Sulaiman sebagai cucunya sendiri. Di kampung tersebut Sulaiman di perlehkan oleh kanak-kanak lain kecuali Intan yang menjadi sahabatnya.

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Ali Rahman, Sofia Ibrahim, Mahmud Jun, Abdul Ghani Aziz, Adik Badariah.



#### \* DAYANG SENANDONG

Penerbit : Shaw

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Sarimah, Haji Mahadi, Salleh Kamil, Habsah, Malik Sutan Muda, Ibrahim Pendek.



#### \* GURINDAM JIWA

Dahlan seorang penyair dilantik Sasterawan Di Raja. Sebelum dilantik, dia hanyalah seorang penduduk kampung yang hidup bahagia di samping isterinya, Dahlia dan ibu bapanya di kampung. Selepas bergelar Sasterawan Di Raja, beliau tidak dibenarkan bergaul dengan orang kampung. Dengan itu hubungan dengan keluarganya terputus. Suatu hari, ibu bapa Dahlia meninggal dunia. Oleh itu Dahlia cuba mencari Dahlan di istana tetapi selepas diketahui suaminya sudah berkahwin dengan anak Datuk Bendahara, hatinya hancur. Oleh kerana tiada siapa dalam hidup Dahlia, dia cuba membunuh diri. Dahlan berasa bersalah di atas perbuatannya dan dia cuba mengikut jejak Dahlia.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, Malek Selamat.



#### \* IKAN EMAS

Kintan, seorang anak tiri yang sering didera oleh ibu dan kakak tirinya, Mak Kiambang dan Kiambang. Suatu hari, ketika Kintan mengikut bapanya menjala, bapanya terjatuh ke dalam kolam. Satu kejadian aneh berlaku apabila bapanya kemudian menjelma menjadi seekor ikan emas. Kintan membawa ikan emas itu pulang dan memeliharanya. Malangnya Mak Kiambang dan

Kiambang menangkap dan membunuh ikan emas itu. Kintan merasa begitu sedih lalu menanam ikan emas itu di satu tempat. Sekali lagi, kejadian aneh berlaku apabila tempat ikan emas itu ditanam telah ditumbuh dengan sebatang pohon emas yang rendang. Suatu hari, ketika Kintan sedang menyanyi di bawah pohon emas itu, nyanyiannya didengar oleh Sultan yang kemudiannya terpikat pada kejelitaan Kintan.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Ghazali Sumantri, Latifah Omar, Siput Sarawak.

### \* JIRAN SEKAMPUNG



Penerbit : Cathay-Keris Film .

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Ahmad Osman, Yusof Latiff, Roseyatimah, Siput Sarawak.

### \* KASEH IBU



Mengisahkan sepasang kekasih di antara Hasnah (Latifah Omar) dan Dahlan (Ahmad Osman). Perhubungan mereka tidak direstui oleh ibu bapa Dahlan kerana Hasnah berasal dari keluarga miskin. Dahlan tetap berkeras hati untuk mengahwini Hasnah. Selepas 8 tahun mendirikan rumah tangga, mereka dikurniakan seorang anak lelaki yang bernama Hassan (Bad Latiff). Pada suatu hari, ketika dalam perjalanan pulang dari taman permainan, kereta yang dipandu Dahlan terbabit dengan kemalangan dengan sebuah lori barang. Dahlan terkorban di tempat kejadian manakala Hasnah dan Hassan terselamat. Hasnah mengalami trauma yang teruk ekoran kemalangan itu.

Penerbit : Cathay

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Mustapha Maarof, Latifah Omar, Bat Latiff, Siti Tanjung Perak, Mustapha Maarof, Ahmad Osman.



### \* MASAM MASAM MANIS

Norkiah tiba dari Alor Setar, Kedah ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja. Kawan beliau, Ros, menawarkan kerja di kelab malam sebagai penyanyi. Norkiah menyewa bilik di Mak Minah Lodging. Sewaktu mengalihkan perabut di dalam biliknya, beliau diherdik kerana membuat bising oleh Cikgu Shaari yang menyewa di bilik bersebelahan. Bermulalah episod perkelahian di antara kedua mereka ini.

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Sharifah Hanim, Mahmud June, Mariani,

Minah Hashim.



### \* MATA DAN HATI

Filem Mata Dan Hati merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Malaysia pada tahun 1965. Filem Mata Dan Hati diterbitkan dalam bentuk filem hitam putih tanpa warna.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Tony Kassim, Roseyatimah, Siput Sarawak, M. Wari.

### \* MUDA MUDI

Filem Muda Mudi merupakan sebuah filem Melayu yang diterbitkan di Singapura dalam Malaysia pada tahun 1965. Filem Muda Mudi diterbitkan dalam bentuk filem hitam putih tanpa warna.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Siput Sarawak, Roseyatimah, Tony Kassim, Malik Selamat.

### \* NORA ZAIN AJEN WANITA 001



Filem Melayu pertama bertemakan penyiasatan ala James Bond. Antara lokasi penggambaran adalah di Hong Kong. Filem ini turut dibuat dalam versi Cina yang kemudian diberi judul "Angel With The Iron Fists".

Antara bintang Hong Kong yang turut berlakon ialah Lily Ho & Tang Ching.

Penerbit : Shaw Brothers (HK) Ltd

Pengarah: Low Wai

Pelakon : Aziz Jaafar, Sarimah, Nordin Arshad, Bintang-Bintang Hongkong – Lily Ho & Tang Ching.



### \* PATONG CHENDANA

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Latifah Omar, Siput Sarawak.



### \* PUSAKA PONTIANAK

Waris-waris seorang hartawan yang baru meninggal dunia berkumpul di banglonya untuk mendengar wasiatnya. Pengurus wasiat berkomplot dengan isterinya untuk membolot harta tersebut. Dia memberitahu waris-waris bahawa Allahyarham adalah keturunan pontianak. Sesiapa yang inginkan harta itu mesti tinggal di banglo hartawan tersebut yang terletak ditengah-tengah sebuah kebun getah, selama empat minggu. Sesiapa yang keluar dari kawasan kebun getah tidak akan mendapat harta wasiat tersebut yang berjumlah 11 juta ringgit termasuk insurans nyawa sebanyak satu juta ringgit.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Ramon A. Estella

Pelakon : Ahmad Mahmood, Saadiah, Ahmad Daud, Haji Mahadi, Normadiah, Salleh

Kamil, Ibrahim Pendek, Aziz Sattar



### \* SAYANG SI BUTA

Mengisahkan seorang kakak yang berkorban untuk adiknya apabila adiknya yang buta menyintai kekasihnya, iaitu doktor yang merawatnya. Apabila penglihatannya pulih, dia menjadi lupa diri dan tidak mengenang budi kakaknya yang baik hati itu

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Aziz Jaafar, Dayang Sofia, Ibrahim Pendek, Saamah, M.Zain, Mohd Hamid.

### \* TAQDIR

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Jins Shamsuddin, Saadiah, Zaiton, S.Kadarisman, Normadiah, Aziz Sattar.

### \* TIGA BOTAK



Filem ini mengisahkan tiga sahabat tanpa pekerjaan tetap. Suatu hari, seorang janda kaya kehilangan anak perempuannya. Secara kebetulan, tiga sahabat itu terjumpa kanak-kanak terbabit di rumah mereka. Apabila janda berkenaan mengetahui anaknya dijaga tiga lelaki itu, dia menemui mereka dan mempelawa mereka tinggal di rumahnya. Pelbagai cara dilakukan lelaki terbabit untuk memikat janda itu. Mereka juga sanggup membotakkan kepala kerana janda berkenaan suka lelaki berkepala botak.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Mat Sentul

Pelakon : Mat Sentul, Wahid Satay, Ismail Boss, Suraya Harun, Ghazali Sumantri.

## 1966

### \* AKSI KUCHING



Sebuah filem komedi klasik yang pasti mencuit hati mengisahkan sepasang suami yang bersikap "malu-malu kuching" dalam bercinta.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Sattar, Zaiton, Ahmad Daud, Normadiah, M.Zain, S.Shamsuddin.

### \* ANAK BULOH BETUNG

Ia mengisahkan seorang Sultan tidak mempunyai anak. Suatu hari seorang bayi ditemui dalam rumpun buluh betung lalu dibawa pulang dan dijadikan anak angkat baginda. Anak ini kemudian membesar sebagai seorang yang kejam dan zalim. Dia sanggup merampas takhta dan memotong kedua-dua tangan raja yang cuba menghalang kezalimannya.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Aziz Jaffar, Saadiah, Ahmad Mahmood, Rosenani, Normadiah, Haji Mahadi.



### \* ANAK DARA

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Tony Kassim, Suraya Haron, Malik Selamat, Jah Lelawati, S. Rosli, Mat Sentol, Wahid Satay.

**\* DAHAGA**

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Aziz Jaffar, Sarimah, Norma Zainal, S.Shamssuddin, Malik Sutan Muda.

**\* DO RE MI**

Do, seorang yang tidak mempedulikan hal rumah tangga dan banyak ber hutang, menipu mertuanya untuk mendapatkan wang. Do dan isterinya kemudian berpisah akibat tidak sehaluan. Re pula mempunyai seorang isteri yang bekerja di kelab malam, sementara dia sendiri menguruskan hal rumah tangga. Akibat kecuaian Re yang menyebabkan wang isterinya dicuri, dia dihalau keluar dari rumah dan membawa diri mencari kerja di kota. Mi, seorang bujang yang meminati gadis berhadapan rumahnya, sering bertuah kerana gadis itu sudi meminjamkan wang kepadanya. Ketika Mi keluar mencari pekerjaan, dia menolong mengejar pencuri yang merampas beg tangan seorang wanita. Do dan Re yang sedang mencari kerja di pejabat buruh mendengar jeritan wanita itu, lalu mengejar Mi yang sedang berlari, kerana menyangka dia pencuri itu. Sejak itu, mereka bertiga berkawan rapat dan berlaku pelbagai perkara lucu.

Penerbit : Merdeka Film Productions.  
Pengarah : P. Ramlee  
Pelakon : Ibrahim Din, AR Tompel, P. Ramlee, Wan Chik Daud, Noran Nordin, Rohaya Rahman, Mahmud June, Minah Hashim, Sharif Baboo, Usman Eot, Bakar, Idris Hashim, AK Jailani.

**\* DUA KALI LIMA**

Mengisahkan persaingan perniagaan antara Kulob Kecil (Udo Omar) dan Kulob Besar (Ahmad Nisfu) yang tiada hentinya. Mereka bersaing dari kawasan perniagaan hingga ke rumah. Kedua-dua mereka mengusahakan perniagaan berasaskan tekstil dan fesyen, premis perniagaan mereka juga sebelah menyebelah. Ani (Anita Sarawak), Ana (Dewi Asiah), Mat (Mat Sentul) dan Abdul Wahid (Wahid Satay) masing-masing adalah anak kepada Kulob Kecil dan Kulob Besar. Mereka mula berkawan tetapi bapa mereka tidak berkenan. Mereka dua keluarga ini duduk di rumah sewa milik Sarah. Mat yang berkereta mewah cuba memikat Ana, manakala Abdul Wahid juga cuba bersaing dengan Mat untuk merebut cinta Ana. Keadaan jadi tak keruan bila mereka bersengketa kerana Ana bersama OK Mat, tetapi Abdul Wahid dan Ani juga tidak senang melihat mereka bahagia. Mereka berdamai dan Ani bersama Ok Mat dan Ana bersama Abdul Wahid. Disebabkan saling bersaing tanpa memikirkan kesan jangka panjang, strategi perniagaan Kulob Kecil dan Besar gagal dan dilanda masalah kewangan. Abdul Wahid dan Mat juga tidak digemari oleh bapa pasangan masing-masing. Tetapi mereka berusaha keras untuk memenangi hati bapa pasangan mereka dengan membantu melangsangkan hutang piutang. Kulob Besar dan Kecil kini bekerjasama dibawah satu bumbung sebagai Kulob Bersatu Tailor.

Penerbit : Cathay Keris Film

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Mat Sentul, Wahid Satay, Anita Sarawak, Dewi Asiah, Ahmad Nisfu, Udo Omar, Siti Tanjung Perak.



#### \* GADIS LANGKAWI

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Dhiresh Ghosh

Pelakon : Sonny Abdullah, Sharifah Hanim, Sofia Ibrahim, Ibrahim Din, Noran Nordin.



#### \* JEFRI ZAIN -GERAK KILAT

Jefri Zain seorang penyiasat persendirian membongkar rahsia Komander Jeaman yang menubuhkan Perisik Rahsia. Jefri Zain mendapat beberapa gambar sebagai bukti kegiatan haram Komander Jeaman. Komander Jaeman mengetahui Jefri Zain mengintip pergerakkannya, dan dia berusaha mencari identiti Jefri Zain yang sebenar.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Salleh Kamil, Bintang-Bintang Hongkong.

#### \* KACA PERMATA



Hamzah, pemuda dari keturunan kaya telah jatuh cinta dengan gadis joget bernama Laili. Perkahwinan Hamzah dengan Laili telah ditentang oleh ayahnya dengan mengupah orang supaya membuat Hamzah sanggup menceraikan Laili tanpa usul periksa.

Penerbit : Malay Film Productions Ltd

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Rosnani Jamil, Haji Mahadi, Zaiton, Normah Zainal, Mariani, Ahmad Daud, Kuswadinata.



#### \* NAGA TASEK CHINI


Mayang yang dipellhara oleh makciknya iaitu Mak Tijah sering didera oleh Mak Tijah. Namun tanpa pengetahuan Mayang sendiri, dia sebenarnya sering dibantu oleh makhluk halus. Mayang kemudiannya dipaksa berkahwin dengan Orang Kaya Daud. Ketika pergelutan berlaku di antara Mak Tijah dan Mayang, mereka terjatuh ke dalam sungai. Mak Tijah mati lemas tetapi Mayang diselamatkan oleh makhluk halus.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Mustapha Maarof, Latifah Omar, Siput Sarawak, Malik Selamat, Wahid Satay.

### \* NASIB DO RE MI



Dalam perjalanan mereka, Do, Re dan Mi terserempak dengan sekumpulan samseng yang sedang memukul seorang pemuda, Lokman, sementara kekasihnya Nora hanya mampu memerhati tanpa dapat berbuat apa-apa. Sahabat bertiga itu cuba membantu Lokman tetapi dibelasah teruk oleh kumpulan itu hingga terpaksa dimasukkan ke hospital. Keesokannya sahabat bertiga itu tanpa arah tujuan itu akhirnya bermalam di perkaranan sebuah rumah yang kelihatan tidak didiami orang.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, AR Tompel, Ibrahim Din, Ghazali

Sumantri, Mahyon Ismail, Mahmood June, Habibah Haron, Idris Hashim, A. Bakar Jaafar, Husny Hassan, Shariff Baboo, Hussein Abu Hassan, Yusoff Suria.

### \* SABARUDIN TUKANG KASUT



Filem ini mengisahkan seorang tukang kasut yang miskin bernama Sabarudin. Dia dihasut oleh kawannya yang mengatakan bahawa menjadi seorang yang jujur tidak akan membawa hasil. Dia mengaku yang dirinya seorang pedagang barang kemas dan telah meraih kejujuran dan duit dari pedagang-pedagang di bandar. Lama kelamaan para pedagang itu menyedari bahawa diri mereka ditipu dan membuat pengaduan kepada Sultan. Dia dipanggil menghadap ke Mahkamah Diraja.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Saloma, Jah Ismail, Ibrahim Din, Raden Sudiro, Mahmud June, Idris Hashim, Jamal Mohammad.

### \* SERI ANDALAS



Kemangkatan Tengku Permaisuri membuatkan Baginda Sultan berdukacita hingga kesihatan Baginda terganggu. Isteri kedua Baginda mengambil alih merawat Baginda dari dayang-dayang istana, sehinggalah kesihatan Baginda pulih seperti sediakala. Disebabkan sudah termakan budi, Baginda Sultan sedia menunaikan permintaan isteri mudanya itu. Walau bagaimanapun, Baginda tersentak apabila permintaannya ialah melucutkan jawatan Tengku Andalas sebagai Putera Mahkota, menggantikan dengan anakandanya, Tengku Teruna Jaya. Kerana sudah terlajak kata, Baginda Sultan memberitahu Tengku Andalas, yang mana dipersetujuinya dan sedia diturunkan pangkat daripada Putera Mahkota kepada jawatan Temenggung saja.

Penerbit : Shaw

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon: S.Kadarisman, Normadiah, Aziz Sattar, Salleh Kamil, Malik Sutan Muda.



### \* UDANG DI SEBALIK BATU

Penerbit : Cathay-Keris Film .

Pengarah : Hussein Haniff

Pelakon : Suraya Harun, Mustapha Maarof, Roseyatimah, Neng Yatimah.

**1967**

**\* A GO GO 67**



Seorang penjaga kuda lumba dan juga ketua, (Aziz Jaafar) adalah penyanyi kepada kugiran Dendang Perindu. Dia berdepan dengan konflik apabila dua penyanyi kugirannya, Noor Azizah dan Normah Zainal bermusuh sesama mereka untuk mendapatkan cinta sang hero. Kedua mereka adalah anak-anak orang kaya. Kugiran-kugiran dan penyanyi-penyanyi yang membarisi filem ini terdiri daripada Siti Zaiton dan The Hornets, M Hatta dan D'4 Ever, Nadar dan The Zarak, S Mariam dan The Rhythm Boys, Wan Intan dan The Mods, M Noor dan The Night Shadows, A Romzi dan The Hooks, Normah Zainal dan Blue Beats, Sanisah Huri dan The Terwellos, M Ishak dan The Young Lovers, M Fadzil & Okid Abdullah dan Les Coasters, S Jibeng dan Dendang Perindu.

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Omar Rojik.

Pelakon : Aziz Jaffar, Noor Azizah, Norma Zainal, Kudwadinata, S.Shamsuddin, Ibrahim Pendek.

**\*ANAK BAPAK**



Harun, seorang pengurus ladang yang bertanggungjawab menjaga perniagaan keluarga. Walaupun dia jujur, amanah dan bertanggungjawab, Harun mempunyai tabiat buruk yang suka berfoya-foya dan meminjam wang ceti atau wanita yang menaruh hati padanya. Akibat terlalu terdesak, dia terpaksa menipu ayahnya untuk meminjam duit bagi membayar hutang ceti dengan alasan mahu berkahwin.

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Rose Yatimah, Ibrahim Din, A.R.Tompel, Noran Nordin, Ruminah Sidik.

**\* DARMA KESUMA**

Bambang dan Wira merupakan pahlawan paling gagah di Kampung Gajah Berang. Selepas kekalahan Wira kepada Bambang dalam pertarungan persahabatan, dalam senyap dan cukup lincah Wira memperdayakan Bambang dan menyebabkan Bambang hilang penglihatan dan mlarikan diri dari kampung tersebut. Darma dan Murba, anak didik kepada Bambang memendam keinginan untuk membala dendam kepada Wira terhadap perbuatannya. Malangnya dalam pertarungan tersebut Murba terbunu. Darma meneruskan pertarungan dengan Wira di mana akhirnya dapat membunuh Wira.

Penerbit : Merdeka Film Production

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Ed Osmera, Sarimah, S. Rosley, Dayang Sulu, Hussein Abu Hassan, Tamam Idris.

#### \* DOSA WANITA



Kisah penderitaan seorang wanita yang bersuamikan anak orang kaya: Zainab ialah seorang janda dan berkahwin dengan Dubas Kassim anak kepada janda kaya bernama Mak Wan. Perkahwinan di antara Zainab dan Dubas mendapat tentangan dari Mak Wan kerana dia takut harta kekayaannya nanti akan dirampas oleh Zainab. Walau bagaimanapun, Dubas tetap meneruskan perkahwinannya dengan Zainab. Setelah bergelar isteri, Zainab sering ditinggalkan oleh suaminya. Oleh itu, Zainab mula rapat dengan Johar, sahabat baiknya. Hubungan mereka begitu rapat sehingga pada suatu hari, kejadian malang menimpa Johar apabila dia jatuh dari beranda rumahnya lalu terbunuh. Mak Wan menuduh Zainab membunuh Johar. Zainab diusir dari rumah itu. Segala perbelanjaan bulanan akan diberi oleh Mak Wan tetapi dengan syarat Zainab tidak dibenarkan berjumpa dengan Dubas dan anaknya.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Fatimah Ahmad, Salim Bachik, Malek Selamat, Umi Kalsom, Dollah Dagang.

#### \* JEBAK MAUT



Penerbit : Shaw

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Rosy Wong, Aziz Jaffar, Haji Mahadi, Salleh Kamil, Malik Sutan Muda.

#### \* KELUARGA 69



Ia mengisahkan Osman dengan ayahnya. Adengan lucu ini berlaku apabila Osman mengahwini ibu kepada isteri ayahnya, manakala orang gaji ayahnya mengahwini ibu Osman, di mana orang gaji tersebut adalah bapa kepada isteri Ayah Osman dan bekas suami kepada isteri Osman.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, AR Tompel, Siput Sarawak, Idris Hashim, Khatijah Hashim, Noran Nordin, Salleh Ghani, Ed Osmera, Julie Faridah, Yusoff Bujang, Karim Latiff, Jailani, Ibrahim Joned, Minah Hashim, Shariff Baboo, Saloma, Mak Enon.

#### \* LAMPONG KARAM



Filem ini adalah berdasarkan kisah benar yang pernah berlaku ketika kejadian letusan gunung berapi Krakatoa di Indonesia pada tahun 1883.

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : S. Rosley, Saadiah, Zaiton, Yusof Latiff, Normadiah, S. Kadarisman, Shariff Dol, Sri Dewi, Kuswadinata.

#### \* MAT BOND



Mat Bond (Mat Sentol) berangan-angan menjadi seorang ejen sejak kecil. Suatu hari, Mat Bond menemui tiga biji pil ketika memancing. Dia menelan sebiji lalu mendapat satu kuasa luar biasa. Pil itu sebenarnya ciptaan seorang doktor daripada kumpulan yang diketuai oleh Bossman (Malek Selamat) dan boleh memanjangkan umur. Hanya tiga butir pil wujud, namun boleh digunakan dalam tempoh 48 jam sahaja. Ia menjadi rebutan ramai.


Mat Bond ditugaskan oleh sebuah kelab untuk mendapatkan pil tersebut. Tetapi sebaliknya dia yang menjadi buruan beberapa kumpulan lain kerana memiliki pil berkenaan.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin/ Mat Sentol

Pelakon : Mat Sentol, Siti Tanjung Perak, Shirley Koh, Malek Selamat, Dollah Dagang

#### \* MAT RAJA KAPUR



Mat Bond yang terlepas lari dari misi nya yang gagal telah mendarat di tempat yang tidak diketahui. Tanpa pengetahuan Mat, dia telah mendarat di sebuah negeri dimana anak Raja negeri itu mirip dengan wajahnya. Pihak yang tersalah pilih telah menjadikan Mat Bond sebagai anak raja. Dimana anak Raja yang sebenar sedang hidup dalam buruan dan gembira bersama kekasihnya.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin/Mat Sentol

Pelakon : Mat Sentol, E. Daud.

#### \* PLAY BOY



Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Nordin Ahmad, Rosnani Jamil, Mustapha Maarof.

#### \* SESUDAH SUBUH



Kisah kehidupan sebuah keluarga yang terdiri daripada Ariffin, isterinya Salmi, dan dua orang anak mereka, Salim dan Salmiah. Ariffin yang memiliki sebuah kedai buku sering bekerja hingga lewat malam kerana kurang senang berada di rumah. Isterinya Salmi amat sibuk dengan kerja kebajikan dan merupakan ketua Persatuan Wanita. Manakala anak-anak mereka, Salim dan Salmiah asyik berpeleseran dengan teman dan pasangan masing-masing.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee


Pelakon : P. Ramlee, Juliana Ibrahim, Ed Osmera, Khatijah Hashim, Raden Sudir

**\* TERLIBAT**

Penerbit : Malay Film Productions

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : S.Rosley, Sharifah Aminah, Shirley Koh, Aziz Sattar, Haji Mahadi, Salleh Kamil, Ghazali Sumantri, Hussein Abu Hassan.

**1968****\* AHMAD ALBAB**

Seorang hartawan bernama Mashood, sangat sompong, takbur, bakhil dan tidak percaya bahawa kekayaannya itu datang daripada Allah. Dia menyangka kekayaan hanya datang dari manusia yang bijak sepertinya sahaja. Mashood mempunyai tiga orang puteri yang jelita - Suhara, Mastura dan Zahara. Oleh kerana Mastura sering tidak sependapat dengan ayahnya, dia dinikahkan dengan seorang gembala kambing bernama Syawal sedangkan Suhara dan Zahara dinikahkan dengan orang-orang kaya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Saloma, AR Tompel, Mariani, Mimi Loma, Karim Latiff, Tony Azman.

**\* AMOK TOK NADING**

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Jins Shamsuddin, Khatijah Hashim, Hussein Abu Hassan, S.Kadarisman.

**\* ANAK BAPAK**

Harun seorang pengurus ladang yang suka berfoya-foya sehingga menyebabkan dia banyak berhutang antaranya Norma seorang penyanyi kelab malam yang tamakkhan duit Harun. Menyedari duit simpanannya semakin habis, Harun menipu bapanya Dato' Mahfiz mengatakan dia ingin berkahwin dan memerlukan wang. Dato' Mahfiz yang tinggal berjauhan dengan Harun tanpa sebarang ragu mengirim wang 5,000 ringgit. Selain membayar segala hutangnya Harun juga menggunakan wang pemberian bapanya untuk membantu pekerja ladangnya yang menghadapi masalah kewangan. Konflik timbul apabila Dato' Mahfiz melawat Harun dan 'isteri' sedangkan Harun masih bujang. Lantas isteri Salleh pemandunya jadi pinjaman untuk sementara. Norma yang tahu cerita sebenar mengugut akan membocorkan rahsia ini kepada Dato' Mahfiz dan meminta sejumlah bayaran. Harun dengan segera memberikan cek tanpa Norma ketahui merupakan cek tendang. Dalam masa yang sama Harun menaruh hati kepada jururawat yang menjaga bapanya iaitu Halimah. Mereka saling bercinta dan berkahwin secara senyap tanpa diketahui oleh bapanya. Tembelang mereka pecah apabila Norma datang berjumpa dengan Dato' Mahfiz mengadu tentang cek tendang yang diberikan oleh Harun konon untuk menutup mulutnya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Roseyatimah, A.R.Tompel, Ibrahim Din, Ruminah Sidek.

### \* BAYANGAN AJAL




Agen Perisikan, Jefri Zain terkenal membongkar rahsia peta harta karun milik Mr.King, ketua sindiket haram yang dipenjarakan dan meninggal dunia kerana dibunuh di dalam penjara oleh musuhnya. Peta itu dirampas oleh teman wanitanya, Nina yang melarikan separuh daripada peta itu bersama lelaki lain. Mr.King mempunyai seorang adik, Melly King dan dia memberikan separuh lagi daripada peta itu kepada adiknya semasa dia berada di dalam penjara. Jefri menyiasat siapakah yang melarikan peta yang separuh itu dan perlu mencantumkan peta itu untuk mencari harta karun itu.

Penerbit : Shaw Hongkong

Pengarah : Lo Wei

Pelakon : Jins Shamsuddin, Landi Chang, Sharifah Aminah, Fanny Fan, Lo Wei

### \* GERIMIS



Musyid, seorang kaya mempunyai empat orang anak: Kamal, Azman, Bakhtiar dan Tijah. Kamal sering menghabiskan masanya dengan melukis. Pada suatu hari, Kamal berkenalan dengan seorang penari kelab malam, Leela, dan berminat melukis potretnya. Hubungan mereka semakin mesra hingga Kamal mengambil keputusan berkahwin dengan Leela. Bapa Kamal, Mursyid dan juga bapa Leela tidak merestui hubungan mereka. Oleh kerana cinta itu buta dan tidak memilih rupa dan bangsa, maka Kamal dan Leela melarikan diri daripada keluarga masing-masing dan berkahwin sebaik sahaja Leela memeluk Islam.

Mereka berdua hidup gembira walaupun dalam serba kekurangan.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, AR Tompel, Ruminah Sidek, Tony Azman, Khatijah Hashim, Idris Hashim, Karim Latiff, Noran Nordin.

### \* JURANG BAHAYA



Xiang xiang seorang penyanyi di kelab malam telah disyaki diculik dan disembunyikan. Jefri Zain dengan bantuan Ai Si pergi menjejak kemana hilangnya Xiang xiang. Mereka mengesyaki kakaknya telah menyembunyikan dia kerana kakaknya disyaki terlibat dengan pertubuhan rahsia. Jeff berjaya menjumpai Xiang xiang itupun setelah dia secara tidak sengaja berhubung dengannya melalui dinding tempat mereka dikurung. Ai Si dan pasukannya berjaya menjejak dimana lokasi persembunyian pertubuhan sulit itu.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Pengarah HongKong

Pelakon : Jins Shamsuddin, Landi Chang, Shen Yi.

### \* KEKASIH

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Salim Bachik, Normah Zainal, Fatimah Ahmad, Shariff Medan, Dollah Dagang, Dollah Sarawak.

### \* LAIN JALAN KE SYORGA



Cik Leha (Noran Nordin), seorang janda kaya baru sahaja bercerai dengan suaminya, Azman. Dia mempunyai seorang anak lelaki yang bernama Amir (Karim Latiff) tetapi telah dibawa ke Medan, Indonesia oleh bekas suaminya. Ketiadaan suami dan anak telah menjadikannya kesepian. Oleh yang demikian, dia meminta orang gajinya yang bernama Salmah (Rosnani Jamil) untuk memberikan anak perempuannya sebagai anak angkat.

Kerana banyak ter hutang budi dengan majikannya itu Salmah dengan rela hati menyerahkan anaknya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Sonny Abdullah, Rosenani, Noran Nordin, Karim Latiff, Gas Shariff.

### \* MAT LANON



Mat yang kini bekerja di tempat menyembelih labi labi menemui satu buku kecil (azimat) yang merubah hidupnya. Mat bertemu dengan seorang cina penjual telur yang juga mahir dalam ilmu silap mata. Dari situ bermula perjalanan Mat yang penuh suka duka. Mat diculik oleh sekumpulan lanun dan dikerah menjadi tukang masak. Mat mula mempraktikkan jampi ajaib dari kitab kecil ditemuinya. Mat yang turut serta dalam aktiviti menculik anak dara orang telah membawa lari anak dara ketua kampung, Siti Mariam. Pemuda kampung telah berjaya menangkap Mat dan memaksanya membawa mereka ke tempat persembunyian lanun. Pelbagai peristiwa lucu dan tak masuk akal terjadi dalam filem ini seperti pokok lain tapi menghasilkan buah yang lain.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Mat Sentol, Malek Selamat, Shariff Medan, Siti Tanjung Perak, Momo Latiff, Ibrahim Pendek.

Trivia - Filem ini adalah sequel kepada Mat Bond dan Mat Raja Kapor. Meskipun banyak membuat magik didalam filem ini, tajuk Mat Lanun telah dipilih dan filem Mat Magic hanya dikeluarkan pada 1971.

### \* MIANG-MIANG KELADI

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Yahya Sulong, Zahara Agus.

### \* PENDEKAR EMPAT

Penerbit : Merdeka

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Hussein Abu Hassan, Mahyon Ismail, Kuswadinata.

### \* POP MUDA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Fatimah Ahmad.

### \* RAJA BERSIONG



Raja Ong Maha Perita Deria murka kerana masakan yang dihidang kepadanya tidak enak. Namun, dia akhirnya berselera dan bertanya kepada tukang masaknya mengenai ramuan digunakan. Tukang masak memberitahu darahnya masuk ke dalam makanan raja kerana tangannya terluka. Sejak hari itu, Raja Ong terus menggemari darah sehingga tumbuh siung diantara gigi manis dan baginda digelar sebagai Raja Bersiong. Setiap hari, ada sahaja orang dibunuh untuk mendapatkan darah.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Ahmad Mahmood, Sarimah, NoorAzizah, Zaiton, Malik Sutan Muda, Ibrahim Pendek.

### \* SI MURAI

Penerbit : Cathay

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Mustapha Maarof, Malik Selamat, Mariam, Mat Sentol.

### \* TERATAI

Penerbit : Merdeka

Pengarah :

Pelakon: Ahmad Mahmood, Noor Azizah, Norsianti, Mahmud Jun, Darus Shah.

**1969**



### \* BAYANGAN AJAL

Penerbit : Shaw Brothers

Pengarah : Lo Wei

Pelakon : Jins Shamsuddin, Landi Chang, Fanny Fan.

**Trivia** - Sebahagian daripada filem ini dirakamkan di Hong Kong



### \* BUKAN SALAH IBU MENGANDUNG

Ani, seorang gadis miskin bercinta dengan Murad yang melanjutkan pelajaran ke England. Ani kemudian berkenalan dengan Agus, seorang pelukis. Hubungan mereka amat intim hingga Ani dapat melupakan Murad dan berkahwin dengan Agus. Pada malam perkahwinan mereka, ribut melanda dan sebatang pokok menghempap rumah mereka menyebabkan ibu Ani terbunuh sementara Agus menjadi lumpuh. Apabila Murad pulang dari England, dia terkejut mendapat tahu Ani telah berkahwin.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah, Ed Osmera, Sabariah Ibrahim, P. Ramlee, S.

Roomai Noor, Zeera Agus, Umi Kalthom, Norizan, Ani Rugayah, Taufik Ali, Ismail Mahmud.

### \* DI BELAKANG TABIR



sebelum dipenjarakan menyamar sebagai Faridah, dan semua yang terjadi ada kaitannya dengan kumpulan yang diketuai oleh Karim.

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : P.Ramlee, Noor Azizah, Jins Shamsuddin.

### \* ENAM JAHANAM



kameranya sebelum dia meninggal dunia.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Noor Azizah, Yusof Latiff, Osman Md. Amin, JB Yusoff, Ahmad Dadida, Kamal Idris.

### \* KALAU BERPAUT DI DAHAN RAPUH



Seorang gadis bernama Mona, terkenal dengan kejelitaanya di kalangan lelaki yang menggilakan dirinya itu. Tetapi setelah dia ditinggalkan kekasihnya dia mula memendam perasaan benci terhadap semua kaum lelaki. Ramai lelaki terperdaya dengan Mona dan disakiti kemudian hari. Tetapi segalanya berubah apabila dia menyaksikan percintaan antara teman biliknya dengan kekasihnya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Noor Azizah, Ismail Mahmud, Norlia Ramli, Nasir Ramlee, Karim Siraj.



#### \* KANCHAN TIRANA

Sang Nila bergelut dengan Kanchan dalam satu pertengkaran sehingga mengakibatkan Kanchan teruk di pukul oleh Sang Nila. Dengan kekalahan itu Kanchan berazam menuntut ilmu dalam seni mempertahankan diri dari seorang pakar silat. Apabila tiba masa Kanchan rasa dirinya cukup hebat dan berilmu dia ingin membala dendam terhadap Sang Nila dan membela nasib orang-orang kampung yang dibuli oleh Sang Nila.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Sarimah, Jins Shamsuddin, Ahmad Dadidda, Idris Hashim, Tony Azman, Osman Botak.



#### \* KERANDA BERDARAH

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Tony Kassim, S. Noni, Dayang Sofia, Shariff Dol, Salleh Melan.



#### \* KERANDA JINGGA

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ed Osmera, Norsianti, Hussein Abu Hassan, Mahmud Jun, Ali, Rahman, Arman, Normaya.

#### \*KERIS EMAS

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Kuswadinata.



#### \* LANANG SEJAGAT

Sitara pergi mencari Datuk Merah, pembunuh bapanya. Dalam perjalanan dia diserang lalu diselamatkan oleh seorang pendekar buta yang handal bernama Kasa. Sitara diberitahu bahawa Datuk Merah telah pun mati. Dia terpaksa bermalam di rumah Kasa. Sementara itu, ibu Sitara (Melati) dikunjungi oleh Penghulu yang bertanyakan Sitara. Setelah mendapat tahu Sitara pergi mencari


Datuk Merah, Penghulu mengarahkan orang-orangnya berbuat baik dengan Melati dan menghantar banyak makanan. Sekembalinya Sitara, dia pergi berjumpa Penghulu yang meminta pertolongannya untuk membunuh Lanang Sejagat seorang pendekar buta yang baru muncul di kampung mereka. Suatu hari, pendekar buta Kasa dan anak perempuannya Delima berkunjung ke kampung Sitara. Ketika di rumah Sitara, terbongkarlah rahsia bahawa Kasa sebenarnya adalah Datuk Merah.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Ahmad Mahmud, Ahmad B, Khatijah Hashim, Othman Amin .

### \* MAT TOYOL



Mat diarahkan oleh Tok Penghulu untuk mencari akar kayu Apollo untuk dijadikan ubat mencipta toyol oleh Tok Bomoh. Isteri tok bomoh yang merajuk dan kecewa dengannya telah membawa diri ke hutan dan bersembunyi di gua dimana harta pusaka keturunannya dari keluarga hantu. Mat telah memberi satu cecair yang dicurinya dari gua persembunyian isteri tok bomoh yang bertukar menjadi nenek kebayan dan tok bomoh memilih untuk mencampurkannya dengan telur ayam dan mengubah tok bomoh menjadi ayam betina selepas meminum ubat ciptaannya itu. Mat berusaha mengembalikan tok bomoh

kepada rupa asalnya.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Mat Sentol, Dollah Sarawak, Omar Hitam, Mak Dara, Momo Latiff, Ibrahim Pendek, Sanisah Huri.

### \* NAFSU BELIA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon :

### \* PANGLIMA HARIMAU BERANTAI



Andi Ujang yang bergelar Harimau Berantai telah dilucutkan jawatan sebagai panglima kerana kekejamannya. Beliau mlarikan diri ke sebuah kampung di pinggir hutan lalu membantu seorang wanita dan anak perempuannya membala dendam di atas kematian suaminya.

Penerbit : Merdeka

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Ed Osmera, Rohaya, Norlia, Taufik Haji Ali, Fauziah Ahmad.

### \* SERIKANDI

Ia mengisahkan kehebatan Sri Mala yang menuntut bela atas kematian ayahnya yang difitnah pembesar negeri. Demi memenuhi hasratnya, dia bersetuju dengan cadangan abangnya, Kencana supaya berkahwin dengan Sultan. Peluang itu tidak disiasikan Sri Mala untuk memberi nasihat kepada sultan yang selama ini hanya mengikut kata telunjuk pembesar yang tamakkhan kuasa.

Penerbit : Cathay-Keris Film.

Pengarah : M. Amin

Pelakon : S. Noni, Nordin Ahmad, Malik Selamat.



#### \* SIAL WANITA

Keperitan hidup seorang anak gadis bersama ayahnya yang sedang uzur tidak putus-putus dari suatu kampung ke kampung yang lain. Mereka akhirnya membawa diri berpindah ke kampung baru. Di situ mereka tinggal di sebuah rumah usang hanya sekadar dua beranak. Pada hari ketibaan mereka di kampung itu berlakunya hujan ribut yang lebat melanda kampung itu mengakibatkan banjir. Segala bencana yang berlaku orang kampung menuduh Salmah bersama bapanya sebagai orang yang pembawa sial kepada kampung mereka. Tuduhan itu tidak henti-henti dilemparkan kepada mereka sehingga bapa Salmah meninggal dunia. Salmah pun membawa diri dan berhijrah ke tempat lain untuk tinggal bersama rakannya.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Saadiah, Umi Khaltum.

#### \* TUNGGAL

Penerbit : Merdeka Filem Productions.

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Ahmad Mahmood, Noor Azizah, S.Kadarisman, Mahyon Ismail, Hussein Abu Hassan, Nor Sabariah.

## 1970

#### \* AKU MAHU HIDUP

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Kuswadinata, Malik Selamat.

#### \* ASMARA KIRANA

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Ed Osmera, Sharifah Hanim.



#### \* DR. RUSHDI

Dr. Rushdi dan isterinya Mariana menghadiri suatu majlis makan malam yang diadakan oleh Rozaiman. Ketika majlis berjalan, Dr. Rushdi menerima panggilan kecemasan daripada seorang pesakitnya. Dia terpaksa meninggalkan isterinya berseorangan. Mariana dan Rozaiman kemudiannya berkenalan. Sejak itu mereka menjalankan hubungan mesra apabila Dr. Rushdi sering sahaja sibuk melayan pesakitnya. Pada suatu hari, Dr. Rushdi terserempak Mariana dan Rozaiman di sebuah hotel. Akibat kecewa dengan kelakuan sumbang isterinya, Dr. Rushdi cuba membunuh diri dengan meminum racun tetapi dapat dihalang

oleh jururawatnya, Muliani.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Sarimah, Sophia Ibrahim, Ed Osmera, Ismail Mahmud, Noor Azizah.

### \* GELORA



Kamal tinggal bersama ibunya Salbiah dan ayah tirinya yang mempunyai lima anak. Kamal tidak pernah mengenali ayahnya yang sebenar. Sementara itu, Intan pula adalah anak kepada seorang janda kaya bernama Salmiah yang hidup sebagai perempuan simpanan jutawan Basiron. Pada suatu hari, terjadi pertengkaran antara Kamal dan ibunya yang memberitahu bahawa Kamal sebenarnya adalah anak luar nikah hasil perkongsian hidup dengan seorang lelaki yang tidak bertanggungjawab. Kamal lari meninggalkan rumah dan berkenalan dengan Intan. Mereka menjalinkan hubungan cinta dan Intan mempelawa Kamal ke rumahnya.

Penerbit : Merdeka Film Productions .

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Sarimah, Ahmad Dadida, Minah Hashim, Norsianti, Minah Yem, Sharif Baboo.

### \* KEMBANG LAYU



Encik Baharuddin (S. Kadarisman) seorang hartawan terkenal di Selangor. mempunyai 3 orang anak perempuan iaitu Norma (Noran Nordin), Norli (Norlia Ghani) dan Normala (Noor Azizah). Akibat anak-anak perempuannya menjalani kehidupan yang bebas menyebabkan mereka terlanjur. Normala difitnah oleh Norma yang membuatkan dia diusir dari rumah. Norma juga disahkan mengandung anak luar nikah, ayahnya menanggung malu teramat sangat sehingga menghalau Norma keluar dari rumah. Norli juga mengambil keputusan untuk keluar dari rumah kerana dia juga terlanjur dengan pasangannya. Ibunya menjadi gila akibat tingkah laku anak-anak perempuannya.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Ed Osmera, Noor Azizah, Noran Nordin, Hussein Abu Hassan, S. Kadarisman.

### \* LUBANG NERAKA

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Nordin Ahmad

Pelakon : Kuswadinata, S. Noni, Rahmah Rahmat, Malik Selamat.

### \* MAT KARONG GUNI



Cerita ini mengisahkan seorang pemuda digelar Mat Karung Guni kerana pekerjaannya membeli guni dari orang kampung. Satu hari, tanpa disengaja, dia terambil bag kertas yang berisi batu permata milik Dollah Orang Kaya lalu dijualkannya kepada seseorang. Akhirnya Mat diburu oleh pengikut Dollah dan terjadi pelbagai perkara pelik dan lucu di sepanjang perjalanan.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : Mat Sentul

Pelakon : Mat Sentul, Normadiah, Dollah Sarawak dan Hamid Bond.



#### \* PERINTAH SRI PADUKA

Penerbit : Merdeka

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Noor Azizah, Arman, S.Kadarisman, Alien Hoon.



#### \* PUAKA

Tok Demang tidak mahu menggunakan perkhidmatan Mak Esah, seorang bidan yang terkenal, untuk anaknya Mayang yang sedang mengandung. Oleh kerana tidak puas hati, Mak Esah meminta tolong anak saudaranya, Hitam, untuk menggunakan ilmu hitamnya bagi mengganggu keluarga Tok Demang. Hitam mencipta sejenis hantu dengan memotong kepala sahabat

baiknya, Singkuang. Hantu itu terus mengganggu Tok Demang, isterinya, anaknya Mayang serta suaminya Indera. Dengan bantuan ayah Indera, seorang bomoh, hantu itu berjaya dimusnahkan. Perkara itu tidak memuaskan hati Hitam, lalu Hitam membunuh ayah Indera. Tidak lama kemudian, Indera pula membala dendam di atas kematian ayahnya dengan membunuh Hitam dan Mak Esah.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Aziz Jaafar, Ed Osmera, Mariati.

#### \* TUAH BADAN



Selepas kematian kedua dua orang tua angkatnya, Latifah (Sarimah) dijaga oleh kakak angkatnya (Umi Kalthum) dan suaminya (Ed Osmera). Kehidupan Latifah sering diganggu oleh abang ipar angkatnya sehingga menyebabkan dia diusir dari rumahnya. Selepas diusir, Latifah tiada arah tujuan dan dia sekali lagi ingin dirogol oleh 2 orang lelaki yang berpura-pura ingin menolongnya di tepi jalan. Latifah berjaya melarikan diri dari cubaan rogor itu sehingga dia dilanggar oleh sebuah kereta. Pemandu dan penumpang (seorang hartaawan) itu menyelamatkan nyawa Latifah.

Penerbit : Shaw

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ed Osmera, Sarimah, Umi Kalthum, Ismail Mahmud.

## Bab 4 (Filem 1971 Hingga 1980)



## 1971

### \* BELANG PERTANDA

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : S. Sudarmaji

Pelakon : Ismail Mahmud, Sharifah Hanim, Hussein Abu Hassan, Nor Azizah, Norizan.



### \* DOSA REMAJA

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Eddie Rushdja, Mariati, Karim Sirat.



### \* JANGAN TINGGAL DAKU

Tahirah anak perempuan Dato Mahmud, seorang majistret di Pulau Pinang, suka berkawan dengan Tahir, anak orang gaji mereka, Mariam. Persahabatan mereka terputus apabila Dato Mahmud ditukarkan ke Kuala Lumpur. Selepas ibunya meninggal dunia, Tahir berhijrah ke kota di mana dia terjebak dalam kegiatan jenayah kecil-kecilan. Keberanian serta ketangkasannya membuatnya akhirnya menjadikan dia ketua sebuah kumpulan perompak. Pada suatu hari, Tahir menemui sebentuk cincin dalam hasil rompakan rakan-rakannya. Dia begitu mengenali cincin tersebut yang pernah diberikannya kepada Tahirah semasa kecil dahulu.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Noor Azizah, Ismail Mahmud, Suriani Jaafar, Norsianti Omar, Sonny Abdullah, Idris Hashim, HS Zamilah, Dinda Sumantri, Karim Siraji, Kamal Herman.

### \* JAHANAM



Sang Kurnia adalah anak angkat kepada seorang Sultan dan permaisurinya. Pada suatu hari, dia mengetahui yang dia bukanlah anak kepada mereka berdua tetapi merupakan anak pungut. Menyedari hal itu, dia membawa diri ke negeri Sungai Nibung. Sampainya di suatu jambatan, dia terserempak dengan sekumpulan manusia yang hendak melintas jambatan, dia telah membunuh kesemua orang yang ingin menghalang dia melintasi jambatan itu. Dia telah membunuh termasuklah Raja yang bersama kumpulan manusia itu. Sampainya dia di Sungai Nibung, negeri itu sedang menghadapi keadaan huru hara kerana seekor harimau yang ganas telah menyerang penduduk di negeri itu. Negeri itu diperintah oleh seorang permaisuri. Apabila Sang Kurnia berjaya membunuh harimau itu, dia berkahwin dengan permaisuri itu.

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Nordin Ahmad, Saadiah.

### \* KUDRAT

Penerbit : Merdeka

Pengarah : S.Kadarisman


Pelakon : Ed Osmera, Sarimah, S.Kadarisman.

**\* MANUSIA DERHAKA**

Penerbit :

Pengarah : M. Amin

Pelakon :



**\* MAT MAGIC**

Mengisahkan Mat seorang ahli silap mata yang selalu membuat kesilapan dalam semua pertunjukannya. Kemudian dia bertemu dengan satu rombongan yang diketuai oleh seorang ahli silap mata yang terkenal, Mr. John Calvert, lalu menjemput mereka untuk mengadakan pertunjukkan di sebuah majlis harijadi.

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film

Pengarah : Mat Sentol

Pelakon : Mat Sentol, Udo Omar, John Calvert, Din Wan Chik, Noor Kuda, Din Bengot.



**\* PUTUS SUDAH KASIH SAYANG**

Che' Rostam pengurus bank mempunyai isteri bernama Rosmah dan anak remaja lelaki bernama Rosman. Rosmah menghidap penyakit lumpuh dan cuma bergerak sekitar rumah menggunakan kerusi roda. Rostam yang sering kesunyian menanggung siksa batin di rumah, sering menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh kawan-kawannya dan membuang masa di sebuah kedai minuman tempat Lisdar bekerja sebagai pelayan. Lisdar ialah seorang janda yang mempunyai seorang anak perempuan yang dipelihara oleh neneknya di kampung.

Penerbit : Merdeka Film Productions .

Pengarah : P. Ramlee

Pelakon : P. Ramlee, Latifah Omar, Bob Mustaffa, Mariani, AK Jailani, Idris Hashim, Minah Hashim, Norizan, Edah Jailani, Mak Enon.

**\* SEMUSIM DI NERAKA**

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Tony Kassim, S. Noni, Mustapha Maarof.

**1972**

**\* ANAK KU SUAMI KU**

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah :

Pelakon : S.Ahmad, Sharifah Hanim

**\* ANGKARA**



Para penduduk kampung diganggu oleh orang-orang Deraman dan adiknya Akob. Tuk Uban tidak berdaya untuk menjaga kampung terpaksa menyerahkan jawatan ketua kampung kepada yang lebih muda. Kampung itu mempunyai sumber kekayaan yang menjadi faktor mengapa Deraman dan

Akob obses akan kampung itu.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ed Osmera, Tamam Idris, Sarimah, Noor KK, Ahmad B, Latiff Boorgiba.



**\* DANG LENGGANG**

Penerbit : Merdeka Fil Productions

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : S.Rosley, Sarimah, Tamam Idris, Latif Borgiba.

**\* DARAH PANGLIMA**

Penerbit :

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Faizal Hussein.

**\* HUTANG DARAH**

Penerbit :

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Faizal Hussein

**\* KELANA**

Penerbit :

Pengarah : S. Kadarisman

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Norizan, Faizal Hussein.



**\* LAKSAMANA DO RE MI**

Filem ini adalah kesinambungan dari filem Do Re Mi dan Nasib Do Re Mi. Ia mengisahkan tiga sahabat iaitu Do Re Mi yang mendapat anugerah kesaktian daripada Puteri Buluh Betung yang mereka selamatkan. Do menerima segulung tikar terbang yang boleh terbang kemana-mana destinasi, Re mendapat sebuah teropong ajaib yang boleh melihat apa sahaja yang di hajati dan Mi pula mendapat bangsi hikmat yang membolehkan apa sahaja yang di hajati. Dengan hikmat-hikmat mereka ini, mereka membantu sebuah kerajaan yang di dalam kekacauan oleh orang jahat iaitu Pasola.

Penerbit : Merdeka Film Productios Sdn. Bhd.  
Pengarah : P.Ramlee

Pelakon : P.Ramlee, Dayang Sulu, Ibrahim Din, A.R.Tompel, Mak Enon, Osman Botak, Bakar Kerinting, Norizan, Idris Hashim.

**\* PENDEKAR SAKTI**

Penerbit :

Pengarah :

Pelakon :

**\* PENGEJARAN KE NERAKA**

Penerbit :

Pengarah : M. Amin


Pelakon :

**\* SATU PENENTUAN**

Penerbit : Merdeka

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Maznah Ahmad.



**\* SEMANGAT UALAR**

Penerbit : Loke Wan Tho - Cathay-Keris Film  
 Pengarah : M. Amin  
 Pelakon : Mustapha Maarof .

1973

**\* HARIMAU JADIAN**

Penerbit:  
 Pengarah : M. Amin  
 Pelakon :



**\* HATI BATU**

Zainal adalah anak seorang kaya. Bapanya Tok Musa memiliki ladang pokok getah dan mengupah orang untuk menorehnya. Zainal dalam diam-diam berkahwin dengan Zaitun seorang perempuan kabaret. Selepas mendapat dua anak, Idah dan Idi, Zainal membawa keluarga berjumpa bapanya. Bapanya sangat marah bila mengetahui siapa Zaitun yang sebenarnya dan menuduhnya perempuan kotor dan sial. Dia menyuruh Zainal menceraikan Zaitun. Akibatnya Zainal mati dalam satu kemalangan jalanraya. Tok Musa menuduh Zaitun yang menyebabkan kematian Zainal. Tok Musa halau Zaitun keluar rumah tetapi cucu-cucunya Idah dan Idi tinggal bersamanya kerana tidak mahu mereka tahu siapa ibu mereka.

Penerbit : Cathay Keris Film  
 Pengarah : M. Amin  
 Pelakon : Latifah Omar, S. Azam, Hasnah Harun, Fauziah Ahmad Daud, Faizal Ahmad Daud, Salleh Melan, M. Shahdan, Rahmah Latiff, Siti Tanjung Perak.

**\* MALAYSIA 5**

Penerbit : Sari Artis Film  
 Pengarah : John Aristorenas  
 Pelakon : Aziz Jaffar, Sarimah.

**\* PENYAMUN SI BONGKOK**

Penerbit : Merdeka Film Productions  
 Pengarah : M.Amin  
 Pelakon : Dali Siliwangi, Sharifah Hanim, Tony Azman.

**\* SATRIA**

Penerbit : Merdeka Film Productions  
 Pengarah : S.Kadarisman  
 Pelakon : Ed Osmera, Sarimah.

**\* SATU PENENTUAN**

Penerbit : Merdeka Film Productions  
 Pengarah : M. Amin  
 Pelakon : Hussein Abu Hassan, Maznah Ahmad, Sharifah Hanim, Latiff Ibrahim

### \* SATU TITIK DI GARISAN



Walaupun Haron merupakan kawan terbaik Kamal, dia tetap menggoda Sofiah (kekasih Kamal) dan mengahwininya, semasa Kamal masih menuntut pengajian. Bila Kamal pulang ke kampung dengan ijazah dan harapan untuk meminang Sofiah, dia kecewa mendengar berita lalu meninggalkan kampung.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-19, 1973 - Singapura  
Filem Drama Tragedi Terbaik

Penerbit : Cathay-Keris Film

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Aziz Jaafar, Dayang Sofiah, Kuswadinata, Bat Latiff.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-19, 1973 - Singapura  
Filem Drama Tragedi Terbaik

**1974**




### \* ANAK SETAN

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Ed Osmera, Mariati, Dali Seliwangi, Rahim B, Latif Borgiba.



### \* BELANG PERTANDA

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : S.Sudarmaji

Pelakon : Ismail Mahmud, Sharifah Hanim, Hussein Abu Hassan, Nor Azizah, Norizan, Norlia Ramlee.



### \* JIWA REMAJA

Hairi hidup menyara ibu dan adiknya dengan pelbagai kerja sementara. Dia sering diberhentikan kerja kerana ingkar pada arahan majikannya. Rakan baiknya, Joy berkerja sebagai seorang Mekanik. Hairi jatuh cinta dengan Anita, anak orang kaya. Yusof, abang Anita tidak menyukai Hairi yang tidak setaraf dengan Anita. Berlaku percaduhan sehingga menyebabkan Joy terbunuh.

Hairi berazam untuk membalsam dendam terhadap Yusof dengan pistol yang dijumpainya. Dia menjadi buruan polis. Anita cuba menasihatinya agar menyerah diri tetapi gagal kerana Hairi keras hati.

Penerbit : Merdeka Film

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Hail Amir, Uji Rashid, Yusof Haslam.

### \* MASTURA

Penerbit : Merdeka Film

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Norizan, Noran Nordin.

**\* SEMAMBU KUNING**

Penerbit : Merdeka

Pengarah : S.Kadarisman

Pelakon : Dali Siliwangi, Anita Sarawak, Latiff Borgiba.

**1975**



**\* BONEKA PERMATA**

Shariff kembali ke tanah air setelah sekian lama mengembara ke luar Negara. Dia diekori oleh dua bekas kawannya, Ziman dan Don, yang mengesyaki Shariff melarikan batu-batu permata hak mereka bersama. Bungkusan permata itu sebenarnya disembunyikan oleh Shariff dalam boneka yang diberikan kepada seorang wanita bernama Asiah. Walau bagaimanapun, sebelum sempat boneka itu diseludup masuk, ia ditukarkan oleh ejen perisik dengan boneka serupa yang mengandungi permata kaca semasa tiba di lapangan terbang. Sementara itu, seorang jutawan wanita asing, Lady Zon menaruh minat kepada Shariff yang disangkanya berjaya menyeludup masuk permata yang bernilai itu. Don dan Ziman pula menculik anak saudara Asiah bagi memaksa Asiah menyerahkan batu-batu permata yang mereka menyangka ada pada Asiah.

Penerbit : Pura Emas Film Sdn. Bhd.

Pengarah : Tony Azman

Pelakon : Dali Siliwangi, S. Zamilah, Norizan, Salmiah.



**\* BUNGA PADI BERDAUN LALANG**

Amir ditugaskan bagi memperkenalkan jentera pembajak baru keluaran syarikatnya kepada penduduk sebuah kampung. Jentera pembajak itu jauh lebih ekonomik. Ini menimbulkan kemarahan seorang saudagar beras iaitu Pak Ali yang lama menjalankan perkhidmatan sewaan pembajak kepada petani kawasan itu. Dengan itu Pak Ali mengarahkan orang-orangnya yang diketuai Sudin untuk memukul pegawai muda itu. Amir diselamatkan oleh seorang penduduk di situ bernama Hamdan. Hamdan tinggal bersama adiknya Hamidah sejak kecil setelah kematian orang tua mereka. Amir kemudian mengahwini Hamidah dan ini membuatkan Sudin bertambah marah.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Hussein Abu Hassan

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Mahyon Ismail, Tamam Idris, Razali Buyung & Zaiton Ibrahim.



**\* JIWA REMAJA**

\* Hairi atau Harry, hidup menyara ibu dan adiknya dengan pelbagai kerja sambilan kerana dia sering diberhentikan kerja kerana engkar dengan arahan majikannya. Rakan baiknya, Joy berkerja sebagai seorang mekanik. Hairi jatuh cinta dengan Anita, anak orang kaya. Yusof, abang Anita tidak menyukai Hairi yang tidak setaraf dengan Anita. Berlaku pergaduhan yang menyebabkan Joy terbunu. Hairi berazam untuk membala dendam terhadap Yusof dengan pistol yang dijumpainya.

Penerbit : Sabah Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Hail Amir, Uji Rashid, Yusof Haslam, Nozie Nani.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-22, 1976 - Pusan, Korea Selatan

Anugerah Khas Juri : Filem Drama Tragedi Terbaik.

### \* KELUARGA COMAT



Comat tinggal dengan bapanya yang membuka perniagaan membaiki kereta. Borhan menghantar keretanya ke bengkel Pak Comat untuk dibaiki. Di sana Borhan bertemu Comat dan mencadangkan kepada Pak Comat supaya membawa anaknya ke Kuala Lumpur kerana Borhan berminat menjadikan Comat seorang penghibur. Di Kuala Lumpur, pelbagai perkara lucu terjadi.

Penerbit : Deddy M. Borhan - Sabah Film Production

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Aziz Satar, Ibrahim Pendek, Junainah M. Amin, S. Shamsuddin, Deddy M. Borhan.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-21, 1975 - Jakarta

Penghargaan Komedi Terbaik Masyarakat – Sabah Film Production.



### \* PERMINTAAN TERAKHIR

Salina terpaksa menjalani kehidupan baru setelah ibunya berkahwin dengan Datuk Mazlan. Datuk Mazlan ialah bapa Rohani yang menjadi musuh Salina di sekolahnya. Salina terpaksa bersaing mendapatkan perhatian keluarganya. Keadaan ini berlanjut sehingga dia mengetahui dirinya mengidap penyakit berbahaya dan merahsiakan daripada pengetahuan ahli keluarganya. Rahsianya terbongkar apabila Rohani terdengar doa yang dibaca oleh Salina.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Uji Rashid, Nozie Nani, Sony Abdullah, Ahmad Daud, Saadiah, Yusof Haslam, Fauziah Ahmad Daud.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-21, 1975 - Jakarta

Filem Tragedi Kampus Terbaik.



### \* PERTIWI

Daeng Udoh menyamar diri untuk memimpin dua daerah, iaitu Lurah Tinggi dan Lurah Panjang. Dia jatuh hati kepada Pertiwi, anak Batin Daik tetapi oleh kerana Pertiwi mempunyai kakak, Daeng Udoh terpaksa di tunangkan dengan Sari. Penyamaran Daeng Udoh diketahui oleh Daeng Jati lalu Daeng Udoh melarikan diri dengan menculik Pertiwi. Mereka dikepung dan

berlaku pertempuran. Daeng Udoh berjaya membunuh Daeng Jati dan cuba memperkosa Pertiwi.

Penerbit : Merdeka Studio

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Ed Osmera, Sharifah Hanim, Dali Siliwangi.



### \* PONTIANAK

Penerbit : FilemKobe Trading Company

Pengarah : Roger Sutton

Pelakon : Hamid Bond, Ah Leng Tan, Mei Kwang, Jeniffer Kaur, Herdawati (Indonesia), Piya Johnny (Thailand), Shariff Medan, Lim Peng Hock, Mahmood Kicap

### \* SI BUTA



Jaksa (Hussein Abu Hassan) adalah seorang pendekar buta walaupun mempunyai saingan dengan murid-murid lain. Mahaguru Bentara (Idris Siliawangi) mempunyai masalah dengan Datuk Temenggong yang menyebabkan dia dihukum buang daerah. Dengan mempergunakan kehebatan Jaksa, segala dendamnya terhadap Datuk Temenggong dapat dilaksanakan. Bentara sanggup membantu Jaksa memulihkan penglihatannya.

Dengan kepakaran ilmu ghaibnya, Bentara berjaya menukar mata Jaksa dengan mata yang sihat. Selesai semuanya, Jaksa mampu melihat buat pertama kalinya. Ketika Jaksa bergegas ke gua semula dia terpandang Baiduri kerana gadis ini pernah berada dalam mimpinya. Jaksa berjaya menyelamatkan Baiduri dan menyerahkannya kepada Teruna. Jaksa meluahkan isi hatinya kepada Datuk Temenggong bahawa dia ingin berkahwin dengan Baiduri sedangkan Baiduri sudah berkahwin dengan Teruna. Baiduri pula berasa serba salah.

Penerbit : Merdeka

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Mariani, Dali Siliwangi, Elisa Augustine.

**1976**



### \* BUKAN SALAH ASUHAN

Sebuah filem mengenai masyarakat Melayu yang pincang. Seorang hartawan menolak pilihan anak perempuannya yang cintakan seorang pemuda miskin. Seorang suami yang melupakan tanggungjawabnya setelah menjadi kaya dan berjaya di Bandar. Seorang isteri yang inginkan kebebasan akhirnya mati dibunuh akibat berlaku curang.

Penerbit : Rakhi Film Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Sasakul

Pelakon : Ismail Sasakul, Faezah Abdullah, J.Ibrahim, Marzima & Ghani Ibat.



### \* CINTA DAN LAGU

Kisah percintaan seorang gadis desa dan pemuda nelayan yang dicemburui seorang anak orang kaya. Zul seorang nelayan muda jatuh hati kepada Noraini, kawan adiknya. Zul selalu mengusik Noraini apabila pulang dari laut. Pada masa yang sama Zul juga berbaik-baik dengan bapa Noraini dan ingin meminang Noraini. Malek, anak ketua kampung juga menaruh minat kepada Noraini dan menyuruh Leha meminang Noraini untuknya. Walau bagaimanapun, pinangan Malek ditolak kerana Noraini memilih Zul sebagai bakal suaminya. Pada hari perkahwinan mereka, Zul diculik oleh Malek dan dikurung di dalam gua di sebuah pulau.


Setelah didesak oleh ketua kampung akhirnya Malek memberitahu tempat dia menyembunyikan Zul.

Penerbit : Merdeka Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Hail Amir, Noor Azizah, Yusof Haslam, Norzie Nani, M. Shahdan, Jamil Sulong, Noriza.

### \* HAPUSLAH AIR MATA MU



\* Kisah gadis desa yang berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mengejar cita-cita sebagai penyanyi terkenal. Berdasarkan pada bakat dan kecantikan diri, dia berjaya menjadi bintang popular dan disanjung ribuan peminat. Dia akhirnya hanyut dengan perhatian yang diberikan sehingga dia lupa daratan.

Penerbit : Sabah Film

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Sharifah Aini, Latiff Ibrahim, Broery Marantika, Normadiah, AK Jailani, AR Ayappan, Aziz Jaafar.

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-22, 1976 - Pusan, Korea Selatan

Anugerah Khas Juri - Menjanjikan Persahabatan Dan

Kemajuan Seni.

### \* RAJA LAUT



Raja Laut yang mengganas di laut mengancam para pelaut dengan tindakan di luar perikemanusiaan. Polis sukar untuk mengesan ketua kumpulan lanun ini kerana dia berlagak sebagai orang kaya. Dalam pada masa itu pula, adik perempuan seorang jurumudi tentera laut menjadi teman wanita Raja Laut.

Ini menyukarkan lagi pihak polis untuk membuat serbuan ke atas Raja Laut.

Penerbit : Mash Film Production

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Mokhtarudin, Ed Osmera, S.Zamila, Sukarni Jaafar, Sharifah Hazariah.

### \* SAYANG ANAKKU SAYANG

\* Kematian kedua ibu bapa lima beradik ini telah membawa mereka tinggal bersama jirannya. Beban itu tidak terbawa oleh jirannya itu lalu bersetuju ingin memberi anak-anak itu kepada keluarga angkat tapi mereka berjaya melaikkan diri masing-masing dari keluarga tersebut.

Penerbit : Merdeka Film Productions sdn. Bhd.

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Aziz Osman, Zulkifli Zain.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-22, 1976 - Pusan, Korea Selatan

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Aziz M. Osman.



**1977**

**\* LOCENG MAUT**



Tiga orang lanun datang ke sebuah pulau dan membunuh sebuah keluarga. Andika ingin membalas dendam atas kematian ibu dan adik lelakinya, lalu pergi menuntut ilmu silat. Setelah tamat menuntut, Andika mula menjajaki musuh-musuhnya dan akhirnya berjaya membunuh mereka.

Penerbit : Merdeka Film

Pengarah : Naz Achnas

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Omar Shariff, Farida Ucok Harahap, Teh Faridah, Norizan

Mohd Noor, Dalila Fazlur Rehman.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-24, Sydney, 1978 - Australia

Penyunting Terbaik - Salehan Shamsuddin

Anugerah Khas Juri - Pembikinan Filem Yang Sempurna - Merdeka Filem

**\* MALAYSIA FIVE**

Penerbit : Sarimah - Sari Artis Film

Pengarah : John Aristorenas (Filipina)

Pelakon : Aziz Jaafar, Sarimah.

**\* TriviA**

Filem usahasama Malaysia - Filipina.

Filem pertama terbitan Sarimah.

**\* MENANTI HARI ESOK**



Seorang guru besar, Talib bin Ayob mempunyai tiga orang anak, seorang isteri-Ani dan juga seorang menantu. Hidupnya berubah selepas dia disahkan menghidap penyakit barah dan hanya mempunyai beberapa bulan untuk hidup. Dia menyembunyikan keadaannya daripada keluarganya kecuali dengan isterinya. Talib memutuskan untuk berpisah dengan isterinya atas alasan menginginkannya mendapat peluang untuk meneruskan cinta selepas pemergiannya.

Penerbit : Perfima Film

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : Jins Shamsuddin, Noor Kumalasari, Sarimah Ahmad, Sarena Hashim, Hail Amir, Umi Kalthom, D J Dave.

**\* PENDEKAR**

Demang, penghulu Kampung Tanjung Pura tiba-tiba jatuh sakit. Beliau berasa sedih kerana tiada siapa yang akan menggantikan tempatnya dan mewarisi hartanya. Dia tidak mempunyai anak atau isteri di istana, tetapi teringat akan dua anaknya dan isterinya di Permatang Tinggi yang dinikahi secara rahsia. Alang Pendekar, abang ipar kepada Demang, berasa takut dia tidak akan mewarisi harta benda Demang. Alang menghantar pengikutnya ke Kampung Permatang Tinggi untuk melakukan apa saja demi menghalang kedua-dua anak Demang daripada mewarisi harta

Demang.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : M. Amin

Pelakon : Aziz Jaafar, Teh Faridah, Noor Azizah, Deddy M. Borhan, A. Rahim.



1978

**\* DAYANG SUHANA**

Setelah isteri Azman meninggal dunia, ibunya memujuk agar dia berkawin lagi. Semasa bertugas di Sarawak, seorang kawan Azman menyuruhnya mengambil Dayang Suhana, seorang janda beranak satu, sebagai orang gajinya. Pada suatu hari, semasa Azman tiada di rumah, Shamsul, bekas suami Dayang Suhana datang ke rumahnya. Ketika Azman pulang dia melihat Shamsul memukul orang gajinya itu. Setelah kejadian itu, Dayang meninggalkan rumah Azman. Pemergian Dayang menyebabkan anak Azman, Nani jatuh sakit. Demi kepentingan Nani, Azman bersetuju mengahwini Dayang Suhana.

Penerbit : Filem Negara Malaysia.

Pengarah : Aziz Abas

Pelakon : Rahim Razali, Rubiah Suparman, Ismail Hutson, Karim Latiff, Roznee, Siti Zauyah.

**\* DENDAM PERAWAN**

Kisah seorang gadis bernama Neng, memburu lelaki yang bergelar Harun, bagi membala dendam di atas kematian ibu dan adiknya.

Penerbit :

Pengarah : Senir Kerapyrayon

Pelakon : Noor Azizah, S. Roomai Noor, Karim Siraj, Laxmee Pengseangduen, Santi Krapayoon.

**\* PANGLIMA BADUL**

Badul yang tinggal bersama ibunya di sebuah pulau ingin merantau ke sebuah pulau lain. Dalam perjalanan itu, Badul menemui seorang pedagang Indonesia bersama adik perempuannya. Sampai di sebuah kampung, adik pedagang Indonesia itu ditinggalkan menumpang dengan penghulu di situ. Sementara itu, seorang pemuda di kampung itu terpikat dengan adik pedagang itu lalu menculiknya. Ramai yang berusaha menyelamatkan adik pedagang itu tetapi gagal kerana pemuda itu bukan orang sebarang. Badul berusaha menyelamatkan adik pedagang itu.

Penerbit : Solo Film Productions

Pengarah : Hussein Abu Hassan

Pelakon : AR Badul, Yusni Jaafar, Hussein Abu Hassan, Benjamin S, R. Jaafar, Normadiah, Mahmood June, Ernie Yusnita.

**\*Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-25, 1979 - Singapura  
Filem Komedi Terbaik.

**1979**

**\* CERITAKU CERITAMU**

\* Ana ingin berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari pekerjaan yang lebih baik untuk masa depan yang lebih cerah. Setibanya disana dia berkenalan dengan seorang lelaki yang sudah berkahwin dan mempunyai seorang anak yang sebaya dengan dirinya sendiri.

Mereka menjalinkan hubungan bersama sehingga menyebabkan lelaki tersebut lupa tanggungjawab beliau.

Penerbit : Anang Enterprise Production

Pengarah : Saadiah

Pelakon : Fauziah Ahmad Daud, Meor Hashim, Manaf, Saadiah, Zainurdin Ismail, Zakaria Yusof, Ali Rahman.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Pertama, 1980 - Kuala Lumpur

Bintang Harapan - Fauziah Ahmad Daud.

**\* DENDANG PERANTAU**



\* Des Iskandar dari Indonesia menuntut di sebuah universiti di Malaysia. Dia berkenalan dengan Faridah setelah menyelamatkannya dari mati lemas. Hubungan mereka tidak direstui oleh ayah Emilia kerana mementingkan kekayaan. Datuk Ariff ayah Emilia bercadang menjodohkan Emilia dengan Wan Farid - anak Wan Kamarul yang juga rakan kongsi perniagaannya. Namun, Emilia meminta diputuskan pertunangannya dengan Wan Farid kerana dia seorang kaki samseng dan memukul Des Iskandar.

Penerbit : Varia Film Productions

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Teh Faridah, Latif Ibrahim, Hail Amir, Uji Rashid, Ade Nirmala, Yusof Latif, Normadiah, S.Roomai Noor, Umi Kalthum.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-25, 1979 - Singapura

Rakaman Bunyi Terbaik - Zulkifli Salleh & Peter Lim.

Pelakon : Latif Ibrahim, The Faridah, Hail Amir, Uji Rashid.

**\* DETIK 12 MALAM**



Erma mengidap sakit jiwa setelah anaknya diambil secara paksa oleh bekas suaminya. Fikiran Erma sering terganggu hingga dia mengambil keputusan berhenti menjadi guru. Doktor Mustaffa merawat Erma di rumahnya. Tunang Doktor Mustaffa, Farah salah sangka hubungan antara mereka. Remie mengambil kesempatan untuk bermesra dengan Farah. Doktor Mustaffa membawa Erma singgah di rumah Farah dan tanpa disangka Erma bertemu semula dengan bekas suaminya. Dari situ lah Erma mendapat tahu bahawa Farah adalah anaknya yang di cari selama ini. Erma merasa kecewa kerana Farah tidak mahu menerima sebagai ibu kandungnya.

Penerbit : Shasaree Film Sdn. Bhd

Pengarah : S.Sudarmaji

Pelakon : Yusof Latiff, Sarimah, Mustapha Maarof, Normala Omar, Yusof Haslam, Kuswadanita.

### \* GILA-GILA



Jaafar bekerja sebagai pembantu di rumah - ingin mengubah nasib merantau ke KL. Setelah berlaku kelam-kabut di Lapangan Terbang, dia tersalah beg milik Dato'. Setibanya di KL, dia bertemu rakannya dan dibawa bertemu dengan Kathy iaitu cucu majikannya. Setelah mengetahui yang dia tersalah beg, Jaafar menyamar menjadi Dato' Jaafar dan seterusnya meminang Kathy untuk dijadikan isteri. Setelah kehabisan wang, dia kembali ke Sabah. Setelah beberapa lama, Kathy bersama datuknya ke Sabah mencari Jaafar. Ketika itu baru mereka mengetahui perkara sebenar.

Penerbit : Sabah Filem

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : R.Jaffar, Hamid Gurkha, Hamidah Wahab, Abdullah Chik, Yahya Sulong.

### \* KISAH SEORANG BIDUAN



Dell, seorang penyanyi yang kecewa kerana kekasihnya berkahwin dengan orang lain telah membawa diri ke Kuala Lumpur dan mempertaruhkan nasibnya sebagai seorang penyanyi. Dengan sebuah gitar tua, dia menghadapi pelbagai rintangan tetapi akhirnya berjaya untuk menjadi seorang penyanyi. Di saat kejayaannya, bekas kekasihnya muncul kembali. Dia serba salah walaupun cita-citanya telah tercapai tetapi hatinya masih kecewa.

Penerbit : Sabah Film

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Dahlan Zainuddin, Gaya Zakri, Yusof Latiff, Dian P.Ramlee.



### \* MAT TENGGEK

Seorang saintis yang selalu mereka pelbagai rekaan di mana suatu hari dia berjaya mereka sebuah kapal terbang dan mengajak isterinya yang sarat mengandung menaikinya. Apabila sedang berterbang isterinya itu melahirkan anak di dalam kapal terbang tersebut dan menambahkan lagi kekecohannya itu kapal terbang tersebut terhempas dalam sebuah hutan. Anak yatim piatu itu dipelihara oleh seekor kambing sehingga dia menjadi dewasa.

Penerbit : Maju Film

Pengarah : Mat Sentol

Pelakon : Mat Sentol, Sukarni Jaafar, Wahid Satay.

### \* PASUNG PUAKA



Filem ini mengisahkan sekumpulan penjahat yang ingin menguasai sebuah kampung yang kecil. Kumpulan penjahat itu telah melakukan pelbagai perkara buruk di kampung tersebut. Mereka juga menakut-nakutkan penduduk kampung dengan menjatuhkan hukuman pasung yang dianggap berpuaka dan boleh membunuh sesiapa sahaja yang engkar akan arahan mereka. Seorang pahlawan muncul dan cuba mempertahankan kampung tersebut.

Penerbit : Titiwangsa Film

Pengarah: Mat Sentol

Pelakon : Jefry Din, Sukarni Jaffar, Steven Wong, Norizan, Mahmud June, Karim Latif.

### \* PENAGIH DADAH



Filem Penagih Dadah (1979) arahan Mat Sentol, cerita asal oleh Tan Sri Othman Md Saat (Menteri Besar Johor 1967-1982) dan diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Johor.

Penerbit : Kerajaan Johor & Maju Film

Pengarah : Mat Sentol

Pelakon : Dam Umbara, Mahmud Jun, Effa Rizan, Karim Latiff.

### \* PREBET LAPOK



Seorang pemuda yang nakal bernama Badul sering mengusik anak-anak dara di kampung dan kerana tidak mempunyai pekerjaan, ia dipujuk supaya memohon menjadi anggota tentera dan diterima. Semasa menjalani latihan ketenteraan banyak peristiwa lucu berlaku dan di dalam diam-diam seorang gadis telah terpikat dengan Badul.

Penerbit : Indra Film

Pengarah : Aziz Sattar

Pelakon : A.R.Badul, Jastina, Raja Ismail, Haji Abu Bakar.

### \* SI BADUL




Badul menyamar menjadi orang kaya dari Sarawak dan kemudian berkahwin dengan Milah. Selepas berkahwin dia menggunakan tipu helah untuk memperdayakan orang kaya dengan meminjam wang yang terlalu banyak. Bila berjaya mendapatkan wang itu dia telah menghilangkan diri.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : AR Badul, Milah Hussein, R. Jaafar, Mahmud June, Normadiah, Raja Ismail, Julie Dahlan.

**\* SI BOGO**



Segerombolan pengganas yang di ketuai oleh Sanggora mengancam beberapa buah kampung. Mereka melakukan kezaliman dan keganasan di kampung-kampung yang mereka kunjungi hingga tidak ada seorang pun berani menentang mereka. Di sebuah kampung Sanggora melihat beberapa gadis jelita. Dia cuba menculik gadis-gadis itu untuk dijadikan mangsa nafsu ganasnya tetapi tiba-tiba Bogo muncul lalu menyelamatkan mereka. Bogo dan Gembunga adalah kawan baik sejak kecil tetapi apabila dewasa mereka sudah tidak kenal antara satu sama lain.

Ayah Gembunga berkawan baik dengan ayah Bogo dan kenal rantai yang di pakai oleh Bogo adalah kepunyaan kawan baiknya.

Penerbit : Pantai Timur Film

Pengarah : Ismail Sasakul

Pelakon : Ismail Sasakul, Rozaini Hashim, Tengku Chik, Daud Selamat, Omar Ragol Ismail.

**\* SURAT DARI DESA**

Penerbit : Filem Negara

Pengarah : Rahman B.

Pelakon : Yunus Mansor, Faizah Nor, Rahman B.

**\* SUMBER ILHAMKU**



\* Nasir mahir bermain alat muzik, mencipta dan mengubah lagu lalu berpindah ke ibu kota untuk mencuba naib. Razlan dilantik untuk menguruskan pancaragam itu. Malangnya Razlan tidak amanah, semua usaha baik Nasir terbuang begitu sahaja. Razlan meradang dan mengupah samseng untuk memukul Nasir. Ketika menerima rawatan, Nasir mendapat tahu bahawa Doktor Nora adalah seorang gadis dari kampungnya dan jatuh hati padanya.

Penerbit : Syed Kechik Film Productions

Pengarah : Aziz Jaffar

Pelakon : Latif Ibrahim, Sharifah Aini, Rosnah Abdul Rahman.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-26, 1980, Jogjakarta, Bali, Indonesia

Anugerah Khas Juri - Inspirasi Artis Mencapai Kejayaan

Festival Filem Malaysia Pertama, 1980 - Kuala Lumpur

Filem Light Drama Terbaik.

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Mahmud June

Lagu Tema Asal Terbaik - Ahmad Nawab (Sumber Ilhamku).

**\* TIADA ESOK BAGIMU**



Filem ini mendedahkan kelemahan-kelemahan di dalam masyarakat atasan yang terdiri daripada Yang Berhormat, peguam dan arkitek muda. Masing-masing mempunyai citarasa dan nafsu berbeza. Filem ini bukanlah lanjutan daripada filem Menanti Hari Esok kerana ia mempunyai cerita yang tersendiri.

Penerbit : Jins Shamsuddin Productions

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : Jins Shamsuddin, Sarimah Ahmad, Noorkumalasari, S.

Roomai Noor, Umi Kalthum, Yusof Haslam, Zulkifli Zain,

Mahyon Ismail, Normala Omar, A.Rahim.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem ASEAN, 1978

Pengarah Terbaik - Jins Shamsuddin

Festival Filem Malaysia Pertama, 1980 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik (keseluruhan) - Jins Shamsuddin

Filem Drama Berat Terbaik - Jins Shamsuddin

Pengarah Terbaik - Jins Shamsuddin; Pelakon Lelaki Terbaik - Jins Shamsuddin

Penyunting Filem Terbaik - Johari Ibrahim.

**\* TUAN BADUL**



Ibrahim bekerja di Badul Holdings Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar dan digelar GM. Dia adalah seorang yang sangat garang di pejabat tetapi takut pada isterinya Norlia. Dia mempunyai pembantu rumah bernama Nor. Pada suatu hari, Tuan Badul melawat tanah miliknya yang menjadi perkampungan setinggan. Tuan Badul ingin menyuruh orang-orang kampung berpindah, tetapi apabila dia bertemu dengan Nor yang hidup serba kekurangan di situ, segala-galanya berubah.

Penerbit : Varia Filem Productions & Distribution Sdn Bhd.

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : AR Badul, Noorkumalasari, S. Shamsuddin, Ibrahim Pendek, Norlia Ghani.

**1980**

**\* ADIK MANJA**



Cikgu Azmi Bin Mohammad (Dharma Harun Al Rashid) diterima masuk ke sekolah berasrama penuh perempuan, Institut Sri Ilmu yang pertama kali menerima seorang guru lelaki untuk mengajar di situ. Dalam perjalanan ke Institut itu, Cikgu Azmi pergi ke sebuah klinik. Di klinik itu Cikgu Azmi diberikan seorang bayi lelaki bernama Idzuan oleh seorang perempuan. Cikgu Azmi terpaksa membawa bayi itu bersamanya kerana perempuan itu tidak mengambil semula bayi itu. Cikgu Azmi melakukan pelbagai helah untuk menyembunyikan bayi itu daripada pengetahuan pihak institut.

Penerbit : Merdeka Filem

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Dharma Harun Al Rashid, Noorkumalasari, Adibah Amin, Sharifah Shalina Syed Abdullah, Noraini Hashim, Norlia Ghani.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-26, 1980, Jogjakarta, Bali, Indonesia

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Shasha

Anugerah Khas Juri - Komedi Yang Bernilai - Merdeka Film

Festival Filem Malaysia Pertama, 1980 - Kuala Lumpur

Filem Komedi Terbaik; Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Adibah Amin Skrip Terbaik - Othman Hafsham.

**\* ANAK TUNGGAL**

Penerbit :  
 Pengarah : M. Osman  
 Pelakon : R. Jaafar, Hamidah Wahab, Ahmad B.

**\* BONEKA PERMATA**

Penerbit : Pura Emas Film  
 Pengarah : Tony Azman  
 Pelakon : Dali Siliwangi, S.Zamilah.

**\* DIKEJAR PELANGI**

Penerbit : Matahari Film  
 Pengarah :  
 Pelakon :

**\* 12 DAYUNG PETANI**

Penerbit : Indra Film  
 Pengarah : Aziz Satar  
 Pelakon : Ed Osmera, Wan Hasnah, Ahmad B.

**\* DETIK 12 MALAM**

Erma mengidap sakit jiwa setelah anaknya diambil secara paksa oleh bekas suaminya. Fikiran Erma sering terganggu hingga dia mengambil keputusan berhenti menjadi guru. Doktor Mustaffa merawat Erma di rumahnya. Tunang Doktor Mustaffa, Farah salah sangka hubungan antara mereka. Doktor Mustaffa membawa Erma singgah di rumah Farah dan tanpa disangka Erma bertemu semula dengan bekas suaminya. Dari sitolah Erma mendapat tahu bahawa Farah adalah anaknya yang di cari selama ini.

Penerbit : Sarimah - Shasaree Film  
 Pengarah : S. Sudarmaji  
 Pelakon : Sarimah, Normala Omar, Yusof Haslam, Mustapha Maarof, Yusof Latiff.

**\* ESOK MASIH ADA**

\* Seorang pegawai polis, ASP Zamri dan isterinya, Faridah, telah kematian dua orang anak mereka akibat penyakit leukemia. Melalui kebenaran isterinya, maka ASP Zamri berkahwin dengan seorang gadis berbangsa Cina yang bernama Marina.

Penerbit : Jins Shamsuddin Productions  
 Pengarah : Jins Shamsuddin  
 Pelakon : Jins Shamsuddin, Azean Irdawaty, Christine Teoh, S. Roomai Noor, Umi Kalsom, Rosnah Abdul Rahman, A. Rahim, Hj. Taufik Kang Teck Lee, Lily Cheniah, Firdaus Abdullah, Roslan Ahmad, Albert Lee.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Asia Pasifik ke-26, 1980, Jogjakarta, Bali, Indonesia  
 Anugerah Khas Juri – Mengangkat Tema Perpaduan Dengan Baik.  
 Anugerah Festival Filem Malaysia Pertama, 1980 - Kuala Lumpur  
 Pelakon Wanita Terbaik - Azean Irdawaty  
 Jurukamera Terbaik - S. Mohan



**\* HANTU INI GANJIL**

Penerbit :

Pengarah : Mat Sentol

Pelakon :



**\* JEJAK BERTAPAK**

Liza seorang wartawan yang cuba mendapatkan cerita-cerita sensasi sentiasa dalam keadaan bahaya. Dalam satu penyiasatan jenayah, Liza membantu polis menangkap kumpulan haram yang diketuai oleh ayahnya sendiri yang telah meninggalkan anak-anaknya setelah berkahwin lain.

Penerbit : Sharrsaree Film

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Yusof Haslam, Sarimah Yusof.

**\* KE MANA HATI 'KAN KU BAWA**

Penerbit : Solo Film

Pengarah : Yasaini Amir

Pelakon :

**\* KILAT SENJA**

Penerbit : Tuah Film

Pengarah : S. Sudarmaji

Pelakon : Teh Faridah.

**\* POTRET MARIA**

Penerbit : Karya Film Promotions

Pengarah : Yassin Salleh

Pelakon : Zulkifli Zain, Sarimah Yusof, Neng Yatimah, Sidek Hussein.



**\* PENYAMUN TARBUS**

Tiga orang perompak mencuri harta orang kaya termasuk sebuah tarbus. Orang kaya itu mengupah mata-mata gelap untuk menangkap para perompak itu dan megembalikan tarbusnya.

Penerbit : Indra Film Production

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : AR Badul, Ibrahim Pendek, Aziz Satar, S. Shamsuddin, Mahmud June, Julie Dahlan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-2, 1981

Anugerah : Filem Komedi Terbaik.

**\* SI LUNCAI**



Si Luncai seorang pengembala kambing yang lurus tetapi berhati mulia jatuh hati dengan anak ketua kampung. Malangnya harapannya hancur setelah pinangannya ditolak atas kedudukan pangkat dan darjah. Ketua Kampung yang tahu tentang kelurusan Si Luncai telah menyuruhnya terjun ke sungai bersama dengan sebuah labu. Maka Luncai pun terjun dan labu itu dijadikan sebagai pelampung untuk menyelamatkan diri. Setibanya di tebing sungai dia didatangi oleh jin yang memberikannya harta yang banyak. Untuk membala balik apa yang dilakukan oleh Ketua Kampung, Luncai menyamar menjadi seorang putera raja yang kaya dan menyuruh Ketua Kampung bersama datuk-datuk

menteri pergi ke sebuah padang pasir untuk mengambil hartanya yang ditinggalkan di situ. Maka Ketua Kampung pun pergi mencari apa yang dikatakan oleh Luncai. Kesempatan ini diambil oleh Luncai untuk mengahwini anak Ketua Kampung.

Penerbit : Deddy M.Borhan

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : R. Jaafar, Yahya Sulong, Azlina Aziz, Mahmud June, Normadiah.

**\* TRAJIDI SEMERAH PADI**

Penerbit : Sabah Film

Pengarah : M.Amin

Pelakon : Deddy M.Borhan.



**\* TUAN BESAR**

Tuan Wahid bertugas sebagai Pengurus Besar di sebuah syarikat pembinaaan. Pekerja-pekerjanya terdiri daripada tukang cuci, tukang masak, kerani dan pekerja kerdil. Syarikatnya membeli sebidang tanah untuk membina sebuah rumah, tetapi tapak tanah itu diduduki oleh Rokiah, seorang janda muda dan adik perempuannya Jamilah. Tuan Wahid jatuh cinta dengan Rokiah,

sedangkan adik Rokiah, Jamilah bercinta dengan anak Tuan Wahid yang bernama Jamil. Tuan Wahid akhirnya melarang Jamilah meneruskan perhubungan dengan anaknya Jamil.

Penerbit :

Pengarah : Osman Jailani

Pelakon : Wahid Satay, Yusni Jaafar, Mak Enon, Rahim Jailani, Fauziah Ahmad Daud, Ruminah Sidek, Param, Zahari Zabidi.

## Bab 5 (Filem 1981 Hingga 1990)



**1981**

**\* ABANG**



Fuad Din menghilangkan diri selama 10 tahun. Tanpa diduga suatu hari sampai telegram menyatakan bahawa Fuad Din akan pulang. Berita itu menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan ahli keluarga. Apabila Fuad pulang, tidak seorang pun dari mereka menyedari bahawa Fuad ke luar negeri untuk berubat.

Penerbit : Fleet Communications Sdn Bhd

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Rahim Razali, Ahmad Yatim, Ahmad Tarmimi Serigar, Noorkumalasari, Fauziah Ahmad Daud.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-2, 1981

Pelakon Lelaki Terbaik - Rahim Razali


Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Ahmad Yatim

Skrip Terbaik - Rahim Razali

Festival Filem Asia Pasifik ke-27, 1982 (Kuala Lumpur)

Pelakon Harapan Wanita - Fauziah Ahmad Daud.

**\* ANITA DUNIA AJAIB**



Amir and Asmah berkahwin selepas mereka dituduh berkahwat kerana tidak bernikah secara rasmi. Selepas perkahwinan mereka, pasangan ini benar-benar mahukan anak dan berkunjung ke Gua Hitam meminta bantuan. Penunggu Gua Hitam menjanjikan mereka anak dengan syarat anak itu mesti dipulangkan ke Gua Hitam sejurus dilahirkan. Apabila pasangan itu melanggar perjanjiannya banyak perkara anih berlaku.

Penerbit : OHMS Film Company Sdn. Bhd.

Pengarah : Omar Mohd Said

Pelakon : Hail Amir, Aznah Hamid, Osman Zailani, Norizan, Roslan Ahmad.

**\* BINTANG PUJAAN**



Rina dan Hassan saling mencintai. Perhubungan mereka mulai retak apabila Rina mahu meneruskan kerjayanya sebagai penyanyi dan pelakon filem. Hassan mendapat kerja baru di sebuah syarikat pembinaan dimiliki keluarga Nancy. Perhubungan cinta antara Rina dan Hassan bersemarak kembali apabila mereka bertemu di kelab malam sehingga membawa ke jinjang pelamin dan mendapat seorang anak. Rina menjadi suri rumah tangga dan meninggalkan kerjayanya sebagai penyanyi. Kepincangan keluarga dan perubahan hidup berlaku apabila Hassan tercedera. Rina kembali ke dunia kelab malam walaupun tidak direstui Hassan.

Penerbit : Syed Kechik Syed Mohammad

Pengarah : Shahrom Mohd Dom

Pelakon : Latiff Ibrahim, Sharifah Aini.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-2, 1981, Kuala Lumpur

Filem Light Drama Terbaik

Lagu Tema Asal Terbaik - Ahmad Nawab (Bintang Pujaan)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Rubiah Suparman

Bintang Harapan Wanita - Nancie Foo.

### \* BUKIT KEPONG



Rakaman perjuangan pasukan polis dan masyarakat tempatan di Bukit Kepong, Johor melawan komunis pada tahun 1950. Kemuncak pertempuran berlaku pada 23 Februari di balai polis Bukit Kepong yang mempunyai 18 orang anggota.

Penerbit : Jins Shamsudin Productions

Pengarah : Jins Shamsudin

Pelakon : Jins Shamsudin, A. Rahim, Hussein Abu Hassan, Yusof Haslam, Samsudin Baslah.

#### \* Anugerah & Festival Filem:

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah : Filem Terbaik - Jins Shamsudin,

Pengarah Terbaik - Jins Shamsudin,

Jurukamera Terbaik - S. Mohan,

Penataan Seni Terbaik - Yusoff Ariffin,

Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim & Zulkifli Salleh,

Pelakon Harapan Wanita - Suhainah Yahya,

Anugerah Khas Juri - Adaptasi peristiwa sejarah.

### \* DA DI DU



Tiga orang sahabat Bada, Badi dan Badu sering digangu oleh musuh-musuh kampung mereka. Kerana tidak tahan dengan gangguan itu, mereka bertiga pergi mengembara dan menuntut ilmu silat dengan seorang guru. Semasa berguru mereka bertiga jatuh hati dengan tiga orang anak gadis Tok Guru itu. Ini membuatkan Singkong, murid lama Tok Guru menjadi marah. Dia membawa konco-konconya mengancam orang-orang kampung dengan ilmu silat yang dipelajarinya.

Penerbit : Indra Filem Productions & Distributions Sdn. Bhd.

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : AR Badul, Yahya Sulong, Ibrahim Pendek, Mahmud June, Dian P. Ramlee, Aziz Satar

### \* DIA IBUKU



Rohani ialah seorang janda yang terpaksa berkerja keras untuk menyara persekolahan anaknya, Jamal & Jamil. Rohani terpaksa menggadai tanah pusaka bagi membayai pengajian Jamal di luar negara. Selepas kembali, Jamal memperkenalkan keluarga bakal isterinya, Rozie kepada ibunya. Rohani terperanjat apabila mendapat tahu Rozie adalah anak kepada lelaki yang pernah menyebabkan keruntuhan rumah tangganya dulu.

Penerbit : Sarimah Film Sdn. Bhd

Pengarah : Yassin Salleh

Pelakon : Sarimah, M.Jamil, Aznah Hamid, S.Shamsuddin, Normadiah, Mazuin Hamzah.

#### \* Anugerah Filem & Festival

Festival Filem Malaysia ke 2, 1981 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik

Filem Heavy Drama Terbaik

Pengarah Filem Terbaik - Yassin Salleh

Pelakon Wanita Terbaik - Sarimah Ahmad

Pelawak Terbaik - S.Shamsuddin

Lakon Layar Terbaik - Yassin Salleh/Aimi Jarr

Jurukamera Terbaik - Johan Ibrahim

Pengarah Seni Filem Terbaik - Baki Ahmad

Bintang Harapan Lelaki - M.Jamil.



#### \* LANGIT TIDAK SELALU CERAH

Seorang isteri yang tergila-gilakan pangkat dan kemewahan sanggup meninggalkan suaminya yang hidup sederhana dan anak mereka yang masih kecil. Dia menggunakan bakat seninya untuk mencapai impiannya dan berjaya mengcapinya. Tetapi dia diperdaya oleh seorang lelaki yang menabur kata-kata manis. Setelah ditinggalkan oleh lelaki yang dianggapnya sebagai kekasih itu, dia mula sedar kesilapannya lalu cuba pulang ke pangkal jalan.

Penerbit : Gala Filem

Pengarah : S. Sudarmaji

Pelakon : Mokhtaruddin, Uji Rashid, Maria Arshad, Mozaid, M. Busrah, Norizan, Ali Rahman.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-2, 1981 - Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Norasnizah Zaidi.

#### \* MAMA OH MAMA



Mat dan isterinya hidup mewah tetapi kesunyian kerana tidak mempunyai anak, meskipun sudah 10 tahun berkahwin. Mereka mengambil seorang anak angkat, Ani. Tidak lama kemudian isterinya melahirkan seorang anak. Orang gaji mereka mengambil berat tentang kedua-dua anak itu terutama Ani. Dalam satu kemalangan, Ani cedera dan memerlukan pemindahan buah pinggang. Orang gaji itu sebenarnya ibu kandung Ani.

Penerbit : Ahmad Mahmud Film Productions

Pengarah : Ahmad Mahmud

Pelakon : Neng Yatimah, Azean Irdawaty, Nora Shamsuddin, Ahmad Mahmud, Dharmah Harun, Fatimah Yassin.

#### \* MANGSA



Sebuah rumah misteri disewa oleh sekumpulan pemuda untuk mengeksplotasikan gadis-gadis sebagai mangsa demi memuaskan nafsu ketua mereka yang dirasuk oleh satu roh yang ingin membala dendam. Satu pembunuhan pernah berlaku di rumah itu dan mayat si mati ditanam bersama sebuah patung. Setiap masa ketua itu mendengar suara menyuruhnya melakukan pembunuhan. Setiap kali selepas memperkosa mangsanya ketua kumpulan itu terdorong membunuh. Tidak tahan dengan rasukan suara itu mereka berpindah rumah. Sepasang suami isteri muda menyewa rumah misteri itu. Suara itu telah masuk ke dalam tubuh si isteri setelah menjumpai seutas rantai di bilik tidur mereka.

Penerbit :

Pengarah : Zalina Mohd Som

Pelakon : Noorkumalasari, Christine Danker, Mustapha Kamal, Shah Reza.

\* TriviA : Filem pertama arahan Zalina Mohd Som, pengarah wanita kedua selepas Saadiah.

### \* PERJANJIAN SYAITAN



Tambun membunuh Tok Kadim, penghulu sebuah kampung dan memberitahu Tok Kadim mati kerana kemalangan. Kematian Tok Kadim membuat penduduk kampung berduka cita dan melantik Tambun sebagai Penghulu. Sejak itu pelbagai kejadian buruk berlaku. Semua kejadian itu adalah angkara Tambun sehingga dia berjaya berkahwin dengan janda arwah Tok Kadim. Tambun mempunyai seorang adik, Ribut berwajah hodoh, jatuh cinta dengan Ujang. Cinta Ribut tidak berbalas kerana Ujang menyintai Seri. Ribut marah dan benci kepada Seri. Ribut didatangi syaitan menyerupai nenek dan berjanji menjadikan ribut Jelita.

Penerbit : Darul makmur Film Productions

Pengarah : S. Sudarmaji

Pelakon : Azean Irdawaty, S.Rosley, Abdullah Chik, The Faridah, Dinda Sumantri, Sharifah Aminah Syed Abdullah.

### \* RIBUT BARAT



Yusof kelulusan luar negara, pulang ke tanah air bukan sahaja dengan ijazah malah dengan seorang isteri yang bersifat kebaratan dan memandang rendah kepada orang kampung termasuk ibu bapanya. Yusof terlalu sayangkan isteri sehingga sanggup melupakan ibu bapanya untuk menyenangkan hati isterinya.

Penerbit : Epa Film Productions

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Raja Nor Baizura, Yusof Haslam, Rose Iskandar, Hail Amir.

### \* SERAMPANG TIGA



Indra ingin mencari adiknya. Ayah Indra telah memberi pedang yang diwarisi supaya dapat mempertahankan dirinya. Dalam perjalanan, Jalur turut menemani Indra. Ketika tiba di sebuah kampung, Indra dan Jalur melihat sekumpulan orang jahat cuba mengganggu Kiambang dan ayahnya yang sedang berniaga makanan di sebuah warung. Indra berjaya melindungi Kiambang dan ayahnya dari terus diganggu. Di kampung itu, Indra mendapat tahu bahawa adiknya mati dibunuh. Indra bersumpah untuk menuntut bela di atas kematian adiknya.

Penerbit : Indra Filem Productions & Distributions Sdn Bhd

Pengarah: Ismail Sasakul

Pelakon : Kuswadinata, Normala Omar, Sharifah Hasnor, Ahmad B, Yahya Sulong, Ibrahim Pendek, Rahim Jailani, Yusoff Latiff.

### \* SESEJUK AIRMATA IBU



Azlan seroang guru tari membimbang Maya menjadi seorang penyanyi dan penari. Maya meminati seorang penyanyi bernama Borhan yang datang dari Terengganu. Borhan menyakinkan Maya bahawa Kuala Lumpurlah tempat menjadi seorang penyanyi. Biarpun anak mereka sakit, Azlan mengizinkan Maya mengikuti Borhan ke Kuala Lumpur. Maya diheret ke lembah pelacuran. Azlan pula menghadapi tekanan jiwa kerana digelar dayus. Penyakit anaknya semakin bertambah serius akibat terlalu dahagakan kasih sayang ibu hingga menemui maut tanpa menemui ibunya.

Penerbit : Keluarga Film

Pengarah : A.Rahim

Pelakon : Normala Omar, Zulkifli Zain, Hail Amir, Aznah Hamid, Marlia Musa.

**\* SETINGGAN**



Penduduk kawasan setinggan menjadi mangsa gangguan hantu dari sebuah kubur tentera jepun yang terkorban dalam Perang Dunia Kedua dahulu. Antara yang menjadi mangsa ialah keluarga pak Sudin. Burn dan seorang yang mempunyai 3 orang anak gadis. Sebelum ini kampung setinggan yang dibangunkan di kawasan yang dipercayai bekas kubur tentera Jepun itu, aman damai.

Penerbit :

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : S. Shamsuddin, Yusni Jaafar, Ibrahim Pendek, Rozita Rohaizad, Ebby Saiful, Mariani.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982 - Lagu Terbaik - Kassim Masdor.

**\* SUMPAH SEMERAH PADI**

Daerah Semerah Padi, yang berkeadaan aman damai di bawah pemerintahan Demang Satria, diserang oleh sekumpulan penggalas, Demang dibunuh sementara isterinya Tanjung Sukma dan anak-anaknya, Adi Putra dan Kesumawati, dihalau keluar daerah. Adi Putra yang taat pada agama asyik bertasbih siang dan malam. Dia tidak berani melawan kerana tidak mempunyai ilmu mempertahankan diri. Selepas menuntut mempertahankan diri barulah adi Putra membala dendam dan dengan pertolongan

Andika kuasa pemerintahan Semerah Padi jatuh ke tangannya.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : M.Amin


Pelakon : Deddy M. Borhan, Saadiah, Maria Arshad, Hussein Abu Hassan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-2, 1981 - Kuala Lumpur

Penyunting Filem Terbaik - Hashim Hamzah

**\* TOYOL**



Bachuk, seorang buruh binaan yang malas, telah membuat perjanjian dengan hantu toyol. Toyol makhluk halus bersetuju untuk mencuri untuk tuannya. Tetapi sebagai balasan, toyol itu mahukan seorang perempuan, iaitu adik ipar Bachuk.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : Malik Selamat

Pelakon : Sidek Hussein, Yahya Sulong, Sharifah Hasnor,

Ayappan.

**1982**

### \* ANAK SULUNG TUJUH KETURUNAN



Megat Panji Alam yang gagah mempunyai sebilah keris sakti turun temurun. Anak sulungnya, Iskandar Alam dilarikan musuhnya tetapi diselamatkan oleh sepasang suami isteri di Desa Permai lalu menukar namanya kepada Hamzah. Sementara itu, Megat Panji Alam berselisih pendapat dengan orang kananya, Megat Daka dan memecatnya. Megat Daka bertekad mencari Iskandar Alam. Hamzah bermusuhan dengan Megat Panji Alam, di mana beliau tidak megetahui musuhnya itu adalah ayahnya.

Penerbit : Perfileman Redza

Pengarah : Aziz Jaffar

Pelakon : Zulkifli Zain, Sharifah Hasnor, Fatimah Yassin, Malik Selamat, Emilia Sukarseh, Dali Siliwangi

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah Khas Juri 1 - Usaha rekaan pakaian tradisional terbaik Anugerah Khas Juri 2 - Usaha terbaik penerbitan filem purba

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah Khas Juri 1 - Usaha Rekaan Pakaian Tradisional Terbaik

Anugerah Khas Juri 2 - Usaha Terbaik Penerbitan Filem Purba.

### \* DENDAM DARI PUSARA



Dolah, seorang buruh kasar yang cacat kaki sejak kecil mempunyai ilmu luar biasa yang diperolehnya dengan memotong dagu si mati dijadikan minyak. Dolah melakukan kerja ngeri ini dengan bantuan dua orang kawannya, tetapi gagal memenuhi syarat terpenting memulangkan barang-barang yang diperolehi dalam tempoh seribu hari.

Penerbit : Ahmad Mahmud Film Production

Pengarah : Ahmad Mahmud

Pelakon : Ahmad Mahmud, Nora Shamsuddin, Mariani, Rashidah Jaafar.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-4, 1983

Pelakon Lelaki Terbaik - Ahmad Mahmud.

### \* GELOMBANG



Para nelayan di sebuah kampung sering menjadi mangsa orang tengah. Ismail berusaha untuk menubuhkan Koperasi Nelayan, namun usahanya mendapat tantangan orang tengah Sabri dan kuncu-kuncunya yang secara rahsia turut mengedarkan dadah.

Penerbit : Filem Negara Malaysia

Pengarah : Rahman B

Pelakon : Yunus Mansor, Faezah Noor, Alias Ahmad, Ahmad B.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Pelakon Harapan Lelaki - Yunus Mansor.

**\* ESOK UNTUK SIAPA?**



Milah mengahwini Jiman, anak sulung lelaki paling kaya di kampungnya selepas hasrat Milah untuk berkahwin dengan anak bongsu lelaki itu, Ikhsan, gagal. Oleh kerana hatinya sudah hancur dan tidak dapat menolak perkahwinan ini sebab tekanan kedua ibu bapanya, Milah mengucapkan selamat tinggal kepada kekasihnya Osman dan memaksanya supaya tidak menghadiri majlis perkahwinannya nanti.

Penerbit : Jins Shamsuddin

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : Jins Shamsuddin, Noorkumalasari, Norizan, S. Roomai Noor, Umi Kalsom, Latiff Ibrahim.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah : Lakonlayar Terbaik - Jins Shamsuddin

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Norizan

Suntingan Terbaik - Johari Ibrahim.

**\* KABUS TENGAHARI**



Junaidah dipenjarakan kerana mencederakan suaminya yang tidak bertanggung jawab. Setelah bebas, Junaidah dilamar pula oleh Burhanudin, seorang ahli perniagaan yang kematian isteri. Burhanudin mempunyai seorang anak lelaki, Johari yang menuntut di Sydney manakala Junaidah pula mempunyai seorang anak perempuan bernama Syakila. Johari terpaksa pulang ke Malaysia kerana keputusan pelajarannya yang merosot. Dia merasa kurang senang dengan tindakan ayahnya yang berkahwin dengan seorang bekas banduan tanpa pengetahuannya.

Penerbit : Sarimah Film Sdn. Bhd.

Pengarah : S. Sudarmaji, Sarimah

Pelakon : Sarimah, Aziz Jaafar, M. Jamil, Lydiawati, Wak Sir, Christine Teoh. .

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah : Lagu Tema Terbaik - Rahman Rahmat.

**\* KAMI**



Tookoo ingin kebebasan dan mencari kehidupan sendiri. Taraf pelajaran Tookoo yang setakat darjah lima tidak menjanjikan apa-apa dalam hidup. Din yang berusia 11 tahun buta huruf telah dipelihara oleh makciknya yang garang. Din menganggap Tookoo sebagai abangnya dan juga bapa bagi dirinya.

Penerbit : Indra Film Sdn Bhd

Pengarah : Patrick Yeoh

Pelakon : Sudirman, Zul Zamanhuri, Osman Zailani, Ho Kwee

Leng, Ibrahim Din, Shariff Babu, Azmi Mohamad

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3,

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Zul Zamanhuri.



### \* LANGIT PETANG

Pak Arif yang cintakan harta pusaka dan tidak sanggup menggadai tanah bendang yang dimilikinya kepada pemaju perumahan, Hashim. Pak Arif sering diganggu oleh orang suruhan Hashim dan tanah bendangnya sering dirosakkan. Seorang penulis muda, Hafiz, menulis tentang kisah Pak Arif yang cuba menyelamatkan harta pusakanya.

Penerbit : Syed Kecik

Pengarah : Shahrom Mohd Dom

Pelakon : Dharma Harun, Azean Irdawaty, Mahmud June, Sidek Hussein.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Anugerah: Pelakon Wanita Terbaik - Azean Irdawaty

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Mahmud June - Anugerah Khas Juri - Shahrom Mohd Dom (Percubaan Berani Mengenai Isu Semasa Yang Penting Mengenai Tanah).

### \* PEMBURU



Nora anak gadis Khamis menjadi mangsa rogol sekumpulan penagih dadah dan dibunuuh secara kejam. Perbuatan mereka membangkitkan dendam Khamis dan dia memburu perogol-perogol itu. Nora adalah mahasiswa perubatan Universiti Malaya yang berkawan rapat dengan Sita dan May. Sita dan May turut membantu penyiasatan ke atas kematian teman baik mereka itu yang dijalankan oleh pasukan polis diketuai oleh ASP Razif.

Penerbit : ASA XX Sdn Bhd

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Ahmad Yatim, Ahmad Tarmimi Serigar, Aznah Hamid.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Pelakon Lelaki Terbaik - Ahmad Yatim

Festival Filem Asia Pasifik ke-27, 1982 (Kuala Lumpur)

Anugerah : Anugerah Khas - Penonjolan kuat di layar perak.

### \* PENENTUAN



Rumahtangga Khalid dan Zuraida runtuh setelah mendapat seorang anak kerana Khalid ingin berkahwin lain. Selepas bercerai, Zuraida berkenalan dengan seorang ahli perniagaan bernama Hafsham. Perhubungan mereka semakin rapat sehingga Zuraida meminta ayahnya membantu Hafsham dan meminta Hafsham mengahwininya. Hafsham menangguhkan rancangan tersebut kerana dia masih menyayangi isterinya.

Penerbit : Pancar Seni film Productions

Pengarah : Aziz Sattar

Pelakon : Noorkumalasari, Raja Nor Baizura, Yusof Haslam, Zulkifli Zain, Rubiah Suparman.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Penataan Muzik Terbaik - Ahmad Nawab.

**\* RIBUT DI HUJUNG SENJA**



Filem penuh aksi ini memaparkan sifat dendam, perebutan kuasa dan tamak hingga membawa kepada pertumpahan darah dan kemasuhan harta-benda. Seorang gadis jelita menjadi rebutan.

Penerbit : Ise Film Productions

Pengarah : Ed Osmera

Pelakon : Ed Osmera, gaya Zakry, Latif Borgiba, Rosnah Mohd Nor, Latif Ibrahim, Ismail Mahmud.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri - Adegan Seni Pertarungan Sinematik Berkesan

Arahan Pertama Terpuji - Ed Osmera.

**\* SENJA MERAH**

Mahmud, seorang hartawan kilang papan tinggal bersama anaknya Anuar dan anak angkatnya Mira sejak kematian isterinya. Setelah sekian lama menduda, akhirnya Mahmud berkahwin dengan seorang janda beranak satu, Zubaidah yang berkerja sebagai pengusaha restoran. Baharum, anak Zubaidah berkawan dengan Mira sejak kecil. Apabila dewasa, perhubungan mereka bertambah erat dan saling cinta menyintai. Anuar tidak menyenangi perhubungan itu kerana khawatir harta ayahnya akan jatuh ke tangan mereka berdua. Sebelum berangkat ke Mekah, Mahmud meninggalkan wasiat pembahagian harta dan menjodohkan Anuar dengan Mira. Setelah kematianya, wasiat itu dibaca hingga mencetuskan perbalahan.

Penerbit : Cahaya Jaya Sdn. Bhd.

Pengarah : Hussein Abu Hassan

Pelakon : Latiff Ibrahim, Jamaliah Arshad, Yusof Haslam, Faizal Hussein.



**\* SIKIT PUNYA GILA**

Dharma dan Hamid berjiran dengan Nora dan Norlia. Mereka berempat menyewa rumah dari Pak Brahim, yang beristerikan Yusni. Hamid bermula kecil-kecil menjual jagung rebus untuk menampung kehidupannya yang serba kekurangan. Dharma juga sering bermasalah di tempat kerja. Mereka berdua mencuba pelbagai cara untuk mencari wang dan menjadi kaya dengan cara yang mudah. Namun, nasib malang sentiasa melanda hidup mereka.

Genre : Komedi, Drama.

Penerbit : Indra Filem Productions & Distributions Sdn. Bhd.

Pengarah : Raja Ismail

Pelakon : Dharma Harun, Hamid Gurkha, Ibrahim Pendek, Yusni Jaafar, Norlia, Nora Shamsuddin.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-3, 1982

Filem Komedi Terbaik, Pelakon Komedi Terbaik - Hamid Gurkha.

**1983**

**\* AKU YANG BERHORMAT**



Ia mengisahkan bagaimana Hamid dan Jaafar bersama-sama berusaha mendapatkan sokongan orang-orang kampung untuk menjatuhkan Jamali, wakil rakyat yang tidak mengamalkan sikap 'Bersih, Cekap dan Amanah'.

Penerbit : Nirwana Film

Pengarah : Raja Ismail

Pelakon : Dharma Harun, Rosnah Mohd Noor, Hamid Gurkha, Nora Shamsuddin, Norlia Ramli, Jamali Shadat.



**\* BILA HATI SUDAH RETAK**

Seorang wanita telah diceraiakan oleh suaminya yang kaki perempuan. Suaminya menganggap dia wanita kampungan, selalu memalukannya di hadapan kawan-kawannya. Dia berkerja sebagai bidan kerajaan di kawasan pedalaman tetapi kehadirannya tidak disenangi oleh seorang bidan tradisional. Pelbagai fitnah dibuat oleh bidan tradisional itu bagi mengusirnya keluar dari kampung itu. Walau bagaimanapun, dia mendapat sokongan moral daripada bapa saudaranya, yang menjadi ketua kampung. Dia seringkali diganggu oleh tiga orang lelaki yang telah beristeri sehingga mereka sanggup menggunakan kekerasan. Namun dia dapat menjaga maruahnya. Penduduk kampung mula menerima kehadirannya.

Penerbit : Filem Negara

Pengarah : Rahman B.

Pelakon : Rubiah Suparman, Ismail Din, Abu Bakar Omar, M.Shahdan, Rokiah Shafie, Saloma.



**\* BERTUNANG**

Filem ini mengisahkan lakonan 2 watak AR Badul (Darus & Zaki) mengenai pertunangan yang telah dirancang oleh kedua-dua keluarga atas sebelah pihak bertujuan untuk memperolehi kekayaan hasil perkahwinan tersebut.

Penerbit :

Pengarah : M. Amin

Pelakon : AR Badul, Maria Arshad, Norlia Ghani, Ibrahim Din, Idris Hashim.



**\* CIKGU SAYANG**

Seorang guru muda yang cantik bernama Hidayu dihantar mengajar ke sekolah dewasa di sebuah kampung. Hidayu digelar "Cikgu Sayang" oleh pelajar-pelajarnya dan ini menimbulkan kemarahan dan rasa cemburu para isteri pelajar di situ.

Penerbit : Zahari Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Mokhtaruddin, Rose Iskandar, Suhaina Yahya, Ahmad Marbawi, Rokiah Shafie.

### \* DARAH SATRIA



Leftenan Arif dan Prebet Badul adalah anggota tentera darat. Selepas beberapa operasi berjaya dilakukan, mereka diberi cuti. Bila Arif pulang ke kampung, dia menemui Rafidah dan jatuh cinta padanya. Arif kemudian meminta kebenaran dari Kementerian Pertahanan untuk berkahwin dengan Rafidah, tetapi cutinya tidak panjang dan terpaksa kembali untuk bertugas mempertahankan negara daripada ancaman musuh.

Penerbit : Zain & Zaharan

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Aman Shah, AR Badul, Lydiawati, Mahmud June, M. Rajoli, Nora Shamsuddin.

### \* KE MEDAN JAYA



Hisham tinggal bersama ibunya, Mak Jah. Ayah Hisham, seorang perajurit meninggal dunia akibat serangan musuh semasa darurat. Sejak kematian suaminya, ibu Hisham bekerja sebagai pembantu rumah dengan seorang hartawan Pak Samad. Pak Samad dan isterinya, Cik Timah, tidak pernah menganggap Mak Jah sebagai orang suruhan, malah Hisham dianggap seperti anaknya sendiri dan menerima pendidikan serupa dengan Haryati, anak hartawan itu. Perasaan mesra wujud dalam diri Hisham dan Haryati. Ini membimbangkan ibu bapa Haryati kerana anak gadis itu telah ditunangkan dengan Shahril. Maka untuk melarikan diri dalam keadaan yang terdesak. Hisham membuat keputusan untuk berkhidmat dalam angkatan tentera.

Penerbit : Filem Negara Malaysia

Pengarah : Aziz Wok, Raja Dahnish

Pelakon : Dharma Harun, Rosnah Abdul Rahman, Hail Amir, Mahmud June, Umi Khaltum, Normadiyah.

### \* MANIS-MANIS SAYANG



Jalil menghantar surat notis berhenti kerja dengan maki cerca yang melebihi batasan kerana terlalu marah dengan Pengarah Urusan yang memalukannya di hadapan orang ramai. Sementara itu, Pengarah Urusan mendapat perintah untuk menghantar seorang pegawai ke luar negeri. Kerana bencikan Jalil dan ingin memisahkanya daripada Rosnah, Pengarah Urusan itu pun mencadangkan Jalil dihantar ke luar negeri. Jalil yang mendapat berita itu cukup gembira dan berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan kembali surat notis itu sebelum ia sampai ke tangan


Pengarah Urusan. Kebetulan sampul surat yang sama berada di atas meja Pengarah Urusan.

Penerbit :

Pengarah : M.Amin.

Pelakon : AR Badul, Hussein Abu Hassan, Maria Arshad, Sukarni Jaafar, Yahya Sulong.

#### \* MAT SALLEH PAHLAWAN SABAH




Kejayaan Paduka Mat Salleh memerintah Daerah Sugut dengan aman menimbulkan rasa iri hati daripada penjajah Inggeris yang berusaha merampas daerah itu kerana ia memberi keuntungan hasil daripada pungutan cukai. Untuk mempertahankan bumi Sabah daripada terus dijajah, Paduka Mat Salleh mengumpulkan beberapa orang ketua daripada pelbagai puak untuk bersatu menentang Inggeris. Gabenor Inggeris bersetuju berdamai dengan Paduka Mat Salleh dengan beberapa syarat tetapi malangnya mereka melanggar syarat, mengakibatkan Paduka Mat Salleh mengarahkan orang-orangnya terus melawan penjajah dan mempertahankan bumi Sabah.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Alias Lantau, Ghazali Sumantri, Maria Arshad.

#### \* MEKANIK



Syamil, seorang mekanik, terjumpa bungkusan mengandungi wang dalam teksi yang dibaikinya. Dia enggan memulangkan wang itu menyebabkan dia berada dalam kesusahan kerana diburu perompak yang meninggalkan wang itu sewaktu dikejar polis.

Penerbit : Syed Kechik Film Productions

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Azmil Mustapha, Julie Faridah, Susan Lankester, Yusof Haslam, Noraini Hashim

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-4, 1983

Pengarah Terbaik - Othman Hafsham,

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Yusof Haslam,

Suntingan Terbaik - Affandy & Ruhana,

Penataan Bunyi Terbaik - Ismail Ibrahim, Peter Lim & Zulkifli Salleh,

Pelakon Harapan Lelaki - Azmil Mustapha, Anugerah Khas Juri - Syed Kechik Syed Mohamed.

#### \* PERTENTANGAN

Rubiah and Mokhtaruddin mempunyai dua anak lelaki. Rubiah adalah seorang isteri yang warak Tetapi suaminya, Mokhtaruddin suka membuat maksiat. Mereka berpisah dan masing-masing mengambil seorang anak. Mokhtaruddin menyerahkan anaknya kepada seorang tua beragama Kristian. Fadila Wanda meninggalkan tunangnya dan menggoda Mokhtarudin. Sewaktu Mokhtaruddin bersama Fadila pergi berfoya-foya di Singapura, Kuswadinata terbunuh dan Mokhtaruddin dipenjarakan. Bila keluar dari penjara, Mokhtaruddin insaf dan akhirnya bertemu semula dengan Rubiah dan anak-anaknya di pintu masjid.

Penerbit : Sham Tun Salleh

Pengarah : Salleh Ghani

Pelakon : Rubiah Suparman, Mokhtaruddin, Fadillah Wanda, Raja Noraini Jaafar, Bob Mustapha.

**\* RANJAU SEPANJANG JALAN**



Bagi Lahuma, sawah bendang itulah satu-satunya sumber mata pencarian bagi menyara dirinya, isterinya Jeha dan tujuh orang anak perempuannya. Falsafah hidup ialah menyerah nasib kepada takdir. Dia berjaya membunuh ular yang mengancam nyawa Jeha. Suatu hari kakinya terkena duri nibung tetapi Lahuma enggan ke hospital dan akhirnya mati akibat tusukan duri itu. Jeha terus mengharungi hidup bersama anak-anaknya menentang ranjau hidup.

Penerbit : Kay Film Production/Sarimah Film

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Sarimah, Ahmad Mahmud, M. Jamil, Ahmad

Marbawi, Puteri Salbiah, Marlia Musa, Melissa Saila.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-4, 1983

Filem Terbaik - Kamarul Ariffin & Sarimah

Lakonlayar Terbaik - Jamil Sulong

Jurukamera Terbaik - Johari Ibrahim

Penataan Seni Terbaik - Esa Ahmad & Noraldin

Anugerah Khas Juri - Ooi Eow Jin (muzik tema yang berkesan)

Festival Filem Asia Pasifik ke-28, 1983 (Taipei)

Cerita Luar Bandar Terbaik.

Festival Filem Tokyo (Jepun)

Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-3, 1992 (Korea Utara).

Festival Filem Asia Pasifik ke-44, 1999 (Bangkok).

1984


**\* ANAK NIAT**

Seorang pasangan suami isteri terlampau menginginkan seorang anak dalam hidup mereka setelah bertahun cuba mendapatkan tetapi tidak berjaya. Ini menjadikan keluarga mereka serba sunyi. Lalu pada suatu hari isterinya mengandung dan didapati bahawa anak dikandungnya itu adalah hasil dari hubungan sulit isterinya dengan tukang kebun. Suaminya rasa serba salah hari demi hari apabila anak itu semakin dewasa dan bakal berkahwin tanpa mengetahui siapakah ayahnya yang sebenar.

Penerbit : Suria Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z.Lokman

Pelakon : Malek Ridzuan, Ibrahim Din, Yusma Laili, Rokiah Shafie.

**\* AZURA**

Seorang anak hartawan yang selalu bergaul dengan golongan yang membawa kacau bertemu dengan Azura di mana dia berjaya mengubah tabiat buruknya itu. Mereka bercinta namun percintaan mereka ditentang oleh ahli keluarga masing-masing. Walaupun dengan tantangan itu beliau tetap mengahwini Azura lalu berkerja untuk menyara mereka berdua.

Penerbit : Sabah Film Production..

Pengarah : Deddy M. Borhan

Pelakon : Jamal Abdillah, Fauziah Ahmad Daud, Maria Arshad, A. Galak, Rafie Hussein, Yusni Jaafar, M. Rajoli, Syed Sobrie

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-5, 1984

Lagu Terbaik - M. Nasir

Anugerah Khas Juri - Sabah Film Production

(Pengolahan Kisah Masyarakat Semasa).

**\* CEMPAKA BIRU**

Penerbit : Filem Negara Malaysia.

Pengarah :

Pelakon : Sophia Ibrahim.

**\* DI AMBANG KASIH**

Hayati isteri Datuk Rosdi menjadi tidak siuman setelah terbabit dalam satu kemalangan. Datuk Rosdi mengambil keputusan untuk mengahwini adik Hayati iaitu Idayu bagi membolehkan anaknya Murad yang berusia lima tahun mendapat kasih sayang. Walaupun Idayu keberatan tetapi akhirnya mengalah kerana kasih dan sayangnya kepada Murad. Takdir menentukan Hayati kembali sedar ingatan setelah dirawat. Tetapi doktor mengingatkan bahawa penyakit otaknya boleh datang semula jika dia terperanjat atau susah hati.

Penerbit : Sabah Film Production.

Pengarah : M.Amin.

Pelakon : Yusof Haslam, Rubiah Suparman, Rosnah Mohd Noor, Rafi Hussein.

**\* ILMU SAKA**

Seorang bomoh membalaas dendam terhadap penduduk kampung yang tidak meyakini ilmu tradisionalnya setelah muncul seorang doktor di kampung itu. Kehadiran doktor menimbulkan rasa marah bomoh itu kerana merasa terancam. Pada suatu hari seorang kanak-kanak di serang demam kepialau. Tok bomoh telah merawat budak itu tetapi budak itu meninggal. Pada masa lain doktor muda itu berjaya memulihkan pesakit yang juga mengidap demam kepialau.

Penerbit : Asmah Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : M. Osman

Pelakon : SA Bakar, Zulkifli M. Osman, Norehan Yaacub.



#### \* JASMIN

Pergelutan di antara Mrs. Brown seorang yang berkerakyatan British di mana dia terpaksa meninggalkan anaknya di atas jagaan Mak Munah. Pada suatu hari Mrs Brown berjaya menemui semula anaknya di mana terjadi pergolatan di atas hak penjagaan Jasmin. Mahkamah lalu memihak kepada Mrs Brown lalu mengakibatkan Jasmin dibawa pulang kembali ke England.

Penerbit : Kamarul Ariffin - Kay Film Production

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Mustapha Maarof, Noraini Jane, Rosnani Jamil, Johari Zain.

Festival Filem Malaysia ke-5, 1984

#### \* Anugerah & Festival Filem.

Festival Filem Malaysia ke-5, 1984

Pelakon Wanita Terbaik - Rosnani Jamil

Penataan Seni Terbaik - A. Ainul

Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim & Zulkifli Salleh

Anugerah Khas Juri - Pengolahan tema sejarah.



#### \* JAUH DI SUDUT HATI

Sepasang suami isteri, Hazira dan Taufik berkerja di sebuah estet. Sifat Taufik yang kaki perempuan telah dijadikan buah mulut oleh gadis-gadis di kawasan itu. Disebabkan sifat Taufik yang makin keterlaluan, mereka mengadu perkara itu kepada isterinya. Tetapi isterinya tidak mempercayai kata-kata mereka pada mulanya tetapi akur dengan realiti sebenar apabila melihat kelakuan Taufik dengan matanya sendiri. Sebab tidak sanggup melihat perangai Taufik, Hazira mengambil keputusan yang cukup drastik.

Penerbit : Zahari Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Mokhtaruddin, Rose Iskandar, Yusof Haslam, Siti Rohani Wahid.



#### \* KOMPLOT

Seorang lelaki pemabuk bernama Galak terkenal dengan sikapnya yang tidak bertanggungjawab dan suka membuat kacau. Dia dibenci oleh penduduk kampung. Isterinya, telah lama meninggalkan bidang lakonan tetapi masih dipandang hina dan sering menjadi bahan fitnah. Satu malam ketika pulang dalam keadaan mabuk, Galak terdengar perbualan isterinya dengan seorang lelaki di dalam rumah. Akibat percaya dengan fitnah orang kampung dan cemburu, dia membunuh lelaki itu yang sebenarnya adik iparnya sendiri. Dia melarikan diri ke Siam dan menjalankan kegiatan penyeludupan dan pelacuran di sempadan Malaysia-Thai.

Penerbit : Ahmad Mahmud Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Ahmad Mahmood

Pelakon : A. Rahman Aminuddin, Noralbaniah, Ahmad Mahmood, Maznah Ali, Faridah Sulaiman.

**\* MAY 13**

Rahman, seorang anak orang kaya, selalu berselisih faham dengan ibubapanya kerana dia selalu membuang masa di tempat-tempat hiburan. Pada suatu hari, ayah Rahman mencadangkan supaya dia berkahwin dengan anak saudaranya, yang sebenarnya mahu membolot harta ayah Rahman.

Penerbit : Ahmad Mahmud Film Production

Pengarah : Ahmad Mahmud

Pelakon : A. Rahman Aminuddin, M. Ramly, Norezan Abdullah, Sidek Hussein, Fetty Dzul.

**\* MATINYA SEORANG PATRIOT**

Pengerusi Melati Holdings. Haji Saaban, meninggal dunia secara mengejut. Anak lelakinya, Safuan tahu bahawa kematian ayahnya ada kaitan dengan Melati Holdings lalu dia membenarkan adiknya Saiful untuk menuntut bela. Saiful jatuh cinta dengan anak salah seorang ahli lembaga pengarah itu dan memudarkan dendamnya untuk menuntut bela. Safuan menganggap Saiful mengingkari janji mereka. Safuan mengajak adiknya, Saiful bertarung.



Penerbit : Zarul Albakri - ZHA Film Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Eman Manan, Noorkumalasari, Saadiah , Ahmad Daud, Azmil Mustapha, Zulkifli Zain, S. Roomai Noor, Mustapha Maarof, Suhaina Yahya, Azmi Mohamad, Yusof Wahab, dR. Sam.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-5, 1984

Filem Terbaik - Zarul Albakri,

Pengarah Terbaik - Rahim Razali,

Lakonlayar Terbaik - Rahim Razali,

Pelakon Lelaki Terbaik - Eman Manan,

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - S. Roomai Noor,

Jurukamera Terbaik - Zainal Othman,

Penyunting Terbaik - Meor Hashim Manap

Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-3, 1992 (Korea Utara).

Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke-19, 1997 di Belgium (Focus on Malaysian Cinema).

**\* MELATI PUTIH**

Seorang gadis, Melati bercita-cita tinggi tetapi tidak dapat melaksanakannya kerana tergoda dengan seorang doktor muda. Akibat hubungan dengan doktor itu, nama baiknya tercemar. Seorang pemuda cacat di kampung itu jatuh hati padanya tetapi cintanya dipermainkannya. Setelah Melati dikecewakan oleh doktor itu, barulah dia sedar cinta suci si pemuda itu.



Penerbit : Asli Film Productions Sdn Bhd.

Pengarah : M.Raj

Pelakon : Yusof Haslam, Tantiana Hamzah, Rokiah Shafie, Shafie Mohamed, Baha Arshad.

**\* MINAH MANJA**

Mamak Kutti membuka restoran di pinggir Kampong Melayu dan berkahwin Minah Manja dengan tipu helahnya. Dia memberi rasuah kepada pendekar Kengkang untuk mengahwini Minah Manja. Fahmi, seorang penipu telah menipu ramai orang kampong termasuk Mamak Kutti. Rahsia Fahmi akhirnya terbongkar. Keadaan bertambah kecoh apabila isteri Mamak Kutti datang dari India.

Penerbit : Zahari film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Maideen, R.Jaffar, Dayangku Intan, Phee, Rose Iskandar.

**\* TALAK**

Rumah tangga Johan dan Liza terus bergolak kerana mereka sering sahaja bertengkar dan akhirnya bercerai. Selepas itu mereka rujuk semula. Suatu hari, tanpa disedari, Johan melafazkan talak tiga kepada Liza. Dia amat menyesal kerana tidak dapat kembali rujuk kepada isterinya kecuali jika isterinya kahwin dengan lelaki lain dan kemudian bercerai semula. Johan terpaksa mencari lelaki yang boleh dipercayainya. Akhirnya dia bertemu seorang lelaki yang bersetuju berkahwin dengan isterinya dan menceraikannya semula. Malangnya, lelaki itu tidak menepati janjinya, dan tidak mahu menceraikan Liza.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Dharma Harun, Noreen Noor, Hamid Gurkha, Yahya Sulong, Ayappan.

**\* TUJUH BIANG KELADI**

Seorang gadis kampong membawa diri setelah dia rimas dikongkong oleh keluarganya. Di sana beliau dituduh berlaku sumbang lalu dipukul teruk oleh bapanya. Di kuala Lumpur dia berteman dengan gadis-gadis liar dan meluangkan masa bersama orang-orang berada lalu menimbulkan rasa iri hati di kalangan teman-temannya.

Penerbit : Nirwana Film Production

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Norlida Ahmad, Liza Abdullah, Noreman Yaakob, Rose Hazira, Raffi Hussein, Osman Zailani, M.Rajoli

**1985**

### \* ALI SETAN



Ali seorang mahasiswa nakal sering mengusik pelajar-pelajar lain termasuklah Asmidar yang kerap menjadi mangsanya. Namun perasaan bencikan Ali akhirnya bertukar menjadi cinta. Begitu pun percintaan kedua-duanya menghadapi masalah apabila sepupu Ali, Tipah yang juga mencintai Ali mengaku dinodai oleh Ali.

Penerbit : Amir Communications Sdn Bhd

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : Azmil Mustapha, Fauziah Ahmad Daud, Izi Yahya, Liza Abdullah, Ebby Saiful, Shah Rezza.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-6, 1986

Anugerah : Pelakon Lelaki Terbaik - Azmil Mustapha, Pelakon Wanita Terbaik - Fauziah Ahmad Daud, Penyunting Terbaik - Johari Ibrahim, Penataan Muzik Terbaik - Adnan Abu Hassan - Lagu Terbaik - (Debu Di Hati).

Anugerah Juri - Amir Communications Sdn. Bhd – Komposer Azmi Abdul Rahman - Lagu Terbaik (Debu di Hati).

### \* BUJANG SELAMAT



Bujang adalah seorang anak kampung yang selalu diganggu oleh budak-budak jahat. Pada suatu hari, telah diumumkan bahawa satu pertandingan silat akan diadakan di kampung itu. Bujang mendaftarkan dirinya untuk bertanding tetapi dia diperlusi oleh budak-budak kampung. Bujang berasa kecil hati kerana selalu dihina lalu dia pergi berjumpa seorang guru silat. Pada mulanya guru silat itu tidak mahu menerima Bujang tetapi setelah dipujuk, guru silat itu mula mengajar Bujang cara-cara belajar silat yang begitu luarbiasa.

Penerbit : Suria Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Faizal Hussein, Tantiana, R. Jaafar, Hussein Abu Hassan, Siti Rohani Zain.

### \* GILA-GILA REMAJA



Roy dan kumpulannya terbabit dalam satu pergaduhan dengan kumpulan "Gagak Hitam". Akibat daripada pergaduhan itu, salah seorang daripada kawan Roy cedera parah. Farouk dan kononnya, kumpulan Gagak Hitam yang masih tidak berpuas hati telah merogol adik Remy. Lantaran itu, Remy mengamuk dan pergi mencari mereka untuk membala dendam. Roy dan rakan-rakannya pergi mengejar Remy. Setibanya di sana Remy dibelasah beramai-ramai oleh Kumpulan Gagak Hitam. Roy dan rakan-rakan pun membantu Remy dan pergaduhan antara dua pihak pun berlaku.

Penerbit : Shah Film Productions

Pengarah : Hussein Abu Hassan

Pelakon : Faizal Hussein, Rosyam Noor, Rehana Yasin, Hussein Abu Hassan, Mahyon Ismail.

**\* RODA-RODA**



Lima orang kanak-kanak bekerja dengan penternak lembu dengan menggunakan basikal BMX. Kanak-kanak itu terserempak dengan beberapa orang penyeludup emas dan dadah yang cuba membunuh kanak-kanak itu kerana takut rahsia kegiatan haram mereka itu terbongkar. Kanak-kanak itu memberitahu polis mengenai kegiatan itu. Polis bertindak dan kumpulan penjenayah itu dapat ditangkap.

Penerbit : TJ Urusteknik Sdn. Bhd.

Pengarah : Mahadi J. Murat

Pelakon : Zami Ismail, Mohd Hazliluddin, Joo lian, Jamaluddin Abdul Kadir.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-6, 1986

Anugerah : Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Mohd Hazliluddin

**TrivIA**

Filem pertama arahan Mahadi J. Murat.

**\* TSU FEH SOFIAH / 1985**



\* Tsu Feh, seorang doktor Cina memeluk agama Islam dan menukar namanya kepada Sofiah. Setelah membuka sebuah klinik, dia membuat keputusan untuk bercuti ke sebuah pulau yang jauh dari arus kemodenan. Kedamaian yang diharapkan di pulau itu tidak wujud kerana masyarakatnya tidak sepakat.

Penerbit : Angkatan Seniman Abad XX Films Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Rahim Razali, Jacqueline Mitchell, Eman Manan, Haji Arshad, Ahmad Tarmimi, Abu Bakar Omar.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke 6 (1986) - Kuala Lumpur

Filem Terbaik

Pengarah Terbaik - Rahim Razali

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Arshad Mahuri

Jurukamera Terbaik - Nuri Harmaini

Skrip Terbaik - Rahim Razali;

Sinematografi Terbaik - Nuri Harmaini.

## 1986

**\* ALI SETAN 2**

Kisah mengenai kenakalan seorang mahasiswa bernama Ali di sebuah universiti. Dia sering mengusik pelajar-pelajar lain termasuklah Asmidar yang kerap menjadi mangsanya. Namun perasaan bencikan Ali akhirnya bertukar menjadi cinta. Begitu pun percintaan kedua-duanya menghadapi masalah apabila adik angkat Ali, Tipah yang juga mencintai Ali mengaku dinodai oleh Ali.

Penerbit : Amir Communications Sdn Bhd .

Pengarah : Yasin Salleh

Pelakon : Azmil Mustapha, Shasha, Izi Yahya, Liza Abdullah, Ebby Saiful, Shah Rezza, Dayang Ku Intan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987 : Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office.

### \* ANIAYA JENAYAH



Pembesar-pembesar negeri yang berlagak seperti gunting dalam lipatan mencuba menggulingkan kerajaan Baginda Sultan Badrul Shah negeri Cendawan Kembang. Mereka memaksa Jenayah mencuri keris Baginda Sultan. Percubaan Jenayah gagal. Khadam istana ternampak muka Jenayah dan melaporkan kepada Sultan. Setelah disiasat, dua orang tawanan dihadapkan ke bawah Duli Sultan. Semua yang hadir di istana menjadi kecoh, lebih-lebih lagi Khadam yang bertambah bingung melihat kedua yang disyaki itu bernama Aniaya dan Jenayah yang dibawa mengadap Sultan, mempunyai persamaan dan sebelah mata sama-sama rabun.

Penerbit : Gulfpac Filem Sdn. Bhd,

Pengarah : Latiff Jaffar

Pelakon : Tamrin Ibrahim Pendek, Halinah Jaffar, Mahmud June, Norazlina Ismail

### \* BALIK KAMPUNG



Seorang pemuda kampung Ebby, Muda dan Halim berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja. Mereka menumpang di rumah Razak rakan sekampung mereka sebelum menyewa sebuah bilik. Sementara Ebby dan Muda sibuk mencari kerja, Halim pergi mencari teman wanitanya Minah yang sekarang menggunakan nama Josephine bekerja sebagai peragawati.

Penerbit : Harun Hassan/A. Jalil Ali/Noor Hashimah Harun -

Penerbit Bersama Amir Communications

Pengarah : Zainal Othman

Pelakon : Ebby Saiful, Imuda, Noreen Noor, Liza Abdullah, Shah Rezza, Izi Yahya,

Fauziah Samad, Azean Yussof, Othman Hafsham.

### \* BAS KONDUKTOR



Cerita mengisahkan sebuah syarikat bas express yang di mana pekerjanya terdiri daripada golongan lelaki dan wanita. Hairani ingin menuju destinasi yang sama seperti bas yang di pandu oleh Pie dan Maidin, maka diajak untuk menaiki bas mereka. Oleh kerana Hairani tiada tempat yang hendak di tujunya, Maidin membawanya bermalam di rumah pemandu dan konduktor perempuan yang tinggal di sebuah rumah sewa. Hairani di terima bekerja sebagai konduktor di syarikat bas tersebut. Bermulalah kehidupannya sebagai pemandu dan konduktor bas.

Penerbit : Zahari Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Pi'e, Maideen, Rose Iskandar.

### \* BUJANG LAPOK KEMBALI DAA



Dua orang bujang berkerja sebagai pemandu teksi dan penjaga kereta berkongsi sewa rumah di tengah kota. Semasa menjaga barnag-barang, Aziz dan Sudin menyaksikan kejadian samun lalu mengejar penyamun yang melarikan diri ke hutan di mana mereka jumpa sekeluarga Jepun.

Penerbit : A.Sattar Film Productions

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Aziz Satar, S. Shamsuddin, Nasir P. Ramlee, M.

Rajoli, Mahmud June, Norlida Ahmad.



**\* HANTU SIANG**

Gelagat kaki kasanova yang telah berjaya memikat dan memperdayakan 17 gadis sebagai mangsanya. Badul melakukan pelbagai tipu daya ke atas dua orang wanita tetapi akhirnya dia sendiri terjebak dan terpaksa berkahwin kedua-dua mereka.

Penerbit : Fuego Productions Sdn. bhd.

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Rosnah Mohd Noor, Noreen Noor, Rosnah Johari, Ismail Hutson, Maideen, Yusni Jaafar, Sheila Rusly.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-6, 1986

Anugerah : Filem Komedи Terbaik



**\* JASMIN II**

Setelah 15 tahun berpisah dari ibu angkatnya kini Jasmin berjaya bertemu semula dengannya. Setibanya di Malaysia Jasmin menyambung pengajiannya dalam bidang perubatan. Jasmin mendapat berita yang suaminya terbunuh dalam pertempuran pengganas. Beliau lalu bertemu dengan seorang jejaka dari Indonesia Doktor Budi. Mereka jatuh cinta lalu bertunang. Sementara Budi berkerja di luar negara, Jasmin bertugas di klinik pedalaman dan di sana bertemu dengan Johar yang disangka telah meninggal dunia.

Penerbit : Kamarul Ariffin - Kay Film Production

Pengarah : Kamarul Ariffin

Pelakon : Noraini Jane, Umaiayah Musa, Johari Zain, Mustapha Kamal.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-6, 1986

Lakonlayar Terbaik - Kamarul Ariffin

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Umaiayah Musa

Penataan Seni Terbaik - A. Ainul

Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim & Jimmy Yap.

Festival Filem Asia Pasifik ke-31, 1986 (Seoul)

Suntingan Terbaik - Johari Ibrahim.



**\* KEMBALA... SENIMAN JALANAN**

Bujang seorang anak muda desa adalah peminat muzik. Dia berhadapan cabaran kota untuk memperjuangkan lagu-lagu rakyat tetapi gagal kerana masalah cetak rompak. Bujang akhirnya mendapat simpati daripada produser muda yang menerbitkan muziknya sehingga mencapai kejayaan.

Penerbit : Zarul Albakri - ZHA Film

Pengarah : Nasir Jani

Pelakon : M. Nasir, Khaty Ibrahim, Pyan Habib, Osman Tikus, dR. Sam, Shah Reza, Imuda, M. Rajoli.

### \* PAGAR-PAGAR CINTA



Bidin, anak orang kaya telah jatuh hati kepada Ani, adik Mamat. Tetapi ibunya milarang kerana mahu menjodohkan Bidin dengan Rita, anak orang kaya. Setelah menghadapi pelbagai rintangan akhirnya ibunya menerima Ani sebagai menantu.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, R. Jaafar, Liza Abdullah, Dewi Jacqueline, Ibrahim Din, AK Jailan, Norsiah Yem, Ghazali Sumantri, Mahyon Ismail.

### \* Trivia

Filem pertama arahan AR Badul.

### \* SEMAN



Osman yang menulis biografi dirinya dengan menggunakan cara penulisan cerita hikayat. Dia berjaya dalam kejayanya di bidang pemasaran. Dia cuba meneroka bidang baru lantas menulis biografinya sendiri.

Penerbit : Mansor Puteh - Uniti Film Sdn Bhd

Pengarah : Mansor Puteh

Pelakon : Nordin Kardi, Shamsidar Omar, Hazali Ramli, Juliana Badri, Hisham Ahmad Tajuddin, Adik Amran Karim.

### \* Trivia

Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.

### \* SI JANTUNG HATI




Kisah dua orang pemuda dalam perjalanan mereka untuk mencari keratan wasiat harta peninggalan ayah mereka. Mereka terpaksa menempuh pelbagai rintangan dan cabaran sebelum bertemu seorang lelaki yang mempunyai keratan terakhir wasiat itu. Hasil percantuman keratan-keratan tersebut, mereka mendapat tahu lokasi rahsia harta tersebut. Dalam masa yang sama, sekumpulan samseng turut berusaha mendapatkan keratan wasiat tersebut.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Nassier Wahab, Ibrahim Din, Julie Dahlan, Farida Fasya, Raffi Hussein, Osman Kering, AR Ayappan.

### \* SUARA KEKASIH



Kisah percintaan seorang penyanyi kelab malam dengan seorang pemuda kaya tidak mendapat restu daripada ibunya. Ibu penyanyi itu milarang dia bercinta dengan pemuda kaya kerana tidak mahu anaknya dihina. Keluarga pemuda itu juga ingin menjodohkan dia dengan wanita pilihan mereka.

Penerbit : Amir Communication Sdn. Bhd.

Pengarah : Ida Farida (Indonesia)

Pelakon : Azmil Mustapha, Fauziah Ahmad Daud, Rosnani Jamil, Norlida Ahmad, Lydiawati.

**1987**

**\* BAYANGAN CINTA**



Bekas kekasih Auzy dan Akhbar bertemu lagi selang 18 tahun. Mereka masih saling mencintai tetapi Akhbar kini sudah berkahwin. Mereka asyik terserempak kerana anak Akhbar, Andy, ialah murid Auzy.

Penerbit : Pengedar Utama Sdn. Bhd

Pengarah : Ahmad Ibrahim, Abdi Wiyono

Pelakon : Fauziah Ahmad Daud, Eman Manan.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987

Anugerah : Anugerah Khas Juri - Filem usahasama

**TriviA :**

Filem usahasama Malaysia - Indonesia.

**\* GILA-GILA SI PIKOY**

Penerbit :

Pengarah : Celco Ad Castillo & Hussein Abu Hassan

Pelakon : Hussein Abu Hassan, Faizal Hussein, Norlida Ahmad (Connie), AR Badul.



**\* JEJAKA PERASAN**

Filem ini diarahkan oleh A.R. Badul yang juga merupakan penulis skrip serta teraju utama filem ini.

Penerbit : Panshah Filem

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Liza Abdullah, Salleh Yaacob, ND Lala.

**\* KELUARGA 99**

Ia mengisahkan tentang seorang peguam penceraian yang selalu mengendalikan kes-kes penceraian di mana wujudnya satu fobia dalam dirinya yang takut untuk berkahwin.

Penerbit : Panshah Filem

Pengarah : AR Badul

Pelakon : Salih Yaacob, Puteri Salbiah, Os, Din Glamour.



**\* KEPALA ANGIN**

Fandi, seorang jurugambar bertemu dengan Lydia, seorang pengawal keselamatan lalu jatuh cinta dan berkahwin. Selepas berkahwin, Lydia menyuruh Fandi berhenti kerja untuk membuat kerja-kerja rumah. Ternyata pertukaran peranan ini tidak sesuai.

Penerbit : Amir Communication Sdn Bhd

Pengarah : Azmil Mustapha

Pelakon : Azmil Mustapha, Jacqueline Mitchell, Azman Abu Hassan, Rashidah Jaafar, dR. SAM.



**\* MARAH-MARAH SAYANG**



Rostam, Roslan dan Rosdin dibuang kerja kerana terlalu leka bermain muzik. Mereka masing-masing jatuh cinta dengan Salina, Sarina dan Safina, tetapi gadis itu menolak cinta mereka. Rostam dan kawan-kawannya tidak pernah putus asa walaupun Salina dan sahabatnya melakukan pelbagai cara untuk menyakitkan hati mereka.

Penerbit : Feugo Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Johari Ibrahim

Pelakon : Ebby Saiful, Norlida Ahmad, Shah Reza, Isma Aliff, Liza Abdullah, Noreen Noor.

**\* MR. OS**



Os pemuda miskin mendapat harta peninggalan datuknya sebanyak RM1 juta. Dia mesti menghabiskan wang itu dalam tempoh tujuh hari tujuh malam tanpa membeli harta atau rumah. Sekiranya dia gagal berbuat demikian harta warisan itu akan diserahkan kepada sebuah syarikat.

Penerbit : SV Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : A.R.Badul

Pelakon : Mr. Os, Ziela Jalil, Salih Yacob, Raffi Hussein, A.R.Badul, Karim Latiff.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987 - Melaka

Pelakon Komedи Terbaik - Yusof Hamid.

**\* MAWAR MERAH**



Arti dihantar ke KL kerana ibu bapanya merasakan dia semakin liar dan tidak dapat dikawal jika terus tinggal di Indonesia. Dia dipelihara oleh nenek dan bapa saudaranya, Sufyan yang masih bujang. Mereka jatuh cinta tetapi menyedari hakikat tidak mungkin dapat berkahwin, Arti dan Sufyan mencari penyelesaian.

Penerbit : Rosnani Jamil

Pengarah : Rosnani Jamil

Pelakon : Raja Ema, Mustafa Noor, Razis Ismail, Noraini Hashim, Isma Aliff, Fauziah Nawi.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987 - Melaka

Pelakon Lelaki Terbaik - Mustafa Noor

Lakon Layar Terbaik - Rosnani Jamil

Penulis Cerita Terbaik - Husni Latiff

Bintang Harapan Wanita - Raja Ema.

### \* MISTERI RUMAH TUA



Ia mengisahkan enam remaja secara kebetulan memberi jalan pada hantu penasaran untuk membala dendam. Kebetulan juga ayah seorang daripada mereka, Susi bertanggung jawab atas pemerkosaan dan pembunuhan keluarga sang hantu. Maka membala dia. Belakangan hantu yang baik hati itu, berjanji tidak akan melanjutkan pembalasan asal arwahnya disempurnakan. Sang hantu terpaksa jadi arwah penasaran kerana anak yang dikandungnya membuatnya tak mungkin mati sempurna.

Penerbit : Penerbitan Bersama Malaysia-Indonesia

Pengarah : Lilik Sudijo

Pelakon : Noorkumalasari, Rani Soraya, Tony Hidayat, WD Mochtar, Bram Adrianto.

### \* PUTERI



Puteri adalah anak tunggal kepada Engku Zubaidah dan Kapten Shamsul Aman. Puteri jatuh cinta dengan Iskandar dan memutuskan pertunangannya dengan Jay anak Dato' Seri Aminuddin kerana hubungan dengan keluarga Engku Zubaidah amatlah penting untuk perniagaanya.

Penerbit : ASA-XX Film Production.

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Fauziah Ahmad Daud, Eman Manan, Ahmad Tarmimi Serigar, Yusof Wahab, Erma Fatima.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987

Pelakon Wanita Terbaik - Fauziah Ahmad Daud

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Ahmad Tarmimi Serigar.

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Erma Fatima

Anugerah Khas Juri - Rahim Razali.

### \* RAHSIA

Ia mengisahkan sepasang suami isteri yang baru sahaja kehilangan anak perempuan mereka di mana mereka berpindah ke bungalow lama. Didapati di situ mereka dihantui oleh roh seorang kanak-kanak yang telah dibunuh di dalam bungalow tersebut.



Penerbit : Cinematic Sdn Bhd

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Noorkumalasari, Shukery Hashim, Yusof Haslam, S.

Roomai Noor, Noraini Hashim.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987

Filem Terbaik - Othman Hafsham

Pengarah Terbaik - Othman Hafsham

Sinematografi Terbaik - Zainal Othman

Suntingan Terbaik - Elias Mydin

Penataan Bunyi Terbaik - Kamal Mustaffa

Penataan Seni Terbaik - Abereen Kemal

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Fazriddeen Fadzil.

### \* ROZANA CINTA '87



Rozana, seorang gadis remaja yang sedang bercuti di Kuala Lumpur tinggal bersama kakaknya. Mereka adalah anak orang kaya dan berpengaruh. Rozana menyertai kelas tarian dan sering meluangkan masa dengan kawan baiknya Nomi yang baru pulang dari London semasa cuti pengajiannya. Nomi bekerja sambilan di sebuah butik di Pasar Seni. Di situ Rozana berkenalan dengan Din, seorang peniaga t-shirt kecil-kecilan. Mereka saling terpikat tetapi kehadiran Nomi menimbulkan masalah kerana dia juga terpikat kepada Rozana.

Penerbit : Penerbit Amir Communications Sdn Bhd .

Pengarah : Nasir Jani

Pelakon : Bibiana Layola, Helmi Hussaini, Erma Fatima, Kamarool Yusof, Siso,

Izzaidah Khairan, Pyan Habib, Johari Hamid, Kumpulan Lefthanded

### \* SAYANG



Datin Zaharah mempunyai dua orang anak, Herman dan Noni, yang menuntut di sebuah kolej. Herman selalu mengambil berat tentang adiknya Noni. Gadis itu dilarang bergaul bebas dan menghadiri majlis-majlis sosial. Herman bukan sahaja bertindak sebagai abang malahan juga sebagai ketua rumah itu setelah kematian ayahnya setahun yang lalu. Noni, melalui kawan sekelasnya, Eda, dapat berkenalan dengan Don dan bersetuju untuk menghadiri pesta hari jadi Hussein kawan sekelas dengan mereka. Don cuba menggoda Noni tetapi gadis itu menolak, Hamzah memberi amaran kepada Don supaya tidak berkawan dengan adiknya lagi.

Penerbit : Panshah Film Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Amy (Search), Raja Ema, Sabree Fadhil, Rosyam Nor.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987 - Pelakon Harapan Lelaki - Sabree Fadhil.



### \* WIRA ANGKASA

Sabri, anak seorang petani, bercita-cita menjadi juruterbang. Selepas tamat persekolahan, dia menyertai tentera udara. Di sana, dia berkenalan dengan Yusof, seorang pemuda kota. Hubungan mereka amat rapat pada mulanya tetapi menjadi renggang akibat selisih faham. Kemudian satu kemalangan berlaku.

Penerbit : Julie Dahlan - JD Production Sdn Bhd

Pengarah : Aziz Jaafar

Pelakon : Yusof Haslam, Sabree Fadhil, Noreen Noor, Aznah Hamid, Julie Dahlan, Hisham Ahmad Tajudin, Aida Rahim.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-7, 1987

Anugerah Khas Juri - Kerana subjek khusus.

1988

### \* ANTARA DUA HATI



Mengisahkan Jefri (Sabree Fadzil) yang mengalami kecederaan ringan selepas dilanggar kereta oleh Datin Sharifah (Rosnani Jamil). Datin Sharifah ialah seorang janda selepas suaminya meninggal dunia 10 tahun yang lalu. Beliau mempunyai dua orang anak iaitu Shah (Ridzuan Hashim) dan Ina (Raja Ema). Perkenalan antara Sharifah dan Jefri sedikit sebanyak membuka pintu hatinya untuk mencari pengganti arwah suaminya. Tetapi dalam masa yang sama, Jefri pula berkenalan rapat dengan Ina tanpa pengetahuan Sharifah. Manakala Shah pula menyokong ibunya untuk berkahwin buat kali kedua agar kehidupan ibunya berubah dan tidak berasa sunyi lagi.

Penerbit : Rosnani Jamil - RJ Filem Sdn Bhd

Pengarah : Rosnani Jamil

Pelakon : Rosnani Jamil, Sabree Fadhil, Raja Ema.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Raja Ema

Festival Filem Asia Pasifik ke-33, 1988 (Phuket) - Anugerah Khas Juri.

### \* DENDANG REMAJA

Anak-anak muda yang telah gagal dalam persekolahan mereka telah ditipu oleh satu sindiket untuk menyertai satu akademi yang tidak mendapat kelulusan dari kerajaan. Di dalam akademi itu mereka telah berpecah kepada dua kumpulan di mana pada suatu hari telah tercetusnya suatu pertengkaran di antara mereka sehingga ada yang ditahan polis.

Penerbit : Five Star Film Production, Feugo Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Johari Ibrahim

Pelakon : Yusof Wahab, Norlida Ahmad (Connie), Azman Abu Hassan, Erma

Fatima, Yusni Jaafar, Mahmud June, Pi'e, Mustapha Kamal.



### \* IRISAN-IRISAN HATI

Penerbit : Cipta Tuah Sdn Bhd/FilemKanta Indah Film (Indonesia)

Pengarah : Djun Saptohadi (Indonesia)

Pelakon : Christine Hakim (Indonesia), Deddy Mizwar (Indonesia), Tiara Jacquelina, Baharuddin Omar.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Anugerah Khas Juri - Filem usahasama terbaik

### \* GURU BADUL

Badul, pemuzik sambilan mendapat kerja sebagai pemungut hutang di syarikat Haji Lamin yang warak. Haji Lamin tertarik kepada keperibadian Badul yang berpura-pura alim dan bercadang menjadikannya sebagai menantu. Haji Lamin terkejut melihat Badul sedang menari di sebuah restoran. Badul menyatakan bahawa yang dilihat menari di restoran adalah adik kembarnya, Badal. Kekecohan berlaku apabila Haji Lamin jatuh hati dengan ibu Badul sementara anaknya Nora terpikat dengan Badal.

Penerbit : Fuego Film Production

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Yusni Jaafar, Mahmood June, Norlida Ahmad (Connie), Sheila Rusly, Ernie Sulastri.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Anugerah : Pelakon Lelaki Terbaik - AR Badul; Pelakon Komedi Terbaik - Yusni Jaafar.



**\* KEMBAR SIAM**

Os, seorang pemuda kampung, berhijrah ke Bandar Kuala Lumpur dengan tujuan untuk menjadi superstars. Suatu hari ketika pergi ke pusat snooker, Os bertemu dengan Os superstar yang saling tak tumpah seperti wajahnya. Os superstar mengajak Os menukar pakaian bagi mengelak diburu oleh peminat-peminatnya.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pengarah : A.R. Badul

Pelakon : Os, Ziela Jalil, Isma Aliff, Sheila Rusly, Hussein Abu Hassan.

**\* KEYS TO FREEDOM**

Kunci kebebasan untuk penduduk Hong Kong adalah Passport Amerika apabila perubahan politik berlaku dengan pengambilan balik Hongkong oleh China. Kegiatan pasar gelap berleluasa untuk mengeluarkan passport yang dikawal oleh Mafia Hong Kong.

Penerbit : Tan Sri Azman Hashim

Pengarah : Steve Feke

Pelakon : Jane Seymour, Omar Shariff, Denholm Elliot, Jim Youngs, David Warner, Ric Young, Malek Noor, Ramona Rahman.

**\* PERAWAN MALAM**

Tiga rakan karib sedang membuat kajian didalam hutan rimba. Mereka sering digangu oleh binatang buas dan dihantui oleh ngilaian. Kehadiran mereka disitu rupanya telah menimbulkan kemarahan pontianak disitu kerana telah mencerobohi kawasannya. Salah seorang kawannya telah mencucuk sebatang paku dibelakang lehernya dimana dia telah berubah menjadi seorang yang cantik. Kawan-kawannya tanpa mengetahui asal usul perempuan cantik itu yang mereka menganggap anak orang asli di situ telah membawanya pulang ke kota.

Penerbit : Panshah Film Production

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Dharma Harun, Salleh Yaacob, Rosyam Nor, Ziela Jalil, Suhaina Yahya, Lily Patra, Aziz Satar, Hasnah Ibrahim, Wazata Zain.

**\* PEREMPUAN**

Penerbit :

Pengarah : Nik Muhammad

Pelakon : Azean Irdawaty, Melissa Saila, Hisham Ahmad Tajudin.

**\* TEMPO '88**

Kisah empat orang gadis yang menubuhkan sebuah kumpulan muzik dan mengadakan konsert di beberapa buah bandar. Konsert tersebut mencapai kejayaan dan gadis-gadis berkenaan menjadi terkenal dan kaya-raya. Mereka kemudiannya dicolek oleh penjahat yang inginkan wang tebusan.

Penerbit :

Pengarah : Megat Ramlee, Halim Sabar

Pelakon : M.Ramly, Halina Alip, Noor Aziyah Aziz, Halim Sabir, Salleh Yaacob

**\* YASSIN**



Yassin seorang nasionalis memperjuangkan kemerdekaan, dipenjarakan British pada 1941, dan juga pasukan Bintang Tiga yang berkuasa selama 14 hari setelah Jepun menyerah kalah pada tahun 1945. Ia menggambarkan kekejaman Bintang Tiga, kegelisahan orang-orang Melayu, perbicaraan di Mahkamah Rakyat dan peristiwa yang tidak diberi publisiti seperti peranan Kesatuan Melayu Muda dalam menuntut kemerdekaan.

Penerbit : Kamarul Ariffin-Kay Film Production

Pelakon : Eman Manan, Uji Rashid, Esther Lim, Zulkifli Osman

**\*Anugerah & Festival Filem**

Pertandingan : Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Cerita Terbaik - Kamarul Ariffin

Penataan Seni Terbaik - A. Ainul

Pelakon Harapan - Esther Lim

Anugerah Khas Juri - Kamarul Ariffin (pengusaha filem yang gigih, teliti dan terpuj

## 1989

**\* ANAK SARAWAK**



Azam Wasli seorang pegawai daerah dalam percubaannya membangunkan kawasan pedalaman dan menyatukan puak-puak tersebut serta memusnahkan kumpulan-kumpulan yang mengganggu keamanan kawasan berkenaan. Pada masa yang sama, Azam bercinta dengan Mei Ling seorang wartawan. Dalam usahanya itu dia menjadi mangsa pergolakan politik di mana Mei Ling juga turut menjadi mangsa tebusan.

Penerbit : Angkatan Seniman Abad XX Films Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Ahmad Yatim, Ahmad Tarmimi, Yusoff Wahab, Alice Woon, Erma Fatima.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Yusof Wahab.

**\* AWANG SPANAR**



Awang dan Salleh berasal dari Terengganu. Salleh berkerja sebagai seorang kelasi sementara Awang Spanar diberi gelaran tersebut kerana mahir membaiki bot. Dalam percutian mereka di Kuala Lumpur mereka menyaksikan kejadian penculikan anak seorang hartawan bernama Imran. Kehadiran mereka disedari oleh Udin Didih lalu melaporkan kepada ketuanya Ali Jibon. Arahan mencari kedua-duanya dikeluarkan.

Penerbit : SV Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Os, Salleh Yaacob, M. Rajoli, Rose Hashim, Norlida, Ayang, Din Glamour.

**\* CINTA BERDARAH**

Anton (Hengky Tornado) dan isterinya Rita (Raja Emma) menyewa sebuah rumah milik Dudung Sasmita (Hilal Azman) yang berwajah buruk kerana musibah di tempatnya bekerja. Hal ini yang membuat isterinya berselingkuh dengan saudaranya sendiri, hingga Dudung marah dan membunuhnya. Mayat itu dikubur di tembok. Roh mayat-mayat itu yang lalu menghantui rumah.

Penerbit :

Pengarah : Torror Margens (Indonesia), Z. Lokman

Pelakon : Raja Ema, Hussein Abu Hassan, Hengky Tornado, Hilal Azman.

**\* HERO**

Seorang graduan (Os) yang bekerja sebagai budak pejabat di sebuah syarikat insuran, terpaksa berdepan dengan ejekan dan fitnah dari rakan sekerjanya. Os dinasihati oleh rakan-rakannya supaya mengampu ketuanya memandangkan dia mempunyai kelulusan untuk dinaikkan pangkat. Suatu hari, ketika Os pulang ke rumah, dia terjumpa seekor beruk yang akhirnya menjadi kawan rapatnya, dan diberi nama Obe.

Penerbit : SV productions sdn. Bhd.

Pengarah : Os

Pelakon : Os, Imuda, Rozie Rashid, Ibrahim Pendek, Din Glamour, Raffi Hussein.

**\* IGAU-IGAU**

Tera, isteri seorang jutawan, diculik oleh sekumpulan penjenayah dan dibawa ke sebuah tempat sunyi. Di situ dia bertemu dengan pemuda bernama Boy dan jatuh cinta dengannya.

Penerbit : Darul Makmur Film productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Zalina Mohd Som

Pelakon : Tuan Abdul Rahman Noor, Linda Buang.

**\* KEMBAR SIAM**

Os, seorang pemuda kampung, berhijrah ke Kuala Lumpur dengan tujuan menjadi superstars. Suatu hari ketika pergi ke pusat snooker, os Bertemu dengan Os superstar yang saling tak tumpah wajahnya. Os superstar mengajak Os menukar pakaian bagi mengelak diburu peminat-peminatnya.

Akibatnya berlakulah kekeliruan.

Penerbit : SV Productions Sdn. Bhd

Pengarah : A.R.Badul

Pelakon : Os, Ziela Jalil, Isma Aliff, Sheila Rusly.

**\* KOLEJ 56**

Kolej Putra adalah sebuah kolej swasta untuk anak-anak keluarga bangsawan untuk mengikuti kursus intensif sebelum melanjutkan pelajaran ke luar negara. Roslan, Rosli, Rosman dan Tengku Kamil menyelamatkan seorang gadis Orang Dusun bernama Mawar daripada jerat. Empat sekawan itu menyertai pertandingan nyanyian dan mereka menang. Sekumpulan berbasikal tidak senang hati dengan mereka dan mencabar mereka untuk berlumba basikal. Ketua kumpulan itu mengalami kecederaan dan Rosman membantu memulihkannya.

Penerbit : Ahmad Fauzee-Studio Jalan Ampas Sdn Bhd.

Pengarah : Ahmad Fauzee

Pelakon : Ahmad Fauzee, Salwa Abdul Rahman, Erma Fatima, S. Shamsuddin.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Anugerah Khas Juri - Ahmad Fauzee (produser berbakat).

**\* OH FATIMAH**

Rahmat dan Fatimah jatuh cinta lalu berkahwin. Mereka dikurniakan seorang anak perempuan, Jita. Rumah tangga mereka bergolak sehingga terjadi penceraian. Rahmat dibuang kerja kerana tidak dapat menumpukan perhatiannya kepada kerjanya. Oleh kerana sakit hati, Fatimah berbaik-baik dengan Azman, seorang hartawan. Rahmat menjadi marah dengan perhubungan itu. Rahmat pula berkenalan dengan Diana Rosli seorang penyanyi.

Penerbit :

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Raja Nor Baizura, M. Rajoli, Norshuhaila.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Pengarah Terbaik - AR Badul

Pelakon Wanita Terbaik - Raja Nor Baizura

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik – Norshuhaila.

**\* PAK TAM DUDA**

Seorang peniaga kecil bergelar Pak Tam Duda membekal perabot yang dijual kepada orang tengah di bandar. Dia berkawan dengan seorang budak cerdik yang juga menjadi pembantunya. Suatu hari, sewaktu menjual barang perabot ke bandar, Pak Tam Duda jatuh cinta dengan Maria, seorang wanita penggoda yang bekerja di sebuah kedai perabot. Melihat keadaan Pak Tam Duda yang mudah digoda itu, Maria cuba memperdayakan wang ringgit Pak Tam atas arahan teman lelakinya.

Penerbit :

Pengarah : AR Badul, Rosnani Jamil.

Pelakon : AR Badul, Kartina Aziz, Azmi Suhaimi, Raffi Hussein, Ebby Saiful.



#### \* PENGHUJUNG MALAM

Penerbit :

Pengarah : Ahmadi Hassan

Pelakon : Khalid Salleh, Noorkumalasari, Melissa Saila



#### \* PENDEKAR LEMBAH KUNING

Raka (Sabree Fadzil) dan Dayu (Emma Febry) diselamatkan secara ghaib oleh seorang guru, saat kampung mereka dibinasakan dan ibunya dibunuh, sedang ayahnya entah di mana. Sang guru tadi mewariskan ilmu dan kesaktiannya setelah dewasa. Maka mulailah mereka berniat membala dendam. Raka hampir masuk perangkap kekayaan dan kenikmatan yang diberikan musuh. Dayu memperingatkan. Akhirnya mereka berdua bangkit melawan lagi.

Kini mereka dibantu dua pendekar lain. Dayu mati dalam salah satu perkelahian.

Penerbit : Five Star Film Production Sdn Bhd/PT Prima Metropolitan Sakti Film

Pengarah : Gordhan PS

Pelakon : Emma Febry, Sabri Fadzil, Aznah Hamid, Simon Pitta, Ricky Hosada, Avent Christie.



#### \* PELUMBA MALAM

Jeff dan Ema dari Unit Tindakan Khas (UTK) ditugaskan untuk mengintip kumpulan bermotosikal. Kegiatan kumpulan ini diketuai oleh Rizal yang giat menjalankan kegiatan untuk mencari wang secara haram hingga Rizal dimasukkan ke hospital kerana kemalangan dalam satu perlumbaan haram. Sepanjang Rizal di hospital, Ema yang telah lama menjadi teman Rizal secara menyamar menceritakan latar belakang kegiatan Rizal kepada Jeff.

Penerbit : Pengedar Utama Sdn Bhd

Pengarah : A.R.Badul

Pelakon : Sabree Fadhil, Noreen Noor, Azmi Mohamad, Erma Fatima, Mustapha Kamal, Edika Yusof.

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-8, 1989

Anugerah : Jurukamera Terbaik - Badaruddin Azmi

Suntingan Terbaik – Raso

Lagu dan Penggubahan Terbaik - A. Ali.

### \* PENDEKAR MATA SATU



Gulandra adalah anak Datuk Alang yang dibunuh oleh Pendekar Mata Satu atau Galak. Ia berguru pada seorang guru hingga menguasai beberapa ilmu silatnya. Ketika Gurunya sedang belajar Ilmu Saka Wesi yang memerlukan waktu 120 hari sampai 200 hari, Gulandra yang sudah berniat jahat pada gurunya akhirnya mengatur siasat untuk dapat menguasai ilmu Saka Wesi. Untuk menguasai Ilmu Saka Wesi diperlukan pengorbanan. Jika Siang badan akan terasa menggigil dan jika malam badan serasa terbakar. Maka itu untuk menguasainya Gurunya di ikat agar lebih mudah menguasainya. Namun Gulandra yang mempunyai niat jahat, akhirnya berhasil membunuh gurunya.

Penerbit :

Pengarah : M. Rajoli/ SA Karem.

Pelakon : Malek Noor, Salleh Yaacob, Ziela Jalil. Yoseph Hungan, Zaitun Sulaiman dan Sustrisno Wijaya.

### \* PERTARUNGAN DI GUA SILUMAN

Kisah dunia persilatan mengenai perebutan peti pustaka Matasan yang berisi harta karun dan kitab ilmu silat tinggi. Raja pemilik peti itu (Rachmat Kartolo) dibunuh oleh Alam Diah (Rudy Wahab), Alang Abang (Piet Pagau) dan Alimin (Robert Santosa), tiga pendekar yang kemudian bermusuhan. Dua bayi almarhum Raja, Diana (Nadia Kasim) dan Suharna (Enny Beatrice), diculik. Diana dibesarkan oleh Alam Diah di istananya, sedang Suharna dipelihara Alimin di dalam gua. Setelah dewasa, mereka kembali bertemu dan kisah orang tua mereka terungkap.

Penerbit : Gordhan PS

Pengarah : Darsono AD

Pelakon : Enny Beatrice, Noor Azizah, Nadia Kassim, Mustapha Kamal, Rachmat Kartolo.

### \* RAGAM PEMANDU

Hamid seorang yang setia dan kuat bekerja. Dia bertugas sebagai pemandu Rahim yang baik hati. Rahim sering membantu Hamid menyelesaikan masalah yang dihadapinya serta membiayai pelajaran anak-anaknya. Walau bagaimanapun, isteri Rahim, Rubiah, tidak menyukai Hamid. Suatu hari, apabila Rubiah memarahinya, Hamid mengambil keputusan untuk berhenti kerja. Rahim agak kecewa tetapi dia dapat menolong mendapatkan Hamid kerja di syarikat insuransnya.

Penerbit : Ghazali Mohd Seth-Solid Gold Studio Sdn Bhd .

Pengarah : Raja Ismail

Pelakon : Hamid Gurkha, Aznah Hamid, Latiff Ibrahim, Bibi Yem, Azmi Suhaimi (Tam).

### \* SAYANG IBU



Mengisahkan seorang anak nelayan, Tiara yang ke ibu negara untuk mencari tapak sebagai penyanyi. Kerana kesibukannya, dia telah meminta rakannya, Muda menjenguk ibunya di kampung, apalah lagi setelah bapanya meninggal dunia. Muda tidak menjalankan amanah itu, sebaliknya menggunakan wang pemberian Tiara

untuk berfoya-foya.

Penerbit : Ghazali Mohd Seth-Solid Gold Studio Sdn Bhd

Pengarah : Omar Rojik

Pelakon : Noraniza Idris, Tiara Tamam Idris, Rubiah Suparman, Isma Aliff, Nancie Foo, Adik Syaireen Hashim.

### \* SUMPAHAN MAHSURI



Mahsuri menjadi keramat kerana hukuman yang dikenakan keatasnya merupakan satu penganiayaan. Mahsuri yang jelita dituduh bermukah semasa suaminya berperang menentang musuh. Tuduhan tersebut sengaja diadakan untuk membala dendam. Akibat tuduhan tersebut Mahsuri dihukum bunuh. Mahsuri tidak bersalah, bersumpah sekiranya dia benar bertindak demikian darahnya akan menjadi putih dan mnenurut lagenda tersebut, sebelum beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir, Mahsuri telah membuat sumpahan yang Pulau Langkawi akan menjadi padang jarak padang terkukur selama

tujuh keturunan.

Penerbit : Tunku Abdul Rahman-Mahsuri Filem Sdn Bhd .

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Norlida Ahmad, Ebby Saiful, Yusof Wahab, Mahmud June, Rosnani Jamil, Umi Kalsum, S. Roomai Noor.

### \* SUMPAH BERDARAH

Penerbit :

Pengarah : Torror Margens (Indonesia), Z. Lokman.

Pelakon : Raja Ema.

### \* TAK KISAHLAH... BEB!

Bob atau Borhan berkerja sebagai Dj di kelab malam. Dia seorang yang nakal dan terlalu mementingkan diri. Dia bertemu Rozi jiran kawannya Zahar. Bob memerangkap Rozi, menodainya lalu meninggalkannya. Rozi bertemu Bob di kelab malam, tempat kerjanya dan terjadilah pertengkar antara mereka. Rakan-rakan Bob cuba menyedarkannya. Akhirnya dia insaf dan berbaik semula dengan Rozi dan rakan-rakannya.

Penerbit : Panshah Filem Production, Berjaya Film Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Faizal Hussein, Melissa Saila, Ramona Rahman, Rosyam Nor, Pyan Habib, Rozie Rashid.

### \* TARZAN RIMBA

Penerbit :

Pengarah

Pelakon : Barry Prima (Indonesia), Ziela Jalil.

### \* TriviA

Filem usahasama Malaysia - Indonesia.

**\* TUAH**

Seorang lelaki berbaju Kesultanan Melayu purba menyelamatkan Datuk Shaari dan anaknya Sahira daripada penjenayah. Oleh kerana lelaki itu cedera di bahunya, Datuk Shaari membawanya pulang ke rumah. Apabila lelaki itu sedar, dia memperkenalkan dirinya sebagai Hang Tuah, pahlawan Melayu di abad ke-15.

Semua orang berpendapat yang dia hilang ingatan, namun Sahira mula percaya dengan cerita Tuah. Semasa bersiar-siar ke Melaka,

dia ternampak potret Sultan Anuar Alauddin Shah. Tuah menyatakan bahawa wajah di potret itu mirip Jebat.

Penerbit : Rosnani Jamil.

Pengarah : Anwardi Jamil-RJ Filem Sdn Bhd

Pelakon : Jamal Abdillah, Erma Fatima, Mustapha Maarof, Zami Ismail, Norlida Ahmad, Faizal Hussein.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Asia Pasifik ke-34, 1989 (Jakarta)

Anugerah : Anugerah Khas Juri - Filem yang berjaya menggarap tokoh wira dan legenda sejarah dalam bentuk filem yang bersesuaian dalam kehendak semasa. Penyertaan : Montreal Film Festival, 1990.

**\* UJANG**


Ujang seorang pemuda yang jujur dan baik hati. Dia dianggap oleh orang kampungnya sebagai Badang kerana menggunakan kekuatannya untuk menolong orang. Oleh kerana kekuatannya dia diambil bekerja dengan Encik Basri di bandar. Gaya hidupnya mula berubah mengikut arus bandar tetapi masih sikapnya suka menolong orang serta tidak menggunakan kekerasan untuk mendapatkan sesuatu. Syukri merasa sakit hati kerana Ujang selalu menghalang kerjanya. Ujang yang tercedera dilanggar oleh Syukri dengan kereta telah diselamatkan oleh 2 gadis jelita bernama Asmah anak saudara Encik Basri dan Tanya kawan baiknya. Asmah dan Tanya merahsiakan perasaan itu antara satu sama lain. Persaingan untuk mendapatkan kasih Ujang akhirnya memutuskan persahabatan mereka.

Penerbit : Filem Karya Nusa Sdn. Bhd.

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Malek Nor, Shukrey Hashim, Susan lankaster, Shahruddin Thamby, Ziela jalil, Liza Othman.

**1990**

**\* ADIK**

Adik yang kurang siuman sangat disayangi oleh abangnya, Rosli. Rosli merasa bertanggungjawab atas segala masalah dan keperluan adiknya yang tidak berfikiran waras. Rosli tidak pernah renggang dengan adiknya dan akan membawanya ke mana juga dia pergi, termasuk ketika bertemu kekasihnya. Pertengkaran tercetus di antara Rosli dengan kekasihnya berpunca daripada Adik. Akhirnya, Rosli menghadapi dilema di mana dia terpaksa membuat keputusan muktamad untuk memilih

Adik atau kekasihnya.

Penerbit : VN Raj-SV Productions

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Os, Mustapha Kamal, Noralbaniah, Yusof Wahab, Accapan, Din Glamour.

**\*Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Anugerah Khas Juri - SV Productions.

**\* DRIVING SCHOOL**

Helmi seorang pengajar sekolah memandu adalah seorang pekerja yang gigh dan rajin. Sally, seorang pengurus kelab mendaftar di sekolah memandu dan mendapat Helmi sebagai pengajar. Pemilik sekolah pemandu itu berminat dengan Sally dan menawarkannya kerja sebagai setiausaha di syarikatnya.

Penerbit : Julie Dahlan -Junaidi Hairi

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Azmil Mustapha, Ziela Jalil, Julia Rais, Yusof Haslam, Yusni Jaafar, Imuda, Julie Dahlan, Raja Nor Baizura, Jalil Hamid , Kartina Aziz, Edika Yusof, Capt. Deon Bakar, Lili Patra, Sabri Yunus , JD Khalid .

**\* FENOMENA**

Ia mengisahkan Isabella anak Mr. Howell, seorang Pengurus lombong besi di Bukit Besi, Terengganu, mengidapi satu penyakit yang aneh ketika berusia setahun. Pada suatu malam Isabella menangis tidak henti-henti hingga mendorong tukang kebun mereka Labib yang juga dukun cuba mengubatinya. Serta merta Isabella berhenti menangis dan seger seperti kanak-kanak sihat.

Penerbit : Zain Mahmood-Teletrade Sdn Bhd.

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : M. Nasir, Ramona Rahman, Amy Search, Adik

Noramarina Zulkifli.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Skor Muzik Terbaik - M. Nasir,

Lagu Tema Terbaik - M. Nasir,

Jurukamera Terbaik - Badaruddin Azmi,

Penataan Bunyi Terbaik - Musa Idris,

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Noramarina Zulkifli.

Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office.

### \* HATI BUKAN KRISTAL



Nina, seorang wartawan muda yang cerdas dan bercita-cita tinggi, meminati cerita-cerita yang dikarang oleh seorang wartawan dan editor - Cik Ida. Nina yang baru sahaja menceburi bidang kewartawanan di sebuah syarikat penerbitan akhbar Harian Nasional menjadi perhatian ramai kerana sikapnya yang terbuka dan sentiasa komited dalam tugasannya. Namun, Razieff, seorang wartawan jenayah yang juga komited dalam tugasnya, dikatakan mempunyai sifat kelelakian yang memandang serong terhadap kebolehan wanita dalam mencari sesuatu kes dan sentiasa memandang rendah kepada Nina.

Penerbit : Habsah Hassan, Rahimah Rahim-Director's Team

Pengarah : Raja Ahmad Alauddin

Pelakon : Redzuan Hashim, Erma Fatima, Julia Rais, Adibah Amin, Zaiton Sameon, Shah Rezza, Imuda, A. Rahim.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-35, 1990 (Kuching)

Anugerah Khas Juri Tunas Wangsa - Raja Ahmad Alauddin (Pengarah Muda Berbakat)

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Filem Terbaik - Director's Team

Pengarah Terbaik - Raja Ahmad Alauddin

Pelakon Lelaki Terbaik - Redzuan Hashim

Pelakon Wanita Terbaik - Erma Fatima

Cerita Terbaik - Habsah Hassan

Pelakon Harapan - Julia Rais

### \* ISABELLA



Isabella (Nia Zulkarnaen), gadis Indonesia yang tinggal di Malaysia, jatuh cinta dengan Amy (Amy Search), pemusik rock. Melihat penampilan Amy, orangtua Isabella melarangnya bergaul dengan Amy kerana terpengaruh oleh berita-berita kerusuhan akibat pertunjukan rock di Jakarta.

Penerbit : P.T. Prima Metropolitan Sakti Film

Pengarah : Boyke Roring (Indonesia)

Pelakon : Amy (Search), Nia Dzulkarnain (Indonesia), Julia Rais, Kumpulan Search.

#### \* TriviA

Filem usahasama Malaysia - Indonesia.

\* Filem Fenomena (1990) pada asalnya menggunakan judul Isabella tetapi terpaksa ditukar kerana judul itu telah digunakan terlebih dahulu oleh filem ini.

**\* JANDA MELETUP**

Filem ini mengisahkan Rosnah, seorang janda muda. Kecantikannya telah memikat hati seorang pemuda di kampung yang bernama Kamil. Kamil berusaha memikat hati Rosnah namun tidak dilayan. Dia tidak berputus asa lantas pergi menemui bomoh untuk berusaha memikat Rosnah. Dengan usaha bomoh, Kamil berjaya memikat hati Rosnah yang jatuh cinta pada Kamil. Suatu hari, Encik Samad dari Kuala Lumpur datang ke kampung untuk mencari pembantu rumah. Rosnah bersetuju bekerja dengan Encik Samad. Rosnah mengikut Encik Samad ke Kuala Lumpur. Ini membuatkan Kamil kecewa dan hampa. Kamil mengambil keputusan untuk pergi ke Kuala Lumpur menemui Rosnah dan bertekad menikahinya.

Penerbit :

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Salleh Yaacob, Rozie Rashid, Pak Man Telo.

**\* MAIN-MAIN HANTU**

Sekumpulan pemain netball dan guru mereka terkandas dalam perjalanan perlawanan di Melaka apabila bas mereka rosak. Mereka terpaksa bermalam di sebuah banglo buruk. Banglo tersebut dijaga oleh sepasang suami isteri yang sudah uzur. Mereka mula mengalami beberapa perkara aneh yang pada mulanya menyeramkan. Namun mereka mula menyedari bahawa gangguan misteri tersebut adalah didalangi oleh sepasang penjenayah yang telah melarikan diri dari tahanan pihak polis.



Penerbit : Solid Gold Studio Sdn Bhd

Pengarah : Tommy Chung, Junaidi Dahalan

Pelakon : Nancie Foo, Hamid Gurkha, Melissa Saila, Alice Voon, Lily Patra, Azman Abu Hassan, Noralbaniah, Bibi Yem

**\* MAT GELAP**

Ia mengisahkan seorang penyisip persendirian yang menjalankan siasatan terhadap satu kumpulan penjahat wanita yang diketuai oleh 'Mama Bosa' sambil menyisip kes kecurangan rumah tangga. Penerbit : Zarul Albakri, Mohd Shafeq Isa-ZHA Film Production Pengarah : Zarul Albakri

Pelakon : Imuda, Liza Othman, Mano Maniam, Kamarool Yusof, Jit Murad, Zahim Albakri.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Mano Maniam

Penataan Seni Terbaik - Zarul Albakri

Anugerah Khas Juri - Zarul Albakri

\* TriviA Filem pertama menggabungkan animasi dan lakonan.





#### \* MAT SOM

Mat Som ialah seorang penulis bebas yang bekerja di Kuala Lumpur dan tidak banyak mendapat tugas dan kecawa kerana tidak mendapat buah fikiran untuk meningkatkan tahap kehidupannya. Selain itu dia gagal menarik perhatian gadis sebelah rumah yang diminatinya, Yam. Dia semakin tertekan apabila bapanya memperkenalkannya kepada Wan Faridah.

Penerbit : Strawberry FTV

Pengarah : Hatta Azad Khan

Pelakon : Imuda, Tiara Jacquelina, Zami Ismail, Adibah Amin

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Lakonlayar Terbaik - Hatta Azad Khan

Pelakon Komedи Terbaik - Zami Ismail

Anugerah Khas Juri 1 - Hatta Azad Khan

Anugerah Khas Juri 2 - Strawberry FTV



#### \* MIRA EDORA

Ia mengisahkan Hapipah (Noor Kumalasari) yang berjaya dalam perniagaan. Dia mahu melupakan pengalaman pahit semasa remaja kerana putus cinta dengan Cikgu Nordin (Mustapha Kamal) di maktab perguruan dan dipaksa kahwin oleh ayahnya menyebabkan Hapipah tekad mlarikan diri dan berkahwin dengan seorang lelaki Inggeris. Hasil dari perkahwinan itu dia melahirkan seorang anak dan diberikan nama Mira Edora. Selepas kematian suaminya, Hapipah pulang ke Malaysia tetapi tidak diterima oleh keluarganya.

Penerbit : Take One Productions

Pengarah : Zulkeflie M. Osman

Pelakon : Julia Rais, Noorkumalasari, Mustapha Kamal, Ramziela, Rahim Maarof, Accapan, Ruminah Sidek, Bibiana Layola.

#### \* MUSUH DALAM SELIMUT

Penerbit :

Pengarah : M. Jamil

Pelakon : Ijoy, Azahari, TS Jeffry.

#### \* OK

Penerbit : SV Productions

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Os, Ochee, Accapan, Sheila Rusly, Din Glamour.

#### \* PART-TIME

Penerbit :

Pengarah : M. Jamil

Pelakon : Sherie Merlis, Jaafar Onn, Ijam (Medicine).

**\* SILUMAN LIRIKAN ULAR**

Penerbit : Solid Gold Production

Pengarah : Peter Chan

Pelakon : Abdullah Chik, Nancie Foo, Fiza, Yenny , Faradia, Johan Tamine

**\*TriviA**

Filem usahasama Malaysia - Indonesia - Hong Kong.

**\* PENING-PENING LALAT**

Zakaria (A.R Badul) yang minat memburu tertembak seorang pemuda, Dino dan membawanya pulang ke rumah. Dino, sebenarnya banduan yang berjaya melarikan diri dari penjara. Dia memikat hati Aliza anak Zakaria yang menghidap sakit jantung. Pihak polis menyiarkan berita tentang Dino dan menawarkan hadiah RM10,000 kepada sesiapa yang berjaya menangkap Dino. Oraza, pegawai hutan pernah ternampak Dino ketika dia bersembunyi di dalam hutan. Dino menjadi takut lalu lari dari rumah Zakaria.

Pengarah : AR Badul

Pelakon : AR Badul, Mustapha Kamal, Sidi Oraza, Yusni Jaafar,

Rozie Rashid, Yastie.

**\* RENTAK DESA**

Mat Desa (Eman Manan) dan Wairah (Ogy Ahmad Daud) mendapati penduduk desa terancam oleh pembangunan. Petani dieksplorasi oleh orang tengah. Bukit bukau dan pokok-pokok musnah oleh pembinaan jalan raya. Sungai dan ikan dicemari oleh sisa toksid. Wairah, pekerja kilang diganggu oleh pengurusnya di kota. Mat Desa dan Wairah mengambil keputusan untuk memberi kesedaran kepada orang kampung.

Penerbit : Angkatan Seniman Abad (ASA) XX Sdn Bhd

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Eman Manan, Fauziah Ahmad Daud, Ebby Saiful, Ziela Jalil, Zulkarnain Ramli, Ahmad Tarmimi Serigar, Abu Bakar Omar, Halim Sabir.



**\* THE DADAH CONNECTION**

Kombinasi dua individu Jacinta dan Steve untuk mematahkan sindikit dadah terbesar yang beroperasi membawa dadah daripada Golden Trangle ke Amerika Syarikat.

Penerbit : Sunny Film Corporation Sdn Bhd

Pengarah : Toby Russell

Pelakon : Shaharuddin Thamby, Jacinta Lee, Steve Tartaglia, Alex Lowe.



**\* WARNA-WARNA HATI**

Filem yang mengisahkan perjuangan seorang ibu tunggal yang terpaksa menghadapi pelbagai cabaran khususnya dalam bidang perniagaan selepas kematian suaminya.

Penerbit :

Pengarah : A.R.Badul

Pelakon : M. Jamil, Siti Rohani Wahid, Sarimah, Karim Latiff, Nor Albaniyah, Aida Rahim, Zu Gairie.



## Bab 6

### (Filem 1991 Hingga 2000)



**1991**

**\* BAYANGAN MAUT**



ASP Razlan, Inspektor Farah, Inspektor Razif dan Detektif Sally, anggota Unit Task Force Polis Diraja Malaysia diketuai oleh Superintendent Mansor, diberi tugas untuk menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah dan penyeludupan senjata api antarabangsa. Razlan seorang duda melamar Farah demi kebahagiaan anaknya tetapi Farah belum memberi kata putus. Farah juga menghadapi masalah dengan adiknya Ella, seorang penyanyi rock yang menyebabkan adiknya keluar dari rumah dan tinggal bersama Eddie anak hartawan. Hubungan Farah dan Razlan semakin erat.

Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Yusof Haslam, Noorkumalasari, Sabree Fadhil, Ella, Faizal Hussein, A. Galak.

**\* BOSS**



Malik seorang ahli perniagaan yang berjaya dengan bantuan kewangan daripada isternya, Hamimah. Dia mempunyai sifat ganas tetapi berpura-pura baik di hadapan isterinya. Malik membuat hubungan sulit dengan Mimi. Malik licik sehingga Hamimah sendiri tidak mengetahui jenis perniagaan yang dijalankannya. Hamimah mula mengesyaki kegiatan keji yang dilakukan oleh suaminya dan dia mendapatkan khidmat daripada kumpulan penyiasat persendirian 'Kopek Private Eye' yang terdiri daripada Shima, Sharma dan Clara yang mula mengintip setiap

pergerakan sulit Malik.

Penerbit :

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Raja Ema, Jasmin Hamid, Didie Alias, Os, Salleh Yaacob, Hussein Abu Hassan, Raja Nor Baizura, Fetty Dzul.

### \* BINTANG MALAM

Seorang gadis kampung, Aishah dirogol oleh bapa tirinya dan kemudian dipaksa melacur di bandar. Percubaan Aishah mlarikan diri sering menemui kegagalan sehingga abang dan rakan abangnya (kedua-dua mereka ialah kelasi kapal yang sudah bertahun merantau), cuba merampasnya daripada cengkaman sindiket pelacuran dan dadah itu.



Penerbit : Ruhani Abdul Rahman, Abdul Raouf Abdul Rahman.  
Pengarah : Adman Salleh

Pelakon : Eman Manan, Fauziah Ahmad Daud, Erma Fatima, Shaharuddin Thamby, Latiff Borgiba, Sidek Hussein, Salleh Ben Joned, Zarina Zainuddin, Azean Irdawaty

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-36, 1991 (Taipei)

Anugerah Khas Juri - Mengenangkan persoalan social.

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992

Filem Terbaik - Nizarman Sdn Bhd

Pengarah Terbaik - Adman Salleh

Pelakon Lelaki Terbaik - Eman Manan

Lakonlayar Terbaik - Adman Salleh, Mohd Yusof Taib & Anwar Idris.

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Shaharuddin Thamby

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Erma Fatima

Sinematografi Terbaik - Zainal Othman

Suntingan Terbaik - Elias Mydin

Pertandingan: Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-3, 1992 (Korea Utara)

Anugerah Khas Juri.

\* TriviA U-Wei Saari merupakan pengarah asal filem ini sebelum diganti oleh Adman Salleh. U-Wei cuma terbabit dalam proses pra-produksi sebelum penggambaran bermula. Filem ini berkongsi anugerah Filem Terbaik dengan filem Selubung (1992) pada Festival Filem Malaysia ke-10, 1992.

### \* HARRY BOY

Harry Boy seorang pelajar kolej swasta yang dahagakan kasih sayang ibu bapa. Dia mencari kasih sayang perhatian luar. Harry Boy terpengaruh dengan hidup bebas Julia. Ibu bapanya melaporkan kehilangannya kepada polis apabila Harry tidak menghadiri kelas dan pulang kerumah. Dia kemudiannya mengasihinya Haryati pelajar sekolej dengannya dan berubah menjadi pelajar baik.



Penerbit : JD Production Sdn Bhd.

Pengarah : AR Badul

Pelakon : Badrul Muhyayat, Sofia Jane, Laila Nasir, Azwan

Ali, Linda Zainuddin, Ziela Jalil, Norlida Ahmad (Connie), Yusof Haslam, AR Badul, Adik Hani Nurzara, Julie Dahlan, Aznah Hamid.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Hani Nurzara.

### \* JAKET BIRU

Polis menumpaskan satu kumpulan yang diketuai oleh Murad yang menyeludup gadis-gadis cantik ke luar Negara. Tanpa bukti, mereka tidak dapat membuat tangkapan. Polis menuhubukan pasukan 'Jaket Biru' dan menjalankan kegiatan serupa. Kedua-dua kumpulan ini bergabung.

Penerbit : Abu Hassan Abdul Rahman, Shahimyim.

Pengarah : Arif Abdul Rahman

Pelakon : Ebby Saiful, Raja Nor Baizura, Isma Aliff, Rashidah Jaafar.

### \* JUARA

Malek, Sidi, Busul dan Ira adalah empat orang anak Aziz yang memilih haluan masing-masing setelah bapa mereka Aziz di masukkan ke hospital sakit jiwa. Malek menjadi peninju. Sidi diperalatkan oleh kumpulan mencuri sebutir berlian daripada Joe Martino lalu menghilangkan diri apabila diburu pelbagai pihak. Malek muncul sebagai juara perlawanan tinju siam yang dianjurkan khas oleh Joe Martino. Ketua sindiket berjaya memperolehi semula berlian yang dicuri Sidi, dan memaksanya bertarung dengan abang Malek. Sekiranya enggan, sindiket itu menggugut akan memusnahkan seluruh keluarganya.

Penerbit : M.E Communication Sdn. Bhd

Pengarah : Yusof Kelana

Pelakon : Malek Nor, Sidi Oraza, Juliza Adlizan, Salih Yaacob, Raja Azura, Aziz Sattar, A.Galak, A.Rahim.

### \* KANTA SERIGALA

Zarul hidup dalam dunianya sendiri. Dania, penyanyi rock yang cantik, mewah dan popular tidak dihargai oleh tunangnya Imran. Syakira adik Zarul menemui ajal di tangan mereka yang berjanji menjadikannya penyanyi pujaan. Keempat-empat remaja ini mempunyai pendirian yang berbeza tetapi ditemukan oleh cita-cita, cinta dan dendam. Zarul yang hilang adik kesayangannya hidup dalam dendam yang tak sudah. Selepas membunuh kedua-dua pembunuh adiknya, Zarul menculik Dania. Imran menyedari kehilangan tunangnya dan berusaha mencarinya. Manakala Zarul terus hidup dalam dendam.



Penerbit : Panshah

Pengarah : Hussein Abu Hassan

Pelakon : Faizal Hussein, Didie Alias, Rosyam Nor, Jasmin

Hamid, Melissa Saila, A. Rahim, Kamarool Yusof, Hussein Abu Hassan, Dilla Hussein.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-37, 1992 (Seoul)

Kesan Bunyi Terbaik - Hasmy Kamal.

### \* MEMORI

Dato' Herman seorang ahli perniagaan berjaya, menggunakan wang syarikat untuk perbelanjaan keluarganya. Dato' Herman yang gemar memancing diserang oleh lanun dan hilang di laut. Keluarganya menganggapnya sudah mati. Keluarga Dato' Herman terpaksa meninggalkan rumahnya dan menyewa bilik kecil. Anak lelakinya pula ditimpa kemalangan dan anak perempuannya di rawat dipusat pemulihan dadah. Dato' Herman terdampar disebuah pulau dan hilang ingatan. Dia tinggal dengan sebuah keluarga nelayan dan dikahwinkan dengan anak perempuan mereka. Dia pulih ingatan dan berusaha kembali mencari keluarganya.

Penerbit : RJ Filem Sdn Bhd

Pengarah : Rosnani Jamil

Pelakon : Jins Shamsuddin, Fauziah Ahmad Daud, Nazliah Hamid, Shahrulzaman, Herdawatie, Umie Aida.

**\* RIANG TIRANA**

Penerbit : Fuego Production Sdn Bhd

Pengarah : Arief Karmahani Penulis Tiada maklumat

Pelakon : Erma Fatima, Badrul Muhayat, Karen Iskandar, Raja Azura, Azhar Sulaiman.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Karen Iskandar.

**\* SEJATI**

Bani, seorang lepasan universiti tercedera dalam satu perlumbaan motosikal haram. Semasa di hospital doktor mendapati Bani menghidap kanser paru-paru yang agak serius. Ibu bapanya dan doktor mahu merahsiakan penyakit itu daripada Bani tetapi secara kebetulan dia telah mendengarnya. Bani disuruh berehat di Cameron Highlands dan semasa berada di sana dia dirawat oleh Dr. Ariffin.

Penerbit :

Pengarah : Norhan Mahmud

Pelakon : Jamal Abdillah, Raja Ema, Latiff Ibrahim, Noraini

Hashim, Accapan, Din Glamor, Baharuddin Omar

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-9, 1991

Anugerah Khas Juri - Poster terbaik.

**\* SUCI DALAM DEBU**

Roy - seorang anak muda pulang ke tanahair selepas menamatkan pengajian di London. Sekembali, Roy jatuh cinta dengan Rina, anak kepada Tengku Aziz yang sudah ditunangkan dengan Tengku Johan, TJ sejak kecil. Rina dan Roy mula mengenali antara satu sama lain di sebuah kelab malam. Walaupun pada masa itu mereka tidak sempat berbual (kerana ketika itu, Rina sedang bertengkar dengan TJ), tetapi Rina jatuh hati dengan Roy pada pandangan pertama. Ini membuatkan TJ cemburu serta marah terhadap Roy, lalu dia merancang untuk memisahkan kedua-dua pasangan kekasih dengan menggunakan taktik kotor.

Penerbit : Aarti Filem

Pengarah : Zulkeflie M. Osman

Pelakon : Julia Rais, Sidi Oraza, Imuda, Kumpulan Iklim.

**\* SHAKILA**

Pasangan penyanyi popular Ray dan Yasmin, mengikat kontrak menyanyi di sebuah hotel terkemuka. Ray sering di ganggu oleh peminatnya Shakila tetapi tidak pernah bersua dengannya. Setiap kali posmen datang, Ray mencari poskad lukisan gadis ini. Ray menerima panggilan telefon setiap malam sebelum memulakan persembahannya. Shakila memberi ilham kepada Ray untuk mengubah sebuah lagu. Perubahan sikap Ray menimbulkan perasaan cemburu Yasmin. Ray tetap melayani Yasmin sebaik mungkin dan Yasmin terpaksa membenarkan Ray membuat rakaman solo. Perasaan cemburu Yasmin mendorong Yasmin membunuh Shakila.

Penerbit : SJ Filem Production

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Kuza, Rahim Maarof, Aishah, Sani Sudin.

**1992**



**\* GELORA CINTA**

Penerbit :

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : Imuda, Nurul Ariffin (Indonesia), Noralbaniah.

TriviA : Filem usahasama Malaysia - Indonesia.




**\* INTERLUD**

Harris penuntut kolej dan kakaknya menghadapi masalah dengan ibu dan ayahnya, seorang ahli politik. Mereka berdua diasuh oleh pembantu rumah, Mak Leha. Haryati gagal dalam peperiksaan lalu mencebur dalam persatuan kebudayaan yang menyebabkan hubungan dengan adiknya, Harris rengang. Prestasi persekolahan Harris semakin menurun. Hubungan Cikgu Nona dengan Haris semakin rapat menjadikan dia berubah. Pelajarannya meningkat menyebabkan Irna kecewa. Bapa mereka menghadapi saingan yang hebat daripada rakan seperjuangan politiknya bagi merebut jawatan ketua parti.

Penerbit : Wan Rohani Zin-United Kadila Sdn. Bhd.

Pengarah : Othman Zainudin

Pelakon : Azhar Sulaiman, Louisa Chong, Sofia Jane, Wan Maimunah, Hisham Ahmad Tajudin.



**\* KELISA**

Sarah mengambil alih perniagaan keluarganya setelah ayahnya dibunuh oleh Zaid. Dia tidak mengetahui perkara ini kerana ketika itu dia sedang menuntut di luar negara. Zaid menjalankan kegiatan menyeludup emas ke luar negara. Sarah mendapat tender daripada Zaid tetapi tidak dipersetujui oleh ibunya kerana tahu latar belakang Zaid yang pernah menipu ibunya. Walau bagaimanapun ibunya meninggal dunia sebelum sempat Sarah membawa Zaid kemuka pengadilan. Sarah bercadang untuk membuka semula kes bapanya kemuka pengadilan dengan seorang bekas banduan tetapi tidak dipersetujui oleh teman lelakinya Inspektor Mansor.

Penerbit : NR Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Mat London

Pelakon : Zulkifli Zain, Raisuddin Hamzah, Normala Omar, Malek Noor, Jacinta Lee, Shima.



**\* KONSTABEL MAMAT**

Mamat (Salih Yaakob) digantung tugas tiga bulan daripada jawatan konstabel polis kerana lalai dalam tugas menangkap ketua gengster Mail Musang a.k.a Ismail Musa a.k.a. Sangam (disebabkan beliau menyukai filem Bollywood) yang menjadi bapa ayam sindiket pelacuran di Kuala Lumpur. Walaupun begitu Mamat seorang yang terkenal kerana kehebatannya membanteras jenayah, dan masih rajin menangkap pencuri walaupun digantung tugas. Dia seorang yang lucu dan hebat dalam seni mempertahankan diri.

Penerbit :

Pengarah : Z.Lokman

Pelakon : Salleh Yaacob, Ziela Jalil, Kuza, Latiff Ibrahim, Hamid Gurkha, Sidi Oraza, Rosnah Mat Aris & Zain Yahya.

**\* NADIA**



Halim, pengawai kedutaan Malaysia di London, mengambil keputusan bersara dan kembali ke Malaysia. Isterinya, Liana Abdullah enggan mengikuti Halim pulang. Walaupun doktor mengesahkan bahawa Halim menghidap barah otak. Isterinya tetap dengan keputusannya. Nadia yang kasihankan ayahnya ikut pulang ke Malaysia dan meneruskan pengajiannya. Nadia sedih mengetahui ayahnya ada hubungan dengan seorang janda kaya dan mengharap ibu bapanya dapat bersatu kembali. Di kolej, Nadia berkenalan dengan seorang pelajar, Izam. Nadia membantu ayahnya menubuhkan Persatuan Nelayan dan menjalankan perniagaan chalet di Terengganu.

Penerbit : Filmeast Sdn. Bhd.

Pengarah : Rahman Adam

Pelakon : Hani Mohsein, Julia Rais, Normah Damanhuri, Sofia Jane, Susan Lankester, Sulaiman Yassin.



**\* PENGHJUNG MALAM**

Razak yang merantau akibat keruntuhan rumah tangga kembali ke Malaysia untuk memastikan anaknya Rita, 19 tahun, mendapat kasih sayang seorang ayah. Tetapi Rita dan bekas isterinya, Sofia tidak dapat menerima kembali. Perniagaan butik Sofia dan penjualan album Rita merosot. Tetapi sebuah lagu gubahan Imran berjudul Selasih mengangkat nama Rita semula, sebenarnya lagu itu adalah ciptaan Razak dan ia menyatukan mereka.

Penerbit : Syarikat Penerbitan Asasi

Pengarah : Ahmadi Hassan

Pelakon : Khalid Salleh, Noor Kumalasari, Melissa Sdaila, Hilal Azman, Latiff Borgiba, Tyusni Jaffar.

**\* QUEEN CONTROL**

Musa seorang ahli perniagaan menyintai seorang gadis, Liana, sedangkan dia sudah mempunyai isteri yang cantik berketurunan Inggeris, Annie Marie. Demi cintanya terhadap Liana, Musa mengambil Liana salah seorang pekerjanya. Telatah dan aksi Musa dikesan oleh isterinya. Isterinya mengatur rancangan memerangkap Musa dengan mengarah orang-orang upahannya menculik Liana.

Penerbit : FG Film Productions Sdn. Bhd

Pengarah : AR Badul

Pelakon : Raja Ema, Jalil Hamid, Lorna Abdullah, Noralbaniah, Sharifah Edora, Azmi Mohamad, Anita Sulaiman, Maria Farida, Zaibo, Jijoe, Aziz Satar, Baharuddin Omar, Johan Abdullah.



**\* RIMBA MALAM**

Sofea gadis jutawan terdampar di tengah-tengah hutan Kalimantan setelah terselamat daripada kemalangan yang dirancang oleh Farouk. Farouk dan orang-orangnya masih memburu Sofea yang tinggal di satu perkampungan dengan bantuan Rafi, pemuda kampung tersebut. Sofea dan Rafi ke Bandar untuk membongkar rahsia Farouk.

Penerbit :

Pengarah : Zulkifli M. Osman.

Pelakon : Aida Rahim, Mustapha Kamal, Malek Noor, Latiff Ibrahim, Nanu Baharuddin, M. Osman, TS Jeffry.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992 - Pelakon Harapan - Nanu Baharuddin.




**\* SAHABAT**

Kamil, Salim dan Budin tiga orang sahabat dan juga bekas banduan, cuba kembali ke pangkuhan masyarakat tetapi tidak berjaya. Malah bapa masing-masing enggan menerima mereka kembali. Mereka menubuhkan syarikat pencuci yang dinamakan ‘Sahabat’.

Penerbit : Nagaraj, Din Glamour - SV Productions Sdn Bhd

Pengarah : Zulkifli M. Osman

Pelakon : Mustapha Kamal, Raja Ema, Malek Noor, Accapan, Salleh Yacob, Latiff Ibrahim, Din Glamour, Laila Nasir, TS Jeffry.

**SELUBUNG**

Mastura seorang pelajar di Perth, Australia gagal menyelamatkan EJ daripada kumpulan fundamentalis agama. Sekembalinya ke Malaysia, dia terbabit aktiviti kebajikan badan ‘Rescaid’ untuk membawa sekumpulan anak-anak Palestine ke Malaysia. Mastura jatuh cinta dengan Kamal, Ketua Jabatan Penyelidikan tetapi kecewa kerana sudah beristeri. Walau bagaimanapun, hubungan ini dapat di pulihkan setelah Kamal bercerai. Mastura berjaya memujuk EJ dan Kamal menyertai badan kebajikan tersebut.

Penerbit : Abdullah Omar-Identity Entertainers

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : M. Nasir, Deanna Yusoff, Ida Nerina, Harith Iskander, Liza Othman, Jit Murad, Hattan, Mahmud June.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992

Filem Terbaik - Identity Entertainers; Pelakon Wanita Terbaik - Deanna Yusoff, Cerita Terbaik - Nora Ariffin Fleming, Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim; Penataan Seni Terbaik - Zuraini Anuar; Anugerah Khas Juri 1 - Poster Terbaik; Anugerah Khas Juri 2 - Atas persoalan kemanusian sejagat yang dicetuskan.

Penyertaan : Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke-19, 1997 di Belgium (Focus on Malaysian Cinema)

**TriviA** : Filem pertama arahan Shuhaimi Baba. Filem ini berkongsi anugerah Filem Terbaik dengan filem Bintang Malam (1991) pada Festival Filem Malaysia ke-10, 1992.

\*

**SYAHADAT**

Penghulu Kassim mengupah Komeng menangkap Syahadat seorang ustaz dan memaksanya menjadi perompak setelah diugut akan memperkosa anak dan isterinya. Syahadat terpaksa berkorban dengan mengikut perintah Komeng.

Penerbit : Trademore Sdn Bhd

Pengarah : Dzed Zahidin

Pelakon : Yusof Wahab, Eman Manan, Erma Fatima, Shukery Hashim, Mohammad Abdullah.

**\*Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992 - Anugerah Khas Juri - Atas penampilan kemurnian warisan budaya yang ditunjukkan.

Pertandingan: Festival Filem Asia Pasifik ke-37, 1992 (Seoul).

### \* WANITA BERTUDUNG HITAM



Maya seorang gadis kampung lahir dalam sebuah keluarga seni dan budaya Melayu. Ayahnya Soh, bekas seorang pemain biola yang terkenal. Maya membabitkan diri dalam bidang seni dan menjadi seorang penari yang terbaik. Ayah Soh tidak merestui cita-cita Maya. Antie membawa Maya ke Kuala Lumpur untuk mengembangkan bakatnya tanpa restu Ayah Soh dan Usin. Kemasyuran menjadikan Maya lupa diri dan Rose merasa iri hati terhadapnya.

Penerbit : Teknik Suria Sdn Bhd

Pengarah : Mahadi J. Murat

Pelakon : Ramona Rahman, Jalil Hamid, Zami Ismail, Mahmud

June, Imuda, Yalal Chin, Kartina Aziz

### \* Anugerah & festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor)

Sinematografi Terbaik - Zainal Othman

Anugerah Khas Juri - Penerapan Muzik Tradisional

Anugerah GAFIM - Poster Terbaik.

### \* XX RAY



Amir seorang pelajar pintar jurusan sains mempunyai masalah pergaulan terutama dengan Aishah yang diminatinya. Karim kaki buli sentiasa menghalang Amir mendekati Aishah kerana Karim juga meminati Aishah. Amir amat meminati astronomi. Amir dan Anuar bertolak ke Sarawak untuk menyiasat laporan tahi bintang yang jatuh di Sarawak dengan bantuan Encik Ismail.

Penerbit : Nizarman Sdn Bhd.

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Aziz M. Osman, Faizal Hussein, Nor Aliah Lee,

Sharmaine Farouk, Ibrahim Pendek, Edika Yusof

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-10, 1992

Skor Muzik Terbaik - Azman Abu Hassan

Pengarah Harapan - Aziz M. Osman

Anugerah Khas Juri - Penggunaan teknik kesan khas.

### \* YANG DISAYANGI

Ia mengisahkan seorang pelajar bernama Faridah atau Idah yang tertekan dengan perpisahan ibubapanya. Perpisahan itu turut memisahkan dia dengan ayah dan adiknya, Dino. Idah dan Dino turut bergaul dengan sekumpulan budak-budak punk di mana ketuanya juga menaruh hati terhadap Idah. Di masa yang sama, Idah berkenalan dengan seorang deejay radio bernama Azman. Ketika keluarga mereka sedang berpecah, Idah dan Dino mendapat perhatian daripada Azman.

Penerbit : Sabah Film Production

Pengarah : Deddy M. Borhan.

Pelakon : Tiara Jacqueline, Khairil Anwar, Maria Arshad, S. Sahlan, Shah Rezza, Mariani, Along Kamaruddin.

**1993**

**\*ABANG '92**

Imran bertanggungjawab sebagai penjaga kepada adik-adiknya , Adibah, Azura, Izam dan Azmah apabila kedua-dua ibu bapa mereka, Zainal Abidin dan Wan Atikah meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya. Pada awalnya, dia ingin menyerahkan tanggungjawab kepada Pak Long dan Pak Surya, tetapi menukar fikiran setelah mengetahui bahawa kedua-dua pakciknya selalu menyeleweng wang syarikat dan ingin menguasai syarikat bapanya. Dia meminta nasihat daripada peguam bapanya, Firdaus Wahidin bagi menyelesaikan masalah syarikatnya.

Penerbit : Wan Rohani Zin-ASA-XX Films Productions .

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Azhar Sulaiman, Deanna Yusoff, Rahim Razali, Zarul Albakri, Haliza Misbun, Mustapha.

**\* ANTARA GADIS**

Zarul, seorang mahasiswa dari keluarga miskin di kampung, bertungkus lumus belajar dan pada waktu yang sama cuba berniaga untuk menampung belanja di universiti. Zarul juga menghadapi dilema untuk memilih antara dua gadis, seorang lepasan universiti luar negara dan seorang lagi, Dila yang berlajar di universiti yang sama.

Penerbit : Yuzwan Wahid

Pengarah : Yuzwan Wahid

Pelakon : Yuzwan Wahid, Mas Anizan, Kamarool Yusof, Zarina Zainuddin, Wan Nor Azlin, Abu Bakar Omar.

**\* AZIZAH - THE LEGEND**

Cinta Azizah dan Ramli mendapat bantahan dan halangan daripada bapa Azizah. Aziz mengapi-apikan mereka kepada ayah Azizah. Ramli menganggap ini sebagai cabaran dan berazam memperisterikan Azizah. Dia bekerja di Singapura bagi mengumpulkan wang melamar Azizah. Lamaran Ramli masih ditolak oleh ayah Azizah.

Penerbit :

Pengarah : Arief Karmahani

Pelakon : Badrul Muhayat, Wafa Abdul Kadir, Khalid Salleh, Rosnani Jamil, Ebby Saiful, Sharifah Haslinda.

**\*Anugerah & Festival Filem :**


Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Khalid Salleh

Anugerah Khas Juri - Osman Abadi (Pemaparan Kehidupan Melayu Di Zaman Silam)

Pertandingan : Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-4, 1994 (Korea Utara).

### \* BALADA



Desa sayangkan ibunya dan sebidang tanah pusaka peninggalan arwah bapanya semasa dia membabitkan diri dalam politik tanah air. Desa sedar bahawa kalau tanah itu jatuh ke tangan orang, tiada ertinya hidup sebagai orang Melayu yang telah mewarisi Tanah Melayu ini. Desa perlukan wangnya untuk menebus balik tanah tersebut. Rakannya memberitahu bahawa tempat yang senang mendapatkan wang, terutama dengan bakat seperti Desa, ialah Kuala Lumpur untuk mencari kerja untuk menebus pergaulannya dengan masyarakat kota.

Penerbit : Adek Filem Production

Pengarah : Jins Shamsuddin

Pelakon : M. Nasir, Fauziah Ahmad Daud, Jins Shamsuddin, Kuza.

### \* CIKGU ROMANTIK



Azizah gadis kampung yang bekerja di Kuala Lumpur. Dia berkenalan dengan Ramli yang mengajar menyanyi. Wajah Azizah mirip dengan menantu Dato' Hamdan, Fariha yang telah meninggal dunia. Romzi cuba menjadikan Azizah menantu Dato' Hamdan. Tetapi Azizah mencintai Ramli. Ramli rela melepaskan Azizah. Azizah yang marah dan kecewa menerima anak Dato' Hamdan sebagai suaminya. Romzi memeras ugur Dato' Hamdan kerana membawa Azizah tetapi Dato' Hamdan enggan melayannya.

Penerbit:

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Os, Raja Ema, Mustapha Kamal, Jasmin Hamid, Z. Lokman

### \* FANTASI

Suatu masa di zaman silam, telah wujud syaitan bertubuh manusia bernama Silbi yang kebal dan berkuasa dengan hanya meminum darah anak dara setiap kali bulan purnama. Di antara mangsanya ialah Dara, yang dirogol dan dibunuh oleh Silbi di malam perkahwinan dengan Teruna yang juga dibunuh dengan kejam. Dara yang berikrar di mana rohnya tidak akan aman sekiranya kesuciannya dinodai selain daripada suaminya sendiri, kembali ke zaman sekarang di Kuala Lumpur untuk membala dendam serta menghancurkan Silbi yang kebal itu.

Penerbit : Teletrade Sdn. Bhd

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Faizal Hussein, Mustafa Kamal, Erma Fatima.

**Trivia** – Filem ini diharamkan penayangannya sehingga beberapa babak dipotong, ia kemudiannya ditayangkan pada tahun 1993.

### \* HANNY



Cinta Hanny dan Jeff dihalang oleh Dato' Mansor. Hanny pulang ke kampung dengan Faizal. Jeff memberontak apabila ayahnya tunangannya dengan Maria tanpa izinnya. Kakak Jeff, Sofea mengupah Sheila untuk mengintip Jeff dengan Hanny. Sheila terpikat dengan Jeff. Hanny kecewa lalu menerima pinangan Faizal. Adik Jeff cuba merapatkan hubungan Jeff dengan Hanny. Malangnya dia terbabit dalam kemalangan yang hampir meragut nyawanya.

Penerbit : JD Production Sdn Bhd

Pengarah : Yassin Salleh

Pelakon : Ruhil Amani, Hani Mohsein, Maria Farida, Zarina Zainuddin.

#### \* IMIGRAN



Hisham menghadapi tekanan jiwa akibat beban kerja dan rasa kecewa terhadap Azura, kekasihnya. Faridah seorang pendatang haram yang bekerja sebagai pembantu kedai menyaksikan satu kejadian rompakan di kedainya lalu menjadi buruan perompak-perompak itu. Faridah bersembunyi di dalam kereta Hisham dan dibawa balik ke kampung Hisham tanpa di sedari. Di kampung, hubungan mereka bertambah erat. Azura mengunjungi Hisham secara mengejut dan rasa cemburu melihat mereka. Azura menghilangkan diri. Hisham panik dan terus mencari Azura. Hisham menerima nota meminta menyerahkan Faridah jika mahu melihat Azura selamat.

Penerbit : Excellent Venture Sdn Bhd

Pengarah : Nahar Akbar Khan, Badaruddin Azmi

Pelakon : Imuda, Nanu Baharuddin, Sabri Yunus, Ahmad Busu, Rambo Chin, Noraini Hashim, Goh Kim Hoe, Nina Juren, Ruhil Amani, Mahmud June, Sharifah Haslinda, Sharifah Shahirah.

#### \* KEKASIH AWAL DAN AKHIR

Yusman yang dikurung oleh bapanya Dato' Alwi berkenalan dengan Maria anak perempuan Yahya, pemandu Dato' Alwi. Marlia mengajar Yusman tentang hidup di luar. Mereka berpisah apabila Dato' Alwi meninggal dunia dan Yusman menuntut di London. Mereka berikrar akan berjumpa semula. Persahabatan mereka terus terjalin. Marlia menipu Yusman dengan menyatakan dia bekerja sebagai pengurus sebuah bank di Kuala Lumpur. Marlia sebenarnya pekerja kilang milik Yusman. Bila mengetahui yang Yusman akan berada di Kuala Lumpur dan akan mencarinya, Marlia terpaksa meneruskan penipuan dengan pelbagai cara.



Penerbit : Rusli Harun-Finartis Production Sdn Bhd

Pengarah : Zulkeflie M. Osman

Pelakon : Jamal Abdillah, Sofia Jane, Zizie Ezette, Cico

Harahap, Imuda, Azwan Ali, Osman Zailani.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor) - Anugerah : Pelakon Harapan - Zizie Ezette.

#### \* OPS BELANTARA



Satu sindiket usaha pembalak Amerika merancang menghancurkan industri pembalakan di Asia Tenggara bagi memperkuatkan penguasaan mereka. Rancangan ini dilaksanakan dengan menggunakan sejenis virus VX2000 yang merosakkan mutu balak. Thomas di hantar untuk tinggal bersama orang asli unutk mempengaruhi mereka menyokong usaha jahat itu dengan berkerjasama dengan sindiket tempatan yang diketuai oleh Johan. Sindiket ini dikesan oleh pihak berkuasa yang menghantar pasukan khas bagi membanteras kegiatan mereka.

Penerbit : Sunny Lim-unny Film Corporation Sdn Bhd

Pengarah : Rodzee Razak

Pelakon : Fauziah Ahmad Daud, Eman Manan.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor)

Anugerah : Penataan Bunyi Terbaik - Sunny Film Corporation.

### \* PEMBURU BAYANG

Zamri seorang bekas banduan mahu memulakan hidup baru dengan anak dan isterinya.



Malangnya, Zamri kini menjadi buruan sebuah kumpulan haram yang diketuai oleh Ramon. Sementara itu, adik Zamri bernama Awie merupakan seorang penyanyi kumpulan rock popular dan tinggal bersama ayah mereka, pesara tentera bernama Ahmad. Awie mempunyai hubungan cinta dengan Ella yang juga seorang penyanyi rock. Namun begitu, kemunculan peminat setia Awie bernama Ruby meretakkan hubungan Awie dengan Ella. Apabila Awie dan Ruby ditangkap atas tuduhan berkhawatir, hubungan Awie dan Ella terus putus.

Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Awie, Ella, Shaharuddin Thamby, Erma Fatima, Yusof Haslam, Raja Azura, Malek Noor, A. Galak, Joe (Wings), Eddie (Wings), Jojet, Roy Azman.

### \* TriviA

Filem pertama lakonan Awie.



### \* SENGKETA CINTA

Amir anak orang kaya Datuk Ali sering gagal dalam bidang perniagaan. Ayahnya hilang kepercayaan kepadanya. Suatu hari Amir ditipu oleh Malik, kawan persekolahannya yang sebenarnya ahli kumpulan jahat. Amir kecewa dan bertekad untuk membala dendam. Sheila, kekasih Malik menjadi saksi utama dalam semua penipuan. Amir memikat Sheila untuk membongkar semua rahsia Malik. Malik mula memburu Amir. Malik dan sindiketnya tumpas. Amir membawa Sheila untuk diperkenalkan kepada ibu

dan bapanya.

Penerbit : Ratu Dewi Bayu Communications

Pengarah : Sabree Fadhil

Pelakon : Sabree Fadhil, Noralbaniah, Os, Hussein Abu Hassan, Ira Faridah.

### \* PEREMPUAN, ISTERI DAN ...?



Zaleha mengawini Amir tetapi melarikan diri pada hari perkahwinannya. Amir kemudian menjejakki Zaleha dan suaminya yang baru Jalil. Perkahwinan kerana cintanya hancur apabila Amir membunuh suaminya. Zaleha diperkosa oleh Amir dan kemudian menjualnya dengan harga RM6. Selama 6 bulan Zaleha bergelumang dengan dosa, menjualkan tubuhnya dan tempoh masa itu sudah cukup melahirkan seorang wanita baru dalam diri Zaleha. Amir kembali mengugut Zaleha, dendamnya masih membara. Takdir menentukan mereka akhirnya berkahwin juga setelah ditangkap basah semasa berhenti rehat di sebuah hotel.

Penerbit : Berjaya film Productiopn Sdn. Bhd.

Pengarah : U. Wei Hj.Saari

Pelakon : Sofia Jane, Nasir Bilal Khan, Yusof Mohamad, Norma Damanhuri dan Zaidi Omar.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor)

Filem Terbaik

Pengarah Terbaik - U-Wei Saari

Pelakon Lelaki Terbaik - Nasir Bilal Khan

Cerita Terbaik - U-Wei Saari

Lakonlayar Terbaik - U-Wei Saari

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Mencuit Minda

Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-4, 1994 (Korea Utara) Anugerah : Tiada

\* **TriviA** Proses pembikinan mengambil masa hampir setahun (3 bulan pra-produksi, 7 bulan penggambaran). Petikan daripada filem ini ditayangkan di Festival Filem Cannes '95 bersama-sama filem Kaki Bakar dan petikan telefilem Aku Raja Gunung Ini. Dua adegan yang tidak diluluskan: Zaleha dan Amir berkahwin di balai polis; Tapa mengintai Zaleha sedang mandi berkemban.Empat adegan yang diluluskan semula setelah membuat rayuan : Adegan membabitkan pelakon lelaki berambut panjang. Antara adegan yang ditapis: Zaleha membuat 'nasi kangkang'.

### \* TARIK-TARIK

Nordin seorang pesara ingin menjadi jutawan dengan mudah. Ripin mencadangkan supaya dia berjumpa dengan Wak Radiman, seorang bomoh. Pada suatu malam ketika upacara memanggil 'duit tarik' di adakan. Duit bernilai berjuta-juta ringgit muncul.

Nordin mengambil duit tersebut tetapi bomoh mengenakan pelbagai syarat iaitu duit tersebut tidak boleh dikeluarkan dalam tempoh seminggu. Bermacam-macam syarat lain dikenakan tujuan untuk mencuri duit tersebut.


Penerbit : MJSR Filem Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : M.Jamil

Pelakon : Sarimah, Aziz Satar, Raja Ema, Zarina , Zainuddin, Jaafar Onn, Kuswadinata, Norlia Ramli, Zara Ibrahim.

**1994**

### \* BLACK WIDOW - WAJAH AYU



Sebuah kisah tragis seorang ibu bernama Aton yang cuba menghalang peristiwa serupa yang menimpa dirinya daripada terjadi kepada anak perempuannya, Mas Ayu. Mas Ayu adalah anak luar nikah hasil hubungan sulit Aton dengan Agus, seorang pemuda misteri yang pernah muncul dalam hidup Aton. Mas Ayu, seorang pramugari dan berkawan dengan ramai lelaki tetapi seorang demi seorang lelaki yang didampinginya menemui ajal secara misteri, sama seperti Pak Dek dan Dollah yang juga mati kerana Aton. Aton berusaha mengubati Mas Ayu menggunakan ubat kampung.


Penerbit : HW Entertainment Design & Production

Pengarah : U-Wei Saari

Pelakon : Misbun Sidek, Hashimah Yon, Puteri Salbiah, Zaidi Omar, Nurul Jasmin, Mas Ayu, JD Khalid, Rashsid Sidek, Foo Kok Keong & Jalani Sidek.

### \* FEMINA

Tina dan Anita adalah rakan karib yang bertanggungjawab menerbitkan majalah bulanan Femina bagi mewakili suara wanita yang menuntut hak saksama daripada kaum lelaki. Walau pun perjuangan mereka sama tetapi matlamat mereka berlainan. Tina mempunyai alasan yang kukuh untuk bangun mempertahankan pendiriananya berdasarkan sejarah pahit masa silamnya. Anita pula lebih berminat untuk mendedahkan dirinya sebagai hero masyarakat. Ideologi mereka ditentang keras oleh sebahagian masyarakat khususnya kaum lelaki, namun mereka tetap berani menghadapi rintangan dan cabaran.



Penerbit : V.N.Raj (SV Production Sdn. Bhd).

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Eman Manan, Erma Fatima, Susan Lancaster, Din Glamour, Azman Abu Hassan.

### \* JERITAN BATINKU

Fauziah, anak yatim piatu didera oleh ibu saudaranya Ramlah. Fauziah meninggalkan rumah dan lari ke bandar. Latif seorang ahli perniagaan membawa Fauziah ke rumahnya tetapi tidak disenangi anak Latif, Mahani. Ramlah mengalami tekanan jiwa dan menjadi gila kerana merasa berasa bersalah terhadap Fauziah.

Penerbit : Ariff Skop Productons

Pengarah : Arief Shah


Pelakon : Aziz Jaafar, Rosnah Mat Aris, Normah Damanhuri, Noralbaniah, Adik Puteri Normaria.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Pertandingan : Festival Filem Malaysia ke-11, 1994 (Johor)

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Puteri Normaria.

### \* PANGGILAN PULAU



Ia mengisahkan Zul bercinta dengan Jelita tetapi dihalang oleh abang Jelita Johan sehingga suatu hari Zul dicaci oleh abang Jelita bersama rakannya Husin. Akibat daripada itu, Zul membawa diri menjadi kelasi kapal sehingga Zul terdampar di pantai Pulau Kazambo. Di pulau itu Zul berjumpa dengan Melati anak kepada penghulu Pulau Kazambo dan membantu membawa pulang harta Pulau Kazambo kepada penghulu. Lama kelamaan Zul memutuskan untuk mencari Jelita semula tapi malang nya Jelita sudahpun berkahwin dengan Husin. Filem ini diadaptasikan dari filem asal Panggilan Pulau terbitan tahun 1954.

Penerbit : Studio Jalan Ampas Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Fauzee

Pelakon : Ahmad Fauzee, Sharmaine Farouk, Lyana Sulaiman, Jalaluddin Hassan.

### \* PUTERA



Raja Hussain pewaris taktha kerajaan nusantara tidak mahu di jodohkan dengan sepupunya. Puteri Balkis. Sultan Muhammad, ayahandanya Raja Hussain, memberinya tempoh 30 hari sahaja untuk mencari bakal isteri. Raja Hussain menyamar sebagai rakyat biasa dan bertemu dengan Wan Nurani, petugas firma yang mengendalikan pertunjukan pentas untuk tabung anak yatim. Raja Hussain tartarik dengan Wan Nurani. Keduanya saling mencintai tetapi percintaan mereka mendapat halangan daripada ayahanda Puteri Balkis.

Penerbit : JD Production

Pengarah : Zulkifli M.Osman

Pelakon : Jow Wings, Eddie Wings, Jojewt Wings, Osman Zailani, Jaafar Onn, Erma Fatima, Vaneeda Imran, Raja Norbaizura.

### \* SEMBILU



Filem ini mengisahkan kisah cinta antara penyanyi rock terkenal, Awie, dengan kekasihnya Wati yang dihalang oleh abang Wati. Pada waktu yang sama seorang lagi penyanyi, Ziana, meminati Awie dan membuat apa sahaja bagi memikat hati Awie.

Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd .

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Awie, Erra Fazira, Ziana Zain, Mustapha Kamal, Aida Rahim, Khairil Anwar, Alice Voon, Roy Azman, Noraini Hashim.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Anugerah : Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Mustapha Kamal

\*TriviA - Drama bersiri Sembila telah diterbitkan pada tahun 2003 dan ditayangkan di TV2.

### \* SIMFONI DUNIAKU



Iskandar yang bekerja dengan ayahnya Dato' Rahim seorang ahli perniagaan adalah seorang yang suka menghabiskan masanya dengan berfoya-foya. Ramli, rakan kongsi Dato' Rahim bercadang ingin menjodohkan anak gadisnya Rita dengan Iskandar. Beliau berniat untuk membolot harta Dato' Rahim jika anaknya berkahwin dengan Iskandar. Suatu hari, Aziz rakan karib Dato' Rahim ke rumahnya untuk menumpangkan anaknya Zuraida kerana beliau hendak ke Mekah. Iskandar terpikat dengan Zuraida dan menjalinkan hubungan mesra. Perhubungan ini tidak disenangi oleh Ramli. Beliau kemudiannya memaklumkan kepada Dato' Rahim bahawa Iskandar suka berfoya-foya dengan Zuraida. Tanpa banyak soal Dato' Rahim menghalau Zuraida.

Penerbit : VN Raj-SV Productions Sdn Bhd

Pengarah : Aziz Satar

Pelakon : M. Nasir, Fauziah Ahmad Daud, Norazah Aziz, Accapan, Aziz Satar, Latiff Ibrahim, Normah Damanhuri, Hashim Abdul Rahman, Z. Lokman.

## 1995

### \* AWAS



Norman tidak berkesempatan untuk menyatakan cintanya pada Amelia ketika berpisah di Jakarta. Di Kuala Lumpur, Norman belajar di Akademi Seni Suara dan berkawan rapat dengan Yusry dan Edry. Ketika satu persembahan di sebuah kelab malam, Irwan dibunuh oleh dua warga asing yang mencari sekeping disket yang secara tidak sengaja di ambil Norman. Yusri terbabit di dalam konflik antara Sheila dan kekasihnya Roy. Manakala Edry pula terbabit dengan pemuda 'gay'. Norman mendapat tahu disket tersebut menyimpan tentang bahan nuklear.

Penerbit : Anita Rafar-Medanmas Sdn Bhd

Pengarah : Abdul Aziz Razak

Pelakon : Norman (KRU), Yusry (KRU), Edry (KRU), Linda Rafar, Liena Hangat, Edika Yusof, Jalaluddin Hassan, Aznah Hamid, Rozie Othman, Kartina Aziz.

### \* AMOK



Amok bertolak dari tiga watak yang berhubungan dan juga bersifat kontras iaitu Wan Man, pemuda kampung yang pernah belajar ilmu silat. Dia kemudian terperangkap dalam perhubungan cinta dengan seorang wanita Amerika, Natalie - seorang sukarelawan dari American Peace Corp yang memperlengkapkan kajian Ph.Dnya tentang *Malay Psychic*. Natalie digambarkan sebagai gadis yang bebas, sebahagian dari Flower Generation -Woodstock dan mengamalkan seks bebas. Manakala Ram kawan sekampung Wan Man yang turut mengamalkan seks bebas. Filem ini berlatarkan tahun-tahun awal 1970-an, era yang dipengaruhi kehidupan ala hippies, muzik rock, dadah, protes perang Vietnam oleh generasi muda Amerika, dan Woodstock di Amerika. Budaya tradisi yang diamalkan oleh Wan Man dikejutkan oleh pertembungan dengan budaya liar yang dibawa oleh Natalie.

Penerbit : Ruhani Abdul Rahman, Abdul Raouf Abdul Rahman

Pengarah : Adman Salleh

Pelakon : Nasir Bilal Khan, Ramona Rahman, Hans Isaac, Rosnani Jamil, Yusof Mohammad, Johan Abdullah, Latif Borgiba, Ebby Yus.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Anugerah : Suntingan Terbaik - Mariam Ibrahim

1st South-East Asian Biennial Film Festival, 1997 (Phnom Penh).

Festival Filem Antarabangsa Singapura, 1997. Anugerah : Tiada Penyertaan:

Festival Filem Bangkok, 1998 (Thailand)

Festival Filem Antarabangsa Hawaii ke-17, 1997 (USA).

\* **Trivia** Versi asal Amok telah diharamkan tayangannya di Malaysia. Pengharaman filem ini ditarik balik selepas melalui proses suntingan semula.

### \* BISIKAN CINTA



Johari memiliki segala kemewahan daripada ibunya. Kerana terlalu menginginkan seorang menantu, ibunya mengadakan perjumpaan dengan gadis-gadis supaya anaknya dapat membuat pilihan. Ibu Johari berkenan dengan seorang gadis, Ros yang dianggapnya paling sesuai untuk Johari. Johari mengambil keputusan berlayar seorang diri untuk menjauhkan diri daripada Ros tetapi Ros berjaya mengekorinya. Johari tidak dapat mengelakkan diri dan terpaksa menghabiskan masa bersama Ros di atas kapal tersebut. Malangnya Johari terjatuh ke dalam laut dan dihanyutkan ke sebuah perkampungan berdekatan. Bermulalah kehidupan baru Johari yang telah diselamatkan oleh Ayu, seorang gadis kampung. Johari mula menaruh hati terhadap Ayu tetapi cinta mereka dihalang oleh ibu Ayu yang cerewet dan tidak sukaan orang luar.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Sahib Selamat

Pelakon : Azhar Sulaiman, Maria Farida, Accapan, Norlia Ghani, Hamidah Wahab, Lily Patra, Dion Bakar, Dian P. Ramlee.



#### \* CINTA KITA

Tita tidak lagi mempercayai lelaki setelah dikecewakan oleh Remy. Tita mengubah imejnya menjadi seorang tomboy sepetimana watak dalam novel yang dibacanya. Pertemuan dengan Arman, penulis novel yang diminatinya membuka hatinya semula. Perhubungan mereka bertambah intim dan timbul rasa cinta di antara mereka. Amran cuba membentuk semula imej Tita. Kemunculan Remy menimbulkan konflik cinta mereka.

Penerbit : Berjaya Film Production

Pengarah : Kamal Ishak

Pelakon : Sofia Jane, Aman Graseka, Fauzi Kamaruddin, Sharifah Shahirah, Ismail Hutson, Fetty Dzul, Mariati Hussin, Nasrizal Ngasri, Aleeza Kassim, Kumpulan Amigos.



#### \* CINTA ROSEVILLA

Tuan Rahmat diberi layanan istimewa bersama isteri mudanya, Azlina di Rosevilla. Tujuannya ialah untuk mendapatkan modal dari Tuan Rahmat untuk meningkatkan lagi perniagaan Rosevilla. Perkahwinan kedua Tuan Rahmat diketahui oleh isteri pertama, Rashimah. Rosevilla menjadi huru-hara apabila Rashimah muncul.

Penerbit : Freelance Services Sdn. Bhd.

Pengarah : Johari Ibrahim

Pelakon : Shereen, Zami Ismail, Maria Kamal, Rosnani Jamil.



#### \* DEBU-DEBU KASIH

Suzana kelulusan muzik mengikut kawannya Linda bercuti di kampungnya di Terengganu. Suzana berkenalan dengan Hasan. Hasan dan Mamat suka berpeleseran. Hasan seorang penagih dadah. Kerana simpati, Suzana mencari peluang pekerjaan untuk Hasan dalam bidang muzik. Dengan bantuan ayah Suzana, Hasan dapat merakamkan album dan menjadi penyanyi pujaan. Suzana merasa cemburu apabila Rozie sentiasa bersama Hasan. Rozie sebenarnya pegawai polis yang sedang mengikut gerak geri Hasan.

Penerbit : Pansha, Rosyam Nor-Berjaya Filem Production.

Pengarah : Pansha

Pelakon : Sham (Visa), Aida Aris, Raja Azura, Rosli Rahman Adam, Osman Zailani, Mariati Hussin.

### \* **JIMI ASMARA**



Konsert Jimi Asmara mendapat sambutan hebat dan menjadi kenangan kepada Engku Noraini kerana dapat bertemu penyanyi kesayangannya. Ketika yang sama, Jimi Asmara sedang dilamun cinta dengan Sabariah, seorang penyanyi kelab malam. Bintang Jimi Asmara semakin pudar apabila era Pop Yeh Yeh menguasai arena muzik tempatan. Orkes Bintang Biru di bawah pimpinannya menghadapi krisis, begitu juga cintanya pada Sabariah. Apabila Jimi Asmara berkeras mahu mengekalkan identitinya, dengan sendiri Bintang Biru berpecah. Dalam kemelut ini, Engku Noraini muncul sebagai penyelamat dan penenang jiwa Jimi Asmara. Perhubungan mereka dihalang oleh Engku Sulaiman (tunangan Engku Noraini), dan keluarganya.

Penerbit : Erma Fatima-BNE Studio Sdn Bhd, Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : Erma Fatima

Pelakon : Hani Mohsein, Maizurah Hamzah, Jalaluddin Hassan, Rosyam Nor, Umie Aida, Wan Maimunah, Zainol Mc Wilson, Sulaiman Yassin, Azhar Sulaiman, Raja Azura, Sofia Jane.

**\*Anugerah & Festival Filem :** Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Anugerah : Penataan Seni Terbaik - Badaruddin Azmi & Shamsul Kamal

Pelakon Harapan - Maizurah Hamzah

Anugerah Khas Juri - Penggarapan Tata Busana

**\* TriviA** Filem pertama arahan Erma Fatima.

10 minit pertama filem ini dibuat dalam bentuk hitam putih.

### \* **JOHNNY BIKIN FILEM**



Johnny, seorang anak muda dari kampung yang menjadi ketua gangster yang berpengaruh di Singapura dalam tahun 1950-an. Ketika itu dunia filem Melayu dikuasai oleh kapitalis Cina dari Hong Kong, dan gangsterisme menjadi sebahagian daripada pelengkap sosial zaman itu. Johnny dengan kekayaan dan pengaruhnya berhasrat membeli studio filem di Singapura setelah menjalankan hubungan cinta dengan salah seorang primadona filem Melayu.

Penerbit : Universiti Malaya

Pengarah : Anuar Nor Arai

Pelakon : Zack Idris, Erma Fatima, Wafa Abdul Kadir, M. Amin, Jalaluddin Hassan, Omar Rojik.

**\*TriviA** Pembikinan filem ini mengambil masa setahun untuk disiapkan sepenuhnya.

Filem ini tidak ditayangkan di pawagam

### \* KAD CINTA



TK, seorang graduan mencintai Julia, pelajar universiti di Istanbul. Mereka bertemu di lapangan terbang Istanbul. TK bekerja menghantar surat bagi menampung belanja kajianya. Ketika menghantar bungkusan ke Apartment Putri, TK bertemu kembali Julia. TK memperkenalkan dirinya kepada Julia di pusat karaoke setelah dicabar oleh Zul. Julia sering menerima kad misteri. Setelah selesai pengajian. Julia terkejut melihat TK menunggu di lapangan terbang Istanbul. Akhirnya terbongkar rahsia pengirim misteri itu.

Penerbit : Julie Dahlan

Pengarah : Julie Dahlan

Pelakon : Hairee Othman, Nasha Aziz, Badrul Muhyayat, Sham Visa, Ziema, Janet Khoo.

### \* KAKI BAKAR



Kakang, seorang perantau yang berasal dari Jawa, Indonesia berusaha untuk memupuk nilai-nilai tradisi keturunan Jawa kepada anaknya Kesuma. Kakang bertindak sedemikian setelah sering memerhatikan eksplorasi yang wujud akibat daripada jurang sosial yang berbeza. Reaksi Kakang itu telah membawa pengaruh yang besar kepada anaknya Kesuma.

Penerbit : U-Wei Saari, Tini Arshad

Pengarah: U Wei Haji Shaari

Pelakon : Khalid Salleh, Nasrilzal Ngaseri, Kuswadinata, Anwar Idris, Azizah Mahzan, Jamaluddin Kadir, Kamarool Yusof, Ochee, Liza Rafar, Azmi Suhaimi, JD Khalid.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke-17, 1995 (Belgium)

Anugerah : Filem Terbaik (kategori bahasa asing) - U-Wei Saari

1st South-East Asian Biennial Film Festival, 1997 (Phnom Penh)

Anugerah : Anugerah Khas Juri

Festival Filem Antarabangsa Jakarta, 1999

48th Cannes Film Festival, 1995 in France (non-competitive category - UnCertain Regard).

Sundance Channel Film Festival, 1995 (New directors/New films selection).

25th New Directors/New Films Festival, 1996.

16th Hawaii International Film Festival, 1996 (USA).

1st Pusan International Film Festival, 1996 (South Korea).

Fukuoka International Film Festival, 1996 (Japan).

### \* KECIL-KECIL CILI API / 1995

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995 - Kuala Lumpur

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Amirul Nizam.

\* Anugerah Skrin TV3 ke-2, 1997

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Amirul Nizam.

\* Anuar tidak menyedari anaknya, Abadi, 10 tahun, diculik oleh Muthu dan Misai sewaktu membeli belah bersama anak gadisnya Azreen. Abadi dibawa ke utara dan disembunyikan di sebuah rumah bersama dua orang kanak-kanak, iaitu Loloi dan Mei Mei. Ketiga-tiga kanak-kanak ini mendapat tahu mereka akan dibawa menyeberangi sempadan untuk dijual. Mereka berjaya melarikan diri. Beberapa insiden mencemaskan berlaku

apabila kumpulan penjahat itu mahu menangkap

Mereka semula.

Penerbit : Rosnani Jamil-RJ Filem Sdn Bhd

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Zulkifli Zain, Watie (Res 2), Umie (Res 2), Adik Amirul Nizam.

### \* PENYU

Kisah tentang empat orang pemuda, Yan, Abu, Yus dan Man. Mereka diupah oleh pakcik mereka Chal untuk menjadi pemandu pelancong. Suatu hari, tiba sekumpulan penunggang motosikal yang diketuai oleh Wazir, bekas anggota tentera. Wazir dan anaknya Wati mengambil keputusan untuk membantu Yan dan kawan-kawannya untuk mempromosikan Chal's Chalet.

Walau bagaimanapun, rancangan mereka diganggu oleh Coppola, seorang ahli perniagaan yang inginkan Chal's Chalet. Perniagaan Chal mula merosot dan Coppola akhirnya dapat mengambil alih tempat itu. Chalet itu dijadikan sebuah kelab eksklusif yang sebenarnya merupakan topeng untuk melindungi kegiatan menyeludup pelacur ke luar negara. Wazir dan kumpulannya cuba menghalang kegiatan Coppola tetapi malangnya mereka terperangkap!

Penerbit : Televisual Sdn. Bhd., Penglipurlara Sdn. Bhd.

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Yantzen, R.Jaffar, Susan Menon, Jaffar Onn, Kumpulan May, Ajeeb Sani Tyson.

### \* PESONA CINTA

Hitam seorang peniaga pasar malam serta penyeludup rokok. Dia bersama Akop dan Derus selalu berpoya-poya di Kelab Dangdut. Di sana Hitam menjalin perhubungan dengan Mammy dan Ina serta ramai GRO perempuan yang tertarik dengan bakat menarinya. Di sana juga Hitam bertemu Juita dan terpesona dengan paras rupa dan tariannya. Hitam berazam memiliki Juita yang menolak kehadiran lelaki kerana kecewa dengan sifat Karim. Jadi bertemulah dua insan. Sementara itu, Karim selalu mengganggu Juita. Suatu malam, Hitam membela Juita tetapi langkahnya tidak dihargai Juita. Ego Hitam terusik dan dia mula bermusuhan dengan Karim. Karim membala dendam dan mencederakan Hitam sehingga parah. Ini mendatangkan simpati dari Juita. Persahabatan mereka berubah menjadi cinta tetapi Mammy dan Ina berasa cemburu.

Penerbit : Medanmas

Pengarah : Arief Karmahani

Pelakon : Shahruddin Thamby, Nasir Bilal Khan, Ida Nerina, Azlina Rafar.



### \* RED HAIR TUMBLER DI MALAYA



#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995 - Kuala Lumpur  
 Anugerah Khas Juri - Usaha Penggarapan Masyarakat Majmuk.  
 \* Tom tinggal di Malaya bersama bapanya seorang paderi.  
 Semasa Perang Dunia Ke 2, ibubapa Tom terbunuh dan Tom  
 dipelihara oleh neneknya yang berketurunan Cina. Setelah  
 neneknya mati, Tom menyara hidupnya sendiri. Chow dari  
 Taiwan berpisah dengan kekasihnya, Lily untuk mencari

pekerjaan di Malaya. Selepas perang tamat, Lily menjadi ketua persembahan akrobatik  
 dan berpeluang mencari Chow. Deen Mohd terpikat dengan Lily tetapi Lily tidak  
 membalas. Patrick membuat kecoh dalam satu persembahan tetapi dapat diatasi oleh  
 Tom dan Tat Meng. Patrick membawa polis untuk mengeledah rumah Deen Mohd atas  
 tuduhan dia menggelapkan wang syarikatnya. Lily akhirnya bertemu dengan Chow  
 namun kecewa bila mengetahui bahawa Chow telah berkahwin dengan Malik.

Penerbit : Produksi Seni Duapuluh-Duapuluh Sdn Bhd.

Pengarah : Eddie Pak

Pelakon : Elaine Kang, Shima, Ahmad Fauzee, Ong Soo Han, Os ,Corey Felino,Wilson Ting, Carol Low.

### \* RINGGIT KASORRGA



Meera pemilik agensi membekalkan model ke Kasorgga untuk  
 bayaran yang lumayan. Meera menjalinkan hubungan dengan  
 Dato' Shah seorang pemimpin dan ahli perniagaan. Nina cuba  
 membantu gadis-gadis terpedaya di Blaze. Meera mengharapkan  
 kesetiaan Khal untuk mengambilnya sebagai isteri, namun Khal  
 tartarik dengan Nina. Nina mengetahui gadis-gadis menjadi  
 pelacur. Nina dan Khal terus memperjuangkan kebenaran.

Penerbit : Shuhaimi Baba, Aida Fitri Buyong-Pesona Pictures  
 Sdn Bhd, Mural Productions & Design.

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : Deanna Yusoff, Tiara Jacquelina, Almeera Almeida,  
 Hans Isaac, Zaidi Omar, Hani Mohsein, Jalaludin Hassan, Firuz  
 Zamri.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Pelakon Wanita Terbaik - Tiara Jacquelina

Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke-19, 1997 (Focus on Malaysian Cinema).

### \* SAMA TAK SERUPA



Filem ini merakamkan ragam hidup pelajar-pelajar dan seorang  
 guru di sebuah kolej. Cikgu Don ialah seorang wanita menyamar  
 sebagai guru lelaki. Terdapat pelajar perempuan yang terpikat  
 dengannya. Pelajar-pelajar perempuan di kolej ini menghadapi  
 bahaya daripada sindiket menjual wanita yang diketuai oleh  
 Johan.

Penerbit : Daya Pentas Sdn Bhd

Pengarah : Zaaba Nordin

Pelakon : Affa (Nico), Sasha (Elite), Aznil Nawawi.

### \* SEMBILU II



Selepas peristiwa yang berlaku dahulu, Azman dibicarakan dan dijatuhi hukuman penjara dua tahun kerana kesalahannya mengupah orang membakar rumah Awie. Wati menamatkan pengajiannya di universiti dan mula bekerja sebagai pengurus di syarikat arwah ayahnya. Dalam masa yang sama, hubungannya dengan Awie terus berjalan. Mereka merancang untuk melangsungkan pertunangan, namun kesibukan masing-masing menyebabkan rancangan itu sering tertangguh.

Penerbit : Grand Brilliance/ Skop Productions Sdn Bhd.

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Awie, Erra Fazira, Ziana Zain, Mustapha Kamal,

Khairil Anwar, Alice Voo, Noraini Hashim.

#### **Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke 12,1995

Anugerah GAFIM - Filem Box-Office

\*TriviA - Filem ini membuat kutipan jualan tiket paling tinggi sepanjang zaman.

### \* SAYANG SALMAH



Filem ini berlatarbelakangkan kehidupan masyarakat Melayu sekitar tahun 1955-1960 yang cuba mengungkapkan erti cinta pada bangsa dan negara. Keadaan ini diungkapkan menerusi keluarga Mr. Jabar dan isterinya Dasimah dalam mendidik anak-anak mereka iaitu Hassan dan Salleh. Hassan bergiat dalam bidang politik, malangnya kegagalan dalam bidang politik dan kematian Mr. Jabar membuatkan Hassan menjadi hilang akal dan menghidap 'schizophrenia'. Sementara itu, Salleh terus membesar dan menjadi pemuda yang bebas. Dia sering keluar rumah, berhibur di kabaret lalu berkenalan dengan seorang perempuan joget bernama Salmah. Mereka akhirnya berkahwin dan Hassan semakin terabai apabila Salleh dan Salmah berpindah ke rumah lain, dan Dasimah pula semakin tenat setelah kakinya tertusuk sembilu buluh.

Penerbit : Perkasa Filem Sdn Bhd

Pengarah : Mahadi J. Murat

Pelakon : Sidi Oraza, Azhar Sulaiman, Norish Karman, Jalaluddin Hassan, Fauziah Nawi.

#### **\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Filem Terbaik - Perkasa Filem Sdn Bhd

Pengarah Terbaik - Mahadi J. Murat

Pelakon Lelaki Terbaik - Sidi Oraza; Cerita Terbaik - Mahadi J. Murat

Lakonlayar Terbaik - Mahadi J. Murat

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Fauziah Nawi

Anugerah GAFIM - Poster terbaik

Anugerah Skrin TV3 Pertama, 1996

Filem Terbaik - Perkasa Filem Sdn Bhd

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Azhar Sulaiman

Festival Filem Asia Pasifik ke-41, 1996 (Auckland, New Zealand)

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Sidi Oraza

Kuala Lumpur World Film Festival, 2003

Filem Tema Kemanusiaan Terbaik - Mahadi J. Murat

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-9, 1996.

Festival Filem Bebas Antarabangsa Brussels ke-19, 1997

Penyertaan: Hong Kong International Film Festival, Nairobi Film Festival, Venezuela

Film Festival, Deauville Film Festival (France).Asean Film Week (Jogjakarta).

Asian Film Week (Morocco).

**\* XX RAY II**




Sebuah satelit geostationary berlaga dengan meteorite di kawasan orbit bumi dan mengalami kerosakan teknikal. Johan, seorang saintis pelatih di Pusat Sains mengaku mencipta sebuah mesin 'laser disposal', walhal idea projek itu ialah dari Tina juga seorang saintis pelatih. Tina meminta pertolongan Amir, seorang Astronomi muda untuk membantunya mematahkan niat jahat Johan yang berura-ura menggunakan mesin itu untuk motif jahat. Penerbit : Ruhani Abdul Rahman, Abdul Raouf Abdul Rahman. Pengarah : Aziz M. Osman Pelakon : Aziz M. Osman, Lydiawati, Ida Nerina, Jalaluddin Hassan, Osman Kering, Azmil Mustapha.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-12,1995  
Anugerah Khas Juri 1 - Usaha tampil dimensi baru teknik dan kesan bunyi  
Anugerah Khas Juri 2 - Usaha kembangkan imaginasi sains fiksyen.

## 1996



**\* AMELIA**

Amelia berkenalan dengan Fandy. Kalsom ibu Amelia mahu menjodohkan Amelia dengan Jefry, anak sepupunya tetapi dihalang oleh ayahnya. Aminuddin, ayah Amelia menemui Fandy dan menceritakan segala dan berharap Fandy dapat mengahwini Amelia.

Penerbit : RJ Filem Sdn Bhd  
Pengarah : Rosnani Jamil  
Pelakon : Joe (Wings), Ruhil Amani, Azean Irdawaty, Eizlan Yusof, Jasmin Hamid, Aziz Singah, Ann Abdullah, Raja Nor Baizura, Hussein Abu Hassan, Salmah Ibrahim, Sazali Khan, Hamid Gurkha.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997  
Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Azean Irdawaty  
Anugerah Khas Juri - Penonjolan nilai masyarakat penyayang.

**\* CINTA METROPOLITAN**

Haris dengan tidak sengaja bertemu adiknya, Irwan dalam satu majlis makan malam. Mereka berkenalan dengan Azlin setelah berjaya menangkap pencuri beg tangannya. Irwan sebenarnya adalah seorang kaki perempuan yang cuba mencari perhatian Azlin, walaupun dia mempunyai sugar mummy bernama Monisa. Haris kurang senang dengan sikap adiknya, terutama apabila kekasihnya Nurul turut digoda oleh Irwan.  
Pengarah : Zulkeflie M. Osman  
Pelakon : Norman (KRU), Yusry (KRU), Edry (KRU), Vanida Imran, Emylia Rosnaida, Jalaluddin Hassan, Noreen Noor, Sheila Mambo, Nana Nurgaya.

**\* EMAS MELAYU**

Penerbit : Raja Azmi-HW Entertainment  
Pengarah :  
Pelakon : Umie Aida, Hattan, David Chan.  
**\* TriviA** - Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.



### \* IMPIAN



Yazmin, gadis remaja yang kehilangan ibu kandung, dihalau keluar oleh ayahnya yang terlalu menuruti kehendak ibu tirinya. Untuk menampung kehidupannya, Yazmin bekerja sebagai penyanyi kelab malam dan pada waktu yang sama menghadapi masalah hubungan cinta dengan kekasihnya yang curang. Yazmin kecewa dengan kehidupannya lalu mengambil keputusan berhijrah ke Cameron Highlands untuk menemui bapa saudaranya. Malangnya, bapa saudaranya itu sudah berpindah ke tempat lain. Yazmin mendapat kerja sebagai jururawat peribadi kepada Tuan Zahari yang menghidapi penyakit jantung dan juga anak kepada seorang tokoh korporat, Tan Sri Azman.

Penerbit :

Pengarah : AR Sulaiman

Pelakon : Amy Mastura, Azhar Sulaiman, Aziz Singah, Rosnah Mat Aris, Hamid Gurkha.

### \* LITAR KASIH



Hisyam, seorang mekanik motosikal yang bercita-cita menjadi seorang pelumba motosikal profesional. Hisyam amat menyayangi Mira dan selalu menasihati Mira supaya jangan selalu membuang masa dengan bersuka-ria. Mira ialah seorang pelajar nakal dan sering bergaul dengan kumpulan budak jahat. Hubungan Hisyam dan Mira digangu pula oleh Herman, seorang pelumba motosikal cup prix profesional yang terbabit dalam kegiatan maksiat dan mempunyai niat yang buruk terhadap Mira.

Penerbit : Eddie Pak, Khairul Anuar Latip - United Movie Sdn Bhd

Pengarah : Eddie Pak

Pelakon : Azhar Sulaiman, Linda Rafar, Faizal Hussein, Kazar, Mek Habsah, Aishah Atan, Rambo Chin, Liza Abdul Latiff.

### \* LURAH DENDAM



Sekumpulan ahli kelab payung terjun yang diketuai oleh Kapten Hanafi memulakan penerbangan untuk membuat pertunjukan payung terjun. Ketika dalam penerbangan ke tempat pertunjukan, kapal terbang yang dinaiki terlanggar seekor burung menyebabkan kerosakan pada kipas kapal terbang itu. Mereka mendarat di tengah hutan tebal yang terpisah dari dunia luar. Masing-masing mendapatkan satu sama lain untuk berkumpul tetapi seorang di antara mereka tidak dapat ditemui melainkan cebisan bajunya sahaja.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Raja Ahmad Alauddin

Pelakon : Redzuan Hashim, Raja Azura, Eizlan Yusof, Chef Wan, Janet Khoo, TS Jeffry.

#### \*Anugerah & Festival Filem:

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Anugerah Khas Juri - Usaha Gigih Dalam Sinematografi.

### \* MARIA MARIANA



Maria dan Mariana adalah dua beradik yang berbeza watak. Mariana, seorang yang liar manakala kakaknya adalah sederhana dan sangat berminat dalam pendidikan dan kerjayanya. Apabila mereka meningkat dewasa, Maria menyertai pasukan polis manakala Mariana tetap sama perangainya. Kehadiran Jefri mengubah hidup Mariana kerana memilih untuk berkahwin dengan Maria dan bukannya beliau.

Penerbit : Yusof Haslam-Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Erra Fazira, Ziana Zain, Edika Yusof, Roy Azman, Noraini Hashim, Kenji Lim, A. Galak, Shaharon Anuar, TS Jeffry, Aziz Singah.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office

Anugerah Skrin TV3 ke-2, 1997 - Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Ziana Zain

### \* MERAH



Merah bersama dua orang temannya Hassan dan Salleh melakukan satu rompakan nekad untuk membantu nenek Salleh yang terlantar di hospital dan memerlukan wang yang banyak untuk mendapatkan rawatan pakar. Bertembung dengan 'road block' polis, Merah berkorban, mengesyorkan pada Hassan dan Salleh untuk melarikan diri... sementara dia memancing polis mengejarnya. Merah tertangkap, dipenjarakan lima tahun. Keluar - dipilih untuk menjalani program kaunseling - di sini ketemui Kasih kaunselar sukarelawan. Dengan kehadiran Kasih, Merah seperti mendapat kekuatan baru, tekad untuk berjalan di jalan yang lurus.

Penerbit : Luncai Emas

Pengarah : M.Nasir

Pelakon : Awie, M.Nasir, Ziana Zain.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997- Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri (Pelakon Berkarisma) - Awie

Anugerah Skrin 1997 – Filem Terbaik

Pelakon Lelaki Terbaik – Awie

### \* SCOOP



Dua wartawan, Joe dan Norman berkawan baik. Norman mempunyai hubungan dengan Tania tetapi terputus dan Tania kemudian menjalinkan hubungan dengan Joe. Joe mati dibunuh kerana mengetahui penyelewengan Rashid di dalam Mewah Holding. Norman disyaki membunuh Joe. Kematian Joe membuatkan Tania dan Norman berbaik semula untuk menyiasat pembunuhan itu. Dalam penyiasatan, mereka bertemu Sheila yang boleh membongkar rahsia pembunuhan Joe.

Penerbit : Penglipur Lara Sdn. Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Hans Isaac, Haliza Misbun, Azman Abu Hassan, Zulkifli Zain, Hani Mohsein, Redzuan Hashim, M. Osman,

Shah Rahman,

Murad Ibrahim, Irene Santiago.

**\*TriviA** - Watak Sheila lakonan Irene Santiago menggunakan suara adik kepada Aziz M. Osman.

**\* SIAPA DIA?**



Saiful telah jatuh cinta dengan Jasmin, seorang guru gimrama di sebuah kolej tempat dia bertugas. Jasmin diminati ramai. Seorang lelaki misteri menyelamatkan Jasmin daripada gangguan Frankie. Jasmin merasai dia menemui lelaki idamannya tetapi tidak mengenali siapa dia. Suleiman dan Saiful mengaku sebagai wira itu. Untuk menentukan satu kebenaran satu pertandingan di adakan di kolej.

Penerbit : Ismail Sharif

Pengarah : NT Wong

Pelakon : Faizal Hussein, Nina Juren, Sidi Oraza, Frankie Chan, Tamam Idris, Norlia Ghani.

**\* SUAMI, ISTERI DAN ...?**



Kebahagiaan rumahtangga Fatah dan Salmah yang dibina atas dasar cinta pandang pertama, akhirnya musnah apabila timbul salah faham antara mereka setelah Fatah membantu Jamilah mendapatkan tuntutan insuran berikutan kematian suaminya. Lima tahun kemudian, mereka bertemu semula dan terperanjat setelah mengetahui bahawa mereka bertugas di pejabat yang sama di mana Fatah sebagai ketuanya.

Penerbit : Pansha, Rosyam Nor-Berjaya Film Production

Pengarah : Pansha

Pelakon : Rosyam Nor, Lydiawati, Sheila Rusly, TS Jeffry, Aziz Satar, Hussein Abu Hassan, R. Jaafar, Jaafar Onn, Aishah Abdullah, Adik Erna, Laila Rahila.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Anugerah Skrin TV3 ke-2, 1997

Pelakon Wanita Terbaik - Lydiawati

**\*TriviA** - Judul filem ini merujuk kepada filem Perempuan, Isteri dan ...? (1993), yang juga diterbitkan oleh Pansha.

**\* SUPERSTAR**

Fariha seorang penyanyi terlihat satu kejadian pembunuhan yang dilakukan oleh kumpulan Jaka lalu dia diburu oleh kumpulan itu. Remy sentiasa dalam kebimbangan. Semasa latihan persembahan konsert, kumpulan Jaka muncul dan menculik Fariha. Remy dan pengurusnya cemas kerana tarikh konsert tersebut telah hampir tiba. Ketiadaan Fariha akan mengagalkan konsert tersebut.

Penerbit : Kirawang Sdn. Bhd

Pengarah : Z.Lokman

Pelakon : Joe Wings, Shasha Elite, Imuda, Nor Albania, Sham Visa, Aziz Singah, Othman Kering, Khaty Azean.



**\* SURATAN KASIH**

Sunny mengalami tekanan jiwa apabila melihat ibunya yang berzina dibunuh oleh ayahnya. Setelah dewasa dia menjadi seorang komposer dan melakukan pembunuhan ke atas beberapa penyanyi. Suatu hari, Sunny terserempak dengan artis didikannya Nastasya berpelukan dengan seorang lelaki tua dianggap ‘sugar daddy’.

Penerbit : SV Productions Sdn Bhd

Pengarah : Zulkeflie M. Osman

Pelakon : Jamal Abdillah, Sofia Jane, Jalaluddin Hassan, Osman Zailani, Aida Aris, Accapan.

**\* SUTERA PUTIH**

Rin menjadikan bidang nyanyian sebagai kerjaya sampingannya, walaupun dia mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Setelah kematian ibunya, dia seolah-olah kehilangan arah dan tujuan hidup. Ayahnya Datuk Rahim pula seorang usahawan yang berjaya dan dalam masa yang sama mahu anaknya mengikut jejaknya untuk membantu menjalankan perniagaannya.

Penerbit : Grand Brilliance & Azmah Advertising Sdn. Bhd

Pengarah : Rashid Sibir

Pelakon : Shima, Bonnie Sta Maria, Susan Lankester, Mustapha Maarof, Azean Irdawaty, Zahim Albakri.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-12, 1995

Penataan Bunyi Terbaik - Hasmy Kamal

Skor Muzik Terbaik - M. Nasir

Sinematografi Terbaik - Zainal Othman

Pengarah Harapan - Rashid Sibir.

**\* TRAGEDI OKTOBER**

Perkahwinan Wati dan Syamsul sudah menjangkau enam tahun dan dikurnia seorang cahaya mata, Shamin. Awie, bekas kekasih Wati, walaupun sudah enam tahun berlalu, masih tercari-cari seorang gadis yang benar-benar dapat mengisi kekosongan hatinya. Namun, kemunculan Farah, anak seorang hartawan, ternyata memberi sinar baru dalam hidup Awie. Sementara itu, kebahagian Wati dan suaminya Syamsul tidak kekal lama, di mana satu tragedi menimpa suaminya. Wati terus hidup menjanda bersama anaknya Shamin. Pertemuan yang tidak diduga antara Awie dan Wati di satu majlis menimbulkan satu nostalgia antara mereka.

Penerbit : Yusof Kelana, Yusof Haslam, Fetty Ismail, ME Communications

Pengarah : Yusof Kelana

Pelakon : Awie, Erra Fazira, Amy Mastura, Riezman.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997 - Suntingan Terbaik - Salehan Shamsuddin.

Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim.

**\* YES TUAN**

Ia mengisahkan mengenai sebuah keluarga yang sering bertukar orang gaji kerana sikap anak-anak mereka yang nakal dan suka menganggu pembantu rumah. Satu hari seorang pembantu rumah menawarkan dirinya bekerja di rumah itu.

Penerbit : Feugo Production

Pengarah : Zulkifelee Mohd Said

Pelakon : Sabri Yunos, Nik Fariz Fadzil, Dian P.Ramlee, Bob Lokman, Tasha, Dian P. Ramlee, Khatijah Tan, Angeline Tan.

**1997**

**\* AZAM**

Azam, seorang pemuda yang perlu menghadapi masyarakat selepas 17 tahun menjalani hukuman akibat melakukan rompakan di sebuah bank. Tetapi masyarakat kampung nyata tidak mudah menerima seorang bekas banduan. Bukan itu sahaja, bekas isterinya Tipah yang kini telah berkahwin dengan Musa seorang guru silat juga tidak dapat menerimanya. Anaknya yang telah remaja Izah tidak dapat mengenalinya. Azam harus menghadapi pelbagai tohmannan dan penghinaan daripada orang kampung.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Shaharuddin Thamby, Wan Nor Azlin, Sharifah

Shahirah, Zaidi Omar, Abu Bakar Omar, Normah Damanhuri, Ebby Yus.

**\* BAGINDA**

Azian seorang guru di sebuah kolej swasta terpaksa menghadapi pelbagai masalah apabila kolej swasta itu diwariskan kepadanya oleh pakciknya Mahmud Baginda. Kolej itu bukan sahaja menghadapi masalah pelajar tidak berdisiplin, rendah moral tetapi juga para guru yang hilang minat mengajar.

Penerbit : Aziz M. Osman, Penerbit Bersama Grand Brilliance

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Azean Irdawaty, Jalil Hamid, Jalaluddin Hassan, Chef Wan, Louisa Chong, Jaafar Onn.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Jalil Hamid.

Anugerah Skrin TV3 ke-3, 1998.

Filem Terbaik - Grand Brilliance

Pengarah Terbaik - Aziz M. Osman

Pelakon Wanita Terbaik - Azean Irdawaty.

### \* GEMERLAPAN



Kehadiran Mimi yang menggemari muzik dangdut di sebuah kolej elit menimbulkan pelbagai reaksi. Antaranya, Mel yang merasakan muzik dangdut agak kekampungan, dan Pam yang bimbang popularitinya tergugat. Ketibaan seorang pelajar baru (Mr. X) menyemarakkan lagi persaingan di antara mereka semua. Pihak kolej mengadakan pertandingan nyanyian. Pam yakin dapat mengekalkan kejuarannya, dan dia juga cuba menyekat penyertaan Mimi.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : A. Razak

Pelakon : Baby (Res 2), Lan (A to Z), Maya, Umie (Res 2), Sham (Visa), Kuman (Bob KU2), Azean Irdawaty.

### \* GEMILANG



Julia seorang penyanyi yang mencapai kejayaan di atas sokongan Razlan seorang hartawan. Julia merasakan keselamatan dirinya terancam kerana seorang lelaki misteri sentiasa mengawasi gerak-gerinya lalu mendapatkan khidmat pengawal peribadi yang juga menjadi pengurusnya.

Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Erra FazirA, Hans Isaac, Ning Baizura, Jalaluddin Hassan, Roy Azman, A. Galak, Shaharon Anuar, Yang Kassim.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Skor Muzik Terbaik - Johari Teh.

### \* GHAZAL UNTUK RABIA

Percintaan Jamal dan Rabiah mendapat tentangan daripada bapa Jamal dan juga Eddy yang pernah menyelamatkan Rabiah serta pernah membantunya mendapatkan tempat perlindungan. Eddy yang sudah beristeri mencintai Rabiah dan mahu menjadikannya perempuan simpanannya.

Penerbit : S.V.Production

Pengarah : V.N.Raj

Pelakon : Jamal Abdillah, Wilma Mohammad, Ridzuan Hashim, Os, Raja Azura.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke 13 (1997)

Pelakon Komedi Terbaik

Bintang Harapan Wanita Terbaik.

### \* HANYA KAWAN



Ia mengisahkan Ella seorang penyanyi di sebuah pub sedang berusaha untuk menjadi penyanyi terkenal. Kebetulan pula seorang penerbit lagu dari syarikat rakaman EMI, Michael Nasir terlihat keupayaan Ella menyanyi. Dia yakin Ella boleh menjadi penyanyi yang lebih berjaya lalu menawarkan Ella menyertai syarikat rakamannya. Pada masa yang sama Ella mempunyai seorang teman lelaki Hans seorang pelakon kecil yang bercita-cita untuk menjadi pelakon terkenal dan menang anugerah. Ella berjaya menjadi penyanyi terkenal, tetapi hubungan mereka selepas itu menghadapi masalah.

Penerbit : Nizarman Sdn Bhd

Pengarah : Harith Iskander

Pelakon : Hans Isaac, Ella, Harith Iskander, Jojie, Bonnie Sta Maria, Korie, Bernie Chan.

**\*Anugerah & Festival Filem :** Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Pengarah Harapan - Harith Iskander.

### \* IMAN ALONE



Dahari memberi layanan buruk kepada anak bongsunya Fariman kerana mengesyakinya bukan anaknya yang sebenar tetapi hasil hubungan sulit isterinya dengan seorang ahli korporat. Aiman menghadapi tekanan hidup tetapi akhirnya dapat diatasi oleh ibunya.

Penerbit : Angkatan Seniman Abad XX Films Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Rahim Razali

Pelakon : Azmil Mustapha, Norish Karman, Tengku Iedilzuhrie, Jalaluddin Hasan, Sophia Ibrahim, Azri Iskandar.

### \* LAYAR LARA



Ena Manjalara, bintang filem yang terperangkap dalam keghairahan mengejar perjuangan cinta, layar dan impian. Dia digoda cinta kekasihnya Shak, seorang penyanyi yang berego. Dia memerangkap cinta Daud, seorang pelakon ekstra, budak buat kopi, dalam filem lakonannya. Kemudian Ena cuba bermain cinta dengan Malik, pengarah filemnya yang panas baran tetapi kuat semangat. Ena Lara membuat lelaki dan orang sekelilingnya sesak nafas kerana sikapnya yang nakal, degil, manja tak bertempat, dan tak peduli tanggungjawab. Sedang Ena mabuk khayal bermain cinta, dia dikejutkan dengan 'tamparan' dari Malik, pengarah filemnya. Ena dibuang dari filem Malik. Ironis

juga di tengah kepincangan Ena ini, bintang-bintang veteran yang dilupakan cuba menagih peluang terakhir ke layar perak.

Penerbit : Pesona Pictures

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon: Sidi Oraza, Man Bai, Ida Nerina, Azean Irdawaty, Melissa Saila.

**\* Anugerah & Festival Filem**

19th Brussels International Independant Film Festival, Brussels, Belgium-1997.

Anugerah : Pengarah Terbaik (Filem Bahasa Asing) - Shuhaimi Baba

6th Pyongyang International Film Festival - Pyongyong, 1997

Anugerah : Anugerah Khas juri - Pesona Pictures Sdn. Bhd

Festival Filem Malaysia ke 13, 1997 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik; Pengarah Terbaik - Shuhaimi Baba; Pelakon Lelaki Terbaik – Sidi Oraza;

Pelakon Wanita Terbaik -Ida Nerina; Lakon Layar terbaik - Shuhaimi Baba; Cerita

Terbaik - Fatimah Abu Bakar; Sinematography Terbaik - Keong Low; Bintang Harapan

Lelaki Terbaik - Man Bai; Anugerah Khas Juri - Poster Terbaik.

### \* LENJAN



Amir usahawan yang berjaya dan telah berkahwin dengan Zita. Sifat keperibadian Zita membuat Amir mengenal erti kasih sayang. Zarin, seorang pembunuh dan perogol yang menggunakan ketampanan dan keramahannya untuk memerangkap mangsanya, kemudian membunuh mereka dengan kejam tanpa belas. Ketika Amir dan Zita bercuti di hutan, mereka menyelamatkan Zarin tanpa mengesyaki niat jahat Zarin. Zita pula tidak begitu selesa dengan kehadiran Zarin. Amir telah mengetahui niat Zarin dan telah mlarikan diri bersama Zita. Namun Zarin dapat menjelaki mereka lalu bergelut dengan Amir. Nasib tidak menyebelahi Amir, akibatnya Amir tewas di tangan Zarin.

Penerbit : Berjaya film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Yacob

Pelakon: Eman Manan, Nina Juren, Rosyam Nor, Panshah.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke 43 , 1998 - Taipei

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 – Ipoh : Penyunting Terbaik - Elias Maidin;

Sutradara Harapan - Ismail Yaacob

Anugerah Skrin

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik Filem - Rosyam Nor.

### \* PUTERI IMPIAN



Seorang gadis kilang, Nora berangan menjadi puteri raja. Impiannya menjadi kenyataan apabila memenangi peraduan yang dianjurkan stesen televisyen. Zulkifli, seorang jurukamera ditugaskan untuk merakamkan rancangan Nora tetapi dia tidak menyenanginya. Nora bertemu dengan Tengku Faizal, seorang putera raja dan dia menggunakan Faizal untuk menjauhkan Zulkifli daripadanya.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Amy Mastura, Hairie Othman, Cico Harahap, Nor Aliah Lee, Kuman (Bob KU2).

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Anugerah Skrin TV3 ke-3, 1998

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Nor Aliah Lee

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh)

Pelakon Wanita Terbaik - Amy Mastura; Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Nor Aliah Lee; Penataan Bunyi Terbaik - Azman Abu Hassan

**\* SATE**

Milah, seorang penjual sate, sementara Kadir memiliki sebuah kedai membaiki barang elektrik. Mereka saling mencintai secara diam-diam. Namun, semuanya berubah apabila munculnya Fikri, seorang pemilik tempat peranginan yang kaya. Fikri cuba memikat Milah, tetapi perasaan Milah terhadap Kadir masih teguh. Sebaliknya, Kadir pula seperti sudah putus asa. Fikri kemudiannya menawarkan tender kepada Milah untuk menjual sate di tempat peranginannya. Perlahan-lahan Kadir mengundur diri dan meninggalkan perniagaannya.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Faizal Hussein, Hairie Othman, Lienah Hangat, Rashidah Jaafar, Rosli Rahman Adam, Noraini Hashim, Aziz Singah, Osman Zailani, Zila Bakarin.

\* **TriviA** - Pelakon asal filem ini, Zamani (Slam) digantikan dengan Hairie Othman.

## 1998

**\* BADE MANTERA**

Sepasukan ahli kaji cuaca yang diketuai oleh Dzul Fakar berada di Pulau Tari untuk mengkaji kesan ribut taufan yang pernah melanda pulau itu. Walau bagaimanapun, penduduk pulau itu menyakini dengan kehebatan ilmu bomoh Tok Siarap yang mampu 'mengalihkan' taufan ke tempat lain. Ahli pasukan itu pula mempunyai niat lain di pulau itu iaitu untuk mendapatkan khazanah pusaka Pulau Tari hingga menimbulkan kemarahan Tok Siarap.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : Zulkefli M. Osman

Pelakon : Khairil Anwar, Vanida Imran, M. Rajoli, Sharifah Haslinda, Ahmad Merbawi, Kamarool Yusof, Rosnah Manap.

\* **TriviA** - Kesan khas optikal dilakukan di makmal *Prasad Video Digital* di Madras, India. Kesan khas komputer grafik dilakukan oleh pakar tempatan di Gaya Film, Malaysia.

**\* JIBON**

Seekor makhluk seperti orang utan (yang dipanggil Jibon) menyelamatkan seorang budak bernama Sani iaitu seorang pengakap sekolah yang dihanyutkan oleh arus sungai. Jibon yang menjadi legenda Orang Asli menyebabkan ia menjadi buruan seorang bomoh bernama Semaun yang mahu mendapatkan keuntungan.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Nahar Akhbar Khan

Pelakon : Along Kamaruddin, Melissa Saila, Aziz Satar, Farid Amirul, Mat Sentul, Din Glamour.

**\* KEMBARA**



Diyana, seorang pensyarah kajian sains di sebuah kolej tempatan menerima surat daripada ayahnya, Profesor Zak, yang mengajak Diyana datang melawat pusat kajiannya yang terletak di dalam hutan rimba. Profesor Zak sedang membuat kajian dalam bidang perubatan dari akar kayu untuk mencari formula ubat malaria. Sementara itu, pelajar-pelajar dan ibu Diyana mengadakan majlis harijadi Diyana dan majlis makan kecil untuk menyambut cuti hujung tahun. Pada malam itu, Diyana memberitahu yang dia akan menghabiskan cutinya bersama ayahnya di dalam hutan rimba. Tiga daripada pelajarnya, Roza, Mimi dan Lisa ingin mengikut

Diyana.

Penerbit : Abdul Aziz Harun, Ismail Sharif, Solid Gold

Pengarah : AR Sulaiman

Pelakon : Nina Juren, Imuda, Aida Aris, Riezman Khuzaimi, Shahrul Nizam Arifin, Suzliana Saini, Halissa Halim, Jaafar Wira, Dharma Harun.

**\* MARIA MARIANA 2**




Maria diselamatkan selepas Dr. Faris yang mengetuai misi pembedahan berjaya mengeluarkan peluru daripada tubuhnya. Hubungan cinta antara Maria dan Dr. Faris mula berputik. Ray, bekas teman lelaki Mariana kembali mengganggu hidupnya.

Penerbit : Skop Productions, Grand Brilliance

Pengarah : Yusof Haslam.

Pelakon : Erra Fazira, Ziana Zain, Awie, Ning Baizura, Rosyam Nor, Roy Azman, Noraini Hashim, Shaharon Anuar.

**\* PANAS**



Sofiah terpaksa rela berkahwin dengan bapa angkatnya Paiman, tetapi tidak pernah redha menyerahkan tubuhnya. Manakala bapa angkatnya baru saja dibebaskan pasungan kelakian oleh isterinya.

Penerbit : Nurhalim Ismail, Shariff Sabari, Masshita Abdul Rahman

Pengarah : Nurhalim Ismail

Pelakon : Aleeza Kassim, Eizlan Yusof, Yusof Mohammad, Omar Abdullah, Normala Omar, SA Bakar.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Penataan Seni Terbaik - Saidin Othman


Anugerah Skrin TV3 ke-3, 1998

Pelakon Lelaki Terbaik - Yusof Mohammad

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Eizlan Yusof

Filem kedua diberi label 18SX selepas Litar Kasih (1996).

### \* PENYAIR MALAM



Adam seorang mekanik jatuh cinta dengan guru lukisan yang pekak dan bisu bernama Azira. Adam menghasilkan puisi dengan menggunakan nama samaran Penyair Malam. Farid dan Rina sering mengunjungi kedai Adam. Secara diam-diam, Rina cintakan Adam tetapi dia menolak. Oleh itu, Rina memberitahu Farid yang Adam cuba memikatnya. Farid marah lalu mencabar Adam menyertai perlumbaan motosikal. Adam terima cabaran itu dan berjaya masuk peringkat akhir. Oleh kerana kurang pengalaman, Adam kalah kepada Farid. Adam tercedera dan berada dalam koma.

Penerbit : Khalil Mohd Zain, Lazizah Ahmad , Penerbit Eksekutif - Grand Brilliance.

Pengarah : Kamal Ishak

Pelakon : Zack Idris, Yasmin Suraya, Aman Graseka, Sheila Mamb , Ahmad Tarmimi Serigar.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh) - Anugerah Khas Juri - Paparan kehidupan golongan kurang upaya.

### \* RAJA MELEWAR



Sekitar tahun 1760-an, beberapa kawasan yang sekarang terkenal dengan nama Negeri Sembilan adalah di dalam naungan kerajaan Johor. Tetapi kerajaan itu tidak berupaya membantu penduduk di situ dari ancaman perompak dan sengketa sesama sendiri. Akhirnya penghulu-penghulu luak di situ mengambil keputusan menghantar wakil untuk memohon seorang Putra Raja dari Pagar Ruyong, Minangkabau (Sumatra Barat) supaya dijadikan Raja mereka.

Penerbit : Tunku Abdullah Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman,Tajudin Yahaya.

Pengarah : Jamil Sulong

Pelakon : Eizlan Yusof, Shaharuddin Thamby, Aziz Jaafar, Rosnani Jamil, Norish Karman.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-13, 1997

Anugerah Khas Juri - Usaha mengangkat sejarah dalam filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-43, 1998 (Taipei).

### \* SEDARAH

Penerbit: Inno Network

Pengarah: Musa Mohd

Pelakon: Mustapha Kamal, Khairil Anwar, Susan Menon.

### \* SENARIO THE MOVIE



Mazlan, Azlee dan Wahid datang dari kampung dan negeri yang berbeza. Tujuan mereka hanya satu iaitu menghadiri uji bakat di Kuala Lumpur dan menjadi pelawak terkenal tanah air. Pelbagai dugaan dan cabaran terpaksa mereka hadapi untuk mencapai impian tersebut. Paling mengharukan apabila tibanya mereka di Kuala Lumpur, mereka ditangkap polis kerana wajah mereka serupa dengan wajah kumpulan perompak bersiri yang menjadi buruan polis.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Wahid, Mazlan, Azlee.

### \* SILAT LEGENDA



Kisah filem animasi ini bermula pada abad ke-15 di Melaka dengan pertentangan dua orang pahlawan gagah iaitu Seleman dan Mona, yang mana pemenangnya akan menguasai lima bilah senjata misteri. Apabila Mona gagal mendapatkan senjata-senjata itu, dia terus berdendam dan masih cuba menguasainya walaupun dengan menggunakan kuasa sihir.

Penerbit : Hisham Harun Hashim, Hilmy Harun Hashim,

Penerbit Eksekutif -Peninsula Pictures Sdn Bhd.

Pengarah : Hassan Muthalib

Pelakon (suara) : Noorkumalasari, Karim Latiff, Othman Hafsham, M. Amin, Ayie, Effendi Md. Kamal.


### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh)

Anugerah : Anugerah Khas Juri - Filem animasi pertama

\* TriviA Filem animasi pertama dari Malaysia. Filem ini mengambil masa selama 2 tahun untuk disiapkan.

### \* NAFAS CINTA



Amir ke Pulau Bayu bagi menenangkan fikirannya bila kontrak muziknya dibatalkan. Amir terpesona mendengar kemerduan suara Suria membaca Al-Quran. Hubungan Amir dan Suria semakin rapat. Suria tabah dengan keadaan nenek yang menghidap penyakit ketumbuhan. Amir mendapatkan rawatan nenek di Kuala Lumpur. Tujuan Amir bagaimanapun bukan setakat untuk merawati nenek, serentak mengembangkan bakat Suria sebagai penyanyi.

Penerbit : Astro-Shaw

Pengarah : Ambri Kailani

Pelakon : Awie, Maizurah, Jalaluddin Hassan, Arni Nazira, Rosyam Noor.

## 1999

### \* BARA



Amri dan Ziman bekerja sebagai mekanik. Mereka bermain muzik di sebuah kelab malam. Ziman mempunyai kekasih, Arni. Amri telah bertemu dengan Effa yang meminta perlindungan dari menjadi mangsa sindiket pelacuran Carlos. Kehilangan Effa membuat Carlos berang dan mencari Effa.

Penerbit : Yusof Haslam, Grand Brilliance Sdn Bhd, Skop Productions Sdn Bhd.

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Awie, Nasha Aziz, Rosyam Nor, Zamani (Slam), Arni Nazira, Ning Baizura, Azza (Elite), A. Galak, Raja Nor Baizura, Farid Amirul.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh)

Anugerah : Skor Muzik Terbaik - Saari Amri

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Rosyam Nor

Pelakon Harapan Wanita - Nasha Aziz.

### \* BURUNG BESI



Burung Besi merujuk kepada kegiatan penyeludupan kapal terbang kawalan jarak jauh. Azri yang gemar bermain alat kawalan itu menggunakan kepintarannya dengan mengubah suai mesin terbang itu. Apabila dia melekatkan kamera pegun di kapal terbangnya yang akan mengambil gambar setiap 10 saat, banyak gambar keadaan sekeliling yang tidak dapat dilihat dan tersembunyi ditemui. Ini termasuklah gambar yang amat mencurigakan. Azri dan rakannya Leman yang musykil dengan gambar itu mula menyiasat dan turut dibantu oleh Irin. Mereka menjelaki punca gambar itu diambil dan Azri yang terlalu ghairah mahu mengetahui perkara sebenar, membawa lari kapal terbang kawalan jauh kesayangan ayahnya.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Azean Irdawaty, Shahrul Nizam, Noraini Morat, Hairul Rickyno.

### \* JOGHO



Mamat seorang juara lembu, merajuk dan membawa keluarga dari Kelantan dan tinggal bersama banana, Lazim di Petani pada hujung tahun 70-an di satu perlawanan lembu, Lazim ditembak mati oleh Pak Isa yang kemudian lari bersembunyi. Ini membuat Mamat terpaksa mencari Isa untuk menyelesaikan masalah yang padanya masalah peribadi dan juga menjadi masalah masyarakat disitu.

Penerbit : U-Wei Saari, NHK Japan, Tanah Licin Sdn Bhd.

Pengarah : U-Wei Saari

Pelakon : Khalid Salleh, Normah Damanhuri, Adlin Aman Ramli, Baharuddin Omar, Ijoy Azahari, Sabri Yunus, Normala

Omar, Aznah Hamid, Liza Rafar.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-43, 1998 (Taipei)

Anugerah : Pelakon Lelaki Terbaik - Khalid Salleh

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh)

Anugerah : Filem Terbaik - U-Wei Saari - Pengarah Terbaik - U-Wei Saari; Pelakon

Lelaki Terbaik - Khalid Salleh - Lakonlayar Terbaik - U-Wei Saari

Anugerah GAFIM - Poster terbaik

Anugerah Skrin TV3 ke-4, 1999 - Anugerah : Filem Terbaik - U-Wei Saari

Pengarah Terbaik - U-Wei Saari; Pelakon Lelaki Terbaik - Khalid Salleh

Pelakon Wanita Terbaik - Normah Damanhuri

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-11, 1998.

Festival Filem Asian ke-2, 1997 di Tokyo (tayangan perdana).

Festival Filem Antarabangsa Pusan ke-3, 1998 (Korea Selatan).

Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-6, 1998 (Korea Utara).

**\*Trivia** - Filem ini cuma ditayangkan di 12 buah pawagam seluruh negara kecuali Perlis, Melaka, Terengganu, Sabah dan Sarawak. RM1 juta daripada kos pembikinan filem ini dibiayai oleh NHK Japan.

### \* PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR



Haikal ke Terengganu untuk mencari erti Melayu dan menemui Mustika lalu jatuh hati kepadanya, tetapi Mustika telah bertunang dengan Engku Leh, seorang fundamentalis agama. Ini menyebabkan Haikal dalam dilema dan Mustika juga harus memilih antara Haikal atau Engku Leh.

Penerbit : Erma Fatima, BNE Studio Sdn Bhd, Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : Erma Fatima

Pelakon : Vanida Imran, Eizlan Yusof, Ahmad Yatim, Azri Iskandar, Nanu Baharuddin, M. Nasir, Tiara Jacquelina.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-14, 1999 (Ipoh)

Cerita Terbaik - Syed Azidi

Sinematografi Terbaik - Teoh Gay Hian

Penataan Seni Terbaik - Hamir Soib & Zuraini Anuar

Pelakon Harapan Lelaki - Eizlan Yusof

Anugerah Khas Juri - Usaha menangani dilema masyarakat Melayu moden

Festival Filem Antarabangsa Pyongyang ke-7, 2000 (Korea Utara)

Pengarah Terbaik - Erma Fatima

#### Penyertaan :

Festival Filem Asia Pasifik ke-43, 1998 (Taipei)

Festival Filem Antarabangsa Singapura, 1999

Festival Filem Antarabangsa Jakarta, 1999 (Indonesia)

Festival Filem Antarabangsa India ke-31, 2000 (New Delhi).

Festival Filem Antarabangsa Fukuoka, 1999 (Jepun).

Festival Filem Antarabangsa Kerala ke-5, 2000 (Calicut, India)

### \* PUTERI IMPIAN 2

Ia mengisahkan Nora, bekas gadis kilang yang telah menolak lamaran kerabat diraja, Tengku Faizal. Tengku Farid, adik Tengku Faizal tersinggung Nora menolak cinta abangnya. Dia telah bertekad untuk membersihkan kembali nama baik keluarganya serta membawa Nora kepangkuhan abangnya.

Penerbit : Paradigmfilm Sdn Bhd, Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Amy Mastura, Cico Harahap, Nor Aliah Lee, Azri

Iskandar, Sarimah Ibrahim, Erma Fatima, Azman Abu Hassan,

Aziz M. Osman.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Anugerah Skrin TV3 ke-4, 1999

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Nor Aliah Lee

Festival Filem Asia Pasifik ke-44, 1999 (Bangkok).

Anugerah : Tiada.

**\* SENARIO THE MOVIE**



Untuk mengembalikan populariti Pesta Rianya, Apek mengadakan konsert dangdut. Apek juga melarang Wahid (pekerja rumah hantu) membawa abangnya Azlee yang terencat akal ke Pesta Ria tersebut. Wahid kemudian bekerja dengan Shamsul untuk menakutkan orang ramai ke warung Pak Tam supaya dapat memiliki tanah milik Pak Tam. Wahid akhirnya sedar bahawa Shamsul seorang lintah darat. Shamsul juga mendesak Wahid mengembalikan wang yang telah diberi padanya dan menjadikan Azlee sebagai tebusan. Shamsul juga menculik anak gadis Pak Tam, Inah, untuk dijadikan tebusan.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Azlee Jaafar, Wahid Mohd, Lan Pet Pet, Saiful Apek.

## 2000

**\* ANAKNYA SAZALI**



Apabila berkeluarga, Sazali tidak mahu anaknya mengamalkan pergaulan bebas sebagaimana yang dilaluinya sehingga menjadi seorang yang tidak berguna kepada masyarakat. Untuk itu Sazali mengurung anaknya Farid agar tidak bercampur dengan budak lain dan mengupah guru untuk mengajar anaknya di dalam bilik. Tindakan itu membuatkan Farid menjadi seorang yang terlalu pemalu dan takut untuk berjumpa dengan masyarakat luar. Untuk mengatasi rasa malunya, sejenis pil menahan rasa malu diberikan membuatkan Farid menjadi tidak tahu malu dan melakukan apa saja tanpa perasaan.

Penerbit : Eurofine (M) Sdn Bhd

Pengarah : Jack Ad'Din

Pelakon : Ahmad Idham, M.Rajoli, Azean Irdawaty, Noraini Morat, Jasmin Hamid, Badrul Muhyat.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 - Shah Alam

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - M.Rajoli

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Hafiz Ashraf

**\* BUKAK API**

Bukak Api membuka sisi gelap Kuala Lumpur dan subcultural kelompok masyarakat yang terlepas daripada pandangan mata.

Penerbit : Julian Jayaseelan, Pink Triangle Malaysia

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Kak Ina, Kak SuManja, Andy Danisha, Riena Sophia.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Red Ribbon Media Awards, 2000

Filem Terbaik

Penyertaan : 14th Singapore International Film Festival, 2001.

Cairo International Film Festival, 2002.

Nantes International Film Festival, 2002.



### \* LEFTENAN ADNAN



Pada tahun 1934, beberapa pemuda kampung termasuk Adnan Bin Saidi berminat menjadi tentera, namun ibubapanya tidak merestui kemahuannya itu. Bersama beberapa orang rakan, Adnan nekad keluar dari kampung dan menuju ke kem latihan ketenteraan di Port Dickson. Di situ mereka mendaftarkan diri dan menjalani latihan fizikal dan mental bagi melayakkan diri untuk menjadi seorang tentera. Keberanian dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Adnan melayakkannya terpilih sebagai rekrut terbaik dan diserapkan ke pasukan Askar Melayu.

Penerbit : Kementerian Pertahanan Malaysia, Aziz M. Osman,  
Penerbit Bersama Grand Brilliance & Paradigm Film Sdn Bhd .

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Hairie Othman, Umie Aida, Farid Amirul, Faizal Hussein, Rusdi Ramli, Shaharuddin Thamby, Wahid (Senario), M. Osman, Sherie Merlis, Rambo Chin, TS Jeffry, Johan Abdullah.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-45, 2000 (Hanoi)

Penataan Bunyi Terbaik - Azman Abu Hassan

Anugerah Khas Juri - Pemupukan Semangat Patriotisme Dan Nasionalisme

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Filem Terbaik - Kementerian Pertahanan Malaysia

Pengarah Terbaik - Aziz M. Osman

Penataan Seni Terbaik - Wan Nazrul Ashraff

Anugerah Khas Juri - Usaha mengangkat jasa wira bangsa

Penyertaan : Festival Filem Antarabangsa Fukuoka, 2001 (Jepun)

#### \* TriviA

A Faizal Hussein, Rusdi Ramli dan Azri Iskandar (bekas pemegang watak utama) menjalani latihan di kem tentera selama sebulan sebelum penggambaran bermula. Azri Iskandar tersingkir daripada memegang watak Leftenan Adnan dan tempatnya diganti oleh Hairie Othman. Azri telah melakonkan 12 babak yang terpaksa dilakukan semula oleh Hairie.

### \* LIPS TO LIPS



James, seorang pemuda yang menghadapi kehidupan yang muram akibat kematian ibu tirinya secara tiba-tiba (tercekik semasa makan epal) dan kegalanannya beberapa kali dalam usahanya membunuh diri. Satu watak lagi adalah Anitha, DJ radio yang ceria tetapi sebenarnya menghadapi personaliti berbeza di luar tugas. Dia cuba lari daripada permasalahan hidup yang sukar difahaminya. Dunia James dan Anitha adalah dunia anak muda yang tidak pasti, kacau dan sepi. Kedua-duanya menjalankan kehidupan harian yang membingungkan dan kacau dalam menanggapi realiti kehidupan.

Penerbit : Rosihan Zain (Cipta Films), Vernon Adrian Emuang.

Pengarah : Amir Muhammad

Pelakon : James Lee, Anitha Abdul Hamid, Huzir Sulaiman, Daniel Khong, Manesh

Nesaratnam, Kubhaer T. Jethwani, Patrick Teoh, Joanna Bessey, Ahmad Ramzani Ramli.

**\* MIMPI MOON**



Kisah persahabatan akrab antara Moon, Vina, Nona dan Sok Van yang membesar di sebuah pekan kecil di Langkawi yang bernama Batu Suara. Apabila dewasa mereka terpisah kerana mengikut haluan hidup masing-masing. Setelah bertahun-tahun merantau, ada sesuatu yang membuatkan mereka kembali ke pekan kecil tersebut.

Penerbit : Shuhaimi Baba, Mohd Mahyidin Mustakin.

Pelakon : Rashidi Ishak, Kavita Kaur, Jalaluddin Hassan, Ning Baizura, Afdlin Shauki, Asha Gill.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Ida Nerina

Suntingan Terbaik - Kamarudin Abu

Sinematografi Terbaik - Teoh Gay Hian

Anugerah Khas Juri - Poster terbaik.

**\* PASRAH**



Kehidupan seorang gadis, Farah Diba berubah daripada seorang gadis biasa menjadi seorang peragawati terkenal setelah dia dimahkotakan Ratu Cantik Malaysia. Walaupun ramai lelaki cuba mendampinginya, Farah menolak semua cinta lelaki lain kerana kesetiaannya kepada Hafsham, seorang eksekutif muda yang dikenalinya sejak enam tahun lalu. Dalam kerjayanya sebagai seorang peragawati, Farah sering menghadapi dugaan dan godaan.

Penerbit : Yusof Haslam, Ismail Mustapha

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Erra Fazira, Norman Hakim, Wilma Muhammad,

Abby Abadi, Mazlan (Senario), AC Mizal, Khairil Anwar, Rosnah Johari, Latiff Ibrahim, Kartina Aziz, A. Galak, Radhi Khalid, Farid Amirul, Sharifah Shahora.

**\* SENARIO LAGI**

Azlee yang baru membeli kereta terpakai membawa isterinya Zati bercuti ke Cherating. Sepanjang perjalanan ke sana, pelbagai peristiwa terjadi kerana tanpa disedari kereta itu sebenarnya adalah kereta curi. Keadaan semakin kecoh apabila kereta itu dicuri pula oleh Wahid.

Penerbit : ParadigmFilm Sdn Bhd., Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Azlee Jaafar, Mazlan Ahmad, Wahid Mohamad, Saiful Apek, Yassin Yahaya, Syanie Hisham.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office.

**\* SOAL HATI**



Daniel, seorang yang berpendidikan, memiliki segalanya jatuh cinta pandang pertama dengan seorang jurujual, Nurul Ain. Untuk memikat, Daniel memperkenalkan diri sebagai Ahmad kerana tidak mahu kedudukannya bakal menjauhkan Ain daripadanya. Ain merasa dirinya tertipu apabila mengetahui Daniel anak seorang kaya. Daniel terpaksa memujuk semula Ain kerana dia masih mencintai wanita itu.

Penerbit : Habsah Hassan, Mohamad Jusoh

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Erra Fazira, Afdlin Shauki, Zaibo, Piee, Khatijah Tan, Chef Wan, Shamsul Ghau Ghau, Sathiya.


**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Pelakon Lelaki Terbaik - Afdlin Shauki

Pelakon Wanita Terbaik - Erra Fazira.

**\* SYUKUR 21**



Kamal yang berusia 50-an dan bermastautin di Amerika Syarikat selama 30 tahun menjalani hidup yang serba mewah dan bersikap mementingkan kebendaan. Kamal yang pakar dalam multimedia itu ditugaskan ke Malaysia untuk mengatur beberapa program di Raudah, sebuah organisasi yang serba lengkap dengan kemudahan dan teknologi dan sistem pentadbiran yang diasaskan oleh Raihan.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Eddie Pak.

Pelakon : Nazrey (Raihan), Che Amran (Raihan), Amran Abu Bakar (Raihan), Abu BakarZairi (Raihan), Yassin (Brothers), Norzizi Zulkifli, Eisy, Mustapha Kamal.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Skor Muzik Terbaik - Farihin Abdul Fatah

Anugerah Khas Juri - Usaha Menampilkan Nilai-Nilai Murni.

## Bab 7 (Filem 2001 Hingga 2005)



## 2001

### AH BENG RETURNS



Penerbit : Sylvia Tan, Vernon Adrian Emuang .

Pengarah : James Lee

Pelakon : Loh Bok Lai, Amy Len Siew, MeeLee Swee, Keong Ee Chee, Wei Tan Eng, HengLee Yoke.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Penyertaan : Sarawak Millennium Film Festival, 2002.

15th Singapore International Film Festival, 2002.

Overseas Chinese Film Festival, 2002 (Singapore).

47th Cork Film Festival, 2002.

#### \* Trivia

Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.

### \* CHERITERA



Filem ini memaparkan kisah popular dalam masyarakat Iban iaitu Puteri Bulan dan Raja Suria yang turut diselitkan dengan sedikit kisah Sang Kancil dan Kerbau.

Penerbit : Anwardi Jamil, Matahari Animation & Production Sdn Bhd, Red Rocket Animation (Indonesia).

Pengarah : Erwin Argh

Pelakon (suara) : Ahmad Tarmimi Serigar, M. Rajoli, Vanida Imran, Azmil Mustapha, Rosnani Jamil, Hafiz Asyraf, Ebby Yus, Isma Aliff, Harun Salim Bachik, Noor Nikman Dadameah.

#### Trivia

Cheritera bermaksud 'Cerita Rakyat'.

Cheritera adalah filem animasi kedua selepas Silat Legenda (1998).

### \* CINTA KORPORAT

Penerbit : JD Productions & Grand Brilliance

Pengarah : Hairi Harmi

Pelakon : Eizlan Yusof, Erra Fazira, Emylia Rosnaida, Shaharuddin Thamby, Lydiawati.

### \* CINTA TIADA RESTU

Irda yang mewarisi bakat seni daripada ayahnya Pak Haron berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mengejar cita-citanya menjadi penyanyi. Walaupun mendapat tentangan daripada ibunya, pujuhan Kathy sepupu kepada Irda berjaya menyelesaikan kesulitan itu.

Di Kuala Lumpur, Irda terpaksa turun naik syarikat rakaman hingga hampir dirogol. Impiannya hampir menjadi kenyataan setelah bertemu Ilham, komposer terkenal yang percaya dengan bakat Irda dan bercadang untuk muncul berduet dengannya. Perkenalan itu membawa bibit cinta di hati pasangan ini. Tetapi hubungan dan cinta mereka menjadi rumit apabila tidak mendapat restu orang tua Irda, lebih-lebih lagi ibu Irda, Mak Lijah yang cukup tidak berkenan dengan insan seni.

Penerbit : Dreamwalk Sdn Bhd .

Pengarah : Azman Mohd Yusof

Pelakon : Salehuddin Hasan, Surni Salasan, Abu Bakar Omar, Kartina Aziz, Jasmin Hamid, Yusof Chong, Opie Zami.

### \* DARI JEMAPOH KE MANCHESTER



Dua anak muda Yadi dan Mafiz dari Jemapoh, Negeri Sembilan adalah dalam perjalanan ke England. Yadi ingin ke Manchester untuk melihat bintang bola sepak kesayangannya George Best sementara Mafiz ingin mencari ayahnya seorang kelasi di Liverpool. Dalam perjalanan itu, banyak halangan pahit manis yang terpaksa ditempuhi.

Penerbit : Halim Sabir, Yunus Ali.

Pengarah : Hishamuddin Rais

Pelakon : Zul Karnian, Mafiz Indra Syahril, Fariza Azlina, Amran Nasaruddin, Syed Bakar Syed Salim.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-11, 1998.

Festival Filem Antarabangsa Jakarta, 1999.

Stockholm International Film Festival, 1998 (Sweden).

Munchen Filmuseum, 1998 (Germany).

Berlinbeta International Film Festival, 1999 (Berlin)

28th Rotterdam International Film Festival, 1999 (Holland).

Splitski Filmski Festival, 1999 (Croatia).

Jakarta International Film Festival, 1999.

### \* GERAK KHAS THE MOVIE



Unit Gerak Khas ditugaskan untuk menghancurkan satu kumpulan yang terbabit dalam kegiatan pengedaran VCD lucu dan pil ecstasy. Sindiket itu didalangi oleh dua kumpulan haram yang bermusuhan (Castelo dan Rafayel). Kedua-dua kumpulan ini juga terbabit dalam kegiatan cetak rompak, senjata api serta menguasai pasaran VCD haram dan VCD lucu di seluruh negara. Inspektor Mazlan dan Inspektor Aleeza ditugaskan untuk mengawasi dan mengintip gerakan kedua-dua kumpulan haram ini.

Penerbit : Yusof Haslam-Skop Productions Sdn Bhd

Pelakon : AC Mizal, Abby Abadi, Erra Fazira, Normala

Samsudin, Rosyam Nor, Norman Hakim, Nasha Aziz, Mazlan Pet Pet, Yusof Haslam,

Shaharon Anuar, A. Galak.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Anugerah : Pelakon Komedi Terbaik - Mazlan Pet Pet

Penataan Bunyi Terbaik - Peter Lim .

### \* GETARAN



Awie memiliki sebuah bengkel mekanik di sebuah kawasan setinggan dan di situ terdapat sebuah kumpulan muzik dikenali sebagai Kristal yang dianggotai oleh remaja belasan tahun. Awie tertarik hati dengan permainan muzik kumpulan itu dan berjanji untuk mengetengahkan mereka sebagai artis rakaman. Sementara itu Mona terpikat kepada kemuliaan hati Awie dan saling bercinta, tetapi dalam masa yang sama tumpuan mereka diberikan kepada Kristal agar berjaya menjadi artis popular.

Penerbit : Nagaraj-SV Production Sdn Bhd

Pengarah : Nagaraj

Pelakon : Awie, Fiza (Elite), Faizal Hussein, Aida Rahim, Opie Zami, Nurul Jasmin Deo, Arash, Rashidah Jaafar, Bob Lokman.

**\* LAGI LAGI SENARIO**

Wahid, Yassin dan Saiful menjadi pelayan dan penebar roti canai di warung Azlee. Warung Azlee popular kerana keistimewaan roti canai buatan Saiful. Suatu hari, seorang pemuda bernama Mazlan, membuka warung bersebelahan warung Azlee. Mulanya, Azlee tidak berasa tergugat kerana menganggap kehadiran warung baru itu bakal memberi persaingan sihat. Tetapi pendiriannya berubah apabila Saiful mengambil keputusan untuk bekerja di warung Mazlan. Sejak itu warung Azlee tidak lagi mendapat perhatian.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd.


Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Azlee (Senario), Mazlan (Senario), Wahid (Senario) Yassin (Senario), Wardina, Ani Maiyuni, Accapan, Robert Kong, Osman Kering, Syanie.

**\*Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office.

**\* NO PROBLEM**

Awang mempunyai kebolehan menggunakan kapak bertali bagi memetik kelapa sebagai mata pencarian. Dia kemudiannya berubah fikiran dengan bekerja sebagai pencuci atas nasihat Rosnah, seorang gadis kampung yang diminati ramai pemuda kampung termasuk Sidibijo yang berazam untuk menjadi saintis dengan mencipta alat laser memetik kelapa bagi menandingi kepakaran kapak Awang. Walau bagaimanapun, ibubapa Rosnah iaitu Pak Kidam dan Mak Nah tersalah anggapan keakraban Rosnah dan Awang. Mereka tidak suka akan pekerjaan Awang yang menjadikan kelapa sebagai mata pencarian utama.

Penerbit : David Teo

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Opie Zami, Danny (X-Factor), Maya Karin, Zami Ismail, Rosnah Mat Aris, Shamsul Ghau Ghau, Abon, Zila Bakari, Zul Yahya, Yasin Sulaiman.

**\* PUTIH**

Putih, anak malang didera oleh ibu dan kakak tirinya selepas kematian bapanya, Pak Sukam. Putih yang ditemani oleh dua ekor haiwan peliharaannya, Gemul dan Mikus, tinggal bersama ibu dan kakak tirinya selepas kematian ibunya Mak Labu. Gemul dan Mikus yang nakal menjadi teman tempatnya menumpang kasih.

Penerbit : Ida Rahayu, Khadijah Yusof

Pengarah : Rashid Sibir

Pelakon (suara) : Erra Fazira, M. Nasir, Raja Azura, Wan Maimunah, Noraini Hashim, Mustapha Maarof.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Anugerah Khas Juri - Filem Adaptasi

**\*TriviA** - Putih adalah filem animasi ketiga selepas Silat Legenda (1998) dan Cheritera (2001). Putih tidak menggunakan animasi komputer sebaliknya menggunakan teknik animasi tradisional hasil lakaran 30 orang pelukis animasi tempatan.

**\* SARA**



Manaf berpendidikan luar negara, pulang ke kampungnya setelah tamat pengajian. Tujuannya pulang ke kampung adalah kerana tidak mahu melihat orang-orang kampung 'disalahgunakan' oleh orang bandar. Dia kemudian membuka kolam memancing, mengusahakan chalet dan menjual ikan pekasam. Manaf kemudiannya menemui Sara, seorang gadis lincah dan berpendidikan barat serta mempunyai ego tersendiri. Sara datang ke kampung itu untuk membeli tanah. Sara yang merasa tercabar dengan sikap degil Manaf yang enggan melepaskan tanah miliknya itu bersetuju mengahwini Manaf semata-mata inginkan tanah pusaka Manaf.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Along Kamaruddin

Pelakon : Ida Nerina, Shamsul Ghau Ghau, Zahim Albakri, Hisham Ahmad Tajudin, Zami Ismail, Piee

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-15, 2001 (Shah Alam)

Pengarah Harapan - Along Kamaruddin.

**\* SERI DEWI MALAM**

Azri tidak pernah menduga, kunjungan ke sebuah menara pemandangan ketika berbulan madu bersama isterinya Seri, menyebabkan kecelakaan sehingga isterinya koma. Kecederaan Seri sebenarnya tidak memberi harapan untuknya terus hidup. Di hospital tempat Seri dirawat, Pengurus hospital, Encik Hanif mencadangkan agar tidak memanjang penderitaan Seri dengan 'melepaskannya pergi'.

Penerbit : Aziz M. Osman (Paradigm Film Sdn Bhd),

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Hairie Othman, Rashidi Ishak, Wahid Senario, Maya Karim, Ahmad Termimi Siregar, Jeslina Hashim.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke -15, 2001 (Shah Alam)

Cerita Terbaik - Aziz M. Osman

Lakonlayar Terbaik - Aziz M. Osman

Pelakon Harapan Lelaki - Danny (X-Factor)

Pelakon Harapan Wanita - Jeslina Hashim

**\* SNIPERS**



Memaparkan 3 kisah yang berkaitan. Pertama mengenai Ah Loong yang bersahabat dengan Ah Ling. 2. Steven Tan - pekerja yang dihentikan menemui senapang yang dibuang Ah Loong dan 3. Pemilik restoran, Ismail yang berhutang dengan penjahat berhasrat menembak pemberi hutangnya dengan menggunakan senapang Ah Loong.

Penerbit : Vernon Adrian Emuang.

Pengarah : James Lee

Pelakon : Tan Eng Heng, Phang Khee Teik, Huzir Sulaiman, Sue Anne Gooi, Merissa The, Tan Paul Lau.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Sarawak Millennium Film Festival, 2002.

15th Singapore International Film Festival, 2002.

4th Cinemanila, 2002 (Philippines).

**\*Trivia** Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.

**\* SPINNING GASING**

Empat remaja tempatan mewakili setiap kaum ingin menubuhkan sebuah kumpulan muzik. Dalam usaha itu, mereka menemui banyak halangan, sehingga menemui konsep irama yang mampu mengangkat nama kumpulan mereka.

Penerbit : Dominique Hee, Teck Tan, Michael Tang .

Pengarah : Teck Tan

Pelakon : Ellie Suriaty, Craig Fong, Corinne Adri, Edwin R.

Sumun, Sanjeet Jarnail, Hani Mohsein.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

20th Hawaii International Film Festival, 2000 (USA)

Anugerah : NETPAC Award: Special Mention - Teck Tan.

3rd Cinemaya Festival of Asian Films (CINEFAN), 2001 (India)

Anugerah : Pelakon Wanita Terbaik - Ellie Suriaty

Penyertaan :14th Singapore International Film Festival,

2001 (Singapore), Malaysia Film Festival, September 2004 (Cathay Singapore).

**2002****\* ANAK MAMI THE MOVIE**

Aniq mempunyai dua adik iaitu Aisyah dan Sabrina. Dia bertemu dan jatuh cinta dengan Amelia tetapi konflik berlaku apabila kedua ibu bapa mereka masih mengikut tradisi lama. Mereka harus berkahwin dengan pilihan keluarga. Pasangan itu tidak berputus asa lalu memasang rancangan. Mereka ke rumah pasangan masing-masing dan menyamar menyertai program anak angkat dengan harapan dapat menambat hati ibu bapa masing-masing.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Farouk Hussin, Emilia Rosnida, Fiza (Elite), Shukor Mohaideen, Zahida

Rafik, Norlia Ghani, Cico Harahap, Pi'e, Ismail Din, Kartina Aziz, Maideen, Wan

Maimunah, Siti Shahrizah (Eja), Lan Pet Pet, Shafi Khan, Nasir Ali.

**\* CINTA 200 ELA**

Yazid dan Yati berkawan baik sejak kecil. Setelah dewasa mereka sama-sama bertugas sebagai caddy di sebuah Kelab Golf. Dalam diam-diam Yati menyimpan perasaan cinta terhadap Yazid. Di saat Yati bersedia untuk menyatakan perasaannya pada Yazid, tiba-tiba muncul Nor, pemilik sebuah Kelab Golf di Kuala Lumpur yang mengundang Yazid menjadi pemain golf amatur di Kelab mereka.

Penerbit : Raja Azmi, Penerbit Eksekutif - JAS Production Sdn Bhd.

Pengarah : Shadan Hashim

Pelakon : Rashid Sidek, Wardina, Raja Azura, Man Bai, Sophia Ibrahim, Redzuan Hashim, Mahyon Ismail, Zaibo, Rambo Chin,

Ramasundram.

\* Trivia - Rashid Sidek mempelajari teknik asas lakonan daripada Khalid Salleh selama tiga bulan sebelum penggambaran dimulakan.

### \* EMBUN



Embun, 17 tahun adalah wanita Melayu yang mempunyai semangat daya juang yang tinggi. Seperti abangnya yang menjadi penggerak utama Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Bayan Lepas, Pulau Pinang, Embun berpendapat kedatangan Jepun dapat digunakan untuk membebaskan Melayu dari penjajah Inggeris dan imperialisme.

Penerbit : Filem Negara Malaysia, FINAS.

Pengarah : Erma Fatima

Pelakon : Umie Aida, Hani Mohsein, Aqasha, Izi Yahya, Rahim Razali, Khatijah Tan, Ellie Suriaty, Ahmad Tarmimi Serigar, Wan Shades, Loloq, Razak Ahmad, Ismail Din.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Asia Pasifik ke-47, 2002 (Seoul)

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Khatijah Tan

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Pelakon Wanita Terbaik - Umie Aida

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Izi Yahya

Sinematografi Terbaik - Teoh Gay Hian

Penataan Seni Terbaik - Yee I-Lann

Skor Muzik Terbaik - Mokhzani Ismail

Anugerah Khas Juri 1 - Poster terbaik

Anugerah Khas Juri 2 - Nilai sejarah dan patriotisme

Anugerah Skrin TV3 ke-6, 2003

Filem Terbaik - Filem Negara Malaysia

Skrip Terbaik - Rohiman Harun

Pelakon Wanita Terbaik - Umie Aida

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Khatijah Tan

Sinematografi Terbaik - Teoh Gay Hian

Suntingan Terbaik - Kamaruddin Abu

### \* TriviA

Filem usahasama pertama terbitan FINAS dan Filem Negara Malaysia.

Skrip asal filem ini berjudul Titisan Air Mata Embun merupakan pemenang tempat

kedua Pertandingan Penulisan Skrip anjur FINAS dan Persatuan Penulis Skrip Malaysia (SWAM) pada tahun 1998.

### \* GERAK KHAS THE MOVIE II



Inspektor Mazlan dan Inspektor Aleeza ditugaskan menyiasat tentang satu sindiket penyeludupan dadah terbesar di Malaysia yang diketuai oleh seorang penjenayah yang bernama Raziman (Jalaluddin Hassan). Sindiket ini mempunyai berpuluhan-puluhan pengedar di seluruh negara dan dikaitkan dengan satu sindiket dadah antarabangsa.

Penerbit : Yusof Haslam-Skop Productions Sdn Bhd.

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : AC Mizal, Abby Abadi, Juliana Banos, Azri Iskandar, Normala Samsudin, Jalaluddin Hassan.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Suntingan Terbaik - Salehan Shamsuddin

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Bertemakan Membendung Jenayah

Anugerah Skrin TV3 ke-6, 2003

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Faizal Hussein.

### \* IDOLA



Farah adalah seorang peguam syariah yang terkenal dan juga kakak kepada Nana. Manakala Mukriz pula adalah abang serta pengurus kepada penyanyi popular Elise. Masalah mula timbul apabila Nana mula menjadikan penyanyi popular, Elise sebagai *role-model*. Bagi Farah, manusia di dunia hiburan tidak layak untuk dijadikan *role-model*. Ketika inilah Farah mula berkenalan dengan Mukriz dan lama-kelamaan dia mula menaruh hati terhadap Mukriz.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman.

Pelakon : Norman Hakim, Normala Samsudin, Jeslina Hashim, Sharifah Aleya, Danny (X-Factor), Sheila Mambo, Wahid (Senario), M. Rajoli, Julie Dahlan, Nor Aliah Lee, Halim Othman.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Anugerah Skrin TV3 ke-6, 2003

Pelakon Harapan - Sharifah Aleya.

### \* KL MENJERIT / 2002



Shahrol, seorang yang agresif dan suka bertindak mengikut perasaan remajanya. Shahrol yang bersekolah setakat tingkatan empat berhijrah ke Kuala Lumpur mencuba nasib. Tanpa kelulusan tinggi, dia hanya dapat kerja sebagai pembantu di bengkel motor. Kerana kesabarannya dia berjaya menjadi mekanik. Kehidupannya dilingkungi dunia permotoran.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd.

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Nisdawati, Faizal Hussein, Danny (X-Factor), Saiful Azam (Senario), Liza Hanim, Hasnul Rahmat, Rashidi Ishak, Rahim Razali, Vanida Imran, Sathiya, Kudsia Kahar (Era).

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Filem Terbaik - Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah Terbaik - Badaruddin Azmi

Cerita Terbaik - Badaruddin Azmi

Lakonlayar Terbaik - Badaruddin Azmi

Pelakon Lelaki Terbaik - Rosyam Nor

Penataan Bunyi Terbaik - Azman Abu Hassan

Pelakon Harapan Lelaki - Hasnul Rahmat

Pelakon Harapan Wanita – Nisdawati

Anugerah Skrin TV3 ke-6, 2003

Pengarah Terbaik - Badaruddin Azmi

Pelakon Lelaki Terbaik - Rosyam Nor

#### \*TriviA

Pemilihan nama watak Rosyam Nor iaitu Shahrol merupakan penghargaan kepada penunggang motosikal profesional Malaysia - Shahrol Yuzi (beliau pernah muncul dalam iklan anti lumba haram tajaan Petronas). Nama penunggang motosikal profesional Malaysia yang disebut dalam filem ini ialah Shahrol Yuzi, Meng Heng dan Meganathan. Filem ini merupakan penampilan kedua Rosyam Nor sebagai watak utama selepas Suami, Isteri dan ...? (1996). Mesej "Berlumba motosikal secara haram adalah salah di sisi undang-undang" dipaparkan semasa adegan lumba haram.

### \* MAMI JARUM



Mami Jarum ialah seorang yang angkuh dan menganggap dirinya sahaja yang sempurna. Sikap mementingkan harta kedudukan serta mencari kesalahan orang lain, selain bercakap besar adalah tabiat buruk yang telah sebatik dalam dirinya. Setelah diceraiakan oleh suaminya, Mami Jarum tinggal bersama dua orang anak gadisnya. Anak sulung, Shiqah, bekerja sebagai setiausaha sulit di sebuah syarikat. Manakala anak bongsunya, Syafinaz, merupakan pelajar universiti.

Penerbit : Metrowealth Movies

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Kartina Aziz, Vanida Imran, Zahida Rafiq, Rita

Rudaini, Sheila Mambo, Ezad (Exists), Piee, Maideen, Ismail Din, Norlia Ghani, Rosnah Mat Aris, Rashidi Ishak.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Pelakon Komedi Terbaik - Kartina Aziz

Penyertaan : 1st UK-Malaysia Film Festival, 2004

### \* MENDAM BERAH



Kisah bermula mengenai kapal Mendam Berahi milik Sultan Mansur Shah yang dilarikan oleh Laksamana Khoja Hassan yang meninggalkan Melaka bersama harta karun semasa serangan Portugis pada tahun 1511. Selepas 500 tahun, pihak kerajaan melantik sebuah agensi untuk mencari kapal itu. Agensi tersebut diketuai Madam X yang mengarahkan tiga ejennya Edsa, Tania dan Sara yang dilatih oleh Komander Jiman untuk mengesan kapal tersebut di Kepulauan Sulu. Datuk Azmi, musuh ketat Madam X begitu marah dan iri hati apabila tidak mendapat tender tersebut. Dia mengupah Tiger Telly untuk mensabotaj rancangan Madam X dan tiga srikandinya.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Z. Lokman

Pelakon : Nurul Jasmin Deo, Shaleen Cheah , Tracy Trinita (Indonesia), Rita Rudaini, Jalaluddin Hassan, Jaira Gomez (Filipina), Eizlan Yusof, Zami Ismail, Komander Jiman, Yasin Sulaiman, T. Gonzalez (Filipina), Imuda, Mokhtaruddin, Hussein Abu Hassan, Mega Utami (Indonesia).

### \* MR. CINDERELLA

Hakimi, seorang penulis skrip bebas sedang memandu kereta dan meredah hujan ribut di waktu malam untuk menghantar pulang anaknya, Imelda ke rumah bekas isterinya. Semasa dalam perjalanan, Hakimi membantu seorang gadis yang terperangkap dan merawat gadis itu yang cedera parah dan meninggalkannya di tempat kemalangan setelah menghubungi ambulans tanpa mengetahui bahawa gadis tersebut adalah Puteri Megawati, puteri mahkota negara Indrapuri Darul Kasih.

Penerbit : Penerbit Bersama : Kuasatek Pictures Sdn Bhd., Skop Productions Sdn Bhd.

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Erra Fazira, Yusry (KRU), Umie Aida, Aziz M. Osman, Helmi Gimmick, Opie Zami.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Anugerah : Pengarah Harapan - Ahmad Idham.





### \* SOALNYA SIAPA?

Sambungan kisah percintaan antara Nurul Ain dengan Ahmad Daniel. Hubungan mereka kembali teruji apabila Ain mula bersikap dingin setelah muncul orang ketiga. Keputusan Ain menerima pinangan orang lain merupakan tamparan hebat kepada Daniel. Masalah semakin rumit apabila Daniel secara spontan membuat pengakuan bahawa Profesor Dr. Sofiah adalah tunangnya.

Penerbit : Habsah Hassan, Mohamed Jusoh

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Erra Fazira, Afdlin Shauki, Zaibo, Piee, Khatijah Tan, Ellie Suriaty, Rashid Salleh, Wan Maimunah, Sharifah Shahira, Linda Onn, Jaafar Onn, Aziz Satar, Yusni Jaafar.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-16, 2003

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Ellie Suriaty

Festival Filem Asia Pasifik ke-48, 2003 (Iran).

### \* ROOM TO LET



Berg tiba di Kuala Lumpur dan secara kebetulan menemui Andrew. Andrew menawarkan Berg katil yang disewanya di sebuah Banglo lama. Berg menetap di Banglo itu dan berkawan dengan penghuni lain Banglo itu. Seorang pelukis, penghuni Banglo itu didapati hilang dan Berg turut membantu menyelesaikan misteri itu bersama-sama penghuni Banglo itu.

Penerbit : Rogayah Shahariman, Sylvia Tan,

Penerbit Eksekutif - Doghouse73 Pictures

Pengarah : James Lee

Pelakon : Berg Lee, Bok Lai, Bernard Chauly, Len Siew Mee, Suet Kim, Chong Sheon Wei, Koh Choon Eiow, Gan Hui Yee, Tay Chin Fie, Loh Kok Mun, Goh You Ping, David Ngu.

### \*Anugerah & Festival Filem :

5th Deauville Asia Film Festival, 2003 (France).

27th Hong Kong International Film Festival, 2003.

Bangkok International Film Festival, 2004 (Thailand).

Penyertaan : 16th Singapore International Film Festival, 2003.

26th Asian American International Film Festival, 2003 (New York).

International Filmscreening Festival Guangzhou (China).

5th Cinemaya Asian Film Festival, 2003 (India).

5th Makati Cinemanila, 2003 (Philippines).

4th SeNef (Korea).

27th Montreal World Film Festival.

Asian Film Symposium, 2003 (Singapore).

6th Barcelona Film Festival, 2004 (Spain).

**2003**

### \* AKU KAYA THE MOVIE



Tiga beradik, Yassin, Yassan dan Yassun terjumpa sebuah naskah lama peninggalan arwah ayah mereka. Naskah itu mengandungi salasilah keturunan keluarga mereka sejak dari zaman batu, zaman lanun, zaman Jepun, hingga ke zaman kini. Naskah itu juga mengandungi rahsia tentang kewujudan pedang hikmat yang menjadi rebutan semua orang. Dengan menggunakan wang yang dimenangi sebelum ini (kesinambungan dari VCD Aku Kaya), tiga beradik itu merakamkan perjalanan salasilah keluarga mereka.

Penerbit : Mariana Hashim, Roslan Ramli

Pengarah : Murali Abdullah

Pelakon : Yassin Yahya, Illya Buang, Hamdan Ramli, Jeslina Hashim, Rahim Razali, Munir (Phyne Ballerz), Ramasundram.

### \* BLACK MARIA



Pada tahun 1978, bot laju yang dipandu oleh Tuan Hashim kemalangan. Tuan Hashim berjaya menyelamatkan isterinya Puan Sabariah, dan Razlan anak sulung mereka berjaya menyelamatkan diri sendiri. Dua anak mereka, Rashid dan Rasul hilang ditelan ombak ganas. 23 tahun kemudian... Seorang bekas tentera elit, Azman, berjaya menyelamatkan Maria yang hampir dibunuh oleh Psycho, seorang pembunuh dan perogol bersiri. Maria ialah adik bongsu kepada Razlan (yang sedang menanti maut apabila disahkan menghidap kanser otak). Apabila Psycho sekali lagi cuba menceroboh rumah mereka, Razlan begitu

bimbang dengan keselamatan keluarganya apabila dia sudah tiada nanti.

Penerbit : Simfoni Makmur Sdn Bhd

Pengarah : Ambri Kailani Zain

Pelakon : Nisdawati, Eizlan Yusof, Azhar Sulaiman, Joe Radzwil, Julia Hana, Hamidah Wahab, Fasha Sandha, Hisham Ahmad Tajudin, Dian P. Ramlee, Zainurdin Ismail, Rose Iskandar.

### \* CINTA KOLESTROL

Keluarga Haji Zaini ada membuat perjanjian dengan keluarga Dato' Osman yang ingin menjodohkan kedua-dua anak mereka satu hari nanti. Perjanjian ini dilafazkan ketika anak-anak mereka masih kecil. Dua puluh tahun kemudian, kedua-dua mereka meningkat dewasa. Yusry kini jejaka tampan berpendidikan tinggi serta baru pulang ke tanah air. Manakala Fazira, membesar sebagai seorang gadis yang sangat gemuk, mempunyai personaliti yang kurang menarik serta ketinggalan dari segi perkembangan fesyen semasa.

Penerbit : KRU Motion Pictures, Erra Fazira Entertainment, Metrowealth Movies Production.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Erra Fazira, Yusry (KRU), Hafidzuddin Fadzil, Abu Bakar Omar, Aleeza Kassim, Farid Kamil, Edrinaz (Dynaz), Liza Zain.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah Khas Juri - Filem Box-Office.

### \* DIARI ROMEO



Dani seorang pemuda yang baik dan lurus orangnya namun menyimpan hasrat untuk menjadi seorang remaja lelaki yang hebat bergaya dan bebas pergaulan. Kehidupannya dipenuhi dengan permasalahan peribadi berkenaan bagaimana untuk mengubah sikap dan penampilannya. Dani menyimpan hasrat untuk memiliki teman wanita di kolej tempatnya belajar. Namun, Dani gagal lantaran sifat dan penampilan yang janggal dalam pergaulan.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Zulkifle M. Osman

Pelakon : Achik (Spin), Zach (X-Factor), Sharifah Nadia, Fendi (X-Factor), Sharifah Aleya, M. Rajoli, Sheila Mambo, Jalaluddin Hassan, Aida Rahim, Zami Ismail.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Pelakon Harapan Lelaki - Achik Spin.



### \* FIRST TAKE, FINAL CUT / 2003

Chai seorang pemuda yang bercita-cita menjadi pengarah filem terkenal bagi membolehkannya memperolehi teman wanita yang terdiri daripada artis filem dan model. Dengan secara tidak sengaja dia ditawarkan menjadi pengarah sebuah filem yang ditinggalkan oleh seorang pengarah lain. Dengan pelbagai cabaran serta tanpa pengalaman mengarah filem, Chai terpaksa menghasilkan sesuatu dalam waktu seminggu kerana hasil kerjanya diperlukan bagi menyertai festival budaya. Dalam proses itu, Chai mempelajari banyak hal mengenai filem dengan menghadapi pelbagai cabaran bagi memenuhi cita-citanya.

Penerbit : Doghouse73 Pictures

Pengarah : Ng Tian Hann

Pelakon : Ong Kok Liang, SeowEe Chee, Kiew Suet Kim, Hui YeeLing, Koh Choon Eiow.


#### \* Anugerah & Festival Filem:

8th Malaysia Video Awards, 2003 - Best ASEAN Feature - Bronze Award

#### \* TriviA

Filem ini berkongsi anugerah Best ASEAN Feature dengan filem The Big Durian (2003) pada Malaysia Video Awards 2003.

### \* GEDEBE



Caesar melantik dirinya sendiri sebagai pemimpin sebuah puak sekaligus mengundang keresahan di kalangan pengikutnya, terutama dari Cassius dan Brutus. Lebih-lebih lagi kerana Caesar berniat untuk menyatukan puak-puak lain yang selama ini bertelalah. Cassius, pada awalnya merupakan pengikut setia Caesar tetapi kemudiannya menjadi musuh yang berhasrat untuk menjatuhkan Caesar. Untuk menunaikan hasratnya, Cassius bersekongkol dan menghasut Brutus, orang kanan Caesar untuk mengkhianati Caesar.

Penerbit : Amir Muhammad, Rosihan Zain

Pengarah : Nam Ron

Pelakon : Zul Huzaimey Marzuki, Md Ezendy Aziz, Mohammad Hariy Abdul Jalil, Hairul, Anuar Harun, Azizi Mohd Said, Rosli Mohd Talib, Hadi Tahir.

\* TriviA - Skrip asal Gedebe pernah dipentaskan di Panggung Eksperimen, Kuala Lumpur pada tahun 2001. Filem ini diluluskan dalam kategori 18PL. Filem ini tidak ditayangkan di pagawangam.

### \* GILA BOLA



Damak, seorang pemuda kampung membawa diri ke bandar kerana merajuk dengan sikap beberapa kawannya dalam pasukan bola sepak yang menyalahkan dirinya. Ini kerana Damak gagal membuat sepakan penalti yang amat penting bagi menentukan kalah menang pasukan mereka. Di bandar, Damak bekerja di sebuah restoran makanan segera. Dia berkawan dengan Lisa dan dalam tidak sedar mereka saling mencintai. Namun, beberapa insiden berlaku terutama hadirnya orang ketiga, menyebabkan cinta mereka bergolak.

Penerbit : Nizarman Sdn Bhd

Pengarah : Zulkiflee Md. Said

Pelakon : Fazley, Linda Onn, Opie Zami, Saiful Apek, Syanie, Cico Harahap, Julia Hana, Ako Mustapha, Accapan, Aziz M. Osman.

### \* GILA-GILA PENGANTIN



Aliah seorang gadis yang ingin berkahwin, tetapi mempunyai satu phobia di mana dia takut dengan acara perkahwinan itu sendiri setelah apa yang terjadi ke atas dirinya semasa kecil. Dalam masa yang sama seorang jejaka juga berkongsi masalah yang sama dengan Aliah. Mereka bertemu di dalam dunia cyber dan beramah mesra dengan perbualan masing-masing sehingga hari ini. Kedua-dua pasangan ini sudah mempunyai pasangan masing-masing dan apabila tiba hari perkahwinan masing-masing phobia itu menghantui diri mereka.

Penerbit : Yusof Haslam, Aziz M. Osman, Skop Productions Sdn Bhd .

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Erra Fazira, Norman Hakim , Juliana Banos, Hairie Othman , Salleh Yaacob, Syanie Hisham, M. Rajoli, AR Badul, A. Galak.

### \* ISKANDAR



Karl Iskandar, anak Tan Sri Hisham Al-Bakri pulang ke tanahair untuk mengambil alih perniagaan ayahnya. Namun, kepulangannya membongkar satu komplot pembunuhan seorang jutawan, Vincent Cheah, yang dilakukan oleh Ringgo seorang ketua gangster yang beroperasi di Kuala Lumpur. Di sebalik komplot pembunuhan itu, Karl Iskandar menemui satu kebenaran di mana ternyata ayahnya, Tan Sri Hisyam Al-Bakri juga terbabit di dalam perniagaan haram dan menjadi dalang di sebalik komplot pembunuhan itu.

Penerbit : SV Production Sdn Bhd

Pengarah : Nagaraj

Pelakon : Awie, Jeslina Hashim, Farouk Hussein, Bob Lokman, Jalaluddin Hassan, Radhi Khalid, Hetty Sarlene, Bob Khairul, Aleeza Kassim, Maideen, Accapan.

### \* JANJI DIANA



Diana seorang gadis bermasalah yang menyalahkan bapanya di atas kematian ibunya dan menyebelahi kata-kata ibu tirinya. Dia juga mempunyai masalah mempercayai lelaki sehingga dia bertemu dengan Haikal, seorang jejaka yang tidak percaya pada perempuan setelah mendapati bahawa tunangnya sendiri berlaku curang terhadapnya. Sebaiknya mereka berdua hampir saling mempercayai diri masing-masing, Sabrina bekas tunang Haikal muncul semula dalam hidup Haikal mencuba memisahkan mereka  
Penerbit : Yusof Haslam, Ismail Mustapha.

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Erra Fazira, Rosyam Nor, Sarimah Ibrahim, Faizal

Hussein, Elly Mazlein, Fazley, Intan Sarafina, Helmi Gimmick, Zul (Handy Black), Zack (Kool).

### \* JUTAWAN FAKIR

Fakir Bin Miskin, adalah seorang anak muda yang bekerja sebagai budak pejabat di sebuah syarikat di ibu kota. Perwatakan dan gelagatnya yang sentiasa ceria membuatkan rakan sepejabatnya sentiasa terhibur. Namun, Fakir sentiasa kesempitan wang kerana sering meminjamkan duitnya kepada teman wanitanya, Zura, menyebabkan hutangnya keliling pinggang. Walau bagaimanapun, nasib menyebelahi Fakir apabila dia menemui sebuah beg berisi banyak wang dan sejak itu kehidupannya berubah. Kekayaannya berlipat ganda apabila pelaburannya membawa hasil. Namun demikian, jiwa Fakir mula gelisah apabila mendapat tahu wang yang dijumpai itu adalah wang rompakan.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Waheeda, Kuman (KU2), Azza (Elite), Piee, Imuda, Azlee Jaafar, Nasir Ali.

### \* LAILA ISABELLA



Seorang gadis biasa, lasak dan kasar ala tomboy bernama Laila gemar bermain pool dan menaiki skuter. Laila berkawan rapat dengan Azam dan Azam menaruh hati kepada Laila tanpa pengetahuannya. Laila bertugas sebagai pembantu Azam di kedai menjual VCD. Laila jugalah yang menghantar VCD yang dipesan oleh pelanggan. Kedai itu dimiliki oleh Azam, seorang graduan universiti yang tidak bergantung kepada kemewahan keluarganya. Mereka rapat tetapi kerap kali bergaduh.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Rashid Sibir.

Pelakon : Rosyam Nor, Nasha Aziz, Saiful Apek, Syanie, Hans Isaac, Erma Fatima, Liza Hanim, Yusni Jaafar, Azean Irdawaty, Kudsia Kahar, Seelan Paul.

### \* LANG BUANA



Tiga pemuda iaitu Gunung, Daik dan Bercabang mlarikan diri daripada menjadi hamba kepada Oang kaya Seri Bentan. Mereka bertiga berhenti disebuah kota lama bernama Lang Buana dan disambut meriah oleh penduduk kampung itu kerana disangka putera raja yang dapat menyelamatkan kota itu daripada serangan Sang Nira. Terperangkap oleh keadaan, ketiga-tiga pemuda itu terpaksa menyamar menjadi putera raja dan merangka taktik peperangan bagi memperkuatkan benteng pertahanan Lang Buana.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Azlee Jaafar, Wahid, Mazlan Pet Pet, Saiful Apek, Kuswadinata, Shamsul Ghau Ghau, Loloq.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah : Anugerah Khas Juri 1 - Poster Terbaik

Anugerah Khas Juri 2 - Filem yang berunsur kesetianegaraan dan perpaduan kaum.

### \* MAMI JARUM JUNIOR



Rita ialah seorang 'andartu' yang gemar membawa mulut dan memecah-belahkan kehidupan orang lain. Memandangkan rakan baiknya Mami Jarum telah insaf, maka Rita berbaik-baik dengan Chombee (Mami Jora). Rita selalu mengada-adakan cerita buruk yang mengatakan bahawa Mami Jarum selalu mengutuk Chombee. Tindakannya itu telah menyebabkan Chombee perang besar dengan Mami Jarum. Rita juga membantu Chombee untuk mencari jodoh Zaid dan untuk dirinya sendiri. Ini kerana Rita sering dikutuk orang sebagai 'andartu' dan dia telah mengubah penampilannya. Pelbagai masalah dan ragam terpaksa mereka hadapi.

Penerbit : Metrowealth Movies Production.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Rita Rudaini, Ezad (Exists), Azza (Elite), Ismail Din, Norlia Ghani, Piee, Maideen, Vanida Imran, Zahida Rafiq, Sheila Mambo, Rosnah Mat Aris, Rashidi Ishak.

### \* MISTIK

Sekumpulan penuntut universiti membuat kajian mengenai kewujudan unsur-unsur mistik dalam budaya Melayu dan mereka perlu mendokumentasikannya dalam bentuk filem. Mereka memilih sebuah pulau yang terpencil dan tidak berpenghuni untuk menjalankan kajian tersebut. Mereka semua menuju ke Pulau Bayu Biru dan terpaksa menempuh pelbagai kejadian aneh lagi menakutkan.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Nisdawati, Shaleen Cheah, Rita Rudaini, Ezad

(Exists), Uji Rashid, Ismail Din.

### \*Anugerah & Festival Filem

Penyertaan : 1st UK-Malaysia Film Festival, 2004.

**\* MR. CINDERELLA 2**



Hakimi menerajui syarikat Megapuri Berhad yang diasaskan oleh Megawati – tunangnya dalam usaha mengkorporatkan pemikiran Hakimi. Megawati mahu Hakimi lebih serius serta diberi tanggungjawab menerajui syarikat. Hakimi membuktikan kemampuannya dengan menjalin kerjasama secara diam-diam dengan syarikat Agro Products di New Zealand. Kemunculan Anis, Presiden Agro Products yang menaruh hati dengan Hakimi menjelaskan pertunangan Megawati dan Hakimi.

Penerbit : Mohd Noor Kadir, Yusof Haslam

Pengarah : Din CJ

Pelakon : Erra Fazira, Yusry (KRU), Maya Karin, Anita Sarawak, Opie Zami, Rashid Salleh, M. Rajoli, Khatijah Ibrahim, Helmi Gimmick, Ismail Hutson, Umie Aida, Jalaluddin Hassan, Jamali Shadat, Kapt. Mohd Nor Bon, Harun Salim Bachik.

**\* MX3**



Tiga sahabat - Masdor, Mamat dan Malek - menubuhkan syarikat penyiasat persendirian, MX3. Sepanjang menjalankan operasi penyiasatan, mereka sering mendapat kes-kes kecil sahaja sehingga muncul Puan Lolita yang sanggup membayar upah mahal untuk mengintip suaminya yang mempunyai hubungan sulit. MX3 berjaya menyelesaikan kes itu dalam jangka masa yang singkat. Lantaran itu, sebuah syarikat insurans melantik mereka untuk menyiasat tuntutan palsu sebanyak RM10 juta yang dibuat oleh Marissa.

Penerbit : Yusof Kelana, Fetty Ismail, Yusof Haslam

Pengarah : Yusof Kelana

Pelakon : Saiful Azam (Apek), Faizal Hussein, Zul Yahya, Sarimah Ibrahim, Syanie, Julianne Banos

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah : Pelakon Komedi Terbaik - Sheila Rusly.

**\* RABUN**



Pak Atan dan Mak Inom, pasangan berumur 60 tahun dan bersara sudah jemu dengan penghidupan kota. Selepas menerima pesaka sebuah rumah di kampong, Mak Inom berhijrah ke kampong. Namun, selepas beberapa ketika, pasangan itu mengambil keputusan untuk berhijrah ke Bandar semula.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : Yasmin Ahmad

Pelakon : M. Rajoli, Kartina Aziz, Rozie Rashid, Irwan Iskandar, Norkhiriah, Nor Ibrahim, Ho Yuhang

**\*Anugerah & Festival Filem**

8th Malaysia Video Awards, 2003

Anugerah : Best ASEAN Feature - Gold Award

Festival Filem Torino ke-21, 2003 (Itali) - Anugerah : Tiada

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-16, 2003.

5th Cinemaya Festival of Asian Films (CINEFAN), 2003 (India).

**\*TriviA** -Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.

### \* PALOH



Sekitar tahun 1944, penduduk Tanah Melayu terpaksa hidup dalam tekanan akibat berlakunya konfrontasi antara tentera Jepun dengan Parti Komunis Malaya. Empat sahabat - Ahmad, Osman, Puteh dan Harun berkhidmat sebagai Polis Jepun, dan mereka turut tersepit di tengah-tengah pergolakan yang berlaku. Ini termasuklah percintaan Ahmad dengan Siew Lan dan percintaan Puteh dengan Fatimah. Siew Lan selama ini diperalatkan oleh keluarganya sendiri bagi mendapatkan maklumat sulit tentera Jepun melalui Ahmad. Fatimah pula mendapat penentangan daripada bapanya yang tidak bersetuju dengan orang Melayu

sebagai Polis Jepun. Sementara itu, Osman yang bertugas sebagai perisik Jepun memasuki pasukan komunis untuk membala dendam terhadap kematian bapanya yang berbangsa Cina.

Penerbit : Filem Negara Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Pengarah : Adman Salleh

Pelakon : Janet Khoo, Gibran Agi, Ellie Suriaty, Hasnul Rahmat, Ani Maiyuni, Thor Kah Hong, A. Samad Salleh, Rohani YusuffAnugerah & festival filem

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Asia Pasifik ke-48, 2003 (Iran)

Anugerah :

Anugerah Khas Juri - Filem Negara Malaysia

Pertandingan : Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah :

Filem Terbaik - Filem Negara Malaysia

Pengarah Terbaik - Adman Salleh

Sinematografi Terbaik - Teoh Gay Hian

Skor Muzik Terbaik - Ayob Ibrahim

Penata Seni Terbaik - Fadhil Ahmad

Penata Bunyi Terbaik - Azreedin Hamzah

Pertandingan :

Bangkok International Film Festival, 2004 (Thailand).

Anugerah : Tiada

Anugerah Skrin TV3 ke-7, 2005

Anugerah :

Filem Terbaik - Filem Negara Malaysia

Penyertaan :

17th Singapore International Film Festival, 2004 (Singapore).  
Malaysia.

**\* THE BIG DURIAN**



Filem ini bertolak dari kejadian amok Prebet Adam pada 18 Oktober 1987, peristiwa yang menggemparkan negara. Prebet Adam mengamok dan melepaskan tembakan senapang M-16 di kawasan Chow Kit, akibatnya seorang terbunuh dan dua orang cedera. Kekecohan tentang kemungkinan berlakunya rusuhan kaum tersebut dengan begitu cepat. Masyarakat berbilang kaum menunggu berita lanjut tentang kejadian tersebut, namun yang muncul cumalah khabar angin.

Penerbit : James Lee, Rogayah Shahariman

Pengarah : Amir Muhammad

Pelakon : Bernice Chauly, Erna Mahyuni, Farish A. Noor, Ghafir Akbar, Anne James, Jo Kukathas, Low Ngai Yuen , Nam Ron, Nell Ng, Michael Oo, Nigel Rajaretnam, Rashid Salleh, Salleh Ben Joned, Zedeck Siew, Sandra Sodhy, Soh Boon Tat, Patrick Teoh, Chacko Vadaketh.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

8th Malaysia Video Awards, 2003 - Anugerah : Best ASEAN Feature - Bronze Award;  
 Yamagata International Documentary Film Festival, 2003 (Japan)  
 Anugerah : New Asian Currents Award : Special Mention – Amir Muhammad;  
 Vancouver International Film Festival, 2004 - Anugerah : Special Mention - Amir Muhammad, Sundance Film Festival, 2004 (USA), Bangkok International Film Festival, 2004 (Thailand), 5th Jeonju International Film Festival, 2004 (South Korea); 16th Singapore International Film Festival, 2003 (Singapore); 5th Cinemaya Asian Film Festival, 2003 (India); 5th Makati Cinemanila, 2003 (Philippines); 23rd Hawaii International Film Festival, 2003 (USA) & 3rd Commonwealth Film Festival, 2004 (Manchester).

**\* Trivia :** Filem ini tidak ditayangkan di pawagam. Filem ini berkongsi anugerah Best ASEAN Feature dengan filem First Take, Final Cut (2003) pada Malaysia Video Awards 2003.

## 2004

**\* AKU NO 1**

Ia mengisahkan persaingan antara dua orang pengacara televisyen, Aznil dan Azwan, yang masing-masing mengatakan bahawa mereka adalah pengacara nombor satu di Malaysia!

Penerbit :

Pengarah: Aznil Nawawi

Pelakon : Aznil Nawawi, Azwan Ali, Jeslina Hashim, Jaffar Onn, Rosnah Mat Aris.



### \* AH LOK KAFE



Ah Loke Kafe diusahakan oleh keluarga Tan Ah Lok yang secara kebetulan adalah peminat tegar Elvis Presley. Kafe ini begitu popular di kalangan pengunjungnya dan ia turut menyediakan pelanggannya untuk berkaroke. Walau bagaimanapun, Ah Lok menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan operasi kafenyah apabila anak perempuannya menghidapi penyakit jantung. Bagi membolehkannya menampung perubatan anaknya, Ah Lok berhasrat menjual kafenyah kepada seorang kontraktor yang berhasrat memusnahkan Ah Loke Kafe Untuk dijadikan kondominium.

Penerbit : Reggie Lee, Anwardi Jamil, Richard Rajoo

Pengarah : Anwardi Jamil

Pelakon : Leonard Tan, Shawn Lee, Cheryl Lee, Ida Nerina, Masnida Samsudin, Saiful Izham Iskandar, Nell Ng, Man Bai, Reshmonu.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005 - Anugerah : Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Shawn Lee.

### \* BERLARI KE LANGIT



Kepulangan Indra sembilan bulan dari laut mengejutkan ramai orang. Terutama Zulhijah, kekasih Indra yang sekarang ini sudah menjadi tunang Bukhari dan bakal dinikahkan. Indra bersyukur ke atas kepulangan dari tragedi ribut yang menelan dua nyawa rakannya dan mendamparkan dia di sebuah pulau selama sembilan bulan. Kini, Indra merasa sia-sia setelah pulang setelah tahu kekasihnya Zulhijah bakal menjadi isteri orang.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Fasha Sandha, Hasnul Rahmat, Adik Danial Hazly, Saiful Apek, Adman Salleh.

### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah : Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Danial Hazly

Festival Filem Asia Pasifik ke-49, 2004 (Fukuoka, Jepun)

Anugerah : Sinematografi Terbaik - Mohamad Azla Kamaruddin.

### \* BIAR BETUL



Tiga beradik (lakonan Afdlin, Wahid dan Syanie) terjebak dalam dunia rompakan kerana kesempitan hidup. Pada hari yang sama ketika mereka bertiga sedang merancang sebuah rompakan, mereka bertembung dengan seorang pencopet (Yassin) yang dikejar polis kerana mencuri beg duit milik Apek. Bimbang ditangkap, mereka bertiga melarikan diri bersama-sama Yassin dan Apek ke hutan. Bermula daripada pelarian itulah, pelbagai insiden menarik dan lucu berlaku.

Penerbit : Ace Motion Pictures Sdn Bhd, Gitu-Gitu Productions Sdn Bhd & Nizarman Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Afdlin Shauki, Syanie, Wahid (Senario), Saiful Apek, Yassin, Accapan, Linda Onn.

**\* BICARA HATI**



Seorang pelajar bernama Noraini terpikat dengan gurunya sendiri. Noraini juga kurang menumpukan perhatian kepada pelajaran. Kedatangan guru bahasa Inggeris yang baru, Hadi berjaya memberi sinar baru kepada para pelajar sekolah itu dan akhirnya mereka lulus dengan cemerlang.

Penerbit : Rosnani Jamil, Ruhani Abdul Rahman, Penerbit Bersama Hanis Halim, RJ Production Sdn Bhd.

Pengarah : Rosnani Jamil

Pelakon : Nur Fazura, Nick Mikhail, Tengku Shahirah, Zamarul Hisham, Jalaluddin Hassan, Norlida Ahmad.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Pelakon Harapan Wanita - Nur Fazura.

**\* BINTANG HATI**

Walaupun bergelar penyanyi terkenal, Syakila tidak berpuas hati kerana belum dapat mengatasi populariti penyanyi Jelly. Lagu-lagu nyanyian Jelly mengatasi lagu nyanyian Syakila dalam carta lagu top ten. Sikap ego dan tidak berdisiplin Syakila sering mendarangkan masalah pada Tasya, pengurus Syakila. Tasya terpaksa mengatasi dan menutup kelemahan Syakila untuk tidak menjelaskan kedudukannya sebagai penyanyi kesayangan.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Amy Mastura, Anuar Zain, Fasha Sandha, Jaafar Onn, Umie Aida, M. Rajoli, Rosnah Mat Aris, Saiful Apek, Erma Fatima.

**\* BISIKAN REMAJA**



Kisah kehidupan sekumpulan remaja yang menuntut di sebuah kolej swasta. Mereka menghadapi cabaran suka duka sebagai pelajar. Antara persoalan yang diketengahkan ialah isu kekeluargaan, persahabatan, pencapaian akademik, persaingan dalam bidang sukan serta maruah. Selain itu, filem ini juga memaparkan kisah percintaan remaja kolej, Amera dan Daniel.

Penerbit : Berjaya Film Production

Pengarah : Zulkeflie M. Osman, Din Glamour.

Pelakon : Nisdawati, Zed Zaidi, Hasnul Rahmat, Nasrizal Ngasri, AR Badul, M. Rajoli, Baharuddin Omar, Rosnah Johari, Kamarool Yusof, Rosyam Nor, Pansha, Aziz M. Osman.

### \* BUAI LAJU-LAJU



Zaiton ialah seorang wanita licik yang banyak muslihat. Zaiton berkahwin dengan Ibrahim, lelaki tua yang kaya, kerana hartanya, tetapi kecewa apabila hidupnya tidak mewah. Suaminya hanya kaya tanah, bukan duit. Zaiton menggoda Amran hingga lelaki itu sanggup buat apa saja, termasuk membunuh suaminya.

Penerbit : LeBrocqy Fraser Productions Ltd

Pengarah : U-Wei Saari Penulis U-Wei Saari

Pelakon : Eman Manan, Betty Banafe, Khalid Salleh, Liza Zain, Hasnul Rahmat, Baharuddin Omar, Adlin Aman Ramli, Anwar Idris.

### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah : Pelakon Lelaki Terbaik - Eman Manan

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-17, 2004

34th Rotterdam International Film Festival, 2005 (Netherlands).

### \* CINTA LUAR BIASA



Empat rakan karib iaitu Farah, Husin, Adam dan Hamidah berjanji untuk berjumpa semula (re-union) selepas sepuluh tahun tamat pengajian di universiti. Sepuluh tahun berlalu, Farah kini bertugas sebagai jurugambar, Hamidah sebagai kolumnis majalah hiburan, Husin sebagai jurukamera serta Adam sebagai guru muzik. Kesibukan membuat Farah tidak ada masa untuk bercinta. Walau bagaimanapun, Farah mengenali seorang peguam muda bernama Halim - seorang yang terpelajar tetapi malangnya mempunyai karektor yang agak ‘clumsy’. Seperti dijanjikan, mereka akhirnya mengambil keputusan untuk bertemu di Pulau Langkawi.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Rashid Sibir

Pelakon : Nasha Aziz, Saiful Apek, Hans Isaac, Shanie, Ako Mustapha, Erma Fatima,

Fauziah Nawi, Norlia Ghani, Jasmin Hamid, Umie Aida, Aqasha, Wan Maimunah,

Rosnah Mat Aris

### \* BULI

Nordin menghadapi masalah kurang keyakinan diri akibat bentuk fizikal badannya yang gemuk. Masalahnya terbawa-bawa hingga dia menjadi seorang eksekutif syarikat komputer di Cyberjaya. Malah dia juga masih lagi menjadi mangsa buli rakan sekolahnya, Roy yang muncul di tempat kerja Nordin sebagai pengurus.

Penerbit: Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Nasha Aziz, Hans Isaac, Sharifah Shahira, Hattan, Ako Mustapha, Patrick Teoh.

### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Cerita Asal Terbaik - Afdlin Shauki

Lakonlayar Terbaik - Afdlin Shauki

Pengarah Harapan - Afdlin Shauki.

9th Malaysia Video Awards, 2004

Best ASEAN Feature - Silver Award.

Anugerah Skrin TV3 ke-7, 2005

Anugerah : Pengarah Terbaik/Lakonlayar/Pelakon Lelaki Terbaik - Afdlin Shauki.

### \* DI AMBANG MISTERI



Natasha ingin menyiasat misteri pembunuhan dan kepercayaan penduduk di Pulau Indah Kayangan. Natasha yang ditemani oleh Dino dan Adam dari stesen televisyen Channel V8 dihantar oleh Dragon International Cooperation untuk membuat liputan mengenai kejadian aneh dan seterusnya cuba membongkar rahsia pulau itu.

Penerbit : Damien Leong, Cosmos Discovery Sdn Bhd

Pengarah : Silver Chung

Pelakon : Zamarul Hisham, Elaine Daly, Raja Azery, Tony Yusop, Kuswadinata, Melissa Saila, Wan Suhami, Hussein Abu Hassan, Nabila Huda

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Pelakon Lelaki Terbaik - Zamarul Hisham.

### \* GILA-GILA PENGANTIN REMAJA



Amir dan Mastura yang bakal menduduki peperiksaan SPM, berikrar akan berkahwin selepas tamat pengajian di universiti. Percintaan mereka dicemburui Fandi, rakan sekelas Mastura. Bapa saudara Amir, Bakar memberi galakan kepada Amir untuk terus belajar hingga ke menara gading. Kakak Mastura, Anita percaya masa depan yang cerah tidak semestinya bergantung pada kelulusan akademik. Ketika SPM berlangsung, Mastura terlewat menghadiri ujian kertas Matematik dan kecewa kerana berasa sudah gagal dalam peperiksaannya.

Penerbit : Yusof Haslam, Aziz M. Osman, Ismail Mustafa

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Zahnita Hussein, Aszerul Beego (Phyne Ballerz), Rozaidi Abdul Jamil, Afdlin Shauki

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Anugerah Khas Juri - Filem komedi.

### \* HINGGA HUJUNG NYAWA

Nora, gadis yang berasal dari keluarga miskin diterima belajar di sebuah kolej. Di sana dia bertemu dengan Kamil, seorang pemuda anak orang kaya. Kerana malu dirinya miskin, Nora berlagak seperti anak orang kaya, untuk menunjuk-nunjuk dia juga ada banyak wang tetapi kerap diminta daripada ibunya. Nora terpengaruh dengan kemewahan dan enggan mengaku asal-usulnya sebagai anak orang miskin gara-gara takut kehilangan Kamil yang kaya raya.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Erra Fazira, Yusry (KRU), Khatijah Tan, Abu Bakar Omar, Ismail Din, Serina Redzuawan, Piee, Maidin, Zahida Rafik, Norlia Ghani, Vanida Imran, Rashidi Ishak, Farid Kamil.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Pelakon Wanita Terbaik - Erra Fazira.

### \* I KNOW WHAT YOU DID LAST RAYA



Dr. Mira bersama kawan-kawannya, Lan, Fazzly, Yasir dan Sahida diculik oleh penjahat bernama Man akibat dari dendam yang telah sekian lama tersimpan. Sementara itu, ada misteri yang berlaku pada malam raya menyebabkan huru-hara satu kampung.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Azlee (Senario), Mazlan (Senario), Waheeda, Zamarul Hisham, Ebby Yus, Erra Fazira, Pie, Khatijah Tan, Aznah Hamid.

### \* KULIAH CINTA



Jojo (Johana) dan Faramy berkawan baik, namun, segalanya berubah apabila tibanya sesi kemasukan pelajar junior di Universiti tempat mereka belajar. Sebagai senior, mereka dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program induksi untuk pelajar-pelajar baru dan dalam diam Faramy terpikat kepada pelajar junior bernama Ayu. Kehadiran Ayu menjelaskan keakraban Jojo dan Faramy sedangkan mereka berkawan baik sejak di bangku sekolah lagi. Jojo yang berasa tersisih mengambil keputusan untuk menyertai program pertukaran pelajar ke Australia bagi melupakan Faramy.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Erra Fazira, Yusry (KRU), Zahnila Hussein, Saiful Apek, Zahida Rafik, Yassin, Farid Kamil, Azza (Elite), Cico Rashid.

### \* MAKAR



Kisah mengenai muslihat yang berlegar dalam persahabatan enam rakan di sebuah kolej. Pertemuan semula dalam satu majlis membongkar kisah tragedi yang berlaku beberapa tahun sebelumnya hingga seorang demi seorang menjadi mangsa pembunuhan ngeri.

Penerbit : Damien Leong , Suria Records Sdn Bhd, Penerbit Bersama-Cosmos Discovery Sdn Bhd.

Pengarah : Silver Chung

Pelakon : AC Mizal, Soraya Dean, Rashidi Ishak, Jason Chong, Azza (Elite), Rita Rudaini, Vanidah Imran, Tomok.

**\* MIN**

Seorang gadis Cina bernama Min - yang dipelihara oleh sebuah keluarga Melayu - keluar mencari ibu kandungnya yang tidak pernah dia temui. Menurut maklumat dari rakan sekolahnya, ibu kandungnya masih hidup dan kini sedang berkerja di sebuah kilang.

Penerbit : Tiara Jacqueline

Pengarah : Ho Yuhang

Pelakon : Kok Mae Ling, Ahmad Bin Hashim.

**\*Anugerah & Festival Filem :**

8th Malaysia Video Awards, 2003 - Best ASEAN Feature - Silver Award

Festival Filem Tiga Benua ke-25, 2003 (Nantes, Perancis) - Anugerah Khas Juri

Festival Filem Antarabangsa Jeonju ke-5, 2004 (Korea Selatan)

Anugerah Khas Juri - Menghargai Gambaran Realistik Tentang Wanita & Kebudayaan Malaysia Dalam Sebuah Kisah Yang Mudah Dan Puitis.

Festival Filem Antarabangsa Cinemanila ke-6 (Makati, Filipina), 2004 -Anugerah NETPAC

Festival Filem Antarabangsa Singapura ke-16, 2003

5th Cinemaya Festival of Asian Films (CINEFAN), 2003 (India)

Festival Filem Torino ke-21, 2003 (Itali)

Brugge Cinema Novo Film Festival, 2004 (Belgium).

**\* PONTIANAK HARUM SUNDAL MALAM**

Filem ini bertumpu kepada rentetan kejadian misteri yang berlaku pada dua era iaitu zaman lampau dan masa kini. Pada lewat 1940-an primadona gamelan, Meriam tersepit di antara cinta dua lelaki, Marsani dan Danial. Meriam akhirnya memilih Danial lalu menyebabkan Marsani cemburu. Meriam kemudiannya dijumpai mati ketika hamil anak sulungnya. Sejak itu, kampung terbabit tidak lagi aman apabila berlaku pelbagai kejadian menakutkan. Marsani hidup dalam ketakutan dan selalu dibayangi mimpi ngeri Meriam yang dianggap menjadi pontianak. Lebih 50 tahun berlalu, Marsani terus menghabiskan sisa-sisa hidupnya itu tetapi masih terkenangkan Meriam. Sesuatu yang aneh terjadi apabila muncul seorang gadis, Maria yang wajahnya persis Meriam. Secara kebetulan, Maria adalah kawan baik cucu Marsani, Norman dan isterinya, Anna.

Penerbit : Shuhaimi Baba, Aida Fitri Buyong

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : Maya Karin, Azri Iskandar, Rosyam Nor, Eizlan Yusof, Kavita Sidhu, Sahronizam, Nanu Baharuddin, Ida Nerina, Sharifah Aleya

**\*Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Asia Pasifik ke-49, 2004 (Fukuoka, Jepun)

Pelakon Wanita Terbaik - Maya Karin

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Rosyam Nor

Penyunting Terbaik - Meor Hashim Manap

Pertandingan: Estepona International Film Festival of Fantasy and Terror, 2004

Pengarah Terbaik - Shuhaimi Baba

Skor Muzik Terbaik

Sinematografi Terbaik - Filus Ghazali

**TriviA** - Filem ini dirakam menggunakan kamera berdefinisi tinggi (HD).Teknik CGI (imejan berkomputer) membabitkan kos kira-kira RM500,000. Skrip filem ini mula dihasilkan pada tahun 2000 dan sejak itu ia terpaksa dirombak sebanyak 9 kali sebelum diluluskan untuk penggambaran.

### \* PUTERI GUNUNG LEDANG



Empayar Majapahit dilanda gawat setelah diserang oleh Putera Demak dari Jawa. Mengelak dari kejadian menjadi bertambah buruk, raja Majapahit, Gusti Adipati Handaya Ningrat menawarkan Demak berkahwin dengan adiknya, Gusti Putri Retno Dumilah. Tanpa pengetahuannya, Gusti Putri mlarikan diri dengan berlayar ke Gunung Ledang untuk bersama cinta hatinya Hang Tuah. Gusti Adipati terpaksa menjalinkan perkaitan dengan Melaka pula dengan menawarkan adiknya pada Sultan Mahmud Shah pula. Gusti Putri menentang perkahwinan itu kerana cintanya hanya pada Hang Tuah. Sultan Mahmud menghantar utusan yang

diketuai oleh Hang Tuah ke Gunung Ledang, tetapi dihalang oleh kuasa ajaib Gusti Putri. Akhirnya, setelah pelbagai cabaran, Gusti Putri terpaksa menurut permintaan Hang Tuah yang taat pada Sultan, tetapi dengan 7 syarat.

Penerbit : Datuk Effendi Norwawi, Tiara Jacquelina

Pengarah : Saw Teong Hin

Pelakon : Tiara Jacquelina, M. Nasir, Rahim Razali, Adlin Aman Ramli, Sofia Jane, Khir Rahman, Sabri Yunus, Man Bai, Radhi Khalid, Zulkifli Zain, Ruminah Sidek, Christine Hakim (Indonesia), Bayan Slamet Rahardjo (Indonesia), Alex Komang (Indonesia), Dian Sastrowardoyo (Indonesia), Melissa Saila.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Pengarah Terbaik - Saw Teong Hin

Lakon Layar Terbaik - Mamat Khalid & Saw Teong Hin

Skor Muzik Terbaik - M. Nasir & Tan Yan Wei

Penataan Seni Terbaik - Hasnizar Ithnin

Anugerah Khas Juri - Filem Inovatif & Berinspirasi

Penyertaan : 61st Venice International Film Festival, September 2004 (Italy)

& 48th San Francisco International Film Festival, 2005 (USA).

#### \* Trivia

Sepanjang 9 bulan tempoh keseluruhan penggambaran yang bermula pada Januari 2003, jumlah hari penggambaran yang dilakukan di lokasi adalah selama 94 hari sahaja. Pembikinan filem ini juga terganggu oleh faktor cuaca. Watak Tun Mamat dan Sultan Mahmud masing-masing pada mulanya ditawarkan kepada Rosyam Nor dan Azri Iskandar. Filem pertama yang dihantar oleh pihak kerajaan Malaysia bagi menyertai Academy Awards.

### \* SH3



Kisah cinta remaja dan kehidupan mereka di kolej serta pembabitan mereka dalam kegiatan sukan lasak papan lungsur (skateboard) dan muzik hip-hop.

Penerbit : Sharifah Narimah SM, Mohd Taha Wahid.

Pengarah : Zek Zukry

Pelakon : Ashraf Sinclair, Fasha Sandha, Nasreen Ngasri, Opie Zami, Farah Fauzana, Fezrul Khan, Adrea Abdullah, Pushpa Narayan, Ridzuan Hashim, Norlida Ahmad, Rosnah Johari, Louisa Chong.

### \* TANGKAI JERING



Yassin ghairah mengejar cita-citanya untuk menjadi pengarah filem selepas keluar dari universiti. Untuk mencapai cita-citanya, dia bekerja di Metro Filem, sebuah produksi filem sebagai production assistant dan sering menyamar sebagai pengarah filem untuk memudahkan kerjanya. Sementara itu, Syakila, graduan lulusan undang-undang menerima tawaran membintangi filem aksi dari Metro Filem dan di situ lah dia bertemu Yassin yang menyamar sebagai director.

Penerbit : Grand Brilliance; Metrowealth Movies Production.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Yassin Yahya, Elly Mazlein, Phee, Khatijah Tan, Ahmad Idham, Rina Khan, Azlee (Scenario), Aznah Hamid, Serina Redzuawan, Farid Kamil, Ezad (Exists).

### \* TUJUH PERHENTIAN



Amir, seorang CEO di sebuah syarikat kurier. Dia mengalami masalah besar apabila kurier berharga RM150,000 didapati hilang. Ini menyebabkan Amir mengalami kerugian dan menyebabkan syarikatnya bersama isteri itu jatuh ke tangan rakan kongsi mereka. Lebih mengecewakan, isterinya Mira tidak pernah memberi kata semangat sebaliknya memperkecil-kecilkan Amir dan sering saja mencari punca bertikam lidah. Amir bertekad untuk meninggalkan rumah bagi mencari ketenangan. Amir memandu seorang diri dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru melalui tujuh perhentian iaitu Nilai, Seremban, Air Keroh, Machap, Pulai,

Yong Peng dan Skudai.

Penerbit : Penerbit Bersama Grand Brilliance Sdn Bhd, MIG Beats Sdn Bhd

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Erra Fazira, Farid Kamil, Vanida Imran, Maya Karin, Waheeda, Rashidi Ishak, Serina Redzuawan, Hattan, A. Shukor Mohaideen.



### \* THE BEAUTIFUL WASHING MACHINE

Teoh merasa hidupnya tidak bererti lagi apabila teman wanita serumahnya meninggalkannya. Teman wanitanya membawa bersama mesin basuh yang mereka beli bersama dan ini membuatkan penghidupannya huru-hara. Namun dalam keadaan sedemikian, seorang wanita misteri menjelma dalam kehidupannya dan mencetuskan hubungan cinta antara mereka.

Penerbit : Lorna Tee, Lina Tan

Pengarah : James Lee

Pelakon : Loh Bok Lai, Patrick Teoh, Amy

Bahasa: Mandarin & Kantonis

### \* Anugerah & Festival filem :

Bangkok International Film Festival, 2005

Anugerah - Best ASEAN Feature, FIPRESCI Award -

Penyertaan: 17th Singapore International Film Festival, 2004.

28th Hong Kong International Film Festival, 2004.

22nd Munich Film Festival, 2004.

6th Makati Cinemanila International Film Festival, 2004.

27th Asian American International Film Festival, 2004.

6th Osian Cinefan Asian Film Festival, 2004.

28th Montreal World Film Festival, 2004.


Tailly High Film Festival, Taiwan 2004.

Malaysia Film Festival, September 2004 (Cathay Singapore).

Pusan International Film Festival, 2004.

34th Rotterdam International Film Festival, 2005 (Netherlands).

### \* TOKYO MAGIC HOUR



Filem ini mengisahkan perhubungan antara dua lelaki yang disuarakan dengan berlatarbelakangkan keindahan kota Tokyo. Filem experimental ini menggunakan seni video, lagu-lagu dan pelbagai genre artistic.

Penerbit : James Lee, Koji Imaizumi

Pengarah : Amir Muhammad

Pelakon (suara) : Fahmi Fadzil, Nam Ron, Saifullizan Tahir.

### \* Anugerah & Festival Filem :

34th Rotterdam International Film Festival, 2005 (Netherlands).

Hong Kong International Film Festival, 2005.

18th Singapore International Film Festival, 2005.

48th San Francisco International Film Festival, 2005 (USA).

**TriviA** : Pembikinan filem ini dibiayai oleh The Nippon Foundation (Jepun).

Sebahagian filem ini ditayangkan buat pertama kali sempena Kuala Lumpur International Literary Festival pada 31 Julai 2004. Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.



### \* TRAUMA

Kisah Nurul yang mengalami trauma untuk memandu kereta selepas terbabit dalam kemalangan jalan raya. Walau bagaimanapun, adiknya, Nadia serta teman lelakinya, Huzir banyak membantu memberi sokongan supaya dia pulih sepenuhnya. Konflik filem ini bermula apabila Jeslina, pembantu peribadi kepada Huzir, mencetuskan perbalahan antara Nurul, Nadia dan Huzir. Akibat percayakan kata-kata Jeslina, Nadia dan Huzir sanggup menghantar Nurul ke pusat rawatan psikologi di sebuah hospital sakit jiwa.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Amy Mastura, Nasha Aziz, Azhar Sulaiman, Sharifah Aleya, Seelan Paul.

### \*Anugerah & Festival Filem \*

Festival Filem Malaysia ke-17, 2004

Pelakon Wanita Terbaik - Nasha Aziz

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Sharifah Aleya

Anugerah Skrin TV3 ke-7, 2005

Pelakon Wanita Terbaik - Nasha Aziz.

## 2005



### \* AANDAL

Filem yang mengisahkan penghidupan seorang wanita di estet yang menghadapi pelbagai cabaran dan dipaksa suaminya menjadi pelacur serta terbabit dengan dadah.

Penerbit : Sandosh Kesavan

Pengarah : Sandosh Kesavan

Pelakon : Nandhini, R. Jeyaraman, Shangkara, Yegavalli, Shanmuganathan, Manoramalingam.

### TriviA

Filem ini diluluskan dalam kategori 18PL kerana tema pelacuran dan dadah. Pada mulanya 18 adegan tidak diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem. Setelah dibuat rayuan, 6 adegan diluluskan semula. 12 adegan yang dipotong membabitkan tempoh tayangan selama 20 minit.

### \* ANAK MAMI KEMBALI



Saiful, anak sulung Mak Bee, berkelulusan luar negara. Dia sering kali menjadi mangsa leteran ibunya yang tidak suka penampilan dan perangainya. Saiful bercinta dengan seorang gadis bernama Fasha, anak kepada pasangan Ismail dan Saleha. Saiful tidak berani menceritakan kisah percintaannya dengan Fasha kepada keluarganya sehingga Mak Bee sendiri akhirnya menetapkan jodoh Saiful. Ida, adik kepada Saiful juga menghadapi masalah. Dia bercinta dengan Farid iaitu anak lelaki tunggal pasangan Zulkifli dan Normala. Sekali lagi Mak Bee yang mengetahui Ida mempunyai hubungan dengan seorang pemuda bertindak menghalang Ida daripada menjalankan hubungan mereka.

Penerbit : MIG Beats Sdn Bhd, Gitu-Gitu Productions, Metrowealth Movies Production.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Fasha Sandha, Azean Irdawaty, Waheeda, Farid Kamil, Pie, Ismail Din, Sheila Mambo, Zulkifli Zain, Normala Omar, Irma Hasmie, Nasir Ali.

### \* BAIK PUNYA CILOK



Lima sahabat iaitu Aben, Bob, Jerry, Wak dan Leman berpakat untuk merompak tauke pajak gadai Tauke Wong, bagi mendapatkan kembali keronsang nenek Wak yang digadaikannya ketika berkahwin dengan isterinya dulu. Pelbagai peristiwa lucu terjadi semasa mereka melakukan perancangan untuk mendapatkan keronsang itu semula.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Awie, Hans Isaac, AC Mizal, Harun Salim Bachik, Patrick Teo, Carmen Soo, Harith Iskandar, Ida Nerina, Riezman Khuzaimi, Nadia Mustaffa, Din Beramboi.

### \* CINTA FOTOKOPI



Zurina, seorang gadis kampung yang beperwatakan lembut, cantik dan menarik pernah menjadi mangsa anaya bapa tiri dan kekasihnya. Apabila Zurina ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di ibu kota, kehidupannya serta-merta berubah. Kerana dendamnya terhadap lelaki, dia berjanji untuk menggoda dan membakar jiwa setiap lelaki yang dikenalinya. Zurina menggunakan kecantikan yang dianugerahi untuk menggoda lelaki. Perbuatannya itu menyebabkan puluhan lelaki menjadi mangsa. Salah seorang daripada mangsa godaan itu kecewa dan terbabit dengan dadah lalu meninggal dunia. Rakan mangsa,

Hanif muncul untuk membala dendam terhadap semua perbuatan Zurina terhadap kawannya itu.

Penerbit : David Teo, Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Zarina Zainoordin (AF2), Khai (AF), Farid Kamil, Irma Hasmie, Cico Harahap, Mohd Pierre Andre.

### \* CHEMMAN CHAALAI



Kisah kesukaran dan kemiskinan yang dihadapi oleh keluarga Ravi yang tinggal dan bekerja di estet getah sekitar tahun 60-an. Keluarga itu berusaha untuk keluar daripada permasalahan yang dibentuk oleh budaya, sosial dan kelemahan sistem ekonomi yang ada. Apatah lagi bagi keluarga yang mempunyai anak yang banyak seperti keluarga Ravi dan isterinya Mani yang mempunyai lima orang anak. Walaupun perkahwinan anak-anak boleh meringankan beban keluarga mengahwinkan anak perempuan mereka Lalitha memerlukan dowri yang banyak. Apabila anak kedua mereka Shantha berjaya dalam pelajaran dan

ditawarkan ke universiti, sekali lagi keluarga ini memerlukan penyediaan perbelanjaan yang besar.

Penerbit : Tan Chui Mui, Shanker

Pengarah : Deepak Kumaran Menon

Pelakon : Saratha Sivalingam, Shalu Gandhi Nathan.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Anugerah Skrin TV3 ke-7, 2005

Sinema Alternatif Terbaik - Tan Chui Mui & Deepak Kumaran Menon

Penyertaan : 34th Rotterdam International Film Festival, 2005 (Netherlands).

48th San Francisco International Film Festival, 2005 (USA).

Barcelona Asian Film Festival, 2005.


Osian's Cinefan Asian Film Festival, 2005 (New Delhi, India).

Asian Film Symposium - Moving Images, 2005 (Singapore).

Fukuoka International Film Festival, 2005 (Japan) & Pusan International Film Festival, 2005.

**\*TriviA** - Sooria Kumari menulis cerita ini berdasarkan kisah hidupnya yang membesar di sebuah ladang getah di Labis, Johor. Beliau adalah seorang guru dan juga ibu kepada pengarah filem ini, Deepak Kumaran Menon.

### \* GANGSTER



Rosli ialah seorang peniaga warung makan bersama isterinya Dewi. Kisah bermula apabila Rosli mengenali Hamzah yang merupakan seorang agen skim cepat kaya. Hasil pujukan Hamzah dan keyakinan Rosli terhadap skim itu mempengaruhinya untuk turut serta. Namun disebabkan kekurangan modal, dia mengambil keputusan untuk meminjam duit daripada kumpulan ceti haram.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Umie Aida, Hasnul Rahmat, Ako Mustapha, Pushpa Naraya, Nurul Hana, Siti Elizad, Aqasha, Saiful Apek, Adlin Aman Ramli.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Penyunting Terbaik - S. Rakesh

Penataan Bunyi Terbaik - Azman Abu Hassan

Anugerah Khas Juri 1 - Filem Box-Office, Anugerah Khas Juri 2 - Stunt & Kesan Khas.

### \* GILA-GILA PENGANTIN POPULAR



Zul yang bertunang dengan Fatimah merancang untuk melangsungkan perkahwinan dalam waktu terdekat. Walau bagaimanapun Fatimah pula dipilih menyertai rancangan realiti TV, Akademi Idola dan muncul sebagai juara. Setelah berjaya, Fatimah menggunakan nama Irma. Herman dan Sheera yang mengelola rancangan itu bertanggungjawab mengendalikan karier dan imej Irma. Tarikh perkahwinan yang dijanjikan semakin hampir tapi Zul tidak dibenarkan bertemu dengan Irma. Pada satu sidang media, Herman mengumumkan bahawa Irma telah putus tunang.

Penerbit : Yusof Haslam, Aziz M. Osman, Ismail Mustafa.

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Erra Fazira, Afdlin Shauki, Saiful Apek, Norman Hakim, Linda Nanuwil (AF2), Nora Danish, Afida Es.

### \* GK3 THE MOVIE




Unit Gerak Khas cuba menyelesaikan kes pembunuhan Suzana di sebuah pangapuri mewah yang dipercayai mempunyai kaitan dengan Raymond. Inspektor Aleza, Inspektor Haris dan Inspektor Farah yang baru sebulan dipindahkan ke unit berkenaan ditugaskan menyiasat kes itu. Pada masa sama, adik Aleza, Misha berpindah ke Kuala Lumpur dan memilih tinggal bersama kawannya Julia. Misha terjebak cinta dengan Zack, seorang pemuda misteri. Hubungan mereka ditentang Aleza. Keadaan menjadi kecoh apabila banyak kejadian tidak disangka berlaku hingga mengheret Farah, Aleza dan Misha dalam perangkap Raymond.

Penerbit : Yusof Haslam, Ismail Mustapha

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Abby Abadi, Sarimah Ibrahim, Norman Hakim, Faizal Hussein, Julia Hana, Misha Omar, Aqasha, Saiful Apek, Corrie Lim, Zack Kool, A. Galak.



### \* GOL & GINCU

Putri, seorang gadis manja yang mula bermain futsal akibat mengejar cinta. Melalui permainan itulah Putri belajar tentang kehidupan dan percintaan. Putri, seorang pelajar kolej yang amat meminati fesyen berikrar untuk merebut kembali hati teman lelakinya, Eddy yang terlalu gilakan sukan futsal. Untuk mendekati Eddy, Putri mula belajar bermain futsal dan tidak sangka keputusannya itu tidak semudah yang difikirkan. Dia perlu berhadapan dengan prasangka orang terhadap wanita dan sukan.

Penerbit : Lina Tan

Pengarah : Bernard Chauly

Pelakon : Nur Fazura Sharifuddin, Ashraf Sinclair, Sazzy Falak, Mohd Pierre Andre, Rafidah Abdullah, Sharifah Amani, Kartini Kamalul Ariffin, Zarina Zainoordin (AF2).

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik – Sazzy Falak

### \* KEMARAU CINTA



Quzaim yang tinggal lama di kota mengambil keputusan pulang ke kampung. Dia pulang selepas kecewa mengendalikan perniagaan keluarganya. Ketika di kampung itu, keadaan di situ mengalami kemarau panjang yang teruk dan pelbagai kerana orang kampung dihadapinya. Pada waktu sama, Aida, anak gadis Zulfikar dan Dahlia, juga pulang bercuti dari bandar. Namun, kemesraan mereka terjalin kembali sebagaimana keintiman mereka ketika zaman kanak-kanak.

Penerbit : Mohd Gifari Wari, Nusan Bakti Corporation Sdn Bhd.

Pengarah : Meor Hashim Manap

Pelakon : Nasha Aziz, Eman Manan, Noralbaniah, Aziz Singah, Azean Irdawaty, Hisham Ahmad Tajuddin, Piee, Hamid Gurkha, Kamarool Yusof , Osman Kering.

### \* KL MENJERIT 1



Ku Idhzam atau lebih dikenali sebagai Ku adalah sahabat baik yang juga sepupu Shahrol ketika di kampung, telah berhijrah ke Kuala Lumpur. Di KL selain bekerja di kilang percetakan, Ku juga terbabit dengan kegiatan lumba haram. Ku mengajak sepupunya berpindah ke KL tetapi Shahrol tidak yakin untuk hidup di sana kerana tiada pengalaman dan hanya memiliki pendidikan yang tidak seberapa. Di KL, Ku berkenalan dengan Khatijah, seorang siswa perubatan di sebuah universiti yang mengalami tekanan perasaan kerana sejarah silam.

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Erra Fazira, Que Haidar, Sheera Iskandar, Saiful Apek, Zul Huzaimey, Danny (X-Factor).

### \* LADY BOSS




Seorang gadis, Sheila bersikap ego tanpa mengira masa dan tempat. Dia anak seorang usahawan terkenal, Datuk Yusry. Sheila menguruskan perniagaan bapanya dengan cekap tetapi sering membelakangkan nilai kemanusiaan dan terlalu tegas dalam menjalankan kerjanya. Kewibawaannya tercabar dengan kehadiran seorang pemuda bernama Saiful kerana lelaki itu peramah, kelakar dan jujur serta bersikap sederhana. Sepanjang bekerja di syarikat itu, Saiful sering menimbulkan kemarahan Sheila. Saiful terpikat pada gadis bernama Salmi. Datuk Yusry yang cukup menyayangi Sheila bagaimanapun tidak dapat menahan sabarnya apabila melihat anak gadisnya itu bersikap biadap terhadap seorang pengawal keselamatan.

Penerbit : Penerbit Bersama Gitu-Gitu Production, Metrowealth Movies

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Ning Baizura, Saiful Apek, Erra Fazira, Yusry KRU, Farid Kamil, Ismail Din, Khatijah Tan, M. Rajoli, Zamarul Hisham, Zulkifli Zain, Normala Omar, Piee, Aziz M. Osman.

### \* MONDAY MORNING GLORY



Seorang pengganas pengebom yang ditangkap di bawa kembali ke dalam hutan oleh pihak Polis bagi melakunkan semula babak penangkapannya di hadapan wartawan-wartawan.

Penerbit : Zan Azlee, Woo Ming Jin, Amir Muhammad.

Pengarah : Woo Ming Jin

Pelakon : Patrick Teoh, Azman Hassan, Hariy Ismail, Zaifur Nordin.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Penyertaan : 48th San Francisco International Film Festival, 2005 (USA)

#### \* Trivia

Pembikinan filem ini mendapat bantuan pinjaman sebanyak

RM25,000 daripada FINAS.



### \* PONTIANAK HARUM SUNDAL MALAM II

Ia membawa penonton untuk melihat apa yang terjadi setahun kemudian di Pekan Paku Laris. Wasiat Marsani supaya dipulangkan harta Meriam kepada warisnya tidak kesampaian apabila Maria menghilangkan diri. Pontianak terus menghantui kehidupan waris keluarga Marsani, Asmadi, Norman, Ana dan Zai. Norman yang sangat tertekan dan masih tidak dapat menerima kematian datuknya, Marsani menghilangkan diri. Pontianak bersumpah untuk membalas dendam sehingga anaknya dipulangkan dan telah merampas anak Asmadi dari tangan Ana, isteri Norman.

Penerbit : Shuhaimi Baba, Aida Fitri Buyong .

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : Maya Karin, Rusdi Ramli, Ida Nerina, Rosyam Nor, Kavita Sidhu, Nanu Baharuddin, Zahim Albakri, Aziz Satar, Pierre Andre, S. Shamsuddin, Rosnani.



### \* POTRET MISTIK

Mahasiswa Jeff, Dina, Harry dan Winnie sedang menjalankan tugas menghasilkan buletin kampus. Masing-masing membuat persiapan untuk menulis mengenai hal-hal yang berlainan. Jeff yang tertarik dengan kewujudan sebuah banglo ingin menulis mengenai perkara aneh yang berlaku di banglo itu, ia menjadi bualan para pelajar kampus. Misteri bermula apabila Jeff menemui sebuah potret berhampiran dengan banglo tersebut. Sejak itu, dia sering mengalami kejadian aneh.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd, Metrowealth Movies

Production.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Cico Harahap, Lintang Asih (Indonesia), Khai (AF), Winnie Kok, Erra Fazira, Khir Rahman, Zamarul Hisham, Khatijah Tan, Intan Jusmiera, Farid Kamil.

#### \* PONTIANAK MENJERIT



Datuk Pengiran Abdul Rahman mengarahkan peguamnya untuk mencari senarai mereka yang mewarisi harta beliau yang bernilai RM30 juta. Selain daripada dua anak lelakinya Azlee (Azlee Senario) dan Mazlan (Mazlan Pet Pet), terdapat senarai dua orang lagi bagi mewarisi harta itu. Salah satu daripada mereka ialah Saiful (Zed Zaidi) iaitu anak angkat Datuk yang bekerja sebagai mekanik. Seorang lagi yang mewarisi harta itu ialah Ratnapuri (Sheila Rusly) yang berketurunan Siam.

Penerbit : Yusof Kelana, Fetty Ismai, Ismail Mustapha.

Pengarah : Yusof Kelana

Pelakon : Ziana Zain, Juliana Banos, Azlee Jaafar, Faizal Hussein, Mazlan Pet Pet, Zad Zaidi, Sheila Rusly, Zarina Zainoordin (AF2), Amran Tompel, Nursyella, Osman Kering, Corrie Lee, Julia Hana, Jalaluddin Hassan.

#### \* QAISY & LAILA

Kisah mengenai cinta dan pengorbanan gadis Malaysia, Laila yang menyertai Malaysian Relief Team dan jatuh cinta dengan pemuda Afghanistan.

Penerbit : Habsah Hassan, Ruhani Abdul Rahman, Basri Musa  
Pengarah : Raja Ahmad Alauddin.



Pelakon : Jehan Miskin, Nur Fazura, Umie Aida, Radhi Khalid, Redzuan Hashim, Rahimah Rahim, Fahrin Ahmad, Adik Nurjanah, Farok Khan.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Radhi Khalid

Lagu Tema Asal Terbaik - Ayob Ibrahim

#### \* TriviA


Pelakon Azri Iskandar terpaksa menarik diri daripada melakonkan watak Qaisy apabila filem ini ditangguhkan penggambarannya dan jadualnya telah bertembung dengan drama bersiri Sumayyah lakonan Azri.

#### \* ROCK

Sekumpulan anak-anak muda dalam sebuah band rock pernah memasang impian untuk jadi terkenal pada dekad 80-an. Mereka mengharungi pelbagai peristiwa yang mencabar dan penuh lucu demi mengejar cita-cita mereka iaitu mereka percaya akan berjaya menjadi kumpulan rock (Rimba Bara) yang mantap dan berwawasan.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Mamat Khalid



Pelakon : Hasnul Rahmat, Que Haidar, Khir Rahman, S.Amin Shahab, Norlida Ahmad, Julie Dahl, Kamarool Yusof, Jaafar Onn , Nabila Huda.

### \* SALON



rahsia yang menggugat perhubungannya dengan Ezra.

Penerbit : Ahmad Puad Onah, Rosihan Zain Baharudin

Pengarah : Woo Ming Jin

Pelakon : Raja Farah Raja Aziz, Mohd Pierre Andre, Shah Kassim, Nasrizal Ngasri, Chelsia Ng.

### \* SANCTUARY



Filem ini mengisahkan tiga orang individu yang tidak memiliki sebarang kaitan antara satu sama lain tetapi di pertengahan cerita, penonton akan melihat kaitan mereka secara tidak langsung.

Penerbit : James Lee, Lina Tan.

Pengarah : Ho Yuhang

Pelakon: Loh Bok Lai, Chua Thien See, Chin Leong Fatt.

#### \* Anugerah & Festival Filem :

9th Pusan International Film Festival, 2004 (Korea)

New Currents Special Mention.

34th Rotterdam International Film Festival, 2005 (Netherlands)

Tiger VPRO Special Mention

Fribourg International Film Festival, 2005.

18th Singapore International Film Festival, 2005.

\* TriviA - Filem ini tidak ditayangkan di pawagam.

### \* SEMBILU 2005

Ia mengisahkan suka duka di alam persekolahan yang dialami oleh Salina dan tiga sahabat baik, Khai, Vince dan Zek. Manakala Marina adalah andartu yang melewati usia 30-an. Marina terlalu mengongkong adiknya, Salina. Untuk memburu kejayaan, Salina rapat dengan Vince, pelajar pintar di sekolah itu berdarah campuran Inggeris dan Cina. Keakraban Salina dan Vince dicemburui ramai pelajar lelaki terutama Zek dan Khai yang berasa begitu tercabar walaupun Vince adalah sahabat karib mereka. Begitu juga dengan seorang pelajar perempuan, Julia yang sebenarnya turut menaruh hati pada Vince.



Penerbit : Yusof Haslam, Ismail Mustapha

Pengarah : Yusof Haslam

Pelakon : Vincent Chong (AF), Hetty Sarlene, Zed Zaidi, Ziana Zain, Khai (AF), Juliana Banos, Pushpa Narayan, Erra Fazira, Angeline Tan, Awie, Salleh Yaakob, Aznah Hamid, Aziz Singah.

### \* SENARIO XX

Zoragon yang berasal dari planet Zuhal bertugas mengendalikan kapal angkasa yang mengangkut bahan tenaga dari Zurah ke Marikh. Suatu ketika, kapal angkasanya mengalami kerosakan akibat diserang oleh Jeneral Zoragas dan pembantunya Zolidia yang ingin memiliki mesin kuasa yang disimpan oleh Zoragon. Mesin kuasa itu mampu dijadikan senjata dan Jeneral Zoragas mahukannya untuk merampas kuasa Raja Zaragus. Akibat serangan Jeneral Zoragas, Zoragon terpaksa mendaratkan kapal angkasanya di planet Bumi dan terdampar di sebuah kampung di Malaysia. Penduduk kampung itu amat terkejut dengan kehadiran kapal angkasa atau UFO itu.



Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Wahid (Senario), Saiful Apek, Nur Fazura, Mazlan (Senario), Azlee (Senario), Wahid Satay, Lazizah Ahmad, Rosyam Nor, Yassin Yahya, Chef Wan.

### \* TAK ORI, TAPI OK



Pengarah filem veteran Yasin yang hilang popularitinya cuba kembali menaikkan namanya dalam industri perfileman negara. Beliau mendapat tajaan untuk membuat filem baru dengan syarat pelakon-pelakonya perlu meniru cara-cara lakonan P.Ramlee dan rakan seangkatannya.

Penerbit : Nusan Bakti Corporation Sdn Bhd .

Pengarah : AR Badul

Pelakon : Nasha Aziz, AR Badul, Musly Amir, S. Azli, Rahim Dalmia, Amran Tompel Tamrin, Saiful Apek, Yusni Jaafar, Latiff Ibrahim, Jalil Hamid.

### \* SEPET

Kisah cinta dua remaja yang berlainan bangsa dan agama. Cinta lelaki Cina, penjual VCD haram bernama Jason dengan Orkid, gadis ayu.

Penerbit : MHz Film Sdn Bhd

Pengarah : Yasmin Ahmad

Pelakon : Sharifah Amani, Ng Choo Seong, Harith Iskander, Ida Nerina, Adibah Noor.

#### \*Anugerah & Festival Filem :

9th Malaysia Video Awards, 2004

Best ASEAN Feature - Gold Award

27th Creteil International Women's Film Festival, 2005 (France)

Best Film (Grand Prix) - Yasmin Ahmad

Festival Filem Malaysia ke-18, 2005

Filem Terbaik

Cerita Asal Terbaik - Yasmin Ahmad

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Ida Nerina;

Pelakon Harapan Lelaki - Ng Choo Seong;

Pelakon Harapan Wanita - Sharifah Amani;

Poster Terbaik.

Penyertaan : Malaysia Film Festival, September 2004 (Cathay Singapore).

#### \* THE LEGEND OF THE RED CURSE

Empat pelajar kolej, Sanny, Nick, JJ dan Melissa sedang menyiapkan projek tahun akhir merakamkan sebuah dokumentari mengenai kehidupan masyarakat tempatan. Subjek pilihan ialah rumah panjang tradisional orang Iban di Sarawak. Sebelum itu, Sanny menemui sebuah peta lama milik bapanya dalam perpustakaan peribadi keluarga. Tiba di tempat yang dituju, pelajar itu mula berhadapan dengan kejadian aneh. Dalam perjalanan mencari rumah yang ingin dirakamkan, Sanny dan Melissa cuba dicabul dua lelaki yang membawa mereka memudik sungai. Nick pula terjatuh ke sungai, manakala JJ ditinggalkan di rumah panjang kerana cedera. Ketika mengejar pelajar berkenaan, dua lelaki tadi tiba-tiba berhadapan dengan lembaga bertopeng misteri. Mereka dibunuhan dengan kejam. Abang Sanny, Ah Wan, menyedari adiknya mungkin mengikut jejak peta lama yang dijumpai di bilik bapanya.

Penerbit : Wong Kai Lim, Wong Tiong Hock

Pengarah : Bjarne Wong

Pelakon : Sanny Lu, Smyth Wong, Dominic Morris, Kelvin Toh.

#### \* UYIR



Filem berbahasa Tamil ini mengisahkan mengenai 5 sekawan termasuk dua wanita yang bercuti selama tiga hari di Kuang (Rawang). Mereka tinggal di sebuah banglo dan kehadiran mereka dipenuhi beberapa pengalaman seram dan ini meninggalkan kesan mendalam kepada mereka.

Penerbit : K. Muthupandy, Ambi Agency .

Pengarah : Premnath Pillai

Pelakon : Logithavani Geethanjali, Kaushalya, Manimaran,

Rajeshwaran, Mahesan.



## Bab 8 (Filem 2006 Hingga 2010)



**2006**

**\* BILUT**



Pada tahun 1960 Yazid menyertai kumpulan pertama peneroka Felda di Lurah Bilut dan dia terpaksa berdepan dengan pelbagai cabaran. Sahabatnya, Rosli mati dihempap pokok. Rumah mereka ranap dipukul ribut. Anak bongsunya, Yamin, mati dibaham harimau. Pada masa yang sama, Yazid mendapat tahu ada di antara peneroka yang berkomplot menjual semula bajabaja subsidi kerajaan bagi mengaut keuntungan jangka pendek.

Penerbit : Mega Wajasinar Sdn Bhd  
 Pengarah : Badaruddin Azmi  
 Pelakon : Rosyam Nor, Que Haidar, Jerrico Rosales (Filipina), Siti Shahrizah, Aishah Ezlynn, Rushdi Ramli, Aqasha, Adlin

Aman Ramlie, Lisdawati.

**\* BUJANG SENANG**



Bujang berasal daripada keluarga kaya. Dia berhasrat mencari teman wanita untuk dijadikan isterinya. Oleh kerana dia tidak mahu bakal teman hidupnya itu mencintainya kerana harta kebendaan semata-mata, maka Bujang pun berlagak seperti orang miskin. Sepanjang kisah Bujang dalam mencari cinta sejatinya itu, berlaku pelbagai perkara menarik dan melucukan.

Penerbit : A. Latiff Mohaideen, Abdul Hamid Jarnail Karamdin  
 Pengarah : A. Razak Mohaideen  
 Pelakon : Saiful Apek, Fasha Sandha, Yassin Yahya, Norlia

Ghani, Sharifah Shahirah, Maimunah Ahmad, Irma Hasmie, Nabila Huda, Serina Redzuawan, Maizurah Hamza, Azza Elite, Aishah Sinclair.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur  
 Filem Box Office – Line Clear Motion Pictures.

**\* BULI BALIK**



Sambungan dari filem Buli: Roy dikejarkan ke hospital dan dia ditemani Nordin. Menurut Doktor Selina, Roy tiada harapan hidup. Sementara itu Rudy yang cuba mlarikan diri ditangkap polis di pintu masuk Bukit Aman. Enam bulan berlalu dan Nordin berjaya menjuarai rancangan kuiz kegemaran ramai, Siapa Salah Kena Karan. Rudy yang berada di penjara juga membuat pertaruhan sesama banduan di atas kemenangan Nordin tetapi air mukanya berubah apabila dia mula mengecam muka Nordin dari tempat kemalangan Roy.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd .  
 Pengarah : Afidlin Shauki

Pelakon : Afidlin Shauki, Hans Isaac, Nasha Aziz, AC Mizal, Umie Aida, Patrick Teoh, Ako Mustapha, Syanie, Sharifah Shahira, Soraya Dean, Harun Salim Bachik, Harith Iskandar, Aziz M. Osman, Adibah Noor, Wahid Senario.

### \* CASTELLO



Solo, remaja yang dibesarkan di Sungai Golok dan berkahwin dengan seorang gadis Thai bernama Chalita. Di saat Chalita hamil, Solo mula menjalankan kegiatan sebagai pengedar dadah untuk menjadikan kehidupan keluarganya lebih mewah. Tapi Solo tertangkap dan dia dipenjara selama 20 tahun. Di dalam penjara, dia dikenali sebagai Castello. Keluar dari penjara, Castello cuba mengesah semula isteri dan anaknya. Tapi dia kecewa bila mengetahui anak gadisnya Phim telah menjadi penagih dadah. Castello berusaha untuk menyelamatkan Phim yang tidak menyedari bahawa Castello adalah bapanya.

Penerbit : Rosyam Nor

Pengarah : Badaruddin Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Erra Fazira, Que Haidar, Zain Ruffedge, Liyana Jasmay, M.

Rajoli, Nasrizal Ngasri, Zack Taipan, Erma Fatima, Kamarool

Anugerah: Festival Filem Malaysia Ke 19 (2006) :

Penataan Bunyi Terbaik, Pelakon Harapan Lelaki

Penyunting Terbaik.

### \* CICAKMAN

Jenayah makin berleluasa di kota raya Metrofulus dan master criminal, Professor Klon, merancang menakluki kota raya itu. Rancangan Prof. Klon terbantut dengan kehadiran seorang superhero, Cicakman, yang tiba-tiba muncul untuk mencegah jenayah. Cicakman ialah Hairi, seorang pemuda yang selamba dan kurang kepercayaan pada diri sendiri. Teman rapatnya ialah Danny, seorang pemuda macho yang digilai ramai gadis. Hairi sebenarnya baru dikurniakan kelebihan luarbiasa, bukan saja terpaksa membiasakan diri dengan kelebihan itu tetapi berhadapan dengan pelbagai rintangan dalam merebut hati gadis bernama Tania.



Penerbit : KRU Films Sdn. Bhd.

Pengarah : Yusry KRU

Pelakon Yusry KRU, Saiful Apek, Fasha Sandha, Aznil

Nawawi, Adlin Aman Ramlie, AC Mizal.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia Ke 20 (2007)

\* Lagu Tema Asal Terbaik

\* Anugerah Khas Juri - Usaha gigih aplikasi imej janaan komputer.

### \* CINTA

CINTA adalah sebuah filem yang memaparkan lima kisah cinta berkisar di metropolis Kuala Lumpur. Setiap cerita adalah berbeza dan unik, namun setiap watak berkait menerusi keadaan dan peristiwa. Filem ini menceritakan lima pasangan dengan kisah masing-masing di kota yang indah - ada yang sedang mencari cinta, ada yang bertemu cinta dan ada yang kehilangan cinta.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah : Khabir Bhatia

Pelakon: Rahim razali, Fatimah, Abu Bakar, Eizlan Yusof, Fasha Sandha, Nanu, Que Haidar, Rashidi Ishak, Pierre Andre, Sharifah

Amani, Erynn Eryna, Zura.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia Ke 20 (2007)

Filem Terbaik, Lakon Layar Terbaik, Pelakon Lelaki Terbaik (Dalam Watak Pembantu).

### \* CIPLAK



Bagi Jo yang sedang belajar di England, isu DVD cetak rompak akan mendatangkan kebaikan terhadap dirinya. Dia dapat meraih keuntungan dengan membekalkan DVD cetak rompak kepada sesiapa yang berminat di England. Dalam semester yang terakhirnya, Jo pergi ke Malaysia untuk mendapatkan DVD cetak rompak, "kerjanya" yang terakhir sebelum dia kembali ke Malaysia untuk selama-lamanya. Dia sedar dia bakal menjadi lebih kaya dengan hasil perolehan jualan 175 DVD cetak rompak ini yang ditetapkan harganya pada 50 pound setiap satu kepada seorang lelaki yang ingin mencetaknya. Tetapi, apa yang dia tidak tahu ialah pada hari yang dinanti-nantikan itu bakal menjadi titik sejarah hitamnya apabila berlakunya satu operasi anti-cetak rompak yang terbesar dalam sejarah.

Penerbit : Aflam Sdn Bhd & FYI Creative

Pengarah : Khairil M. Bahar

Pelakon : Khairil M. Bakar, Fazil Painchan, Sarah Dalina, Rauf Fadzilla, Eddy Lim.

### \* CHOLESTEROL TEERAK



Ia mengisahkan tentang satu perjanjian di antara keluarga Santi dengan keluarga Piroj untuk menjodohkan kedua-dua anak mereka satu hari nanti. Perjanjian itu dilafazkan semasa Lukked (anak Piroj) dan Jedsada (anak Santi) masih kecil. Dua puluh tahun berlalu, kini Jedsada adalah seorang jejaka tampan yang baru pulang ke tanah air setelah tamat pengajian di luar negara. Manakala Lukked membesar sebagai seorang gadis yang sungguh gemuk dan berpersonaliti kurang menarik serta ketinggalan dari segi perkembangan fesyen semasa. Konflik bakal melanda kedua-dua mereka apabila Jedsada mengetahui mengenai perjanjian itu.

Penerbit : Metrowealth Holdings Ltd.

Pengarah : A. Razak Mohaideen, Chartchai Maliwan (Thailand).

Pelakon : (Thailand)Watchara Tungkaprasert, Matinee Kingpayom, Matinee Chutima Avery, Nadia Sombop Benjatkul, iKanchit Kwanpracha, Thitirat, Pradon Sirakovip.

### \* DIVA POPULAR



Ia mengisahkan tentang pergolakan hubungan artis lama dan artis baru. Ena Teteye, seorang artis popular merasa tergugat dengan kehadiran Tasha, seorang artis baru yang semakin melonjak namanya.

Penerbit : Amazon Entertainment Sdn Bhd

Pengarah : Erma Fatima

Pelakon : Umie Aida, Ezlyn, Azean Irdawaty, Khatijah Tan, Sheila Rusly, Afidlin Shauki, Azwan Ali, Anita Sarawak.

### TriviA

Watak utama Ena Teteye pernah ditawarkan kepada Ella dan kemudiannya Nasha Aziz, mereka menolak tawaran itu.

### \* GONG



Lima pelajar jurusan seni persembahan dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dipilih mengadakan lawatan sambil belajar selama tujuh hari ke Jogjakarta, Indonesia. Mereka dibawa melawat Muzium Kesenian Jogja yang menghimpunkan pelbagai koleksi sejarah, kesenian dan peralatan muzik sejak zaman kerajaan Majapahit, Matara, Hindu hingga zaman Mataram Muslim.

Antara puluhan artifek dipamerkan, Tris tertarik dengan gong purba yang kecil dan cantik. Kurator Muzium menerangkan gong purba itu digunakan untuk majlis kraton tetapi sejak hujung kurun

ke-17, ia tidak lagi digunakan selepas tragedi membabitkan keluarga pembesar kraton. Sumpahan gong itu terjadi jika ia dipukul lima kali. Pelbagai kejadian berlaku apabila Tris membawa pulang gong itu.

Penerbit : Ahmad Puad Onah, Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Sandosh Kesavan

Pelakon : Jehan Miskin, Fasha Sandha, Elyana, Faizal Yusuf, Sharifah Sofia.

### \* GUBRA



Kisah kehidupan Orked yang sudah berkahwin. Bapa Orked pula dimasukkan ke hospital kerana sakit. Di situ, dia berjumpa pula dengan bapa Jason. Pada waktu yang sama, terdapat kisah seorang Bilal yang hidup berjiran dengan pelacur. Pelacur terbabit pula menghantar anaknya mengaji Quran di rumah Bilal berkenaan.

Penerbit : Elyna Shukri, Nan Salleh, Chilli Pepper Films Productions.

Pengarah : Yasmin Ahmad

Pelakon : Sharifah Amani, Adlin Aman Ramlie, Ida Nerina, Harith Iskander, Adibah Noor.

### \* Anugerah & Festival Filem


Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur

Pelakon Wanita Terbaik - Sharifah Amani

Lakon Layar Terbaik - Yasmin Ahmad

Poster Terbaik.

### \* LOVE CONQUERS ALL



Ah Peng dibesarkan di Pulau Pinang dan tiba ke KL, bandar yang besar itu untuk mencari kerja. Dia bernasib baik apabila dia diminta untuk menolong makciknya menjual nasi di sebuah restoran. Bersama Mei, dia hidup dengan gembira sekali seperti keluarga sendiri. Seperti biasa, Ah Peng akan keluar menelefon teman lelakinya yang berada di Pulau Pinang setiap hari. Tetapi, dia tidak sedar bahawa dia diperhatikan oleh seorang lelaki, John, yang amat meminatininya.

Penerbit : Da Huang Pictures, Amir Muhammad

Pengarah : Tan Chui Mui

Pelakon : Coral Ong Li Whei, Leong Jiun Jiun, Stephen Chua Jyh Shyan, Ho Chi Lai.

### \* MAIN-MAIN CINTA



Pasangan ideal Kolej Metrowealth, Farah dan Adam sering menjadi buulan tiap warga kolej itu. Mereka bukan sahaja popular, bijak dan berpengaruh di kalangan pelajar, malahan kenakalan mereka membuat mereka menjadi 'idola' para pelajar. Walau bagaimanapun, kemesraan Adam dan Farah menyebabkan pelbagai pihak iri hati, terutama Maya, pelajar cantik yang mahu mengambil alih populariti Farah di kolej. Maya juga ada hati dengan Adam dan cuba bersungguh-sungguh untuk mencuri hati Adam dengan tujuan menyakitkan hati Farah serta untuk kepentingan statusnya. Kehadiran seorang pelajar baru yang tampan, Farid, menggugat populariti Adam. Adam rasa tergugat apabila Farid mula menjadi perhatian di kalangan pelajar, lebih-lebih lagi Farah.

Penerbit : David Teo-Metrowealth Movies Production

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Misha Omar, Adam (AF2), Dynaz, Mohd Pierre Andre, Irma Hasmie, Farid Kamil, Saiful Apek.

### \* MAN LAKSA



Man Laksa, seorang pemuda yang pemalu, mencari rezeki dengan menjual laksa di kampungnya. Suatu hari Biro Penerangan Belia 4B Cawangan Kampung yang diketuai oleh Fadhil Mat Dom bercadang mengadakan malam aneka ragam untuk mengumpul derma kepada keluarga Pak Maon yang kehilangan harta benda akibat kebakaran pada musim banjir. Man Laksa pula bercita-cita untuk menjual sebanyak mungkin laksa pada malam itu. Pada malam itu juga dia mahu melamar si buah hatinya, Chah. Namun Man Laksa sedar ia bukan kerja mudah kerana Chah adalah anak

Ketua Kampung, Tok Ketua Tuan Hj. Sukarno.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Yassin Yahya, Sharifah Aleya, Saiful Apek, Kartina Aziz, Harun Salim Bachik, Zami Ismail, Loloq.

#### Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia,

Anugerah Khas Juri "Award Innovation and Inspiring Film.

### \* MISI: 1511



Ia berkisar kepada konflik antara Kamal Hanafi dan Johan Nawawi iaitu suatu konflik yang merentasi jarak masa dan sempadan negara. Johan mula membenci Kamal sejak di universiti lagi apabila Kamal berjaya menewaskannya pada satu pertandingan reka cipta.

Penerbit : AV Visions Sdn Bhd .

Pengarah : Ir Young Juwahir Mohd Idrus

Pelakon : Siti Shahrizah Saifuddin, Rico Tampatty (Indonesia).

Kamal Hanafi, Zamshuri Ramli, Adlin Aman Ramlie, M. Rajoli, Arash Mohammad.

### \* NANA TANJUNG



Seorang duda, Nana sibuk membesar 3 orang anak dara beliau di Penang. Seorang jejaka bernama Akhbar Khan jatuh cinta dengan anak perempuan sulong Nana, Khairunisa, lalu sanggup menjadi pengawal peribadi beliau tetapi dia kemudian dapat tahu bahawa Nana mempunyai rancangan lain untuk perkahwinan Khairunisa. Untuk meyakinkan Nana supaya mereka boleh mengahwini pasangan pilihan masing-masing, anak-anak perempuan Nana, cuba memujuk Nana supaya berkahwin dengan kekasih lama Nana. Tetapi, alangkah terkejutnya mereka apabila Nana umumkan pertunangan beliau dengan seseorang.

Penerbit : Line Clear Motion Pictures Sdn Bhd, NAJ Production Sdn Bhd.

Pengarah : A. Razak Mohaideen

Pelakon : Pie, Fasha Sandha, Waheeda, Ainul Aishah Azizun, Saiful Apek, Jehan Miskin.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 20, 2007 - Pulau Pinang

Anugerah Khas Juri - Usaha Berterusan Dalam Memaparkan Budaya Masyarakat Setempat – Abdul Razak Mohaideen

### \* PEMBURU EMAS YAMASHITA



Boy, Put, Seman dan Jali telah dihantar ke klinik mental di atas kelakuan yang tidak stabil. Tetapi, sebenarnya mereka ini waras pemikirannya, cuma dimasukkan ke dalam klinik tersebut di atas kelakuan mereka di mana seorang itu gemar meludah, dua dari mereka memerlukan class mengawal panas baran dan seorang lagi yang mengaku telah berjumpa dengan askar Jepun dalam hutan yang memberi satu peta kepada harta karun General Yamashita.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Wahid (Senario), Mazlan (Senario), Azlee (Senario),

Ilya Buang, Hamdan, Que Haidar, Nora Danish, Razak Ahmad.

### \* PERSONA NON GRATA



Seorang pemuda (Hans Isaac) yang terbabit dalam kegiatan jenayah di Kuala Lumpur menjadi buruan polis, lalu melarikan diri ke Bangkok. Oleh kerana menghadapi masalah kehilangan dokumen peribadi dan wang, dia merancang kembali ke Malaysia dengan menyamar bersama imej baru supaya dapat mengelak daripada dikesan polis. Dalam keadaan lain, di Kuala Lumpur, seorang gadis (Erra Fazira) anak hartawan yang sudah bertunang dengan teman lelakinya (Fahrin Ahmad) berkunjung ke Bangkok selepas kecewa kerana terputus tunang. Nasib malang menimpa gadis itu apabila dia dirompak dan cuba dirogol pemandu teksi. Nasibnya baik kerana pemuda Malaysia itu (Hans Isaac) terserempak dengannya lalu menyelamatkan gadis berkenaan.

Penerbit : Ruhani Abdul Rahman, Hans Isaac, Penerbit Bersama Nizarman (M) Sdn Bhd.

Pengarah : Syed Azidi Syed Abdul Aziz

Pelakon : Hans Isaac, Erra Fazira, Keegan Kang (Australia), Phattarat Sudprasert (Thailand), Fahrin Ahmad, M. Rajoli, Syanie, Nancie Foo.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur

Pengarah Harapan - Syed Azizi Syed Abdul Aziz.



### \* REMPIT

Madi – seorang penghantar surat sering ‘merempit’ pada waktu malam. Dia bukan sekadar berlumba haram tetapi mampu menunjukkan aksi berani di jalan raya. Madi mempunyai teman wanita, Ieka yang sering mendesaknya berkahwin. Kehidupan sosial Madi yang agak bebas menyebabkan hasrat Ieka tidak ditunaikan, sebaliknya dia menyimpan wang untuk membeli motosikal baru. Kawan baik Madi, Macha menjadi orang tengah dalam sesuatu perlumbaan haram disertai Madi. Suatu hari, Madi dicabar Spark dan mereka beradu kecekapan. Malangnya, Madi kalah. Lebih mengharukan, Madi dipukul dan motosikal kesayangannya dibakar.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Farid Kamil, Cat Farish, Julia Hana, Zul Huzaimi, Aqasha, Shah Kassim, Khatijah Tan, Wazi Abdul Hamid.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri – Penonjolan Stunt Yang Menyerlah.

### \* SALAH BAPAK

Dua beradik, Jamil (Badul) dan Osman (Amran Tompel) terpaksa berdepan pelbagai siri halangan dalam usaha untuk menuntut hak mereka ke atas wasiat harta peninggalan arwah bapa mereka, hartawan Al-Sagof. Pak Joko (Hamid Gurkha), orang gaji yang sangat dipercayai Al-Sagof jadi gelap mata selepas kematian majikannya. Dia merencana rancangan untuk membolot semua harta dengan mengatakan bahawa Al-Sagof mewariskan seluruh harta kepadanya. Menggunakan kelicikan anak saudara, Salleh (Apek) yang berpura sebagai perunding harta, mereka cuba memperdaya Jamil dan Osman yang sudah tidak sehaluan lagi.



Penerbit : Nusan Bakti Corporation Sdn Bhd

Pengarah : AR Badul

Pelakon : Hamid Gurkha, AR Badul, Amran Tompel, Latiff

Ibrahim, Umie Aida, Saiful Apek.

### \* TENTANG BULAN



Kisah bermula pada tahun 2006 apabila seorang gadis tiba di lapangan terbang dan menaiki teksi untuk kembali ke kampung halamannya bagi menghadiri majlis perkahwinan. Di dalam teksi itu si gadis terkenang kembali zaman kanak-kanaknya bersama lima orang sahabatnya iaitu Mawi, Gemuk, Ketot, Budi dan Ila. Kehadiran Ina menyebabkan Ila rasa cemburu dan dilupakan kawan-kawannya yang ‘jatuh hati’ dengan keayuan Ina sedangkan dia bersifat tomboy. Ila cuba berubah tetapi ditertawakan kawan-kawannya menyebabkan dia menyisihkan diri sehingga salah satu hari dia berpindah mengikut keluarganya ke tempat lain.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Hamid Gurkha, AR BaduL, Amran Tompel, Latiff

Ibrahim, Param, Umie Aida, Saiful Apek, Ilya Aida Rahim, Ismail

Din, Jaafar Onn, Aziz Kota.

**\* THE RED KEBAYA / 2006**



Latiff, seorang jurukamera yang yatim piatu dan selalu bersendirian, menjelajah dalam satu pencarian mengambil gambar rumah-rumah yang telah tidak didiami lagi seluruh Malaysia. Dalam pencariannya dia telah dihantui oleh gambar dan suara-suara yang mengingatkannya pada zaman kanak-kanak beliau yang cukup traumatic. Tetapi di suatu rumah yang terletak di Pulau Pinang telah membawanya kembali 50 tahun dahulu yang memberikan beliau menyaksikan segala peristiwa yang mengejutkan berlaku di dalam rumah tersebut.

Penerbit : Ramli Hassan, Andre Berly, Penerbit BersamaL'Agenda Productions

Pengarah : Oliver Knott

Pelakon : Ramli Hassan, Vanidah Imran, Samantha, Zahim Albakri, Paula Malai Ali, Elaine Daly, Jo Kukathas, Sabera Shaik, Fauziah Nawi, Patrick Teo, Sasha Bashir.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-20, 2007 - Pulau Pinang

Penataan Bunyi Terbaik - Addaudio Ex. Sdn. Bhd

Pereka Kostum/Busana Terbaik - Shamsu Yusof

Poster Terbaik - Isma Yusoff.

**\* THE 3RD GENERATION**

Kisah penghijrahan warga Cina ke Malaya dan bagaimana kekayaan serta kemewahan dikatakan tidak dapat dikekalkan mele过asi generasi ketiga setiap keluarga.

Penerbit : Yong Choo Kong

Pengarah : CL Hor

Pelakon : Cheng Kam Cheong, Nicholas Teo, Amber Chia, Carmen Soo, Melvin Sia, Paul Khoo.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 19, 2006 - Kuala Lumpur.

Sinematografi Terbaik – Yong Choon Lin

Pelakon Wanita Harapan – Carmen Soo

Pereka Kostum/ Busana Terbaik – Eric Cheong



**\* TIPAH TERTIPU**

5 jejaka Azan, Amer, Cat, Sein dan Zain yang berkawan rapat dari sekolah rendah dan memendam perasaan masing-masing kepada perempuan yang sama yang juga kawan rapat mereka, Tipah. Mereka semua terima satu panggilan dari Tipah untuk menjelaskan sesuatu buat kali penghabisan. Lalu mereka berlima dalam perjalanan pulang ke kampung untuk mengetahui siapa pilihan Tipah.

Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Azan (Ruffedge), Amer (Ruffedge), Cat (Ruffedge), Hussein (Ruffedge), Zain (Ruffedge), Adlin Aman Ramlie, Intan Nurladyana.

**2007**

### \* ANAK HALAL



Hisyam (Rosyam Nor) sedang diburu polis atas kesalahan jenayah. Dalam kekalutan untuk menyelamatkan diri dan nyawa anaknya, beliau terlihat akan seorang perempuan sakit jiwa bernama Mariam (Mislini Mustafa) tinggal di lorong tersebut lalu menyerahkan bayinya kepada perempuan itu. Hisyam akhirnya diberkas polis selepas berlaku kejadian tembak-menembak. Mariam akhirnya membesarakan anak tersebut dan memberikan nama Inderaputra.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai

Pengarah : Osman Ali


Pelakon : Farid Kamil, Maya Karin, Fasha Sandha.

Festival Filem Malaysia Ke 21, Putrajaya - 2008

Cerita Asal Terbaik – Osman Ali

### \* BUDAK LAPOK

#### Animasi



Budak Lapok merupakan imbasan kepada filem-filem nostalgia komedi P.Ramlee, Aziz Sattar dan S.Shamsuddin. Ia mengisahkan mengenai tiga anak muda Ramlee, Ajis dan Sudin yang menjadi kawan akrab di kampung Sebatang Pinang. Ketigatiga mmereka menyertai pertandingan bola sepak mewakili kampung mereka dengan Kampung Semerah Padi diwakili oleh Sarip Dol, Megat Komeng dan Brahim. Pada waktu yang sama mereka cuba memikat hati tiga orang anak gadis Nani, Salmah dan Eton dengan menyertai pertandingan Drama antara sekolah-sekolah walaupun Ajis dan Sudin gerun ketika berada di atas pentas berhadapan dengan orang ramai.

Penerbit : Matahari Animation & Productions Sdn Bhd

Pengarah : Anwardi Jamil

Pelakon Suara : Aziz Sattar, S.Shamsuddin, Mohd Hasrul Syafiq, M.Hafizuddin, Mahmuddi, Eric Fuzy, Shafique Danial.

### \* CHALANGGAI (DANCING BELLS)



Uma seorang budak perempuan berusia 11 tahun bercita-cita untuk menjadi seorang penari. Uma tinggal bersama keluarganya di penempatan yang bakal dirobohkan untuk membangunkan kawasan tersebut di dalam kota yang sedia membangun. Ibu Uma mempunyai satu gerai kecil menjual bunga untuk menyara hidup keluarganya. Bapa Uma, Raja, menyisihkan keluarganya setelah berkali-kali bertengkar dengan Muniammah. Muniammah meneruskan jadual hariannya menjual bunga sambil menyembunyikan perasaanya yang sebenar manakala Siva masih terumbang ambing dengan kehilangan seorang bapa dan Uma yang masih bercita-cita ingin menjadi seorang penari.

Penerbit : T One Hundred Eye Sdn. Bhd.


Pengarah : Deepak Kumaran Menon

Pelakon : Dhaarshini Sankran, Ramesh Kumar, Kalpana Sundraju.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-20, 2007 -Pulau Pinang  
Filem Digital Terbaik.

### \* CHERMIN



Nasrin, seorang perempuan yang rohnya terperangkap dengan dendam dalam sebuah cermin antik mengalami kecacatan pada mukanya akibat kemalangan jalan raya yang penuh misteri. Nasrin mendapati dirinya begitu tertarik kepada sebuah cermin antik warisan keluarga yang ditemui oleh ibunya. Akhirnya, Nasrin menjadi obses dengan cermin tersebut sehingga mengagumi roh cermin itu dalam usahanya mengembalikan kecantikan wajahnya.

Penerbit : Starry Eye Productions.

Pengarah : Zarina Abdullah

Pelakon : Deanna Yusoff, Natasha Hudson, Khatijah Tan, Farid

Kamil, Sheila Mambo, Shoffi Jikan, Farah Ahmad, Catriona Ross, Haryanto Hassan, Lisdawati, Mustapha Maarof, Ghazali Abu Noh, Fauziah Nawi, M. Rajoli.

### \* CINTA YANG SATU



Zulaikha (Sharifah Sofea) dan Wira (Zul Huzaimi) mempunyai sejarah cinta yang panjang sejak dari bangku sekolah. Kini Zulaikha sedang melanjutkan pelajarannya di seberang laut. Wira pula mengendalikan perniagaannya, dan ketika inilah dia menemui rakan sekolah Zulaikha, Jamilah (Siti Elizad). Pengenalan menjadi bertambah mesra bila Wira terpilih menjadi pelanggan bertuan untuk menikmati cuti percuma bersama kakitangan café tersebut. Wira menjadikan Jamilah teman wanitanya demi mengisi masa lapang yang membosankan. Zulaikha pulang bercuti dan menyaksikan sendiri kemesraan Wira dan Jamilah.

Penerbit : Wan's Production Sdn.Bhd.

Pengarah : Zulkefli M. Osman

Pelakon : Zul Huzaimy, Ejad, Sharifah Sofea, Nabila, Ezany Nizariff, Sheera, Harun Salim Bachik.

### \* CINTA TERAKHIR

Firdaus dari Malaysia dan Tina dari Indonesia menuntut di sebuah universiti. Selepas lima tahun, Tina dan Firdaus bertemu semula di sebuah pulau dan mula membincangkan tentang perhubungan yang pernah dijalin suatu ketika dulu. Walau bagaimanapun, pasangan ini menyalahkan satu sama lain dan mengungkit kisah lama atas perpisahan yang pernah terjadi.

Penerbit : KSG Pictures (M) Sdn Bhd

Pengarah : Along Kamaludin

Pelakon : Azizan Nin, Emelda Rosmila, Annahita Bakavoli, Rahimah Rahim, Rahim Razali, Jalaluddin Hassan, Saiful, Kazaruddin Saisi, Intan Olivia, Sandy Tumiwa.

### \* DIVA



Kartika (Ning Baizura) ialah seorang diva popular yang berasal dari Malaysia. Dia seorang yang berjaya di-serata dunia dan amat diminati orang jutaan peminat di tanah airnya. Di sebalik kejayaan gemilangnya tersembunyi sebuah kisah yang sedih. Di mana sekalipun Kartika berada, semua peminatnya ingin meluangkan masa bersamanya. Dalam keadaan ini, Kartika hanya inginkan seorang memahami isi hatinya iaitu ibunya. Ibunya tidak ingin bertemu mahupun berbicara dengannya sama sekali.

Penerbit : Tarantella Pictures LLC dan Nusantara Pictures

Pengarah : Sharad Sharan

Pelakon : Ning Baizura, Jeremy Thomas, Awal Ashaari, Adam AF2, Jessica Iskandar, Balkisyh Semunburkhan, AC Mizal, Shenny Andrea, Fauziah Nawi dan Pushpa Narayan.

### \* DUKUN



Diana Dahlan dijatuhi hukuman mati setelah membunuh ahli perniagaan Datuk Jefri. Filem ini diadaptasi daripada kes pembunuhan kejam dan penuh misteri yang dilakukan Mona Fandey. Jenayah itu cukup menggerunkan apabila dia mengerat kepada 18 potongan terhadap mayat mangsa yang dibunuhnya. Kes Mona Fendi atau nama sebenarnya Maznah Ismail menggemparkan Malaysia apabila ditangkap kerana membunuh Datuk Mazlan Idris, Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang di sebuah rumah di Kampung Peruas Ulu Dong, Raub, Pahang pada 13 Julai 1993. Mona bersama suaminya Mohd Affandi Abdul Rahman, dan pembantu mereka Juraimi Hussin dibicara dan didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Temerloh pada 1995.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd

Pengarah : Dain Iskandar Said

Pelakon : Umie Aida, Faizal Hussein, Elyana, Adlin Aman Ramlie, Nam Ron, Sofi Jikan, Hasnul Rahmat.

Trivia : Filem ini yang tidak dapat kelulusan secara ringkas berdasarkan kisah benar kes jenayah pengamal ilmu hitam Mona Fandey yang berlaku pada 1993.

### \* HARU BIRU



Kid (Que Haidar) seorang eksekutif muda, Ariyana (Dynas Mokhtar) seorang model, dan Dani (Ijoy Azhari) seorang jurufoto bebas, adalah tiga remaja yang bersahabat. Hubungan ini kemudiannya dibebani oleh perasaan cinta yang tersembunyi, lantas menimbulkan konflik yang meruntuhkan persahabatan mereka. Dalam diam Kid menjalinkan hubungan cinta dengan Ariyana dan membelaangi Dani. Kepura-puraan ini terbongkar apabila Suzi (Betty Banafe), perempuan simpanan Big Daddy, yang juga bekas kekasih Kid muncul kembali menagih harapan dari Kid. Suzi menghalang perhubungan Kid dan Ariyana kerana dia juga mahu Kid membantunya melarikan diri dari Big Daddy. Ariyana kecewa dengan tindak-tanduk Kid, lantas memutuskan perhubungan mereka berdua.

Penerbit:

Pengarah: Shadan Hashim

Pelakon : Que Haidar, Dynas Mokhtar, Ijoy Azhari, Eman Manan, Bette Banafe.

### \* IMPAK MAKSIMA



Ayie (Awal Ashaari) ialah seorang anak muda yang masih menuntut di salah sebuah institusi pengajian tinggi. Ayie amat gemar dengan sukan bermotor iaitu lumba kereta. Ayie sering membabitkan diri dengan perlumbaan kereta haram dan melepak bersama 2 orang rakan baiknya iaitu rakan sekolej Loyai (Cat Farish) dan Amran (Opie Zami), seorang mekanik kereta. Ayie sering ditegur oleh abangnya, Johari (Eizlan Yusof) yang telah menjaganya semenjak ibubapanya meninggal dunia.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Awal Ashaari, Eizlan Yusof, Zul Huzaimy, Cat Farish, Yatt, Dynas Mokhtar.

### \* JANGAN PANDANG BELAKANG



Darma (Pierre Andre) cuba mencari kepastian tentang sebab kematian tunangnya, Rose (Intan Ladyana). Rose didapati mati tanpa diketahui punca sebenar. Darma bersama adik kembar Rose bernama Seri (juga lakonan Intan Ladyana) yang cukup mengenali keperibadian Rose cuba mencari jawapannya. Mereka pergi ke rumah Rose untuk memulakan siasatan dan di sana Darma telah menemui sebijji botol. Darma mengambilnya dan membawa pulang botol tersebut. Selepas itu, hidup Darma tidak lagi tenteram. Setiap hari dia digangu oleh 'sesuatu' dengan gangguan yang amat dahsyat.

Penerbit : David Teo, Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Pierre Andre, Intan Ladyana, Khatijah Tan, Ruminah Sidek, Rio Elani, Hafizuddin Fazil.

### \* 1957 HATI MALAYA



Lima sahabat iaitu Hali, Salmi, Rafik, Ani dan Ang Lee berusaha keras untuk menerbitkan sebuah buku ilustrasi tentang kemerdekaan yang bertajuk "1957 - Hati Malaya". Hali berperanan sebagai editor menjadikan bekas rumah datuknya sebagai pejabat mereka. Dalam pada masa yang sama, Hali berusaha mengumpulkan wang sekurang-kurangnya RM 2 juta untuk mendapatkan semula rumah yang penuh kenangan itu. Salmi, yang juga kekasih Hali, merupakan jurugambar dan turut menguruskan bahagian grafik bagi penerbitan ini.

Penerbit : Pesona Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : Maya Karin, Rusdi Ramli, Mohd Kamarulzaman Taib, Nanu Baharuddin, Sharifah Amani, Bront Palarae.

#### Anugerah Filem & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Skor Muzik Asal Terbaik - Sharon Paul

Penyunting Terbaik - Nik Haslinda Hew & Kamarudin Abu

Pelakon Harapan Lelaki - Kamarulzaman Taib

Anugerah Khas Juri - Penonjolan Elemen Kemerdekaan

### \* KAYANGAN

Ia mengisahkan pertemuan seorang gadis desa dan seorang putera raja, Tengku Amir yang menerajui dunia korporat di kotaraya KL. Maseira seorang graduan yang terperangkap dengan idealismenya sendiri. Maseira didedahkan kepada dunia metropolitan yang serba mencabar, apabila menerima tawaran bekerja di syarikat keluarga Tengku Amir.



Penerbit : Raden Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Raja Ahmad Alauddin

Pelakon : Teuku Zacky Azwar, Nur Fazura Sharifuddin, Dynas Mokhtar, Eja, Opie Zami, Louisa Chong, Jalil Hamid.

### \* MUKHSIN



Ia berkisar tentang kasih sayang dan percintaan antara watak Orked, 10, dan Mukhsin, 12. Filem ini memaparkan tentang rasa cinta pertama yang timbul di hati mereka. Walau bagaimanapun ketika itu masalah yang timbul ialah Orked masih terlalu mentah untuk bercinta, manakala Mukhsin pula sedang melalui zaman peralihan akil baligh. Hingga hari terakhir Mukhsin meninggalkan kampung Orked, dia masih gagal meluahkan rasa cintanya.

Penerbit : Yasmin Ahmad

Pengarah : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pelakon : Mohd Shafie Naswip, Syarifah Aryana, Syarifah Aleya, Sharifah Amani, Rozie Rashid, Ho Yu Hang.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 20, 2007 - Pulau Pinang

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik – Syafie Naswip

57th Berlin International Film Festival, 2007 - Berlin.

### Filem Terbaik

9th Cinemanila International Film Festival, Manila - 2007.

Filem Terbaik (Best Southeast Asian Film - Grand Brilliance)

Jogja- NETPAC Asian Film Festival

Filem Terbaik Asia ke 2 - Silver Hanoman Award.

### \* NANA TANJUNG 2



Ia mengisahkan tentang kehidupan anak-anak Nana Kassim yang berubah apabila pelbagai cerita timbul mengenai hubungan anak perempuannya dengan bakal suami. Nana yang mendengar tohongan jiran (lakonan Azean Irdawati) memutuskan untuk mengenakan syarat kepada bakal menantunya dan tidak membentarkan bakal menantunya bertemu dengan anak-anak gadisnya sehingga majlis akad nikah dilangsungkan. Syarat itu menyebabkan Akhbar Khan (lakonan Saiful Apek) dan Zul (lakonan Jehan Miskin) mencari pelbagai pendekatan dan helah untuk mendampingi anak-anak Nana Tanjung, sehinggalah timbul masalah dan konflik lain dalam hidup ahli keluarga Nana Tanjung.

Penerbit : Grand Brilliance & Lineclear Motion Pictures

Pengarah : Prof. Madya A.Razak Mohaideen

Pelakon : Phee, Saiful Apek, Fasha Sandha, Waheeda, Maideen, Sheila Mambo, Jehan Miskin.

### \* OTAI




Aiman sudah mendirikan rumah tangga bersama Azura selama 3 tahun tetapi gagal mendapatkan zuriat. Mereka mendapat tekanan dari ayah Aiman, Tan Sri Mansur, yang mengancam sekiranya mereka tidak mendapatkan zuriat menjelang akhir tahun, seluruh harta milik Tan Sri Mansur akan diberi kepada anak yatim. Azura membuat pemeriksaan dengan doktor, hasil pemeriksaan itu mendapati Azura mempunyai masalah peranakan. Azura telah membuat keputusan bahawa Azura membenarkan Aiman menikah seorang lagi atas tujuan untuk mendapatkan anak disertai dengan 17 syarat. Aiman meminta pertolongan dari kawan karibnya, Sammy untuk mencari calon untuk menjadi isteri yang kedua.

Walau bagaimanapun semua calon ditolak oleh Azura dengan alasan terlalu cantik.

Penerbit : Abdul Latiff Mohaideen

Pengarah : Prof Madya Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Yassin Yahya, Nasha Aziz, Azni Nawawi, Azean Irdawaty.



### \* PUAKA TEBING BIRU

Ia berkisar tentang Ratna dan Ayu yang berjiran sejak kecil. Ayu, seorang gadis lemah lembut yang bercinta dengan Mohsin. Sementara Ratna, kakak kepada Atilia telah mendapat tawaran bekerja di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun hasratnya itu dibantah oleh ahli keluarga. Ratna tetap meneruskan cita-citanya sebagai petugas di unit forensik. Namun hidup Ratna tidak pernah tenteram. Dia sering didatangi bayang seorang wanita dan kanak-kanak perempuan. Lalu dia mengambil keputusan untuk kembali ke kampung. Sewaktu di kampung, Ratna mengalami pelbagai peristiwa pelik dan menyeramkan.

Penerbit : Gayatri Su-Lin Pillai, Penerbit Eksekutif-Tayangan Unggul

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Nasha Aziz, Umie Aida, Fahrin Ahmad, Sharifah Amani, Wan Maimunah, Mislina Mustaffa, Adik Alisa.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia ke-20, 2007

Sinematografi Terbaik -Penataan Seni Terbaik.



### \* SYAITAN

Dalila dan Muslim yang baru berkahwin berpindah ke sebuah apartment baru. Paksaan untuk berkahwin telah membuatkan Dalila rasa tertekan. Saat inilah, syaitan durjana memainkan peranannya menghasut perasaannya agar melakukan sesuatu di luar batas manusia. Atas perancangan rapi, kereta Muslim telah bertembung dengan lori yang menyebabkannya koma. Dalam komanya, Muslim dihantui oleh kejadian-kejadian pelik yang seperti benar-benar berlaku. Setelah sedar dan dibenarkan pulang, Muslim cuba menceritakan kepada Dalila iguan komanya itu. Dalila cuba mengelak daripada mendengarnya dengan memberikan pelbagai alasan.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd

Pengarah : Bade Hj. Azmi

Pelakon : Rosyam Nor, Que Haidar, Lisdawati, Zul Huzaimey, Liyana Jasmay, Azri Iskandar, Noorkhiriah, Kushairi.

### \* SUMOLAH



Ramlee (Afdlin Shauki) seorang pemuda Melayu yang sukar mengekalkan pekerjaannya, lalu menyebabkan kekecewaan ibunya (Kartina Aziz). Ramlee yang mengangur dan kesempitan wang ini bertembung dengan cabaran yang dikeluarkan oleh seorang pemilik kedai sushi bernama Honda (Patrick Teoh) untuk “makan seberapa banyak yang mampu – dalam had masa yang ditentukan”. Dengan perut lapar dan hati terdesak, Ramlee cuba mengharungi cabaran ini, lalu gagal. Sebagai sagu hati, Honda (Patrick Teoh) membenarkan Ramlee bekerja di restorannya untuk melangsai hutangnya. Ramlee menjadi seorang kakitangan kedai Boleh Sushi, dan bertemankan Haris (Awie) dan Andy (Radhi Khalid).

Penerbit : Afdlin Shauki

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Radhi Khalid, Awie, Gurmit Singh, Patrick Teoh.

### \* QABIL KHUSRY QABIL IGAM



Sebuah kisah cinta mengenai dua orang adik-beradik bernama Qabil Khushry dan Qabil Igam, anak kepada Ismail dan Tijah. Qabil Khushry amat sayang akan adiknya sejak dari adiknya di dalam kandungan ibunya. Ketika dewasa, Rani jatuh hati kepada Khushry manakala adiknya, Karisma memuja Igam walaupun pada awalnya Karisma tidak dapat menerima kenalan Igam. Walau bagaimanapun, kerana satu kesilapan, mereka sekeluarga bagaikan tersepit, lalu satu keputusan terpaksa dibuat yang membabitkan satu pergorbanan yang besar.

Penerbit : Sonata Filem Sdn Bhd

Pengarah : Zaili Sulan

Pelakon : Hans Issac, Rusdi Ramli, Erra Fazira, Ziana Zain, Rahim Razali, Fauziah Nawi, Khatijah Tan, Hisham Ahmad Tajudin.

### \* WARIS JARI HANTU



Tok Wan Rimau (Azean Irdawaty), penjaga harimau saka (iaitu yang mana badannya boleh bertukar bentuk menjadi harimau apabila diperlukan), sedang mencari seorang pewaris wanita untuk mewarisi kuasanya. Tina (Maya Karin) dan Ari (Rusdi Ramli) merupakan saudara-mara Tok Wan yang juga sahabat karib sesama sendiri. Harimau saka Tok Wan itu melindungi keluarganya dan kampung mereka daripada bahaya.

Penerbit : Pesona Pictures Sdn, Bhd

Pengarah : Shuhaimi Baba<sup>[1]</sup>

Pelakon : Maya Karin, Rusdi Ramli, Kavita Sidhu, Azean Irdawaty.

### \* Anugerah & Festival Filem

Pengarah Terbaik Festival Filem Malaysia Ke-20 (FFM-20) - Shuhaimi Baba. Menerima hadiah wang tunai RM25,000 dan trofi. Pelakon Lelaki Terbaik Festival Filem Malaysia Ke-20 (FFM-20) - Rusdi Ramli. Menerima hadiah wang tunai RM10,000 dan trofi.

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik Festival Filem Malaysia Ke-20 (FFM-20) - Azean Irdawaty.

### \* ZOMBIE KG. PISANG



Kedamaian Kampung Pisang bertukar menjadi huru-hara pada suatu malam. Kekecohan bermula dengan kematian mengejut Pak Abu, Bilal kampung yang terjatuh daripada basikalnya semasa pulang ke rumah. Tiga pemuda kampung yang menyaksikan kejadian itu lalu mengusung mayat Pak Abu pulang ke rumahnya. Mereka bertiga memaklumkan kepada Pak Jabit, Ketua Kampung. Pak Jabit datang menziarah, namun beliau juga tak semena-mena meninggal dunia semasa sedang memeriksa mayat Pak Abu. Keadaan menjadi bertambah gawat. Ketika ketiga-tiga pemuda tersebut berbincang mengenai kejadian yang menimpa, jeritan dari atas rumah mengejutkan mereka. Cikgu Munah dan

Cikgu Maimun, anak-anak perempuan Pak Abu memberitahu yang kedua-dua mayat tadi hilang.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd.

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Awie, AC Mizal, Sofi Jikan, Que Haidar, Ezlynn, Nadia Mustafar, Ruminah Sidek, Zami Ismail, Loloq, Hamid Gurkha, Mazlan, Jalil Hamid.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-20 (FFM-20) - Pulau Pinang

Anugerah Khas Juri - Kritikan Sosial Masyarakat Dalam Filem Genre Lawak Jenaka.

### \* BEFORE WE FALL IN LOVE AGAIN

#### \* Anugerah & Festival Filem

Bangkok International Film Festival, 2007 - Bangkok.

Filem Terbaik (Best ASEAN Film) - De Huang Pictures/James Lee

Penerbit : Da Huang Pictures & October Pictures

Pengarah : James Lee

Pelakon : Amy Len, Pete Teo, Chye Yang

### \* FLOWER IN THE POCKET

Li Ahh (Lim Ming Wei) dan Li Ohm (Wong Zi Jiang) membesar tanpa ibu. Ayah mereka Sui (James Lee) menghabiskan sebahagian besar masanya memperbaiki manekuin yang rosak. Sui adalah orang asing bagi dua anak lelakinya, satu-satunya warisan yang ditinggalkan oleh wanita yang dicintainya. Sepeninggalan mendiang isterinya, kedua-dua anaknya membesar dengan kebebasan anak-anak yang terabai. Mereka berkeliaran di jalan; terlibat dalam pergaduhan dan masalah lain di sekolah. Sepanjang perjalanan hidup mereka, anak anjing liar peliharaan, menjadi perkara terpenting dalam hidup mereka. Apabila anak anjing itu

dikatakan menganggu masyarakat setempat dan perlu dikeluarkan, kedua-dua anak itu kehilangan punca. Buat pertama kalinya, Sui menyedari bahawa dia masih mampu mencintai anak-anak itu dan akan melakukan sesuatu mengenainya sebelum terlewati.

Penerbit : Da Huang Pictures

Pengarah : Liew Seng Tat

Pelakon : Wong Zi Jiang, Lim Ming Wei, Amira Nasuha Shahiran, James Lee.

10th Deauville Asian Film Festival, 2008, Deauville, France

Anugerah Khas Juri - Da Huang Pictures

22nd Fribourg International Film Festival, 2008, Fribourg, Switzerland

Da Huang Pictures/ Liew Seng Tat

12th Pusan International Film Festival, Pusan -2007;

Anugerah Pilihan Penonton (KNN Audience Award)

Anugerah Pembikin Filem Baru (New Current Award) Tiger Awar - Liew Seng Tat

37th Rotterdam International Film Festival - Rotterdam, Holland, 2008

Anugerah Pembikin Filem Baru (New Current Award) Tiger Award - Liew Seng Tat

**\* THE ELEPHANT AND THE SEA / 2007**



\* Filem ini meneroka kehidupan dua individu selepas penyakit bawaan air yang melanda kampung nelayan mereka. Seminggu selepas penyakit itu meragut nyawa isterinya, Ah Ngau, seorang nelayan dihantar pulang dengan bantuan \$300 dari kerajaan dan sekotak kadbur sumbangan orang ramai. Daripada berduka pada isterinya, Ah Ngau menemukan kebebasan baru, bertemu dengan pelacur dan mengalami kebangkitan seksual yang lama ditangguhkan. Yun Ding pula mencari nafkah melakukan pelbagai pekerjaan, mengikuti kakaknya Long Cha. Ketika Long

Chai menyerah pada penyakit ini, Ding terpaksa berdikari sendiri.

Penerbit : Greenlight Pictures/Woo

Pengarah: Woo Ming Jin

Pelakon : Kok Keong Chung, Berg Lee, Meng Hui Ng, Chui Mui Tan, Juliana Ibrahim.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Torino Film Festival , 2007, Turin, Italy

Filem Terbaik - Greenlight Pictures/Woo Ming Jin.

Cinema Digital Seoul Film Festival, 2007, Seoul, Korea. -Pengarah Terbaik - Woo Ming Jin

DIBA Barcelona Film - Pengarah Terbaik - Woo Ming Jin

Lisbon Village Film Festival, 2008, Lisbon

Filem Terbaik - Greenlight Pictures/Woo

## 2008

**\* ANAK**



Nita ialah seorang gadis jelita yang merasakan tiada lagi yang tinggal untuknya di dunia ini. Manakala Kay merupakan seorang peragawan terkemuka yang dikatakan wanita tercantik di Malaysia. Dia sekarang berada di kemuncak kerjayanya. Di rumah baru mereka, Nita mula diganggu oleh seorang budak kecil 5 tahun. Nita memberitahu Kay mengenai segala yang dia nampak di dalam rumah itu tetapi sukar untuk diterima Kay. Nita mula meragui dirinya sendiri dan dipujuk oleh Kay supaya berjumpa pakar psikologi. Kay pula juga mula risau apabila dapat


tahu Mak Mek telah meninggal dunia.

Penerbit :

Pengarah : Barney Lee

Pelakon : Erra Fazira, Ida Nerina.

### \* APA KATA HATI



Elly, seorang pereka fesyen muda bekerja di Butik Karya Anggun adalah seorang gadis ceria dan berfikiran positif, diuji dengan satu pemberian yang memang diimpikan oleh semua wanita iaitu dapat membaca fikiran lelaki. Namun Elly menganggap itu satu sumpahan apabila dia banyak mendengar yang tidak baik berbanding yang baik. Dengan pemberian itu juga, Elly jadi keliru dalam membuat pilihan teman hidup. Kebuntuan itu mendorong Elly mengikut kata hati.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd

Pengarah : Saw Teong Hin

Pelakon : Raja Farah, Farid Kamil, Awal Ashaari, Dynas Mokhtar, Awie, Kartina Aziz, Ogy Ahmad Daud, Harun Salim Bachik, AC Mizal, Radhi Khalid, Murali Abdullah, Rosyam Nor, Erma Fatima, Umie Aida, Vanidah Imran, Sofea Jane, Shaharuddin Thamby, Adlin Aman Ramlie, Dafi.

### \* AKHIRAT



Filem ini merupakan coretan tinta hitam yang membelaenggu kehidupan seorang wanita suci Mira (Vanidah Imran) kerana nafsu serakah manusia durjana. Akibat daripada tragedi malang itu kehidupan Mira semakin pudar setelah dia disahkan menghidap penyakit yang amat mengerunkan. Kesangsaraan ini cuba dirahsiakan daripada pengetahuan suami tersayang, keluarga dan masyarakat. Namun konflik melanda bila dia tidak dapat menyempurnakan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri. Dilema ini menyebabkan Mira melakukan sesuatu di luar dugaan dengan merancang menyatakan Amran (Tony Eusoff) dengan Noni (Nabila Huda).

Penerbit :

Pengarah : Syed Mohamed

Pelakon : Vanidah Imran, Tony Eusoff, Ady Putra, Nabila Huda.

### \* ANTOO FIGHTER



Sekumpulan makhluk dan hantu-hantu di zaman dahulu yang diketuai Drakulat Van Listerooy, kembali menggalas dan bermaharajalela di zaman ini selepas terlepas dari kurungan dan tangkapan kumpulan Penentang Jembalang pada zaman dahulu. Drakulat dan hantu-hantunya telah mengembara dari tempat mereka terlepas ke Kuala Lumpur dan telah menawan Menara KL dan dijadikan markas operasi mereka. Disitu mereka memulakan kekacauan dan kekecohan di ibu negara sehingga menyebabkan Negara di tahap bahaya

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah : Azizi Chunk

Pelakon : Radhi (OAG), Awie, Harun Salim Bachik, Nasrizal Ngasri, Shoffi Jikan, Amran Tompel, Hada Hidzir, Scha, Datuk Jalaluddin Hasan, Hamid Gurkha, Ruminah Sidek, Osman Kering, Loloq.

### \* BS21: BRAINSCAN



Dr.Suzana (Sharifah Shaheera) di bawah seliaan Prof. Dr. Taib Siron (M. Rajoli) berjaya mencipta sebuah mesin BS21 yang boleh membaca fikiran manusia. Walaupun BS21 amat penting dalam bidang perisikan ketenteraan namun, ia amat berbahaya jika terjatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab. Hal itu benar-benar terjadi apabila Cat (Cat Farish) dan orang kanannya Kupan (Bob Kuman) muncuri BS21 dari makmal Dr. Suzana. Satu-satunya saksi yang melihat kejadian itu adalah Hashim (Zul Yahya), pengawal keselamatan makmal tersebut.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Nik Adruse, Nur'Arina, Sharifah Shahirah, Cat

Farish, Bob (KU2) @ Kuman, M.Rajoli, Zul Yahya, Mek Siti.

### \* BUDAK KELANTAN



Dua orang sahabat, Buchek (Danny X-Factor) dan Jaha (Asrulfaizal Kamaruzaman) bertemu kembali di Kuala Lumpur setelah terpisah sekian lama. Kini mereka sudah dewasa. Namun akibat menjalani hidup, sikap dan pandangan yang berbeza, dunia mereka tidak lagi sama. Buchek baru sahaja menamatkan pengajian di Universiti Malaya manakala Jaha, yang pernah menjalani kehidupan di sekolah Henry Gurney, kini bergelumang di celah kesibukan Kotaraya Kuala Lumpur. Di saat mereka bertemu, Jaha ingin berkongsi perjalanan kehidupannya dengan Buchek yang ternyata sangat berbeza dengan cara hidupnya.

Buchek melihat cara kehidupan kawannya yang terlalu liar, lalu tercetus hasrat dihatinya untuk membantu Jaha ke jalan yang lurus.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Wan Azil Wan Jusoh

Pelakon : Mohd Kardanie Anwa, Bienda, Mohd Asrulfaizal Kamaruzaman.

### \* CICAKMAN 2 – PLANET HITAM



Professor Klon (Aznil Nawawi) telah kembali. Kali ini bukan sahaja untuk menjadi Presiden Bandar Metrofulus, malah untuk menguasai bekalan air dunia melalui rancangan "Planet Hitam". Apabila planet biru kita hanya tinggal 72 jam sebelum menjadi hitam, Cicakman (Saiful Apek) datang menyelamat. Namun Cicakman harus berhadapan dengan musuh-musuh lama; Ginger Boys, yang kembali menjadi lebih berkuasa dalam bentuk spiritual sebagai Ginger Ghosts (Adlin Aman Ramlie & AC Mizal).

Penerbit : KRU Studios & Grand Brilliance

Pengarah : Yusry Abdul Halim

Pelakon : Saiful Apek, Fasha Sandha, Aznil Nawawi, Sharifah Amani, AC Mizal, Adlin Aman Ramlie, Tamara Blesynski.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009.

Penataan Bunyi Terbaik - Mohd Mohsin Othman

Pereka Kostum/Busana - Sheen Imagineering

### \* CINTA U-TURN



Datuk Shuib ingin anaknya Faiz mengambil alih perniagaannya dan mengahwini seorang gadis, Juliana, iaitu anak kepada sahabatnya Datuk Jamal. Kekeliruan identiti Juliana berlaku apabila gambar Juliana bertukar dengan gambar seorang gadis yang tidak menepati citarasa Faiz. Dengan segala yang berlaku Faiz telah membuat keputusan untuk mlarikan diri.

Penerbit : Pyramid Saimara Films and Lineclear Motion Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Prof.Madya A.Razak Mohaideen

Pelakon : Awie, Fasha sandha, Abu Bakar Omar, Jalaluddin

Hassan, Azlee Senario, Fiza Elite.

### \* CINTA TERAKHIR



Firdaus pelajar dari Malaysia dan Tina pelajar dari Indonesia sama-sama menuntut di UUM. Semasa di kampus pelbagai kejadian suka dan duka wujud sepanjang mereka menuntut. Walau bagaimanapun, hubungan mereka terputus akibat salah faham. Selepas menamatkan pengajian, masing-masing membawa haluan sendiri. Sebaik sahaja reda isu lama dan mereka kembali berbaik-baik, timbul pula isu baru. Kehadiran tunang Tina secara tiba-tiba ke pulau itu menyebabkan Firdaus kembali berprasangka buruk terhadap Tina. Firdaus menyangka Tina sengaja merancang kehadiran tunangnya untuk membalas dendam dan menyakitkan hatinya. Mereka terpisah sekali lagi. Tina memilih Adam dan berhasrat untuk melupakan Firdaus.

Tiga puluh tahun kemudian, Firdaus Berjaya menjadi jutawan maritime dan membangunkan pulau yang dulunya sunyi dan sepi. Tina yang sudah kematian suami pada ketika itu, menziarahi Firdaus yang sedang nazak di sebuah mahligai mewah.

Penerbit : KSG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Along Kamaludin

Pelakon : Zizan Nin, Intan Olivia Asriana, Emelda Rosmila, Nabilah, Annahita Bakavoli, Rahim Razali, Jason Chong, Pekin, Cat Farish.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia Ke 20 (2007)

Pelakon Harapan Lelaki

### \* CONGKAK



Kazman serta isterinya Sufiah mengambil keputusan bercuti bersama dua anaknya, Lisa dan Ely di sebuah banglo di tepi tasik. Kazman sudah berjanji untuk membeli banglo itu sebagai persinggahan semasa bercuti. Pelbagai peristiwa pelik berlaku sepanjang perjalanan mereka termasuk kehilangan telefon bimbitnya. Setibanya mereka di banglo itu, peristiwa yang semakin pelik turut terjadi. Sufiah cuba meyakinkan Kazman untuk keluar dari rumah itu tetapi tidak diendahkan. Kazman tetap berkeras untuk membeli rumah itu kerana sudah berjanji dengan kawannya. Sufiah sentiasa merasakan ada makhluk sedang memerhatikannya. Salah seorang anak mereka, Lisa setiap malam akan turun ke sebuah bilik gelap untuk bermain congkak dengan seseorang yang hanya boleh dilihat olehnya seorang.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Nanu Baharuddin, Riezman Khuzaini, M.Rajoli, Erin Malik, Erynnne Erynnna, Ruminah Sidek.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Erynnne Eryonna

#### \* CUCI



Mengisahkan empat pemuda daripada sebuah keluarga telah berhijrah ke ibu kota Kuala Lumpur dengan satu azam untuk mencebur perniagaan pembersihan. Sebelum ini mereka terlepas banyak peluang pekerjaan disebabkan sikap kurang ambil berat dalam segenap hal oleh adik-adiknya, dan membuatkan Fairil (Afdlin Shauki) yang merupakan ketua yang bercita-cita tinggi menggalakkan mereka menyertai pertandingan ‘Window Washing Olympic’. Pemenang akan menerima satu kontrak untuk membersihkan tingkap dan cermin bangunan pencakar langit KLCC.

Penerbit :

Pengarah : Hans Isaac

Pelakon : Afdlin Shauki, AC Mizal, Awie, Hans Isaac.

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Lakon Layar Terbaik - Hans Isaac; Pengarah Harapan Terbaik - Hans Isaac

#### \* DUNIA BARU – THE MOVIE



Opie mendapat kejutan melalui surat yang ditulis oleh Anizah menyatakan hasratnya untuk ke Thailand dan kahwin lari dengan Fazley. Menurut kandungan surat itu, Anizah begitu nekad hingga sanggup melepaskan tawaran melanjutkan pelajaran di UK. Perkara ini mengusarkan teman-teman rapatnya iaitu Opie, Madihah, Suzanna, Adif dan Tajol. Mereka berpaktat untuk mengejar Anizah dan mengubah fikirannya. Pengembaraan pencarian Anizah merupakan suatu perjalanan yang semakin lama semakin kecoh dan berperistiwa, membuat penonton teruja khasnya pengikut setia siri Dunia Baru - kisah geng kolej paling

popular di Malaysia.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pengarah : M.Hitler Zami

Pelakon : Elyanna, Pierre Andre, Wan Elyas, Anne Ngasri

#### \* DUYUNG



Jimmy menaruh hati terhadap Aspalela anak kepada Tok Mudim kampung, begitu juga Aspalela. Pada suatu hari, Jimmy meminang Aspalela tetapi ditentang habis-habisan oleh Tok Mudim dan mencabarnya supaya mempunyai tanah sendiri jika ingin mengahwini anaknya. Selepas Jimmy mempunyai tanahnya sendiri Wak Pagek juga tidak menerimanya. Kordi seorang pemuda berjaya di situ juga bahasrat memperisterikan Aspalela. Kordi yang semakin bengang dengan Jimmy menyuruh Jimmy berkahwin dengan ikan duyung sahaja. Jimmy kemudian membaiaki pulaunya sehingga ikan duyung terjerat di tali ikatanya. Akhirnya Jimmy dan ikan duyung berkawan baik sehingga

Jimmy menjadi seorang kaya hasil dari pemberian emas daripada ikan duyung.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn Bhd

Pengarah : Prof. Madya A.Razak

Pelakon : Saiful Apek, Maya Karin, Yassin Yahya, Yasmin Hani, Awie.

#### \* Anugerah Filem & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Anugerah Khas Box Office - KRU Films, Line Clear Motio Pictures & Grand Brilliance.

### \* EVOLUSI KL DRIFT



Dua sahabat karib Zack dan Sham sama-sama berkongsi hobi dalam bidang perlumbaan kereta 'drift'. Perlumbaan kereta 'drift' yang didominasi golongan lelaki tidak menghalang Fasha, teman wanita Zack untuk memecahkan monopolii itu dan menjadikannya sebagai satu hobi. Rentetan daripada sejarah kehidupan Fasha yang mengakibatkan krisis identitinya mendorong Zack lebih bersikap protektif terhadap pergaulan Fasha.

Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd & Grand Brilliance

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Farid Kamil, Fasha Sandha, Aaron

Aziz, Iqram Dinly, Dianna Danielle, Hetty Sarlene, Buzen Hashim, Rizal Ashraf.

### \* Anugerah Filem & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Sinematografi Terbaik - Raja Mukhriz

Anugerah Khas Juri : Keberkesanan Aksi Lasak Di Layar Perak



### \* HISTERIA

Tujuh pelajar nakal yang menamakan kumpulan mereka sebagai 'Pink Flamingo', berpura-pura terkena hysteria, hingga terpaksa dipanggil bomoh untuk memulihkan mereka. Namun tindakan mereka itu mengundang masalah lain apabila mereka bertujuh dikenakan denda, membersihkan kawasan kolej selama seminggu ketika cuti semester. Mereka ditempatkan di satu dorm yang kelihatan menyeramkan. Terdapat seorang pelajar baru (Zeta) menyertai mereka. Sebelum Zeta diterima menjadi ahli Pink Flamingo, beliau perlu diuji dengan bermalam di sebuah makmal berhantu. 7 pelajar lain cuba menakut-nakutkan Zeta.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : James Lee

Pelakon : Liyana Jasmy, Noris Ali, Ainul Aishah, Ady Putra, Ayu, Naftalya, Scha,

Reanna, M.Rajoli, Kazaar.

### \* I'M NOT SINGLE

Maya dan Adam dipaksa berkahwin pada usia muda kerana perancangan ibu bapa masing-masing yang bersahabat baik sejak kecil. Adam dan Maya tiada alasan untuk membantah tambahan pula perancangan itu disokong kuat oleh nenek Maya yang sangat teringin melihat persandingan cucu tunggalnya sebelum menghembuskan nafas terakhir. Maya sendiri mempunyai teman lelaki iaitu Dani. Dani seperti tidak dapat menerima kenyataan Maya sudah berkahwin mencari jalan untuk mendapatkan Maya semula. "Percutian bulan madu" di rumah pusaka keluarga Adam bukanlah satu rancangan yang bijak. Pelbagai peristiwa lucu yang mencuit hati berlaku sepanjang mereka tinggal bersama

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Farid Kami, Lisa Surihani, Awal Ashaari, Intan Ladyana, Datuk Jalaluddin Hasan, Fadilah Mansor.

**\* JARUM HALUS**



Daniel dan Iskandar bersahabat baik dan bekerja di sebuah syarikat yang sama iaitu Ecotech, di bawah pengurusnya Datuk Kalel. Oleh kerana Daniel bekerja lebih tekun, maka Daniel mendapat lebih perhatian daripada Datuk Kalel sehingga menyebabkan Iskandar berdendam dengannya. Akibat dendam yang membara, terjadilah persengketaan sehingga terjadinya suatu tragedi yang dahsyat.

Penerbit : Eleanor Low/Mark Tan

Pengarah : Mark Tan

Pelakon : Razif Hashim, Juliana Ibrahim, Christien New, Rahim

Razali, Justin Chan, Megat Sharizal, Stephanie Chai

**\* Anugerah & Festival Filem.**

Festival Filem Malaysia Ke 21 (2008) - Filem Digital Terbaik.

**\* KALA MALAM BULAN MENGAMBANG**



Filem ini merungkai misteri kehilangan pemuda di pekan Senduduk Rimbun pada setiap kali menjelang purnama. Misteri bermula apabila tayar kereta Saleh, seorang wartawan ditusuk sesuatu yang menyerupai rangka tangan sedang memegang ukiran lama berbentuk keris. Tayar kereta yang pancit menyebabkan Saleh terpaksa menghantar keretanya ke bengkel Jongkidin dan bermalam di pekan itu.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Rosyam No, Umie Aida, Farid Kamil, Avaa

Vanja, Corinne Adrienne, Bront Palarae, Kuswadinata, Mohd

Hitler Zami, Sofi Jikan, Adam Corrie.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Filem Terbaik - Tayangan Unggul Sdn. Bhd

Pengarah Terbaik - Mamat Khalid; Pelakon Lelaki Terbaik - Rosyam Nor

Penataan Seni Terbaik - Nazrul Asraff

Pereka Kostum / Busana Terbaik - Nasirah Ramlan

**\* KAMI THE MOVIE**



Sekumpulan lima remaja berdepan dengan pelbagai cabaran dalam perjalanan mendewasakan diri. Lynn ialah pelajar tingkatan lima yang membantu ibunya di gerai dan melepak bersama empat rakan iaitu Ali, Abu, Sofie dan Adii. Walaupun bersahabat baik, tetapi Lynn menyimpan rahsia silam daripada rakannya. Lynn dan ibunya berpindah ke kota daripada sebuah pekan bagi memulakan hidup baru, jauh daripada pengedar dadah, Boy, lelaki yang pernah Lynn bantu untuk mendapatkan duit lebih. Namun, pemuda itu muncul kembali untuk mengukar-kacirkan keadaan. Menambahkan lagi

kesulitan, Lynn menulis menggunakan nama samaran untuk sebuah majalah kegiatan remaja, Kami.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Effendee Mazlan, Fariza Azlina Ishak

Pelakon : Syarul Ezani Mohamed Ezzuddeen, Liyana Jasmay, Nas T, Ani Zayanah, Julianne Evans, Zahiril Adzim.


**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009

Pelakon Harapan lelaki - Zahiril Adzim

Anugerah Khas Juri - Karya Filem Imaginasi Golongan Muda Dengan Paparan Yang Berkesan Dalam Filem.

### \* KANTOI



Yasin seorang pelajar Sains Kimia di USM Pulau Pinang hendak ke Kuala Lumpur bagi memberitahu tunangnya Lydia yang sedang bercuti tentang dia mendapat tawaran kerja di Sarawak. Yasin ingin menyatakan hasrat untuk mengahwini Lydia sebelum berangkat ke Sarawak. Sesampainya Yasin di Puduraya, dia menyedari dompetnya hilang apabila hendak membayar makanan. Wak Wagiman yang kebetulan berada di Puduraya memberitahu Yasin yang dia tahu dan kenal siapa yang telah mencuri dompetnya. Wak Wagiman membawa Yasin ke sebuah "Rumah Kongsi" di mana Salman tinggal. Salman tidak mengaku mencuri dompet Yasin dan berlaku pertengkaran di antara mereka.

Sewaktu pertengkaran berlaku, pihak Imegresen telah melakukan serbuan.

Penerbit :

Pengarah : Mat Landon

Pelakon : Yassin Senario, Fazura, Rozita Che Wan, Ramli Hassan, Rosnah Johari, Zamarul Hisham, Roy Azman, Shoffi Jikan, Yang Kassim, Azhar Sulaiman.

### \* KOYA BEST

Dua sahabat, Buchek dan Jaha bertemu kembali di Kuala Lumpur setelah terpisah sekian lama. Namun akibat menjalani hidup, sikap dan pandangan yang berbeza, dunia mereka tidak sama lagi. Buchek baru sahaja menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya manakala Jaha yang pernah menjalani kehidupan di sekolah Henry Gurney, kini bergelumang di celah kesibukan Kotaraya Kuala Lumpur. Di saat mereka bertemu, Jaha ingin berkongsi perjalanan kehidupannya dengan Buchek yang ternyata sangat berbeza dengan cara hidupnya. Buchek melihat cara kehidupan kawannya terlalu liar, lalu tercetus hasrat dihatinya untuk membantu Jaha ke jalan yang lurus.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah : Wan Azli

Pelakon : Danny, Bienda, Mohd Asrulfaizal, Md Eyzendy Md Aziz, Wan Md Zuhari Wan Harun, Muhammad Haqqam Hakiri.

### \* LOS DAN FAUN



Ia mengisahkan mengenai dua budak kampung keturunan Melayu dan Portugis iaitu Carlos Rodrigo dan Ahmad Faun Bin Sulaiman. Mereka berhijrah ke KL untuk mencari penghidupan baru. Pelbagai kerja mereka lakukan tapi kejujuran Faun selalunya membuatkan mereka dipecat. Kemahiran Faun di dalam mencari benda-benda hilang dengan menggunakan '*power of deduction*' membolehkannya membuka suatu perniagaan baru yang difikirkan oleh Los yang bijak dalam bidang pemasaran ini. Perniagaan mereka makin maju hari demi hari. Seorang Datin memerlukan pertolongan dalam menjelaki semula jam tangan yang hilang bernilai RM40 juta peninggalan suaminya.

Penerbit : Vision Works (M) Sdn Bhd

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Hans Isaac, Afdlin Shauki, Erra Fazira, Ida Nerina AC Mizal, Stephen Rahman Hughes.

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009  
Filem Komidi Terbaik

#### \* MISTERI DENDAM BALAN BALAN THE MOVIE



Seorang penulis cerita mistik (Jalal Maran) dan sekumpulan pelajar (Diana, Danial, Ramona) berkunjung ke Sabah untuk mengkaji mengenai cerita Misteri Balan-Balan. Mereka bergabung menjadi sekumpulan untuk merungkai persoalan-persoalan mengenai Makhluk misteri tanpa kepala itu. Mereka sampai ke sebuah kampung yang mengalami satu demi satu kematian yang cukup misteri dan menjadi tanda tanya. Datu Jarlis dan Ustaz Fuad cuba mengejar makhluk Balan-Balan dan mengambil jasadnya namun semuanya sia-sia.

Penerbit : MAR Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Amith Abidin AW

Pelakon : Nasir Bilal Khan, Rozita Che Wan, Cico Harahap, Julia Hana, Awang Karim.

#### \* PENSIL



Ia mengisahkan seorang budak cacat dari segi fizikal setelah menghidap demam panas sewaktu berusia lapan bulan. Walaupun cacat, Badrul sayang ibunya. Badrul juga mempunyai nilai-nilai dan sikap menghormati orang-orang tua. Dia juga taat kepada ajaran agama. Badrul terpaksa menjual keropok dan bubur bagi menyara ibu dan dirinya. Dia akan mengharungi pelbagai masalah kerana ada segelintir penduduk di kampung itu yang suka menghina dan mencacinya. Ibunya kehilangan kakinya disebabkan oleh penyakit kencing manis. Badrul berhasrat untuk mengumpul duit secukupnya untuk membelikan ibunya kaki palsu. Badrul juga mempunyai kebolehan untuk melukis. Mak Nek adalah teman baik Badrul yang juga merupakan neneknya. Mak Nek adalah tempat dimana Badrul akan mendapat kasih saying dan perhatian.

Penerbit : Genius Parade Sdn Bhd

Pengarah : M. Subash

Pelakon : Maimon Mutalib, Ruminah Sidek, Khatijah Tan, Jalil Hamid.

#### \* Anugerah Filem & Festival Filem

Festival Filem Malaysia 21, Putrajaya - 2008

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Ruminah Sidek

#### \* PUNGGUK RINDUKAN BULAN

Filem ini mengisahkan Sidi lakonan Saeful Nazhif Satria yang meningkat remaja dan bapanya, Adman (Shahronizam Noor) tinggal di sebuah rumah flat kos rendah di Johor Bahru yang turut dihuni oleh pelbagai watak unik. Satu hari, Umi (Maya Karin) iaitu ibu Sidi dan isteri kepada Adman meninggalkan mereka tanpa sebarang pesanan. Pada awalnya, Sidi terbuai dengan kebebasan automatik yang timbul sesuai dengan gejolak remajanya dan mula bersekolah sendirian. Manakala Adman pula bebas memenuhi hobinya iaitu memancing dan menikmati lagu dan filem Melayu lama. Walau bagaimanapun, lama-kelamaan ruang sempit di flet itu terlalu luas dan akhirnya boleh merengangkan Sidi dan Adman.

Penerbit: Amir Muhammad

Pengarah : Azharr Rudin

Pelakon : Saeful Nazhif Satria, Shahronizam Noor, Maya Karin.

### \* SAYANG YOU CAN DANCE

Mia ialah seorang gadis yang begitu obses dengan tarian hip hop. Tapi bagi beliau adalah cukup mustahil untuk merelisasikan impianinya itu. Tapi semua itu berubah apabila hadirnya Remi dalam hidupnya. Remi adalah seorang penari yang cukup berbakat dan berjaya menawan perhatian Mia. Mereka berdua disertai bersama Dafi dan Robby yang juga turut mahu merelisasikan impian mereka bersama dengan menyertai pertandingan tarian seluruh negara itu. Dengan begitu hampir memenangi pertandingan tersebut bapa Mia cuba untuk menghentikan segala cubaan Mia dalam bidang tarian ini termasuk cintanya terhadap Remie.



Penerbit : Hock Star Entertainment Industry Bhd

Pengarah : Bjarne Wong

Pelakon : Sharifah Amani, Ebi, Dafi, Smyth Wong, Carmen Soo.

### \* SELAMAT PAGI CINTA



Julia (Fazura), seorang wanita yang menderita akibat kematian suaminya yang sangat dicintainya. Julia mengenali Ilham di sebuah kedai buku. Ilham seberapa daya cuba memenangi hati Julia yang pada mulanya sukar menerima Ilham. Kisah kedua, Azam (Que Haidar) yang juga seorang pelajar telah jatuh cinta dengan Suci (Sharifah Amani), anak orang berada. Azam merupakan seorang anak tunggal yang berkerja secara sambilan untuk menyara datuknya tinggal dengan ibu saudaranya, Mak Su. Walaupun Mak Su sering menyuruh Azam menghantar Datuknya ke rumah orang-orang tua tetapi Azam menolak kerana Datuklah yang menjaga Azam sejak kecil.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd

Pengarah : Reanna

Pelakon : Pierre Andre, Que Haidar, Fazura, Sharifah Amani, Cat

Farish.

### \* SELL OUT / 2008

#### \* Anugerah & Festival Filem

Anugerah : 45th Golden Horse Film Festival & Awards, Taipei - 2008

Netpac (Network for the Promotion of ASEAN Cinema)

-Yeo Joon Han

65th Venice Film Festival, 2008- Venice, Italy

Young Cinema Award (Alternatives) Filem Terbaik -Amok Films

11th Barcelona Asian Film Festival, 2009, Barcelona

Penghargaan – Special Mention -Amok Films

\* Hos TV Malaysia, Rafflesia Pong (Jerrica Lai), yang menerajui program perbincangan seni yang hampir berkubur kerana penilaian buruk, tersandung peluang keemasan apabila wawancara terbarunya bersama bekas teman lelaki, mati di depan kamera. Ia adalah masa yang tepat kerana dia harus mencari jalan untuk tampil dengan rancangan realiti terkini untuk mengalahkan saingannya yang berpenampilan tinggi di Asia.

Penerbit : Amok Films

Pengarah : Yeo Joon Han

Pelakon : Jerrica Lai, Peter Davis, Thuan CHye Kee, Dominic Lucien Luk, Kareem Ko.

### \* SENARIO THE MOVIE: EPISODE 1



Ia mengisahkan pengembalaan 3 sahabat untuk mencapai cita-cita menjadi bintang. Mazlan, Azlee dan Wahid datang dari kampung dan negeri yang berbeza. Tujuan mereka hanya satu iaitu menghadiri uji bakat di KL dan menjadi pelawak terkenal tanah air. Malangnya, pelbagai dugaan dan cabaran terpaksa mereka hadapi untuk mencapai impian tersebut. Paling mengharukan apabila tibanya mereka di Kuala Lumpur, mereka ditangkap polis kerana wajah mereka seiras dengan wajah kumpulan perompak bersiri yang menjadi buruan polis.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Mazlan Pet Pet, Azlee Senario, Wahid Senario, Fauziah Nawi, Zaibo, Shamsul Ghau Ghau, Illya Buang, Ropie, Zul Huzaimy, Julia Hana, Osman Kering.

### \* SEPI

Filem ini mengisahkan 3 orang yang berasingan mengenal erti Cinta, Kehilangan dan Kesepian. Adam, seorang tukang masak berjaya, meluaskan kerjayanya dengan mereka hiasan *masterpiece* untuk majlis perkahwinan. Tetapi dengan segala kejayaan beliau masih membujang dan belum bertemu dengan pasangannya sendiri. Sufi yang sekian hari cuba melenyapkan memori pemergian isterinya yang telah mati. Akhir sekali Imaan seorang penulis teater muda yang menjadikan pentas teater sebagai tapak memahami masa silamnya dan kupasan demi kupasan ke dalam masa depannya sendiri. Ketiga-tiga mereka akhirnya berkait di dalam satu insiden dramatic yang akan merubah kehidupan mereka buat selamanya.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd.

Pengarah : Khabir Bhatia

Pelakon : Afdlin Shauki, Vanidah Imran, Nasha Aziz, Tony Eusoff, Eja, Pierre Andre, Dian P. Ramlee, Eizlan Yusof, Louisa Chong.

### \* SUSUK



Soraya ialah seorang pelatih jururawat yang mula resah dengan kehidupannya yang rutin. Dia ingin mengejar cita-citanya untuk menjadi bintang. Usahanya menghadapi jalan buntu, hingga dia diperkenalkan kepada amalan susuk yang mungkin dapat meningkatkan serinya. Dia harus membuat keputusan sama ada terus begini atau melintasi garisan ke alam lain. Sementara itu, Suzana ialah seorang diva yang penuh misteri. Dia telah lama mengamalkan ilmu hitam akibat penggunaan susuk keramat yang amat berbahaya. Setiap kali Suzana melanggar pantang, korban manusia diperlukan.

Penerbit : Grand Brilliance Sdn. Bhd

Pengarah : Amir Muhammad, Naeim Ghalili

Pelakon : Ida Nerina, Diana Rafar, Noorkiriah, Tengku Marina Tengku Ariffin, Adlin Aman Ramlie, Aleeza Kassim, Hairie Othman, Sofia Jane, Liza Othman, Jalaludin Hassan, Jaclyn Victor, Waheeda, Yasmin Ahmad, Sharifah Aleya.

### \* TIPU KANAN TIPU KIRI



Ia mengisahkan Rudy (Christian Sugiono), seorang jejaka kacak yang memiliki segalanya termasuk seorang isteri yang jelita, Wulan. Wulan (Titi Kamal) adalah seorang penyanyi terkenal. Malangnya, di dalam syarat-syarat kontrak Wulan dengan syarikat rakamannya di mana dia tidak dibenarkan berkahwin. Untuk menyembunyikan perkahwinan mereka, Rudy dan Wulan berpindah ke Malaysia. Apabila semua gadis di pejabat barunya terpikat dengan Rudy, Rudy dengan tidak sengaja berkata yang dia sudah beristeri. Remo (Hans Isaac), boss Rudy yang cerewet bersama isterinya, Lina (Catherine Wilson), yang suka jaga tepi kain orang, ingin bertemu isteri Rudy. Mereka menjemput Rudy bersama isterinya ke satu majlis.

Penerbit :

Pengarah : Sharad Sharan

Pelakon : Christian Sugino, Titi Kamal, Hans Isaac, Natasha Hudson, Catherine Wilson.

### \* WAYANG

Awang Lah (Eman Manan), seorang dalang tersohor didepani masalah mengajar wayang kulit kepada seorang kanak-kanak lelaki buta dan seorang kanak-kanak perempuan bersuara sengau. Kekecewaannya terhadap anak sendiri yang tidak mahu mendekati panggung wayang kulitnya, membuatkan Awang Lah berusaha keras mengajar dan kanak-kanak istimewa itu. Awi (Zul Huzaimey Marzuki) sekalipun buta tetapi mampu menghafal cerita-cerita wayang kulit dengan baik, dan Melor (Mas Muhamni) pula pandai melukis patung dan menggerakkannya di kelir mengiringi cerita yang dituturkan Awi.

Setelah dewasa Awi mencuba pelbagai gaya tersendiri menyelitkan unsur jenaka pada cerita-cerita dari hikayat Ramayana. Percubaan Awi tidak disenangi Awang Lah yang menganggap wayang kulit adalah seni yang tidak boleh dipinda atau diubah. Awang Lah menjadi bertambah serabut dengan gangguan Jusoh (Wan Kenari), sepupunya yang menganggap wayang kulit adalah bertentangan dengan agama.

Penerbit : UITM-IRDC - FACT

Pengarah: Hatta Azad Khan

Pelakon : Eman Manan, Ida Nerina, Zul Huzaimey Marzuki.

### \* Anugerah & Festival Filem :

Festival Filem Malaysia Ke-21

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Zul Huzaimey Marzuki

Anugerah Khas Juri

Menyemai Warisan Budaya Di Layar Perak Kerana Telah Pupus

Anugerah Skrin 2009

Filem Terbaik

Pengarah Terbaik – Hatta Azad Khan

Pelakon lelaki Terbaik – Eman Manan

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Zul Huzaimey Marzuki.

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik – Ida Nerina.

2009

### \* MAUT

Kisah Pertama menceritakan mengenai Su dalam perjalanan pulang dari universiti dan menemui seorang gadis, Fadilah. Fadilah meminta pertolongan Su untuk tumpang berteduh di rumahnya dan Fadilah telah diragut.



Kisah Kedua mengenai Farah, seorang pramugari yang berkahwin dengan lelaki Inggeris, Duke dan mengamalkan gaya hidup bebas. Ketika di parti meraikan perkahwinan mereka, Farah mendapati Duke intim dengan wanita lain dan bergaduh besar.

Kisah Ketiga pula adalah mengenai JJ yang memuji-muji muzik black metal dan hilang pegangan agamanya.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Bade Hj. Azmi

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pelakon : Mohamad Bathich, Hasnul Rahmat, Syarizad, Eja, Mohd Kardanie, Liyana Jasmay, Noreminadiya, Sabrina, Que Haidar, Hamidah Wahab, Raja Farah.

### \* MUALLAF



Dua beradik, Rohana berusia 21 tahun dan Rohani berusia 19 tahun sedang cuba melarikan diri daripada bapa mereka yang kaya tetapi selalu mendera mereka berdua.

Dalam cubaan melarikan diri dan mencari tempat untuk berteduh dunia mereka bertembung dengan seorang jejaka bernama Robert Ng, yang merupakan seorang guru berusia 30 tahun. Robert terlampau tertarik dengan kedua-dua adik beradik itu bukan hanya kerana dilemma yang mereka lalui tetapi keupayaan mereka berdua berfalsafah secara rambang mengenai apa sahaja. Dalam mencari ketenangan jiwa dan ketenteraman hidup, mereka menemui sesuatu dalam diri masing dan bagaimana cinta memberi

peluang untuk memaafkan seseorang dan paling utama menerima keadaan seadanya dan redha.

Penerbit : MHZ Film Sdn. Bhd

Pengarah : Yasmin Ahmad

Pelakon : Brian Yap, Sharifah Amani, Yeo Yann Yann.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Anugerah Khas Juri : Penonjolan Budaya Cinta & Sayang Menyayang Sesama Manusia

Yang Berlainan Agama & Bangsa

54thAsia Pacific Film Festival, Taipei, Taiwan - 2010

Pengarah Terbaik - Yasmin Ahmad

21ST International Film Festival , 2010 – China

**\* SIFU & TONGGA**

Tarikh Tayangan- 29 Januari



Chief iaitu ketua kepada keturunan Watson berasa sangat sedih apabila mengetahui yang Mila diculik. Kerana terlalu bersimpati dengan kesedihan yang dihadapi oleh Chief, Sifu dan kawan baiknya, Tongga berjanji akan menyelamatkan Mila. Sifu memiliki keistimewaan untuk berkomunikasi dengan dunia ghaib untuk mendapat panduan. Ini telah membantunya untuk meninggalkan hutan yang selamat untuk pergi tempat yang penuh dengan cabaran dan moden di Kuala Lumpur. Kerana tidak pernah keluar dari hutan, Sifu dan Tongga tidak pernah melihat kerusi, kereta, komputer, motor, tandas dan pelbagai alatan canggih yang telah tercipta pada zaman ini.

Penerbit : Primework Studios & Lineclear Motion Pictures

Pengarah : Prof Madya A.Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Ahmad Nabil Ahmad, Fauziah Ghous, Erra Fazira.

**\* GENG: MISTERI HANTU DURIAN**

Bosan bercuti di rumah, Badrol mengajak kawan karibnya Lim untuk balik ke kampung Datuknya untuk merasakan suasana musim durian. Tetapi percutian mereka bertukar menjadi satu pengalaman yang tidak disangkakan, di mana mereka terbabit dengan pembongkaran misteri yang menyelubungi kampung datuk Badrul. Bersama kawan-kawan baru mereka, Rajoo si pembisik haiwan, Ros si gadis kampung, dan adik kembarnya Upin dan Ipin, mereka bekerjasama untuk mendedahkan rahsia yang menghantui kampung itu.

Penerbit : Les' Copaque Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Nizam Razak

Pelakon : Yong Pin, Balqis.

**\* ABLASA (BISIKAN SYAITAN)**

Ia mengisahkan tentang kejahanan yang terbentuk di masa silam tentang Omar yang memuja iblis untuk mendapatkan ketaatan isterinya Laila. Namun pemujaannya hanya menyebabkan isterinya menjadi curang. Satu hari Omar ternampak Laila sedang berasmara dengan Nordin. Dalam keadaan marah, Omar memancung kepala Laila dan Nordin. Orang kampung mengetahui tentang kejadian itu lalu membakar Omar beserta rumahnya. 50 tahun kemudian, Asyraf, anak cucu Omar, kembali ke Kampung Bukit Gemuruh, tempat kejadian ngeri itu. Iblis yang tertanam di bumi hidup semula dengan kehadiran Ashraf dan kawan-kawanya

yang menemui peti pemujaan Omar.

Penerbit : Lineclear Motion Pictures Sdn. Bhd., NAJ Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Fouziah Ghous, Almy Nadia, Yusry KRU, Datuk Jalaluddin Hasan.

**\* JIN HUTAN**



Tarikh Tayangan – 12 Mac

Sekumpulan wartawan dari China dengan pertolongan wartawan tempatan untuk membuat kaji selidik tentang tumbuh-tumbuhan di hutan tropika untuk majalah mereka. Sepatutnya ia adalah perjalanan yang santai akan tetapi mereka diserang oleh sejenis haiwan yang ganas tanpa diketahui namanya. Wartawan-wartawan itu kehilangan nyawa seorang demi seorang.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Jeffrey Wong

Pelakon : Jeffry Wong, Zami Ismai, Opie Zami.

**\* SAYANG**

Penerbit : Hock Star Entertainment Industry

Pengarah : Pansha

Pelakon : Sharifah Amani, Dafi, Samuel Rizal, Ebi

**\* TALENTIME**



Tarikh Tayangan – 26 Mac

Melur bernyanyi sambil bermain piano adalah salah seorang daripada tujuh finalis pertandingan Talentime sekolahnya, di bawah kelolaan Cikgu Adibah (Adibah Noor). Begitu juga Hafiz (Mohammad Syafie Naswip), memikat dengan bakat nyanyian sambil bermain gitar, yang membahagikan masa antara persekolahan dan bersama ibu (Azean Irdawaty) yang dirawat di hospital kerana menghidap barah otak. Ia bermula selepas Mahesh, antara pelajar yang ditugaskan menjemput finalis ke sekolah bagi menjalani latihan, menghantar surat pemberitahuan lulus ujian bakti ke rumah Melur. Rupanya yang kakak memikat hati gadis itu.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah: Yasmin Ahmad

Pelakon : Mahesh, Syafie Naswip, Azean Irdawaty, Adibah Noor.

**\* Anugerah & Festival Filem :**

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009

Pengarah Terbaik - Yasmin Ahmad

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Syafie Naswip

Lakon Layar Terbaik - Yasmin Ahmad

Pelakon Harapan Wanita - Jaclyn Victor

Anugerah Khas Juri - Membawa Wawasan Kemanusian & Keharmonian Di Dalam Sebuah Filem.

**\* JANGAN TEGUR**



Natasya terbabit dengan kemalangan jalan raya dan koma selama beberapa minggu. Sewaktu di dalam koma, Natasya bermimpi tentang seorang gadis bernama Baizura yang disyaki telah hilang 2 tahun secara misteri tanpa khabar berita. Natasya sering digangu dengan mimpi-mimpi aneh yang menceritakan akan kesengsaraan Baizura yang dibomoh dan sering didatangi makhluk-makhluk halus. Tersedar dari koma, Natasya mula mengalami perkara yang sama seperti yang telah dialami oleh Baizura. Daya penglihatannya tidak membataskan dia melihat makhluk-makhluk halus itu.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Julia Ziegler, Pierre Andre, Nadia Mustafar, Almy Nadia, Ellie Suriati, Azri Iskandar.

**\* BOHSIA...JANGAN PILIH JALAN HITAM**

Tarikh Tayangan – 23 April



Bohsia mengisahkan dua remaja Amy (Salina Saibi) dan Tasya (Nabila Huda) yang tidak mempunyai pendidikan dan latar belakang keluarga yang sempurna. Amy dan Tasya memilih untuk terjebak dalam dunia rempit oleh pengaruh teman lelaki. Muz (Syamsul Yusof) teman lelaki Tasya seorang suka cakap besar dan Acai (Sheheizy Sam) teman lelaki Amy seorang yang pantang dicabar. Bapa Amy seorang kaki judi sering menganggu kehidupan Amy. Azam (Aaron Aziz) seorang bapa ayam cuba memujuk Amy kembali padanya walaupun sebenarnya ingin menjadikan Amy sebagai pelacurnya.

Penerbit : Skop Productions

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Shaheizy Sam, Nabila Huda, Salina Saibi.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 22 – Kota Kinabalu 2009.

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik – Salina Saibi.

**\* SYURGA CINTA**

Tarikh Tayangan – 21 Mei

Irham (Awal Ashaari), anak kepada pasangan Tan Sri Zakaria dan Puan Sri Mahani membesar di luar negara sejak berumur 12 tahun. Dia bersekolah dan bekerja di sana untuk beberapa tahun dan pulang ke Malaysia kerana perlu mengambil alih syarikat milik keluarganya. Sekembalinya ke Malaysia, Irham bertemu dengan rakan-rakan lamanya ketika di luar negara iaitu Zainal dan Alex yang sangat mengenali hati budi Irham. Irham sememangnya seorang lelaki yang handal memikat gadis. Alex dan Zainal mencabar Irham memikat gadis bertudung kerana mereka tahu

Irham tidak menyukai gadis sebegini.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Awal Ashaari, Heliza Helmi, Haziq

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Mohd Hadziq.

**\* CALL IF YOU NEED ME**

Or Kia yang lemah lembut, berpindah dari luar bandar ke Kuala Lumpur untuk bekerja dengan sepupu dan sahabatnya Ah Soon, seorang gangster dan penguatkuasa peringkat pertengahan. Walaupun Or Kia bekerja keras untuk menempatkan adik perempuannya di sekolah, Ah Soon terpaksa menjaga teman wanitanya yang tidak stabil dan sering terdedah kepada kehilangan misteri. Ketika mereka berdua tenggelam dalam dunia hutang, ubat-ubatan, dan pengkhianatan, kesetiaan Or Kia kian luntur kerana Ah Soon tidak lagi dipercayai oleh majikannya.

Penerbit : Doghouse73 Pictures

Pengarah : James Lee

Pelakon : Pete Teo, Sunny Pang, Chua Thien See, Loh Bok Lai, Mohan Ramana, Chye Chee Keong.

**Anugerah & Festival Filem**

Bangkok International Film Festival, Bangkok - 2009

Anugerah Penghargaan - Filem Asean - Special Mention - James Lee

33th Hong Kong International Film Festival

Anugerah Perak (Asian Digital Competition) - James Lee.



### \* JANGAN PANDANG BELAKANG CONGKAK

Tarikh Tayangan – 4 Jun



Ia mengisahkan tentang 3 pemuda yang menerima sepucuk surat daripada seorang leleki misteri iaitu Pak Sudir (Pak Piee) dan kemudiannya menjemput mereka ke rumahnya iaitu, Punai (Mazlan Pet Pet), seorang pemandu, Asmat (Cat Farish), bekerja sebagai tukang cuci di studio rakaman dan Johan (Shaheizy Sam), pula seorang pelakon tambahan. Pada hari yang ditetapkan, ketiga-tiga mereka tiba di rumah Pak Sudir. Di sana barulah mereka tahu yang Pak Sudir (Pak Piee) adalah datuk mereka dan mereka bertiga adalah sepupu. Mustika (Lisa Surihani), seorang wanita misteri yang menyambut kehadiran mereka, memberitahu Ibahawa mereka bertiga bakal mewarisi harta pusaka peninggalan Pak Sudir sekiranya mereka berjaya mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Penerbit : MIG Production

Pengarah: Ahmad Idham

Pelakon: Shaheizy Sam, Lan Pet Pet, Cat Farish, Lisa Surihani.

### \* SKRIP 7707

Tarikh Tayangan – 16 Julai



Ia mengisahkan tentang seorang penerbit yang mempunyai himpunan skrip. Beliau di dalam proses menghasilkan sebuah filem seram tetapi menghadapi masalah untuk mendapatkan satu skrip filem. Beliau mengarahkan pembantunya mengiklankan dalam akhbar harian mengenai perjumpaan kepada mereka yang boleh berkongsi cerita – cerita seram mereka. Cerita yang terpilih akan mendapat imbuhan.

Penerbit : Lineclear Motion Pictures/Primeworks Studios.

Pengarah : Prof Madya A.Razak Mohaideen

Pelakon : Norman KRU, Fasha Sandha, Fauziah Ghous, Que Haidar, Almy Nadia

### \* SETEM

Tarikh Tayangan – 30 Julai



Pada tahun 2008, Charles Barring IV (Richard Gardner), seorang pewaris Lord Arthur, mengadakan sidang akhbar di kawasan peranginan A Famosa. Beliau mempamerkan warisan keluarganya, Setem Barring di Muzium Melaka. Sid dan Joe menghadiri sidang akhbar itu, dengan tujuan mahu mencuri setem yang dianggarkan bernilai 2 juta ringgit.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Rashidi Ishak, Afdlin Shauki, Indi Nadarajah, Vanidah Imran.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009

Penataan Seni Terbaik.



### \*JIN NOTTI

Tarikh Tayangan : 20 September

Notti ialah gadis jin berusia 117 tahun yang amat sangat "buruk" kelakuannya. Lantaran, dia dihukum dan dikurung di dalam penjara yang digelar "All Alone" oleh Majlis Penghakiman Jin. Walau bagaimanapun, pemerintahan tidak berjaya memulihkan Notti menjadi jin yang "baik". Ekoran, Notti dihukum turun ke dunia manusia untuk bergaul dengan golongan yang terjahat. Jinbara, peguamnya, diperintah oleh Majlis Penghakiman supaya menemaninya and menasihatinya melakukan kenakalan pada sepanjang hukumannya di dunia manusia.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Mawi, Farah Fauzana, Cat Farish, Bob Lokman

### \* MOMOK THE MOVIE

Tarikh Tayangan : 20 September

Adlin yang bekerja di Bintulu, Sarawak, pulang ke kampungnya untuk bercuti. Seperti biasa, setiap kali pulang ke kampung, Adlin akan bertandang ke Warung Pak Ajis untuk menikmati Mee Calong dan bersembang kosong. Kepulangannya kali ini untuk bertemu ibunya Mak Ton, adiknya Isham dan Esah setelah berada enam bulan di Bintulu telah membawa satu pengalaman yang tidak akan dilupakan oleh beliau sepanjang hayatnya. Bersama, Kadir, teman sekampungnya, Adlin telah ke warung Pak Ajis. Malam tersebut, selesai solat berjemaah di surau, Adlin dan Kadir ke warung Pak Ajis. Pelbagai insiden dan petanda yang seolah-olah menunjukkan sesuatu yang tidak baik akan berlaku.

Penerbit : Galakksi Seni Sdn. Bhd

Pengarah : M.Jamil

Pelakon : Faizal, Abon, Ahmad Nabil Ahmad, Datuk Aziz Satar.

### \* PAPADOM



Saadom, seorang ahli perniagaan nasi kandar yang berjaya di Pulau Pinang. Wasiat isterinya agar menjaga anak mereka, Mia dengan baik mengubah diri Saadom. Daripada seorang lelaki yang sentiasa sibuk dengan dunia nasi kandarnya, Saadom menjadi seorang bapa yang begitu prihatin kepada setiap perkara yang berlaku pada Mia. Setelah menginjak usia remaja, Mia mula rimas dengan kasih sayang Saadom yang berlebih-lebihan. Kawan-kawan Mia juga rimas dengan Uncle Saadom yang sentiasa mengekor anaknya itu. Saadom sering juga melepak di dalam kawasan sekolah Mia, demi memastikan keselamatan Mia.

Adakalanya Saadom diminta keluar oleh Pengetua.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Liyana Jasmay, Noorkhiriah, Vanidah Imran, Farid Kamil, Scha, Chelsia Ng, Que Haidar, Harun Salim Bachik.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 22, Kota Kinabalu - 2009

Filem Terbaik

Pelakon Lelaki Terbaik - Afdlin Shauki/ Cerita Asal Terbaik - Afdlin Shauki

Pelakon Wanita Terbaik - Liyana Jasmay

Skor Muzik Terbaik – Pacai.

### \* LEMBING AWANG PULANG KE DAYANG



Awang mengembara selama tiga tahun bagi menyempurnakan adat untuk mengahwini kekasih hatinya. Sepeninggalan Awang, hati tunangnya Dayang cuba dicuri oleh Bachok dengan bantuan guru silatnya, Panglima Merah, bekas ketua lanun yang amat digeruni di perairan laut Melaka. Setelah menempuh pelbagai dugaan dan cabaran, Awang dianugerahi dengan dua bilah lembing pusaka bernama Lembing Laki dan Lembing Bini.

Penerbit : Pakotai Pictures, Dayang Digital Sdn Bhd.

Pengarah : Majed Saleh

Pelakon : Farid Kamil, Siti Elizad, Zul Huzaimi, Hattan, Lynette Ludi, Aziz M.Osman, Mustapha Maarof.



### \* PISAU CUKUR

Tarikh Tayangan - 5 November

Dua orang gadis pisau cukur, Bella dan Intan, bertembung dengan tiga orang Datuk, tiga orang isteri Datuk, dua orang anak Datuk, seorang detektif dan seorang peminat setia Bella.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Bernard Chauly

Pelakon : Maya Karin, Nur Fazura, Aaron Aziz, Eizlan Yusof.



### \* SENARIO THE MOVIE EPISODE 2

Tarikh Tayangan – 19 November

Azlee, Mazlan dan Wahid melancong di Pulau Pangkor. Apabila di sana, mereka dapati resort yang mereka menginap tidak seperti yang disangkakan. Resort itu tiada pengunjung dan kelihatan seolah-olah menunggu masa untuk tutup. Mereka membuat keputusan untuk membantu pemilik resort berkenaan, Mansor untuk menarik lebih banyak pelancong. Seorang lelaki bernama Remy cuba menawarkan pertolongan untuk membantu memulihkan perniagaan Mansor. Namun Mansor menolak kerana merasakan seperti ada sesuatu yang tidak kena. Remy yang berang dengan keputusan Mansor membuat keputusan untuk menculik anak perempuannya, Qasidah.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Senario, Nik Sayyidah, Marsha, Maria Faridah.

**\* JALANG**

Tarikh Tayangan – 26 November

Genre - Drama

Mari, seorang wanita bujang bertugas sebagai perunding berjaya memenangi pelbagai tender pembangunan dengan menggunakan tubuh badannya sebagai habuan kepada pihak yang membuat keputusan. Dengan cara itu beliau mendapat dalal yang besar sebagai ganjaran dan upah.

Penerbit : De Baron Movie Production

Pengarah : Nazir Jamaluddin.

Pelakon : Yasmin Khaniff, Hairie Othman, Yang Kassim, Ridzuan Hashim, Maria Farida, Faizal Hussein.

**\* MY SPY**

Tarikh Tayangan – 3 Disember

Genre - Comedy

AJ yang liar dan buta warna. Salleh - seorang pesara polis yang cuba menjual rekaannya kepada Polis Diraja Malaysia. Kedua-duanya membenci satu sama lain. Namun, penyiasat-penyiasat persendirian ini harus bergabung tenaga untuk menyelesaikan kes terbesar mereka. AJ dan Salleh akan berdepan dengan seorang Datuk yang korup, pencuri dan pembunuhan kembar, setiausaha yang seksi dan sebuah sindiket pencuri hasil seni.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : AC Mizal, Harun Salim Bachik, Adlin Aman Ramli, Ridzuan Hashim.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Filem Komedi Terbaik.

**\* PULAU ASMARA**

Tarikh Tayangan – 17 Disember

Taufik, Jeffri dan Sam, membuat keputusan bercuti di Pulau Langkawi. Ketiga-tiganya memiliki keperibadian berbeza namun tidak menghalang ikatan persahabatan mereka. Percutian mereka dirancang dengan begitu sempurna dan segalanya berjalan dengan lancar. Namun kesempurnaan percutian mereka berakhir, apabila takdir menemukan mereka dengan tiga gadis iaitu Lina, Amy dan Sofea.

Penerbit : Metrowealth Movie Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon: Esma Daniel, Mariani, Puteri Mardiana, Bob Lokman.

### \* DUHAI SI PARI-PARI

Tarikh Tayangan – 31 Disember



Syadon menemui Mala cedera dipukul dan diugut oleh orang jahat (Budi). Untuk menyelamatkan Mala, Syadon dipaksa menyerahkan semua simpanannya dan selepas menyerahkan wang Syadon dipukul dan ditinggalkan di lorong gelap. Setelah tersedar, didapati Mala, kereta dan duitnya telah hilang yang ada di depan mata ialah teko keemasan yang, lalu dibawanya pulang. Keesokan pagi, Syadon terkejut apabila mendapati seorang gadis (Pari) tidur di sebelahnya. Pari menerangkan yang beliau sedang mencari 'kekasih', terus sahaja Syadon menunjukkan rumah jirannya yang ada anak bujang. Disangkanya Pari tersalah rumah.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Azmi Mohd Hatta

Pelakon : Que Haidar, Liyana Jasmay, Nabila Huda, Remy Ishak

### \* WOMEN ON FIRE LOOKS FOR WATER /2009

#### \* Anugerah & Festival Filem

Bangkok International Film Festival

Special Mention – Filem Terbaik ASEAN



\* Ah Fei tinggal di sebuah perkampungan nelayan kecil, di mana dia menangkap dan menjual katak. Ayahnya yang masih duda Ah Kau pula ialah seorang nelayan dan melihat kematianya semakin hampir berhasrat mencari wanita yang pernah dicintainya. Anaknya pula jatuh cinta dengan seorang gadis yang hanya mahukan hubungan sekiranya dia berwang. Anaknya pergi bekerja di sebuah kilang dan menghadapi dilema apabila bosnya mahu dia mengahwini anak perempuannya. Walaupun si ayah menyesali keputusan yang pernah diambilnya di masa mudanya,

anaknya kelihatan seolah-olah akan melakukan kesalahan yang sama.

Penerbit : Greenlight Pictures

Pengarah : Woo Ming Jin

Pelakon : Ernest Chong, Chung Kok Keong, Foo Fei Ling, Jerrica Lai.

## 2010

### \*ADNAN SEMPIT

Tarikh Tayangan – 14 Januari

Nadia dilahirkan dalam keluarga mewah dan stabil dalam kerjayanya. Dia pernah kecewa akibat putus cinta, menyebabkan Nadia susah dan takut untuk bercinta lagi. Sehinggalah pada suatu hari, rakan-rakannya merancang untuk membuat reunion party. Pada mulanya Nadia kurang bersetuju, tetapi dia disindir enggan pergi ke reunion itu kerana malu tiada teman lelaki. Nadia tercabar dan kebetulan Adnan lalu di hadapan mereka dengan tidak sengaja. Nadia terus menarik Adnan dan terus memperkenalkan Adnan adalah teman lelakinya.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Shaheizy Sam, Intan Ladyana, Along Raja Lawak, Cat Farish.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Yana Samsudin

Anugerah Box Office.

### \* 2 HATI 1 JIWA



Tarikh Tayangan – 28 Januari

Lana dan Lina sentiasa dilindungi daripada elemen-elemen luaran sosial yang lain oleh ibu bapa mereka. Mereka adalah kembar yang berlainan kontras individualitinya tetapi berkongsi *conjoined body* yang sama. Sejak kecil, mereka tidak pernah dihantar ke sekolah awam. Sehinggalah pada suatu hari, ibubapa mereka menyedari akan keperluan mendedahkan mereka kepada dunia luar agar mereka tidak akan bergantung kepada ibubapa mereka lagi. Peluang untuk mereka belajar berdikari bermula apabila mereka masuk ke alam universiti. Buat pertama kalinya di dalam hidup mereka, perasaan benci sesama mereka muncul. Hanya pembedahan yang mampu menjadi penyelesaian terhadap konflik ini.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Prof A.Razak Mohaideen

Pelakon : Fauziah Ghous, Yasmin Hani, Fahrin Ahmad, Mustapha Kamal.

### \* LU PIKIRLAH SENDIRI DE MOVIE

Tarikh Tayangan – 11 Februari

Nabil (Nabil Raja Lawak) dan Natasya (Puteri Sarah) merupakan pasangan yang berbeza dari semua perkara. Mereka mempunyai pandangan hidup yang berbeza kerana seorang di universiti dan seorang lagi terpaksa bekerja menyara diri demi keluarga. Walaupun mereka berdua ibarat garisan yang tidak mungkin bertemu, tetapi takdir menentukan segalanya.

Penerbit : SDAF Pictures

Pengarah : Aminah Rhapor

Pelakon : Ahmad Nabil Ahmad, Puteri Sarah, Mila, Meet Uncle Hussain.

### \* KEMBAR SIANG



Tarikh Tayangan – 24 Februari

Awal dan Awi sepasang kembar seiras. Awal normal tetapi Awi sedikit terencat dan lurus bendul kerana pernah mengalami demam panas. Tetapi Awi mempunyai daya ingatan dan kemahiran mengira yang luarbiasa. Awal dan Awi mewarisi rumah dan kedai runcit peninggalan arwah bapa mereka Haji Sabran. Pengurusan kedai runcit itu dilakukan oleh mereka berdua: Awal jadi bos dan Awi jadi pekerja.

Penerbit : MIG

Pengarah :

Pelakon : Kamal Adli, Intan Ladyana, Sabri Yunus, Sathiya, Syanie, Zul Handy Black, Zaibo, Rozita Che Wan, Mazlan Pet Pet, Hamid Gurkha.

### \* NIYANG RAPIK



Tarikh Tayangan – 25 Februari

Kematian Zack memerlukatkan 4 rakan. Mereka semua adalah lepasan pelajar jurusan Kajian Sejarah di sebuah pusat pengajian tinggi tempatan. Ibu Zack memberitahu mereka yang dia sudahpun menderita sakit selepas pulang dari kampung Niyang Rapik. Setelah diselidiki, mereka mendapati Zack telah mengambil sebuah Kendil lama dari kampung Niyang Rapik sewaktu mereka melakukan projek tahun akhir. Atas nasihat seorang bomoh, mereka berempat diarah memulangkan Kendil yang diambil oleh Zack. Untuk ke Kampung Niyang Rapik mereka perlu mengambil masa yang lama untuk sampai ke sana.

Di sepanjang perjalanan itu, mereka mengalami pelbagai peristiwa aneh.

Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Nasir Bilal Khan, Fizz Fairuz, Zed Zaidi, Awal Ashaari, Shaheizy Sham, Kamal Adli, Liyana Jasmay.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Sinematografi Terbaik - Raja Mukhriz.

### \* V3 SAMSENG JALANAN



Tarikh Tayangan – 11 Mac

Rudy dan sahabatnya Brett terjerumus dalam satu masalah besar apabila dia dan kawan-kawannya berlumba sehingga Shah dan Liza yang juga pasangan kekasih maut dalam satu kemalangan. Lebih memburukkan keadaan di tangan Shah terdapat dadah yang baru diambil. Rudy, Brett dan kawan-kawannya menjadi buruan polis, sehingga Rudy dan Brett mengambil keputusan melarikan diri ke Kuala Lumpur.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Farid Kamil

Pelakon : Farid Kamil, Bront Palare, Aqasha, Lisa Surihani.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Penataan Bunyi Terbaik - Brian Ng

### \* EVOLUSI KL DRIFT 2

Tarikh Tayangan – 25 Mac.



Persaingan kehidupan Zack dan Sham masih belum berakhir. Zack bukan lagi pelumba haram seperti dulu. Kini dia seorang "Drifter" profesional. Dalam pada itu selepas kemalangan yang dialami, Sham bukan lagi drifter kerana kakinya tempang dan berjalan dengan bantuan tongkat. Peristiwa lampau dan keadaan dirinya yang cacat menghantui diri Sham. Joe yang terlepas dari kemalangan maut masih lagi menaruh dendam ke atas Zack. Wajahnya yang berparut menguatkan lagi keazamannya untuk menghapuskan Zack dan orang-orangnya. Selain memburu Zack, Joe ingin menguasai seluruh perniagaan dadah di KL.

Penerbit : Skop Production

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Farid Kamil, Scha Al-Yahya, Aaron Aziz.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Pengarah Terbaik - Syamsul Yusof

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Shaheizy Sam

Prenyunting Terbaik - Syamsul Yusof & Hisham Jufr.



### \* SEMERAH CINTA STILLETO

Tarikh Tayangan – 8 April


Siti Laila atau Stila (Lisa Surihani) lahir dan dibersarkan dalam kemewahan. Dia juga seorang remaja perempuan yang cantik, masih menuntut di sebuah institusi pengajian terkemuka di ibu kota. Leto atau Leman (Farid Kamil) pula seorang pemuda yang hidup dalam keadaan yang sederhana. Bekerja sebagai penjual ikan di pasar borong dan tinggal di rumah pangsa murah berhadapan kawasan banglo mewah keluarga Stila. Pertemuan Stila dan Leto bermula apabila ibu Stila iaitu Datin Fairuz pergi ke pasar membeli ikan untuk di masak bagi menyambut kedatangan

teman lelaki Stila iaitu Raymond ke rumah. Di situ lah, Leto terpandang dan tertawan dengan keayuan Stila.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Farid Kamil, Lisa Surihani, Cat Farish, Shaharuddin Thamby.



### \* HOOPERZ

Tarikh Tayangan – 22 April

Hooperz mengisahkan tentang sekumpulan pelajar yang menyertai sebuah pasukan bola jaring. Variasi watak dan latar belakang dalam pasukan ini dihimpunkan menjadikan sebuah kisah yang menarik. Gelanggang bola jaring menjadi tempat bagi mereka untuk lari dari kehidupan rutin mereka yang membosankan. Kesemua mereka ini kemudiannya membentuk sebuah pasukan bola jaring yang dinamakan Hooperz. Walaupun pelbagai rintangan yang berlaku terhadap watak-watak ni, namun ia tidak menjaskas semangat

mereka untuk ke pertandingan akhir Kejohanan Bola Jaring Tahunan.

Penerbit : Primeworks Studios, MHZ Film

Pengarah :

Pelakon : Adibah Noor, Amy Mastura, Anita Baharom, Juliana Evans.

### \* BELUKAR

Tarikh Tayangan – 6 Mei

Eva seorang wanita Sabah yang merupakan penipu insuran profesional. Dia berjaya menuntut lebih RM100 juta dan kini Eva sedang disiasat oleh beberapa pihak. Malangnya, tiada agen penyiasat insurans dapat membuktikan Eva bersalah. Tanggungjawab itu kini dipikul oleh Nik iaitu seorang penyiasat insurans syarikat ABG. Dalam proses penyiasatan itu, Nik telah jatuh cinta terhadap Eva tanpa Eva mengetahui identiti sebenar Nik.

Penerbit : Preston Zaidan Productions

Pengarah : Jason Chong

Pelakon : Bront Palarae, Ahmad Tarmimi Siregar, Danny X-Factor, Daphne Iking.

### \*ANDARTU TERLAMPAU...21 HARI MENCARI SUAMI

Tarikh Tayangan – 20 Mei



Nik Melati Sukma, seorang gadis lewat 20an tertekan gara-gara masih lagi belum berkahwin. Pelbagai usaha dilakukan oleh kedua orang tuanya iaitu Fatimah dan Nik Mat bagi membolehkanya bersetuju untuk kahwin. Namun Nik Melati Sukma atau Nikki nekad mencari jodohnya sendiri. Pelbagai peristiwa lucu yang melingkari perjalanan Nikki dalam usahanya mencari calon suami sementelah ibunya Fatimah memberi kata dua : seandainya tidak membawa pulang calon suami dalam masa 21 hari, maka Nikki tiada pilihan melainkan terpaksa berkahwin dengan lelaki pilihan

ibunya itu serta persetuju bersama oleh bapanya Nik Mat.

Penerbit :

Pengarah : Din CJ

Pelakon : Haliza Misbun, Fahrin Ahmad, Awie, Erra Fazira.

### \* LAGENDA BUDAK SETAN

Tarikh Tayangan – 3 June

Kasyah bersama rakan sekumpulannya, Sapi, Man dan Cin Cai adalah pelajar nakal yang sering membuat onar dan sering dikenakan tindakan disiplin. Mereka juga melabelkan kumpulan mereka sebagai anti perempuan. Namun, sikap dan kenakalan Kasyah berubah dengan kemunculan pelajar baru, Ayu. Ayu benar – benar menambat hati dan perasaan Kasyah, membuat dia jatuh cinta.

Penerbit : Astro Shaw Sdn. Bhd.

Pengarah : Sharad Sharan

Pelakon : Farid Kamil, Lisa Surihani, Que Haidar, Raja Farah.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Pelakon Wanita Terbaik - Lisa Surihani

Lakon Layar Terbaik - Jumaatun Azmi

### \* KECOH BETUL

Tarikh Tayangan – 3 June



3 pemuda yang berkawan baik, Aimam, Belon dan Joe bekerja sebagai penghantar pesanan makanan di sebuah restoran makanan segera di ibu kota. Kehidupan mereka dikeelingi dengan keseronokan. Cabaran hidup mereka ialah kekangan kewangan. Kehidupan mereka juga tidak lari dari motor. Sehingga pada suatu hari mereka tidak dapat memenuhi tuntutan sosial mereka kerana masalah kewangan. Mereka terjebak dalam kancang Ah Long apabila mereka meminjam duit dari mereka. Pada waktu sama, mereka juga tidak dapat lari dari kancang percintaan.

Penerbit :

Pengarah : S. Baldev Singh & Ikhzal Ideris

Pelakon : Saiful Apek, Ahmad Nabil Ahmad, Diana Danielle, Fauziah Nawi.

### \* KAPOWW!!



Tarikh Tayangan – 17 Jun

Atoi, remaja yang sentiasa bernasib malang, bercita-cita menjadi seorang superhero. Atoi sering dibuli dan diperkecilkan oleh gengster kampung, diketuai oleh Faibo. Hanya Aboo, kawan baiknya membantu Atoi. Pada suatu petang, Dolet, kerbau Atoi tiba-tiba hilang dari rumah. Dalam keadaan hujan lebat dan ribut petir, Atoi mencari Dolet. Ketika berteduh di bawah sepohon pokok, Atoi disambar petir. Setelah sedar daripada pengsan Atoi memperolehi kuasa adiwira, boleh bergerak sepeantas kilat, mata setajam pisau.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : Azizi 'Chunk' Adnan

Pelakon : Zizan, Nasrizal Ngasri, Lisa Surihani, Awie, Rosnah Mat Aris, Harun Salim Bachik, Afdlin Shauki.

### \* ZOO



Tarikh Tayangan – 1 Julai

Lan ditawarkan jawatan pengawal keselamatan di sebuah zoo di mana dia diperkenalkan dengan Shila yang memberitahunya ramai pengawal di situ lari selepas semalam berkerja. Mereka mendakwa haiwan di zoo itu boleh bercakap tetapi Shila sendiri tidak mempercayainya. Lan yang mendengar cerita Shila bukan sahaja tidak mempercayainya malah mentertawakannya. Pada suatu hari, zoo tersebut kecoh dengan kes kehilangan haiwan-haiwan exotic dan Lan dituduh melakukannya. Lan meminta pertolongan haiwan-haiwan itu untuk membuktikan dirinya tidak

bersalah.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Mazlan Pet Pet, Lisa Surihani, Azlee Jaafar.

### \* MANTRA



Tarikh Tayangan – 15 Julai

Kisah bermula dengan pembukaan cerita di kawasan perkuburan di mana Muzir dianiaya oleh Hasbi untuk melengkapkan ilmu hitam serta mendapatkan isteri Muzir. Akibatnya Muzir dipenjara seumur hidup. Di dalam penjara, Muzir berjaya mendapatkan ilmu hitam daripada Embah yang bakal menemui ajalnya. Namun, ilmu Muzir tidak sempurna kerana bilik penjaranya dikunci dengan ayat-ayat serta kalimah Allah. Setelah ayat dan kalimah Allah berjaya dipadam, maka berlakulah perubahan ilmu Muzir.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Zul Handy Black, Hasnul Rahmat, Mas Muharni, Hamdan Ramli, Bob Lokman, Ruzaidi Abdul Rahman, Ana Dahlia.

### \* SENARIO ASAM GARAM

Tarikh Tayangan – 9 September

Asam dan Garam sakit hati dengan Pak Adam kerana Pak Adam adalah seorang kontraktor yang jujur. Pak Adam, Asam dan Garam tinggal di sebuah kampung dan menjalankan perniagaan pembinaan. Pergaduhan mereka lebih hebat apabila pihak sekolah kampung mereka mengumumkan tender baru dan meminta semua kontraktor menghantar proposal. Pelbagai usaha dilakukan Asam dan Garam bagi menggagalkan proposal Pak Adam. Jalan terakhir yang dilakukan Asam dan Garam adalah dengan menculik Cik Hawa dan mengugut Pak Adam memberikan tender tersebut kepada mereka.



Penerbit : MIG Production

Pengarah : Hatta Azad Khan

Pelakon : Mazlan Pet Pet, Azlee Jaafar, Mazlan Pet Pet, Zaibo, Julia Hana, Fimie Don, Nadia Mustafar, Syanie.

### \* 4 MADU

Tarikh Tayangan – 9 September

Azlan, seorang pekerja biasa di sebuah chalet, menerima surat memintanya hadir ke pejabat guaman di KL. Setibanya di KL, Azlan diperkenalkan dengan adik tirinya, Azrul, buat pertama kalinya. Di pejabat guaman itu, En. Zahrin Ishak, membacakan wasiat yang ditinggalkan oleh arwah ayah mereka. Harta-harta wasiat itu bernilai RM 50 Juta itu akan menjadi hak milik mereka sekiranya mereka dapat memenuhi syarat-syarat wasiat tersebut. Wasiat pertama yang berjaya dilaksanakan ialah, mereka harus mencari isteri dalam tempoh 3 minggu serta calon isteri itu mestilah anak yatim piatu. Angan-angan untuk menjadi OKB meleset kerana syarat kedua memerlukan mereka memperisterikan wanita yang buta pula.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Prof A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Rozita Che Wan, Rosnah Mat Aris, Fasha Sandha, Sazzy Falak, Almy Nadia, Bienda sebagai Weena, Marsha.



### \* MAGIKA

Tarikh Tayangan – 23 September

Dua beradik tersesat di alam bunian selepas keluar rumah pada waktu Maghrib. Ayu berhadapan dengan ujian sukar untuk menyelamatkan adiknya iaitu Malik yang diculik nenek kebayan lakonan Ziana Zain. Walau bagaimanapun Ayu bernasib baik kerana dia bertemu dengan Badang yang membantu menyelamatkan mereka keluar dari dunia asing itu.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Prof A. Razak Mohaideen

Pelakon : Mawi, Diana Danielle, Shafimie Saedon, Ziana Zain, Ning Baizura, Maya Karin, M.Nasir, Raja Azura.

### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Filem Terbaik

Skor Muzik Asal Terbaik - Edry Abdul Halim

Pereka Kostum/Busana Terbaik - Dee Hasnan Yacob

Penataan Seni Terbaik - Johan Lucas & Anuar Paharudin

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Fimie Don

Pengarah Harapan - Edry Abdul Halim.

### \* JANGAN PANDANG BELAKANG CONGKAK 2

Tarikh Tayangan – 7 Oktober



Setelah berjaya menewaskan Mustika dan memulihkan Punai dan Asmat dalam JPBC yang lalu, Pak Mor terus berusaha memperhebatkan ilmu yang ada padanya. Pada suatu hari, ketika dia sedang membaca jampi menteranya, tiba-tiba tubuh Pak Mor kejang dan serentak dengan itu satu gumpalan asap keluar daripada tubuhnya dan dari asap itu muncul Mustika. Keadaan ini membuktikan Pak Mor dan Mustika sebenarnya mempunyai hubungan dan berpaktat untuk mengambil kesemua harta dan saka-saka Pak Sudir setelah kematiannya.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Mazlan Pet Pet, Azlee Jaafar, Cat Farish, Nora Danish, Lisa Surihani, Bob Kuman, Ebby Yus, Ruminah Sidek.

### \* CUTI-CUTI CINTA

Tarikh Tayangan – 21 Oktober



Eava Ealiana adalah seorang pengarah di sebuah syarikat kepunyaan bapanya, Tan Sri Zaini. Sebagai anak tunggal kesayangan, Eava dilimpahi dengan penuh kasih sayang dan kemewahan. Apabila dewasa, Eava yang berkelulusan luar negeri bekerja di syarikat ayahnya. Tan Sri Zaini mempunyai seorang kawan rapat, Datuk Hamzah yang mempunyai seorang anak lelaki, Remy. Remy seorang playboy yang cuma tahu menghabiskan harta ayahnya sahaja. Remy dan Eava disatukan atas tujuan perniagaan dan niat Datuk Hamzah membolot harta Tan Sri Zaini.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Farid Kamil, Nora Danish, The Fabulous Cats.

### \* ESTET

Tarikh Tayangan – 4 November

Filem ini mengetengahkan kisah kehidupan masyarakat di Estet Cintamanis yang menjadi kecoh apabila satu perlawanan bolasepak di antara Estet Cintamanis dengan Estet Red Cobra. Dua sahabat baik iaitu Farid dan Shashi menjadi harapan kepada pasukan Estet Cintamanis untuk memenangi perlawanan tersebut. Di samping memenagi perlawanan itu mereka juga ingin membanteras gejala korupsi dan peras ugut yang diamalkan oleh kerani estet, Pooniah. Pooniah seorang yang cukup licik, dia mengadakan perlawanan itu adalah semata-mata kerana dia ingin mendapatkan Geetha, seorang gadis yang cukup menawan.

Penerbit :

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon: Farid Kamil, Gandhi Nathan, Rosyam Noor, Soffi Jikan, Nora Danish,Cat Farish, Zaibo, Azizah Mahzan, Zed Zaidi.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Pelakon Harapan Lelaki - Shashi Taran

Anugerah Khas Juri - Penonjolan Semangat Perpaduan Melalui Medium Kesukanan.

### \* CRAYON

Tarikh Tayangan – 11 November

Adam dan Rafaat melambangkan perpaduan, toleransi dan penerimaan di antara perbezaan bangsa dan ini dapat dilihat melalui persahabatan mereka. Sepanjang pengajian mereka, kedua-duanya dikehendaki menawarkan diri ke dalam program sosial semasa musim cuti semester. Mereka membuat keputusan untuk membantu sebuah Rumah Anak Yatim di Malaysia. Mereka pun bertolak ke pantai timur di mana mereka bertemu dengan Mak Engku, ketua Rumah Anak Yatim tersebut yang amat penyayang. Semasa di sana juga mereka dapat melihat sendiri kesusahan yang ditempuhi para penghuni Rumah Anak yatim itu.



Penerbit : ZiOSS Films

Pengarah : Dean A. Burhanuddin,

Pelakon : Hon Kahoe, Faisal Abdullah, Adibah Noor, Joshry Adamme.

### \* 2 ALAM

Tarikh Tayangan – 18 November

Kisah bermula di sebuah kampung terpinggir yang mana masyarakat sibuk dengan persiapan bagi menyambut ketibaan jenazah Amy@Adam Bin Zainal dari kota. Ketika ibu bapanya, Halimah dan Zainal yang lumpuh bersedih, Uztaz Ishak, teman Adam dari kecil sibuk mengatur urusan. Jenazah tiba bersama kesukaran untuk mengendalikannya. Jenazah Amy menjadi berat dan kaku mengeras mendatangkan kesukaran kepada semua yang ada.

Penerbit : dR. Movie Production

Pengarah : Zarith Lokman & Hairie Othman

Pelakon : Aaron Aziz, Faizal Hussein, Kuswadinata, Adrea Abdullah.

### \* NGANGKUNG

Tarikh Tayangan – 25 November

Filem ngangkung mengisahkan Azim, seorang pemandu lori yang hidup sederhana di sebuah perkampungan pinggir bandar bersama isteri, Suri dan anak perempuannya. Azim mempunyai dua orang kawan baik iaitu Tasnim dan Wan. Tasnim dan Wan memang merupakan ‘kaki ekor’ dan aktiviti mereka memang diketahui oleh isteri masing-masing.

Azim yang pada asalnya tidak pernah menghiraukan aktiviti rakan-rakannya akhirnya terpengaruh juga kerana desakan dan kesempitan hidup.. Bermula dengan hanya untuk melihat, kian hari Azim semakin seronok mengikut Tasnim dan Wan walaupun secara senyap tanpa pengetahuan Suri.

Penerbit : MIG Production


Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Shaheizy Sam, Eira Syazira, Azad Jasmin, Angah Raja Lawak, Putri Mardiana, Eira Syazira, Echa, Azlee Senario, Mazlan Pet Pet.



### \* AKU TAK BODOH

Tarikh Tayangan – 2 Disember



Berkisarkan tentang seorang pelajar bernama Roy, 16 tahun yang menghadapi liku-liku hidup remajanya.. Ibubapa Roy terlalu sibuk dengan urusan kerja sehingga tiada masa untuk Roy dan adiknya di rumah. Akibat kurang mendapat perhatian dari ibubapanya, Roy mula terjebak dengan kumpulan budak nakal. Dirinya semakin bertambah tertekan apabila cikgu sekolahnya selalu menyindir dirinya. Roy mula hanyut dengan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral dan rasa dirinya dihargai dalam kumpulan tersebut.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Boris Boo

Pelakon : Riezman Khuzaime, Adibah Noor, Amy Mastura, Nam Ron.



### \* HANTU KAK LIMAH BALIK RUMAH

Tarikh Tayangan – 9 Disember

Husin yang telah 2 tahun bekerja di Singapura mengambil keputusan balik ke kampung halamannya, Kampung Pisang. Apabila sampai ke rumahnya, Husin hairan melihat perangai pelik jirannya, Kak Limah yang langsung tidak bercakap dengan rambut mengerbang. Husin bergegas ke warung Pak Jabit, lalu menceritakan kepada orang-orang kampung yang mungkin Kak Limah sudah menjadi hantu. Pak Jabit yang memang bengang dengan Husin (kerana memutuskan ikatan kasih dengan anak gadisnya, Che Nin), menuduh Husin adalah pembawa nasib buruk kepada Kampung Pisang. Sebelum ini keadaan aman damai, sebaik sahaja Husin muncul, keadaan kembali kacau bilau.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pegarah: Mamat Khalid

Pelakon: Awie, Johan Raja Lawak, Ummi Nazeera, Zami Ismail, Man Kadir, Delimawati.

### \*AKU MASIH DARA

Tarikh Tayangan – 9 Disember



Aleesya (Yana Samsudin), Sofea (Raja Farah) dan Hani merupakan tiga rakan rapat yang mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza. Masing-masing mempunyai pandangan berbeza tentang Islam, berdasarkan pendidikan orang tua mereka. Aleesya mempunyai didikan agama yang asas. Sofea pula dibesarkan tanpa didikan agama. Hani pula membesar dalam keluarga yang susah. Namun, kehadiran Firdaus (Ashraf Muslim) mulai mengubah diri Sofea.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Raja Farah, Yana Samsudin, Farid Kamil, Dian P.Ramlee, Rahim Jailani, Riezman Khuzaime, Ashraff Muslim.

### \* JANIN



Tarikh Tayangan – 23 Disember

Ramai penduduk sebuah kampung sering kehilangan duit mereka. Tetapi mereka tidak mengetahui siapa pencurinya. Sehingga salah beberapa orang kampung terserempak dengan pencuri kecil bernama Esah. Esah, seekor toyol selalu mengunjungi keluarga Sutera isteri kepada nelayan bernama Hashim. Kunjungan Esah ke rumah Sutera terlalu kerap membuatkan hasil pencurian berkurangan. Ini membuatkan pembela Esah menjadi marah kerana hasil kecurian berkurangan. Esah yang dahagakan kasih sayang membunuh orang yang membelanya.

Penerbit :

Pengarah : M. Hitler Zami

Pelakon : Eja, Hairie Othman, Sherie Merlis, Zami Ismail

### \* Anugerah & Festival Filem :

Pelakon Wanita Terbaik Filem : Anugerah Skrin 2011 - Siti Shahrizah (Eja).

### \* DAMPING MALAM



Tarikh Tayangan – 30 Disember

Ia mengisahkan mengenai kehidupan usahawan muda Wadi (Ahmad Idham) bersama isterinya Ku Khalira (Amy Mastura) dan anak perempuan mereka Nuraiza (Erynnne Eryonna). Sebagai usahawan berjaya, Wadi menjalani kehidupan yang mewah dan serba moden serta tidak mempercayai perkara-perkara berkaitan alam halus, hantu ataupun saka. Walau bagaimanapun, ‘gangguan’ yang menyelebungi keluarganya mula mengubah persepsi Wadi tentang perkara itu.

Penerbit : MIG Production

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Amy Mastura, Erynnne Eryonna, Ahmad Idham, Azizah Mahzan.



**\* BERKELANA (YEAR WITHOUT A SUMMER )**

**\* Anugerah & Festival Filem**

13th Buenos Aires International Festival Of Independant Cinema, 2011.

Anugerah : Special Mention - Asian Film Award

\* Azam kembali ke kampungnya, dan mencari teman masa kecilnya Ali. Ali dan isterinya Minah mengajak Azam untuk memancing dan berkelah pada waktu tengah malam di sebuah pulau kecil. Menjelang akhir malam, mereka mempunyai permainan menahan nafas di bawah air selama 3 minit, namun selepas itu Azam tidak pernah dilihat lagi .

Penerbit : Da Huang Pictures

Penerbit : Tan Chui Mui

Pelakon : Namron, Azman Hassan, Mislina Mustaffa, Mohd Norsuhaizan Hanafi, Mohd Shahrudin.



**\* The TIGER FACTORY**

**\* Anugerah & Festival Filem**

23rd Tokyo International Film Festival, 2010, Tokyo

Special mention - Asian Film Award -Woo Ming Jin

\* Ping Ping berumur 19 tahun ingin ke Jepun untuk berkerja di kilang aksesori kereta. Dia dijaga oleh ibu saudaranya, Puan Tien, yang terlibat dalam kegiatan “kilang bayi” di mana gadis muda dipasangkan dengan buruh asing dan anak yang dilahirkan akan dijual.

Penerbit : Greenlight Pictures

Pengarah : Ming Jin Woo

Pelakon : Lai Fooi Mun, Cai Baozhu, Li Fengzhi, Rum Nung Chung , Cheong Wai Loon, Lesly Leon Lee, Chung Chung, Loh Bok Lai.

## Bab 9

### (Filem 2011 Hingga 2015)



**2011**

**\* KHURAFAT**

Tarikh Tayangan – 13 Januari

Johan, seorang pemuda yang bekerja sebagai Pembantu Hospital sudah berkahwin dan mempunyai seorang isteri bernama Aishah. Pasangan ini diawal perkahwinan hidup aman dan bahagia namun tanpa disangka trauma melanda dipertangahan jalan. Mereka sering diganggu oleh lembaga aneh. Bermacam-macam usaha dilakukan namun gangguan itu tetap berterusan. Ini amat menakutkan mereka lebih-lebih lagi Johan. Kehadiran seorang perempuan tua misteri ditambah dengan munculnya bekas teman wanita Johan bernama Anna yang bersikap pelik dan menakutkan menambahkan lagi episod trauma pasangan ini.

Penerbit : Skop Production

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Liyana Jasmay, Sabrina Ali, Md Eyzendy.

**\* HAQ**

Tarikh Tayangan – 27 Januari

Haq dan Bad merupakan adik-beradik angkat berpakan Tuan Haji Ibrahim. Haq dikurniakan kuasa kharomah dan mampu mengalihkan objek dengan kuasa mindanya. Berbeza dengan Haq yang mempunyai keperibadian yang baik serta bijak, Bad lebih bersifat memberontak dan degil. Atas kedegilan Bad, ibu mereka mati di depan mata mereka. Sesudah dewasa, Bad gemar berkawan dengan samseng-samseng berbanding Haq yang melanjutkan pelajarannya.

Penerbit : Kasehdia Sdn Bhd

Pengarah : Hor Chee Leong

Pelakon : Zul Huzaimy, Ady Putra, Nanu Baharuddin, Raja Farah.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-23 - Shah Alam

Lakon Layar Terbaik - Jumaatun Azmi

**\* SINI ADA HANTU**

Tarikh Tayangan – 10 Februari

Dua orang pemandu van Ah Meng dan Bakri ditugaskan menghantar mayat datuk kepada majikan mereka ke sebuah kampung di mana mereka diperlukan kesokan paginya. Di dalam perjalanan itu, mereka berdua bercerita tentang kisah seram yang pernah mereka dengari selama ini. Bakri bercerita mengenai "Hantu Pokok Pisang" – sementara Ah Meng pula menceritakan kehebatan hantu Cina iaitu "Hantu Nombor Ekor". Ketika Ah Meng ingin bercerita mengenai kisah hantu yang lain, van mereka yang melalui ladang kelapa sawit yang gelap-gelita itu tiba-tiba rosak. Ini menyebabkan Ah Meng terpaksa mencari bantuan, sementara Bakri menunggu van tersebut.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : James Lee

Pelakon : Alvin Wong, Ramasundram, Fasha Sandha, Pete Teo, Patrick Teo, Eira, Syazira, Kuswadinata.



### \* HIKAYAT MERONG MAHAWANGSA

Tarikh Tayangan – 10 Mac

Semasa angkatan Rom sedang membaik pulih kapal mereka di Goa, mereka meminta pertolongan Merong Mahawangsa mengiringi Putera Rom ke Langkasuka (dikatakan terletak di utara Malaysia) untuk berkahwin dengan seorang Puteri China dari Dinasti Han. Walau bagaimanapun, lanun dari Garuda mempunyai perancangan yang berbeza. Mereka memutuskan untuk menculik Puteri China dan menjadikannya sebagai tebusan.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Yusry Abdul Halim

Pelakon : Stephen Rahman Hughes, Khir Rahman, Ummi Nazeera, Jehan Miskin, Rahim Razali, Umie Aida, Jing Lusi, Gavin Stenhouse.



### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Filem Terbaik

Skor Muzik Asal Terbaik - Edry Abdul Halim

Perea Kostum/Busana Terbaik - Rosada Abdul Hamid

Sinematografi Terbaik - Md Nor Kassim

Penataan Seni Terbaik Anuar Paharudin/Kek Ting Lim

Lagu Tema Terbaik - "Sedetik Lebih" nyanyian Anuar Zain

Lagu Lirik - Edry Abdul Halim

Kesan Visual Terbaik - Yusry Abdul Halim; Poster Terbaik.

### \* RATU THE MOVIE

Tarikh Tayangan – 17 Mac

Sekumpulan 18 gadis menyertai Pertandingan Pesona Ratu. Filem dibuka dengan majlis pengumuman 10 orang peserta (daripada 18) dan bakal menyertai peringkat akhir. Peringkat akhir ini diadakan dalam format percutian menaiki sebuah kapal persiaran mewah. Semasa hari pendaftaran, 2 peserta disingkirkan serta-merta kerana tiba lewat menjadikan hanya 8 orang peserta yang tinggal. Mereka diiringi oleh 4 orang urusetia. Apabila tiba di sebuah pulau, mereka berlabuh untuk beristirehat dan berkelah seketika. Apabila cuaca buruk, Ketua Urusetia mengambil keputusan untuk berteduh seketika. Daripada saat itu, seorang demi seorang dari kumpulan hilang secara misteri.

Penerbit : Lineclear Motion Pictures

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Eizlan Yusof, Fouziah Ghous, Cico Harahap, Zaibo.

### \*.....DALAM BOTOL

Tarikh Tayangan – 24 Mac

Ruby atau nama sebenarnya Rubidin dan Ghaus merupakan pasangan bercinta sejenis. Kerana terlalu mencintai Ghaus, Rubidin sanggup berkorban mengubah identiti dirinya kepada Ruby. Bukan sedikit pengorbanan yang dilakukan oleh Ruby, identiti dirinya diubah menerusi satu pembedahan jantina. Namun perhitungan Ruby itu salah kerana Ghaus tidak dapat menerima dalam keadaan fizikal seorang wanita sekali gus memutuskan perhubungan dengan Ruby. Tanpa diduga, hormon lelaki dalam Ruby kembali menyerlah dan dia kembali menjadi Rubidin. Malah

Rubidin mula jatuh cinta dengan seorang gadis yang baik budi dan mereka merancang untuk berkahwin.

Penerbit : Pengedaran J.A.S.

Pengarah : Khir Rahman

Pelakon : Arja Lee, Wan Raja, Fauziah Ahmad Daud, Diana Danielle.



**\*CUN!**

Tarikh Tayangan – 31 Mac



Pengacara TV terkenal (Maya Karin) membawa diri ke sebuah desa terpencil di Kedah setelah mendapat tunangannya, seorang bintang filem terkenal (Jehan Miskin), bermain kayu tiga dengan seorang pelakon baru (Marsha Londoh). Di desa itu, beliau jatuh hati dengan kehidupan desa yang damai di samping tertarik dengan pemuda desa (Remy Ishak). Pelbagai kisah lucu dan menarik dirakam dalam tempoh tersebut sebelum beliau dijejaki semula oleh penerbitnya (Ning Baizura) dan kembali membawanya ke Kuala Lumpur.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Remy Ishak, Maya Karin, Ning Baizura, Jehan Miskin.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Faezah Elai

Pelakon Harapan Wanita Terbaik - Nadiya Nisaa

**\* DILARANG MASUK**

Tarikh Tayangan – 7 April

Empat sekawan, Fatia, Badrul, Juli dan Ronnie sudah kehilangan akal, buntu menemui jalan pulang. Perjalanan yang tidak sudah itu menemukan mereka dengan sebuah banglo usang di mana mereka memutuskan untuk bermalam di situ. Di rumah misteri yang seakan tidak berpenghuni itu, mereka menemui sejumlah wang jutaan ringgit di dalam sebuah beg yang sudah lama tersimpan. Dengan perasaan penuh tanda tanya, mereka dikejutkan dengan penemuan dua mayat yang telah reput dan sepucuk pistol – yang masih penuh dengan peluru hidup. Keadaan menjadi semakin genting apabila pistol berpeluru hidup hilang entah ke mana, masing-masing ketakutan dan berlaku pertelingkahan di atas wang yang ditemui.

Penerbit : Cineworks, MIG

Pengarah : Jeffrey Chiang.

Pelakon : Asyikin Kamal, Isma Yusof, Isma Hanum, Muniff Isa, Isma Daniel.

**\* SENJAKALA**

Tarikh Tayangan – 14 April

Karlisa yang kematian tunang pulang ke kampung dan bertemu dengan Armand yang mempunyai saka. Armand jatuh cinta pada Karlisa dan tidak mahu memulangkan saka tersebut kepada Karlisa walaupun pada asalnya saka tersebut memang diwarisi oleh keluarga Karlisa. Saka itu sebelum ini hanya menumpang pada Armand kerana emak Karlisa tidak mahu mewarisi saka tersebut. Akhirnya, Armand menyerahkan saka tersebut kepada Karlisa dengan harapan saka tersebut dapat dimusnahkan dengan bantuan seorang Ustaz. Namun, saka itu tidak dapat dimusnahkan dan terperangkap dalam Karlisa.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Zahiril Adzim, Liyana Jasmay, Faezah Elai, Kamal Adli.



### \* PENUNGGU ISTANA



Tarikh Tayangan – 21 April

Ia adalah sebuah dokumentari yang mengikuti kumpulan paranormal "The Seekers Team" yang cuba menjelaki misteri di dalam Istana Bilah, istana tua terbiar di Perak. Pada Feb 2009, krew sebuah TV produksi yang menjalani penggambaran drama 'Warkah Terakhir' mengalami pengalaman ngeri dan dahsyat. Kumpulan Seekers kembali ke tempat misteri itu bagi menyiasat perkara itu dan bekerjasama dengan Wan Hasliza (pengarah 'Warkah Terakhir'). Mereka bermalam di istana yang sunyi dan menyeramkan itu selama 7 hari berturut-turut. Mereka akhirnya menyedari bahawa mereka tidak borseorangan malah ditemani oleh 'penghuni-penghuni' yang menetap di istana itu.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Wan Hasliza

Pelakon : Siti Nadhirah Binti Mohd Zain (Adeek), Sara Ali, Nor Zafirah Abd Rahim, Amar Asyraf Zailuddin.

### \* SERU



Tarikh Tyangan – 28 April

Mengisahkan tentang sebuah produksi yang sedang membuat satu penggambaran filem seram bertajuk "Jangan Bernafas". Semasa penggambaran berlangsung, secara tiba-tiba, pelbagai kejadian aneh dan peristiwa berlaku, diluar jangkaan mereka. Seorang demi seorang menjadi sasaran rasukan dan juga pembunuhan, menyebabkan keadaan menjadi tidak terkawal.... tetapi kamera yang digunakan, masih terus merakamkan aksi yang terjadi.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : Ming Jin /Pierre Andre

Pelakon : Sharnaaz, Nisha Dirr, Pierre Andre, Cut Muthia, Azman

Hassan, Awal Ashaari, Nora Danish.

### \* MOMOK JANGAN PANGGIL AKU

Tarikh Tayangan – 5 Mei

Ramlee bersama rakannya, Qaseh, seorang novelis cerita seram dan Sudin menerima jemputan kenduri rakan lama sekolehnya, Aziz, di Kampung Pulau Rusa, Pekan Pahang. Sepanjang perjalanan ke Pahang Qaseh memulakan cerita-cerita seram yang dialaminya termasuk dari kisah seram yang dari novel seram yang bakal diterbitkan nanti. Mereka sampai ke kampung Pulau Rusa Pahang menjelang subuh dan ternari-cari simpang ke rumah Aziz ketika itu mereka telah diganggu 'hantu' yang mengakibatkan Ramlee dan Sudin pengsan..

Penerbit : Galaksi Seni

Pengarah : M.Jamil

Pelakon : M.Jamil, Ariff S. Shamsuddin, Cassandra Patrick.

### \* KONGSI



Tarikh Tayangan – 12 Mei

Tumulak seorang pembunuhan upahan diantar oleh Kimpedu, majikannya, untuk mengkucar-kacirkan kongsi gelap di Malaysia, terutamanya di Kuala Lumpur. Ketika itu, Kuala Lumpur dikuasai oleh tiga kumpulan kongsi gelap, masing-masing diketuai oleh Pak Maliki (ketua kongsi gelap Melayu), Jimmy (ketua kongsi gelap Cina) dan Victor (ketua kongsi gelap India). Antara kekacauan yang ditimbulkan oleh Tumulak termasuklah membunuh orang bawahan Pak Maliki serta anak Victor. Hal ini telah menarik perhatian ASP Shariff untuk menyiasat.

Penerbit : MIG

Pengarah : Farid Kamil

Pelakon : Shaheizy Sam, Fizo Omar, Yana Samsudin, Azad, Bront

Palarae.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Pelakon Lelaki Terbaik - Shaheizy Sam

Filem Pemilihan Penonton.

### \* NUR KASIH THE MOVIE



Tarikh Tayangan – 19 Mei

Ia mengisahkan dua beradik, Aidil (Fizz Fairuz) dan Adam (Remy Ishak) yang mempunyai perwatakan yang berbeza. Adam berkahwin dengan Nur Amina (Tiz Zaqqyah), walaupun Aidil sememangnya menyimpan hati kepada Nur Amina. Aidil kemudiannya berkahwin dengan Alya (Ayu Raudhah).

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Remy Ishak, Tiz Zaqqyah, Fizz Fairuz.

### \* KARAK



Tarikh Tayangan – 26 Mei

Empat sahabat iaitu Nik, Zura, Ida dan Jack sedang dalam perjalanan pulang ke Kuantan melalui Lebuhraya Karak. Namun, kesesakan luar biasa di lebuh raya menyebabkan mereka memilih untuk keluar dari lebuh raya dan melalui Laluan Persekutuan. Semasa berhenti rehat di pekan Karak, Nik dan Jack digangu hantu ketika berada di sebuah tandas usang. Semasa mereka meneruskan perjalanan, sekali lagi mereka digangu hantu sehingga menyebabkan kereta yang dipandu Jack hilang kawalan

dan terbabs ke dalam gaung. Mereka menemui sebuah rumah di dalam hutan yang didiami oleh Tok Malam serta bersepakat untuk menumpang di rumah itu sementara menunggu hari siang.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Yusry Abdul Halim.

Pelakon : Shahir, Shera Aiyob, Kilafairy, Md Eyzendy.

### \* TOYOL NAKAL



Tarikh Tayangan – 2 Jun

Ia mengisahkan mengenai seorang budak 13 tahun yang digelar Toyol. Dia sanggup meninggalkan bangku sekolah walaupun berasal dari golongan berada. Toyol yang lama meninggalkan kemewahan hidup pulang semula ke banglo tempat dia dibesarkan. Didapati suasana telah lain, ayahnya kahwin baru, itupun sesudah kematian ibunya beberapa tahun dulu. Malam pertama ayahnya dengan mak mudanya banyak gangguan dibuat oleh Toyol. Kerana tidak tahan dengan perangai anaknya bapanya membiarkan saja apa yang disenangi oleh Toyol.

Penerbit : Artistik Pictures

Pengarah : Z.Lokman

Pelakon : Joey Exist, Julia Ziegler, Aaron Frando, Abon.

### \* KL GANGSTER

Tarikh Tayangan – 9 Jun

Mengisahkan dua beradik Malik dan Jai yang terjebak di dalam dunia gangster. Malek siabang dipenjara 5 tahun kerana dikhianati oleh kumpulannya sendiri yang didalangi oleh Shark anak tiri kepada King, iaitu ketua kongsi gelap yang paling berpengaruh di KL. Setelah dibebaskan Malek ingin mengubah persepsi kehidupan serta menjauhkan diri daripada kehidupan hitam sebagai ahli kongsi gelap. Malek menjalani rutin kehidupan biasa sambil menjaga ibunya yang sudah tua. Bagi Jai kemewahan hidup adalah segalanya dan ini hanya boleh dicapai dengan dunia hitam yang diceburinya sekarang. Jai antara orang kuat Shark dalam apa saja misi yang Shark lakukan.

Penerbit : Skop Production  
Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Aaron Aziz, Syamsul Yusof, Soffi Jikan.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Pengarah Terbaik - Syamsul Yusof

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Soffi Jikan

Lakon Layar Terbaik - Syamsul Yusof;

Penyunting Terbaik - Syamsul Yusof

Penataan Bunyi Terbaik - Syamsul Yusof/Hisyam Jupri

Filem Box Office.



### \* 3,2,1 CINTA

Tarikh Tyangan – 16 Jun

Ia mengisahkan Sam, anak gadis yang berpewatakan kasar seperti lelaki yang baru sahaja berpindah untuk menyambung pelajaran di sebuah kolej. Sam mula ditakut-takutkan dengan fakta bahawa dengan sikap kasarnya itu, dia akan ditakuti oleh semua lelaki dan dia akan bersendirian sampai mati. Ini secara kebetulan, Sam terserempak dengan Nazril, lelaki idaman seluruh kolej. Dia tercabar dengan sikap Nazril yang hanya melayan perempuan cantik sahaja menyebabkan dia tekad untuk memikat Nazril. Pelbagai peristiwa yang melucukan dan romantis berlaku

sepanjang usaha Sam untuk memikat Nazril termasuk cuba merubah penampilan dan sikap kasarnya.

Penerbit : MIG

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Farid Kamil, Pierre Andre, Diana Amir, Mustapha Kamal.

### \* RASUK



Tarikh Tayangan – 23 Jun

Ia membongkar misteri sebuah banglo Melayu lama yang terbina sejak dari zaman pemerintahan Jepun. Ia kelihatan indah dan teguh dengan keceriaan penghuni silih berganti tanpa sebarang gangguan sehingga dengan kehadiran sepasang suami isteri Arman dan Melati. Arman, seorang pengarah fotografi bersama isterinya Melati, bersetuju untuk mendiami banglo itu yang cukup indah dan tenang jauh dari hiruk pikuk kebisingan kota. Misteri bermula apabila Melati secara tidak sengaja terlanggar batu tanda yang terletak di kawasan rumah tersebut. Setelah kejadian itu Melati berada dalam keadaan lemah dan mudah pengsan. Pelbagai kejadian aneh juga berlaku selepas itu.

Penerbit : White Merpati Entertainment, Sri Saheb Production

Pengarah : S. Baldev Singh

Pelakon : Fouziah Ghous, Iqram Dinzly, Sidek Hussain.

### \* SEKALI LAGI



Tarikh Tayangan – 30 Jun

Arman (Shaheizy Sam) merupakan seorang pesakit yang percaya dirinya menghidapi penyakit autisme. Dia dijaga oleh ibu (Kartina Aziz) dan ayah saudaranya (Alex Yanz) selepas pembedahan. Dia dijodohkan dengan (Shasha Zurazie) atas pilihan ibunya. Satu hari, Arman diperas ugut dan kehadiran Amy (Mia Sara Nasuha) menyelamatkan Arman. Sejak hari itu, mereka berkawan baik sehingga hal persahabatan mereka diketahui ibu Amy, Shiela (Lisa Surihani). Shiela berang dan melarang Amy berjumpa Arman.

Penerbit : MIG

Pengarah: Hashim Rejab

Pelakon : Shaheizy Sam, Lisa Surihani, Bront Palarae, Mia Sara Nasuha.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Anugerah : Mia Sara Nasuha.

### \* TOLONG AWEK AKU PONTIANAK



Tarikh Tayangan – 7 Julai

Ia mengisahkan Bob, berperwatakan lurus bendul dan baik hati yang bekerja di sebuah syarikat periklanan, di bawah penyeliaan Faizal. Selepas berpisah dengan teman wanitanya (Ina), Bob dan kawannya, Pian berpindah ke sebuah apartment lain. Kehidupan baru Bob bermula selepas berpindah dan bertemu dengan dua beradik iaitu Maya dan Liyana. Pada mulanya Liyana tidak menyenangi kehadiran Bob dan Pian kerana takut identiti mereka terbongkar.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : James Lee

Pelakon : Zahiril Adzim, Sazzy Falak, Liyana Jasmay, Harun Salim Bachik.

### \* FLAT 3A



Tarikh Tayangan –14 Julai

Fiqah, seorang pekerja kilang yang mengandungkan anak kekasihnya, Anas dipaksa mengugurkan kandungannya. Kerana cintanya terhadap Anas, Fiqah menggugurkan kandungannya itu. Fiqah mula dihantui perasaan bersalah dan fobia. Ratna, kawan baik Fiqah mengajak Fiqah berpindah di sebuah flat murah bersamanya. Rumah yang didudukinya itu adalah rumah Dukun Kang Suman yang di percaya telah menculik dan membunuh Fatin, seorang kanak-kanak yang tinggal berhampiran flat itu. Di rumah, Fiqah kerap kali di ganggu.

Penerbit : MIG

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Intan Ladyana, Shasha, Ery Zukhairi, Adey Shafrien, Zaidi Omar

### \* SENARIO THE MOVIE OPS POCOT



Tarikh Tayangan – 21 Julai

Ia mengisahkan tentang 3 lelaki yang berlainan watak yang sentiasa ditindas oleh orang sekeliling mereka. Azli seorang pemuda yang masih bujang dan bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah pasaraya. Azli seorang yang mudah penat dan mudah tertidur dalam apa keadaan sekalipun. Mazlan seorang pemuda yang penakut dan bekerja di sebuah syarikat swasta. Beliau selalu dibuli oleh rakan sekerjanya malah sejak kecil lagi dia menjadi mangsa buli rakan-rakannya. Wahid pula seorang yang pendiam dan bekerja di sebuah agensi membekalkan pekerja-pekerja asing. Sikap mereka itu memebuatkan ketua mereka mengambil langkah memasukkan mereka ke kem motivasi yang dikendalikan oleh Ikatan Relawan Malaysia (RELA).

Penerbit : MIG

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Azlee Jaafar, Lan Pet Pet, Wahid, Diana Amir, Mas Muhamni, Kamal Adli.

### \* HANTU BONCENG



Tarikh Tayangan –31 Ogos

Amran - seorang budak Delivery yang gemar berlumba secara haram motor Drag. Satu hari selepas memenagi satu perlumbaan, Amran di hadiahkan seorang Bohsia bernama Maya sebagai habuan perlumbaan. Malang tidak berbau, ketika Amran mula membawa bohsia yang membongcengnya, mereka kemalangan dan Bohsia itu mati di tempat kejadian. Sejak itu Amran sering digangu dengan hantu Maya yang meminta Amran sempurnakan mayatnya.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Zizan Raja Lawak, Juliana Evans, Jue Aziz, Taiyuddin Bakar, Eizlan Yusof, Azlan Kami, Cat Farish, Nursyuhada, Zizie, Zahid AF, Yus Raja Lawak.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Pelakon Harapan Lelaki Terbaik - Sallehuddin Abu Bakar

**\* KARIPAP-KARIPAP CINTA**

Tarikh Tayangan – 31 Ogos

Ali bekerja di sebuah syarikat penerbitan akhbar politik dan majalah misteri. Tugasnya adalah untuk mengambil foto tempat-tempat yang kelihatan seram dan mengubahsuainya kepada gambar yang kelihatan mempunyai hantu. Dia jatuh hati pada Sarah, yang bekerja sebagai Kartunis. Dalam satu kejadian meragut, Ali cuba untuk menjadi hero tetapi terpaksa diselamatkan oleh Sarah dengan kemahiran seni silatnya. Ali mendapat tahu yang Sarah pernah belajar di Universiti Al-Azhar dan mempunyai kelayakan sebagai Ustazah. Dalam usaha untuk memikat Sarah dan keluarganya, Ali berbohong yang dia juga adalah pelajar kelulusan dari Al-Azhar.



Penerbit : Cinematic Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Othman Hafsham

Pelakon : Gambit Saifullah, Melia Aimellia, Eman Manan, Sai Sudin, Rosnah Johari.

**\* NASI LEMAK 2.0 / 2011**

\* Cef Huang (Namewee) berhadapan dengan kesukaran untuk meneruskan perniagaan makanan miliknya kerana dia gagal menyediakan masakan tempatan yang diinginkan pelanggannya. Untuk membolehkannya meneruskan kehidupan ini serta perniagaan restorannya, Cef Huang perlu mendapatkan bantuan daripada penjaja wanita yang penuh misteri (Adibah Noor), yang mengarahkan dia agar memulakan satu pengembaraan yang hebat dalam kehidupannya.

Penerbit : Pedigree Mediai

Pengarah : Namawee

Pelakon : Namewee, Karen Kong, Adibah Noor, Afdlin Shauki, David Arumugam Reshma.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Anugerah : Osaka Asian Film Festival, 2012

Karyawan baru Terbaik – Namawee



**\* RAYA TAK JADI**

Tarikh Tayangan – 15 September

Leo seorang ahli perniagaan yang bakal mengalami kerugian kerana kontena yang berisi kurma yang ingin dijualnya sebelum raya tidak sampai. Oleh itu, dia merancang untuk menunda hari raya dengan menculik Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Hj. Ehsan (Dato' Jalaluddin Hasan). Leo mengarahkan dua pekerjaanya, Ali dan Abu (Iedil Putra) untuk menculik Hj. Ehsan namun masalah timbul apabila Ali dan Abu telah tertukar teks yang ada Hj Ehsan.

Penerbit : Lineclear Motion Pictures, Grand Brilliance

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Johan, Datuk Jalaluddin Hassan.



### \* BINI-BINIKU GANGSTER

Tarikh Tayangan – 22 September

Manja dan Herry adalah sepasang suami isteri yang sangat romantis dan saling sayang menyayangi. Perkahwinan mereka yang sudah berusia 2 tahun itu masih belum dianugerahi anak kerana Manja yang pernah mengalami kecederaan perut akibat kisah silam, membuatkan Manja berasa serba salah lalu cuba mencari seorang isteri yang boleh memberikan anak untuk suaminya yang tersayang. Ia juga adalah untuk mengalah perhatian Herry dari mengetahui aktiviti luarnya yang semakin sibuk setelah

bergelar ketua Kawasan. Manja melamar Reanna, rakan sepejabat Herry yang baru untuk menjadi madunya.

Penerbit : MIG

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Shaheizy Sam, Intan Ladyana, Yana Samsudin

### \* LIBAS

Tarikh Tayangan – 29 September

Raja Libas berusaha mendapatkan semula bola raga pusaka dipertandingan "Libas" yang merupakan satu pertarungan sepak takraw yang bersifat brutal serta menggabungkan kepakaran seni mempertahankan diri. Lantaran itu, Raja Libas terpaksa mencari muka-muka baru seperti Hamidi, Ku Mok untuk dilatih bagi menentang pasukan lawan dan seterusnya memastikan supaya maruah negara dapat ditebus semula.



Penerbit : MDAG Marketing Sdn. Bhd.

Pengarah : Jurey Latiff Rosli

Pelakon : Rosyam Nor, Johan, Scha Al-Yahya, Beego, Adam Corrie, Yang Kassim, Sabri Yunus.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-24 - Putrajaya

Cerita Asal Terbaik - Martias Ali

Pengarah Harapan Terbaik - Jurey Latiff Rosli

Anugerah Khas Juri - Memaparkan Elemen Seni Warisan Nusantara.

### \* AL-HIJAB

Tarikh Tayangan – 6 Oktober 2011

Rafael - seorang pelakon tidak mempercayai kewujudan hantu. Dia ditawarkan watak utama untuk membintangi sebuah filem seram. Dia teruja dan berusaha untuk menjawai peranannya sebaik mungkin. Malangnya Rafael tidak berjaya memperolehi perasaan takut yang dapat memuaskan hatinya. Puas dia berkunjung ke tempat-tempat yang dikatakan berhantu tetapi tidak pernah melihat kelibat makhluk itu. Teman wanita Rafael, Qiss yang pelik dengan Rafael itu mengadu perkara tersebut kepada ibunya. Ibu Qiss kemudiannya memberitahu Rafael mengenai apa itu hijab.

Rafael berpeluang untuk melihat makhluk halus jika hijabnya dibuka.

Penerbit : Empat Semudra Plantation

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Pierre Andre, Nur Fathia, Maimon Mutalib, Nor Albaniyah, Aziz M. Osman.

### \* SEEFOOD / 2011

Tarikh Tayangan – 7 Oktober 2011

Julius seekor jerung ganas tetapi ceria bersama Pup seekor Yu Buluh bermain di terumbu karang. Tiba-tiba mereka terserempak dengan dua penyelam yang mengambil telur-telur ikan. Pup gagal untuk menyekat mereka. Pup yang kesedihan cuba dipujuk oleh Julius dengan kelakuan yang melucukan tetapi gagal lalu Julius membawa Pup pulang ke kediannya, sebuah kapal karam yang penuh dengan wang emas. Sementara itu sebuah kilang yang berhampiran persisiran pantai telah membuang sisa-sisa bahan industri ke dalam laut berhampiran tempat tinggal mereka lantas mengakibatkan pencemaran terhadap terumbu karang, air laut dan

kehidupan lain. Julius ditugaskan untuk menyelamatkan Pup. Octo memperkenalkan ciptaan baharunya yang mampu membuatkan Julius naik ke darat.

Penerbit : Silver Ant

Pengarah : Goh Aun Hoe

Pelakon : Gavin Yap, Diona Chae Lian, Christina Orow, Kennie Dowie.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 – Putrajaya - Poster Terbaik

Kre8tif! Award :

Best Animation Director; Best Production; Best Editor; Best Audio Production; Best Commissioned Work;

Anugerah Karyawan Animasi  
Animator 3D Terbaik.

### \* KLIP 3GP

Tarikh Tayangan –16 Oktober 2011

Suria, Mina dan Zakiah adalah tiga gadis remaja yang dalam perjalanan untuk mencari hiburan hujung minggu di KL. Tanpa disangka, malam itu berubah menjadi suatu peristiwa yang menyeramkan apabila mendapati diri mereka diburu oleh satu makhluk yang mengerikan. Sandra pula adalah seorang gadis sekolah yang menjadi mangsa deraan seksual oleh Jefri. Lebih dari itu, Sandra satu hari diperkosa beramai-ramai oleh satu geng motosikal yang dianggotai Jefri dan abang kandung Sandra sendiri iaitu Burn. Acara perkosaan ini dirakamkan oleh geng ini melalui

kamera telefon bimbit Jefri. Kehidupan watak-watak berbeza ini akhirnya bersulaman dan berkait melalui pembocoran klip-klip 3GP mereka kepada masyarakat Internet.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Aidil Fitri Mohamed Yunus

Pelakon : Zahiril Addzim, Sara Ali.

### \* SUMPAHAN PUAKA

Tarikh Tayangan – 20 Oktober 2011

Shamsudin adalah seorang pelukis. Beliau bercadang untuk memasuki ke sebuah kampung untuk mencari ilham untuk melukis. Setelah berada di kampung itu untuk beberapa hari, Shamsudin mengalami pelbagai insiden yang pelik. Mak Jah berjaya memaksa Shamsudin untuk bersumpah supaya akan sentiasa menjaga Mak Jah. Shamsudin mula merasa pelik apabila ada yang memberitahu bahawa Mak Jah sebenarnya telah mati.

Penerbit : Genius Parade Sdn Bhd

Pengarah : M.Suurya

Pelakon : Imuda, Mislini Mustaffa, Maimon Mutalib.



### \* APA TENGOK TENGOK?

Tarikh Tayangan – 27 Oktober 2011

Seorang pengetua, cikgu Zaaba, berusaha membentuk sikap lapan pelajar yang mewakili kelompok kaya dan sederhana. Pertelingkahan antara kumpulan Shariff dan Daniel bermula apabila kumpulan Daniel bertembung dengan Shariff yang sedang menunggang motosikal arwah datoknya. Mereka mengejek-ejek Shariff dan memalukan dia di jalan raya. Shariff meminta kawan-kawannya untuk membantu mengenakan kumpulan Daniel dengan memancitkan tayar keretanya. Dua kumpulan Daniel dan

Shariff terus bersengketa sehingga menyebabkan Cikgu Zaaba muhambatalkan majlis perayaan Hari Guru. Ini kerana mereka tidak boleh bekerjasama untuk membuat persembahan bagi mewakili kelas mereka.

Penerbit : Venture Hills Film Production Sdn Bhd

Pengarah : Roy Krishnan

Pelakon : Dato' Jalaluddin Hasan, Zulkifli Ismail, Shahronizam Noor, Kuswadinata, Mahyon Ismail.

### \*ALAMAK... TOYOL!

Tarikh Tayangan – 3 November 2011



Fakhrul (pelakon: Angah Raja Lawak) dan Kudin (pelakon: Along Cham) merupakan dua orang perompak yang tidak pernah berjaya merompak sasaran mereka. Suatu hari, mereka terserempak dengan Pak Umar dan muhambatalkan botol berisi toyol itu. Pada mulanya mereka enggan, tetapi akhirnya mereka terpaksa menerima toyol tersebut. Dengan adanya toyol belaan mereka itu, Fakhrul dan Kudin amat mengharapkan toyol itu berjaya membantu mereka merompak. Rupa-rupanya toyol itu tidak tahu mencuri.

Penerbit : MIG

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Along Cham, Angah Raja Lawak, Hamid Gurkha.

### \* ABUYA

Tarikh Tayangan – 10 November 2011

Seorang peniaga - Abu Zakaria berkahwin dengan Rubiah seorang wanita kaya di kampung itu. Selepas itu Rubiah menghantarnya ke Turki untuk belajar ilmu agama, tetapi bila dia pulang Abu Zakaria membawa pulang seorang perempuan GRO berbangsa Turki yang dijadikan isteri keduanya. Kepulangannya ke kampung membawa sedikit perubahan pada dirinya. Abu Zakaria menubuhkan markaznya Markaz Khalifah dan mengelarkan dirinya sebagai Abu Ya. Sejak terdirinya Markaz Khalifah ini, semakin ramai pengikut dari pelbagai bangsa, agama atau pun keturunan yang mengikut ajaran sesat Abu Ya.

Penerbit : Primework Studios Sdn Berhad Formerly Grand Brilliance

Pengarah : Imran Haji Ismail

Pelakon : Faizal Hussein, Jue Aziz, Yank Kassim, Adrea Abdullah, Khir Mohd Noor.

### \*AKU BUKAN TOMBOY



Tarikh Tayangan – 17 November 2011

Farisa dikejutkan dengan kemunculan dua jejaka , Harry dan Burn yang berhasrat menjalinkan hubungan istimewa dengannya. Harry, seorang salesman jalanan yang terlebih dahulu menjalinkan hubungan mesra dengan Farisa merasa tergugat apabila Burn muncul sebagai pencabar yang mencetuskan perebutan. Dalam masa yang sama Farisa berdepan dengan konflik perbezaan darjah dan kedudukan Burn sebagai Eksekutif Junior di syarikat bapanya yang menyukarkan hubungan mereka.

Penerbit : Skop Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Scha Al-Yahya, Shaheizy Sam, Syamsul Yusof, Salina Saibi, Sheera.

\*



### MISTERI JALAN LAMA

Tarikh Tayangan – 24 November

Dua beradik, Indra dan Ilya dalam perjalanan pulang ke kampung halaman mereka untuk urusan pengebumian ayah mereka, Iskandar. Pada hari kematian Iskandar, buat pertama kalinya selepas 15 tahun, Indra ke pejabat ayahnya untuk mengambil surat wasiat yang ditinggalkan untuknya. Indra diminta membawa Ilya pulang, kerana Ilya tidak tahu memandu. Ketika di lebuhraya, Indra dikejar oleh gangster. Lalu Indra mengambil keputusan menggunakan jalan lama. Ketika melalui jalan lama,

tidak semena-mena mereka memasuki ‘dunia lain’. Pelbagai peristiwa pelik dialami mereka sepanjang berada di dunia tersebut.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Que Haidar, Hans Isaac, Datuk Ahmad Tarmimi Siregar, Vanidah Amran, Sabrina Mohammed Hassan, Namron, Adam Corrie, Sobri Anuar, Afdlin Shauki, Nasir Bilal Khan, Liyana Jasmy, Sufian Mohamed.

### \* OMBAK RINDU

Tarikh Tayangan – 1 Disember

Izzah adalah gadis kampung yang dijual oleh bapa saudaranya kepada sebuah kelab hiburan di K.L untuk dijadikan pelacur. Seorang pemuda, Hariz anak Datuk Sufiah, membeli Izzah dari pemilik kelab itu untuk dijadikan perempuan simpanan, namun Izzah merayu Hariz supaya menikahinya untuk menghalalkan hubungan mereka. Hariz setuju dengan syarat Izzah tidak menuntut sebarang hak sebagai isteri. Semasa Hariz koma dihospital akibat kemalangan jalan raya, ayah Hariz menghalau Izzah keluar dari bungalow Hariz dan merampas telefon bimbitnya. Setelah keluar dari hospital, Hariz diberitahu yang Izzah menjalani hubungan dengan lelaki lain.

Penerbit : Astro Shaw Sdn. Bhd.

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Aaron Aziz, Maya Karin, Lisa Surihani, Bront Palarae, Azizah Mahzan, Zaidi Omar.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Pelakon Wanita Terbaik - Maya Karin

Lagu Tema Terbaik - ‘Ombak Rindu’ nyanyian Hafiz & Adira –

Lagu/Lirik Nurzaidi Abdul Rahman

Filem Box Office - Tarantela Pictures & Astro Shaw.

### \* PETALING STREET WARRIORS



Tarikh Tayangan – 1 Disember

\* Berlatarbelakangkan Jalan Petaling pada tahun 1908, ia menceritakan kisah sepasang suami isteri, Shi Duyao (Mark Lee) dan Zhung Lichun (Yeo Yann Yann), yang mengendalikan sebuah gerai mee Hokkien di Petaling Street, di mana mereka menderita kerana ketidakcekapan pemerintahan kolonial dan penindasan oleh samseng China. Semasa berusaha menarik perhatian isterinya, Duyao menemui seorang ahli kungfu yang misterius namun cantik, Xiaoju (Chris Tong), yang mendakwa bahawa Duyao adalah keturunan dari Maharaja Jianwen yang hilang dari dinasti Ming. Untuk menghentikan sekumpulan pejuang Qing dan ninja Jepun dari merompak peta harta karun yang bahkan tidak diketahui oleh Duyao, Lichun dan sepupunya, Liu Kun (Namewee), akhirnya mendedahkan kungfu mereka, menjadikan Jalan Petaling menjadi medan perang utama.

Penerbit : Juita Viden Entertainment

Pengarah : James Lee, Sampson Yuen

Pelakon : Mark Lee, Yeo Yann Yann, Namewee, Chris Tong, Frederick Lee, Sunny Pang, Alvin Wong, Ramasundran Rengan, Henry Thia, Chua Bee Seong, Nick Dorian, Chen Huen Phuei, John Cheng, Tung Yew Ngai, Rosanne Lui, Brandon Yuen, Wong Wai Hoong.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Filem Cerea Bukan Melayu Terba.



### \*DATIN GHAIROH

Tarikh Tayangan – 8 Disember

Datin Ghairieyah adalah balu kepada arwah Dato Mahfuz seorang ahli perniagaan terkenal. Emelia dan Emelda adalah hasil perkongsian hidupnya selama hampir 20 tahun bersama Dato Mahfuz. Walaupun hidup dalam serba kemewahan, meraka berdua amat lemah dalam pelajarannya terutamanya mata pelajaran Matematik dan ini membuatkan Datin Ghairieyah mengarahkan setiausaha kerjanya Melissa mencari seorang guru yang boleh mengajar mata pelajaran Matematik. Selama hampir dua tahun status janda yang disandang oleh Datin Ghairieyah sedikit pun tidak melemahkan dirinya untuk meneruskan empayar perniagaan peninggalan arwah suaminya.

Penerbit : De Baron Sdn. Bhd.

Pengarah : Sabree Fadzil

Pelakon : Aaron Aziz, Maria Farida, Faizal Hussein, Hairie Othman.

### \* SONGLAP

Tarikh Tayangan – 15 Disember



Ia mengisahkan mengenai dua adik-beradik – AM (Shaheizy Sam) dan AD (Syafie Naswip) yang membabitkan diri dalam sindiket penjualan bayi yang diuruskan oleh seorang wanita bergelar Mama. Kehidupan dua adik-beradik ini jauh berbeza; AM mengambil kesempatan dengan menggunakan business Mama sebagai jalan pintas mendapatkan wang untuk kegiatan judinya, sementara AD mengimpikan kehidupan yang lebih baik dengan menyertai pertandingan tarian B-Boy.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Effendee Fariza Azlina

Pelakon : Shaheizy Sam, Syafie, Sara Ali, Syafie Naswip, Omar Abdullah.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Syafie Naswip

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Normah Damanhuri

Penyunting Terbaik - Wong Hui Lin

Sinematografi Terbaik - Haris Hue Abdullah

Anugerah: 1st ASEAN International Film Festival, Kuching, Sarawak 2013

Filem Terbaik Aksi - Primeworks Studios & Red Films

### \* SUATU MALAM KUBUR BERASAP

Tarikh Tayangan – 22 Disember



Filem ini mengisahkan cerita tentang tiga sahabat kampung iaitu Atan, Bun, Pet dan seorang sahabat dari bandar yang baru dikenali iaitu Mie. Atan (Angah Raja Lawak) seorang yang lurus bendul, rajar, ringan tulang dan bekerja sebagai penggali kubur. Bun (Along Raja Lawak) seorang kutu rayau yang gemar merempit dengan motor kapcainya. Hampir setiap malam beliau akan mengacau gadis-gadis kilang yang baru pulang dari bekerja. Pet (Azrul Raja Lawak) merupakan pemandu lori ayam yang sering bekerja lewat malam.

Penerbit : Outloud Studios Sdn Bhd

Pengarah : Ernie Chan

Pelakon : Angah Raja Lawak, Along Cham.



### \* PAPA I LOVE YOU

Tarikh Tayangan – 29 Disember

Mengisahkan seorang ayah, Baha yang berusaha untuk membesarkan anak tunggalnya, Mia dengan sempurna di dalam kehidupannya yang penuh dengan kesempitan sehingga sanggup melakukan apa sahaja. Baha bertemu dengan Elly, seorang wanita yang sering membantu menjaga Mia dikala Baha sibuk mencari kerja. Elly dan Mia melengkapkan hidup Baha meskipun ditimpa kesempitan dek kerana kekurangan wang dan tidak mempunyai kerja tetap. Datuk Kudin seorang ayah yang semasa mudanya

mempunyai segala – galanya namun kerana sikapnya yang lebih mementingkan kerjayanya menyebabkan dia kehilangan anak kesayangannya, Elly. Baha menjadi orang tengah dalam membantu merapatkan semula hubungan Elly dan Datuk Kudin dan ini akhirnya telah menyebabkan hubungan Elly dan Baha sendiri menjadi tegang.

Penerbit : MIG

Pengarah: Hashim Rejab

Pelakon : Lisa Surihani, Mia Sara Nasuha, Zalif Sidek, Zaidi Omar, Bob(KU@) @ Kuman, Syanie, Zul Handyblack.

**2012**

**\* SESUATU YANG TERTINGGAL**

Tarikh Tayangan – 5 Januari 2015



Enam orang penghuni rumah anak yatim, Arshad, Mona, Zakiah, Ashraf, Daud dan Murni dan penghuni-penghuni Rumah Anak Yatim Setia harus berpindah ke sebuah rumah yang diwakafkan oleh seorang lelaki. Sebuah almari antik dijumpai oleh anak-anak yatim itu semasa proses pembersihan dan mereka mengambil keputusan untuk mengalihkan almari itu ke bilik lain. Semasa mereka memindahkan almari tersebut Arshad menjumpai sebuah cermin dan menghadiahkan kepada Mona tanpa mengetahui bahawa cermin itu bakal menjerumuskan mereka ke ambang kemisterian.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah : Asrull Hisyam

Pelakon : Zahiril Adzim, Sara Ali, Shera Aiyob, Eina.

**\* KERAMAT**

Tarikh Tayangan – 12 Januari



Di tahun 1900, seorang lelaki bernama *Habib* difitnah merosakkan kehormatan Mustika. Akibat dari itu, *Habib* dikerumuni dan dipukul oleh orang kampung diketuai oleh Jabar, abang kandung Mustika. *Habib* yang merupakan bukan calang-calang orang terus dipukul dan kain yang selama ini menutupi wajahnya ditarik oleh orang kampung dan berlakulah satu peristiwa yang amat dahsyat di mana semua penduduk kampung mati dek cahaya terang yang terpancar dari wajah *Habib*.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Zul Handyblack, Rabecca Nur, Mon Ryanti, Adey Syafrien, Putri Mardiana, Diana Amir.

**\* BUJANG TERLAJAK**

Tarikh Tayangan – 19 Januari



Ketika membuat rakaman penggambaran sebuah iklan, tiga sekawan Saiful, Nabil dan Johan tertarik dengan Puteri (Faura) yang menjadi model untuk iklan itu. Mereka mengekori Puteri sehingga mereka mengetahui yang Puteri adalah seorang guru tadika dan juga model sambilan. Bagi mengenali Puteri dengan lebih rapat, Saiful mencungkil rahsia untuk menambat hati Puteri daripada ayah Puteri yang buta, Haji Hashim. Dia diberitahu Puteri ingin berkahwin dengan seorang yang kurang upaya kerana Puteri percaya bahawa dia akan mendapat cinta sejati seperti yang dialami oleh ibunya. Oleh itu ketiga-tiga mereka mula menyamar dengan niat untuk memenangi hati Puteri.

Penerbit : Line Clear Motion Pictures

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Nabil, Johan, Fazura.

### \* SUMPAHAN KUM-KUM

Tarikh Tayangan –26 Januari



Mila yang memiliki wajah berjerawat, malu dengan keadaan rupanya lalu berjumpa dengan seorang dukun bagi mendapatkan rawatan susuk. Pantang larangnya adalah Mila tidak boleh melihat cermin selama 44 hari. Di tempat kerjanya, Mila yang dahulunya langsung tidak dipandang oleh lelaki, mula menjadi siulan ramai. Mila tidak sabar untuk melihat wajah barunya dan dia melihat cermin. Wajah Mila bertukar menjadi hodoh dan Mila pergi berjumpa dukun yang sama untuk memulihkan wajahnya.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail bob Hashim

Pelakon : Feroz, Putri Mardiana, Lydiawati, Echa, Maimon

Mutalib, Kazaar Saisi, Abdul Razak Ahmad.

### \* AZURA

Tarikh Tayangan – 2 Februari



Azura, seorang gadis yang gigih menghadapi cabaran hidup untuk mencapai cita citanya. Dia tinggal bersama ibu saudaranya, Yusni, setelah kedua ibu bapanya terkorban ketika tragedi terowong Mina di Mekah pada 1990. Zek pula membesar sebagai anak orang kaya. Kemanjaan dan kemewahan membuat Zek tiada deria ‘survival’. Dia sentiasa di kelilingi dengan manusia yang mahu mengambil kesempatan. Detik pertemuan pertama mereka memberi kejutan pada Zek. Sikap Azura yang sama sekali tidak hairan dengan ‘darjah tinggi’ Zek, membuat dia merasa Azura saja yang dapat memimpinnya.

Penerbit : Ace Motion Pictures

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Neelofa, Shahz Jaszle, Afdlin Shauki & Erma Fatima.

### \* HANTU DALAM BOTOL KICAP

Tarikh Tayangan -09 Februari 2012



Aminah dan suaminya, Hussin pulang ke kampung bersama tiga anak mereka, Azri, Epul dan Rina. Aminah ingin meminta ibunya, Nek Temah seorang dukun, menjaga ketiga-tiga anaknya. Hari pertama mereka diberitahu tentang pantang larang di rumah itu. Pertama, mereka tidak boleh keluar rumah selepas maghrib dan kedua, mereka tidak boleh masuk bilik misteri yang diikat selempang merah. Semasa makan, Rina teringin makan nasi bersama kicap. Epul mencadangkan agar mereka membuka pintu misteri untuk dapatkannya. Ketika pintu terbuka, tangan Rina

luka. Seekor hantu terlepas dan hampir mencekik Rina tetapi disergah oleh Nek Temah.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Wawa Zainal, Mikail Andre, Mon Ryanti, Zalif Sidek, Epy Raja Lawak, Azrol Anwar, Angah Raja Lawak.

**\* CHANTEK**

Tarikh Tayangan - 16 Februari 2012



AD, seorang bintang filem yang hidupnya mewah dan ceria tetapi menjadi buta setelah dilanggar kereta sejurus terserempak dengan tunangnya yang berlaku curang. Akibat tersangat kecewa, AD memencilkan dirinya di rumah penginapan. Pengurus AD iaitu SAM mengupah Chantek, seorang pembantu rumah perempuan dari Indonesia yang terpaksa menyamar sebagai lelaki untuk menenteramkan AD yang masih fobia dengan perempuan. Lama-kelamaan kerana kebaikan AD dan kemesraan mereka berdua, Chantek terpaksa mendedahkan rahsianya. Walaupun marah, AD sedia memaafkannya kerana kejujuran Chantek membantu

memulihkannya dan akhirnya mereka berdua telah jatuh cinta.

Penerbit : Empat Semudra Plantation Sdn. Bhd

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Pierre Andre, Nurul Ekasari, Kim Watt, Abon.

**\* ADNAN SEMP-IT 2**

Tarikh Tayangan – 23 Februari

Adnan dan Nadia telah mengharungi pelbagai rintangan untuk menjayakan hubungan mereka, malangnya ayah Nadia Datuk Ithnin tak merestui hubungan mereka. Datuk Ithnin meletakkan syarat agar Adnan mampu berbahasa Inggeris serta mengubah penampilan diri dalam masa 30 hari. Adnan telah meminta pertolongan Bobby (Along Cham) untuk membantunya. Ayah Nadia mengatur rancangan untuk menggagalkan usaha Adnan untuk berubah dengan mengupah Fendi (Shuk dari raja lawak Balas) yang mengganggu Adnan, hinggakan Nadia merasa sangsi dengan kejantanan Adnan.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail 'Bob' Hashim

Pelakon : Shaheizy Sam, Intan Ladyana, Yana Samsudin, Angah Raja Lawak dan Along Raja Lawak, Datuk Ahmad Tamimi Siregar, Aznah Hamid.

**\* CINTA KURA-KURA**

Tarikh Tayangan – 1 Mac

Ia mengisahkan tentang Nani - seorang gadis ceria berusia 21 tahun bersama binatang peliharaannya, Nico. Nico adalah seekor kura-kura spesis terancam dan ia mempunyai kelebihan luarbiasa iaitu boleh bercakap dengan manusia. Kisah bermula disaat Nani berpindah ke rumah abangnya, Amin. Jiran Nani, Adam telah jatuh hati dengan Nani sejak kali pertama dia memandangnya. Tetapi Nico tidak suka dengan Adam lalu berusaha mensabotaj usaha Adam untuk mendekati Nani. Dalam masa yang sama, Nico mempunyai calon kegemarannya sendiri iaitu Fadzly, seorang pengurus kedai haiwan. Walaubagaimanapun, Fadzly mempunyai motif jahat untuk mendekati Nani bertujuan untuk menculik Nico dan dijual ke sebuah restoran sebagai makanan eksotik.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Nizam Zakaria

Pelakon : Aeril Zafrel, Tiz Zaqqyah, Zizan Razak



### \* BUNOHAN



Tarikh Tayangan – 8 Mac

Berlatarkan sebuah kampung di Kelantan, Bunohan menceritakan tentang 3 adik-beradik yang terasing – Adil, Bakar dan Ilham serta bapa mereka yang sakit. Selepas melarikan diri daripada pertarungan maut, Adil ‘Bunga Lalang’ seorang peninju tomoi, terpaksa melarikan diri pula daripada pembunuhan upahan bernama Ilham. Kejar mengejar ini membawa mereka ke sebuah kampung bernama Bunohan. Apabila mereka bertembung, memori hitam mula menghimpit dan mereka berjumpa seorang guru yang ingin menjadi usahawan yang berjaya. Kehadiran mereka bertiga di kampung Bunohan membangkitkan kembali kisah silam Pok Eng sebagai ayah kepada mereka bertiga.

Penerbit : Apparat Sdn Bhd

Pengarah : Dain Iskandar Said

Pelakon : Faizal Hussein, Zahiril Adzim, Pekin, Bront Palarae, Namron, Sofi Jikkan.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Filem Terbaik

Pengarah Terbaik - Dain Said

Pelakon Lelaki Terbaik - Faizal Hussein

Cerita Asal Terbaik - Dain Said

Lakon Layar Terbaik - Dain Said

Skor Muzik Asal Terbaik - Mendiang Yuan Tan Yan Mei

Penataan Seni Terbaik - Dain Said

Anugerah : 48<sup>th</sup> Taipei Golden Horse Film Festival.

Anugerah NETPAC (Network for the promotion of Asian Cinema) - Dain Said

9<sup>th</sup> Jogja-NETPAC Asian Film Festival - Filem Terbaik Asia (Golden Hanuman Award)

7<sup>th</sup> Five Flavours Film Festival, Warsaw Poland-2012 - Anugerah Penghargaan (New Asian Cinema- Special Mentions.

1<sup>st</sup> ASEAN International Film Festival & Awards - Lakon Layar Terbaik - Dain Said.

### \* 7 PETALA CINTA

Tarikh Tayangan - 15 Mac 2012

Sebuah filem mengenai seorang yang berada dalam kejahilan sehingga bertemu dengan Aby Ikhwan, seorang guru di Madrasah Qalbun Salim yang telah mengajar Attar mengenai Islam. Dalam diam, Attar menyimpan perasaan terhadap Saidatul Nafisa namun dia redha apabila Saidatul Nafisa bertunang dengan Hamka. Saidatul Nafisa dan Hamka ditunangkan dan akan dikahwinkan sebaik sahaja Hamka pulang daripada menuntut ilmu di Tanah Arab. Ditakdirkan, malapetaka berlaku dan Hamka dikatakan meninggal dunia. Saidatul Nafisa

meneruskan hidupnya dengan tabah namun Aby Ikhwan, ayah kepada Saidatul Nafisa mahu anaknya itu cepat – cepat mendirikan rumah tangga.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Azhari Mohd Zain

Pelakon : Aeril Zafrel, Diana Amir, Fizo Omar.

### \* JIDIN SENGAL



Tarikh Tayangan - 22 Mac 2012

Ia adalah sebuah kisah komedi tentang Jidin dan Bob Dobot, dua sahabat yang bercita-cita menjadi pelakon terkenal satu hari nanti. Jidin yang sengal tapi sangat meminati bidang lakonan telah secara tersengaja membakar reban bersama ayam-ayam kesayangan ibunya gara-gara memberontak nak datang KL mencuba nasib. Di KL, Jidin bertemu dengan Bob Dobot, seorang pelakon ekstra tapi berjiwa pelakon utama. Bob memiliki keyakinan yang tinggi, badan yang gempal dan muka yang tak serupa Aaron Aziz. Dia bercita-cita untuk memegang watak hero, atau paling tidak pun, pelakon pembantu berdialog, satu hari nanti.

Penerbit : OutLoud Studios

Pengarah : Nur Esmi Zahara bt Yusof

Pelakon : Angah Raja Lawak, Along Raja Lawak, Azrul Raja Lawak, Zac Diamond, Faezah Elai, Jue Aziz.

### \* JANGAN PANDANG-PANDANG



Tarikh Tayangan - 29 Mac 2012

Empat pelajar kolej jurusan Sains Sosial dan Manusia – Ajis, Ben, Yaya dan Diana ditugaskan mengumpul maklumat dan data tentang artifak-artifak di Gua Bewah. Yaya baru mendapat tahu Ajis main kayu tiga dan bertekat mahu putus hubungan namun demi menyiapkan tugasannya, Yaya bersetuju berdamai buat seketika. Tugasan berkumpulan memaksa mereka mencari ahli kumpulan ke 5, Marsha, seorang gadis yang penuh misteri. Ketika tiba di jeti Tasik Kenyir, mereka bermalam di dalam sebuah rumah bot milik Abang Bob. Bermulalah pengalaman pelik dan ganjal serta menakutkan sepanjang mereka mencari artifak di gua tersebut.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Zizan Raja Lawak, Sara Ali, Nas-T, Miera Liyana.

### \* 3 TEMUJANJI



Tarikh Tayangan - 05 April 2012

Reanna tidak mempercayai lelaki dan cinta dalam hidupnya. Prinsip Reanna mudah, cinta hanya membawa sengsara dan semua lelaki sama saja. Hal ini menyebabkan Reanna menetapkan setiap hubungannya dengan lelaki tidak akan lebih dari tiga temujanji. Selepas tiga temujanji, mereka akan berpisah dan tidak akan berhubungan lagi. Segala-galanya berubah apabila muncul Mikhail, seorang lelaki yang sangat teruja dengan perkahwinan ke dalam hidup Reanna. Sikap Mikhail disertai hadiah istimewa yang diterimanya setiap kali bertemu janji menyebabkan Reanna gagal menahan hatinya lalu jatuh cinta.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Yana Samsudin, Pierre Andre, Kamal Adli, Diana Amir.

**\* UNCLE USIN**

Tarikh Tayangan - 19 April 2012

Kumpulan Spy 13 yang dibangunkan 3 detektif persendirian sangat terkenal kerana berjaya menyelesaikan banyak kes yang ditugaskan. Salah seorang ahlinya juga mempunyai pelbagai keupayaan seperti menerbangkan bola kecil kepada musuh. Spy 13 kemudianya diupah untuk membongkar rahsia salah seorang bapa ahli kumpulan sendiri dan mereka mendapati satu konspirasi besar sedang berlaku, menyebabkan mereka perlu mengembara ke seluruh negara untuk menamatkan konspirasi itu.

Penerbit :



Pengarah : Husri Hj Husain

Pelakon : Zizan Raja Lawak, Johan Raja Lawak, Nabil Raja Lawak, Ebby Yus.

**\* BERANI PUNYA BUDAK**

Tarikh Tayangan - 26 April 2012

Shuhami Abdullah/Tong (Afdlin Shauki) menceritakan mengenai kehidupan abang iparnya. Pairot, kembali semula menjalani kehidupan normal selepas keluar penjara dan dia menguruskan restoran bersama iparnya, Tong. Kemudian, satu hari Pairot mendapat panggilan untuk melaksanakan tugas terakhir, iaitu mencuri data peribadi pelanggan daripada sebuah syarikat kad kredit. Pairot dipaksa melakukan kerja itu setelah pemanggil menculik Tong dan mengugut untuk membunuh dia sekiranya

kerja itu tidak diselesaikan.

Penerbit : Vision Works

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Nabil Raja Lawak, Johan Raja Lawak, Awie, Adli Aman Ramli.

**\* CHOW KIT**

Tarikh Tayangan - 03 Mei 2012

Kisah dalam Chow Kit ada 2 bahagian. Satu bahagian tentang kanak-kanak yang hidup terbiar di jalan-jalan yang harus mengharungi kehidupan yang penuh dugaan di Chow Kit. Bahagian 2 pula mengenai seorang bekas ahli kongsi Chow Kit yang baru dibebaskan dari penjara berazam untuk memulakan kehidupan baru.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn. Bhd

Pengarah : Dhojee

Pelakon : Beto Kusyairi, Dira Abu Zahar, Lana Nordin, Mers Sia, Muhamad Izzam Izzudin, Muhamad Izzam.



**\* NONGKRONG**

Tarikh Tayangan - 10 Mei 2012

Ia mengisahkan tiga pemuda, Aman, Bada dan Cumi yang cuba mencari kekayaan dengan meminta nombor ekor. Cumi yang terdesak ingin meminang kekasihnya, Lin manakala Bada dan Aman muhi mengubah nasib keluarga tekad menemui bomoh bagi melaksanakan hasrat mereka. Segala-galanya bermula apabila seorang bomoh handal menjalankan upacara memanggil puteri laut untuk membantu mereka. Puteri bersetuju dengan syarat, salah seorang daripada mereka bertiga iaitu Bada perlu berkahwin dengannya. Melihatkan kejelitaan Puteri, Bada tanpa bertangguh terus bersetuju. Selesai sahaja upacara perkahwinan, Puteri bertukar rupa menjadi hantu yang menakutkan menyebabkan kesemuanya mereka terus lari lintang pukang.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Shaheizy Sam, SAngah Raja Lawak, Epy Raja Lawak, Njuremy Ramli, Mon Ryanti, NurLiana Rafiai, Zul Suphian, Man Raja Lawak.

**\*HOORE ! HOORE !**

Tarikh Tayangan - 24 Mei 2012

Bagi memperingati penghibur no.1 Asia ini, Astro Shaw Sdn Bhd (ASHW) dengan kerjasama Real Film Sdn Bhd menghasilkan sebuah filem muzikal dengan menggunakan lagu-lagu Allahyarham yang mana pertama kali diterbitkan di Malaysia.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd (ASHW) dengan kerjasama Real Film Sdn Bhd

Pengarah : Mohammad Aliyar, Miza Mohamad

Pelakon : Tomok, Faezah, Jayson, Asyikin Kamal.

**\* AKU ADA KAU ADA**

Tarikh Tayangan - 24 Mei 2012

Ia mengisahkan Nordin Ahmad (lakonan Shaheizy Sam) dan Kartina Dahari (lakonan Yana Samsudin) yang saling membenci sejak dari kecil lagi. Tina bertukar kolej disebabkan masalah beliau yang tidak dapat mengawal kemarahan dan bertemu Nordin setelah sekian lama. Salah seorang rakan sekelas mereka iaitu Aziz (lakonan Kamal Adli) pula telah jatuh cinta dengan Tina dan berusaha untuk memikatnya. Tina dan Nordin saling mengenakan satu sama lain. Aziz yang tidak puas hati kerana Nordin mendapat perhatian gadis di kolej juga berusaha

untuk mengenakan Nordin dan mendapatkan Tina.

Penerbit : Pensil Pictures

Pengarah : Laila Rahila

Pelakon : Shaheizy Sam, Yana Samsudin, Kamal Adli, Angah Raja Lawak.

### \* GERIMIS MENGUNDANG

Tarikh Tayangan - 31 Mei 2012



Zamani seorang juruterbang yang berkhidmat di Sabah Air, Kota Kinabalu telah bertemu dengan seorang gadis berasal dari Jakarta, Mikha, yang juga anak kepada Pak Harjo, Wakil Kedutaan Besar Republik Indonesia. Pertemuan di antara Mikha dan Zamani, telah membabitkan rasa kasih sayang, apabila Pak Harjo telah tewas dalam kecelakaan ketika dalam perjalanan untuk lawatan kerja di Tamparuli, Sabah. Dengan kekosongan hati Mikha, dia akhirnya menerima Zamani sebagai pengganti kekosongan itu. Namun, ia tidak lama apabila Doni, tunangan Mikha sejak kecil, telah bertemu

mereka di Kota Kinabalu. Pertemuan itu telah menyebabkan Zamani patah hati.

Penerbit : Excellent Pictures/Erama Creative Sdn Bhd/Wana B Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Kamal Adli, Olivia Lubis Jensen.

### \* MAN SEWEL DATANG KL

Tarikh Tayangan - 31 Mei 2012



Osman/Man, pemuda yang berperwatakan gila-gila datang ke Kuala Lumpur dan tinggal bersama rakan sekampungnya, Salim. Salim banyak mempengaruhi Man tentang kehidupan di ibu kota. Menerusi Salim juga, Man berkenalan dengan Nadia, seorang bekas model. Man tenggelam dalam jerat cinta Nadia, segala kemauan Nadia diturutkan dan dia sanggup berhabis wang ringgit memenuhi kehidupan Nadia yang serba mewah itu. Walau bagaimanapun Man akhirnya menyedari sesuatu yang tidak kena apabila Nadia meminta wang sebanyak RM250,000 untuk dijadikan modal perniagaan.

Penerbit :

Pengarah : Rahman Adam

Pelakon : Shuib Sepah, Zally Hussain, Julia Ziegler, Rosnah Mat Aris.



### \* X

Tarikh Tayangan - 07 Jun 2012

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ahmad Rusli Khadri (Ollynn)

Pelakon : Pierre Andre, Diana Amir, Intan Ladyana, Nuremynadia Ramli, Siti Chubby.



### \* JALAN KEMBALI BOHSIA 2

Tarikh Tayangan - 07 Jun 2012

Amy, bekas bohsia telah bertaubat untuk tidak mengulangi sejarah "hitam" dengan menjejakkan kakinya ke sebuah pusat pemulihan. Akan tetapi, keputusannya meninggalkan pusat pemulihan adalah peluang keemasan untuk Keting mememesongkan Amy ke jalan hitam. Walau bagaimanapun, dengan pertolongan rakan Amy, Muz Ejan dan Tasha perlu mencari jalan untuk memusnahkan segala hasrat Keting yang ingin merosakkan lebih ramai lagi gadis – gadis yang lemah

pegangan agamanya.

Penerbit : Skop Productions Sdn. Bhd

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Salina Saibi, Nabila Huda, Syamsul Yusof, Soffi Jikan, Zizan Raja Lawak, Hetty Sarlene, Harun Salim Bachik



### \* JIWA TAIKO

Tarikh Tayangan - 14 Jun 2012

Firman yang baru keluar daripada penjara ditangkap kerana melakukan jenayah. Firman dibawa ke sebuah rumah yang dinamakan Wiracinta. Di dalam rumah ini terdapat beberapa penghuni. Mereka adalah kawan yang sangat rapat dan selalu menjalani latihan silat bersama-sama. Perhubungan mereka menjadi semakin rapat seperti adik beradik dan muncul lagi seorang rakan yang bernama Trisya. Trisya adalah seorang gadis kota yang sangat cantik. Firman mula jatuh hati kepada Trisya

dan tanpa disedari, Lara terdahulu menaruh hati kepada Firman daripada Trisya. Lara kecewa selepas Firman memberitahu kepadanya tentang dia telah melauhkan perasaan cintanya kepada Trisya dan Trisya menerima.

Penerbit : Nuansa Sdn Bhd

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Remy Ishak, Bront Palarae, Nadiyatul Nissa, Diana Danielle.



### \* HANYA AKU CINTA KAU SEORANG

Tarikh Tayangan - 21 Jun 2012

Murni yang sedang dalam kembara mencari ‘soulmate’. dipaksa oleh kawan baiknya, Mukhlis dan Stacy untuk mencari teman lelaki di dalam sebuah laman sesawang ‘Meet Soulmate’. Walaupun Murni tidak mempercayai lelaki yang dikenali di dalam internet, namun kerana paksaan dia menurut. Murni sebenarnya menyukai Mukhlis, sahabat sehidup sematinya tetapi kecewa kerana dia menyangka Mukhlis homoseksual yang sedang bercinta dengan Ayim. Dengan galakan dari Mukhlis dan

Stacy, Murni akhirnya menemui seorang lelaki bernama Iqwal.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ahmad Rusli Bin Mohamed Khadri (Ollynn)

Pelakon : Aeril Zafrel, Nuremynadia Ramli, Fezrul Khan, Mon Ryanti, Liza Abdullah



### \* MAEL LAMBONG

Tarikh Tayangan - 21 Jun 2012

Mael Lambung (Zizan Razak) seorang penarik kereta yang cukup dikenali di Kuala Lumpur. Hidupnya mula berubah dan menjadi kelam kabut apabila bertemu dengan Maria (Juliana Evans) yang meminta pertolongan untuk menyelamatkan diri daripada penjahat. Pelarian mereka membawa Mael dan Maria ke Terengganu yang juga kampung halaman Mael. Rupa-rupanya Mael lama meninggalkan negeri kelahirannya ini kerana membawa diri. Di kampung, Mael kembali bertemu dengan Rozie (Shenthy Feliziana), bekas kekasihnya yang kini bergelar

tunangan kepada Tiger (Taiyudin Bakar). Penjahat memburu Maria kerana mahukan mikrocip yang mengandungi maklumat tender projek kerajaan itu akhirnya dapat menjelaki mereka di Terengganu.

Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Zizan Razak, Juliana Evans, Taiyuddin Bakar, Shenthy Feliziana.

**\* BAIK GILER**

Tarikh Tayangan - 28 Jun 2012

Ia mengisahkan Afik (Zizan Razak) yang mengalami tekanan perasaan selepas adik angkatnya, Amy (Farhanna Qismina) meninggal dunia dalam kemalangan. Afik yang masih trauma dimasukkan ke hospital selepas dikatakan cuba mencederakan rakan sepejabatnya, Kimi (Awie), namun dibenarkan pulang selepas disahkan dirinya sekadar mengalami tekanan. Dia cuba melupakan segala kejadian, selain menjalin hubungan dengan gadis bernama Suraya (Farawahida).

Penerbit : Layar Dimensi Sdn Bhd



Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Zizan Razak, Awie, Farawahida, Justin Choo, Esma Daniel, Justin Choo, Sharifah Sahirah, Abon, Kenchana Dewi.

**\*AKU, KAU & DIA**

Tarikh Tayangan - 28 Jun 2012

Mia kehilangan tunangnya Ilhan dalam kemalangan jalanraya. Untuk mengubat kerinduan pada arwah tunangnya, Mia mencipta sebuah lagu yang didedikasikan untuk Ilhan. Kemudiannya, Mia pula mengalami kemalangan dan koma selama 2 minggu. Mia kehilangan lagu yang diciptanya untuk Ilhan dalam kemalangan itu. Pulih dari koma, Mia cuba mendapatkan ingatannya kembali kepada nota lagu yang diciptakan untuk Ilhan. Dia gagal berbuat demikian. Mia kembali ke tempat di mana dia mengalami kemalangan dengan harapan dia dapat mengingati kembali nota lagu tersebut.

Penerbit :

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Remy Ishak, Sharifah Zarinatasha, Pekin, Marisa Yasmin, Harun Salim Bachik, Pierre Andre.

**\* 8 JAM**

Tarikh - 8 Julai 2012

Alang, membesar di sebuah lorong yang penuh dengan keganasan dan jenayah. Zaman kanak-kanak Alang dirampas daripadanya apabila ibunya mati dibunuh seorang Ah Long semasa mereka cuba melarikan diri daripada kawasan jahanam tersebut. Alang yang tidak mempunyai saudara mara yang lain telah dihantar ke rumah anak-anak yatim. Alang menghadapai kesukaran untuk bergaul dengan rakan-rakan sebayanya yang lain oleh kerana cara kehidupannya yang dulu namun muncul Julia, yang tidak putus-putus cuba untuk berkawan dengannya. Keikhlasan Julia menyebabkan mereka menjadi kawan baik sehingga mereka meningkat umur belasan tahun. Hubungan persahabatan mereka lama kelamaan bercambah menjadi cinta.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Shaheizy Sam, Yana Samsudin, Fimie Don, Erynne Eryonna, Lydiawati, Eizlan Yusof, Aziz Singah.



### \* MOMOK JANGAN CARI PASAL

Tarikh Tayangan - 12 Julai 2012



Ia berkisarkan perjalanan krew produksi yang sedang membuat pengambaran filem Momok Jangan Cari Pasal. Ada beberapa kejadian mistik yang berlaku secara tidak sengaja. Sejak dari hari pertama pengembaran lagi krew produksi sering mengalami kejadian aneh dan diganggu oleh Momok.

Penerbit : Galaksi Seni Sdn Bhd

Pengarah : M.Jamil

Pelakon : M.Jamil, Sheril Aida, Wan Raja, Myza Aryqa, P.

Prem Anand Pillai, Ruminah Sidek.



### \* HANTU GANGSTER

Tarikh Tayangan - 09 Ogos 2012

Di sebuah bandar kecil di Klang, Te Sai (Namee) mencuri cincin semasa majlis peringatan gangster, tidak tahu bahawa ia adalah berhantu. Cincin itu menjadi tuan rumah hantu tiga bekas pemimpin geng yang mula menghantui Te Sai kerana dia membawa cincin mereka. Te Sai tidak lama kemudian mendapati bahawa ketiga-tiga mereka dibunuh oleh pengkhianat kumpulan. Berpandukan hantu, Te Sai kini perlu melakukan apa yang boleh untuk menyatukan kumpulan-

kumpulan dan mengelakkan tragedi yang boleh menyebabkan kematian ramai yang tidak bersalah.

Penerbit : Fred Chong, Ong Hung Heng, Tedy Tow

Pengarah : Namee

Pelakon : Namee, Farid Kamil, Diana Danielle, Jalaluddin Hassan, David Arumugam, Reshma, Amber Chia.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Tee Jing Chen.

### \* SAYA AMAT MENCINTAIMU (SAM)

Tarikh Tayangan - 19 Ogos 2012

Sam (Shaheizy Sam), seorang lelaki biasa yang mahu menjalani kehidupan normal dan bahagia bersama insan tersayang, iaitu kekasih dan bakal isterinya, Lisa (Lisa Surihani). Malangnya Lisa mempunyai ramai peminat termasuk seorang lelaki psiko bernama Haikal (Azad Jazmin). Lelaki psiko, Haikal amat mencintai Lisa dan sanggup berbuat apa saja untuk memiliki Lisa. Akibatnya, Lisa sering diganggu oleh Haikal dan timbulnya konflik pergaduhan antara Sam dan Haikal.

Penerbit : Skop Productions Sdn. Bhd

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Shaheizy Sam, Lisa Surihani, Syamsul Yusof, Azad Jasmin, Neelofa.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Pengarah Harapan Terbaik - Syafiq Yusof.



### \* SERAM SEJUK

Tarikh Tayangan - 19 Ogos 2012

Saiful menyimpan perasaan terhadap seorang rakan setugasnya bernama Ros. Saiful mula merasa cemburu apabila majikannya Che Wan juga turut menaruh minat terhadap gadis itu. Kisah-kisah ganjil bermula apabila disatu ketika Saiful menjumpai sebuah kalung yang menyimpan seribu misteri. Ros telah menolak pemberian Saiful yang cuba menghadiahkan kalung tersebut kepada beliau. Bermula dari peristiwa itu menyebabkan Ros mula dirasuk oleh kuasa dari kalung itu dan pekerja-pekerja

dipejabat itu mula diganggu oleh kuasa jahat yang terdapat pada kalung tersebut.

Penerbit : Metrowealth Pictures

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon: Angah Raja Lawak, Zul Handyblack, Wawa Zainal, Eddy Afro, Fyza Kadir.

### \* LEFTWINGS



Tarikh Tayangan - 30 Ogos 2012

Ia mengisahkan tentang empat anak muda (Ray, Dino, Rizal, Shah) yang menu buhkan sebuah band indie dengan menjadikan band rock WINGS sebagai idola mereka. Mereka bercita-cita ingin memperjuangkan jalur muzik Rock dan juga cuba mencipta nama di dalam industri mainstream. Mereka juga memasang impian ingin menjadi pelapis kepada band pujaan mereka, WINGS dengan menamakan band mereka sebagai LEFTWINGS, iaitu band ‘sayap kiri’ kepada WINGS.

Penerbit : Bagus Tiasa Sdn Bhd

Pengarah : Faisal Chal Ahmad

Pelakon : Aweera, Zouladeq, Wan Zamie, Paly Rockstars.

### \* 29 FEBRUARI



Tarikh Tayangan -30 Ogos 2012

Filem ini mengisahkan Budi yang dilahirkan pada tahun lompat, 29 Februari 1896 dan hanya dimakan usia empat tahun sekali. Fizikalnya yang kelihatan terbantut menyebabkan masyarakat menganggap kecacatan dialaminya sebagai sumpahan. Ia sebenarnya anugerah buat Budi yang melalui era transformasi Tanah Melayu kepada Malaya dan seterusnya Malaysia. Kisah percintaan Budi dan Lily (Jojo Goh) melalui pelbagai cabaran serta dihalangi keluarga kerana perbezaan agama dan bangsa.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Edry Abdul Halim

Pelakon : Remy Ishak, Jojo Goh, Izzue Islam, Fizz Fairuz, Dian P. Ramlee.

### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Pereka Kostum/Busana Terbaik - Hasnan Yaacob

Pelakon Harapan Lelaki Terbaik - Izzue Islam

Pelakon Harapan Wanita Terbaik - Jojo Goh

### \* SALAM CINTA

Tarikh Tayangan - 06 September 2012



Amirul, seorang pelakon yang menerima tawaran memegang watak lelaki yang kuat pegangan agama. Oleh kerana dibesarkan dalam suasana moden, dia ke sebuah kampung untuk bertemu seorang imam untuk mengetahui cara hidupnya. Di kampung itu Amirul bertemu Laila dan jatuh cinta dengannya selepas melihat kelembutan, sikap rendah diri dan berbudi pekerti kepada keluarganya. Walaupun 'playboy', Amirul mula berubah sikap untuk memenangi hati Laila.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Kamal Adli, Diana Amir, Razak Ahmad.

### \* HANTU AIR

Tarikh Tayangan - 06 September 2012



Hantu Air mengisahkan kerana kecuaian, botol berisi semangat jahat terjatuh ke dalam tasik sebuah resort. Selepas itu, berlaku beberapa aktiviti paranormal di resort yang diurus Mawar. Lebih teruk, beberapa penghuni resort mempunyai latar belakang hitam sendiri. Fauzi yang baru kehilangan anak dan isteri bertemu Mawar dan mula berkawan rapat. Manakala Ramli dan Ros yang menginap di situ bersama anak mereka kecewa dengan pengurusan resort. Dua rakan baik, Jennifer dan Alicia pula berada di situ kerana sukaan aktiviti lasak yang disediakan.

Penerbit : Datuk Steven Lim

Pengarah : Murali Abdullah

Pelakon : Saiful Apek, Hairi Safwan, Nisha Dir.

### \* HALIM MUNAN

Tarikh Tayangan - 13 September 2012



Halim bin Munan (Fizo Omar) seringkali dibuli oleh rakan-rakannya kerana sifat yang lurus dan nama yang dianggap pelik. Malah Halim sendiri turut menganggap dirinya tidak dapat dilihat dan berangan menjadi halimunan. Satu hari, Halim difitnah oleh orang kampung kerana mengintai Suriyati (Fiza). Untuk membersihkan namanya, Halim sanggup bertemu seorang bomoh bagi merealisasikan hajatnya. Halim muncul di depan rumah Wak Mali sebagai 'halimunan' selepas mencuri kain kafan di sebuah kubur berhampiran. Belum pun sempat Halim datang menyerahkan separuh kain kafan seperti diminta Wak Mali sebagai syarat 'minta ilmu', dia sudah pun bertukar menjadi halimunan.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Fizo Omar, Zul Handyblack, Intan Ladyana.

### \* KEPONG GANGSTER

Tarikh Tayangan - 13 September 2012



Lima lelaki muda yang bersahabat baik sering dibuli dan mereka menyertai geng samseng. Kemudian mereka menghadapi realiti kehidupan samseng dengan masalah kewangan, dadah, kuasa dan sebagainya, yang akhirnya memecahkan belahan persahabatan mereka.

Penerbit :

Pengarah: Teng Bee

Pelakon: Melvin Sia, Henley Hii, Hero Tai, Rayz Lim, Billy Ng.

\*



### **UNTUK TIGA HARI**

Tarikh Tayangan - 20 September 2012

Dua pasang kekasih terpaksa berkahwin atas desakan dan pilihan orang tua. Pasangan ini memutuskan untuk bercerai selepas tiga hari mereka mendirikan rumah tangga. Dalam tempoh tiga hari mereka meluangkan masa bersama, mereka mula sedar bahawa itulah jodoh yang terbaik buat mereka seperti mana yang ditentukan oleh Allah SWT.

Penerbit : Astro Shaw & Tarantella Pictures.

Pengarah : Afidlin Shauki

Pelakon : Vaneda Imran, Rashidi Ishak, Ayu Raudah, Dira Abu Zahar, Afidlin Shauk.



### **\* AJI NOH MOTOR**

Tarikh Siaran - 20 September 2012

Aji (Alex Yanz) sangat prihatin dan sanggup melakukan apa sahaja demi adiknya, Noh (Zalif Sidek). Semuanya bermula apabila pada hari lahir Noh yang meminta permintaan yang sukar untuk ditunaikan oleh Aji. Noh berhajat menunaikan ibadah haji kerana sudah bersedia untuk mengerjakan tuntutan oleh agama. Aji yang sememangnya tidak mampu menghantar adik kesayangannya itu cuba mengumpul duit meskipun ada di antaranya menyalahi undang-undang dan menyimpang dengan

ajaran agama Islam.

Penerbit : Metrowealth Pictures

Pengarah : Mohd Razif Rashid

Pelakon : Alex Yanz, Zalif Sidek, Wawa Zainal, dan Epy Raja Lawak.



### **\* HANTU KAPCAI**

Tarikh Tayangan - 27 September 2012

Ajib, mat rempit yang terdesak melunaskan hutang dengan along, terpaksa berlumba dengan musuh ketatnya, Tiger. Demi memenangi wang pertaruhan, Tiger mensabotaj perlumbaan itu hingga berlaku kemalangan ngeri yang mengorbankan nyawa Ajib. Roh Ajib yang terperangkap di antara alam nyata dan ghaib, terkejut melihat jenazahnya di tengah ruang tamu rumah dan dikelilingi keluarga serta jiran tetangga. Dia hanya boleh berkomunikasi dengan Ibrahim, calon Imam Muda di kampungnya. Dalam usaha membantu Ajib, Ibrahim terpaksa mencari jalan meyakinkan keluarga Ajib, malah dalam masa sama, membantu menyelesaikan perkara yang belum sempat disempurnakan mat rempit itu.

Penerbit : KRU Studios Sdn. Bhd.

Pengarah : Ghaz Abu Bakar

Pelakon : Zizan Razak, Fizz Fairuz, Remy Ishak, Hairul Azreen, Izzue Islam, Neelofa.



**\* IF IT'S NOT NOW, THEN WHEN? / 2012**

\* Mee tinggal bersama ibunya Mrs.Tan berstatus janda sejak ayahnya meninggal dunia beberapa tahun yang lalu. Meng anak bongsu dan satu-satunya dalam keluarga tinggal di luar sendirian, sementara kakak sulung Mun sudah berkahwin dan mempunyai keluarga sendiri. Entah bagaimana pemergian ayah mereka meninggalkan suasana pelik dalam keluarga kerana Mrs.Tan meneruskan hubungan sulit dengan kekasihnya, yang tidak diketahui oleh keluarganya.

Penerbit : Da Huang Pictures

Pengarah : James Lee

Pelakon : Pearly Chua, Tan Bee Hung, Kenny Gan, Gan Hui Yee, Foo Fei Ling, Mohan Ramana.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Cinemalina International Film Festival, 2012 - Manila, Filipina

Grand Jury Price - Da Huang Pictures.



**\* SOFAZR THE MOVIE JIWA KACAU**

Tarikh Tayangan - 27 September 2012

Kumpulan Sofazr - terlalu sibuk dengan pertunjukan pentas sehingga mereka mengadu kepada pengurus mereka bahawa mereka kepenatan. Pengurusnya membeli ubat tradisional dari Pak Mastur (Hamdan Senario) dengan harapan dapat mengubati keletihan mereka. Malangnya setelah mereka meminum ubat itu mereka hilang ingatan serta mengganggu ketenteraman awam dan mengakibatkan mereka di hantar ke Pusat Pemulihan yang diberi nama "Pusat Pemulihan Jiwa Kacau".

Penerbit : Nusanbakti Corporation Sdn. Bhd. & Skop Production

Pengarah : Isma & Tauke Jambu

Pelakon : Ameer Sofazr, Zimi Sofazr, Fairuz Sofazr, Syah Sofazr, One Sofazr, Rody Sofazr.

**\* TAIKUN**


04 Oktober 2012

Ia mengisahkan dua sahabat baik dikenali sebagai Tai (Angah) dan Kun (Along) yang mempunyai masalah dengan pihak berkuasa. Sifat mereka suka bergaduh dan mencuri menyebabkan mereka bertembung dengan ahli-ahli Geng Ros Hitam dan Tedung. Disebabkan Tai dan Kun membelasah kedua-dua ahli geng dengan teruk, ketua Geng Pink dan ketua Geng Purple, merasa tertarik dengan kehebatan mereka dan mengajak Tai dan Kun untuk menyertai geng mereka. Sikap Tai dan Kun yang tamak menyebabkan mereka menerima pelawaan dua-dua geng tanpa pengetahuan ketua geng masing-masing.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail Bob Hasim

Pelakon : Angah Raja Lawak, Along Raja Lawak, Alex Yanz, Zul Suphian, Adey Syafrien.



### \* NGORAT

Tarikh Tayangan - 04 Oktober 2012

Ijam adalah seorang jejaka solo yang kurang bernesib baik dalam mencari pasangan sehingga dia bertemu dengan seorang guru cinta yang menjanjikannya boleh bertemu jodoh dalam 30 hari. Tapi apabila petua-petua yang diberi tidak menunjukkan hasil, malah membahayakan persahabatan Ijoе dengan teman baiknya, Kira. Ijam harus mencari kekuatan untuk memilih sama ada untuk terus mendengar petua si guru cinta atau persahabatannya dengan Kira akan putus buat selamanya.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Prof. Madya A.Razak Mohaideen

Pelakon : Iedil Putra, Aaron Aziz, Erra Fazira, Nas-T, Zain Hamid.



### \* AKU TERIMA NIKAHNYA

Tarikh Tayangan -11 Oktober 2012

Ia mengisahkan perjalanan cinta tragis antara Johan dan Arlisa. Selepas diijabkabulkan, mereka menjalani kehidupan yang begitu bahagia kerana masing-masing dipertemukan atas dasar cinta yang mendalam. Johan terabit dalam kemalangan hingga menyebabkannya mengalami Selective Amnesia (lupa ingatan) selepas kepalanya terhantuk kuat. Apabila sedar daripada koma, Johan hanya ingat kisah hidupnya hingga tarikh sambutan majlis hari jadinya yang ke-31 yang ketika itu dia belum lagi bertemu isterinya, Arlisa. Kesannya, Johan tidak mengenali Arlisa dan bermulalah konflik antara mereka.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Ady Putra, Nora Danish, Dian P.Ramlee, Alex Yanz, Azizah Mahzan, Ahmad Tarmimi Siregar, Mon Ryanti, Kamal Faridz.



### \* PE3

Tarikh Tayangan - 18 Oktober 2012

PE3 mengisahkan tentang kumpulan rompakan berprofil tinggi yang diketuai oleh Megat. Aktiviti rompakan kumpulan ini turut dibantu oleh orang kanan Megat iaitu Fumi, Siva, Chat dan Jerry. Kesemua mereka ini mempunyai kepakaran dan keistimewaan masing-masing. Megat sentiasa menyusun dan merancang aktiviti rompakan yang memberi pulangan tinggi kepadanya. Antara aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan Megat adalah merompak kereta mewah, merompak bahan-bahan yang

berkaitan dengan alatan komputer, wang tunai dan sebagainya. Namun begitu, rancangan rompakan yang ingin mereka lakukan akhirnya dapat dihidiu oleh pihak berkuasa.

Penerbit : Metrowealth Pictures

Pengarah : Farid Kamil

Pelakon : Farid Kamil, Kamal Adli, Diana Amir.

**\* CINTA BERUANG**

Tarikh Tayangan - 11 Oktober 2012

Nasib dua orang pekerja Zoo Negara, Nabu lakonan Nabil serta rakannya berada di hujung tanduk selepas beruang jagaan mereka terlepas. Bagi menyelamatkan keadaan, Nabu rela memakai kostum beruang bagi mengelakkan kes beruang terlepas itu diketahui pihak pengurusan zoo. Taktik Nabu menjadi. Tidak seorang pun pekerja zoo menyedari penyamarannya. Walau bagaimanapun, konflik berlaku apabila Nabu ditugaskan mencari beruang yang hilang, pada masa sama, dia terpaksa menyamar menjadi binatang itu.

Penerbit : Fantastic Villa Sdn Bhd



Pengarah : Ramanarayanan

Pelakon : Nabil Ahmad, Jue Aziz, Tauke Jambu, Ropie Cecupak, Sathiya, Angeline Tan.

**\* VAJRAM /2012**

"Vajram" sebuah filem superhero yang meneroka penghidupan kumpulan golongan remaja yang cuba melepaskan diri daripada anasir Gangsterism.

Penerbit : Genius Parade

Pengarah : M.Subash Abdullah

Pelakon : Surenthar, Yasmin Khaniff, Aalagu, Jegan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-25 - Putrajaya

Anugerah Khas Juri - Penyertaan Filem Berbahasa Tamil.

**\* BISIKAN SYAITAN**

Tarikh Tayangan - 25 Oktober 2012

Sebuah pasangan iaitu Soraya (Nabila Suhaimi Fan Club) dan Kamil (Fizz Fairuz) membuat perjanjian berdarah dengan kuasa kejahanan demi mendapatkan kesenangan hidup. Mereka kemudian hidup dengan serba mewah hasil daripada perjanjian itu. Segalanya bertukar menjadi porak peranda apabila Soraya ditahan oleh pihak polis atas tuduhan membunuh. Rahsia perjanjian pasangan Kamil dan Soraya ini mula terbongkar sedikit demi sedikit apabila keluarga Kamil mula diganggu makhluk-

makhluk ghaib.

Penerbit : Primeworks Studio

Pengarah : Faizul A.Rashid

Pelakon : Fizz Fairuz, Nabila Huda, Wan Sharmila, Azam Pitt.

**\* APA CELOP TOQQ**

Tarikh Tayangan - 25 Oktober 2012

Hazama seorang anak muda yang mempunyai impian untuk menjadi penyanyi. Dia bekerja di bengkel membaiki motorsikal, sering bersama menghadapi karenah Tapai yang berhutang dengan samseng, Black, yang sering menganggu mereka, sehingga terbabit dalam pergaduhan. Kehidupan Hazama berubah apabila bertemu dengan Pak Samad, seorang lelaki yang hidup keseorangan. Mengenangkan persahabatan di antara mereka berdua, Hazama menurut kehendaknya. Hazama merakamkan lagu, atas sokongan Tapai, Juita dan Afiq. Tanpa disangka, lagu

Hazama mendapat sambutan cukup luar biasa, namun di sebalik kejayaan itu, terdapat kisah sedihnya.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Hazama Azmi, Intan Ladyana, Fendi Raja Lawak





#### \* ZAITON CERITAKU

Tarikh Tayangan - 01 November 2012

Zaiton terbabit dalam kemalangan ngeri yang mengorbankan nyawa anaknya Irwan. Malah kariernya sebagai penyanyi turut musnah kerana peristiwa itu. Filem Zaiton Ceritaku adalah olahan daripada kisah benar Zaiton Sameon. Tiada tempat untuk bergantung kecuali ibunya yang tidak jemu menjaga dan mengharapkan beliau bangkit kembali. Namun, sudah jatuh ditimpa tangga, ibu pergi buat selama-lamanya. Zaiton hidup terkontang-kanting, saudara-mara pergi entah ke mana. Beliau

dipertemukan dengan Rahim, seorang insan yang ingin menjaga Zaiton kerana belas ehsannya.

Penerbit : Haji Burhanuddin

Pengarah : Esma Daniel

Pelakon : Nadia Aqilah, Shahronizam Noor, Karl Shafeek, Wan Maimunah, Norlia Ghani, Arash Mohamad.

#### \* BUDAK PAILANG

Tarikh Tayangan - 01 November 2012



Badrul merupakan seorang samseng, jahat, dan suka membuli. Mangsa yang paling suka dikenakan ialah Rodi. Namun, Rodi yang sudah tidak tahan dibuli mengupah geng Budak Nakal untuk memukul Badrul dan kawan-kawannya. Geng Budak Nakal terserempak dengan Badrul yang sedang mengorat She dan mula membela Badrul. Badrul cedera teruk kerana cuba melindungi She. Bermula daripada kejadian itu, She dan Badrul mula menjalankan hubungan cinta. Dek kerana sudah tidak tahan hidup dalam kemiskinan, Badrul mula membabitkan diri dalam dunia

dadah dan menjadi anak buah kepada Alex, seorang pengedar dadah terkenal.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Aeril Zafrel, Wawa Zainal, Nizam, Zalif Sidek, Epy Raja Lawak.

#### \* ISTANBUL AKU DATANG

Tarikh Tayangan - 08 November 2012.



Dian (Lisa Surihani) sanggup terbang ke Istanbul untuk berada dekat kepada kekasih hatinya, Farouk (Tomok) yang juga pelajar jurusan kedoktoran di universiti di sana. Dalam diam, niat Dian mengimpikan sebuah kebahagiaan dan keputusan yang akan mengundang seribu senyuman kepadanya, kononnya Farouk akan nampak kesungguhannya dan mengambil keputusan untuk berkahwin dengannya. Dian terpaksa merentasi sebuah pengalaman berbeza yang akhirnya menemukannya pula dengan

Harris (Beto Kusyairy). Pertemuan mereka yang awalnya memberikan ketegangan dan konflik akhirnya memberikan satu keserasian.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Bernard Chauly

Pelakon : Lisa Surihani, Beto Kusyairy, Tomok, Aizat Amdan.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Pelakon Wanita Terbaik - Lisa Surihani

Lagu Tema Terbaik - Tomok/Lagu : Aku Datang

Anugerah : 1<sup>st</sup> ASEAN International Film Festival & Award 2013

### \* AJIBOY



Tarikh Tayangan - 08 November 2012

Ajiboy seorang kanak-kanak genius dan petah bercakap diamanahkan oleh ayahnya En Fauzan untuk menjaga dan menguruskan Taman Tema Air Melaka buat sementara waktu. Oleh kerana dirinya masih kecil, kemampuannya di ragui oleh Along dan Bob. Along dan Bob merupakan Ketua Penyelia di Taman Tema itu yang sentiasa mengambil kesempatan atas jawatan mereka. Kehadiran Ajiboy dalam menggantikan En Fauzan dipandang remeh oleh mereka sehinggalah Ajiboy mengenakan tindakan terhadap mereka. Along dan Bob

diturunkan pangkat dan diarahkan melakukan kerja-kerja pembersihan di sekitar Taman Tema itu.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail Bob Hasim

Pelakon : Rykarl Iskandar, Zalif Sidek, Epy Raja Lawak, Angah Raja Lawak, Adibah Yunus.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Rykari Iskandar

### 8 WAR OF THE WORLDS : GOLIATH / 2012

Penerbit : Tripod Entertainment

Pengarah : Joe Pearson

Pelakon : Peter Wingfield, Adrian Paul, Tony Eusoff, Elizabeth Gracen, Jim Byrnes, Rob Middleton, Mark Sheppard, Mark Letscher, Adam Baldwin.

### \* Anugerah & Festival Filem

Los Angeles 3D Film Festival -2012, Los Angeles, USA

Filem Cerekaw Animasi 32 Terbaik (Best  
3D Animated Feature) -Tripod Entertainment



### \* PONTIANAK VS ORANG MINYAK

Tarikh Tayangan - 22 November 2012

Ia mengisahkan pergolakan hidup dua ekor hantu yang baru saja berkecimpung di dalam dunia kehantuan. Ponti merupakan seekor pontianak lelaki yang dibenci oleh pontianak-pontianak lain kerana sepatutnya semua pontianak datang dari golongan wanita. Omi pula seekor orang minyak lembut yang amat memeningkan kepala orang-orang minyak lain yang ditugaskan untuk menunjuk selok belok menjadi seekor orang minyak kepada beliau. Ujian terakhir mereka diantar untuk mencari mangsa di sebuah kampung yang dipanggil Kampung Puaka.

Penerbit : Vision Works (M) Sdn. Bhd

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Nabil Raja Lawak, Johan Raja Lawak, Afdlin Shauki.



### \* LAGENDA BUDAK SETAN 2



Tarikh Tayangan - 29 November 2012

6 bulan berlalu, selepas kematian Ayu, Kasyah masih bermurung atas kehilangan isteri tersayang, Ayu. Melalui Athirah, segala kasih sayang dicurahkan. Katerina juga semakin pulih kekuatannya untuk berdepan semula dengan Kasyah. Ketabahan dan ketenangan Kasyah masih menyerlahkan senyuman dibibirnya meskipun kehilangan orang tersayang, benar2 buat Katerina mengaguminya. Kemesraan mula terjalin semula antara keduanya. Mereka sering keluar bersama di mana Kate sentiasa berada di sampingnya hingga membabitkan rasa cinta. Katerina mula memperkenalkan Kasyah kepada kedua orang tuanya.

Penerbit : Sharad Sharan, Renu Sharan, Ary.

Pengarah : Sharad Sharan

Pelakon : Farid Kamil, Maya Karin, Lisa Surihani, Siti Khatijah, Bront Palaree, Sheila Mamboo, Azri Iskandar.

### \* SEPAH THE MOVIE



Tarikh Tayangan - 29 November 2012

Tiga lelaki bujang yang berkerja di kilang elektronik berhampiran pekan kampung mereka obses dengan motor cross. Sepah yang berkawan rapat serta mempunyai hobi yang sama sejak kecil, terpaksa menghadapi peristiwa yang melahirkan konflik persahabatan mereka sejak kemunculan seorang gadis cantik bernama Ayu Sofea yang bertugas di Bahagian Kawalan Kualiti di kilang elektronik tempat mereka berkerja.

Penerbit : PTV Film Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Rosli

Pelakon : Jep Sepah, Shuib Sepah, Mamat Sepah, Anjalna Nasir.

### \* STRAWBERI CINTA



Tarikh Tayangan - 06 Disember 2012

Seorang pelancong Jepun, Ichigo yang melawat Malaysia bersama rombongan pelancong senegaranya melalui sebuah pakej pelancongan Strawberry Vanilla Travel & Tours dan bertemu dengan Hakimi seorang pemandu pelancong. Apabila berada di Malaysia dia berasa tertarik dengan kepelbagaiannya budaya serta agama penduduk Malaysia dan berasa kagum dengan keharmonian yang dikecapi Malaysia selama ini. Pada masa yang sama Ichigo mengupah penyiasat untuk mencari ibu kandungnya.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Ahmad Rusli Bin Mohamed Khadri (Ollynn)

Pelakon : Pierre Andre, Yana Samsudin, Diana Amir, Siti Aziz, Along Eyzendy, Fiffy Natasya.

### \* AWAN DANIA THE MOVIE

Tarikh Tayangan - 13 Disember 2012



Filem ini bermula dengan pencarian krew kabin terbaik. Senarai 12 krew kabin terpilih diumumkan untuk bersaing merebut gelaran 'terbaik', termasuk Dania dan Tania. Tania pernah menggondol anugerah itu, dan beliau juga begitu popular di kalangan krew kabin dan penumpang. Dania mengetahui Tania mempergunakan Remy, seorang juruterbang untuk memenangi anugerah itu. Dania mula membuat perancangan untuk memberitahu tentang niat jahat Tania kepada Remy. Remy pernah menyukai Dania satu ketika dahulu tetapi ditolak oleh Dania kerana Dania memilih kariernya sebagai pramugari.


Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd

Pengarah : Rashid Sibir

Pelakon : Scha Al-Yahya, Elly Mazlein, Rusdi Ramli, Jehan Miskin, Ruminah Sidek.

### \* ADIK MANJA RETURNS

Tarikh Tayangan - 20 Disember 2012



Ia menceritakan tentang kenakalan pelajar-pelajar perempuan di Kolej Professional Skill. Pengetua Sofea (Rozita Che Wan) pening kepala memikirkan kenakalan pelajarnya terutamanya Kumpulan Bib yang dianggotai oleh Bib (Faezah Elai), Tam (Jihan Raja Lawak), Mala (Geetha), Mei (Adelin Tsen) & Ayu (Fida) serta Kumpulan Su yang dianggotai oleh Su (Juliana Evans) dan rakan-rakannya. Untuk menangani masalah itu akhirnya pihak kolej menawarkan semula khidmat seorang pensyarah lelaki iaitu Cikgu Azmi (Dharma) supaya dapat

mengajar dan menggunakan formulanya bagi menginsafkan semula pelajar nakal tersebut.

Penerbit : Adik Manja Sdn. Bhd

Pengarah : Dharma Harun

Pelakon : Dharma, Faezah Elai, Juliana Evans, Rozita Che Wan.

### \* KAHWIN 5

Tarikh Tayangan - 27 Dis 2012



Seorang usahawan manguk plastik yang berjaya, Dr K sudah memenuhi kuota 4 isteri dari 4 negeri berbeza. Kehidupan mereka aman bahagia sehingga suatu hari, Dr K dipengaruhi Rahim, pemandu dan pembantu peribadinya untuk berkahwin seorang lagi. Dr K mula terbabit dalam skandal bersama Farra yang juga adik kepada ketua gangster, Cico. Dr K dipaksa memilih untuk ceraikan isterinya untuk berkahwin dengan Farra atau kehilangan nyawa.

Penerbit : Showbiz Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Nizam Zakaria

Pelakon : Shy8, Dian P. Ramlee, Adrea Abdullah, Norish Karman, Fizz Fairuz, Shoffi Jikan.

**\* MINYAK DAGU**

Tarikh Tayangan - 27 Dis 2012

Azman berdendam dengan bekas tunangnya Emelda kerana kembali kepada bekas kekasihnya, Johan. Azman termakan kata-kata rakan pejabatnya lalu mengesyaki Johan memang telah menggunakan minyak dagu bagi merampas Emelda daripadanya. Keadaan Emelda berubah bila dinikahkan dengan Johan. Emelda seperti dirasuk sesuatu dan perkara itu merunsingkan kedua ibu bapa Emelda.

Penerbit : Showbiz Productions Sdn. Bhd.



Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Fezrul Khan, Yana Samsudin, Fizo Omar.

**2013****\*PAPER MOON / 2013**

Seorang pembuat layang-layang dalam keadaan sukar dan serbasalah ketika bertembung dengan seorang pelancong yang mengingatkannya kembali memori lama terputus cinta bersama kekasihnya.

Penerbit : Astro Shaw, Double Vision & Passion Entertainment  
Pengarah : Stanley Law

Pelakon : Lam Ka Tung, Chrissie Chow, Tedd Chan, Rynn Lim, Ernest Chong, Kelvin Leong, Gadrick Chin.

**Anugerah & Festival Filem**

Los Angeles Movie Awards 2013, LA, USA

Anugerah Kecemerlangan Pembikinan (Award of Excellence)

Pelakon Wanita Terbaik - Chrissie Chau

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Gordon Lam

Lakon Layar Terbaik - Rebecca Leow.

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Filem Cereka Bukan Bahasa Melayu Terbaik

Anugerah Khas Juri -Mengangkat Elemen Budaya Tempatan.

**\* JUVANA**

Tarikh Tayangan : 24 Jan 2013

Cerita bermula selepas kejadian rusuhan pelajar di Sekolah Wira Bakti, dimana kerja-kerja pembersihan dilakukan pihak berkuasa. Pelajar-pelajar yang tinggal di sekolah itu di hantar ke sekolah baru, di mana mereka akan meneruskan sesi penahanan mereka di sekolah baru. Apek, Ayam, Kicap, Panjang dan Komeng dihantar menaiki lori polis ke sekolah yang ditetapkan, iaitu Sekolah Indera Sakti. Turut disertakan sekali, Botak, pelajar yang dituduh mencetuskan huru-hara di Sekolah Wira Bakti. Pada masa yang sama, Daim, pelajar yang dibebaskan, meneruskan pembelajarannya di sekolah yang baru.

Penerbit : Juita Viden Sdn Bhd, Filmscape Sdn. Bhd.

Pengarah : Faisal Ishak

Pelakon : Zahirlil Addim, Johan As'ari, Syazwan Zulkfili, Sharnaaz Ahmad, Syafie

Naswip, Adlin Aman Ramli, Shera Ayob.



**\* WAWA SEMPUT**

Tarikh Tayangan : 31 Jan 2013

Wawa yang kecewa dengan sikap Bobby yang kembali merempit mengambil keputusan untuk pulang ke kampung halamannya. Ismat cuba memenangi hati Wawa dan mengikut Wawa pulang ke kampung. Ismat dan Bobby pula kena bersaing untuk memikat hati Wawa dan juga bapa Wawa. Segala konflik mula ditambah dengan kemunculan Ayuni yang dilakonkan oleh Adibah Yunus telah jatuh cinta terhadap Ismat.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Yana Samsudin, Angah Raja Lawak, Along Cham, Adibah Yunus.

**\* HANTU KAK LIMAH 2 - HUSIN, MON DAN JIN  
PAKAI TONCIT**

Tarikh Tayangan : 07 Feb 2013

Beberapa tahun selepas kejadian "Hantu Kak Limah" Husin bangkrap akibat ditipu skim cepat kaya kembali semula ke Kampung Pisang. Di Kampung Pisang, Husin menemui kembali kawan-kawan lamanya dan juga Mon, wanita yang mula-mula mengisi taman hatinya semasa Kampung Pisang di landa Zombi. Namun beberapa hari selepas itu Kampung Pisang dilanda sesuatu perkara yang aneh. Sejarah misteri seratus tahun dulu berulang kembali. Kejadian kehilangan lelaki-lelaki teruna di Kampung Pisang kembali menghantui.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.  
Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Awie, Usop Wilcha, Rashidi Ishak, Afdlin Shauki.  
**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang  
Filem Box Office.

**\* KERAT 14**

Tarikh Tayangan : 14 Feb 2013

Haziq amat menyayangi Nurzara dan sanggup membuat apa sahaja untuk menggembirakan Nurzara. Namun Haziq terbabit dengan aktiviti sosial dan tidak disenangi oleh Nurzara. Ketika membawa Nurzara meraikan hari lahir di sebuah kelab malam, tanpa disangka Nurzara menarik perhatian Aril sehingga Aril bertindak memalitkan minyak pengasih untuk mendekati Nurzara. Namun, satu tragedi ngeri yang tidak disengajakan berlaku dalam kisah cinta Haziq dan Nurzara dan perkara itu sampai ke peringkat penyiasatan yang dilakukan oleh ASP Razman.

Penerbit : Sri Saheb Production Sdn Bhd, White Merpati Entertainment Sdn. Bhd.  
Pengarah : Arjin Uppal  
Pelakon : Aaron Aziz, Siti Saleha, Fouziah Ghous.

### \* PADA SUATU CINTA DAHULU

Tarikh Tayangan : 21 Feb 2013



Zainal agak tertekan dengan alam perkahwinan di mana ia tidak seperti yang diharapkan. Sewaktu mengikuti sesi kaunseling, ia membuatkan dia mengingati kembali tentang memori silamnya. Pada 18 tahun yang lalu, ketika di alam persekolahan, Zainal terkenal dengan kenakalannya bersama dengan rakan baiknya sewaktu berada di tingkatan 4. Sewaktu itu Zainal mempunyai seorang kekasih yang bernama Nora yang lurus bendul membuatkan Zainal mula bosan. Dalam masa yang sama Nora menghabiskan masa dengan lelaki lain. Ini menyebabkan Zainal bertindak di luar kawalan sehingga dia digantung sekolah.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Intan Ladyana, Nizam Zaidi, Wawa Zainal, Zalif Sidek.

### \* GANGSTER CELOP

Tarikh Tayangan : 21 Feb 2013



Ia mengisahkan mengenai dua orang bekas gangster iaitu Aman dan Adam yang baru selesai menjalani hukuman penjara selama lima tahun. Mereka bertekad untuk berubah dan menjadi insan yang lebih baik. Walau bagaimanapun, sebaik bebas, mereka dikehendaki menjaga Suzana iaitu anak perempuan kepada Mat Jambu, seorang ketua gangster yang pernah melindungi mereka dahulu. Suzana baru pulang dari luar negara untuk memulakan perniagaan di Malaysia. Disebabkan tugas itu, semua menjadi huru-hara dan secara tidak langsung mereka terbabit dalam konflik tercusus antara Mat Jambu dan musuhnya, Man Cirit yang merupakan musuh tradisi untuk sekian lama.

Penerbit : Skop Production, Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Syamsul Yusof, Kamal Adli, Hanis Zalikha, Yus Raja Lawak.

### \* ROCK OO - RIMBA BARA KEMBALI

Tarikh Tayangan : 28 Feb 2013



Amy Mat Piah yang memegang kepada prinsip ‘pantang anak petani moden mengaku kalah’ berhajat untuk menyatukan kembali kumpulan yang pernah menjadi kegilaan ramai, Rimba Bara dan dia berjaya memujuk Jijo, Slash Haji Tapah dan Mi Black. Pelbagai rintangan yang harus dihadapi mereka apabila mereka mengambil langkah besar untuk ke kotaraya Kuala Lumpur demi memartabatkan kembali kumpulan Rimba Bara.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Que Haidar, Khir Rahman, Soffi Jikan, Pekin Ibrahim.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Cerita Asal Terbaik : Mamat Khalid

### \* CERITA KITA



Tarikh Tayangan : 07 Mac 2013

Ia mengisahkan Ika dan Kamal yang sudah bersahabat baik sejak 3 tahun lalu. Kamal memendam perasaan terhadap Ika, Ika pula yakin bahawa dia hanya menyayangi Kamal sebagai kawan dan ingin Kamal mengubah hidupnya. Kamal mengambil keputusan yang mungkin membahayakan nyawanya demi menggembirakan Ika dan tekad untuk mengubah hidupnya. Kehadiran Abu, rakan serumah Kamal sedikit sebanyak mendorong Kamal untuk meluahkan perasaan kepada Ika. Namun Malik pula menggugat keadaan apabila beliau jatuh cinta pada Ika dan melamarnya.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Yana Samsudin, Pekin Ibrahim, Fezrul Khan.

### \* LAWAK KE DER 2

Tarikh Tayangan : 07 March 2013

Sebuah persembahan pentas berkonsepkan komedi, "Lawak Ke Der 2" menampilkan barisan pelawak terkenal tempatan seperti Nabil, Boboi, Jozan dan Harith Iskander.

Penerbit : Tall Order Productions Sdn. Bhd

Pengarah : Hans Isaac

Pelakon : Zizan Razak, Johan, Afdlin Shauki, Harun Salim Bachik, Harith Iskandar, Nabil.

### \* GILA-GILA REMAJA 2

Tarikh Tayangan : 21 Mac 2013

Afiq ialah pemuda yang berasal dari keluarga berada dan berminat dalam perlumbaan motosikal dan tarian. Lisa pula ialah gadis yang berasal dari kampung dan seorang pendiam. Haikal-abang Lisa, seorang yang tegas dan sentiasa mengawal pergaulan Lisa. Di kolej, Afiq jatuh cinta pada Lisa, manakala Lisa pula salah sangka terhadap sikap Afiq kerana dia juga sangat rapat dengan Erna. Kris yang berminat pada Erna cemburu dengan pergaulan Erna dan Afiq yang membawa kepada permusuhan antara mereka berdua.

Penerbit : Lacsashea Productionsn Megamovie Sdn. Bhd

Pengarah : V. Nagaraj

Pelakon : Hairul Azreen, Faralyna Idris, Fizz Fairuz, Taiyuddin Bakar.

### \* BOLA KAMPUNG THE MOVIE

Tarikh Tayangan : 21 Mac 2013

Ia mengisahkan tentang Amanda, seorang puteri dunia permainan maya 'Kingdom Hill' dihantar ke Kampung Gong Lechar untuk mencari wira legenda, 'Suria Warrior' yang mampu menyelamatkan negaranya daripada perperangan. Setibanya di kampung itu, Puteri Amanda hilang ingatan dan wira Bola Kampung iaitu Iwan menyelamatkannya dan dari situ pelbagai peristiwa menarik berlaku.

Penerbit :

Pengarah :

Pelakon Suara : Aznil Nawawi, Afdlin Shauki, Noh Hujan, Aizat Amdan, Mamat Sepah, Douglas Lim, Deanna Yusoff.

**Trivia** - Filem yang mengambil masa dua tahun sebagai persediaan itu menggabungkan 100 pakar tempatan dalam dunia grafik, muzik, animasi, komposer dan pelakon suara bagi menjayakannya.



### \* SEMBUNYI: AMUKAN AZAZIL



Tarikh Tayangan : 28 March 2013

Aishah seorang gadis muda yang hidup di zaman penjajahan Jepun. Dalam percubaannya untuk melarikan diri daripada askar Jepun, Aishah dipukul sehingga pengsan dan setelah tersedar, mendapati dirinya berada di sebuah kampung yang sunyi. Dia diberikan perlindungan oleh orang kampung dan memulakan hidup barunya di sana. Tetapi, tidak lama selepas itu, Aishah mula menyedari bahawa kampung itu juga mempunyai rahsia tersendiri.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Remy Ishak, Diana Danielle, Umie Aida, Sharnaaz Ahmad.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik – Umie Aida.

### \* 2 KALIMAH



Tarikh Tayangan : 04 Apr 2013

Sepasang kekasih, Aiman dan Selena, gadis kacukan Melayu-Inggeris pulang ke kampung halaman Aiman. Sepanjang perjalanan, mereka berdua menghadapi tiga kematian daripada orang berlainan dan melihat azab diberi Tuhan secara tunai kepada si mati yang mana ketika hidup, si mati pernah mengamalkan ilmu sihir, berzina dan tidak menghormati orang tua. Selena yang melihat kejadian berkenaan berasa takut dan tahu itu adalah petanda Allah yang menyuruh mereka bertaubat.

Malah, Selena berharap Aiman yang dipandang tinggi ilmu agamanya akan membawanya kembali ke jalan Allah. Namun mereka semakin terpesong akidahnya.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Shaheizy Sam, Nora Danish, Yana Samsudin, Wan Hanafi Su.

### \* LANGGAR



Tarikh Tayangan : 11 April 2013

Nizam (Adi Putra) ingin menuntut keadilan selepas isterinya, Aina dirogol dan dibunuh sekumpulan gangster. Lebih malang, isterinya dibunuh ketika sarat mengandung anak sulung mereka. Ketika itu, Nizam terselamat dan meratap kematian isterinya yang mati tidak bersalah. Justeru, Nizam tekad mencari pembunuhan isterinya untuk menegakkan keadilan itu. Nizam diperkenalkan kepada ketua gangster, Radzi oleh teman lamanya, Khairul. Selepas diuji orang kanan Radzi, Loy Nizam layak menyertainya dan menjadi pengutip hutang. Selepas mengetahui nama isteri dan bapa mertuanya berada dalam senarai yang tidak membayar hutang,

Nizam yakin dia memilih jalan yang betul untuk membala dendam.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Sein Ruffedge

Pelakon : Ady Putra, Hans Isaac, Nam Ron, Khir Rahman.

### \* KECOH! HANTU RAYA TOK CHAI

Tarikh Tayangan : 18 Apr 2013

Di sebuah kampung kecil, tinggal Tok Chai yang merendah diri dan membela seekor Hantu Raya. Hantu Raya itu memberi Tok Chai hidup yang senang tetapi semua benda yang baik harus berakhir. Cerita bermula apabila Tok Chai meninggal dunia, yang merisaukan Hantu Raya tersebut kerana pengebumian Tok Chai bererti pengakhirannya. Oleh itu, Hantu Raya cuba menghentikan penduduk kampung dari mengebumikan Tok Chai.

Penerbit : 3Line Media Sdn. Bhd.

Pengarah : Opie Zami

Pelakon : Saiful Apek, Intan Ladyana, Sathiya, Azrul Cham, Amir Raja Lawak.

### \* MENCARI CINTA

Tarikh Tayangan : 25 Apr 2013

Cerita ini berkisarkan pada Myra Tan Sri Johan yang pada mulanya hendak melangsungkan perkahwinan dengan Malek pemuda pilihannya, tetapi disaat akhir Malek membatalkan niatnya kerana dia mempunyai teman wanita lain. Segala persiapan telah tersedia, malah kad jemputan telah diedarkan ini membingungkan Tan Sri Johan dan Puan Sri Mahani.

Penerbit : Armnet Integrated Sdn. Bhd.

Pengarah : Shirin Hj Khuzaimi

Pelakon : Riezman Khuzaimi, Nora Danish, Rusdi Ramli.

### \* 99 KALI RINDU

Tarikh Tayangan : 09 May 2013



Ia menceritakan kisah lelaki bernama Attar yang baru kematian isterinya, Saidatul Nafisa. Selepas kehilangan isterinya, Attar turut berhijrah untuk menghilangkan kesedihan ditanggungnya. Namun, dalam penghijrahannya dia bertemu dua wanita - Fatin Qalbie dan Zazlena. Pertemuan di antara Attar dan Zazlena berlaku ketika Zazlena memandu kereta dengan laju dan melanggar Attar. Rasa bersalah Zazlena menyebabkan Attar dirawat di rumahnya sehingga sembuh. Fatin Qalbie, seorang DJ radio pula diserang orang yang tidak berpuas hati dengannya. Namun, Fatin Qalbie berasas baik kerana Attar menyelamatkannya. Sejak pertemuan itu timbul bibit rindu Fatin Qalbie terhadap Attar.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : David Teo

Pelakon : Aeril Zafrel, Wawa Zainal.

### \* OH MAK KAU (OMK)

Tarikh Tayangan : 16 May 2013



Sam (Jep Sepahtu) dan Mun (Shuib Sepahtu) bekerja bersama ibu mereka, Mama San (Wan Maimunah) sebagai peniaga ayam di pasar. Tabiat Sam dan Mun yang suka mencuri mendatangkan masalah dalam hidup mereka. Setiap kali mencuri, adik beradik ini akan menyamar bermacam-macam gaya dan lucunya mereka pasti mengemas tempat tersebut selepas mencuri. Kenakalan dan sikap negatif Sam dan Mun membuatkan Mama San sering memarahi mereka.

Penerbit : Star Scope Production Sdn Bhd

Pengarah : Nurul Ain

Pelakon : Shuib Sepahtu, Jep Sepahtu, Nurul Ain Nordin, Syamsul Yusof, Didie Alias.



#### \* BIKERS KENTAL

Tarikh Tayangan : 23 May 2013

Bidin Al Zaifa cukup meminati motosikal berkuasa tinggi. Meskipun tidak berkemampuan, Bidin berangan-angan memilikinya dan menjelajah ke negara jiran. Impian Bidin untuk menyertai geng motosikal yang diketuai Eddie (Awie) menjadi kenyataan apabila dia terjumpa sebuah beg berisi wang yang banyak. Dengan duit itu dia membeli motosikal Aprilia RSV4 Factory dan menawarkan diri untuk berkonvoi ke Krabi bersama geng Eddie. Sepanjang kembara itu Bidin berdepan dengan pelbagai insiden dan konflik.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd & Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Helmi Yusof

Pelakon : Zizan Razak, Awie, Zul Ariffin, Bront Palarae, Amerul Affend, Harun Salim Bachik.

#### \* KIL



Tarikh Tayangan : 30 May 2013

Ia mengisahkan mengenai Akil (Redza Minhat), seorang lelaki muda yang mempunyai kecenderungan untuk membunuh diri. Selepas beberapa percubaan membunuh diri yang gagal, Akil mengupah sebuah agensi pembunuhan, Life Action Bureau (LAB) untuk membantu dirinya membunuh diri. Ketika tarikh kematiannya semakin dekat, dia jatuh cinta dengan seorang gadis yang dia temui, Zara (Cristina Suzanne). Selepas itu, dia mula mempunyai fikiran yang was-was untuk mati.

Penerbit : Flux Visual Lab Sdn. Bhd.

Pengarah : Nik Amir Mustapha

Pelakon : Redza Minhat, Cristina Suzanne Stockstill.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26, 2014 - RTM Senawang

Filem Terbaik - Grand Brilliance Sdn. Bhd & Flux Visual Lab

Pengarah Terbaik - Nik Amir Mustapha

Lakon Layar Terbaik - Nik Amir Mustapha

Pelakon Harapan Wanita Terbaik - Cristina Suzanne

Poster Terbaik.



#### \* BRO, NAMPAK MOTOR GUA?

Tarikh Tayangan : 30 May 2013

Filem ini mengisahkan Epol yang mencari motornya yang hilang dicuri dua perompak. Epol bertemu Azura yang beg tangannya diragut perompak yang sama. Dalam beg tangan itu tersimpan dokumen penting kepunyaan ahli perniagaan kaya, Tan Sri Bakhir. Tan Sri Bakhir menawarkan ganjaran RM50,000 sekiranya Epol berjaya mendapatkan dokumen dalam bentuk thumb drive itu dan menyerahkannya kepada bank.


Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Razif Rashid

Pelakon : Along Cham, Along Eyzendy.

**\* LARI**

Tarikh Tayangan : 06 Jun 2013



LARI mengisahkan perjalanan hidup Khalif (Aaron Aziz) yang bercinta dengan Maya (Dira) tetapi terpaksa meninggalkan hasratnya untuk terus menyunting gadis pilihannya apabila menerima tantangan daripada keluarga selepas dia mengambil keputusan untuk menjadi askar. Maya pula dikahwinkan dengan KJ lakonan Ery Putra. Selepas tujuh tahun berpisah dan tidak pernah bersua muka, akhirnya Khalif pulang ke kampung selepas mendapat berita mengenai kematian ayahnya. Bukan sahaja kehilangan ayah, malah Khalif juga terkejut apabila mendapat

tahu yang adiknya (Erin) pula hilang.


Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Aaron Aziz, Dira, Adi Putra, Erin Malek, Hazama.

**\* PECAH**

Tarikh Tayangan : 13 Jun 2013



Filem ini mengisahkan tentang Tony yang memegang watak sebagai Herman, seorang peguam yang membala dendam terhadap lelaki yang menjalankan hubungan sulit bersama isterinya .

Penerbit : Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah :

Pelakon : Tony Eusoff, Sofi Jikan, Izreen Azminda.

**\* TOKAK**

Tarikh Tayangan : 20 Jun 2013

Tokak mengisahkan seorang pengurus hotel, Iskandar yang menemui kotak misteri ketika berjogging di tepi pantai. Perasaan ingin tahu apa yang terkandung di dalam kotak menyebabkan dia membuka kotak misteri itu. Rupa-rupanya kotak itu 'dihuni' roh jahat jelmaan Sungai Raya. Bagi memulihkan dirinya daripada dirasuk, Iskandar perlu membunuh dan menghirup darah enam wanita yang melakukan maksiat dalam tempoh satu malam, iaitu bermula dari azan Maghrib hingga sebelum Subuh. Insiden itu menyebabkan beberapa kejadian pelik berlaku di hotel tempat Iskandar bekerja.

Penerbit : MIG Production Sdn Bhd

Pengarah : Sabree Fadzil

Pelakon : Mikail Andre, Diana Johor.

**\*1 LAWAN SATU**

Tarikh Tayangan : 27 Jun 2013

Filem bergenrekan aksi/lasak ganas ini menceritakan dua orang jejaka iaitu Saleh dan Radhi di mana mereka adalah dua orang berlatar belakang yang berbeza. Mereka kemudiannya di pertemukan di sebuah perlawanan iaitu Malaysian Super Fighter 2012. Dari situ bermulanya cerita di samping saleh yang dilahirkan dalam keluarga yang berketurunan mempertahankan diri menyelamatkan adiknya Saleha yang hilang. Radhi pula berlawan bertujuan untuk menyelamatkan adiknya yang sakit tenat.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Mikail Andre, Fyza Kadir, Azlan Komeng, Along Eyzendy, Puteri Balqis.

### \* MISTERI BISIKAN PONTIANAK

Tarikh Tayangan : 25 Julai 2013

Filem ini menyentuh kebebasan hak asasi manusia dan diselitkan elemen seram. Geena adalah seorang lelaki yang mempunyai naluri dan jiwa seorang perempuan. Dia cuba menukar jantina namun mendapat tentangan masyarakat.

Penerbit : Genius Parade Sdn. Bhd.

Pengarah : M. Subash Abdullah

Pelakon : Ruminah Sidek, Mislini Mustaffa.



### \* ADNAN SEMPIT 3

Tarikh Tayangan : 08 Ogos 2013

Adnan dan Nadia serta Bobby dan Wawa sudah pun melangsungkan perkahwinan. Adnan juga sudah mula berjinakin-jinak dengan perniagaan bapa mertuanya. Nadia dan Wawa juga didapati mengandung dan pelbagai konflik yang muncul dalam melayari alam rumah tangga mereka. Meskipun Adnan dan Bobby pernah terbabit dengan aktiviti merempit sebelum ini, namun perkahwinan itu mengubah cara hidup mereka menjadi manusia yang bertanggungjawab. Walaupun sikit, jiwa mat rempit tetap tidak mampu dibuang sepenuhnya oleh mereka berdua.



Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Shaheizy Sam, Intan Ladyana, Along Cham, Yana Samsudin.

### \* LEMAK KAMPUNG SANTAN

Tarikh Tayangan : 8 Ogos 2013

Ridzuan jatuh cinta dengan seorang gadis kampung yang ayu dan lembut bicaranya, Tiqa lakonan bintang muda, Neelofa. Namun, percintaan mereka tidaklah semudah yang disangkakan. Ridzuan seorang arkitek di syarikat pembinaan tersohor manakala Tiqa pula hanya penjual nasi lemak di Kampung Santan. Mereka pertama kali bertemu di Kampung Santan dan kedua-duanya cepat mesra antara satu sama lain. Tanpa pengetahuan Tiqa, Ridzuan adalah ketua untuk mengendalikan projek membina resort di Kampung Santan dan sekali gus

menuntut penduduk di situ berpindah.

Penerbit : Tall Order Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Hans Isaac

Pelakon : Hans Isaac, Neelofa, Harun Salim Bachik, Awie



### \* PAKU PONTIANAK

Tarikh Tayangan : 22 Ogos 2013

Seorang pemuda kampung bernama Adam (Pekin Ibrahim) telah terlanggar seorang gadis Melati (Uqasha) ketika pulang dari tempat kerjanya pada waktu malam. Adam kemudiannya telah membawa pulang Melati yang tidak sedarkan diri ke rumahnya. Usaha mencari keluarga Melati tidak berjaya apabila Melati tidak mengingati apa-apa langsung dan menyebabkan Adam sentiasa melindungi Melati. Pada masa sama hal itu telah menimbulkan rasa tidak senang hati Seri (Hidayah Samsudin) yang sudah lama meminati Adam, dan ini telah menimbulkan konflik.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Pekin Ibrahim, Hidayah Samsudin, Uqasha Senrose.

### \* KL ZOMBI



Tarikh Tayangan : 29 Ogos 2013

KL Zombi mengisahkan lima sekawan yang mempunyai impian dan cita-cita hidup yang tersendiri. Namun, segalanya menjadi porak peranda apabila sejenis wabak berbahaya yang menukarkan manusia menjadi Zombi merebak di sekitar Kuala Lumpur. Watak utamanya, Nipis yang dimainkan oleh Zizan Raja Lawak terpaksa bertarung nyawa demi menyelamatkan dirinya sendiri serta rakan-rakannya yang lain daripada dijangkiti wabak tersebut.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah : Woo Ming Jin

Pelakon : Zizan Raja Lawak, Siti Saleha, Izara Aishah.

### \* TANDA PUTERA



Tarikh Tayangan : 29 Ogos 2013

Ia mengisahkan tentang persahabatan akrab di antara Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak (lakonan Rusdi Ramli) dan Timbalannya, Tun Dr. Ismail (lakonan Zizan Nin) yang terpaksa berahsia serta mengetepikan masalah kesihatan yang dihadapi masing-masing bagi memulihkan keadaan negara ekoran daripada tercetusnya peristiwa hitam 13 Mei 1969. Tun Abdul Razak terpaksa menyimpan rahsia tentang penyakit leukemia yang dihidapinya kerana tidak mahu keluarganya tertekan. Mereka berdua juga berkongsi doktor melalui Dr. Macpherson (lakonan Ali Steven Shorthose). Bilik bacaan di rumah Tun Dr. Ismail dijadikan klinik rahsia untuk rawatan mereka tanpa pengetahuan sesiapa termasuk kaum keluarga Tun Dr. Ismail sendiri.

Penerbit : Pesona Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Shuhaimi Baba

Pelakon : Rusdi Ramli, Zizan Nin, Faezah Elai, Linda Hashim.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26, 2014 - RTM Senawang

Pelakon Lelaki Terbaik - Rusdi Ramli

Skor Muzik Asal Terbaik - Sharon Paul

Pereka Kostum/Busana Terbaik - Hasnan Yaacob/Fadzilah Abdullah

Kesan Khas Terbaik - Pesona Pictures

Anugerah Khas Juri - Filem Ini Mengangkat Elemen Kenegaraan & Patriotisme.

### \* PSIKO PENCURI HATI



Tarikh Tayangan : 5 September 2013

Seorang novelis, O.Sidi (Bront Palarae) menggemari subjek thriller dalam setiap karyanya. Akibat terlambau obses, jiwanya menjadi kacau dan dia mengambil masa yang lama untuk menyiapkan novel terbaru berjudul ‘Mangsa’. Dalam pada Sidi menyiapkan novel itu secara kebetulan ibu kota digemparkan dengan insiden pembunuhan bersiri yang sangat kejam di mana pembunuhan tersebut merobek dan mengambil hati setiap mangsa.

Penerbit : Filmmeca Studio Sdn. Bhd.

Pengarah : Nam Ron

Pelakon : Bront Palarae, Sharifah Amani, Sein Ruffedge,

Amerul Affendi.

### \* VIKINGDOM

Tarikh Tayangan : 12 September 2013



Thor harus dihapuskan dan hanya seorang wira yang memiliki kuasa kebal yang boleh melawannya iaitu Eirick dari Jomberg. Eirick ialah seorang pemburu yang biasa dengan hidupan liar dan alam sekitar. Berita tentang serangan Thor disampaikan oleh Frey kepada Eirick untuk menghalang Thor daripada berjumpa dengan Horns of Odin dari Gate of Souls. Frey juga meminta Eirick mengetuai angkatan tentera Jomsberg Viking untuk menentang Thor yang bersekutu dengan Trondelag Kings.

Penerbit : KRU Studios

Pengarah : Yusry Abdul Halim

Pelakon : Dominic Purcell, Craig Fairbrass, Natassia Malthe.

### \* LAGENDA BUDAK HOSTEL

Tarikh Tayangan : 12 September 2013



Haikal Putra adalah seorang pelajar tingkatan enam dan senior di sebuah hostel sekolah berasrama penuh. Mereka digeruni oleh pelajar-pelajar lain kerana sikap mereka yang suka membuli namun aktiviti nakal mereka tidak pernah dikesan oleh warden asrama iaitu Cikgu Rahim. Namun sikap mereka mula berubah ke arah kebaikan apabila seorang pelajar baru, Jaszle Isaac a.k.a Kicap menasihatkan mereka supaya menunjukkan kehebatan dengan cara yang betul.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Bob Hashim

Pelakon : Along Cham, Along Eyzendy, Nora Danish.

### \* DAMPAK



Tarikh Tayangan : 19 September 2013

Seorang bekas ahli kongsi gelap yang masa silamnya cukup misteria mengerakan misi membala dendam terhadap musuh bapa angkat mereka, seorang bekas ahli kongsi gelap yang masa silamnya cukup misteri. Semuanya bermula apabila Afran (Michael) hilang dan mendesak Idrus (Aaron) bersama adik-beradik lain termasuklah juga Giran (Farid) mencarinya di samping turut merungkai rahsia sejarah bapa angkat mereka Tok Long (Wan Hanafi). Sebaik menjumpai Afran, mereka meneruskan misi mencari siapa punca kepada kecacatan serta parut di wajah Tok Long. Mereka tidak menyedari bahawa

sebenarnya misi itu bakal membahayakan diri sendiri malah turut berhadapan dengan bahana sehingga memecah-belahkan hubungan mereka kelak.

Penerbit : Ops Picture Sdn. Bhd.

Pengarah : Lai Yok Lung

Pelakon : Aaron Aziz, Farid Kamil, Michael Chin, Intan Ladyana, Juliana Evans, Scha Al Yahya.

### \* BENCINTA



Tarikh Tayangan : 26 September 2013

Fathia (Nora Danish), seorang gadis cantik yang bertugas dengan Liya (Uqasha Senrose) dan Amin (Zalif Sidek) di sebuah kafe milik Jane (Angeline Tan). Ketika mereka bertiga bekerja sebagai chef di kafe itu, Fathia bertemu dengan Faizal (Farid Kamil) yang pada mulanya seorang pelanggan kafe. Perkenalan Faizal dan Fathia di kafe itu membawa rasa cinta di antara mereka, lalu menjalankan hubungan sebagai sepasang kekasih.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd., Metrowealth Movies Production

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Farid Kamil, Nora Danish, Uqasha Senrose, Zalif Sidek, Fezrul Khan, Qi Razali.

### \* KL GANGSTER 2

Tarikh Tayangan : 03 Oktober 2013

Tailong (Rosyam Nor) yang giat menjalankan kegiatan-kegiatan haram adalah antara gangster terbesar di KL. Segala tindak tanduknya tidak disenangi oleh gangster-gangster lain namun terpaksa akur dengan kekuatan Tailong. Pada masa yang sama, King (Ridzuan Hashim) dan Shark (Syamsul Yusof) merancang untuk memperkuuhkan kedudukan bagi menjatuhkan Tailong dan meminta pertolongan dari rakan baiknya iaitu Malek dengan menawarkan ganjaran yang besar.

Penerbit : Skop Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Aaron Aziz, Syamsul Yusof, Ady Putra, Zizan Razak, Soffi Jikan, Rosyam Nor.

### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik – Rosyam Nor

Penyunting Terbaik – Syamsul Yusof/Hisyam Jupri

Penataan Bunyi Terbaik - Syamsul Yusof/Hisyam Jupri.

### \* LONGKAI

Tarikh Tayangan : 10 October 2013

Eddie (Niezam Zaidi) dan Bada (Faizal Hussien) adalah adik-beradik dan bekerja sebagai Longkai (Pemandu Trak Tunda). Mereka berdua akan menghantar kenderaan yang ditarik ke bengkel Rima (Dira Abu Zahar), seorang wanita berjiwa kental dan lasak. Dalam diam Rima menaruh hati pada Bada walaupun Bada tidak pernah tahu perasaan yang disimpan Rima terhadapnya. Mojo (Along Eyzendy) dan Bayam (Mikail Andre) adalah musuh kepada Eddie dan Bada sejak dulu akibat perebutan bisnes longkai mereka. Namun, adik perempuannya Suraya (Wawa Zainal) sengaja menempa bahaya kerana dia dan Eddie menjalin hubungan cinta dalam diam.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Faizal Hussein, Erra Fazira, Eddie, Wawa Zainal, Pierre Andre.



### \* BALADA PENCINTA

Tarikh Tayangan : 24 Oktober 2013

Bekas seorang kongsi gelap Amir (Johan Asari) ingin memulakan kehidupan baru dengan menjadi seorang pemuzik jalanan. Sementara itu Aisyah (Siti Saleha) pula adalah seorang yang amat meminati seni dan juga bangsawan. Kisah cinta mereka bertukar menjadi rumit apabila kedua ibu bapa Aisyah sudahpun merancangkan perkahwinan Aisyah bersama dengan Boy (Sein Ruffedge), seorang anak dari keluarga kaya dengan harapan ingin mengembangkan perniagaan kedua – dua keluarga mereka.

Penerbit : Primeworks Studios Sdn. Bhd.

Pengarah : Khir Rahman

Pelakon : Johan Asari, Siti Saleha, Iedil Putra, Miera Leyana.

### \* HIGHLAND TOWER

Tarikh Tayangan : 31 Oktober 2013



Mika dan Nizam – dua sahabat yang ingin membuat dokumentari pendek di sebuah tempat seram di bangunan bersejarah Highland Tower. Dengan bantuan produksi MIG, Mika dan Nizam berjaya mendapat dana untuk merealisasikan impian mereka. Pada malam pertama membuat liputan, pelbagai kejadian aneh berlaku sehingga ada yang mendengar bunyi yang sangat membingkitkan. Kamera lampu tiba-tiba terpadam.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Mikail Andre, Eddie, Nizam, Shima Anuar, Atikah.

### \* HELLO

Tarikh Tayangan : 31 Oktober 2013



Tiga jejaka - Ako, Aki, dan Awang adalah sahabat baik yang sering menjadi bualan penduduk kampung kerana gelagat dan keletah mereka yang melucukan. Mereka bekerja dengan Pak Man yang berasal dari Jawa. Suatu hari anak bongsu Pak Man pulang dari luar negara. Pak Man bersama isteri, Mak Jah dan anak sulong mereka Ani sangat gembira dengan berita itu dan meraikan kepulangan anak mereka secara besar-besaran. Ako, Aki, dan Awang yang sebenarnya amat meminati anak bongsu Pak Man itu ditugaskan untuk menjemput anaknya di lapangan terbang.

Penerbit : Nusanbakti Corporation Sdn. Bhd.

Pengarah : A.R.Badul

Pelakon : Tauke Jambu, Angah Raja Lawak, Along Cham, Fizo Omar.



### \* MALAM...PENUH BERMISTERI

Tarikh Tayangan : 07 November 2013

Lisa, seorang penuntut universiti yang kaya dan cantik, hilang menyebabkan ayahnya, Datuk Rahim yang juga seorang kenamaan risau. Inspektor Razlan, seorang pegawai yang rajin, bijak dan pantas di Jabatan Siasatan Jenayah ditugaskan untuk menyiasat kes itu. Pada masa sama, Lisa hairan apabila kepulangannya tidak diendahkan ahli keluarganya. Lisa juga mengalami beberapa peristiwa pelik yang membuatkan dia terfikir dan takut apa sebenarnya yang berlaku.

Penerbit : SK Movie Makers Sdn. Bhd.

Pengarah : Shasha Omar

Pelakon : Shasha Omar, Dato' Haji Rahim Razali, Azri Iskandar, Bell Ngasri.



### \* AKU PILIH KAMU

Tarikh Tayangan : 14 November 2013

Qesya (lakonan Intan Ladyana) bercinta dengan Iskandar (Fezrul Khan) selama lima tahun. Bapa Qesya, Imran (Azhan Rani) tidak mahu anaknya bersama Iskandar yang dianggapnya tidak bertanggung jawab dan tidak ada pendirian. Hidup Qesya berubah dengan kemunculan Alif dan Imran tekad mengahwinkan Qesya dan Alif kerana beranggapan itu yang terbaik buat anak perempuannya. Malangnya Qesya memberontak kerana terpaksa berkahwin dengan Alif yang tidak dikenali dan dicintainya.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Fezrul, Intan Ladyana.

### \* KISAH PALING GANGSTER

Tarikh Tayangan : 21 November 2013



Remy (Shaheizy Sam) bekerja sebagai seorang paramedik yang pendiam, pemalu dengan perempuan, dan sentiasa dibuli oleh rakan sekerjanya. Pada masa yang sama, seperti ramai pemuda lain, dia juga kesempitan wang. Sehinggalah hari Remy menyelamatkan nyawa seorang ketua kongsi gelap bernama Megat. Sebagai balasan, Megat menawarkan peluang kepada Remy untuk menganggotai kumpulannya, tetapi Remy menolak. Namun setelah diugut, Remy akhirnya terpaksa menurut. Kalau dulu Remy seorang pendiam kini dia bangkit semula sebagai seorang gangster - lantas terjerumus ke dalam sebuah dunia gelap, tanpa jalan keluar.

Penerbit : B&L Kreatif Sdn. Bhd.

Pengarah : Brando

Pelakon : Shaheizy Sam, Epy Raja Lawak, Mikail Andre, Wawa Zainal.

**\* HANTU TOK MUDIM**

Tarikh Tayangan : 21 November 2013



Borhan akhirnya mahu berdepan dengan fobia lampauanya bertemu Toq Mudim bersama Tok Penghulu Abohrudin untuk satu operasi rahsia demi cintanya terhadap Salmah. Malangnya, Lebai Kulup yang tidak berpuas hati dengan Borhan mencuri dengar rahsia Borhan dan merancang untuk sabotaj operasi malam itu. Malam dinantikan tiba, kehebatan Tok Mudim teruji dengan 'keliatan' luar biasa Borhan. Kegagalan operasi malam itu mengakibatkan Tok Mudim menjadi buruan penduduk Kampung Seri Menawan.

Penerbit : Showbiz Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Wan Hafiz

Pelakon : Harun Salim Bachik, Soffi Jikan, Izzue Islam, A.R. Badul, Adrea Abdullah.

**\* USTAZ, MU TUNGGU AKU DATANG**

Tarikh Tayangan : 28 November 2013



Dadu tinggal bersama Muiz yang turut bergantung kepada Dadu untuk hidup. Kedua-dua mereka tidak taat pada agama sehingga sepupu Dadu, Hamzah datang tinggal bersama. Hamzah kini adalah seorang yang taat pada agama dan sering pergi ke masjid untuk bersembahyang dan mendengar ceramah agama. Terkejut dengan perubahan pada diri Hamzah, Dadu dan Muiz berazam untuk mengubah diri mereka tetapi jalan untuk kembali jalan yang lurus bukanlah sesuatu yang mudah.

Penerbit : Metrowealth Movies Production Sdn. Bhd.

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Shahrol Shiro, Ajak Shiro, Ustaz Azhar Idrus.

**\*PENANGGAL**

Tarikh Tayangan : 28 November 2013

Genre : Ngeri



Murni (lakonan Ummi Nazeera) yang tidak sengaja mewarisi ilmu penanggal daripada Mak Ajeng (Normah Damanhuri) terpaksa melarikan diri ke Kampung Jawa untuk perlindungan. Di sana, dia didera oleh orang-orang kampung yang mendapat tahu dirinya adalah penanggal namun diselamatkan oleh Syed Yusof (Azri Iskandar) yang dalam perjalanan ke Kota Lama.

Penerbit : Astro Shaw Sdn. Bhd. & Primeworks Studios Sdn Bhd

Pengarah : Ellie Suriati

Pelakon : Azri Iskandar, Zul Arifin, Ummi Nazeera.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Sinematografi Terbaik : Raja Mukhriz

Penataan Seni Terbaik - Nazrul Asraff

Pengarah Harapan Terbaik - Ellie Suriaty

**\* ULAR**

Tarikh Tayangan : 5 Disember 2013



Seorang wartawan jenayah Myra (Lisa Surihani) yang digantung tugas telah diarahkan membuat liputan di sebuah pusat peranginan di sebuah pulau. Myra dan jurukameranya, Remy (Yusry) tidak pernah menyangka tugasannya kali ini bukanlah satu tugas biasa apabila percutian hebat yang dimenangi oleh 10 orang pemenang cabutan bertuah bertukar menjadi sebuah mimpi negeri yang tidak terduga. Segalanya bermula apabila ada di antara tetamu pusat peranginan itu dengan beraninya menyelinap masuk ke dalam hutan yang dipagari dengan pagar elektrik.

Penerbit : Showbiz Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Jason Chong

Pelakon : Lisa Surihani, Yusry Abdul Halim, Izzue Islam.



**\* KOLUMPO**

Tarikh Tayangan : 5 Disember 2013

Filem ini meneroka mengenai harapan dan impian warga kota Kuala Lumpur. Ia mengisahkan seorang imigran India yang baru sahaja tiba di KL untuk berkerja mendapati syarikat yang mengupahnya sudah jatuh bankrap. Dia kemudian diselamatkan oleh seorang tauke bos mamak dan memulakan hidup barunya sebagai seorang pendatang haram di KL.

Penerbit : Otto Films Sdn. Bhd.

Pengarah : Sheikh Munasar, Bront Palarae, Rozi Izma

Pelakon : Sharifah Amani, Azad Jasmin, Ruminah Sidek.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-26 - RTM Senawang

Anugerah Khas Juri : Memaparkan Isu-Isu Semasa Di Dalam File Tempatan.

**\* PAKU**

Tarikh Tayangan : 12 Disember 2013



Fahmi amat mencintai isterinya Riana dan dia tidak dapat menerima kenyataan Riana sudah meninggal dunia. Oleh kerana ketaksuban terhadap cintanya itu, dia sanggup mencari bomoh untuk menghidupkan semula Riana, mereka disatukan sehingga Riana melahirkan seorang anak. Selepas itu, Fahmi yang selama ini dikatakan malas bekerja dinaikkan pangkat dan mendapat hadiah daripada majikannya, namun pelbagai tragedi menimpa rakan pejabat yang cemburu padanya. Fahmi sedar segala yang diperoleh itu selepas dia hidup semula dengan Riana.

Penerbit : Nusantara Seni Karya Sdn. Bhd.

Pengarah : P.Ramesh

Pelakon : Aishah Ilias, Johan Asari, Azad Jasmin, Zaidi Omar.

**\* PAPADOM 2**

Tarikh Tayangan : 12 Disember 2013

Papadom II menyambung kisah dari filem Papadom di mana Saadom masih lagi sentiasa risau dan sangat penyayang kepada anaknya, Miasara. Berbeza kali ini apabila Miasara telahpun menamatkan pengajiannya di universiti dan Mia kini bekerja di salah sebuah syarikat produksi di Kuala Lumpur. Saadom pula masih mengusahakan restoran nasi kandarnya di Pulau Pinang.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn. Bhd.

Pengarah : Afdlin Shauki

Pelakon : Afdlin Shauki, Liyana Jasmay, Noorkhiriah, Vanida

Imran, Khir Rahman, Riezman Khuzaimi.

**\* LAKI-LAKI**

Tarikh Tayangan : 19 Disember 2013



Lima sahabat - Razak, Abu, Azman, Samad dan Jerry mempunyai latar belakang kehidupan yang berbeza namun apa yang mengaitkan mereka semua adalah satu masalah yang sama yang membawa mereka semua ke satu program istimewa. Menggabungkan kelima – lima kekecewaan mereka, mereka tekad menyertai satu program motivasi untuk membantu mereka berjaya kembali. Namun, satu strategi terjadi dan mereka semua terdampar di sebuah pulau terpencil. Bermula di sini, mereka berlima belajar menerima diri masing – masing dan mula sedar yang mereka saling memerlukan.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Ahmad Rusli

Pelakon : Angah Raja Lawak, Zul Handyblack, Adey Syafrien, Mie Raja Lawak, Azrel Ismai.

**\* CINDERELLA**

Tarikh Tayangan : 19 Disember 2013

Nurul, 22 tahun, tinggal bersama ibu tirinya, Ainon serta adik tirinya, Farah dan abang tirinya, Zamil. Di kampung, keluarga tiri Nurul melayan Nurul bagai orang gaji. Tiada langsung rasa belas kasihan. Mereka terpaksa membenarkan Sufiya tinggal di situ kerana menunjukkan kepada orang-orang kampung tentang kemuliaan hati mereka membela seorang gadis yatim piatu. Salman adalah anak kepada Datuk Mokhtar yang mempunyai syarikat pembinaan yang mendapat kontrak kerajaan. Salman adalah anak tunggal Datuk Mokhtar yang akan mewarisi syarikat tersebut.

Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Fizo Omar, Nelydia Senrose, Kamal Adli, Fauziah Nawi.

### \* CHIKARO



Tarikh Tayangan : 26 Disember 2013

Seorang gadis kampung yang berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan di sebuah pejabat bertemu dengan bekas mat rempit yang jatuh cinta pada pandangan pertama. Dia berusaha untuk menolong gadis itu menyesuaikan diri dengan gaya hidup bandar dan akhirnya gadis kampung itu juga jatuh cinta kepadanya. Walau bagaimanapun kerana sifatnya yang matang, ramai wanita mencmburuinya.

Penerbit : KRU Studios Sdn. Bhd.

Pengarah : Nizam Zakaria

Pelakon : Izzue Islam, Izara Aishah, Adleena Nordin.



### \* TOKAN

Tarikh Tayangan : 26 Disember 2013

Berita kematian Tuan Gan memerlukatkan semua tokan di Malaysia, termasuklah Tuan Kamil. Tuan Kamil, bapa kepada dua orang puteri iaitu Suri dan Wana, juga adalah seorang Tokan terbesar di Melaka. Terdapat 7 orang lagi Tokan lain di bawah kuasanya termasuklah Mat Lobe. Mat Lobe adalah antara Tokan yang masih muda dan paling muda di antara Tokan lain di Melaka. Mat Lobe adalah seorang yang kelakar dan suka bergurau. Suri, Wana, Yusof dan Solihin juga sering disakat dan

dikacau oleh Mat Lobe.

Penerbit : Pensil Pictures Sdn. Bhd. & MIG Pictures Sdn. Bhd.

Pengarah : Ghaz Abu Bakar

Pelakon : Johan As'a'ri, Zizan Razak, Pekin Ibrahim, Soffi Jikan, Wan Hanafi Su, Liyana Jasmay, Wanna Ali.

## 2014

### \* RUMAH SEWA RM50

Tarikh Tayangan : 02 Januari 2014

Lima remaja yang sedang mencari rumah sewa berjaya mendapatkannya dengan harga yang murah iaitu RM50 walaupun mengetahui rumah banglo itu sudah lama tidak berpenghuni. Setelah mereka menetap, bermulalah episod misteri apabila sorang demi sorang kawan mereka dirasuk dan diganggu makluk halus itu. Pelbagai peristiwa pelik dan seram berlaku.

Penerbit : Galaksi Seni Sdn. Bhd.

Pengarah : M.Jamil

Pelakon : M.Jamil, Dalimawati, Amirulshah Rozali, Raji Simran, Mayumi Kasuga, Yulina

### \* BALISTIK

Tarikh Tayangan : 9 Januari 2014

Saga (Rosyam Nor) suami kepada Salina (Rita Rudaini) bekerja sebagai pembunuhan upahan. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki, Rykarl (Rykarl Iskandar). Kegiatan aktif Saga dalam dunia kongsi gelap membuatkan kehidupannya berisiko tinggi dan sentiasa terdedah kepada bahaya. Gaya hidupnya memaksa Saga untuk mengambil keputusan berpisah dengan Salina. Namun, anaknya di bawa Bersama.

Penerbit : Suhan Movies & Trading Sdn. Bhd.

Pengarah : Silver Chung

Pelakon : Rosyam Nor, Adi Putra, Rita Rudaini.



### \* MUKA SURAT CINTA

Tarikh Tayangan : 16 Januari 2014



Perkahwinan Putra dan Luna sudah pun mencecah setahun. Namun hubungan mereka berdua begitu hambar. Putra sibuk mencari kembali minatnya dalam dunia penulisan, dengan membaca sebuah novel indie. Di dalam novel itu, dia terbaca sesuatu ayat yang menarik perhatiannya, yang tertulis pada muka surat 7 novel itu. Ayat tersebut membuatkan Putra ingin tahu siapa yang menulisnya. Setelah dia hampir tahu siapa yang menulis nota itu, dia tiba-tiba teringat akan Luna di rumah, walaupun setahun hubungan mereka penuh dengan kehambaran, namun kesetiaan Luna tak pernah terputus buat Putra.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Mikail Andre, Nina Iskandar, Azwan Kombos, Atikah Suhaime, Afiera Riana.

### \* QADR

Tarikh Tayangan : 16 Januari 2014

Ia mengisahkan mengenai enam watak utama yang bertemu selepas terbabit dalam kemalangan ngeri yang mengorbankan sebilangan nyawa dan bagaimana mereka melalui hari-hari selepas insiden terebut.

Penerbit : ASTRO

Pengarah : Faisal Ishak

Pelakon : Beto Kusyairi, Zahiril Adzim, Sheira Ayob, Tengku Hani, Zain Hamid.



### \* LAGA

Tarikh Tayangan : 23 Januari 2014

Di sebuah kampung, penduduknya gila permainan sabung ayam sehingga sanggup berbunuhan dan mempertaruhkan isteri sendiri. Ini semua berpunca daripada salah seorang kaki sabung ayam yang dikenali sebagai Hassan Laga. Hassan mempunyai seorang isteri yang jelita, dan sikapnya berubah menjadi lembut apabila bersama wanita itu. Selama lima tahun, musuh ketat Hassan iaitu Dasuki tidak pernah menundukkannya di medan sabung. Dalam satu pertaruhan sabung ayam, Dasuki mendesak Hassan untuk menjadikan isterinya sebagai pertaruhan.

Penerbit : Business Leader Film Production (M) Sdn. Bhd.

Pengarah : Ismail Yaacob

Pelakon : Wan Hanafi Su, Marsha Milan Londoh, Syazwan Zulkifli, Tyas Mirasih.

### \* JANGAN PANDANG BELAKANG BOLEH?

Tarikh Tayangan : 30 Januari 2014

Teman wanita Dharma, Rose meninggal dunia kerana membunuh diri. Dharma dan kembar Rose, Seri cuba untuk mengetahui mengapa Rose membunuh diri. Indra, rakan sekkerja Dharma juga mahu membantu Dharma menyelesaikan misteri tentang kematian Rose. Tetapi semasa siasatan, Dharma sering diganggu oleh perkara-perkara paranormal. Dharma mengadu kepada Seri dan Indra tetapi mereka tidak percaya pada kewujudan 'hantu'.

Penerbit : MIG Production Sdn. Bhd

Pengarah : Ismail "Bob" Hasim

Pelakon : Zalif Sidek, Adiba Yunus, Shima Anuar, Ruminah Sidek, Epy Kodiang.



#### \* THE JOURNEY - 2014



\* Uncle Chuan (Lee Sai Peng), adalah seorang ayah yang konservatif dengan satu set peraturan yang tegar. Apabila anak perempuannya Bee (Joanne Yew) pulang selepas menghabiskan sebahagian besar kehidupannya di England bersama tunangnya Benji (Ben Pfeiffer), Uncle Chuan enggan memberi restu terhadap perkahwinan mereka. Dengan perbezaan budaya dan halangan bahasa yang berpotensi boleh merosakkan perkahwinan antara Benji dan kekasihnya, dia merasakan sesuatu perlu dilakukan dengan segera. Uncle Chuan dengan berat hati membenarkan mereka berkahwin tetapi dengan syarat majlis perkahwinan itu perlu dilakukan secara tradisional. Walaupun mereka tidak mengerti antara satu sama lain, Benji dan Uncle Chuan memulakan perjalanan di seluruh negara untuk menyerahkan jemputan perkahwinan kepada rakan-rakan zaman kanak-kanak Uncle Chuan.

Penerbit : Wohoo Pictures Production

Pengarah : Chiu Keng Guan

Pelakon : Ben Andrew Pfeiffer, Lee Sai Peng, Joanne Yew HongIm.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Pelakon Lelaki Terbaik - Lee Sai Peng

Sinematografi Terbaik - Eric Yeong

Filem Cerea Bukan Bahasa Melayu Terbaik - Astro Shaw Sdn. Bhd

Filem Box Office - Astro Shaw Sdn. Bhd



#### \* KAMI HISTERIA

Tarikh Tayangan : 6 Februari 2014

Jojo, Bad a.k.a. Badariah dan Laila, Airin a.k.a. Princess dan Peanut bersahabat sejak beberapa tahun lalu dan berazam menaikkan nama band mereka, Histeria. Mereka baru berpindah ke sebuah rumah pangsa bersebelahan dengan rumah Pit. Ketika mereka merakamkan lagu Muzik, mereka diganggu oleh hilaihan langsuir. Jojo dan Princess tidak mahu memuat naik lagu itu ke Youtube, tetapi hasil kata sepakat, lagu itu dimuat naik juga ke Youtube. Lagu itu menjadi hit dan mereka mula menjadi terkenal.

Penerbit : Red Communications Sdn. Bhd.

Pengarah : Shamyl Othman

Pelakon : Afdlin Shauki, Fazura, Diana Danielle, Sara Ali, Mila, Izzue Islam, Nad

Zainal.

#### \* CUAK

Tarikh Tayangan : 14 Februari 2014

Ia mengisahkan mengenai Adam yang bakal mengahwini kekasihnya, Brenda. Walaupun ia bukannya mudah, ia akan menjadi realiti tidak lama lagi dan Adam sepatutnya sudah bersedia. Walau bagaimanapun apabila perkahwinan mereka semakin hampir, Adam mula ragu-ragu dengan keputusannya.

Penerbit : Garang Pictures

Pengarah : Lim Benji, Khairil M. Bahar, Manesh Nesaratnam, Tony Pietra dan Shaimaine Othman.

Pelakon: Ghafir Akbar, Dawn Cheong, Iedil Putra, Qahar Aqilah.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Pelakon Harapan Wanita Terbaik - Dawn Cheong



#### \* SEJOLI : MISI CANTAS CINTA

Tarikh Tayangan : 20 Februari 2014

Gina (Maya Karin) dan Joe (Bront Palarae) mencari ketenangan di Phuket selepas mereka kecewa dengan pasangan masing-masing. Mereka tidak mengenali satu sama lain tetapi menjadi kawan baik selepas meluahkan masalah cinta yang mereka lalui sebelum ini.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Maya Karin, Bront Palarae, Izara Aisyah, Remy Ishak, Azad Jazmin & Dira Abu Zahar.



#### \*AKU AKAN MUNCUL

Tarikh Tayangan : 27 Februari 2014

Filem seram itu mengisahkan mengenai Kesuma, lakonan Julia Zigler yang ingin menjadi wanita paling cantik di kampungnya. Kerana begitu taksub untuk cantik, dia sanggup menggunakan ilmu hitam dengan membunuh beberapa penduduk kampung sebagai memenuhi syarat ilmu hitam tersebut.

Penerbit : RM Vision Film Prod. Sdn. Bhd.

Pengarah : Roy Krishnan

Pelakon : Julia Zigler, Musly Ramli, Datuk Jalaludin.



#### \* VENNIRA IRAVUGGAL / 2014

Tarikh Tayangan : 6 Mac 2014

Filem ini berkisar pada perjalanan cinta yang bermula di Malaysia, terus ke Singapura dan akhirnya berakhir di Myanmar dengan satu objektif, satu misi dan visi.

Penerbit : Shine Entertainment

Pengarah : R.Perakas Rajaram

Pelakon : Vikadakavi, Sangeeta Krishnasamy, Psychomantra, David Anthony.

#### Anugerah & Festival Filem

Norway Tamil Film Festival, 2014, Norway

Anugerah Khas Juri – Shine Entertainment



#### \* HANTU BUKIT CINA

Tarikh Tayangan : 6 Mac 2014

Genre : Seram

Pada awalnya keadaan Kampung Bukit China aman dan permai, namun di sebalik kedamaian itu tersimpan misteri yang tidak berani dikupas penduduk kampung. Atas nasihat Pak Tam (Kamarool Yusof), penduduk kampung menjauhkan diri dari Bukit Cina, tempat persemadian mayat kaum Cina yang terletak di pinggir kampung mereka. Akur nasihat Pak Tam yang selama ini banyak menolong penduduk kampung yang suka menderma dan mampu mengubati orang dirasuk, penduduk kampung menghormatinya.

Penerbit : Sheunik Sdn. Bhd. / Pentas Wayang Production

Pengarah : T.S. Jeffry dan Norliza Ismail

Pelakon : Fouziah Gous, Gambit Saifullah, Fazurina, T.S. Jeffry, Emelda Jovinia Jusmin, Kamarool Hj Jusoh.

### \* FOBIA MALAM PERTAMA



Tarikh Tayangan : 13 Mac 2014

Zaty, seorang pelajar sebuah kolej tempatan di Pulau Pinang yang fobia untuk bercinta. Dia percaya dia akan mati ketika melahirkan anak akibat sumpahan terhadap keluarganya selepas moyang Zaty pernah membuat perjanjian dengan saka. Mengikut kepercayaan keluarganya, saka berkenaan akan `mengambil nyawa' ahli keluarga wanita sebaik saja mereka melahirkan anak pertama. Ia akan berlaku selama tujuh keturunan. Sebelum itu, moyang, nenek dan juga ibu Zaty meninggal dunia ketika melahirkan anak sulung masing-masing.

Penerbit : Nusantara Seni Karya Sdn. Bhd.

Pengarah : Murali Abdullah

Pelakon : Azad Jazdmin, Shafnida Syuhaimi, Khairil Anjar, Julia Perez.



### \* ZOMBI KILANG BISKUT

Tarikh Tayangan : 20 Mac 2014

Husin kembali ke Kampung Pisang dan bekerja di sebuah kilang biskut di Taiping sebagai penyelia selepas diisyiharkan muflis akibat ditipu Skim Cepat Kaya di Singapura. Di kilang itu, Husin bertemu semula dengan rakan sekampungnya iaitu Usop, Deris dan Mat Karan. Mereka terbabit dalam menyelongkar misteri kemunculan zombi yang menganas di kawasan kilang terbabit. Keadaan menjadi tegang apabila mereka terperangkap dalam kilang itu apabila polis mengisyihar darurat di seluruh Taiping.

Penerbit : Enjit Semut

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Awie, Usop Wilcha, Delimawati, Eina Azman, Dayana, Syuk Balas, Ilya dan Sofi. Jikan.

### \* LU GUA BRO

Tarikh Tayangan : 27 Mac 2014



Yu dan Mi yang berasal dari kampung yang sama dan dilahirkan pada hari yang sama bersahabat baik.. Cerita ini bermula apabila Yu & Mi bertemu di sebuah kilang penapisan di mana Mi bekerja sebagai kakitangan keselamatan. Yu dan Mi Cuba melaporkan sindikit dada.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ismail "Bob" Hasim

Pelakon : Zalif Sidek, Nina Iskandar, Epy Kodiang, Rahim R2.



### \* APOKALIPS X

Tarikh Tayangan : 3 April 2014

Apokalis X mengisahkan peradaban manusia yang hidup selepas Perang Nuklear meletus pada tahun 2047. Saki-baki manusia yang terselamat hidup dalam keadaan kacau-bilau dan hilang arah tujuan dan menjadi ganas. Lalu, muncul beberapa puak yang berbalah dan berbunuhan antara satu sama lain demi untuk kelangsungan hidup dan bergelar ketua. Puak-puak itu berusaha menegakkan keamanan melalui perjanjian damai.

Penerbit : Astro Shaw & Tayangan Unggul

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Farid Kamil, Jehan Miskin, Peter Davis, Zoe Tan, Vassan, Adam AF, Iqram Dinzly, Pekin Ibrahim, Azwan Kaswi, Dayana Anak Wayang & Pyan Habib.

### \* PINTU NERAKA



Tarikh Tayangan : 17 April 2014

Ia mengisahkan tentang kegigihan seorang peniaga pengangkutan perkapalan yang berjaya menghadapi penyakit kanser dan sedang berhadapan dengan kematianya. Dalam mengharungi sisa-sia terakhir hidupnya, dia berjuang dengan penuh semangat dan keimanan dan akhirnya telah kembali kepada pegangan agamanya.

Penerbit : Cahaya Karya Warna

Pengarah : CK Wong

Pelakon : Raffi Khan, Nazeera Sardi, Jefri Jefrizal, Fadzlie

Rahim, Bront Palarae, Sherie Merlis, Roshfaizal Ariffin, Saddiq Raffali.

### \* SNIPER



Tarikh Tayangan : 24 April 2014

Ahmad seorang bekas pegawai tentera yang dipecat kerana masalah disiplin. Rafi pula ialah penembak tepat atlet, kedua-dua mereka yang bertemu dalam permainan pembunuhan yang dicipta oleh seseorang yang tidak diketahui. Bersenjata dengan sniper dan beberapa peluru, mereka dikehendaki membunuh antara satu sama lain bagi melepaskan diri mereka. Dalam situasi genting, Rafi berjaya mencari dalang di sebalik permainan gila ini iaitu Ahmad. Lelaki mencipta permainan ini berpura-pura menjadi seorang yang baik di mata Rafi. Oleh kerana

kegilaannya, beliau dipecat dan dihukum penjara kerana percubaan untuk membunuh salah seorang pegawai tentera.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Mikail Andre, Fadlan Hazim, Pablo Amirul, Nina Iskandar.

### \* BAHAYA CINTA



Tarikh Tayangan : 1 Mei 2014

Ia mengisahkan tentang pasangan kekasih yang terpisah akibat faktor geografi. Walau bagaimanapun, jauh di sudut hati mereka masih terpahat perasaan sayang dan ingin tahu tentang keadaan masing-masing. Kisah keluarga Iskandar lakonan Adam AF sementara ibunya, lakonan Fadilah Mansor sebagai Dong Ai menjadi bekas pelarian Vietnam dan berkahwin dengan orang tempatan, iaitu lelaki Melayu yang pernah menyelamatkannya daripada mati lemas.

Penerbit : YKS Film Maker/Sheunik Sdn Bhd

Pengarah : Yusof Kelana

Pelakon : Adam AF, Han Dan, Nguyen Duc Hung, Fadilah Mansor.

### \* CARA MENGUNDANG HANTU

Tarikh Tayangan : 8 Mei 2014

Empat kisah menarik yang berlainan dan digabungkan secara kreatif untuk dijadikan sebuah filem seram.

Penerbit : Genius Parade Sdn. Bhd.

Pengarah : MSubash Mannan

Pelakon : Rominah Sidek, Imuda, Mak Jah, Mariani.



### \* IA WUJUD



Tarikh Tayangan : 15 Mei 2014

Sekumpulan lima pemuda mencuba nasib untuk mengenal pasti kewujudan makhluk halus di sebuah taman tema. Biarpun dihalang oleh pengawal keselamatan mereka tetap berdegil dan berjaya memasuki taman tema itu. Sebaik berada dalam kawasan yang penuh dengan misteri itu, mereka terus memulakan tiga permainan dipilih iaitu ‘Spirit of the Coin’, ‘pochong’ dan ‘pemujaan pontianak’. Walau bagaimanapun, permainan itu tidak lancar kerana ada gangguan. Pelbagai kejadian pelik turut berlaku hingga membuatkan keadaan menjadi kelam kabut dan menjadi mimpi ngeri buat mereka.

Penerbit : Mangkin Prestij

Pengarah : Dharma Aizat

Pelakon : Your, Annam, Arif Adam, Tommy, Amad.

### \* AWAK NAK KAHWIN DENGAN SAYA?

Tarikh Tayangan : 22 Mei 2014

Andika adalah ketua editor yang sangat tegas manakala Sara bekerja sebagai pembantu peribadi Andika yang sentiasa kelam kabut. Namun Sara seorang yang peka dan bijak. Puteri adalah bekas kekasih Andika telah menjemput beliau ke majlis perkahwinan dan mencabar Andika untuk membawa teman wanitanya sebagai bukti Andika telah melupakan kisah percintaan mereka. Andika meminta bantuan Sara untuk menyamar sebagai kekasihnya dan Andika mengajak Sara berkahwin. Sara tidak berpuas hati dan mula menimbulkan konflik dalam perhubungan

mereka yang baharu sahaja hendak bermula.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Fezrul Khan, Erin Malek, Mikael Andre

### \* ABANG LONG FADIL

Tarikh Tayangan : 29 Mei 2014



Fadil (Zizan Razak) tidak mahu lagi masuk campur dalam dunia gangster setelah sahabat baiknya Malik (Aaron Aziz) dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun. Dia mahu bebas dari geng Shark (Syamsul Yusof), tetapi dia perlu melaksanakan satu tugas terakhir sebagai hadiah untuk layak membebaskan diri daripada kumpulan gangster. Shark iaitu musuh dalam selimut kepada Malik tidak senang dengan Fadil, maka Shark membuli Fadil dengan memberikan tugas yang dianggap mustahil bagi semua gangster-gangster di KL iaitu untuk menakluk kawasan Kampung Berani.

Penerbit : Skop Production

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Zizan Razak, Aaron Aziz, Syamsul Yusof.

### \* THE GREAT LION / 2014



Berdasarkan kisah benar, filem ini meneroka jatuh bangunnya kumpulan Tarian Singa Kung Seng Keng dari Muar yang pernah meraih 56 kali kejuaraan antarabangsa dan 65 kali kebangsaan. Kumpulan yang paling berpengaruh di dunia dan berterusan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Filem ini berkisar kepada dua pemuda bernama Shi Tian Yong dan Zh Guo Fu yang sentiasa menghadapi tekanan emosi dan psikologi semasa mereka menjalankan dan memegang gelaran sebagai "Juara Tarian Singa Generasi Ketiga". Dalam juara dunia ke-15, mereka tidak menunjukkan prestasi baik kerana kehilangan fokus. Walau bagaimanapun, pengasasnya, Chen Zhong Xing tidak pernah menyerah kalah dan terus berusaha untuk memotivasi ahli pasukannya.

Penerbit : Asia Tropical Films

Pengarah : Matt Lai

Pelakon : Kuan Tai Chen, Su EE, Henley Hii, Alan Ko Angela Chun

Mei Ngor.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri – Filem Ini Berjaya Mengangkat Isu Seni

Persembahan Tradisi dan Budaya Masyarakat Yang Khusus.

### \* HANTU NAN SEMPIT

Tarikh Tayangan : 5 Jun 2014

Pada suatu malam Adnan pulang ke rumahnya dengan menaiki motosikal. Tiba-tiba dia terbabit dengan sebuah kemalangan misteri. Adnan hilang tanpa dikesan dan kehilangannya menjadi tanda tanya apabila yang tinggal cuma motosikalnya sahaja di tempat kejadian.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham Nadzri

Pelakon : Hazama, Sofi Jikan, Khir Rahman, Erin Malek, Jue Aziz, Anith Aqilah, Usop Wilcha.

### \* SUPERSQUAD

Tarikh Tayangan : 5 Jun 2014

Filem Animasi SuperSquad ini menceritakan tentang 5 adiwira muda iaitu Kapten Danny, Elly, Blinq, Sasha dan Alan berjuang mempertahankan bumi daripada serangan makhluk asing yang dikenali sebagai Insect. Ketika pasukan tentera bumi hampir memenangi perperangan dengan Insect, makhluk asing itu berjaya membuka portal ke 400 tahun yang lalu untuk mengubah keadaan dunia sekarang. Kapal perang tentera bumi musnah akibat tsunami yang dihasilkan oleh portal masa itu. Cuma kapal perang Kapten Danny yang terselamat dan pasukan SuperSquad

mengekori Insect ke 400 tahun dahulu untuk memusnahkan makhluk asing itu untuk menyelamatkan masa akan datang daripada ditakluki Insect.

Penerbit : Netcarbon Sdn. Bhd.

Pengarah : Rashdan Ramlee

Pelakon Suara : Dafi, Diana Danielle, Aaron Aziz, Radhi Khalid, Naa Murad.



**\* CEO**

Tarikh Tayangan : 12 Jun 2014



Adam seorang CEO di empayar korporat Alam Group. Sufian pula seorang penghantar pizza lepasan UiTM yang cita-cita jangka panjangnya adalah mahu bermain pool selepas waktu bekerja. Ketika Adam bertemu janji dengan kekasihnya, dia bertemu dengan Aloy yang cuba menjual kasut kepadanya. Adam menghalau Aloy dan beg tangan kekasihnya diragut. Adam mengejar peragut itu sebelum peragut itu bertembung dengan Sufian. Peragut itu berjaya meloloskan diri dan beg tangan tersebut jatuh ke tangan Sufian. Niat baik Sufian untuk memulangkan semula beg tangan itu menyebabkan dirinya dituduh sebagai peragut oleh Adam.

Penerbit : Ara Film Sdn. Bhd

Pengarah : Razaisham Rashid

Pelakon : Remy Ishak, Beto Kusyairy, Cristina Suzanne Stockstill, Deanna Yusoff, Jalaluddin.

**\* SUATU MALAM KUBUR BERASAP 2**

Tarikh Tayangan : 12 Jun 2014

Amir dan Nayan adalah bintang komedi realiti televisyen yang sedang meningkat naik ditawarkan untuk berlakon dalam filem seram. Namun mereka hanya berkemampuan berlakon filem berunsur komedi. Pengalaman dan kegagalan drama-drama seram sebelum ini membuatkan Amir dan Nayan tidak mahu membabitkan diri dalam lakonan filem seram. Atas pujukan Chot, mereka bersetuju untuk pulang ke kampung untuk menimba pengalaman seram. Ini kerana mereka mengenali seorang bomoh bernama Tok Mat di kampung mereka. Tok Mat juga mempunyai seorang anak gadis bernama Julia dan mereka berdua juga menyimpan perasaan terhadapnya.

Penerbit : Out Loud Studios Sdn. Bhd.

Pengarah : Ernie Chen

Pelakon : Ajak Shiro, Shahrol Shiro, Azad Jazmin, Rahim R2, Mr. Os, Soo Wincci, Bocey.

**\* PENGANTIN MALAM**

Tarikh Tayangan : 19 Jun 2014



Seorang isteri Maya (Nora Danish) mengalami amnesia selepas kemalangan jalan raya. Sejak hari itu, Maya sering di ganggu lembaga misteri sehingga suami Maya, Razif (Farid Kamil) terpaksa membawa Maya berehat di villa keluarga Razif. Namun gangguan itu tidak berhenti malah semakin teruk hingga Maya tidak dapat mengawal perasaannya. Pelbagai ikhtiar dilakukan oleh Razif yang tidak percaya gangguan yang terjadi pada Maya adalah benar sehingga hubungan mereka semakin renggang.

Penerbit : MIG Pictures

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Farid Kamil, Nora Danish, Nina Iskandar.

### \* HUNGRY GHOST RITUAL



Setelah menanggung beban hutang dari usaha perniagaannya yang gagal di China, Zong Hua (Cheung) kembali ke Malaysia setelah satu dekad berlalu. Zong Hua yang tidak bersemangat terpaksa menghadapi masalah seperti mencari pekerjaan dan berusaha keras untuk membiasakan diri di rumah. Hubungannya juga renggang dengan ayah tirinya, Xiaotian, yang menjalankan rombongan opera Kantonis, dan adik perempuannya, Jing Jing (Cathryn Lee). Jing Jing memusuhi Zong Hua kerana dia antara faktor menyebabkan kematian ibu mereka disebabkan pergaduhan yang berlebihan antara Zong

Hua dan ayah tirinya.

Penerbit : Adrian Teh

Pengarah : Nick Cheung

Pelakon : Nick Cheung, Carrie Ng, Cathryn Lee, Lam Wai.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Anugerah Perea Kostum/Busana Terbaik - Elain Ng & Wing Shum.

### \* MAT TUDUNG



Tarikh Tayangan : 28 Julai 2014

Seorang kasanova bernama Johari (bekas Mat Rempit) jatuh cinta pandang pertama pada Zizie. Zizie tidak seperti gadis lain yang ditemuinya sebelum ini dengan kecantikannya memakai tudung lagi menyenangkan mata memandang. Tidak mahu mengalah pada gadis impianinya, Johari berpakaian seperti gadis bertudung, memperkenalkan dirinya sebagai Johanna, saudara perempuan Johari bagi memudahkan dirinya mendekatkan diri dengan Zizie.

Penerbit : Showbiz Productions

Pengarah : Wan Mohd Hafiz Wan Hussein

Pelakon : Fizz Fairuz, Nelydia Senrose, Izzue Islam, Harun Salim Bachik.

### \* TEMBUS

Tarikh Tayangan : 28 Julai 2014

Sepasang suami isteri yang berkerjaya cukup berjaya dalam hidup mereka. Namun segala-galanya berubah dalam sekelip mata apabila anak tunggal mereka hilang. Sepanjang pencarian anak tunggal mereka, banyak kebenaran yang terbongkar.

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Aaron Aziz, Luna Maya, Nur Fazura, Khir Rahman, Mia Sara, Eizlan Yusuf.

### \* ADNAN SEMPIT SAWADIKAP

Tarikh Tayangan : 7 Ogos 2014

Adnan, Bobby, Nadia dan Wawa ke Bangkok untuk urusan perniagaan dan percutian yang singkat. Malangnya, Nadia dan Wawa kehilangan pasport mereka. Oleh itu, hanya Adnan dan Bobby perlu pergi ke Bangkok bersama-sama dengan bayi Adnan. Apabila tiba di Bangkok, keadaan menjadi huru hara apabila mereka kehilangan bayi setelah cuai menjaga bayi di lapangan terbang. Mereka menyangka bayi itu diculik untuk kumpulan penyeludupan kanak-kanak. Mereka mula mencari di sekitar bandar dan terserempak dengan NOK, seorang wanita Thai

yang membawa bayi kelihatan begitu mencurigakan. Adnan yakin Nok telah membawa bayi mereka dan mula mengejarnya. Malangnya Adnan mendapati bahawa ia bukan anaknya.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Ismail Bob Hasim

Pelakon : Shaheizy Sam, Intan Ladyana, Along Cham.



### \* KAWAN AKU MATI DALAM RUMAH SEWA

Tarikh Tayangan : 14 Ogos 2014

3 rakan baik tinggal bersama di rumah sewa. Rudy, pelakon extra yang sentiasa memainkan watak hantu dalam setiap filem. Akhir pula adalah seorang pekerja di sebuah stesen minyak dan Remy adalah seorang pengilap kasut. Mereka menyewa rumah yang dimiliki oleh Pak Cik Osman Basah.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Abam, Fad, Acey (Bocey)



### \* JIN

Tarikh Tayangan : 21 Ogos 2014

Filem ini memaparkan kisah makhluk yang dicipta oleh Allah SWT bergelar jin yang sentiasa membuat kacau serta mengganggu kehidupan manusia. Filem "Jin" ini bakal melihatkan sisi baru arahan pengarah Pierre Andre dalam menghasilkan filem berunsur seram.

Penerbit : 3Line Media Sdn. Bhd.

Pengarah : Peirre Andre

Pelakon : Zul Ariffin, Mon Ryanti, Naufal Iman Muda, Harun Salim Bachik.



### \* MAMAK CUPCAKE

Tarikh Tayangan : 28 Ogos 2014

Anak jati Pulau Pinang berketurunan mamak, MJ, lakonan Shaheizy Sam berdepan konflik terhadap minat dan matlamat hidupnya yang sangat berbeza. MJ amat meminati pembuatan kek cawan. Malangnya, hasrat itu terhalang kerana apabila si bapa ingin dia mewarisi perniagaan tradisi keluarga. MJ hampir berputus asa sehinggalah dia berjumpa seorang gadis, Juliana, yang mengembalikan semangatnya.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Woo Ming Jin

Pelakon : Shaheizy Sam, Siti Saleha, Natasha Hudson, Faizal Ismail, Azad Jasmin, Maria Farida

**\* RIBBIT**

Tarikh Tayangan : 4 September 2014

Ribbit merasa berbeda daripada semua katak lainnya. Untuk menemukan tujuan hidupnya, Ribbit memberanikan diri untuk melakukan perjalanan yang luar biasa melalui hutan hujan Amazon. Selama perjalanan ini, Ribbit tak sengaja terhipnotis sehingga ia menjadi percaya kalau dirinya adalah seorang pangeran yang terperangkap dalam tubuh katak. Ia sangat yakin dan kerana itulah ia merasa berbeda dengan katak yang lain pada umumnya.

Penerbit : KRU Studios



Pengarah : Chuck Powers / Mamat Khalid

Pelakon suara : Izzue Islam, Johan Raja Lawak, Datuk Aznil Hj Nawawi, Elfira Loy, Awie.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Filem Animasi Cerea Terbaik - KRU International Sdn. Bhd

Niagra Integrated Film Festival, 2014, Kanada

Filem Keluarga Terbaik (Best Family Film) - KRU Studios & Crest Animation Studios.

**\* LAGENDA BUDAK SETAN 3 KASYAH**

Tarikh Tayangan : 11 September 2014

Selepas Kasyah kehilangan isteri tercinta dan anak perempuannya, dia berazam untuk memulakan semula hidup barunya dengan Kate. Mereka mengambil anak angkat dan berkahwin. Walau bagaimanapun, salah faham menimpa mereka apabila bekas suami Kate dan bekas rakan sekkerja Kasyah kembali dengan niat yang tidak baik.

Penerbit : Astro Shaw / Tarantella Pictures

Pengarah : Sharad Sharan

Pelakon : Farid Kamil, Maya Karin, Bront Palarae, Ayu Raudhah, Iqram Dinizly, Marisa Yasmin.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Lagu Tema Asal Terbaik - Yuna - Lagu : Lautan.

**\* NASI TANGAS (NASI KANGKANG)**

Tarikh Tayangan : 18 September 2014

Nasi Tangas (Nasi Kangkang) mengisahkan tentang keakraban antara Hairi dan Fatin telah menyebabkan isteri Hairi, Mira cemburu. Hairi dan Fatin adalah sahabat baik sejak dari universiti lagi. Selepas habis belajar, mereka membuka perniagaan bersama dan menjadi rakan kongsi. Ini menyebabkan mereka semakin akrab dan setiap apa yang Hairi lakukan dan hampir semua perbualan antara Hairi dan Mira berkisar tentang Fatin. Mira semakin terasa hati dengan Hairi dan merasakan kasih sayang Hairi kepadanya semakin pudar.

Penerbit : Metrowealth Movies Production

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Azwan Kombos, Shima Anuar, Adiba Yunus, Along Ezendy.



### \*AMIR & LOQMAN PERGI KE LAUT

Tarikh Tayangan : 25 September 2014

Sepasang sahabat baik Amir dan Loqman ingin keluar daripada kumpulan gengster dengan cuba merompak kedai-kedai kecil kerana perlu membayar RM30,000 seorang sebagai syarat untuk keluar daripada kumpulan berkenaan. Cubaan mereka selalu gagal kerana sifat mereka yang lurus bendul malah tak pernah tahu cara untuk melakukan sebarang kegiatan jenayah. Mereka yang pada awalnya menyangka akan popular, mudah mendapat teman wanita, memasuki kelab secara percuma dan pelbagai lagi kemewahan dan kemudahan apabila menyertai kumpulan gengster.

Penerbit : Tayangan Unggul

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Syuk Balas, Shuib Sepahtu, Soffi Jikan, Zarina Anjoulie, Nadia Mustafar.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Lakon Layar Terbaik - Mamat Khalid

Anugerah Khas Juri - Filem ini Mengangkat Isu Sosial & Semasa Anak Muda Dengan Pendekatan Naratif Yang Keluar Dari Kebiasaan Filem Melayu.



### \* DOLLAH SUPERSTAR

Tarikh Tayangan : 2 Oktober 2014

Dollah sering berangan menjadi pelakon terkenal walaupun dirinya hanyalah seorang gengster veteran. Akhirnya impian Dollah tercapai apabila seorang pelakon popular bernama Shah Dazzle meminta dirinya menjadi mentor dalam sebuah filem aksi. Namun, lokasi penggambaran filem tersebut mula menjadi kelam-kabut dengan kehadiran Dollah.

Penerbit : Alternate Pictures

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Awie, Sharnaaz Ahmad, Neelofa, Fizz Fairuz, Aziz

M.Osman, Lan Pet Pet, Kamal Adli.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Penyunting Terbaik – Adilan Azemi



### \* PENGAPIT

Tarikh Tayangan – 9 Oktober 2014

Tiga sahabat Triz, Tiha dan Nina suka bergosip tentang kehidupan Razak. Razak adalah seorang doktor telah berkahwin dengan seorang pramugari bernama Nora tetapi tidak bertahan lama. Razak berkawan baik dengan Solomon, yang merupakan adik angkat Nina yang kemudian menjadi isterinya. Walaupun ketiga-tiga sahabat berperangai gila-gila, mereka tidak sesekali lari daripada ujian kehidupan mereka. Triz yang bercita-cita untuk menjadi seorang penulis akhirnya menjadi kenyataan.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Ijat

Pelakon : Farid Kamil, Nadia Nisa, Rita Rudaini, Anne Ngasri, Zain Hamid, Azhar Sulaiman, Razak Ahmad.



#### \* SEVENTH / 2014

Cannon dan Mimi, mengunjungi rumah besar untuk menangkap gambar rumah berhantu. Setibanya di sana, mereka mengetahui bahawa pengelola rumah itu telah meninggal dunia dan bertemu dengan cucu Yi, yang akan menjaga mereka selama 7 hari di sana. Ketiga mereka mula mengalami kejadian aneh di rumah itu. Mereka mula menyedari bahawa Yi berkawan rapat dengan Hantu Susu yang ditakuti bernama Ying.

Penerbit : Aron Koh

Pengarah : Ryon Lee

Pelakon : Mindee Ong, Kim Thien, Gino Tsai.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Kesan Khas Terbaik – Mirage Works



#### \* MISTIK SYIRIK TAHYUL

Tarikh Tayangan : 16 Oktober 2014

Penerbit : RenBash Production (Genius Parade)

Pengarah : M. Subash Abdullah

Pelakon : Mak Jah, Sura Sojangi, Kalpana, Sundraju, Naqia Nasution, Khatijah Tan, Zul Yasmin.



#### \*DENDAM ORANG MATI

Tarikh Tayangan :23 Oktober 2014

Lena tersedar dari koma selama dua tahun dan hilang ingatan akibat kemalangan. Keadaan bertambah mengelirukan apabila diperkenalkan kepada isteri baru Shahrul, Min di flat lamanya di tingkat 4 yang kini menjadi tingkat 3A. Lena mula mengesyaki sesuatu yang buruk telah berlaku di flat tersebut dan mula berdepan dengan kejadian-kejadian aneh yang menyeramkan. Gangguan seram ini memberikan lebih tekanan terhadap Lena yang terasa diabaikan oleh suaminya, Shahrul yang berbelah bahagi antara isteri mudanya dan Lena.

Penerbit : Showbiz Productions

Pengarah : Jason Chong

Pelakon : Lisa Surihani, Fizz Fairuz, Miera Liyana.



#### \*ANAK JANTAN

Tarikh Tayangan : 30 Oktober 2014

Darin sering dihantui oleh kehidupan yang lalu. Gaya hidup negatifnya berubah sama sekali apabila beliau jatuh cinta dengan seorang wanita dari kampungnya bernama Nara. Tidak lama kemudian, pasangan ini berhijrah ke bandar KL untuk memulakan kehidupan baru. Mereka dikurniakan seorang anak lelaki yang bijak bernama Saufi. Malangnya, kebahagiaan keluarga mereka tidak bertahan lama dengan ketibaan Somchai, seorang rakan lama yang kembali menyebabkan pergolakan di tempat kerja Darin.

Penerbit : Grand Brilliance/LineClear Motion Pic

Pengarah : Faizul A Rashid

Pelakon : Bront Palarae, Farid Kamil, Nora Danish, Dato Rahim Razali.

**\* KELIBAT**

Tarikh Tayangan : 6 November 2014

Sebuah keluarga, Kamal, Kalin dan tiga orang anak mereka, Azahari, Azalia dan Azmira terpaksa berpindah dari rumah mereka. Ini kerana Kamal jatuh muflis menyebabkan rumah banglo mereka dilelong dan asetnya dibekukan. Lebih parah lagi apabila Kamal terikat dengan pinjaman Ah Long yang membuatkan Kamal tekad membawa keluarga mereka jauh dari kota. Kamal menyewa sebuah resort tidak berpenghuni yang dijaga oleh Ruminah Sidek dan cucunya Linda. Kamal tidak memberitahu dan berbincang dengan isteri dan anak-anaknya tentang perpindahan ini menyebabkan mereka memberontak.



Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Atikah Suhaimi, Nizam Zaidi, Ellie Suriaty, Fauzi Nawawi.

**\* KAKI KITAI**

Tarikh Tayangan : 20 November 2014

Dua orang sahabat Grenggo & Din yang kurang cerdik datang dari kampung dan cuba berlagak pandai. Din pula sudah 3 tahun menetap di KL. Kisah bermula apabila Din menyambut Ayoi yang baru tiba dari kampung di stesen bas. Mereka dengan tidak sengaja telah mengganggu operasi pihak polis yang sedang bertugas dan menimbulkan kemarahan Inspektor Farid yang secara kebetulan adalah sahabat baik Din & Ayoi sewaktu di bangku sekolah.



Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Azaromi Ghozali

Pelakon : Shaheizy Sam, Fezrul Khan, Farid Kamil, Emily Chan, Adam Corrie.

**\* LELAKI HARAPAN DUNIA**

Tarikh Tayangan : 27 November 2014

Seorang bekas penyanyi profesional, Pak Awang muah menghadiahkan sebuah rumah kepada anak perempuannya yang akan berkahwin. Namun, rumah itu terletak jauh di dalam hutan. Menyedari hal ini Pak Awang meminta bantuan beberapa orang untuk mengumpulkan penduduk kampung agar membantunnya memindahkan rumah itu ke bandar. Rumah yang dipanggil "Rumah Amerika," mempunyai reputasi sebagai sebuah rumah berhantu. Di KL, seorang pendatang Afrika, Solomon ditangkap ketika menjual tali pinggang dan jam tangan. Setelah diheret ke dalam trak, dia mlarikan diri ke dalam hutan di mana dia menemui Rumah Amerika itu dan berlindung di situ.

Penerbit : Everything Films

Pengarah : Liew Seng Tat

Pelakon : Sofi Jikan, Hishamuddin Rais, Azman Hassan, Harun

Salim Bachik, Othman Hafsham.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik


Pengarah Terbaik - Liew Seng Tat

Cerita Asal Terbaik - Liew Seng Tat

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Rykari Iskandar

Fajr International Film Festival, Iran - 2015

Anugerah Khas Juri – Everything Film Sdn. Bhd.



### \* MANA MAU LARI



Tarikh Tayangan : 27 November 2014

Geng Kassem Selamat ingin bercuti di Cowboy Town bagi meraikan kemenangan Abang Pen pada pertandingan "motor-cross". Walau bagaimanapun motosikal Harley-Davidson Abang Pen hilang dan empat sahabat geng Kassem Selamat itu membantunya memulakan misi mencari motor tersebut.

Penerbit : Line Clear

Pengarah : Prof Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Tauke Raja Lawak, Shuk Balas, Ropie, Dira Abu Bakar.

### \* RENTAP



Tarikh Tayangan : 4 Disember 2014

Dua beradik, Rashdan dan Rashid mahir dalam sukan parkour. Mereka membesar sebagai anak yatim, membuatkan mereka begitu mengambil berat akan rumah anak yatim yang dihuni mereka. Zamri, iaitu pengendali rumah anak yatim itu adalah seorang yang baik hati dan juga penyayang tetapi mempunyai sejarah hitam di masa lampau. Dilema kembali menghantui apabila sekumpulan gangster mula mengganggu hidup Zamri. Dia dipaksa menyembunyikan stok dadah di dalam rumah anak yatim itu dan seorang daripada anak yatim itu Sofiya dijadikan tebusan.

Keadaan bertambah tegang bila mana dadah-dadah itu dilupuskan oleh Rashdan dan Rashid secara tidak sengaja didalam mangkuk tandas.

Penerbit : Double Vision Pictures

Pengarah : Simon Long

Pelakon : Zahiril Adzim, Syafie Naswip, Elfira Loy.

### \* GILA BABY



Tarikh Tayangan : 4 Disember 2014

Bob memerlukan wang yang banyak bagi membiayai kos pembedahan ayahnya di hospital. Dengan mengambil jalan mudah, Bob membantu Roy bekas teman sekelasnya untuk mencuri kereta. Walaupun percubaan pertama Bob itu berjaya tetapi ada seorang bayi di tempat duduk belakang kereta yang dicurinya itu. Bob kini mendapati dirinya diburu oleh beberapa pihak selagi Bob dan bayi itu tidak ditangkap. Untuk mengeruhkan lagi keadaan, Bob bertemu Jaja yang mengugut Bob untuk membawanya sekali kerana ingin lari daripada masalahnya sendiri.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Beto Kusyairy, Nadiya Nisaa, Sharnaaz Ahmad, Adlin Ahmad Ramli, Jalil Hamid.

### \* MANISNYA CINTA DI CAPPADOCIA

Tarikh Tayangan : 11 Disember 2014

Ifti merupakan "mama" kepada anak-anak kakaknya, Aida yang meninggal dunia akibat barah. Suami kakaknya, Bakhtiar yang gagal menjadi seorang suami dan ayah yang baik, ingin memulakan hidup baru dengan Ifti. Pertemuan pertama Ifti dengan Nazmi, seorang pemandu bas mencambahkan perasaan yang dia sendiri tidak fahami. Datin Noor menugaskan Ifti dan rakan karibnya, Dhivia untuk mencari perabot rumahnya di Turki. Ifti terserempak dengan Nazmi di sana.

Penerbit : Red Films, Global Station & Astro Shaw

Pengarah : Bernard Chauly



Pelakon : Lisa Surihani, Shaheizy Sam, Nur Fazura, Faizal Hussein, Rafidah Abdullah, Ogy Ahmad Daud, Normah Damanhuri, Dian P.Ramlee, Erma Fatima.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Pelakon Wanita Terbaik - Nur Fazura

Skor Muzik Terbaik - Oii Su Lyn & Teoh Eng Hooi

### \* KASUT KU KUSUT

Tarikh Tayangan : 18 Dec 2014

Manap, seorang pemuda kampung berasa geram kerana kasut yang baru dibelinya hilang. Pada masa yang sama, salah seorang anggota kumpulan jahat Father Dragon, yang bergelar Markos ditugaskan membawa Suzi kepada ketua kumpulan itu. Dalam perjalanan, mereka sesat dan Suzi berjaya mlarikan diri daripada Markos. Suzi bertemu dengan Manap yang masih mencari kasutnya. Apabila Markos bertembung dengan Suzi dan Manap, Manap menyedari kasut yang dipakai Markos mirip dengan kasutnya yang hilang.

Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Shaheizy Sam, Pablo Amirul, Atikah Suhaimie, Along Eyzendy.

### \* OPHILIA / 2014



Tiga sahabat, Uji (Pekin), Ozzi Gandum (Que) dan Totoi (Kodi) mengamalkan gaya hidup skinhead, bertembung dengan Ophilia, perunding kumpulan kongsi gelap terbesar di Kuala Lumpur. Timbul konflik antara mereka sehingga menyebabkan Ophilia terbunuh. Disebabkan peristiwa itu, kegiatan gengsterisme di Kuala Lumpur lumpuh dan mereka bertiga diburu. Berani mendepani situasi berlaku, mereka dituntut membayar ganti rugi bernilai RM75,000.

Penerbit : Raja Mukhriz Raja Ahmad Kamaruddin

Pengarah : Elevenfield Sdn. Bhd

Pelakon : Pekin Ibrahim, Que Haidar, Kodi Rasheed.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Pelakon Harapan Lelaki Terbaik - Kodi Rasheed

Pengarah Harapan Terbaik - Raja Mukhriz

### \* CERITA HANTU MALAYSIA

Tarikh Tayangan : 25 Dec 2014



Filem ini mengandungi tiga cerita yang berkaitan. Ia bermula di sebuah sekolah lama di mana seorang pengawal keselamatan bernama Aki mengalami beberapa perkara menyeramkan ketika bekerja. Pihak sekolah kemudian meminta seorang guru agama mengusir mahkluk-mahluk halus dari sekolah itu. Dalam cerita kedua, guru itu dan penolongnya, Saad, sedang dalam perjalanan kembali dari sekolah itu apabila mereka terbabit dalam kemalangan. Guru itu meninggal dunia serta merta setelah diserang sakit jantung. Dalam cerita ketiga, Jo, Mansur dan Akim mencari rakan mereka, Rose, yang dirasuk dan telah menghilangkan diri.

Penerbit : Ram Entertainment

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Kamal Adli, Leez Rosli, Kamarul Yusoff, Wan Ellyas, Mikail Andre.

### \* TERBAIK DARI LANGIT

Tarikh Tayangan : 25 Disember 2014



Berg, seorang pembikin filem bersama empat rakannya, Ijam, Toyu dan Ali bersama pelakon baru Sofia Jane, memulakan pengembalaan ke sebuah lokasi di mana dia menyaksikan sebuah UFO sekitar 15 tahun lalu. Dia merahsiakan penyakit kanser otak tahap keempat yang dihidapinya daripada rakan-rakannya. Ini mungkin peluang terakhirnya untuk membikin filem. Mereka melakukan satu pengambaraan terakhir di sekolah itu dan selepas habis *shot* terakhir, sebuah UFO muncul dan menculik Berg.

Penerbit : Playground Production, Astro Shaw

Pengarah : Nik Amir Mustapha

Pelakon : Iedil Putra, Bront Palarae, Nadia Nissa, Megat Sharizal Mohamed Yusoff, Sharifah Amani and Amerul Affendi.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-27, 2015 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Amerul Afendi

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Nadiya Nisaa

Anugerah Khas Juri - Filem Terbitan Oleh Penerbit Generasi Muda ini Membawa Pendekatan Naratif Yang Menyegarkan Dan Berani Bagi Penerbitan Filem Cerea.

Anugerah : 2<sup>nd</sup> ASEAN International Film Festival , 2015- Kuching, Sarawak

Filem Terbaik - Astro Shaw & Playground Productions

Pelakon Lelaki Terbaik - Bront Palarae

**2015**

### \* RUMAH PUSAKA DI SIMPANG JALAN

Tarikh Tayangan : 01 Jan 2015

Anggota keluarga Datuk Semerah Setongkol yang masih hidup dipanggil untuk menerima warisan nenek moyang mereka. Mereka semua dijemput ke rumah nenek moyang mereka dan disambut oleh Johar Zulkifli penjaga rumah tersebut. Mereka semua diminta untuk tinggal di rumah pada malam itu dan peristiwa yang pelik mula berlaku kepada semua anggota keluarga.

Penerbit : Ariabella

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Syuk SYJ, Pekin Ibrahim, Beli Ngasri,Rab Khalid, Jehan Muse, Ahmad Maembong, Fatin Syahirah.



### \* ROMEO KOTA



Tarikh Tayangan : 08 Jan 2015

Maria, seorang pelajar kolej ditemui dalam keadaan koma di tepi jalan. Maria koma disebabkan menelan dadah. Koperal Romi dan Lans Korporal Fakrul ialah dua anggota penyiasat ditugaskan menyelesaikan kes itu. Untuk mengetahui siapa dalang di sebalik kejadian itu, mereka ditugaskan secara samaran di bawah kod 'KRIPTIK'. Mereka diberi tempoh sebulan untuk menyelesaiannya. Mereka memasuki kolej Bestari dan Koperal Romi, menyamar selaku pensyarah dan Lans Koperal Fakrul sebagai pelajar kolej. Mereka berdua menemui beberapa petunjuk sehingga membawa kepada seseorang yang disyaki iaitu BOTAK.

Penerbit : Excellent Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Aaron Aziz

Pelakon : Aaron Aziz, Nabil Ahmad.



### \* VILLA NABILA

Tarikh Tayangan : 15 Jan 2015

Pengarah Syafiq Yusof memilih untuk menyampaikan kisah yang berlaku di sebuah rumah terbiar di Johor yang dinamakan Villa Nabila dalam bentuk dokumentari. Filem ini bermula dengan kehilangan seorang remaja di rumah tersebut dan Syafiq menemubual beberapa individu yang mendakwa pernah mengalami peristiwa misteri di Villa Nabila untuk menjadikannya sebuah filem.

Penerbit : Viper Studios

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Pekin Ibrahim, Tisha Shamsir.



### \* SUAMIKU ENCIK PERFECT 10

Tarikh Tayangan : 22 Januari 2015

Semasa di London, pelajaran Aleeya musnah separuh jalan gara-gara ditinggalkan kekasihnya, Syed Muzaffar setelah mereka terlanjur. Setelah dibuang kolej, Aleeya mengambil keputusan balik ke Malaysia. Ketika di lapangan Heathrow dia bertemu dengan Zarief Daniel dan dalam penerbangan yang panjang dari Kota London ke Kuala Lumpur itulah Aleeya meluahkan masalahnya kepada Zarief. Lalu Zarief sanggup menjadi suami palsu demi menyelamatkan Aleeya. Dalam tempoh lakonan itu, terbit satu perasaan yang sukar untuk diungkapkan sehingga Zarif

terlupa tanggungjawab terhadap tunangnya iaitu Azura Hanim.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Feroz Kader

Pelakon : Aaron Aziz, Lisa Surihani, Raja Ilya.

### \* PUAKA BALAI GOMBAK

Tarikh Tayangan : 29 Januari 2015



Puaka X yang dianggotai oleh Amar, Rizal dan Dani adalah sebuah kumpulan penyiasat paranormal yang sering melanggar pantang larang, tidak seperti kumpulan penyiasat paranormal yang lain. Semakin hari Puaka X semakin galak mencabar sesiapa sahaja di luar sana untuk membuktikan keberanian mereka kerana bagi Amar, Rizal dan Dani, mereka tidak akan percaya kewujudan ‘hantu’ selagi ia tidak muncul di depan mata. Sehingga mereka sendiri menerima cabaran oleh seseorang yang tidak diketahui melalui email untuk ke lokasi yang benar-benar ‘keras’, iaitu Balai Gombak.

Penerbit : Showbiz Productions

Pengarah : Wan Mohd Hafiz Wan Hussein

Pelakon : Hazwan Asari, Shukri Mohd Tahir, Farhaziq.

### \* BANGUNAN

Tarikh Tayangan : 5 Februari 2015

Tiga orang penggiat filem sedang dalam proses menghasilkan sebuah filem. Setelah mendengar kisah aneh di sebuah bangunan, mereka mengubah haluan asal filem dan mengangkat misteri bangunan tersebut ke layar perak. Mereka menyelidik kewujudan makhluk halus dan menyiasat misteri orang-orang yang hilang di dalam bangunan itu.

Penerbit : Suar Channel & Camwerk Studios

Pengarah : Khir Rahman & Sein Qudsi

Pelakon : Khir Rahman, Sein Qudsi, Aqasha, Yusran Hashim, Osh, Azmi Musa, Wan Shahidi.



### \* GUDANG KUBUR

Tarikh Tayangan : 12 Februari 2015

Pasangan suami isteri Anwar dan Zarra mengalami pelbagai kejadian mistik selepas membeli sebuah gudang untuk perniagaan jubinnya. Anwar, tidak menyangka dia menjalankan perniagaan di atas tanah kubur. Mereka tidak menduga bahawa gudang itu menyembunyikan satu rahsia sehingga menimbulkan konflik rumah tangga.

Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Faizal Hussein, Nora Danish, Atikah Suhaimie, Niezam Zaidi, Epy Kodiang.

**\* COVERINA**

Tarikh Tayangan : 19 Februari 2015



Kamal seorang penganggur yang sering membantu kawannya Ery di gerai burger tersilap mengisi borang permohonan kerja. Dia ditemuduga untuk bekerja di sebuah syarikat permotoran dimiliki oleh Rina iaitu ratu permotoran negara. Segalanya berubah apabila Kamal bersedia untuk bekerja di sana sebagai 'dispatch' wanita. Kawannya Ery pula membantu Kamal untuk menjadi seorang wanita, bagi mengenal rahsia hati Rina, di samping untuk menyertai kumpulan motor berkuasa tinggi yang diangotai oleh Sharifah (seorang ibu tunggal), Liz (seorang isteri), Ali (perangai kebudakan) dan juga Rina.

Penerbit : SPS Jaya Sdn Bhd

Pengarah : Khalid Nadzri

Pelakon : Pekin Ibrahim, Siti Elizad, Cat Farish.

**\* SUNTI @FACEBOOK**

Tarikh Tayangan : 26 Februari 2015



Ashiq, adalah remaja 'playboy' yang nakal dan dilahirkan dalam keluarga berada memberikannya kelebihan daripada segala segi. Dia suka bertukar pasangan 'online' dan dibantu tiga lagi rakannya iaitu Py, Adan dan Gel. Saban hari tugas mereka adalah memancing ramai gadis melalui laman Facebook. Setiap pertemuan berjalan dengan baik walaupun ada beberapa gadis yang kecewa kerana mereka memutuskan hubungan selepas keluar beberapa kali.

Penerbit : Nusantara Seni Karya Sdn Bhd

Pengarah : James Lee

Pelakon : Fouziah Gous, Izzue Islam, Lufya Omar, Jenny Cotez.

**\* WEREWOLF DARI BANGLADESH**

Tarikh Tayangan : 5 Mac 2015



Kisahnya bermula 20 tahun lalu apabila Mirdu, seorang warga Bangladesh diserang seekor serigala mengakibatkan berlaku perubahan fizikal ke atas dirinya menjadi haiwan berkenaan. Tingkah laku Mirdu juga menjadi ganas dan kejam hingga ramai penduduk kampung menjadi korban kerakusannya. Penduduk kampung yang sudah tidak boleh bersabar akhirnya mengambil keputusan membakar rumah Mirdu. Mirdu yang marah dengan kejadian itu bertindak menggigit dua anak kembar Kumba dan Kumbi, sekali gus menyebarkan jangkitan wabak itu sebelum dia ditembak mati.

Penerbit : Ariabella Sdn Bhd

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Usop Wilcha, Emma Maembong, Zizan Razak, Saiful Apek.

**\* CICAKMAN 3**

Tarikh Tayangan : 12 Mac 2015



Selepas 7 tahun daripada peristiwa Cicakman 2 - Planet Hitam, Cicakman, bekas superhero Metrofulus telah hilang (khabar angin mengatakan Cicakman telah mati atau telah bersara). Sepanjang kehilangannya, superhero baru yang dikenali sebagai Super Bro telah muncul dan menjadi super hero baru Metrofulus. Sekumpulan penganas Mak Nyah cuba mencuri prototaip alat senjata baharu Tentera Metrofulus sebelum cubaan mereka digagalkan oleh Super Bro.

Penerbit : KRU, Grand Brilliance, Astro Shaw

Pengarah : Yusry Abdul Halim, Ghaz Abu Bakar

Pelakon : Zizan Razak, Lisa Surihani, Fizz Fairuz, Rykal.

**\* ISYARAT CINTA**

Tarikh Tayangan : 19 Mac 2015



Ia adalah kisah cinta antara Iskandar, seorang bisu yang berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat, dan Dhia, seorang gadis yang buta. Iskandar sebenarnya adalah seorang jutawan yang rendah hati yang mana telah menyelamatkan Dhia daripada kemalangan jalan raya. Walaupun mereka kurang upaya atau cacat, mereka saling menyimpan perasaan antara satu sama lain. Rakan Iskandar iaitu Ariel pula membantu menyampaikan apa sahaja yang Iskandar ingin berkata kepada Dhia. Walau bagaimanapun, Ariel mula mempunyai perasaan kepada Dhia dan tidak lagi mahu menjadi utusan untuk rakannya.

Penerbit : RK Screen

Pengarah : Bade Hj.Azmi

Pelakon : Liyana Jasmay, Adi Putra, Fizo Omar.

**\* PENUNGGU JENGKA**

Tarikh Tayangan : 26 Mac 2015

Filem seram ini mengisahkan tentang Nina yang keguguran semasa melarikan diri di ladang kelapa sawit. Namun sesuatu terjadi apabila bayinya dikatakan masih hidup dan dilarikan oleh penunggu. Orang kampung berusaha membantu mencari Nina dan anaknya, namun perkara seram terjadi sepanjang pencarian mereka.

Penerbit : Ace Motion Pictures

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Riezman Khuzaimi, Ramona Zam Zam, Raja Azrey.

### \* HANTU BUNGKUS IKAT TEPI

Tarikh Tayangan : 9 April 2015

Tiga sahabat baik iaitu Fuad, Fadli dan Fendi menemui mayat yang berlumuran darah di atas jalan semasa menaiki kereta pada malam hari. Mereka yang panik telah memegang pisau di sisi mayat lelaki itu, tanpa menyedari cap jari masing-masing terlekat pada bahan bukti utama itu. Mereka kemudian mengambil keputusan membungkus dan menanam mayat itu dengan ikatan di bahagian kepala disengetkan sebagai tanda mayat itu ditanam apabila polis menemuinya nanti. Selepas kejadian itu, perkara yang tidak baik berlaku kepada mereka apabila dihantui oleh roh yang mahu jasadnya disempurnakan.



Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Tauke, Yus, Abam Bocey, Nora Danish, Farid Kamil, Kartina Aziz, Zalif Sidek, Niegam Zaidi.

### \* ABANG LEJEN

Tarikh Tayangan : 16 April 2015

Ajim menetap di kampung bersama adiknya Alan. Ajim membesarakan Alan setelah kematian ibu bapa mereka dan sanggup melakukan apa saja demi adiknya itu. Ajim yang meminati filem Hindustan dan Tamil mempunyai kemahiran seni mempertahankan diri dan sering menjadi pelindung kepada penduduk kampung dan juga Alan. Pada suatu hari, peristiwa yang tidak diduga berlaku yang menyebabkan Alan berhijrah ke Kuala Lumpur dan tidak menghubungi lagi Ajim.

Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Mohd Azaromi Ghozali

Pelakon : Farid Kamil, Fadlan Hazim, Intan Ladyana, Adiba Yunus.



### \* SELFIE SUARA KUBUR

Tarikh Tayangan : 23 April 2015

Mak Jah tinggal di kawasan terpencil. Dia sering diganggu dengan suara kanak-kanak yang bermain-main di halaman rumahnya, termasuklah kejadian pelik seperti makanan di dapurnya tiba-tiba berselerak serta dinding di dalam biliknya diconteng dengan lukisan pelik sedangkan dia hanya tinggal berseorangan. Dia kemudian menyedari dia sedang diperhatikan oleh 'sesuatu' apabila dia mendapati gambar selfie dalam telefon bimbitnya, tidak pernah diambil olehnya sendiri. Pada masa sama, Mak Jah pernah terlihat beberapa lelaki yang tidak dikenali berada di kawasan semak belakang rumahnya untuk membuang sisa-sisa buangan.

Penerbit : Genius Parade Sdn Bhd

Pengarah : M. Subash Abdullah

Pelakon : Mak Jah, Kay Shan, Aiza, Sue, Adie Black.

### \* PILOT CAFE

Tarikh Tayangan : 30 April 2015

Seorang juruterbang bernama Ameer Reeza, jejaka kacak yang menjadi kegilaan wanita. Dengan kekacakan yang dimilikinya, Ameer menggunakan peluang itu sebaiknya untuk menjadi seorang playboy dan kaki perempuan. Sharmila, seorang gadis seksi dan cantik berjaya mencuri tumpuan Ameer. Bagi Ameer, perasaannya pada Sharmila sedikit berlainan berbanding dengan wanita yang pernah dia tiduri.

Penerbit : Tarantella Pictures & Astro Shaw

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Fahrin Ahmad, Izara Aishah, Neelofa, Remy Ishak, Keith Foo, Eizlan Yusof, Dian P Ramlee, Rosnah Johari, Zaidi Omar, Hafizzudin Fadzi.

### \* JALAN PUNCAK ALAM

Tarikh Tayangan : 7 Mei 2015

Azizi, seorang penuntut UiTM terpaksa melalui jalan sunyi pada lewat malam untuk pulang ke rumah setelah selesai kuliah di kampus. Dalam perjalanan, tiba-tiba motor yang ditunggangnya kehabisan minyak. Lalu Azizi menghubungi rakannya, Hanif untuk meminta pertolongan. Hanif segera menuju ke tempat motor Azizi rosak dan dari situ dia diganggu makhluk halus. Apabila Hanif dan Azizi berjumpa, semuanya hampir selesai namun pertemuan Azizi dengan seorang pengail ikan telah membongkarkan satu perkara yang tidak diterima akal.

Penerbit : Mangkin Prestij Sdn Bhd.

Pengarah : Dharma Aizat

Pelakon : Azwan Kombos, Epy Kodiang, Shahfiez, Niegam Zaidi.

### \* SUAMI AKU USTAZ

Tarikh Tayangan : 14 Mei 2015

Alisa, seorang pelajar sekolah menengah dipaksa berkahwin dengan sepupunya, yang juga seorang guru agama di sekolahnya, apabila ibu bapanya membuat keputusan ke Mekah. Mereka percaya hanya Ustaz Hafiz boleh menjaga Alisa sepanjang masa mereka berada di Mekah. Dilema Alisa bermula selepas perkahwinan itu, kerana dia menyembunyikan status perkahwinan beliau daripada semua orang termasuk rakan-rakan yang terbaik Wati dan Johan. Dengan perbezaan umur yang ketara, Alisa juga menghadapi konflik dalam menerima Ustaz

Hafiz sebagai suaminya. Apabila rahsia perkahwinan mereka terbongkar, suaminya dituduh merogol gadis bawah umur dan ditahan polis.

Penerbit : Karya Seni Production

Pengarah : Ghaz Abu Bakar

Pelakon : Adi putra, Nora Danish dan Izzue Islam.

**\* DIA**


Tarikh Tayangan : 21 Mei 2015

Kewujudan Bistro hiburan misteri menimbulkan rasa kurang senang di kalangan penduduk setempat. Walaupun pihak berkuasa menerima aduan namun mereka tidak dapat berbuat apa-apa kerana ia mempunyai lesen yang sah dan mereka tidak menemui sebarang bukti yang mencurigakan.

Penerbit : Galaksi Seni Sdn Bhd

Pengarah : M.Jamil, Rizal Halim

Pelakon : M.Jamil, Mayumi Kasuga, Sofea Shaheera, Zamil Sadiq, Amirulshah Rozali.

**\* JENDELA**

Tarikh Tayangan : 21 Mei 2015

Seorang ibu tua ditinggalkan kesepian oleh anak tunggalnya. Hampir lima tahun, si ibu menanti kepulangan anaknya terutama menjelang Aidilfitri. Hanya surat yang diutuskan anaknya menjadi pengubat rindu biarpun kandungannya menyiat-nyiat perasaan si ibu. Kesibukan kerja menjadi alasan si anak untuk tidak pulang menjenguk si ibu. Walau bagaimanapun, konflik bermula apabila si ibu menerima sepucuk surat daripada anaknya yang berisikan pesanan meremukkan hati. Rumah dan tanah pusaka yang menjadi satu-satunya harta si ibu telah dijual anaknya.

Penerbit : Genius Parade Sdn Bhd

Pengarah : M Subash

Pelakon : Ruminah Sidek.

**\* OH! LA LA**

Tarikh Tayangan : 28 Mei 2015

Penerbit : Infinite Motion Sdn. Bhd

Pengarah : Dato' Abdul Rahman Bin Sallehuddin.

Pelakon :

**\* GAMATISME**

Tarikh Tayangan : 28 Mei 2015

Misteri menyelubungi Zara apabila dia sering digangu mimpi aneh membabitkaan seorang wanita yang mengandung bersama bayinya. Ini menyebabkan Zara berada di dalam kemurungan. Haris yang menyimpan perasaan terhadap Zara cuba mendekati dan menyelami perasaannya. Reen, rakan sebilik Zara, turut mendekatinya disebabkan rungsing dengan kemurungan Zara. Mereka berempat beranggapan bahawa kemunculan wanita misteri di dalam mimpi Zara ada kaitan dengan gangguan-gangguan yang dialami mereka. Sehingga malam suatu malam, sahabat karib mereka,

Jojo mati dalam keadaan yang begitu ngeri di dalam bilik air pelajar lelaki.

Penerbit : Pencil Pictures & Records

Pengarah : M.Hitler Zami

Pelakon : Nabila Huda, Syazwan Zulkifly, Adeline Tsen, Wan Elyas & Bubu.



#### \* DARAH PANAS

Tarikh Tayangan : 4 Jun 2015

Seorang gadis Muslimah ingin menjadi seorang model kerana terlalu terpengaruh dengan video model di media sosial. Dia membawa diri ke Kuala Lumpur mengejar cita-cita, namun didapati telah ditipu menjadi seorang pelacur.

Penerbit : White Merpati Entertainment Sdn Bhd

Pengarah : Arjin Uppal

Pelakon : Sharnaaz Ahmad, Nur Fathia, Sofi Jikan, Adam Corrie, Vanessa Chong, Jalaluddin Hassan, Aznah Hamid.



#### \* GANGSTEROCK

Tarikh Tayangan : 16 Julai 2015

Shake berhijrah ke Kuala Lumpur untuk menjadi bintang Rock. Namun timbul masalah apabila dia mencampuri urusan kumpulan gangster yang menguasai muzik cetak rompak di sana.

Penerbit : YKS Film Maker Sdn Bhd

Pengarah : Sofi Jikan

Pelakon : Sofi Jikan, Saiful Apek, Khir Rahman, Izara Aishah, Sharifah Amani, Harun Salim Bachik, Aqasha, Nam Ron, Syafie Naswip.



#### \* SUAMIKAU JATUH DARI LANGIT

Tarikh Tayangan : 16 Julai 2015

Di sebuah kampung ada dua pemuda yang nakal iaitu Che Awang dan Awie. Mereka selalu mengganggu gadis-gadis. Suatu hari, Awie ingin merompak rumah ketua kampung untuk melangsakan hutang, namun dia terjatuh daripada bumbung dan terserempak dengan Asyikin - anak ketua kampung itu. Di situ lah bermulanya putik cinta di antara mereka.

Penerbit : Metrowealth

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Nora Danish, Qi Razali, Syuk SYJ, Atikah Suhaimie.



#### \* CCTV

Tarikh Tayangan : 30 Julai 2015

Hariri yang mengalami kecederaan, bertemu beberapa pesakit aneh ketika dia menjalani rawatan di sebuah hospital. Hariri akhirnya mengetahui semua yang ditemui itu telah meninggal dunia setelah melihat rakaman CCTV.

Penerbit : Cinemaya Studios / Victory Film Production

Pengarah : Daven R.

Pelakon : Aeril Zafrel, Ardell Aryana, Hasnul Rahmat, Jeff Omar.

**TAJUK : NOTA**

Tarikh Tayangan : 13 Ogos 2015



Pasangan suami isteri, Kamal dan Erin menghadapi masalah rumah tangga kerana gagal mendapatkan zuriat. Ketika ulangtahun perkahwinan ke-10, mereka memilih untuk bercuti ke Taman Negara Bako di mana Kamal telah melamar Erin, 10 tahun yang lalu. Ketika perjalanan mereka ke Bako, Erin tidak sengaja terjumpa nota yang ditulis Kamal yang membayangkan dia akan mengakhiri semuanya di puncak tebing. Erin berasa sangat bersalah dengan situasi berkenaan. Selepas itu Erin mendapat tahu bahawa Kamal mempunyai hubungan sulit dengan wanita lain dan

telah mengandung anak Kamal.

Penerbit : 42nd Pictures

Pengarah : Yasu Tanaka

Pelakon : Maya Karin, Hans Isaac, Ramli Hassan, Rin Izumi.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Lakon Layar Terbaik – Bea Tanaka.

**\* JANGAN AMBIL RUMAH KAMI**

Tarikh Tayangan : 20 Ogos 2015



Ibu dan ayah dua orang adik beradik, Rayyan dan Danish meninggal dunia akibat kemalangan udara. Kedua ibu-bapa mereka meninggalkan harta yang banyak untuk mereka berdua termasuk banglo yang didiami sekarang. Disebabkan umur mereka belum mencecah 18 tahun, satu-satunya kenalan rapat dan peguam peribadi keluarga ini, Amanda berusaha mencari pewaris yang boleh menjaga Rayyan dan Danish. Secara tiba-tiba muncul Katrina, Hakim dan Danial yang mengaku pewaris terdekat kepada arwah Syed Al Mahfuz dan Sharifah Fariza.

Penerbit : Mangkin Prestij Sdn Bhd

Pengarah : Azaromi Ghozali

Pelakon : Intan Ladyana, Azwan Kombos, Hanif Safuan, Sharisa Haris.

**\* JEJAK WARRIOR**

Tarikh Tayangan : 27 Ogos 2015



Wan Raja adalah peminat tegar pasukan bolasepak Kelantan (TRW) dan dibesarkan di Johor Bahru. Kerana minatnya, dia sering berimajinasi berbual dengan pemain TRW iaitu Khairul Fahmi Che Mat, Wan Zack Haikal Wan Nor, Mohd Fitri Omar, Ahmad Fakri Saarani dan Wan Zaharulnizam. Namun begitu, minatnya itu dihalang oleh bapanya, Wan Hassan. Ibunya meninggal dunia ketika rusuhan penyokong Kelantan pada tahun 2009. Setelah bapanya meninggal dunia akibat kemalangan di tempat kerja, Wan Raja berhasrat untuk bertemu pasukan TRW di Kota Bahru.

Penerbit : U2 Media Sdn.Bhd,The Red Warrior Sdn.Bhd

Pengarah : Saw Teong Hin

Pelakon : Mohd Aliff Firdaus, Pekin Ibrahim, Nadiya Nissa, Khairul Fahmi Che Mat, Wan Zack Haikal Wan.

### \* USOP WILCHA MEGHONJANG MAKHLUK MUZIUM

Tarikh Tayangan : 3 September 2015



Pengurusan Muzium mengadakan satu pameran "Hantu-Hantu Dunia" untuk kembali menarik minat pengunjung. Tanpa disedari, pengajuran pameran ini mempunyai matlamat tersendiri iaitu ingin menghidupkan kembali Raja Dracula iaitu *Vlad The Impaler*. Walau bagaimanapun, patung lilin raja-raja yang terkenal seperti Perak Man, Sultan Melaka, Bendahara Tun Perpatih Puteh dan Datuk Maharaja Lela, juga datang hidup dengan misi untuk menghentikan Count Dracula dan menyelamatkan keturunan mereka.


Penerbit : Mountingboard Productions Sdn Bhd

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Usop Wilcha, Elizabeth Tan, Nasir Bilal Khan, Namron, Faradhiya, Kamarul Hj Yusof.

### \* BRAVO 5

Tarikh Tayangan : 10 September 2015



Pada tahun 1989, Parti Komunis Malaya sedang merancang untuk menguasai kedudukan strategik kawasan tengah Semenanjung Malaya. Komunis ini diketuai oleh Komander Lim Yat dan Sidek Tapa. Lima anggota Komando Tentera Darat (Rejimen Gerak Khas) diarah untuk menghalang perkara ini di dalam operasi Bravo V. Komunis bertindak balas dengan menyerang kampung Leftenan Azri dan merogol Aida dan adiknya manakala Haji Manaf, bapa Leftenan Azri dan Aida dibunuhan.

Penerbit : Karya Prima Production

Pengarah : Mohd Latiff Zami (Yeop Hitler)

Pelakon : Remy Ishak, Beto Khushairy, Hattan, Shashi Tharan, Xavier Fong, Fran Peterson.

### \* KAPSUL

Tarikh Tayangan : 17 September 2015



Sebuah kapsul masa Wawasan 2020 yang ditanam oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad dicuri dan membawa Zohri kembali ke zaman silam. Zohri kini terperangkap di tengah pergolakan bangsa Melayu untuk mencapai Kemerdekaan serta membawa bangsa Melayu keluar dari kancan kemiskinan. Zohri melihat dan merasa sendiri akan erti sebuah perjuangan bangsanya yang tidak pernah dia bayangkan selama ini.

Penerbit : Two Tones Sdn Bhd

Pengarah : Allawayham Martias Mohd Ali

Pelakon : Faizal Hussein, Zamarul Hisyam, Dato Rahim Razali, Dato Ahmad Tarmimi, Haeriyanto Hassan, Joey Daud, Jue Aziz, Elly Mazlein, Irfan Khairi.

## POLIS EVO



Tarikh Tayangan : 17 September 2015

Inspektor narkotik terbaik di Kuala Lumpur, Inspektor Khai ditugaskan untuk menyiasat dan menyelesaikan kes Syabu Naga yang membabitkan operasi pengedaran dadah di Terengganu. Inspektor Khai harus bekerjasama dengan Inspektor Sani yang bertugas di Terengganu. Ini kerana Inspektor Sani lebih arif dengan selok-belok negeri kelahirannya itu. Walau bagaimanapun, mereka berdua mempunyai perwatakan berbeza. Ketidakserasan itu membuatkan misi mereka hampir gagal. Segalanya berubah apabila ketua penjenayah, Izrail mula membabitkan keluarga Inspektor Sani dalam kes ini.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Ghaz Abu Bakar

Pelakon : Shaheizy Sam, Zizan Razak, Nora Danish, Eyka Farhana, Harun Salim Bachik, Mimi Ernida.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik

Filem Box Office

Anugerah Khas Juri – Filem Yang Berjaya Mengangkat Nilai Produksi Dan Komersil Yang Tinggi.

## \* JWANITA

Tarikh Tayangan : 24 September 2015

Seorang gadis mengalami masalah mental yang serius akibat kisah silamnya yang sering didera secara mental dan fizikal oleh ibu dan bapa angkatnya yang mengamalkan ilmu hitam. Sinar harapan mula muncul dalam hidupnya apabila dia bertemu dengan doktor yang merawatnya selepas dia membunuh kedua ibu dan bapa angkatnya. Namun, segalanya punah apabila Farhan yang dicintainya merupakan tunang kepada adik kandungnya, Julaika yang ternyata lebih bernasib baik daripadanya. Selepas menghilangkan diri pada hari perkahwinan Farhan dan Julaika, Jwanita muncul semula. Jwanita kembali dengan perwatakan yang berbeza namun dengan azam dan dendam durjana.

Penerbit : Nuansa Sdn Bhd & Ehsan Production

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Maya Karin, Bront Palarae, Marsha Milan, Cristina Suzanne, Marsha Milan, Umie Aida.



## \* GIRLFRIEND KONTRAK

Tarikh Tayangan: 24 September 2015

Alisa, seorang gadis kampung mempunyai misi tersendiri untuk menyelamatkan kelip-kelip kesayangannya daripada dimusnahkan oleh sebuah projek pembangunan milik seorang jutawan bernama Umar. Di dalam konflik itu, Alisa terpaksa menjadi teman wanita kontrak kepada Umar dengan bayaran upah RM3,000 seminggu.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Virginia Kennedy

Pelakon : Keith Foo, Nur Risteena, Bront Palarae, Fara Fauzana, Azad Jazmin.

### \* Anugerah & Festival Filem

Colortape International Film Festival, 2016 – Brisbane, Australia

Skrip Terbaik – Virginia Kennedy

Tempat Ketiga Keseluruhan – Grand Brilliance & Independant Pictures



### \* PONTIANAK MENANGIS

Tarikh Tayangan : 1 Oktober 2015

Kampung Selamat kerap diganggu pontianak setiap malam dan setiap hari sering berlaku kecurian harta benda penduduk setempat. Disebabkan kejadian itu, penduduk kampung berpaktak bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Seorang pemuda, Man Kelentong seorang pakar pengusir pontianak dari Tanah Jawa yang digelar Raja Paku. Penduduk kampung bersetuju dengan cadangan itu. Oleh kerana Raja Paku yang diceritakan oleh Man Kelentong itu tidak wujud, dia berpaktak dengan rakan

karibnya "Mat Nyeh" untuk menyamar sebagai Raja Paku. Harapan tinggi penduduk kampung mengharapkan pengusiran pontianak tidak menjadi kerana Mat Nyeh jatuh cinta pada pontianak itu.

Penerbit : Heart N Soul Sdn Bhd

Pengarah : Ismail Jejaka

Pelakon : Joey, Yassin Senario, Watie Elite.

### \* REMBAT



Tarikh Tayangan : 8 Oktober 2015

Chin Chye dan Malik adalah dua orang penyokong tegar bola sepak Malaysia. Mereka mempunyai latar belakang berbeza, cita-cita berbeza, namun mereka mempunyai satu persamaan, iaitu mereka adalah penyokong tegar pasukan bola sepak kebangsaan Malaysia, Harimau Malaya. Mereka juga mempunyai matlamat yang sama, iaitu untuk berada di perlawanan bola sepak antara Thailand dan Malaysia. Pelbagai dugaan ditempuh dalam pengembalaan mereka menuju destinasi. Mereka terperangkap dalam sebuah pertaruhan perlawanan akhir bola sepak Malaysia menentang Thailand yang

telah diatur oleh sekumpulan Ah Long.

Penerbit : Grand Brilliance, Marna Films, & Red Films

Pengarah : Shamyl Othman

Pelakon : Aniu, Shaheizy Sam, Zizan Razak, Sam Chong, Zara Zya, Arja Lee, Sherry Alhadad.

### \* BADI

Tarikh Tayangan : 15 Oktober 2015

Joe, Faiz, Tania dan Kila adalah sekumpulan pelajar perubatan yang menjalani latihan praktikal di sebuah hospital. Mereka diberi tugas untuk menjalankan pemeriksaan anatomi terhadap mayat seorang bidan yang mati, Mek Nak. Namun semasa proses pemeriksaan, mereka melakukan banyak perkara yang melanggar etika seorang doktor dan sesama manusia. Kesan daripada perkara itu, beberapa kejadian misteri mula berlaku selepas mereka terkena badi mayat Mek Nak.

Penerbit : MIG Pictures

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Adiba Yunus, Azwan Kombos, Rashidah Jaafar, Hanif Safuan, Sharisa Haris.

### \* LOVE, SUPERMOON

Tarikh Tayangan : 22 Oktober 2015



Lima orang menjalin persahabatan sejak di bangku sekolah dan hubungan mereka berkembang sehingga ke zaman universiti, alam perkerjaan dan bagaimana mereka mula bertemu pasangan hidup dan mendirikan rumah tangga. Razak dan Triz sudah mengenali antara satu sama lain sejak di bangku sekolah lagi kerana sahabat baik Razak, Sulayman adalah kekasih kepada Nina yang berkawan baik dengan Triz. Razak dan Triz hanya mengetahui tentang perihal masing-masing menerusi ‘gossip’ yang disampaikan oleh rakan baik mereka.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Wan Hasliza

Pelakon : Farid Kamil, Nadiya Nissa, Rita Rudaini, Anne

Ngasri, Fizz Fairuz.



### \* JUVANA 2

Tarikh Tayangan : 29 Oktober 2015

Filem kedua ini meneruskan kisah Daim, Botak dan Ayam serta rakan-rakan mereka menyesuaikan diri di dunia luar sebaik sahaja hukuman mereka berakhir. Setelah Botak dan Ayam akhirnya dibebaskan lebih awal ekoran pembabitan mereka menyelamatkan orang awam ketika kejadian rusuhan yang dicetuskan oleh Lan Todak, ketua samseng yang memusuhi mereka sebaik sahaja mereka dipindahkan ke Sekolah Indera Sakti. Setelah bertemu semula rakan-rakan mereka, Botak pulang ke rumah dengan penuh azam untuk memulakan hidup baru bersama ayahnya, manakala Ayam menuju ke rumah Apek untuk menjaga adik-adiknya seperti yang diamanahkan oleh Apek sehingga dia dibebaskan.

Penerbit : Filmscape Sdn Bhd, Juita Viden Sdn Bhd, Star Media Group Berhad

Pengarah : Faisal Ishak

Pelakon : Johan As'ari, Zahiril Adzim, Hasnul Rahmat, Pekin Ibrahim, Shera Ayob.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Pelakon Baru Lelaki Terbaik.

### \* MIRIP

Tarikh Tayangan : 5 November 2015

Nik yang menetap di Melaka menyara hidupnya dengan menyanyi. Nik kehilangan kedua ibu bapanya dan satu-satunya harta yang ditinggalkan oleh ibunya adalah muzik. Ibunya merupakan seorang pemain alat muzik klasik wayang kulit. Buat masa ini, Aishah dan keluarganya adalah segala-galanya untuk Nik. Aishah mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap bakat Nik dan berazam untuk membawanya ke persada dunia.

Penerbit : Green Screen Production

Pengarah : Jokin

Pelakon : Fezrul Khan, Ezzaty Abdullah, Reen Rahim.

### **BIASAN**


Tarikh Tayangan : 12 November 2015

Harris seorang pemuda berpendidikan yang dibesarkan dalam keluarga yang bahagia. Harris berimpian mengikut jejak langkah ibu bapanya. Apabila dia masuk ke kolej, Harris bertemu dengan Aishah yang dilihat sebagai wanita yang memenuhi cita rasanya. Mereka menjalin hubungan, namun tidak bertahan lama apabila Aishah mula menjauhi Harris. Apabila Harris mendapati Aishah berlaku curang, dia menjadi seorang yang tidak waras.

Penerbit : Janu Talkies

Pengarah : Sandosh Kesavan

Pelakon : Mas Khan, Lana Nordin, Dato Jalaluddin Hassan, Emma Akma.



### **\* ADA APA DEKAT BUS STOP**

Tarikh Tayangan : 19 November 2015

Tiga pemuda bertemu di sebuah perhentian bas lama di kampung mereka dan menjadi rakan rapat untuk menyelesaikan kejadian misteri yang berlaku di perhentian bas itu. Pelbagai kejadian aneh berlaku termasuk kemunculan hantu Kak Senah. Perkara menjadi lebih kalut apabila seorang wanita bernama Maya menunggu bas pada waktu tengah malam, dan pemandu bas Abam berasa tidak selesa dan tidak tahu bagaimana mahu berdepan dengan situasi itu.

Penerbit : Katak Hijau Entertainment

Pengarah : Ikhzal Azfarel Ideris

Pelakon : Abam Bocey, Leez Rosli, Tauke Jambu, Airis Yasmin, Kazar , Zaibo, Erwan Razak.



### **\* BANGLO BERKUNCI**

Tarikh Tayangan : 26 November 2015

Tiga sahabat - Danny, Boy dan Adam suka melakukan aktiviti paranormal di tempat-tempat mistik bagi mencari kepastian sama ada benar kewujudan hantu. Mereka pergi ke sebuah banglo yang mempunyai sejarah hitam. Penghuni banglo itu didakwa telah membunuh ahli keluarganya tanpa sedar. Pelbagai perkara aneh berlaku selepas mereka cuba mengesan hantu yang sering diperkatakan oleh masyarakat.

Penerbit : Mangkin Prestij

Pengarah : Dharma Aizat

Pelakon : Adiba Yunus, Fadlan Hazim, Sheikh Zulfahmy Reza, Intan Ladyana.



### **\* SINARAN**

Tarikh Tayangan : 26 November 2015

Pelajar baru kolej, Shila perlu belajar mengenai cabaran dalam menjalani kehidupan dan dalam perhubungan cinta. Shila dipaksa oleh rakannya Tina menyertai kelas tarian di kolejnya. Tina kecewa apabila Andre mahu Shila menjadi pemimpin dalam persembahan mereka. Shila dengan berat hatinya bersetuju. Andre dan Shila mula jatuh cinta. Tina dan Dafi kenudiannya bersepakat mengambil alih pasukan persembahan dan menang pertandingan. Tina semakin popular dan persahabatan dengan Shila semakin pudar.

Penerbit : Sinaran Pictures & Nuansa

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Lisa Surihani, Evan Sanders, Izara Aishah, Syarif Sleeq, Nadiah M. Din, Shiela Majid.

**\* CHOWRASTA**

Tarikh Tayangan : 3 Disember 2015

Hamid bergelut dengan kemiskinan sejak kecil, namun dia berusaha untuk mempertahankan dirinya dan keluarganya yang tinggal di Jalan Hutton, Pulau Pinang. Dia kemudian menjadi anak didik seorang guru Tomoi. Selepas bertahun berlatih, Hamid menjadi seorang yang dihormati oleh rakan-rakannya dan digeruni musuh-musuhnya. Hamid terjebak dalam dunia kongsi gelap yang dikuasai oleh Pak Cik Don di Chowrasta.

Penerbit : Nation Film Studios, FiTA Studios Sdn Bhd

Pengarah : A.Razak Mohaideen

Pelakon : Chem Amar, Nora Danish, Rosyam Noor, Fauzi Nawawi, Risteena Munim.

**\* JAGAT**

Tarikh Tayangan : 17 Disember 2015

Ia berlatarbelakangkan pada awal 1990, iaitu tempoh sejarah sukar untuk kaum India Malaysia ketika itu di mana pemilik ladang yang mengupah mereka bekerja sejak generasi terdahulu meminggirkan mereka. Mereka terpaksa berpindah ke bandar dan bergelut untuk meneruskan hidup dalam keadaan yang begitu mencabar. Ia mengisahkan tentang seorang budak nakal berusia 12 tahun Appoy dan hubungannya dengan bapanya, Maniam, dan paciknya, Bala (bekas penagih dadah), dan Dorai, seorang gangster.

Penerbit : Skyzen Studios

Pengarah : Shanjhey Kumar Perumal

Pelakon : Jibrail Rajhula, Harvind Raj, Kuben Mahadevan, Tines. Sarathi Krishnan, Senthil Kumaran, Muniandy.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik Malaysia; Pengarah Baharu Terbaik - Shanjhey Kumar Perumal.

**\* KERANDA TOK WAN TERBANG**

Tarikh Tayangan – Disember 2015

Di sebuah perkampungan tinggal seorang bomoh, Mak Betong, yang dipercayai membela saka. Apabila bomoh itu meninggal dunia, pelbagai kejadian pelik dan kekecohan berlaku dari malam bomoh itu meninggal sehingga jenazah mahu dikebumikan.

Penerbit : MIG Pictures

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Yassin, Shima Anuar, Rahim R2, Syuk SYJ, Mak Jah, Epy Kodiang.

**\* APARTMEN**

Tarikh Tayangan : 31 Disember 2015

Ia mengisahkan tentang seorang penulis novel yang baru berpindah ke sebuah pangaspuri baru. Dia kemudian mengalami pengalaman menakutkan, termasuk hantu tanpa kepala.

Penerbit :

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Kamal Adli, Bil Azali, Naqia Nasution

## **BAB 10** **(FILEM 2016 – 2021)**



**2016**

**\* LANGIT CINTA**

Tarikh Tayangan : 7 Januari 2016.

Ia mengisahkan megenai percintaan antara Alif Zulkarnain dengan Khadijah. Alif adalah anak yang patuh kepada ibu bapa sejak kecil dan mewarisi perniagaan keluarga. Ketika mahu membangunkan resort di Pulau Perindu, dia jatuh cinta dengan gadis kampung bernama Khadijah. Biarpun hubungannya ditentang keluarga, namun Alif nekad memperisterikan Khadijah. Bermula dari situ, kehidupan Alif dirundung pelbagai dugaan dan cabaran demi cabaran harus ditempuh dalam hidup dua insan itu.

Penerbit : Astro

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Nur Fazura, Keith Foo, Farid Kamil, Siti Saleha.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik – Fauziah Ahmad Daud



**\* MAT MOTO**

Tarikh Tayangan : 14 Januari 2016.

Ia mengisahkan mengenai AL, pemilik syarikat suntingan filem menjelajah empat negeri bagi menunaikan hajat sahabatnya, Spark yang meninggal dunia dalam naas jalan raya. AL mencari empat topi keledar yang menjadi buruan penggemar motosikal. Turut serta dalam misi itu adalah pelajar praktikal, Sikha. Dua insan itu jatuh cinta, namun Sikha menyembunyikan rahsia yang boleh menggugat hubungan mereka.

Penerbit : G&Kin Production Sdn Bhd

Pengarah : Pekin Ibrahim

Pelakon : Pekin Ibrahim, Rosyam Nor, Zul Huzaimy, Faizal Hussein, Syamsul Yusof,


Shaheizy Sam, Cat Farish, Kamarool Hj. Yusof, Falisha Crossley.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Cerita Asal Terbaik

Pelakon Baru Wanita Terbaik – Falisha Crossley.



### \* OLA BOLA



Tarikh Tayangan : 28 Januari 2016

Ia diinspirasikan daripada kisah benar mengenai semangat juang pasukan bola sepak negara untuk bangkit daripada kekecewaan, sekaligus muncul sebagai wira negara. Marianne, seorang wartawan ditugaskan membuat kajian tentang pasukan bola sepak negara yang mencipta nama pada era 80an yang mana ketika itu nama Malaysia dalam sukan bola sepak begitu digeruni oleh pasukan lawan khasnya di rantau Asia ini.

Penerbit : Astro Shaw/Tayangan Unggul

Pengarah : Chiu Keng Guan

Pelakon: Bront Palarae, JC Chee, Muhd Luqman, Mohamad

Taufiq dan Saran Kumar.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - KL

Skor Muzik Asal Terbaik - Onn San & Alex San

Pereka Kostum/Busana Terbaik - Elaine Ng & Weng Shum

Lagu Tema Asal Terbaik - Zee Avi & Rendra Zawawi

Lagu : Arena Cahaya (Zee Avi).

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Berjaya Mengangkat Nilai Perpaduan & Kekeluargaan Melalui Semangat Kesukaran.

Anugerah : Festival Filem Asia Pasifik ke-57, 2017 (Phnom Penh, Kemboja)

Anugerah : 53<sup>rd</sup> Golden Horse Film Awards (Zee Avi).

### \* PELEPAS SAKA



Tarikh Tayangan : 4 Februari 2016

Haider dan isterinya, Alisya, pulang ke kampung Mestika untuk menghadiri majlis doa selamat yang dilakukan oleh ibu bapa Haider, Adnan dan Nora. Adik kembar Haider, Raden, juga pulang. Dari kecil hingga besar, Haider dan Raden sangat rapat, namun semuanya berubah selepas Haider berkahwin dengan Alisya yang merupakan bekas kekasih Raden. Suatu malam, Asiah melakukan upacara melepaskan sakanya pada Haider. Haider yang tidak menyedari bahawa dirinya didampingi oleh saka Asiah mula berubah perangai menjadi panas baran.

Penerbit : Mangkin Prestij Sdn. Bhd

Pengarah : Hashim Rejab

Pelakon : Hanif Safuan, Hafiz Bahari, Lydia Izati, Esma Daniel, Fauzi Nawawi.



### \* HUAT THE FISH

Tarikh Tayangan : 11 Februari 2016

Empat nelayan di Pulau Ketam memutuskan untuk melakukan rompakan bagi menyelesaikan masalah hutang mereka. Namun, sebelum melakukannya keempat-empat mereka menemui rompakan yang sebenar, dan semasa kejadian, mereka menemui dua beg perhiasan yang dicuri.

Mereka kemudian muncul sebagai wira dengan menyerahkan hanya satu beg perhiasan kepada polis. Kemudian, perompak sebenar dapat menjelakki empat rakan dari Pulau Ketam ini.

Penerbit : The Film Engine

Pengarah : Silver Chung

Pelakon : Jack Lim, Juztin Lan, Wai Fun Wan, Mei Yan Gan, Jeff Chin, Alvin Chean Wah Chong, Bernard Hiew.

#### \* Anugerah & Festival Filem Festival

Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Penataan Seni Terbaik - Wong Jee Meng & Nick Wong

### \* MUNAFIK



Tarikh Tayangan : 25 Februari 2016

Adam, seorang ustaz yang dikurniakan ‘kelebihan’ kerana mampu megubati pesakit yang mengalami ‘gangguan’ mengikut cara perubatan Islam. Kebahagiaan Adam dan keluarga tidak bertahan lama selepas dia dan isterinya terbabit dalam kemalangan jalan raya. Isterinya meninggal dunia di tempat kejadian. Kematian isterinya, Zulaikha itu membunuh semua rasa dan mematahkan semangatnya untuk meneruskan tanggungjawab sebagai pengamal perubatan Islam. Adam seakan-akan tidak boleh menerima Qada & Qadar Tuhan. Adam mula murung, mengasingkan diri daripada jemaah masjid dan lebih senang beribadat di rumah, ditemani anaknya Amir.

Penerbit: Skop Productions Sdn. Bhd.

Pengarah : Syaamsul Yusof

Pelakon: Syamsul Yusof, Nabila Huda, Sabrina Ali, Pekin Ibrahim, Fizz Fairuz.

### \* BOBOIBOY: THE MOVIE



Tarikh Tayangan : 3 March 2016

Sebuah kelompok alien jahat yang memiliki julukan Geng Tengkotak turun ke Bumi untuk menculik Ochobot yang memiliki kekuatan yang berasal dari sebuah sfera kuasa. BoBoiBoy bersama dengan rakan-rakannya coba menghalang usaha Geng Tengkotak untuk menculik Ochobot.

Penerbit : Animonsta Studios

Pengarah : Nizam Razak

Pelakon Suara : Nur Fathiah Diaz, Nur Sarah Alisya, Yap Ee Jean,

Dzubir, Muhammad Anas.

### Anugerah & Festival Filem Festival

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur  
Filem Cerekaw Animasi Terbaik.

### \* THE KID FROM THE BIG APPLE / 2016

Tarikh Tayangan : 10 March 2016



Sarah, dibesarkan di New York, pertama kali mengunjungi Malaysia dan ingin mengetahui mengapa datuk dan ibunya, Sophia yang tidak bertemu sejak dia dilahirkan begitu mementingkan tradisi budaya mereka.

Penerbit : Three Production

Pengarah : Jess Teong

Pelakon : Jayson Tan, Jessica Hsuan, Sarah Tan, Ti Lung.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-28, 2016 - Kuala Lumpur

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Tan Qin Lin

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Berjaya Mentransformasikan

Nilai Budaya & Merapatkan Jurang Generasi

Anugerah : 7<sup>th</sup> Macau International Film Festival

Pelakon Lelaki Terbaik - Ti Lung

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Jessica Hsuan

Pelakon Baharu Terbaik - Tan Qi Ling

Lakon Layar Terbaik - Jess Teong

PIFFA Supreme Awards @ PROFIMA International Film Festival & Awards

Lakon Layar Terbaik - Jess Teong

### \* USIN UFO



Tarikh Tayangan : 10 Mac 2016

Seorang pemuda bernama Usin amat disenangi oleh penduduk kampung dan berjaya mengusahakan sebuah resort di kampungnya. Pada suatu malam, sewaktu dia melawat kawasan resortnya, Usin diculik oleh sekumpulan Alien. Alien - Alien itu telah menjalankan ujian ke atasnya dan memulangkan Usin ke bumi pada keesokan harinya. Sejak daripada peristiwa itu, pelbagai perkara pelik berlaku ke atas Usin yang menyebabkan huru hara di kampungnya itu.

Penerbit : Cahaya DJ Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Zul Yahya

Pelakon: Shuib Sepahtu, Puteri Sarah Liyana, Liza Abdullah, Aishah Ilias.

### \* IT'S THE MOMENT YANG ARIF



Tarikh Tayangan : 10 Mac 2016

Daniel seorang yang berpelajaran dan berpangkat tinggi telah membuat satu kesilapan besar tanpa disadarinya. Walau bagaimanapun dia percaya dia tidak bersalah dan mahukan keadilan. Jinna seorang wanita moden yang juga berpelajaran dan memegang jawatan besar, tetapi berang dengan Daniel dan nekad untuk mahukan balasan.

Penerbit : Fenomena Seni Produksi

Pengarah : S.T Bala

Pelakon : Ross Hassan, Keena Mentor, Jacob Rabindranath

Krishnan, Balakumaran Krishnasamy.

### \* KIPIDAP! SELAMAT HARI JADI



Tarikh Tayangan : 17 Mac 2016

Sapura seorang peguam, bercinta dengan seorang pelakon yang sedang meningkat naik iaitu, Eddie. Dunia mereka yang berbeza membuatkan Sapura sering merasa tergugat dengan hubungan percintaan mereka lebih-lebih lagi Eddie sering digosipkan dengan seorang pelakon bernama Maya. Atok Sapura, Tok Daddy dan nenek Sapura, Nanny Rockie atau nama sebenarnya Nek Rokiah membesarakan adik Sapura yang lain iaitu Akim, Afiq dan Sarah selepas kematian ibu serta ayah mereka. Akim, Afiq dan Sarah tahu tentang hubungan percintaan kakaknya itu, namun mereka membantah perhubungan mereka kerana sikap Eddie

yang tidak menyenangkan mereka.

Penerbit : MIG Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Atikah Suhaimie, Hafreez Adam, Aizat Hassan, Kartina Aziz dan Abdul Rani Kulup Abdullah.



### \* WARNA CINTA IMPIAN

Tarikh Tayangan : 31 Mac 2016

Kisah percintaan dan konflik kehidupan dunia moden antara Daniel, seorang arkitek dan Diana seorang peguam. Mereka cuba untuk menyemai rasa cinta dalam rumah tangga, tetapi keegoan dan kegagalan percintaan silam masing-masing menimbulkan pelbagai konflik dalam kehidupan mereka. Kemudian, ketegangan pula bermula dengan kemunculan Erra kakak angkat Daniel yang menetap di luar negara menggamit kenangan silam cintanya bersama Awie yang kecundang lebih dua dekad lalu. Secara kebetulan, Awie pula merupakan abang

kandung kepada Diana.

Penerbit : Touchtronics Entertainment Sdn. Bhd

Pengarah : N.S Krishna

Pelakon: Erwin Dawson, Awie, Erra Fazira, Shiqin Kamal, Azlee Khairi, Nazeera Sardi, Fad Bocey, Dato David Arumugam.



### \* SHOWDOWN THE MOVIE

Tarikh Tayangan : 07 April 2016

Berkisar tentang kumpulan tarian “Battlecrew” yang bercita-cita tinggi untuk menjadi juara dalam sebuah pertandingan tarian terbesar di Malaysia. “Showdown” Filem yang padat dengan aksi tarian hebat ini diinspirasikan daripada program siri realiti terbaik Malaysia.

Penerbit : Primework Studios

Pengarah : Khairil M. Bahar

Pelakon Suara : Reza Hasbi, Izara Aishah, Iedil Putra, Azad Jasmin.

**\* REDHA**

Tarikh Tayangan : 14 April 2016

Alina dan Razlan bergelut untuk membesar anak lelaki mereka Danial yang mengidap autism. Razlan yang tidak dapat menerima hakikat telah menyebabkan rumah tangga mereka goyah. Namun Alina terus berusaha dan mereka berjaya mengurus dan membesar Danial dalam tempoh sukar, malah mereka berjaya memperbaiki kualiti hidup anak mereka. Tetapi apabila satu insiden berlaku, ia sekali lagi menguji keluarga itu.

Penerbit : Current Pictures

Pengarah : Tunku Mona Riza

Pelakon : Nam Ron, Harith Haziq, June Lojong, Izzy Reef.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Pelakon Lelaki Terbaik - Nam Ron

Pengarah Harapan - Tengku Mona Riza

Pelakon Wanita Harapan - June Lojong

Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Harith Haziq

Anugerah : World Premier Film Festival Philippines

Pelakon Wanita Terbaik : June Lojong

Anugerah Khas Juri -Nilai Kesedaran Sosial dan Universal

Anugerah Khas- Special Prize “Russian Guild of Cinema Critics

Kazan International Festival of Muslim Cinema, Kazan, Russia-2015

Gandingan Pelakon Terbaik di Dalam Filem (Best Essemble)

Nam Ron, Harith Haziq & Izzy Reef

Anugerah Khas - Special Prize “Russian Guild of Cinema Critics

Anugerah Khas - Special President Tatarstan Prize : ‘For Humanism in Cinematography’

LA Awareness Film Festival, Los Angeles, USA - 2016

Anugerah Penghargaan Merit of Awareness Award

Asian World Film Festival, 2016, Los Angeles, USA

Anugerah Kritik - Discretionary Jury Award - “Courage in Storytelling”

Casa Asia Film Festival

Anugerah Khas - Casa Asia Award : For Its Social & Universal Values

PIFFA Supreme Awards @ PROFIMA International Film Festival & Awards, 2017,

Anugerah Khas Juri

8th Luang Prabang Film Festival, luang Prabang, Laos, 2017

- Audience Choice Award

6<sup>th</sup> Annual Seoul Guro International Kids Film Festival, Seoul,Korea, 2018

Cultural Exchange Prize for a Feature Film

**\* LU MAFIA GUA GANGSTER**

Tarikh Tayangan : 21 April 2016

Amir, Rosham dan Megat adalah rakan baik dan mereka masing-masing mempunyai impian dan angan-angan tinggi melangit. Walau bagaimanapun hidup mereka mula menjadi kucar-kacir apabila salah seorang daripada mereka menemui kotak berisi berlian yang merupakan milik mafia. Berikut itu, nyawa mereka terancam apabila menjadi sasaran mafia King and Kong yang mahu berlian itu kembali.

Penerbit : Red Fires Film Production & RJ Future Films Sdn Bhd

Pengarah : Roy

Pelakon : Syaiful Zero, Atu Zero, Sharif Zero, Jalaluddin

Hassan, Zack Taipan.





**\* PERJANJIAN SYAITAN**

Tarikh Tayangan : 28 April 2016

Penerbit : RK Vision

Pengarah : M. Subash Abdullah

Pelakon : Imuda, Datuk Ahmad Tarmimi Sarega, Delimawati.



**\* ADA APA DENGAN CINTA 2**

Tarikh Tayangan : 28 April 2016

Cinta memutuskan hubungan cinta jarak jauh setelah Rangga ke New York. Cinta makin bertanya-tanya mengapa Rangga secara tidak langsung mencoba memutuskan hubungan setelah Cinta dan keluarganya mengunjungi Rangga terakhir kali di New York. 14 tahun berlalu, Rangga melanjutkan kehidupan di New York tanpa ada Cinta dan Cinta berada di Jakarta dan bertunangan dengan Trian. Hingga takdir mempertemukan mereka lagi di Yogyakarta, memberi kesempatan kedua untuk

menyambung hubungan mereka.

Penerbit : Mira Lesmana – Miles Film.

Pengarah : Riri Riza

Pelakon : Dian Sastrowardoyo, Nicholas Saputra, Adinia Wirasti, Titi Kamal, Sissy Prescillia, Dennis Adhiswara.



**\* HARMONIKA**

Tarikh Tayangan : 5 Mei 2016

Penerbit : SPS Jaya Sdn Bhd & ElevenField Sdn Bhd

Pengarah : Raja Mukhriz

Pelakon : Elizad Sharifuddin, Anya Rosli.



**\* CENDOL: KEPADA ALLAH AKU BERSERAH**

Tarikh Tayangan : 19 Mei 2016

Alia, seorang doktor bersama abangnya yang cacat. adalah anak yatim piatu selepas kedua-dua ibu bapa mereka meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya. Demi menampung kehidupan, Alia dan abangnya menjual cendol di sekitar kampung. Berikutan kesukaran hidup, akhirnya abangnya telah menyerahkan Alia kepada keluarga angkat kerana mahu dia mencapai cita-cita menjadi seorang doktor.

Penerbit : RK Vision

Pengarah : M. Subash Abdullah

Pelakon : Ma'arof, Farwizah, Zack Idris.

### \* ANAK MAMI NASI KANDAQ

Tarikh Tayangan : 06 Julai 2016

Seorang pengusaha restoran nasi kandar, Mamu Nizam, merupakan seorang duda yang mempunyai lima anak gadis. Apabila Mami Kalsom membuka gerai makan di hadapan restorannya, dia berdepan masalah kerana perniagaannya semakin merosot. Berikutan itu Mamu Nizam meminta nasihat daripada Mamu Hussin dan Tuan Akhlak Khan yang mencadangkan dia menggunakan kesemua anaknya untuk bekerja di restoran supaya dapat menarik pelanggan.

Penerbit : FiTA Studios, UiTM

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Qi Razali, Fasha Sandha, Nur Risteena, Ezzaty Abdullah, Maria Farida.

### \* ZACK KAPCAI

Tarikh Tayangan : 14 Julai 2016

Zack merupakan seorang peminat motosikal kapcai yang dibesarkan tanpa ayah. Pada satu hari, ibunya menceritakan kisah sebenar yang mana bapa kandungnya masih lagi hidup dan merupakan Raja Kapcai. Terkejut dengan berita itu, Zack mengambil keputusan untuk mencari bapa kandungnya.

Penerbit : Metrowealth Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Rosli Mohd Taib

Pelakon : Fad Bocey, Syuk SYJ, Rahim Sepahtu, Julia Marin.

### \* DUKUN DOKTOR DANI

Tarikh Tayangan : 28 Julai 2016

Dani, seorang doktor muda yang baru bekerja, meletak jawatan apabila pembedahan pertamanya gagal dan pesakit meninggal dunia. Dia kemudian pulang ke kampung halamannya dan berpaktat dengan Dukun Sudin yang mana Dani menjual barang-barang yang diperlukan pesakit yang datang ke rumah dukun itu. Dani sekali lagi berdepan masalah apabila Dukun Sudin meninggal dunia dan dia terpaksa mengambil alih kerja dukun. Dalam pada itu, ibunya, Mak Siti, pula perlu menjalani pembedahan dan mahu Dani melakukan pembedahan itu.

Penerbit : Balang Rimbun & Astro Shaw

Pengarah : Sabri Yunus

Pelakon : Taufik Batisah, Fasha Sandha, Raysha Rizrose, Amerul Affendi, Khatijah Tan, Ebby Yus.

### \* KAMPUNG DRIFT

Tarikh Tayangan : 04 Ogos 2016

Johan mencari erti kejayaan dan kehidupan menerusi sukan drift walaupun ditentang keras oleh ayahnya. Minatnya terhadap sukan itu tidak pernah pudar dan bersama-sama kawan baiknya, Bojeng, pakciknya, Ajoji, dan saintis `gila`, Pak Idon, dia menggunakan apa sahaja cara untuk membabitkan diri dalam sukan drift selepas mendapat tahu sejarah hitam ayahnya berkait rapat dengan sukan itu. Walau bagaimanapun, Johan berdepan kesukaran apabila terbabit dalam pelbagai konflik diri, masalah cinta dan persaingan.

Penerbit : Mico Studio (M) Sdn Bhd

Pengarah : Nevin Hiong

Pelakon : Pekin Ibrahim, Syafie Naswip, Pablo Amirul, Fateen Afeefa, Zalfa Zain.

### \* TEMUAN TAKDIR



Tarikh Tayangan : 11 Ogos 2016

Dua pegawai polis adik-beradik, ACP Roslan dan Inspektor Shariff, dalam misi memburu dalang di sebalik rompakan sebuah van keselamatan. Penyiasatan membawa mereka menemui rahsia aktiviti kumpulan yang dianggotai oleh Omar, Faisal dan Vikram, yang mana setiap seorang daripada mereka mempunyai agenda tersembunyi. ACP Roslan terpaksa berdepan dengan kekangan masa untuk menyelesaikan kes dan mencari dalang.

Penerbit : Zazen Design & Production

Pengarah : Dhyan Vimal

Pelakon : Zahim Albakri, Vanidah Imran, Ery Zukhairi, Azura Zainal, Amai Kamarudin, Thanuja Ananthan, Malieq Abdullah.

#### Anugerah & Festival Filem

Los Angeles International Film Festival , 2016, Los Angeles, USA

Pengarah Baru Terbaik - Dhyan Vimal

Skor Muzik terbaik - Krishinthen Shanmugam

Accolade Global Film Competition

Anugerah Penghargaan - Awards of Recognition

Chandler International Film Festival, Arizona, USA, 2016

Karyawan Filem Baru Terbaik - Dhyan Vimal

TMC London film festival, 2016, London, UK

Anugerah Kemanusian - Humanitarian Award.

### \* MAWAR PUTIH

Tarikh Tayangan : 18 Ogos 2016

Genre : Drama / Romantik

Filem ini mengisahkan tentang cinta dua darjah di antara Irwan yang merantau ke Malaysia dan berkahwin dengan Tengku Zarina. Namun pergelakan mula berlaku apabila anak mereka, Aidil, bercinta dengan gadis Padang. Cinta, tetapi ada sesuatu yang membuatkan Aidil dan Cinta tidak mungkin dapat bersatu.

Penerbit : Manja Citra Sdn Bhd

Pengarah : Dato' Rosnani Jamil

Pelakon : Reen Rahim, Arja Lee, Triestan Aprilian, Cinta Dewi, Adli Eddynor.

### \* KANANG ANAK LANGKAU - THE IBAN WARRIOR

Tarikh Tayangan : 25 Ogos 2016



Filem biografi mengisahkan tentang seorang Pahlawan Iban yang menganggotai Tentera Darat Malaysia yang berjuang menentang Komunis pada era 70an.

Penerbit : Tangan Seni Sdn Bhd

Pengarah : Bade Haji Azmi

Pelakon : Langgi Anak Kanang, Adi Putra, Johan As'ari, Aidil Aziz, Jay Izwazir, Adam Shah, Livonia Ricky.

### \* PEKAK



Tarikh Tayangan : 1 September 2016

Seorang lelaki cacat pendengaran bernama Uda berazam untuk kembali mendengar. Untuk menggapai cita-citanya itu, dia terjerumus dalam aktiviti penjualan dadah bagi menampung pembiayaan implan kokleannya. Dia kemudian bertemu dengan Dara, seorang pelajar sekolah bermasalah yang ingin melarikan diri daripada bapanya yang terlalu mengongkong. Cinta antara mereka mula berputik, namun mereka terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Mohd Khairul Azri Bin Md Noor

Pelakon : Zahiril Adzim, Sharifah Amani, Iedil Putra, Sharifah Sakinah, Amerul Affendi.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri - Filem yang Mengupas Sosial Isu Remaja Berkaitan Najis Dadah.


Anugerah : International Motivational Film Festival (IMFF) Bridge of Arts 2016, Russia

Pelakon Lelaki Terbaik - Zahiril Adzim

Skrip Terbaik - Mohd Khairul Azri Md Noor.

### \* RADHI RUDY BIN DADU

Tarikh Tayangan : 8 September 2016



Radzi, Rudy dan Tuan Haji Kassim telah jatuh cinta dengan tiga wanita berbeza. Disebabkan masalah dan halangan, ketiga-tiga mereka ini gagal dalam kehidupan cinta mereka. Mereka sedaya upaya membuat apa sahaja untuk menarik perhatian pasangan mereka tetapi tidak menjadi. Ketiga-tiga mereka kemudian merancang melakukan sesuatu yang membawa mereka kepada melakukan jenayah tanpa disedari.

Penerbit : White Merpati Entertainment Sdn Bhd

Pengarah : Arjin Uppal

Pelakon : Sofi Jikan, Taiyudin Bakar, Usop Wilcha, Ezzaty Abdullah, Khatijah Tan, Aziz Satar, Adam Corrie.

### \* ALIFF DALAM 7 DIMENSI

Tarikh Tayangan : 8 September 2016



Aliff Lamin seorang pelajar universiti yang mewaris saka peliharaan keluarganya. Aliff memiliki kelebihan luar biasa dalam melihat dan mendengar entiti paranormal dari demensi lain. Aliff cuba menyembunyikan kelebihannya itu dari pihak lain, namun kelebihannya diketahui rakan-rakannya. Mereka mula melakukan aktiviti paranormal pada waktu malam untuk mengkaji dan merakam bukti kewujudan entiti. Suatu hari, dia bertemu Zul yang mempunyai keupayaan sasepertinya, tetapi

tidak seperti Aliff, Zul menggunakan saka tersebut untuk mengalahkan makhluk ghaib untuk mendapat lebih kuat. Aliff bimbang tindakan Zul menyebabkan semangat makhluk ghaib menjadi lebih agresif, lalu dia memutuskan untuk menghentikan perbuatan Zul itu. Malangnya Aliff kalah dan kehilangan sakanya.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd

Pengarah : Faisal Ishak

Pelakon : Izzue Islam, Julianna Evans, Alif Satar, Kaka Azraff



#### \* MULUK DAN KONCO

Tarikh Tayangan : 15 September 2016

Muluk mempunyai ijazah dan rakannya yang sangat berkeinginan untuk menyertai pasukan keselamatan. Ini kerana mereka menganggap kerjaya sebagai seorang pengawai keselamatan adalah seorang wira masyarakat.

Penerbit : FiTA Studios Sdn Bhd

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Saiful Apek, Yassin, Jalil Hamid, Azhari Zain, Sarah Hilderbrand.



#### \* VOLKSWAGEN KUNING

Tarikh Tayangan : 22 September 2016

Fuad (Pekin Ibrahim) dan Sarah (Atiqah Suhaimie) adalah sepasang kekasih yang telah bertunang. Suatu hari semasa dalam perjalanan ke kampung Fuad, mereka berdua mengalami gangguan dan tersesat jalan semasa mencari kedai makan. Suasana cemas seketika. Dan gangguan tu juga mengakibatkan kemalangan. Fuad ditahan dalam wad, tapi Sarah langsung tidak mengalami kecederaan. Tak ada siapa yang menduga, Sarah membawa balik 'sesuatu' bersamanya.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Shadan Hashim

Pelakon : Pekin Ibrahim, Atiqah Shuhaimie.



#### \* JUVANA 3

Tarikh Tayangan : 29 September 2016

Ia merupakan kesinambungan dari sekuel terdahulu, Botak, Daim dan Ayam menyedari perjanjian mereka bertiga dengan Raja demi membebaskan Sara, ayah Botak dan adik-beradik Apek telah memakan diri. Sebenarnya, Raja merupakan dalang di sebalik penculikan yang dilakukan kerana mahu membala dendam terhadap mereka yang menjadi punca disumbat ke penjara serta merampas organisasi jenayah daripada Tok Jebat dan Tok Ki. Selain itu, Daim yang tidak dapat menerima kenyataan setelah kekasihnya, Sara yang mati akibat ditikam Tok Ki mengalami gangguan emosi. Kemudian dia menjauhkan diri

dari rakan-rakannya serta menganggap mereka sebagai musuh.

Penerbit : Filmscape Sdn Bhd

Pengarah : Faisal Ishak

Pelakon : Zahiril Adzim, Johan As'ari, Adam Shahz, Hasnul Rahmat, Pekin Ahmad.

**\* MAT MOTO OTAI**

Tarikh Tayangan : 6 Oktober 2016



AL (Pekin Ibrahim), pemilik syarikat suntingan filem mengembara ke empat negeri untuk menunaikan hajat memiliki empat jenis helmet istimewa yang amat berharga. Dia ditemani oleh Sikha (Falisha Crossley), seorang pelajar praktikal di pejabat AL yang memberi Sikha sebuah kamera untuk merakam perjalanan mereka. AL melakukan semua ini kerana atas persahabatan tetapi dia tidak memberitahu siapa sahabatnya itu.

Penerbit : Aifa Motion Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Eizlan Yusof, Ahmad Idham, Opie Zami, Cat Farish.

**\* KECOH! PRIMADONA KENA HANTU!**

Tarikh Tayangan : 24 November 2016

Genre : Komedi/Seram



Sebuah produksi sedang menjalankan penggambaran cerita seram di sebuah rumah banglo. Sejak dari awal penggambaran lagi mereka berdepan masalah kerana terpaksa menunggu kehadiran pelakon veteran primadona Khaty ke set. Malah pengarah juga tiba lewat berikutan neneknya baru meninggal dunia. Apa yang membimbangkan pengarah adalah dia telah menerima sesuatu daripada neneknya sebelum meninggal dunia

dan ia berkemungkinan saka neneknya. Ketika penggambaran pelbagai kejadian aneh berlaku sehingga Khaty jatuh pengsan dan mereka menyangka dia telah dirasuk oleh saka nenek pengarah itu.


Penerbit : Rainfilm Sdn. Bhd.

Pengarah : Pierre Andre

Pelakon : Kamal Adli, Kamarol Hj Yusof, Khatijah Tan, Abam Bocey, Amir Raja Lawak.

**\* ROCK BRO!**

Tarikh Tayangan : 27 Oktober 2016



Ia menceritakan permulaan sebuah kumpulan muzik dalam mengejar cita-cita menjadi kumpulan rock ternama manakala dalam skuel kedua Rock Ooo pula menceritakan zaman transisi dan kejayaan kumpulan rock untuk meneruskan perjuangan muzik mereka ketika itu. Untuk filem terakhir ini, Rock Bro memaparkan zaman kejatuhan irama rock dalam berdepan pelbagai kesukaran dengan kemasukan genre muzik baru dalam industri muzik tempatan.

Penerbit : Grand Brilliance

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Khir Rahman, Hasnul Rahmat, Pekin Ibrahim, Kaka Azraff.

**\* HANYUT**

Tarikh Tayangan : 24 November 2016

Berdasarkan novel pertama Joseph Conrad, filem epic ini bercerita tentang Almayer, seorang peniaga Belanda berjuang untuk meneruskan kehidupan di Borneo pada pertukaran abad ke-19. Dia berimpian untuk menemui gunung emas yang dianggap mitos, tetapi ditentang oleh isterinya yang licik, kerajaan penjajah, intrik politik dari pusat daerah dan pedagang Arab, dan cinta putrinya terhadap seorang pahlawan Melayu yang inginkan kebebasan.

Penerbit : Tanah Licin Sdn Bhd

Pengarah : U-Wei Haji Saari

Pelakon : Peter O'Brien, Adi Putra, Diana Danielle, Sofea Jane, Sabri Yunus, Bront Palarae, Alex Komang.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik - Diana Danielle

Pereka Kostum/ Busana Terbaik - Akma Suriati Awang

Anugerah : 1st ASEAN International Film Festival and Awards, Kuching

Anugerah Penghargaan - Special Honor Award - U-Wei Hj Saari.

**\* UPIN & IPIN JENG JENG JENG**

Tarikh Tayangan : 24 November 2016

Aqish ialah seorang anak yatim yang setia meminati Upin dan Ipin, suka melukis dan menggantung gambar Upin dan Ipin, bahkan suka berangan-angan berkawan dengan watak-watak Upin dan Ipin. Pada suatu hari, nasib malang melanda Aqish apabila rumah anak yatim dan tanah yang didudukinya bakal dijual kepada pihak luar, memungkinkan Aqish kehilangan tempat untuk bergantung. Duka Aqish begitu menyentuh perasaan sehingga watak-watak Upin dan Ipin dalam lukisan pun terasa dan mereka pun muncul ke dalam dunia Aqish dalam bentuk watak hidup untuk menghiburkan dan menemani Aqish dalam menghadapi dugaan.

Penerbit : Les' Copaque Production & KRU Studios

Pengarah : Erma Fatima

Pelakon : Puteri Balqis. Awie, Remy Ishak, Sara Ali, Gambit Saifullah, Asyiela Putri.

**\* INTERCHANGE**



Tarikh Tayangan : 1 Disember 2016  
 Sewaktu sedang menyiasat satu kes pembunuhan mengerikan, Adam berkenalan dengan seorang perempuan misteri, Iva (Prisia Nasution) yang merupakan jiran barunya. Melalui persahabatannya dengan Iva, Adam mula mendapatkan kehidupannya semula dan mereka jatuh cinta. Iva mendedahkan bahawa dirinya seorang bomoh berasal dari Borneo yang sedang mencari jati diri suku kaumnya yang terperangkap dalam kaca negatif selama 100 tahun. Adam muh membantu Iva mencapai usahanya untuk mati dengan tenang.

Penerbit : Apparat Sdn Bhd

Pengarah : Dain Iskandar Said

Pelakon : Shaheizy Sam, Nicholas Saputra, Prisia Nasution, Nadiya Nisaa, Alvin Wong, Chew Kin Wah, Iedil Putra.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Pengarah Terbaik - Dain Said

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Shaheizy Sam

Sinematografi Terbaik - Jordan Chiam

Penataan Seni Terbaik - Zaharah Naqibullah

Festival Filem Asia Pasifik ke-58, Taipei, Taiwan - 2018

Anugerah Kesan Khas Visual - Mira Digital Studio Voxel, Imagica SEA & Tre14 Asia.



**\* DESOLASI**

Tarikh Tayangan : 8 Disember 2016

Mengisahkan mengenai Aiman seorang pelukis remaja yang mencari jawapan dalam persoalan kehidupan selepas melalui pelbagai ujian dan dugaan dalam kehidupan sehariannya sehingga membuatkan dirinya hilang arah. Masalah demi masalah yang dihadapinya membuatkannya bertengkar dengan ayahnya. Satu hari, Aiman berdoa agar semua masalahnya hilang dan keesokan harinya, selepas bangun dari tidur, dia mendapati semua manusia sudah lenyap. Ia sekali gus memberi peluang kepada Aiman untuk melakukan pelbagai perkara yang ingin dilakukannya tanpa perlu berfikir panjang.

Penerbit : Skop Productions

Pengarah : Syafia Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Bella Dally, Pekin Ibrahim, Dato Jalaludin Hassan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Mengaplikasikan Penggunaan Kesan Khas Visual Meyakinkan.

**\* BO-PENG**

Tarikh Tayangan : 22 Disember 2016



Bo-Peng mengisahkan tentang dua orang rakan rapat iaitu Bo dan Peng yang bekerja di sebuah restoran makanan segera. Pada suatu hari, seorang pelanggan tetap, Mira Idora Senrose yang menjalinkan hubungan cinta dengan Peng memberitahu yang dirinya sedang diekori oleh seseorang. Selepas itu, Mira diculik dan menyaksikan satu pembunuhan yang tersangat kejam oleh penculiknya sewaktu dalam perjalanan ke tempat persembunyian. Dengan bantuan daripada pihak polis, Bo dan Peng memulakan satu misi bagi menyelamatkan Mira daripada dibunuh dengan kejam.

Penerbit : Pencil Pictures And Records Sdn Bhd

Pengarah : Helmi Yusof

Pelakon : Nabil Ahmad, Johan As'ari, Zulin aziz, Ellie Suriati, Sofi Jikan.

**\* THE ADVENTURES OF BUNTAT**

Tarikh Tayangan : 2016

Filem ini adalah sebuah kisah perjalanan seorang kanak-kanak berusia sepuluh tahun ke Tanah Suci Mekah menaiki kapal haji pada tahun 1969.

Penerbit : Digital Creative Idea

Pengarah : Shahrulezad

Pelakon : Rykarl Iskandar, Faizal Hussein, Vanida Imran, Abu Bakar Omar.

**2017**

**\* DORM MELATI**

Tarikh Tayangan : 12 Januari 2017

Ia mengisahkan tentang Adam yang mengajak empat rakannya iaitu Zafirah, Eddy, Carol dan Raihana ke sebuah kem bernama Dorm Melati. Tujuan mereka ke sana adalah untuk melihat sendiri roh Melati yang dikatakan sering menganggu pengunjung yang datang ke Dorm Melati.

Penerbit : FiTA Studios Sdn Bhd

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Aedy Ashraf, Nadia Aqilah, Aizat Hassan, Ardell Aryana.



### \* AKU BUKAN SPY

Tarikh Tayangan : 19 Januari 2017



Seorang lelaki Indonesia bernama Putra yang bekerja di sebuah hotel menjalin hubungan dengan seorang gadis Malaysia bernama Pevita yang turut bekerja di hotel sama. Mereka merancang ingin berkahwin di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun rancangan mereka untuk berkahwin dihalang oleh abang Putra, Ray, yang merupakan bekas ejen perisik Indonesia apabila Ray mengetahui ibu Pevita sebenarnya seorang ejen rahsia yang telah melakukan penculikan terhadap beberapa tokoh bank dunia. Tetapi Ray dan Fariza perlu bekerjsama apabila pelbagai halangan perlu dihadapi mereka termasuk cubaan bunuh oleh kumpulan gangster.

Penerbit : Fimtab Unik

Pengarah : Danial Rifki

Pelakon : Keith Foo, Siti Saleha, Nasha Aziz.

### \* AKU HAUS DARAH MU

Tarikh Tayangan : 2 Februari 2017



Ia mengisahkan Lia lakonan Nad Zainal, seorang ahli antropologi dalam bidang seni tarian bersama dua rakannya mengunjungi sebuah perkampungan di pedalaman untuk membuat kajian mengenai sejenis tarian yang hampir pupus. Dia dan rakannya sanggup melakukan apa sahaja untuk melengkapkan hasil kajian mereka. Pelbagai peristiwa seram menyelubungi mereka sepanjang kajian mengenai tarian itu dilakukan. Apabila mereka tiba di sebuah perkampungan kecil yang diuruskan oleh seorang wanita dan pembantunya, perkara aneh dan menyeramkan mula berlaku.


Penerbit : Tsar Asia Sdn Bhd

Pengarah : Aidilfitri Mohamed Yunos

Pelakon : Deanna Yusoff, Nad Zainal, Zoey Rahman.

### \* SOULMATE HINGGA JANNAH

Tarikh Tayangan : 16 Februari 2017



menjadi dilema dalam diri Azmeer adalah janjinya terhadap Khalisa sebagai 'Soulmate Hingga Jannah'.

Penerbit : FITA Studio Sdn Bhd

Pengarah : Dato' Prof. Dr. A. Razak Mohaideen

Pelakon : Taufik Batisah, Erra Fazira, Raja Ilya, Douglas Lim, Reen Rahim.

**\* PAK PONG**

Tarikh Tayangan : 23 Februari 2017

Ia mengisahkan tentang seorang pemuda kerdil yang terlalu inginkan kesempurnaan. Dia mahu menjadi lelaki normal yang lebih kacak. Macam watak Si Bongkok dalam cerita Sumpah Orang Minyak, arahan P.Ramlee itu. Selepas menuntut ilmu yang salah, lelaki ini lupa diri dan akhirnya perbuatannya itu memakan diri sendiri.

Penerbit : Raja Mohammad Hj Mohd Ismail

Pengarah : Fauzi Nawawi

Pelakon : Hairul Azreen, Siti Saleha, Badrul, Fauzi Nawawi, Eizlan Yusof.

**\* J REVOLUSI**

Tarikh Tayangan : 2 Mac 2017

Mengisahkan tentang Jay Zulkarnain - seorang ketua pegawai Unit Tindakan Khas (UTK). Pasukannya begitu digeruni penjenayah kerana kepakaran mereka berdepan musuh. Konflik bermula apabila adik Jay, Dian (Nur Fazura) yang juga seorang ejen ditangkap oleh pengganas misteri. Dalam misi menyelamat adiknya itu, Jay terperangkap dan dituduh membunuh seorang rakan setugasnya. Tercetuslah pelbagai konflik dan insiden mengejutkan yang menghantui Jay.

Penerbit : Infinitus Productions & Grand Brilliance

Pengarah : Zulkarnain Azhar

Pelakon : Zul Ariffin, Izara Aishah, Nur Fazura, Farid Kamil.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Penyunting Terbaik – Nazim Shah

**\* ADIWIRAKU**

Tarikh Tayangan : 9 Mac 2017



Ia mengisahkan tentang pasukan `choral speaking` Sekolah Menengah Kebangsaan Pinang Tunggal, Baling Kedah yang berjaya memenangi pertandingan itu pada tahun 2015. Pelbagai cabaran dan dugaan dihadapi oleh setiap ahli pasukan `choral speaking`. Adiwiraku adalah berdasarkan kisah benar tentang perjuangan dan kejayaan dua guru Bahasa Inggeris dalam mendidik para pelajar di sebuah sekolah luar bandar di Kedah. Adiwiraku menghidupkan kisah bagaimana pelajar SMK Pinang Tunggal Sg Petani berusaha untuk menyertai pertandingan choral speaking walaupun telah diketahui peluang mereka untuk menang terlalu tipis.

Penerbit : Filmmecca Studios

Pengarah : Eric Ong

Pelakon : Sangeeta Krishnasamy, Xavier Fong, Ahmad Adnin Zidane, Irdina Tasmin, Balqis Sani.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik

Pelakon Wanita Terbaik – Sangeeta Krishnasamy

Cerita Asal Terbaik – Jason Chong

Anugerah – 48<sup>th</sup> Roshd International Film Festival, Tehran, Iran - 2018

Diploma of Honor (Anugerah Khas Kepujian).



**\* KANANG ANAK LANGKAU - THE IBANI WARRIOR /  
2017**

Tarikh Tayangan : 16 Mac 2017

\* Filem biografi mengisahkan tentang seorang Pahlawan Iban yang menganggotai Tentera Darat Malaysia yang berjuang menentang Komunis pada era 70an.

Penerbit : Tangan Seni Sdn Bhd

Pengarah : Bade Haji Azmi

Pelakon : Langgi Anak Kanang, Adi Putra, Johan As'ari, Aidil Aziz, Jay Izwazir, Adam Shah, Livonia Ricky.

**\* Anugerah & Festival Filem**

3<sup>rd</sup> ASEAN International Film Festival & Awards, Kuching, Sarawak - 2017

Anugerah Khas - Anugerah Filem Semangat ASEAN.



**\* KIMCHI UNTUK AWAK**

Tarikh Tayangan : 30 Mac 2017

Sejak di Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon lagi Bella, pelajar di salah sebuah universiti di Seoul, Korea Selatan itu menghadapi pelbagai cabaran. Insiden dia terlanggar lelaki kacukan Melayu Korea yang bernama Danial Lee Jae Hwan adalah permulaannya. Tidak cukup dengan itu, Kak Long pula memaksanya membuat kimchi sempena majlis menyambut kedatangan Presiden syarikat tempat Kak Longnya bekerja ke Malaysia. Hatinya semakin tidak aman apabila mengetahui yang Presiden itu adalah Danial Lee. Dan apabila cinta mula bercambah,

Bella melarikan diri ke Seoul gara-gara tersalahfaham. Akibat rasa rindu yang tidak tertanggung, Danial Lee menjelaki Bella di Seoul.

Penerbit :

Pengarah : Michael Ang

Pelakon : Aiman Hakim Redza, Janna Nick, Emma Maembong, Natash Elyzza, Ungku Hariz.



**\* SINDIKET**

Tarikh Tayangan : 6 April 2017

Ia mengisahkan mengenai Inspektor Rudy (Sharnaaz Ahmad) daripada unit khas D7 yang berusaha keras membanteras kes pemerdagangan manusia. Kematian seorang gadis berusia 16 tahun memberi petanda baru kepada pemburuan Inspektor Rudy terhadap sebuah kumpulan yang menjalankan aktiviti sindiket pemerdagangan manusia yang sangat dikehendaki di Malaysia.

Penerbit : Loyal Studios Sdn Bhd

Pengarah : Bade Hj. Azmi (Badaruddin Haji Azmi)

Pelakon : Sharnaaz Ahmad, Daphne Iking, Liyana Jasmay, Sharifah Amani.

### \* HOSPITAL



Tarikh Tayangan : 13 April 2017

Seorang gadis Amira (Fatin Afeefa) menghadiri temuduga untuk menjadi jururawat di sebuah hospital. Malangnya, Amira tidak berjumpa hospital tersebut dan hampir berputus asa. Sewaktu menunggu teksi di hentian bas terpencil, muncul Dahlia (Nina Iskandar) yang kebetulan berkerja di hospital yang dicari oleh Amira dan memberikan pertolongan. Setelah diterima berkerja di hospital itu, Dahlia turut mempelawa Amira tinggal bersama di rumah sewanya. Amira bersetuju, dan semenjak itu bermulalah episod ngeri dalam hidupnya yang sering diganggu dengan kejadian seram dan penampakan lembaga ngeri. Perkenalan dengan doktor muda bernama Farid (Fizz Fairuz), menambahkan lagi kekalutan sedia ada.

Penerbit : MIG Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Mohd Azaromi Ghozali

Pelakon : Fatin Afeefa, Shima Anuar, Fizz Fairuz, Nina Iskandar.

### \* KAMAR SEKSA



Tarikh Tayangan : 20 April 2017

Ia menampilkan dua cerita dalam filem ini iaitu kisah pertama berkisarkan tentang seorang pembantu rumah bernama Mona yang bekerja di sebuah rumah pasangan wanita biseksual. Walau bagaimanapun dia mula merasa pelik dengan tingkah laku majikannya dan keadaan menjadi buruk apabila pasangan majikannya menyimpan dendam terhadapnya. Mona yang bingung cuba mendapatkan bantuan jiran. Manakala cerita kedua pula mengisahkan tentang Nur, seorang isteri dan ibu cuba mencari kerja untuk menampung perbelanjaan rumah berikutan suaminya sering mencuri wang. Keadaan bertambah buruk apabila suaminya

dibuang kerja kerana selalu ponteng.

Penerbit : Garuda Film

Pengarah : M.Suurya

Pelakon : Sazzy Falak, Nurkhiriah, Ieda Moin, Aiyuni Hashim.

### \* LEBUHRAYA KE NERAKA

Tarikh Tayangan : 4 Mei 2017

Berkisarkan kisah sekumpulan geng motor berkuasa tinggi yang diserang penyakit misteri secara tiba-tiba semasa berhenti di suatu kawasan untuk berehat. Bob (Awie) yang mengetuai konvoi itu tidak mengalami sebarang penyakit misteri seperti rakan-rakannya yang lain. Ketika Bob sedang mencari bantuan, dia telah terserempak dengan seorang lelaki misteri bernama Tyson (Khir Rahman) yang bersetuju untuk menolongnya. Akan tetapi Bob harus membuat keputusan sama ada dia mahu meyelamatkan rakan-rakannya atau mempertaruhkan nyawa mereka sebagai balasan di atas pertolongan Tyson.

Penerbit : Primework Studios

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Awie, Shah Jazole, Khir Rahman, Miera Liyana, Fatin Azirah, Dazrin Kamarudin, Pekin Ibrahim.



### \* YOU MEAN THE WORLD TO ME



Tarikh Tayangan : 4 May 2017

Skrip filem ini ditulis berdasarkan sejarah keluarga Saw dan hubungannya yang terasing ibunya. Setelah naskah selesai, Saw berhasrat mengubahnya menjadi filem tetapi tidak mempunyai cukup wang untuk melakukannya. menyampaikan Naskah itu kepada beberapa dibuat dalam bahasa Mandarin, Yang ditolak oleh Saw. Oleh itu, dia memutuskan bahwa skrip itu akan berbentuk Teatre terlebih dahulu. Drama ini, dengan nama Hai Ki Xin Lor, diadakan pada tahun 2014 semasa Festival George Town. Kejayaan dalam drama ini membuka pintu baginya untuk mendapatkan dana untuk menjadikan drama ini menjadi filem pilihan.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Saw Teong Hin

Pelakon : Yeo Yann Yann, Steve Yap, Chelsia Ng, Neo Swee Lin, Frederick Lee, Gregg Koay.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Lakon Layar Terbaik - Saw Teong Hin

Pelakon Lelaki Harapan : John Tan

Skor Muzik Terbaik - David Koon.

### \* MINAH MOTO



Tarikh Tayangan : 25 Jun 2017

Minah Moto mengisahkan Aminah, seorang gadis yang cantik tetapi berperwatakan kasar seperti lelaki. Tamat persekolahan, Aminah bekerja di bengkel motosikal milik bapanya. Aminah juga menyimpan impian ingin memiliki motosikal RXZ dan apabila impianinya tercapai, bermulalah kehidupan Aminah sebagai Minah Moto.

Penerbit : Aifa Motion Pictures

Pengarah : Ahmad Idham

Pelakon : Dayana Roza, Ariz Lufias, Cat Farish, Julia Hana, Aliff Yasraf.

### \* KERJA KAHWIN

Tarikh Tayangan : 20 Julai 2017

Berkisarkan tentang gadis kota, Farah yang bakal menamatkan zaman bujangnya. Farah memilih untuk berkahwin secara tradisional di kampung. Beliau membuat keputusan itu bagi memenuhi permintaan Mak Tok yang mahu majlis perkahwinan dibuat mengikut adat budaya tradisi Melayu dan bukannya di hotel mewah. Walau bagaimanapun, mengadakan perkahwinan di kampung bukanlah tugas mudah kerana dia memerlukan bantuan daripada pelbagai orang. Bermula dengan persiapan sehingga hari majlis perkahwinan pelbagai kejadian dan ragam.

Penerbit : Wayang Padu Sdn Bhd

Pengarah : Anwardi Jamil

Pelakon : Janna Nick, Dato Rosnani Jamil, Shahruddin Thamby, Ziema Din, Syed Ali.

### \* KAU YANG SATU



Tarikh Tayangan : 27 Julai 2017

Mengisahkan pergolakan cinta tiga segi. Bot milik Datuk Mustaza karam selepas dipukul ombak ketika dia keluar memancing, namun nasibnya baik apabila dia diselamatkan oleh seorang nelayan bernama Sulaiman. Datuk Mustaza yang berasa dirinya terhutang budi mahu menjodohkan anak lelakinya Taufik dengan anak Sulaiman yang bernama Salina. Walau bagaimanapun kedua-duanya tidak bersetuju kerana mereka sudah mempunyai teman istimewa. Tetapi akhirnya, mereka terpaksa akur dengan kemahanuan bapa mereka.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Aaron Aziz, Izara Aishah, Soo Wincci, Hisyam Hamid.

### \* HIJABSTA BALLET



Tarikh Tayangan : 3 Ogos 2017

Adele, remaja perempuan memegang teguh impian ibunya dan sangat berbakat hingga mendapat biasiswa ke akademi balle ternama di Rusia tetapi kemudian tiba-tiba membuat keputusan untuk berhijab. Ibunya tidak boleh melarang, tapi hatinya remuk, patah, harapannya hancur bagai kaca yang berderai. Adele mendapat tantangan hebat apabila dia mahu menyatukan hijab dalam dunia balet. Dia hilang kawan, rakan selatihan menolak, keluarga berantakan. Dunia ballet menolaknya jauh, agamawan mendesaknya, ekstrimis mengancam mencederakannya. Oleh itu, dia membawa diri ke Perth, Australia namun tantangan yang dihadapinya lebih besar berbanding di negara sendiri.

Penerbit : FDAM / EMAGIC

Pengarah : Syed Zul Tojo

Pelakon : Puteh Maimun Zahrah, Aman Graseka, Betty Banafe, Aida Khalida.



### \* BALUN

Tarikh Tayangan : 17 Ogos 2017

Hassan pulang dari luar negara dan mengambil keputusan untuk menetap di kampung asalnya di Kampung Putra, Taiping. Ini kerana banyak perkara harus diselesaikan terutama perihal tanah milik arwah ayahnya, Mustafa dicagarkan kepada Orang Kaya Seman sebelum itu. Setibanya Hassan di bandar Taiping, Hassan diancam dua pihak yang berbeza iaitu pihak gangster dan penyamun di kampung kerana dia menggagalkan cubaan merompak yang dilakukan mereka di sebuah pasar raya. Insiden itu membawa Hassan ke kampungnya yang sudah hampir 17 tahun ditinggalkan.

Penerbit : Element Pictures

Pengarah : Bob Singah

Pelakon : Beto Kusyairy, Izara Aishah, Eizlan Yusof, Reen Rahim.

**\* MRS K / 2017**

Tarikh Tayangan : 7 Sept. 2017

Kisah mengenai seorang wanita yang memberikan segala yang dia ada untuk melindungi suami dan anak perempuannya ketika musuh dari masa lalu memburunya. Dia dipaksa untuk melihat kembali masa lalunya yang gelap ketika anak perempuan remajanya diculik oleh musuh.

Penerbit : Red Films & Paperheart

Pengarah : Ho Yuhang

Pelakon : Kara Wai, Simon Yam, Wu Bai, Siow Li Xuan.

**\* Anugerah & Festival Filem**

14<sup>th</sup> ASIAN Summer Film Festival



Anugerah Khas - Lucky Cat honor Award - Kara Wei

12<sup>th</sup> Chinese Young Generation Film Forum, Wuhan, China - 2017

Penata Seni/Produksi Terbaik - Wong Tay Sy

Penyunting Terbaik - Soo Mun Thye & Sharon Chong.

**\* The Farm : En Veetu Thottathil / 2017**

Tarikh Tayangan : 28 Sept. 2017

\* The Farm mengikuti perjalanan seorang gadis cacat pendengaran dan pertemuannya dengan pelbagai jenis lelaki dalam hidupnya; seseorang yang niat baiknya menyembunyikan motif yang lebih gelap, yang dengan niat buruk pada mulanya yang kemudian bertaubat, dan yang menyalahgunakan wanita, yang digambarkan oleh pengarah sebagai 'binatang'.

Penerbit : Chillie Pickles & S Cape Imagination Production

Pengarah : Karthik Shamalan

Pelakon : Jaya Ganason, K.S.Maniam, Mahesan Poobalan, Mohana Raj.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Pelakon Wanita Harapan - Jaya Ganason

Yellow Fever Indie Film Festival, Ireland – 2017.



### \* SHUTTLE LIFE / 2017



Tarikh Tayangan : 12 Oktober 2017

Ah Qiang tinggal di kota besar (Kuala Lumpur) dengan ibunya yang sakit mental dan adiknya Hui yang berusia 5 tahun. Ketika Hui meninggal dunia dalam sebuah kecelakaan, Ah Qiang merasa tertekan saat membawa pulang ke rumahnya. Namun dia berhadapan dengan masalah lain, kerana tidak dapat membuktikan tentang hubungannya dengan Hui, mengingat bahwa Hui tidak punya surat kelahiran. Tanpa bantuan daripada ibunya, Ah Qiang akhirnya berusaha sendiri untuk mencari jawapannya.

Penerbit : MM2 Entertainment Group & More Entertainment Sdn. Bhd

Pengarah : Tan Seng Kiat

Pelakon : Jack Tan, Sylvia Chang, Angel Chan, Gan Mei Yan, Juztin Lan, Jack Yap.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri - Filem Yang Mengangkat Kesedaran Sosial Dan Nilai-Nilan Kemanusian.

Anugerah : 20<sup>th</sup> Shanghai International Film Festival

Filem Terbaik (New Talent Award - MM2 Entertainment Group & More Entertainment Sdn. Bhd

Pelakon Lelaki Terbaik – Jack Tan

Sinematografi Terbaik – Chen Ko-chin

12<sup>th</sup> Chinese Young Generation Film Forum, Wuhan, China - 2017

Pelakon Lelaki Terbaik – Jack Tan

Sinematografi Terbaik – Chen Ko Chin

Penata Seni.Produksi Terbaik – Lim Chik Fong

2<sup>nd</sup> Malaysia International Film Festival (MIFFEST) & Golden Global Awards, KL, 2018

Audience Choice Award – MM2 Entertainment Group & More Entertainment Sdn. Bhd

### \* ABANG LONG FADIL 2 / 2017



Tarikh Tayangan : 24 Ogos 2017

Ia mengisahkan tentang perjalanan hidup Fadil, yang terjerumus ke dalam dunia mafia, didalangi oleh Taji Samprit dan anaknya Wak Doyok. Berlaku satu insiden yang menyebabkan Fadil disalah anggap oleh Insp. Wahab dan Insp. Shuib sebagai pembunuhan upahan yang dikenali sebagai Tiger. Dalam masa yang sama, Yana, seorang wartawan TVKL yang sering membuat liputan kes-kes pembunuhan yang dilakukan Tiger juga terjebak dalam kekalutan masalah yang dialami Fadil. Fadil terpaksa menjalani kehidupan sebagai seorang pembunuhan upahan walaupun dia bukanlah seorang pembunuhan.

Penerbit : Skop Production

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Zizan Razak, Syamsul Yusof, AC Mizal, Tania Hudson, Wak Doyok, Achey Bocey, Shuib Sepahtu.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke-29, 2017 - Kuala Lumpur

Filem Box Office.

### \* TOMBIRUO



Tarikh Tayangan : 12 Oktober 2017

Berkisarkan dendam seorang lelaki gagah yang tidak berwajah manusia di atas kematian ayahnya, Pondolou. Misinya mencari pembunuhan Pondolou diganggu oleh Amiruddin yang kini membunuhnya di atas kematian isteri tercinta, Salina. Sementara samseng yang diupah ingin memusnahkan Tombiruo kerana beranggapan Tombiruo menghalang misi peribadi mereka untuk mengaut keuntungan. Dalam kekacauan ini, wujud pula seorang wartawan wanita, Wan Suraya yang begitu nekad untuk mencari kebenaran di sebalik kejadian yang berlaku. Firasat Wan Suraya kuat mengatakan Tombiruo dan Amiruddin adalah mangsa keadaan.

Penerbit : Astro Shaw, Ideate Media, Grup Buku Karangkraf, Layar Sunan.

Pengarah : Nasir Jani

Pelakon : Farid Kamil, Nabila Huda, Faizal Hussein.

### \* BISIK PADA LANGIT



Tarikh Tayangan : 21 September 2017

Keluarga Rosli dikejutkan dengan berita kemalangan anaknya yang belajar di luar negara dan menjadi terdesak untuk melawatnya di sana. Namun, niat si ayah itu menimbulkan tentangan dan ketegangan dalam kalangan ahli keluarga kerana mereka tidak mempunyai simpanan wang yang mencukupi. Tanpa disangka, niat si ayah juga menjadi punca kepada pergaduhan mereka sekeluarga.

Penerbit: Astro Shaw & Nusantara Seni Karya

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Jalil Hamid, Ummi Nazeera, Beto Khusyairi, Erwin Dawson, Fadilah Mansor.

### \* THE KID FROM THE BIG APPLE 2: BEFORE WE FORGET



Tarikh Tayangan : 7 November 2017

Datuk Chungen teruja untuk bersua semula dengan anak perempuan dan cucu perempuannya selepas beberapa tahun. Namun, ada perubahan dalam keluarga apabila dia mula kehilangan ingatan. Peristiwa gembira keluarganya perlahan-lahan memudar.

Penerbit : Three Productions Sdn. Bhd

Pengarah : Jess Teong


Pelakon : Ti Lung, Shaun Tam, Sarah Tan.

Anugerah & Festival Filem

Beverly Hills Screenplay Contest, Los Angeles, USA-2017

Bronze Award – Jess Teong

### \* THOTTAM : THE GARDEN



Dibebaskan dari tahanan dengan bantuan saudara lelaki yang tidak pernah ditemui selama bertahun-tahun, seorang penunjuk perasaan dan keluarga angkatnya terpaksa mengharungi penghidupan dengan adunan pengkhianatan - cinta, tanah, dan darah.

Penerbit : Blueeye Productions

Pengarah : Arangkannai Raj

Pelakon : Aghilvarman, Vivian Chong, Singai Jegan, K.S.Maniam, Hassan Muthalib, Ruban, Thana.

#### \* Anugerah & Festival Filem

9<sup>th</sup> Norway Tamil Film Festival, Oslo, Norway - 2018

Filem Terbaik - Blueeye Productions

3<sup>rd</sup> Lake City International Film Festival, Gwalior, India, 2018

Pengarah Baharu Terbaik - Arangkannai Raj.

### \* PINJAMKAN HATIKU

Tarikh Tayangan : 30 November 2017

Laila Safitri (Ayda Jebat) berdepan dilema untuk memilih antara kawan lama, Naufal (Shaheizy Sam) atau Doktor Hasnan (Farid Kamil) yang merawat Naufal ketika sakit. Timbul bibit-bibit cinta antara mereka berdua sehingga membuat Laila lupa akan segala pahit dan kesakitan yang dialami dengan kehadiran Naufal. Begitu juga dengan Naufal. Mereka seperti saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Gelak ketawa dan riang bersama menjadi makanan harian mereka sehingga datangnya seorang pemuda yang bernama Dr.Hasnun yang merubah segala corak cerita cinta Laila dan Naufal.

Penerbit : AuraWhite Global Sdn Bhd & Nuansa Production

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Shaheizy Sam, Ayda Jebat, Farid Kamil.

### \*JIBAM

Tarikh Tayangan : 7 Disember 2017

Filem Jibam ini mengisahkan kisah sebuah keluarga yang dianugerahkan oleh Allah dengan anak yang sangat istimewa, seorang anak autisme, Asyraf atau Jibam.

Filem ini bercerita tentang sosio-ekonomi masyarakat yang rata-ratanya masih lagi dibelenggu oleh kemiskinan. Ia bercerita tentang sebuah keluarga yang hidup di bawah paras kemiskinan di sebuah kampung yang terpinggir.

Penerbit : Empire Film Solution Sdn. Bhd

Pengarah : Che Mie

Pelakon : Bohari Ibrahim, Kaza, Zaidi Umar, A. Galak, Syafiq

Naswif, Farah Tombiruo, Farouk Gagak Hitam.



**\* AQERAT / 2017**



Berapakah nilai harga untuk terus hidup? Seorang wanita muda Cina Malaysia, dengan impian kehidupan yang lebih baik di Taiwan, mendapati dirinya terbabit dalam dunia bahaya dan kematian.

Penerbit : Pocket Ideas & Greenlight Pictures

Pengarah : Edmund Yeo

Pelakon : Daphne Low, Kahoe Hon, Ruby Faye, Johnny Goh.

**\* Anugerah & Festival Filem**

30th Tokyo International Film Festival, Tokyo, 2017

Pengarah Terbaik – Edmund Yeo

12<sup>th</sup> Jogja-NETPAC Asian Film Festival, Jogjakarta, Indonesia - 2017

Anugerah Pilihan Geber Awards - Pocket Ideas & Greenlight Pictures

15<sup>th</sup> Asian Film Festival, Bologna, Itali - 2018

Filem Terbaik - Pocket Ideas & Greenlight Pictures

## 2018



**\* BUSKER**

Tarikh Tayangan : 11 Januari 2018

Ia berkisarkan tentang kisah cinta di antara Adil dan Vera yang sering tidak bersepakat, sehingga mereka dipaksa untuk bekerjasama dalam satu projek kolej dan mula semakin rapat. Rupa-rupanya Adil cuba bangun selepas ditinggalkan kekasihnya Mel, jadi Vera mencadangkan dia menyertai pertandingan busker untuk memenangi hati Mel semula. Tetapi, sebagaimana mereka meluangkan masa bersama, Vera mula menaruh perasaan terhadap Adil.

Penerbit : Tayangan Unggul Sdn Bhd

Pengarah : Syed Fariz

Pelakon : Hafeez Mikail, Daiyan Trisha, Anas Ridzuan, Bulan, Lia Natalia

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Lagu Tema Terbaik: Atma Jiwa, Monologue (Busker)

Anugerah Khas Juri 3: Busker.



**\* BUKAN CINTA MALAIKAT**

Tarikh Tayangan : 2017

Ia mengisahkan tentang Reyhan (Fachri Albar), seorang relawan Muslim Care asal Bandung yang sedang bertugas di wilayah konflik di Asia Barat. Saat sedang berada di Madinah, Reyhan menolong Dewi (Nora Danish) yang sedang melakukan perjalanan umrah. Namun, Dewi secara tidak sengaja tertangkap kerana dikira pengunjung gelap. Sejak pertemuan itu, Reyhan yang belum pernah menyatakan cinta pada perempuan, merasakan benih cinta dalam dirinya. Ia menaruh hati pada Dewi. Reyhan ke Malaysia untuk menyatakan cinta dan melamar Dewi.

Penerbit : Ganesa Perkasa Films & Ace Motion Pictures.

Pengarah : Aziz M.Osman

Pelakon : Ashraf Muslim, Nora Danish, Fachri Albar, Donita.

### \* MAKRIFAT CINTA



Tarikh Tayangan : 1 Februari 2018

Mahathir (Syamsul Yusof) berkerja keras untuk memenuhi segala kemauan isterinya (Nabila Huda) dan anak perempuan mereka (Puteri Balqis). Dalam masa yang sama Mahathir berdepan dengan masalah yang dihadapi abang iparnya, Rizal (Adi Putra) yang juga penagih dadah tegar sehingga membuatkan rumah tangganya bermasalah. Tersepit antara masalah yang dihadapi, Mahathir cuba mencari jalan keluar daripada situasi yang menimpa dirinya sehinggalah dia bertemu dengan rakan lamanya semasa belajar di kolej dulu, Sofea (Nora Danish).

Penerbit : Dhananwoodd Films Sdn Bhd

Pengarah : Kamal G

Pelakon : Syamsul Yusof, Nora Danish, Adi Putra, Nabila Huda, Puteri Balqis, Aznil Nawawi, Sabrina Ali.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Wanita Terbaik: Nabila Huda.

### \* BADANG



Tarikh Tayangan : 15 Februari 2018

Mak Siah, ibu Bad berpesan- menjelang usia Bad 25 tahun, Bad bakal memperoleh sedikit demi sedikit kuasa luar biasa yang menjadikannya berbeza daripada manusia biasa. Pada usia Bad menyambut hari lahirnya yang ke 25 tahun, beliau menyedari kuasa-kuasa luar biasa mula berkembang di dalam dirinya apabila beliau memegang pohon buluh, Bad mempunyai kuasa ghaib, kelajuan dan kekuatan luar biasa. Dengan bantuan Sarip,

'Badang' mula muncul sebagai adiwira membantu golongan yang memerlukan.

Penerbit : FiTA Studio

Pengarah : Prof Madya A. Razak Mohaideen

Pelakon : Datuk Aliff Syukri, Fasha Sandha, Azhari Mohd Zain, Aminah Rhapor, Fauzi Nawawi.

### \* A HOUSE OF HAPPINESS / 2018

Tarikh Tayangan : 15 Februari 2018

Shui adalah pesakit Alzheimer yang mengalami kehilangan ingatan dan perubahan tingkah laku. Ha, sebagai penjaga peribadi Shui, tetap bersamanya dan membantu menguruskan kehidupan sehariannya. Namun, kerana sikap amarahnya berubah menjadi marah, Ha tidak tertanggung lagi dan dia mlarikan diri. Tanpa Ha di sisinya, Shui kehilangan satu-satunya bantuan dan sokongan. Jirannya meminta bantuan dari anak Ha, Leong untuk memujuk Ha.

Penerbit : 988/Lomo Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : JY Teng

Pelakon : Richard Ng, Mimi Chu, Chan Fong, Cheryl Lee.

### \* Anugerah & Festival Filem

Best Cantonese Film (Red maple Leaf Award).



#### \* SURF THIS LOVE

Tarikh Tayangan : 22 Februari 2018

Genre : Drama / Romantik

Seorang pemuda meminta bantuan seorang bekas juara luncur yang tidak lagi aktif selepas mengalami kecederaan kaki. Pemuda ini yang mahu mengikut jejak langkah abangnya menjadi juara luncur, sering dicabar oleh juara bertahan. Namun dia akhirnya terpilih untuk bersaing dalam pentas akhir pertandingan meluncur.

Penerbit : GSR Production Sdn Bhd / Cloud Niners

Pengarah : Waan Hafiz

Pelakon : Shukri Yahaya, Cristina Suzzane, Pekin Ibrahim, Josiah Hogan, Mustaqim Bahadon, Syuhaida Abraz, Ardell Aryana.



#### \* KL SPECIAL FORCE

Tarikh Tayangan : 8 Mac 2018

Sepasukan polis berusaha menumpaskan sekumpulan perompak bersenjata yang banyak melakukan rompakan bank. Kumpulan itu turut dianggotai oleh salah seorang pegawai polis dalam penyamaran.

Penerbit : Skop Production Sdn Bhd

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Fattah Amin, Rosyam Nor, Syamsul Yusof, Sabrina Ali, Esma Daniel, Ramona Zamzam, Mustaqim Bahadon.

#### \* LEE CHONG WEI



Tarikh Tayangan : 15 Mac 2018

Ia sebuah filem biopik yang berkisarkan tentang kehidupan pemain badminton nomor satu negara Dato` Lee Chong Wei sejak dari kecil yang berusaha keras untuk mencapai cita-cita menjadi pemain badminton nomor satu dunia dengan bantuan jurulatih Datuk Misbun Sidek.

Penerbit : CB Pictures Sdn Bhd / Mahu Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Teng Bee

Pelakon : Tosh Chan, Jake Eng, Rosyam Nor, Mark Lee, Yeo Yann Yann, Feddie Wong, Ashley Hua, Bernard Hiew

#### \*Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur  
Pelakon Kanak-Kanak Terbaik - Eng Wei Ji.

**\* ENJIN NO.9**

Tarikh Tayangan : 29 Mac 2018

Genre : Komedi

Pak Leman (Kazar) seorang yang sudah berumur tetapi miang keladi. Pengalaman beliau yang pernah berkahwin sebanyak 8 kali tidak membuatkan beliau serik untuk berkahwin buat kali ke-9. Untuk merealisasikan hasratnya itu, Ujang (Tajul) dan juga isteri Ujang, Nora (Ayumi) ditugaskan untuk merisik Wan Limah (Datin Fadhilah Mansor). Wan Limah merupakan seorang janda yang masih lawa. Hasrat Pak Leman itu tidak dipersetujui oleh Kak Leha (Sharifah Shahira) yang merupakan Ketua Pembebasan

Wanita (Women Liberation) yang memperjuangkan anak-anak dara terlajak di kampung mereka. Kak Leha dan kuncu-kuncunya berusaha bersungguh-sungguh dalam menggagalkan hasrat Pak Leman itu.

Penerbit : Rangkaian Melati Production Sdn Bhd

Pengarah : Raja Azmi

Pelakon : Tajul Arif, Kazar, Syarifah Syahira, Nurul Ayuni Asyiqin, Dottie.

**\* DUKUN / 2018**

Tarikh Tayangan : 5 April 2018

\* Diana Dahlan dijatuhi hukuman mati setelah membunuh ahli perniagaan Datuk Jefri. Ia diadaptasi daripada kes pembunuhan dan penuh misteri yang dilakukan Mona Fandey. Kes Mona Fendi menggemparkan Malaysia apabila ditangkap kerana membunuh Datuk Mazlan Idris, ADUN Negeri Pahang di sebuah rumah di Kampung Peruas Ulu Dong, Raub, Pahang pada 13 Julai 1993. Mona bersama suaminya Mohd Affandi Abdul Rahman, dan pembantu mereka Juraimi Hussin dibicara dan didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi Temerloh pada 1995.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd

Pengarah : Dain Iskandar Said

Pelakon : Umie Aida, Faizal Hussein, Elyana, Adlin Aman Ramlie , Nam Ron, Sofi Jikan, Hasnul Rahmat.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Pelakon Wanita Terbaik : Umie Aida

Kostum & Busana Terbaik : Andy Sulaiman

Kesan Khas Terbaik : Pixelpost

Penyunting Terbaik : Raja Affandi Raja Jamaludin.

\*

**SUGHAMAI SUBBULAKSHMI / 2018**

Tarikh Tayangan : 17 Mei 2018

Cerita ini berkisar mengenai dilema seseorang untuk memilih cinta atau memenuhi cita-cita mereka. Watak utama akan mengharungi dilemma ini bagi membolehkannya memahami erti cinta, persahabatan dan impian untuk mencapai tujuan penghidupan mereka.

Penerbit : Heartwork Films

Pengarah : Karthik Shamalan

Pelakon : Saresh D7, Punita Shanmugam, Bhagya Arivuckarasu.

**\* Anugerah & Festival Filem**

9<sup>th</sup> Norway Tamil Film Festival, Oslo, Norway – 2018

Pengarah Terbaik - Karthik Shamalan

Pelakon Wanita Terbaik - Punitha Shanmugam.



### \* QHALIQ

Tarikh Tayangan : 14 Jun 2018

Sejak kecil, Qhaliq memasang impian untuk menjadi anggota bomba. Apabila sudah besar, dia akhirnya berjaya menyertai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, dan menjalankan misi-misi berbahaya termasuk menyelamatkan seorang wanita yang cuba membunuh diri. Ketika insiden itu, dia bertemu dengan Qhalisya dan kedua-dua mereka mula menjalin hubungan.

Penerbit : Ohhsem Network

Pengarah : Rosli Mohd Taib

Pelakon : Hairul Azreen, Aliff Yasraff, Nur Risteena, Ahmad Idham, Syanie Aida, Azza Elite.



### \* THIS IS PILAH THE MOVIE

Tarikh Tayangan : 21 Jun 2018

Seorang pemuda, Jasni jatuh cinta dengan gadis pilihannya, Ara. Namun keinginan untuk berkahwin dengan Ara mendapat tantangan daripada ibu gadis tersebut, Mak Siti, yang melihat Jasni sebagai seorang pemuda yang tidak mempunyai masa depan biarpun bapanya, Pak Dollah, seorang usahawan berjaya. Sementara itu, dalam senyap Pak Dollah sebenarnya sudah jatuh hati dengan Mak Siti. Selepas mendapat tahu seorang pemuda dari Seremban mahu mengahwini Ara, Jasni perlu bertindak segera

sebelum Ara menerima lamaran pemuda itu.


Penerbit : Madness Films Sdn Bhd

Pengarah : Rosdi Md Dali

Pelakon : Waris, Juzzthin, Zaidatul Iesna Mohd Raus, Kazar, Eliza Mustafa, Joey Daud, Syamsul Debat.

### \* BLOK404

Tarikh Tayangan : 28 Jun 2018



Perjalanan pengembalaan tiga sahabat iaitu Zul (Boy Iman), Intan (Nadia Brian) dan Hairi (Amar Ashraf) terbantut selepas kereta yang mereka naiki rosak di tengah jalan. Mereka terpaksa keluar daripada kereta tersebut untuk mendapatkan bantuan dan akhirnya ternampak sebuah rumah di bawah bukit yang dinamakan Rumah Tamu 404. Selain tiga sahabat itu, terdapat juga beberapa orang yang turut terheret ke rumah tersebut. Ada sesuatu yang aneh di rumah itu.

Penerbit : DBI Entertainment Sdn Bhd

Pengarah : Isma Aizal Yusoff

Pelakon : Raja Azrey, Nur Risteena, Boy Iman,

Zamarul Hisham, Amar Asyraf, Adrea Abdullah, Aedy Ashraf, Nadia Bryan, Fasha Sandha, Kamal Adli, Kilafairy, Azrel Ismail.

**\* PULANG**

Tarikh Tayangan : 26 July 2018

Seorang kelasi kapal, Othman yang ingin mengubah nasib keluarganya nekad dengan mengikuti pengembaraan belayar ke merata dunia. Sebelum berlayar, dia berjanji akan pulang bersama kekayaan untuk isterinya Che Thom dan anak lelakinya, Omar. Dengan penuh kesabaran, isterinya akur dengan kepergiannya dan setia menunggu kepulangan suaminya selama 61 tahun.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Remy Ishak, Puteri Aishah, Alvin Wong, Azrel Ismail, Erwin Dawson, Sherry Al-Jeffri, Dato' Jalaluddin Hassan, Juliana Evans.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Penataan Bunyi Terbaik - Imaginex Studio Sdn Bhd.

**\* VEDIGUNDU PASANGGE /2018**

Tarikh Tayangan : 26 July 2018

Seorang budak kampung, Theva dalam keadaan serbasalah dan menyedari semua yang mengelilinginya adalah misteri. Bagi Theva, berkat kesedarannya, dia kini memahami Bossnya hanya menggunakan dirinya sebagai umpan dan berterusan menimbulkan masalah kepadanya.

Penerbit : Veedu Production

Pengarah : TS. DR. Vimala Perumal

Pelakon : Denes Kumar, Sangeeta Krishnasamy, Thangamani Velayudan, David Anthony, Alvin Martin, Magendran Raman, Kuben Mahadevan, Krishnan Bahador, Pashini Sivakumar, Saran Kumar.

**Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri 2: Vedigundu Pasangge .

**\* HANTU KAK LIMAH 3**

Tarikh Tayangan : 9 August 2018



Husin pulang ke kampung setelah tidak lagi mencari rezeki di Singapura. Dia kemudian bekerja dengan sahabat baiknya Khuda, Wani dan Yeh Sekupang di kilang arang. Sementara itu, Kak Limah baru sahaja berkahwin dengan sahabat Husin iaitu Khuda. Cinta mereka digambarkan sebagai cinta sejati. Namun, baru sahaja menikmati kebahagiaan rumah tangga, Kak Limah ditemui mati dalam keadaan yang mengerikan. Di sini bermulanya misteri apabila kelibat Kak Limah masih kelihatan walaupun dipercayai sudah meninggal dunia. Akhirnya, muncul guru silat, Encik Solihin yang membantu mereka berdepan dengan hantu Kak Limah.

Penerbit : Infinitus Gold & Astro Shaw

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Awie, Dalimawati, Zul Ariffin, Uqasha Senrose, Mus May, TJ Isa, Rab Khalid.

### \* WHEELY



Tarikh Tayangan : 16 Ogos 2018

Filem animasi Wheely mengisahkan mengenai sebuah teksi yang mempunyai minat untuk berlumba dan menyimpan hasrat untuk menjadi raja jalanan di Kota Gasket. Semasa bertugas, Wheely terserempak dengan bintang terkenal iaitu Bella Di Monetti yang cantik dan baik hati walaupun datang dari golongan atasan. Ini membuatkan Wheely jatuh hati pada Bella Di Monetti. Satu hari Bella Di Monetti telah diculik oleh satu kumpulan jenayah penyeludupan kereta mewah yang diketuai oleh Kaiser sebuah trailer gergasi.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Yusry Abdul Halim

Pelakon : Zizan Razak, Johan, Lisa Surihani, Norman Abdul Halim.

### \* MUNAFIK 2



Tarikh Tayangan : 30 Ogos 2018

Adam yang mula menjadi pendakwah bebas meneruskan tanggungjawabnya merawat orang terkena sihir. Pada waktu sama, Adam bertemu dengan Sakinah, seorang ibu tunggal yang menjaga anaknya yang diserang penyakit misteri gara-gara ketua ajaran sesat bernama Abuja.

Penerbit : Skop Productions

Pengarah : Syamsul Yusof

Pelakon : Syamsul Yusof, Maya Karin, Nasir Bilal Khan, Fizz Fairuz, Mawi, Fauzi Nawawi, Ku Faridah, Datuk Rahim Razali.

#### Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Filem Box Office: Munafik 2 (Skop Productions Sdn Bhd)

Kutipan RM37,797,423.



### \* ONE, TWO, JAGA

Tarikh Tayangan : 6 September 2018

Sugiman (Iman), seorang pendatang asing Indonesia adalah bapa tunggal mengalami mimpi buruk yang penuh keganasan. Anaknya, Joko yang degil meluangkan terlalu banyak masa dengan Adi dan adiknya Sumiati lari daripada kerja sebagai pembantu rumah kerana mahu pulang ke Indonesia. Sugiman meminta bantuan majikannya, Sarip untuk menghantar adiknya menaiki bot haram, tapi ada harga yang perlu dibayarnya. Pada masa sama, dia harus melindungi Sumiati.

Penerbit : Pixel Play Sdn Bhd

Pengarah : Nam Ron (Sahili Abdan)

Pelakon : Zahiril Adzim, Sofia Jane, Zaidi Omar, Amerul Affendi, Ario Bayu, Asmara Abigail, Bront Palarae, Azman Hassan.

#### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Filem Terbaik

Pengarah Terbaik - Namron

Pelakon Lelaki Terbaik - Rosdeen Suboh;

Lakon Layar Terbaik - Amri Rohaiyat, Fared Ayam & Namron;

Cerita Asal Terbaik - Pitt Haniff, Muhammad Syafiq & Namron;

Poster Terbaik - Jazzy Pictures.

**\* LANGSUIR**

Tarikh Tayangan : 20 September 2018



Azlan dan Suri mula bertemu ketika Azlan dan kawan-kawannya berkunjung ke pulau terlarang bernama Pulau Langsuir. Azlan yang jatuh cinta dengan Suri tidak mengetahui bahawa Suri adalah langsuir yang mendiami pulau itu. Zaman irihati dengan hubungan Azlan dan Suri telah merancang untuk menikam paku tajam ke kepala Suri untuk melihat sejauh mana kebenaran mitos mengatakan langsuir akan kekal menjadi perempuan cantik jika kepalanya ditebus paku.

Penerbit : Guam Teamwork Sdn Bhd, Nuansa Sdn Bhd

Pengarah : Osman Ali

Pelakon : Syafiq Kyle, Hannah Delisha, Julia Farhana Marin, Firdaus Nadxaman.

**\* PASKAL**

Tarikh Tayangan : 27 September 2018

Leftenan Komander Arman Anuar adalah seorang pegawai PASKAL yang mempunyai sejarah perkhidmatan yang cemerlang. Beliau mengetuai pasukan menyelamat ketika kapal MV Bunga Laurel dirampas lanun Somalia di Teluk Aden. Arman terpaksa memilih antara berkhidmat untuk negara dan menjaga ibunya Khadijah yang sakit. Khadijah tidak bersetuju dengan keputusan Arman yang mengikut jejak langkah arwah suaminya untuk menjadi seorang tentera. Konflik yang dihadapinya membuat beliau mengambil keputusan untuk memohon ditukarkan ke tugasan di pangkalan dan tidak lagi aktif di lapangan.

Penerbit : Spectrum Films Pengarah : Adrian Teh

Pelakon : Hairul Azreen, Ammar Alfian, Henley Hii, Taufiq Hanafi, Gambit Saifullah, Hafizul Kamal, Theebaan G, Jasmine Suraya.

**\* Anugerah & Festival Filem**

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Anugerah Khas Juri 1: Paskal The Movie (Asia Tropical Films Sdn Bhd)

**\* M.O.X MISI OPERASI X**

Tarikh Tayangan : 1 November 2018

Tarikh Tayangan : Aksi

Penerbit : Wallworld Pictures Sdn. Bhd

Pengarah : Zulkeflie M Osman

Pelakon : Ebi Cornelis, Tya Ariffin, Radhi Khalid, Zaidi Omar, Jeff Omar, Shareeta Selvaraj.

### \* 7UJUH

Tarikh Tayangan : 8 November 2018

Sekumpulan remaja Sam, Mus, Ray, Ilyas, Yasmin, Tina dan Emma menghabiskan cuti semester mereka dengan mengadakan parti di rumah persinggahan keluarga Ilyas di atas sebuah bukit. Rumah persinggahan itu dijaga seminggu sekali oleh Tok Batin dan anaknya Suri. Sam meminta Suri berada di situ semasa parti untuk membantunya melayani tetamu yang datang. Parti liar menjadi tidak terkawal apabila salah seorang daripada mereka bertujuh merogol Suri ketika parti berlangsung.

Penerbit : Grand Brilliance



Pengarah : Raja Mukhriz

Pelakon : Johan Asari, Pekin Ibrahim, Riz Ainuddin, Siti Saleha, Deedee Nash, Aeril Zafrel, Cristina Stockstill, Faizal Hussein, Marsha.

### \* POLIS EVO 2

Tarikh Tayangan : 22 November 2018

Inspektor Sani diarahkan oleh ketua polis Terengganu iaitu ASP Mokhtar untuk bekerjasama dengan Inspektor Khai (Shaheizy Sam) untuk siasatan kes. Inspektor Khai dan Sani masing-masingnya mempunyai personaliti yang berbeza. Hal ini menyebabkan kedua-duanya tidak serasi. Inspektor Khai seorang yang tegas dan sering bertindak tangkas dan ini berbeza sekali dengan Inspektor Sani, yang lebih mengikut prosedur dan protokol. Suatu hari, Inspektor Sani membawa rakan setugasnya Inspektor Khai balik ke rumahnya. Inspektor Khai terpesona melihat kecantikan adik Inspektor Sani. Begitu juga Anis, dia

sendiri juga jatuh hati pada rakan setugas abangnya.

Pengarah : Joel Soh

Penerbit : Blackflag Sdn Bhd

Pelakon : Shaheizy Sam, Zizan Razak, Raline Shah, Hairul Azreen, Riz Amin, Raline Shah.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik - Hasnul Rahmat.

### \* GUANG / 2018

Tarikh Tayangan : 29. November 2018

Wen Guang (Kyo Chen) adalah seorang pemuda autistic dan tidak mampu memberi tumpuan untuk bersosial dengan orang lain. Adiknya (Ernest Chong) mahu dia mencari pekerjaan agar mereka dapat menanggung beban penghidupan bersama. Ketika Wen Guang berusaha mencari pekerjaan, dia meneruskan minat rahsianya mengumpul dan mencari gelas yang sempurna dan mencungkil bakatnya yang terpendam.

Penerbit : MM2 Entertainment/Reservoir Production

Pengarah : Quek Shio Chuan

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - KL

Pengarah Harapan: Quek Shio Chuan

Pelakon Lelaki Harapan: Kyo Chen

Sinematografi Terbaik: Yeong Tuck Wei;

Penataan Seni Terbaik: Chan Hsien Yu.

Anugerah : 13<sup>th</sup> Chinese Youth Generation Film Forum, Wuhan, China – 2018 -

Pengarah Baharu Terbaik - Quek Shio Chuan

Pelakon Baharu Terbaik - Kyo Chen



**\* SEKOLAH AHA**

Tarikh Tayangan : 2018

Genre : Komedi

Penerbit : Skop Productions & Viper Studios

Pengarah : Mat Luthfi

Pelakon : Mat Luthfi, Elizabeth Tan, Sharifah Amani, Adibah Nor, Luqman Podolski, Yassin Yahya.

**2019****\* KESEMPATAN KEDUDA**

Tarikh Tayangan : 03 Januari 2019

Genre : Komedi, Drama



Abi berdepan dengan masalah rumah tangga selepas isterinya Maya curang dengan majikannya sendiri. Ken pula berkahwin dengan Baby. Kedua-dua mereka bertembung ketika berada di Mahkamah Syariah untuk menguruskan perceraian mereka dengan isteri masing-masing. Selepas pertemuan itu mereka semakin rapat, dan bersama mereka mula mencari kekasih baru.

Penerbit : Antenna Entertainments

Pengarah : Awi Suryadi

Pelakon : Zizan Razak, Raffi Ahmad, Cut Meyriska, Bastian Stell, Marsha Aruan.

**\* FELINA**

Tarikh Tayangan : 17 Januari 2019

Felina telah dirasuk makhluk halus sejurus selepas pulang dari ekspedisi meredah hutan tebal bersama Adam dan Mutualib. Keadaan Felina yang semakin teruk memaksa Adam meminta bantuan Tok Rawa untuk mengubatinya. Mereka akhirnya merungkai satu muslihat kuasa jahat yang cuba menyembunyikan komplot yang lebih dahsyat. Rasukan yang dialami Felina menjadi semakin rumit apabila ada makhluk yang lebih besar ancamannya sedang menanti mereka.

Penerbit : Janu Talkies Sdn. Bhd

Pengarah : Sandosh Kesavan

Pelakon : Raja Ilya, Shafiq Jamil, Nur Qistina Raisah, Zaidi Omar, Kamal Rezuan, Nashra Shah, Clarence Kuna, Seha Monica, Khairul Anuar.

**\* XX RAY 3**

Tarikh Tayangan : 24 Januari 2019

Ia mengisahkan mengenai sekumpulan remaja yang perlu menyelesaikan masalah kemasuhan dunia selepas diancam oleh seorang penjahat yang mahu menguasai dunia.

Penerbit : Ace Motion Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Aziz M. Osman

Pelakon : Izzue Islam, Nonny Nadirah, Ardell Aryana, Dazrin Kamarudin, Saiful Apek, Ashraf Muslim, Adam John, Dato Jalaludin Hassan, Aziz M. Osman.

### \* BELLA & JAMIE

Tarikh Tayangan : 31 Januari 2019

Genre : Drama



Hubungan Bella dan Jamie menjadi lebih rapat selepas mendapat tahu bapa mereka merancang untuk berkahwin. Namun keakraban mereka menjadi keruh apabila Bella mendapati Jamie menjalinkan hubungan cinta dengan bekas kekasihnya.

Penerbit : Mermaid Studios Sdn. Bhd

Pengarah : Fairul Nizam Ablah

Pelakon : Liyana Jasmay, Juliana Evans, Izzue Islam, Khir Rahman.

### \* MISTERI DILAILA

Tarikh Tayangan : 21 Februari 2019

Pasangan suami isteri Jefri (Zul Ariffin) dan Dilaila (Elizabeth Tan) telah pergi bercuti di sebuah banglo mewah. Walau bagaimanapun, percutian mereka tidak seperti yang dijangka apabila Jefri mula diganggu kejadian aneh pada malam pertama. Pada keesokannya, Jefri mendapati isterinya hilang. Apabila seorang lelaki bernama Iman Aziz memaklumkan yang Dilaila sudah ditemui, Jefri terkejut kerana dia mendapati wanita itu bukan isterinya, tetapi wanita itu mengakui dirinya sebagai Dilaila.



Penerbit : Skop Production

Pengarah : Syafiq Yusof

Pelakon : Zul Ariffin, Elizabeth Tan, Rosyam Nor, Sasqia Dahuri.

### \* BIKERS KENTAL 2

Tarikh Tayangan : 14 Mac 2019

Enam tahun kemudian setelah peristiwa dalam filem pertama, Bidin Al Zaifa kini memiliki sebuah kedai motosikal kecil yang berjaya. Bersama rakan-rakannya Eddy dan Aidil, mereka sekali lagi memulakan perjalanan ke selatan Thailand kerana Bidin ingin melamar Cherry Porntit, seorang wanita di Hatyai bahawa dia sangat jatuh cinta. Sementara itu, saudara Cherry yang merupakan Juara Muay Thai dan musuh lama geng Al Buqerk menghalangi.

Penerbit : TGVP

Pengarah : Helmi Yusof

Pelakon : Zizan Razak, Awie, Afidlin Shauki, Amerul Affendi, Ayie Hushairi Husain, Julangtip Sukkasem, Kaew Korrawee, Pont Cranium, Bront Palarae.



### \* UPIN & IPIN: KERIS SIAMANG TUNGGAL

Tarikh Tayangan : 21 Mac 2019

Upin, Ipin dan rakan-rakan mereka perlu mencari jalan kembali ke Kampung Durian



Runtuh selepas keris mistik yang mereka jumpai dalam bilik stor Tok Dalang membuka portal dan membawa mereka terus ke tengah sebuah kerajaan. Bukan itu sahaja, mereka juga perlu membantu kerajaan itu kembali ke bekas kemuliaannya. Mereka berdepan segala cabaran sepanjang pengembaraan mereka dengan bantuan Mat Jenin, Belalang dan watak-watak lain dari cerita dongeng Malaysia.

Penerbit : Les' Copaque Production

Pengarah : Ahmad Razuri Roseli, Adam Amiruddin, Syed Nurfaiz Khalid Syed Ibrahim.

Pelakon : Asyiela Putri, Ahmad Mawardi, Mohd Amir Asyraf, Ernie Zakri



### \* TIADA TAJUK

Ia menceritakan kisah tiga lelaki muda kampung yang dianggap kalah tetapi masih mengejar impian untuk menjadi penyanyi. Ia adalah filem komedi keagamaan berbahasa Melayu Malaysia 2019.

Penerbit : Mawi World

Pengarah : Mawi

Pelakon : Mawi, Hazama Azmi, Sepanjang Cham, Joey Daud, Johan As'ar, Achey Bocey.



### \* BU – KASIH SUCI

Tarikh Tayangan : 11 April 2019

Ia mengikuti tiga ibu yang berbeza: ibu pengurus rumah tangga, ibu dengan anak dewasa, ibu hamil, dan keluarga mereka yang hidupnya berubah ketika kemalangan kereta berlaku.

Penerbit : MM2 Entertainment.

Pengarah : Jeany Amir

Pelakon : Remy Ishak, Nadiya Nisaa, Dian P.Ramlee, Iedil Putra, Nadia Brian, Rashidi Ishak, Mawar Rashid, Wan Hanafi Su.



### \* FLY BY NIGHT

Tarikh Tayangan : 11 April 2019

Penerbit : Planet Films, Jazzy Pictures & Plush

Pengarah : Zahir Omar

Pelakon : Sunny Pang, Jack Tan, Fabian Loo, Bront Palarae, Eric Chen, Frederick Lee.

### \* HOMESTAY PERMAINAN MAUT

Tarikh Tayangan : 18 April 2019

Lapan pelajar kolej menginap di homestay di kampung untuk percutian singkat. Mereka diberi peringatan oleh pemiliknya untuk menjauhkan diri dari bilik stor tetapi mereka tidak taat dan membukanya pula. Di sana, mereka menjumpai permainan bernama "Spirit of the Coins" dan memutuskan untuk memainkannya.



Penerbit : SB Production & Dream Pix Media

Pengarah : Kayshan

Pelakon : Ruminah Sidek, Sofea Shaheera, Asward Naslim, Kayshan, Siva Garuda, Ud. Nordin, Iswadi, Syamimi, Sri Priya, Rohayu, Danish, Md. Afifi, Kimi, Aien, Ahmad Azeem, Zahaniah Yaakob.

### \* TWO SISTERS / 2019

Tarikh Tayangan : 18 April 2019

Mei Xue menjaga adiknya selepas dia dibebaskan daripada rumah sakit jiwa. Mereka berdua pulang ke rumah keluarga yang lama ditinggalkan. Ketika di situ, Mei Yue mula melihat perkara-perkara ganjil yang sukar difahami dan merasakan dirinya masih menghadapi masalah mental seperti dahulu. Mungkinkah juga rumah mereka sebenarnya berhantu?

Penerbit : Kuman Pictures

Pengarah : James Lee.

Pelakon : Emily Lim, Lim Mei Fen, Joyce Harn, Angelyn Khoo, Kym Tan, Venice Ng, Adery Chin, Chai Zi, William Boo, Paige Chan, Julianne Tan, Mike Chuah, Tan Li Yang.

### \* Anugerah & Festival Filem

Festival Filem Malaysia Ke 30, PICC, 2019 - Kuala Lumpur

Skor Muzik Asal Terbaik - Nick Davis.



### \* BOBOIBOY MOVIE 2

Tarikh Tayangan : 8 Ogos 2019

BoBoiBoy dan kawan-kawan diserang Retak'ka, pengguna asal Kuasa Elemental yang dimiliki oleh BoBoiBoy. Retak'ka ingin merampas semula Kuasa Elemental daripada BoBoiBoy untuk menjadi makhluk yang paling kuat dan menguasai galaksi. BoBoiBoy dan kawan-kawan perlu mencari cara untuk menghentikan Retak'ka sebelum kuasanya jatuh ke tangan yang salah. Filem ini merupakan kesinambungan daripada filem BoBoiBoy

Penerbit : Animonsta Studios Sdn Bhd

Pengarah : Nizam Razak

Pelakon Suara : Nur Fathiah Diaz, Fadzli Mohd Rawi, Wong Pa.k Lin, Dzubir Mohammed Zakaria, Nizam Razak, Ieesya Isandra, Nur Sarah Alisya, Yap Ee Jean, Wong Wai Kay.

### \* WARKAH



Tarikh Tayangan : 15 Ogos 2019

Ia menceritakan kisah seorang remaja yang terperangkap dalam melanjutkan pelajaran atau menolong keluarganya setelah kemalangan menyebabkan ayahnya lumpuh. Ikmal, adalah seorang remaja dan pelajar cemerlang di sekolah. Ketika bapanya, Kamil terlibat dalam kemalangan dan lumpuh, keluarga mereka tiba-tiba menghadapi pelbagai cabaran dan masalah kewangan. Filem ini berdasarkan surat penghargaan kepada SOSCO oleh seorang remaja.

Penerbit : Opyglobal Pictures

Pengarah : Opie Zami

Pelakon : Nam Ron, Syazwan Zulkifli, Isyariana Che Azmi, Mohd Wafiy, Puteri Rayyan Rayqa Herda Banu Setiawan.

### \* KRON



Tarikh Tayangan : 22 Ogos 2019

Profesor Daud adalah sejarawan di muzium Kedah yang menghidap barah empat peringkat. Daud dan pembantunya Sham dilarang oleh pihak atasannya mereka untuk menjalankan misi kerana keselamatan. Tetapi mereka berpeluang melakukannya ketika seorang pengusaha Melur Seri dan penerbit TV paranormal Pian menawarkan untuk menaja perjalanan itu. Objektif lain dari perjalanan Daud adalah untuk mengetahui mengapa isterinya hilang dalam perjalanan mereka sebelumnya.

Penerbit: Opyglobal Pictures

Pengarah : Opie Zami

Pelakon : Zahiril Adzim, Dayana Roza, Aman Graseka, Mohamad, Mamak Puteh, Elli Suriati, Juhara, Cat Farish.

### \* SANGKAR



Tarikh Tayangan : 29 Ogos 2019

Atlet sukan bela diri campuran MMA, Adam dan Johan adalah saingan. Suatu hari, mereka saling bertentangan dan ini mengakibatkan Johan cedera parah. Tertekan dengan hal ini, Adam berusaha menebus kesalahannya dengan menolong keluarga Johan. Pada masa yang sama, Johan juga berjuang dengan kehidupannya sendiri untuk menebus dan demi keluarganya. Untuk mendapatkan lebih banyak wang untuk diberikan kepada keluarga Johan, Adam memutuskan untuk melawan pejuang MMA antarabangsa.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Kabir Bhatia

Pelakon : Zul Ariffin, Remy Ishak, Mira Filzah, Nik Adam Mika, Ray Era, James McSweeney, Fadlan Hazim, Andy Teh, Aman Graseka, Carliff Carleel.



### \* WANGI

Tarikh Tayangan : 5 September 2019

Nor dan suaminya, Khuzairi tinggal di sebuah banglo bersama dua anak mereka. Setelah melahirkan anak kedua, Nor kembali ke rumah dan ibunya datang untuk menjaganya. Dia menyedari bahawa pembantu rumahnya, Bella telah hilang. Bella seperti adik kepada Nor dan dia tinggal bersama mereka. Suaminya mengatakan bahawa Bella telah kembali ke Amsterdam untuk berkahwin. Juga tidak disyaki dan tidak lama kemudian anak-anaknya mula mempunyai tingkah laku yang tidak wajar. Anak

pertama mereka suka bercakap dengan dirinya sendiri dan tidur di tempat yang rawak.

Penerbit : Resilience Studio

Pengarah : M. Latiff Zami

Pelakon : Erra Fazira, Sharnaaz Ahmad, Nabila Huda, Syazwan Zulkifly, Nik Adam Mika, Ruminah Sidek.



### \* SUATU KETIKA

Tarikh Tayangan : 12 September 2019

Sekumpulan pelajar sekolah kampung berumur hampir 12 tahun dari pelbagai latar belakang membentuk sebuah pasukan bola sepak bagi membolehkan mereka memasuki JG Davidson, kejohanan piala remaja tempatan di Melaka. Biarpun tiada latihan formal, jersi seragam ataupun bola sepak sebenar, mereka in memiliki semangat dan azam yang tinggi.

Penerbit : Kash Pictures Network

Pengarah : Prakash Murugiah

Pelakon : Namron, Pekin Ibrahim, Armand, Danial Akmal Fariz.



### \* DENDAM PONTIANAK

Tarikh Tayangan : 12 September 2019

Khalid dan Siti membuat persiapan hari pernikahan mereka. Tidak lama kemudian, anasir jahat mula menyelubungi perkampungan itu apabila berlakunya kematian dan kejadian misteri yang mencetuskan ketakutan dan kekecohan di kalangan penduduk kampung. Kejadian itu memaksa Khalid untuk mengaku bahawa dia telah membunuh seorang wanita yang sedang mengandung anaknya beberapa tahun lalu, dan kini muncul sebagai Pontianak. Khalid mengumpulkan semua lelaki di kampungnya untuk memburu Pontianak itu di hutan.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Glen Goei & Gavin Yap

Pelakon : Nur Fazura, Remy Ishak, Hisyam Hamid, Shenty Feliziana, Nam Ron, Tony Eusoff, Nadiah M. Din, Wan Hanafi Su, Nadia Aqilah.



#### \* M FOR MALAYSIA

Tayangan : 12 September 2019

Sejarah Filem ini mendokumentasikan Pilihan raya umum ke-14 (PRU14) pada Mei 2018. Ia merakamkan peristiwa dari masa berkempen hingga malam pilihan raya, yang menyaksikan detik-detik bersejarah di mana Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan dan Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi perdana menteri buat kali kedua.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd

Pengarah : Ineza Roussille

Pelakon : Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Tun Dr. Siti Hasmah

Haji Mohamad Ali.



#### \* MOTIF

Tarikh Tayangan : 26 September 2019

Inspektor Dewi (Sharifah Armani) ditugaskan menyiasat kes kehilangan gadis remaja, Anna di bandar Tanah Merah. Anna kali terakhir dilihat di sebuah hotel lama. Dia ditugaskan dengan Inspektor Rizal tempatan (Taqim Zaki). Namun, dia tidak diterima, terutama dari bapa gadis yang hilang, Hussein (Rosyam Nor) yang merupakan tokoh ternama tempatan di bandar dan berprasangka buruk terhadap wanita. Sementara itu, Dewi juga bergelut dengan kehidupan peribadinya bersama lelaki yang mempunyai isteri pertama. Apabila Anna didapati dibunuhan, semua orang selain Anna menjadi suspek.

Penerbit : Empire Film Solution Sdn Bhd

Pengarah : Nadiah Hamzah

Pelakon : Rosyam Nor, Sharifah Amani, Iedil Putra, Taqim Zaki, Mustaqim Mohamed, Sherie Merlis.

#### \* HERO



Tarikh Tayangan : 03 Oktober 2019

Zafrul (Hisyam Hamid) seorang anggota bomba di Balai Bomba Jalan Hang Tuah. Dia nekad untuk mencari keadilan bagi mangsa yang mati dalam tragedi kebakaran beberapa tahun lalu di sekolah Tahfiz yang dituntutnya. Pasukan bombanya turut disertai oleh dua anggota lelaki baru, Ahmad Mustar (Bell Ngasri) serta Adam Fanifinali (Mark Adam), dan dua anggota perempuan Amylia (Elisya Sandha) dan Suraya (Tash Yong).

Penerbit : Empire Film Solution Sdn Bhd

Pengarah : Azizi Chunk

Pelakon : Hisyam Hamid, Bell Ngasri, Mark Adam.

### \* GERAN



Tayangan : 10 Oktober 2019

Ali dan Fatimah dari satu keluarga petani dan pesilat Gayong berasa amat marah dan kesal apabila adik bongsu mereka, Mat Arip, yang terbabit dalam lumba kereta haram dan berjudi, kini lari dengan geran tanah pusaka rumah mereka. Mat Arip mencagarkan geran tanah ayah mereka kepada ceti Haji Daud. Haji Daud pula ialah musuh Pak Nayan dalam silat dan mengugut keluarga mereka. Untuk menjaga nama dan tanah rumah mereka, mereka perlu mencariakn adik bungsunya agar tanah mereka tidak digadai.

Penerbit : Layar Pictures Sdn Bhd

Pengarah : Areef Abu Bakar

Pelakon : Namron, Fatimah Abu Bakar, Khoharullah Majid, Feiyina Tajudin, Fad Anuar, Taiyuddin Bakar, Niezam Zaidi, Adam Shahz, Megat Shahrizal.

### \* KOLONG



Tarikh Tayangan : 17 Oktober 2019

Suri bermimpi menjadi pelakon tetapi wangnya, yang dia pinjam dari "pemberi pinjaman wang", dicuri oleh agensi pelancongan. Samseng itu sekarang memburunya untuk memaksanya membayar hutangnya. Dia merancang untuk mendapatkan geran ibunya untuk membayarnya tetapi dia dihentikan oleh kakaknya. Kerana memerlukan wang, dia memutuskan untuk menerima pekerjaan dengan gaji tinggi sebagai pengasuh orang buta, kerana dia mempunyai pengalaman mengurus ibunya yang buta. Dia mendorong dirinya untuk pergi ke banglo lelaki itu, walaupun kononnya dihantui oleh arwah isterinya.

Penerbit : Empire Film Solution Sdn Bhd

Pengarah : Zul Abu Kassim

Pelakon : Wan Raja, Luthya Sury Widjaja, Annie Arifin.

### \* ANAK PERJANJIAN SYAITAN

Tarikh Tayangan : 24 Oktober 2019



Zaidi seorang guru, yang mana ibunya seorang janda kaya yang inginkan cucu sendiri dan sering memberi tekanan kepadanya untuk berkahwin lagi. Ini kerana dia dan isterinya, Azlinda, tidak mempunyai zuriat. Penat dengan bebelan ibunya, Zaidi meminta untuk bertukar tempat kerja dan rupa-rupanya tempat itu adalah kampung kelahiran arwah bapanya. Pasangan itu tinggal di sebuah rumah yang tidak diduduki selama lima tahun dan hanya dijaga oleh seorang pekebun. Di sana, Azlina mula mendengar suara bayi dan kanak-kanak bermain. Dia kemudian mendapat tahu dia telah hamil.

Penerbit : Empire Film Solution Sdn Bhd

Pengarah : Helmi Yusof

Pelakon : Nadzmi Adhwa, Chacha Maembong, Azlan Komeng, Shahrulnizam Noor, Jasmin Hamid.



### \* PUSAKA

Tarikh Tayangan : 31 Oktober 2019

Balqis dan Qistina merupakan sepasang adik beradik kembar perempuan yang ditemui oleh Inspektor Nuar dalam sebuah rumah kosong, yang mana kedua-duanya dikurung secara misteri. Walau bagaimanapun, selepas penemuan itu, pegawai polis itu kini perlu segera menyelesaikan misteri di sebalik kembar tersebut kerana dia bukan sahaja diganggu pelbagai kejadian aneh selepas menjumpai mereka, malah setiap orang yang berkait dengan kesitu juga mula mati seorang demi seorang.

Penerbit : Astro Shaw Sdn Bhd

Pengarah : Razaisyam Rashid

Pelakon : Syafiq Kyle, Mimi Lana, Hafidz Roshdi, Farhanna Qismina, Ogy Ahmad Daud, Faizal Hussein.

### \* 7 HARI KISAH CINTA LANGKAWI

Tarikh Tayangan : 31 Oktober 2019



Adira (Chi Azim), seorang vlogger popular yang menggunakan nama vlog Diva Asmara yang kerap memuatnaik kata-kata nasihat dan motivasi kepada pengikutnya tentang permasalahan cinta remaja. Apabila dia menerbitkan buku bertajuk Cara Memikat Lelaki Dalam 7 Hari, seorang lagi vlogger di Langkawi bernama Joe (Josiah Hogan) mencabarnya untuk membuktikan keberkesanan sistem yang disarankan dalam bukunya.

Penerbit : Point Studios Sdn Bhd, Q-Plex Communication Sdn Bhd.

Pengarah : Anwardi Jamil Sulong

Pelakon : Josiah Hogan, Mark Adam, Peter Davies, Chi Azim, Tengku Ely, Amai Kamaruddin, Sharifah Shahira.

### \* KL VAMPIRES

Tarikh Tayangan : 14 November 2019



Kumpulan pontianak yang berketurunan Raja Bersiong tidak lagi menghisap darah manusia, sebaliknya menggunakan darah sintetik sebagai pengganti kepada darah. Kira-kira 200 tahun yang lalu, Raja Bersiong membunuh Adi Wijaya serta bala tenteranya dengan menimbus mereka di dalam tanah menerusi manteranya. Argus cuba membangkitkan semula tentera-tentera itu dan ia hanya boleh dilakukan dengan sebilah `pisau bersiong` bersama mantera istimewa.

Penerbit : Cinemaya Studios

Pengarah : Daven Raghavan

Pelakon : Josiah Hogan, Raja Ilya, Donny Alam Syah, Aeril Zafrel, Reen Rahim, Pablo Amirul, Denes Kumar, Saiful Apek, Jeff Omar.

### \* WIRA



Tarikh Tayangan : 21 November 2019

Hassan (Hairul Azreen) membawa diri meninggalkan keluarganya sejak kecil dan kemudian menyertai tentera kerana tidak sanggup melihat keluarga serta orang sekelilingnya dikawal oleh Raja (Dain Said). Setelah menyempurnakan khidmat untuk negara, Hassan kembali ke pangkuhan keluarga demi menyelesaikan hutang adiknya Zain atas kekalahan pertandingan MMA yang dianjurkan oleh Raja. Hassan dan Zain perlu bertanding sekali lagi dengan anak-anak Raja, iaitu Vee dan Rayyan.

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Adrian Teh

Pelakon : Hairul Azreen, Fify Azmi, Ismi Melinda, Dato Hilal Azman, Josiah Hogan, Dain Said, Yayan Ruhian, Henley Hii.

### \* EJEN ALI THE MOVIE



Tarikh Tayangan : 28 November 2019

Ali, berusia 12 tahun yang direkrut menjadi perisik bagi sebuah agensi perisikan, dikenali sebagai Meta Advance Tactical Agency (MATA) yang berperanan untuk melindungi kota futuristik Cyberaya daripada ancaman luar. Konflik mula timbul apabila Ali mendapat tahu bahawa dia bukanlah satu-satunya ejen yang boleh mengawal gajet istimewa (IRIS - Infinity Retinal Intelligence System). Gajet itu naik taraf menjadi IRIS Neo, gajet yang boleh dikawal serta digunakan oleh ejen-ejen lain

Penerbit : Wau Animation & Primeworks Studios

Pengarah : Muhammad Usamah Zaid

Pelakon Suara : Shafiq Isa, Noorhayati Maslini, Ida Rahayu, Azman Zulkiply.

### \* GARANG

Tarikh Tayangan : 5 Disember 2019



Filem ini mengambil inspirasi daripada kehidupan individu sebenar yang merupakan salah seorang pelakon dalam filem ini iaitu Izam Abdul Hamid. Beliau yang juga bekas atlit paralimpik dalam acara sukan lumba kerusi roda sehingga ke peringkat antarabangsa. Izam pernah mewakili Malaysia sehingga ke Jepun dan Korea sekitar tahun 1998 – 2005.

Penerbit : Sakthi Films Sdn Bhd

Pengarah : Kan Varren

Pelakon : Pablo Amirul, Ahmad Maembong, Osman Omar, John Elijah, Jalil Hamid, Chacha Maembong, Izam Abdul Hamid, Wan Hanafi Su, Syukor Abd Hamid.

**\* BANGLO NO.99**

Tarikh Tayangan : 12 Disember 2019



Banglo No. 99 berkisarkan kediaman Tengku Izzudin Shah, yang tinggal di sana bersama isteri dan anaknya. Malangnya, semua ahli keluarganya meninggal dunia secara misteri. Sebelum dia sendiri meninggal dunia, dia meminta rumahnya dijadikan rumah sakit. Namun, rumah itu kini ditinggalkan terbengkalai selama 30 tahun. Hisyam, seorang kontraktor, menawarkan untuk melakukan kerja pemulihan dan tawarannya diterima oleh firma Putera Shah. Bersama-sama, mereka berdua, bersama Rafael dan Camelia, mengunjungi rumah itu dan mendirikan khemah berhampiran untuk malam itu. Itulah ketika mereka mula mengalami kejadian pelik dan menakutkan di rumah tersebut.

Penerbit : Xtreme 5 Productions Sdn Bhd

Pengarah : Khir Mohd Noor

Pelakon : Datuk Yusof Haslam, Johan As'ari, Harun Hashim, Hafeez Mikail, Bkay Nair.

**\* BUSUT BONANG**

Tarikh Tayangan : 19 Disember 2019

Arwah Cikgu Hassan ditemui mati dalam keadaan yang menggerikan di Kampung Bonang. Sejak kejadian itu buah mulut tersebar dalam kalangan orang kampung bahawa arwah berkeliaran menuntut pewaris baru. Sementara itu Julia anak kepada Arwah Cikgu Hassan sering tidak sihat dan mengalami gangguan makhluk halus. Sementara itu, Joey pemilik rancangan televisyen Merungkai Misteri telah dipanggil untuk mencari kebenaran di sebalik semua kejadian itu dan membersihkan nama keluarga arwah Cikgu Hassan. Untuk tujuan itu Joey telah menculik Lutfy dibawa ke Kampung Bonang untuk dijadikan krunya.

Penerbit : Alfanazra Productions

Pengarah : Khalid Nadzri

Pelakon : Nadzmi Adhwa, Along Ezyendy, Jasper Supayah, Rashidah Jaafar, Sahronizam Noor, Hairi Safwan, Aloy Paradoks, Abby Nadzri.

**2020****\* SURAYA**

Tarikh Tayangan : 9 Januari 2020

Nabila dan Adam adalah pasangan Youtuber yang memiliki saluran UTube popular. Mereka bercadang menerbitkan sebuah siri vlog berjudul "Duet Desa". Malangnya mereka tersesat sehingga tiba di sebuah Homestay Abadi yang diuruskan oleh Suraya yang menawarkan mereka bermalam di Homestay itu. Mereka kemudian menyedari mereka terperangkap selepas berlakunya kejadian-kejadian aneh dan pembunuhan bermisteri.

Penerbit : Feisk Productions

Pengarah : Feisal Azizuddin

Pelakon : Farihin Ufiya, Amir Rahim, Ainul Aishah, Yunadia Mohamed, Azhar Amir.

**\* M4M4**

Tarikh Tayangan : 6 Feb 2020

Setelah kematian suami ketika Alya berusia lapan tahun, Aini berusaha keras untuk memberikan kehidupan yang lebih baik untuk Alya. Alya mempunyai dua kawan baik iaitu Daniel (Izzy Reef) dan Elly (Eyra Hazali). Alya, Daniel dan Elly diganggu oleh tiga lelaki iaitu Apai (Kodi Rasheed), Luk (Ungku Hariz) dan Remy (Niezam Zaidi) yang terkenal dengan gaya samseng mereka. Berlaku percaduan di antara Apai, Alya dan Danny sehingga menyebabkan Alya dengan beraninya menyimbah sup panas kepada Apai.

Penerbit : Da Motion Media

Pengarah : Eyra Rahman

Pelakon : Nabila Huda, Bella Dowanna, Faizal Hussein, Kodi Rasheed, Ungku Hariz, Niezam Zaidi, Izzy Reef, Eyra Hazali, Yusry Abd Halim, Amanda Hariz.

**\* ROCK 4 ROCKERS NEVER DAI**

Tarikh Tayangan : 20 Februari 2020

Penyanyi Ronnie James Dio (Sharwani NS) baru sahaja bangun dari koma berbelas tahun akibat kemalangan. Apabila dia terjaga, dia sedari dirinya berada pada zaman moden dan kumpulan rocknya Rimba Bara sudah lama tiada. Dio tidak dapat menerima arus muzik zaman kini yang banyak berubah dan tidak lagi menampilkan bakat nyanyian sebenar. Jadi, dia bergabung dengan beberapa pemuzik muda baru dan tubuhkan kumpulan rock Rimba Bara 2 bagi meneruskan legasi Rimba Bara.

Penerbit : Primeworks Studios

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Sharwani NS, Hazama, Adam John, Bulan Terry, Nazimi Fahmi, Dato' Awie, Khir Rahman, Madnoor Hendrix, Edry Hashim, Pekin Ibrahim, Kamarool Hj Yusoff.

**\* RATU KALA JENGKING: PUTERI KERANDA**

Tarikh Tayangan : 27 Februari 2020

Wajah Cik Siti tiba-tiba diserang penyakit misteri apabila ditumbuhinya jerawat batu. Keadaan mukanya sangat teruk sehingga orang kampung memanggilnya hantu dan dia sering dihina dan dikeji. Cik Siti kemudiannya meredah hutan belantara tiga hari tiga malam, sehingga dia bertemu dengan Neneh Kebayan yang bersetuju mengubati penyakitnya, tetapi dengan syarat Cik Siti tidak boleh menderhaka dan mengecilkan hati ibunya.

Penerbit : A. Aida Production Sdn Bhd

Pengarah : Bade Hj Azmi

Pelakon : Nadia Brian, Fizz Fairuz, Amar Asyraf, Mas Khan,

Firman Siagian, Eyra Hazali.

**\* JODOH SYAITAN**

Tarikh Tayangan : 5 Mac 2020



Megat, seorang pemuda kampung sering menemui kegagalan dalam percintaan. Dia diminta ibunya untuk pulang ke kampung kerana ingin menghawinkannya dengan seorang gadis bernama Mawar. Dalam pada itu, Tok Chai bersama dua pengikut setianya yang juga kawan Megat di kampung iaitu Awang dan Kulup sedang sibuk mencari mayat untuk dipaku, dengan harapan ia hidup semula untuk dijadikan isteri kepada Tok Chai bagi memenuhi hawa nafsunya.

Penerbit : DA Motion Media

Pengarah : Ismail Bob Hasim

Pelakon : Soffi Jikan, Aprena Manrose, Abam Bocey, Jay Iswazir, Kamarool Hj Yusoff, Fauziah Nawi.

**\* ROH**

Tarikh Tayangan : 19 Mac 2020



Pada zaman dahulu, tinggal sebuah keluarga miskin dalam hutan. Mereka kemudian didatangi seorang kanak-kanak perempuan misteri. Keesokan pagi, kanak itu meramalkan bahawa mereka semua akan mati. Kejadian aneh mula menghantui mereka.


Penerbit : Kuman Pictures

Pengarah : Emir Ezwan

Pelakon : Farah Ahmad, Nam Ron, Mhia Farhana, Harith Haziq, Puteri Qaseh, June Lojong.

**\* EYE ON THE BALL**

Tarikh Tayangan : 19 Mac 2020 – Astro First



Filem ini mengikuti pasukan bola sepak buta kebangsaan Malaysia, yang dikenali sebagai Harimau Buta, dan memperincikan kehidupan empat individu: pemain Asri, Kenchot dan Rollen, bersama jurulatih mereka, Sunny Shalesh. Setelah memenangi emas dalam Sukan Para ASEAN 2015, pasukan berharap dapat mempertahankan kejuaraan mereka di Sukan Para ASEAN 2017 dan juga layak ke Kejohanan Bola Sepak Dunia Buta.

Penerbit : R.AGE

Pengarah : Yihwen Chen

Pelakon : Sunny Shalesh, Asri Arshad, Azwan Azhar, Rollen Marakim.

**\* ESCAPE**

Tarikh Tayangan : 26 Mac 2020



Escape ialah sebuah filem thriller serebral Malaysia 2020 arahan dan tulisan oleh Ikhwansha Hazer. Filem ini telah ditunda dari tayangan pada 19 Mac 2020 berikutan pandemik COVID-19.

Penerbit : Dreamland Production dan DMY Creation

Pengarah : Ikhwansha Hazer

Pelakon : Kamal Adli, Elizabeth Tan, Amar Asyraf, Zamarul Hisham, Jalaluddin Hassan, Riz Amin, Jue Aziz, Pablo Amirul, Fiza Fukazawa.



### \* TAKUT KE TAK

Tarikh Tayangan : 2 April 2020

Lima pelajar jurusan filem perlu menghasilkan satu filem untuk projek graduasi. Mereka ingin membuat satu filem seram yang unik dan tidak klise seperti filem seram lain. Mereka melakukan penggambaran di sebuah rumah berhantu yang terkenal. Namun sewaktu tinggal di situ, situasi jadi agak kecoh apabila satu demi satu kejadian aneh seperti dalam filem seram kini berlaku pada mereka.

Penerbit : Jazzy Pictures, Magician Pictures, Fast Forward Films.

Pengarah : Muzzamer Rahman

Pelakon : Nabil Aqil, Han Zalini, Ika Nabella, Fabian Loo, Arwind Kumar, Daniella Sya, Delimawati, Ropie, Sherry Aljeffri.

### \* DAULAT

Tarikh Tayangan : 6 April 2020 – Astro First



Parti politik MUNA kalah dalam pilihan raya umum baru-baru ini. Presiden parti itu, Hassan kemudian melantik ahli politik Suri sebagai timbalan presiden parti. Suri seorang yang sanggup lakukan apa sahaja demi matlamatnya tercapai. Beliau dengan parti itu bertekad untuk menang lagi dalam pilihan raya seterusnya walau dengan apa jua cara sekalipun. Sanggup berkorban apa-apa sahaja, Suri dan partinya memulakan pelan terperinci untuk mencapai kuasa.

Penerbit : Lacuna Pictures

Pengarah : Imran Sheik

Pelakon : Vanidah Imran, Rashidi Ishak, Tony Eusoff, Cristina Suzanne, Jasmine Suraya, Zul Zamir.

### \* MANAP KARAOKE

Tarikh Tayangan : 7 Mei 2020.

Manap membuka perniagaan Karaoke bergerak dari rumah ke rumah dengan menggunakan sebuah lori. Pelbagai insiden lucu terjadi ketika sesi karaoke dijalankan. Bisnes mereka juga mendapat sambutan hangat oleh penduduk kampung. Sementara itu, bisnes karaoke Rauf Bogiba semakin tidak mendapat sambutan. Rauf Bogiba tidak berpuas hati dan menyerang Manap sehingga berlaku pergelutan dan memusnahkan karaoke bergerak Manap.

Penerbit : Enjit Semut Productions

Pengarah : Mamat Khalid

Pelakon : Joey Daud, Pekin Ibrahim, Mona Allen, Ropie Cecupak, Sharwani NS, Imuda, TJ Isa, Rab Khalid, Man Kadir, Ziema Din.

### \* SYIF MALAM RAYA.



Tarikh Tayangan : 21 Mei 2020

Empat rakan mengalami kejadian aneh ketika dalam perjalanan pulang ke kampung pada malam raya. Zaid (Atu Zero) dan Hisyam (Sharif Zero) menumpangkan Mera (Reen Rahim) serta Yoh (Yoe Parey) dalam perjalanan menghantar mayat ke Ipoh. Keadaan menjadi kecoh setibanya mereka di Kampung Batu Berapit yang gempar dengan kemunculan ‘pocong’.

Penerbit : Norman Abdul Halim

Pengarah : Abdul Razak Mohaideen

Pelakon : Atu Zero, Sharif Zero, Syaiful Zero Reen, Rahim, Yoe Parey, Syahmi Sazli, Asif Suhaimi, Azlee, Jaafar, Ropie, Danial Zaini, Saiful Apek, Sheila Mambo, Emelda Rosmila, Nadia Brian, Lia Natalia.

### \* TYICKOOUNS



Tarikh Tayangan – 22 Mei 2020

Tyickoouns adalah gabungan perkataan Tycoon dan Tikus arahan Izan Hailmey Mokhtar seorang pengarah dokumentari dan filem iklan bebas, merupakan sebuah paparan kehidupan manusia yang pelbagai. Tikus adalah antara simbolik dalam filem ini yang sentiasa mencari peluang dan ruang untuk meragut serta merampas hasil orang lain.

Penerbit:

Pengarah : Mohamad Nazir Ahmad

Pelakon : Bront Palarae, Remy Ishak, Aaron Aziz, Wan Hanafi Su, Anzalna.

### \* ADA APA DENGAN DOSA

Tarikh Tayangan : 4 June 2020 – Astro First


Aurora, gadis berusia 19 tahun yang juga anak luar nikah dan dibesarkan di Eropah oleh sebuah keluarga bukan Islam sejak kecil. Keadaan berubah apabila Aurora mendapat tahu asal-usulnya. Aurora berasa dirinya tertipu dan cuba ingin membunuh diri. Namun kehadiran Khalil memberi sinar baru dan mereka pergi ke Malaysia untuk mencari bapa kandungnya. Sepanjang pengembalaan itu, Aurora ingin mempelajari erti Islam yang sebenar kerana dia tidak mempraktikkan ajaran Islam. Ibu kandung Aurora, Siti Zahrah dihantui dengan kesilapan lalu, manakala bapa kandungnya Ustaz Aariz yang cuba lari daripada dosa lampau. Dia tidak mengakui Aurora ialah anak kandungnya kerana bimbang maruahnya tercemar.

Penerbit : Pencil Pictures & Record

Pengarah : Rahila Ali

Pelakon : Ashraf Muslim, Fasha Sandha, Wanna Ali, Rizz Ismail, Adam Corrie Lee, Fauziah Nawi.

### \* TOWN MALL



Tarikh Tayangan : 26 Jun 2020 – Astro First

Ia mengisahkan tentang projek pembinaan yang terbengkalai selama 10 tahun akibat gangguan halus dan kini sebuah syarikat pembinaan terkenal cuba menyambung semula kerja-kerja dengan harapan bangunan itu akan menjadi sebuah pusat beli-belah terkemuka. Pengurus projek iaitu Rusdi ditugaskan untuk memantau projek baru itu. Pada awalnya pembinaan itu berjalan dengan lancar, sehingga suatu hari kejadian sama dari 10 tahun lalu berlaku semula.

Penerbit : Enuja Production Sdn Bhd

Pengarah : Eizlan Yusof

Pelakon : Eizlan Yusof, Reen Rahim, Intan Ladyana, Dato Jalaluddin Hassan, Hafizzuddin Fadzil, Nor Albaniyah, Erry Putra, Ku Faridah, Faradhiya, Hafza Munir, Nurul Hanyaa.

### \* KELUARGA ISKANDAR THE MOVIE



Tarikh Tayangan : 16 Julai 2020 – Astro First

Keluarga Iskandar merancang untuk konvoi bersama ke majlis perkahwinan Faris iaitu bekas teman lelaki Adibah di Pontian, Johor. Akan tetapi perjalanan ke majlis Faris agak lambat kerana Mak Jah asyik memaksa keluarganya menyinggah ke setiap satu rumah saudara sepanjang perjalanan ke Pontian. Kerana kebosanan, Princess dan Dardar merancang untuk ke taman tema tanpa pengetahuan keluarga mereka. Kehilangan mereka berdua menggemparkan keluarga Iskandar.

Penerbit : KL Motion Pictures

Pengarah : Wan Hasliza

Pelakon : Kismah Johar, Hilal Azman, Sobri Anuar, Anita Baharom, Zain Hamid, Syahiera, Azhar Sulaiman, Izz Ilham, Danish Adam, Khayrisyah Kemal, Rania Humaira.

### \* JEBAT



Tarikh Tayangan : 3 September 2020 - Astro First

Jebat (Sharnaaz Ahmad), seorang bekas ketua samseng yang bertaubat atas kesilapan lalu dan memulakan kehidupan baru dengan bekerja sebagai penternak ikan dan kemudian berkahwin. Jebat menyembunyikan kehidupan lampauanya sebagai ketua samseng daripada pengetahuan isterinya, Hannah Mastura (Nelydia Senrose) apabila hidupnya masih digangu oleh konco-konco samseng yang menuntut hutang daripadanya.

Jebat dan Mastura sedang berbulan madu di luar negara berhadapan dengan situasi yang tidak dijangka yang membuatkan Jebat merasa risau. Dia percaya ada sesuatu yang tidak kena. Sebaik sahaja pulang ke Malaysia, mereka masih diekori. Bagi melindungi Mastura, Jebat terpaksa kembali ke dunia samseng yang telah lama ditinggalkan.


Penerbit : Pena Creative Pictures

Pengarah : Jamal Khan

Pelakon : Sharnaaz Ahmad, Nelydia Senrose, Carmen Soo.

### \* BUTAK

Tarikh Tayangan : 8 Oktober 2020.



Butak, seorang remaja lelaki yang nakal dan dibenci orang kampung, namun juga seorang yang cerdik dan berjiwa murni. Meskipun sering menimbulkan kekecohan, jauh di sudut hati, Butak menyimpan niat untuk berubah. Begitupun tekanan daripada orang kampung menyebabkan jiwanya memberontak. Satu peristiwa berlaku hingga menyebabkan Butak merajuk dan menyalahkan dirinya. Kerana seiring terdengar tentang kisah ibadat Haji, Butak membawa diri ke pelabuhan Penang. Dia berhajat merasai sendiri pengalaman menaiki kapal dan bersujud di depan Kaabah.

Penerbit : Two Tones Sdn. Bhd.

Pengarah : Sabri Yunos

Pelakon : Izuan Fitri, Bohari Ibrahim, Khatijah Tan, Kazar Saisi, Azman Hassan, Laila Nasir, Imuda, Sabri Yunos, Fimie Don, Saidi Sabri, Wafarieena Roslan, Omar Abdullah.

### \* PASAL KAU!



Tarikh Tayangan : 1.10.2020.

Ia merupakan filem asal Netflix pertama Malaysia. Selepas jatuh cinta dengan pelanggan, seorang staf Hotel tiba-tiba terbabit dalam komplot orang tebusan dan menemui cinta sejati di tempat yang tidak disangka sangka.

Penerbit : Adrian Teh

Pengarah : Adrian Teh

Pelakon : Hairul Azreen, Janna Nick, Amerul Affendi, Henley Hii, Namron, Theebaan G., Taufiq Hanaf, Hafizul Kamal, Josiah Hogan, Sophia Albarakbah,

Sugeeta Chandran.

### \* MAEL TOTEY THE MOVIE

Tarikh Tayangan : 22 Oktober 2020 di Astro First

Ia berkisarkan seorang pemuda lurus bendul yang berusaha untuk mempelajari bahasa Inggeris demi memenuhi syarat gadis idamannya, Yaya. Tetapi Mael bertemu cinta sejatinya bersama cikgu Bahasa Inggeris yang mengajarnya. Konflik antara Mael, cikgu dan Yaya diselesaikan oleh empat budak istimewa, Asif, Yoe, Yatin dan Bedul.

Penerbit : Syahmi Sazli

Pengarah : Syahmi Sazli

Pelakon : Syahmi Sazli, Emaleen Minhad, Aween Ismail, Asif Suhaimi dan Yoe Parey.

2021

**\*10 TIPS TIPU BINI**

Tarikh Tayangan: 7 Januari 2021 (Astro First)

Tiga sahabat baik, Raffi, Kay dan Jepp, bekerja sebagai Pengarah Kreatif di sebuah syarikat pengiklanan terkenal di Kuala Lumpur. Namun pada hakikatnya, mereka adalah suami yang terlalu takut dengan isteri masing-masing. Kehadiran tiga gadis cantik yang bekerja sebagai 'intern' di syarikat itu membuatkan mereka berangan dan memasang niat nakal untuk memikat tiga gadis tersebut.

Genre: Komedi

Penerbit : Rumah Produksi Merah

Pengarah : Azizi Adnan

Pelakon: Dato' Awie, Khir Rahman, Ropie, Joey Daud, Vicha, Jehan Miskin, Nasir Bilal Khan, Atu Zero, Azlee Senario, Nazia Mustafar, Elizabeth Tan

**\* KERANA KORONA**

Tarikh Tayangan: 21 Januari 2021 (Astro First)



Ia mengisahkan tentang tiga situasi yang berlaku semasa PKP. Kisah pertama menceritakan pasangan suami isteri yang mana hubungan mereka semakin renggang, manakala anak mereka bercita-cita untuk menjadi jurugambar, namun impiannya dipandang rendah. Kisah kedua pula menyaksikan tentang seorang doktor yang berdepan dilema tanggungjawab dan pendirian. Kisah ketiga mengenai seorang warga emas yang keras kepala dan mengabaikan (SOP) sehingga merisaukan dirinya.

Genre: Drama

Penerbit : Astro Shaw

Pengarah : Khabir Bhatia

Pelakon : Rita Rudaini, Rashidi Ishak, Ummi Nazeera, Shasha Abedul, Dato' Jalaludin Hassan, Fatimah Abu Bakar.

**\* PETAKA**

Tarikh Tayangan: 4 Februari 2021 (Astro First)

Sham menghadapi masalah kemiskinan selepas kematian ayahnya. Ibunya menderita sakit kaki, manakala adiknya, Syikin tidak mampu ke sekolah kerana kekangan kewangan. Sham bekerja keras untuk menyara keluarganya malah demi memenuhi hasrat hati bagi menebus balik rumah pusaka yang sebelum ini terpaksa dijual kerana kemiskinan. Kedaifan keluarganya berubah secara drastik apabila Sham menerima tawaran bekerja sebagai pemandu lori barang di kedai perabot Haziq. Tugasnya hanya mengambil dan menghantar barang perabot dari sempadan Thailand ke kedai Haziq di Alor Setar. Haziq bekerja di bawah Datuk Jamil. Upah yang diterimanya cukup lumayan buat seorang pemandu lori. Sham terkejut kerana baru sedar selama ini dia menjadi tukang hantar barang terlarang. Sham tidak tahu yang dia adalah keldai dadah kepada Datuk Jamil.

Sebuah kisah kekeluargaan, kemasyarakatan, kedaifan dan kenaifan.

Genre : Drama

Penerbit : Arie Zaharie Production, AA Success Pictures

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Azman Ahmad, Jaja Iliyes, JajaiLyes, PU Azman, Danish Daniel, Zali Shuhali, Hafiz Nafiah.



#### \* HANTU BONCENG 2.0

Tarikh Tayangan: 11 Februari 2021 (Astro First)

Sekumpulan rakan dalam perjalanan bercuti ke Bukit Fraser bertemu dengan gadis misteri yang membawa mereka ke sebuah hotel berhantu dan menyeramkan.

Genre: Seram Komedi

Penerbit : Excellent Pictures

Pengarah: Yusry Abdul Halim

Pelakon: Zizan Razak, Taiyuddin, Joey Daud, Atu Zero, Sangeeta Krishnasamy, Acong SweetChild, Chew Kin Wah, Amir Raja Lawak.



#### \* KENDERAAN BERAT IKUT KIRI

Tarikh Tayangan: 18 Februari 2021 (Astro First)

Menyangka Lisa telah mencuri lagunya, Adam berdepan konflik dengan gadis itu. Namun selepas menyedari kesalahannya dan meminta maaf, kedua-dua mereka mula menyukai antara satu sama lain.

Genre: Drama / Romantik

Penerbit : MM2 Entertainment

Pengarah : Jefry Talib

Pelakon : Syafie Naswip, Sweet Qismina, Ropie, Sathiya.



#### \* SELAMAT HARI X JADI

Tarikh Tayangan: 25 Februari 2021 (Astro First)

Sekumpulan pelajar kolej yang diketuai oleh Hani dan rakan-rakannya Aiden, Parpu, Boboi dan Didi yang terkenal dengan perangai nakal mereka dengan menghasilkan rakaman video ‘prank’ rakan-rakan lain di kolej. Segalanya berubah apabila Puteri yang menjadi mangsa ‘prank’ Hani dan rakan-rakan, hampir membunuh diri akibat berasa malu. Hani yang tiada langsung perasaan bersalah dan menganggap perbuatannya itu semata-mata ‘trending’, mula digangu oleh pembunuhan misteri selepas kejadian ‘prank’ Puteri.

Penerbit : Multimedia Film Productions Sdn. Bhd

Pengarah : Dato' Professor Dr. A. Razak Hj. Mohaideen

Pelakon : Janna Nick, Issey Fazlismam, Zalif Sidek, Nasz Sally, Danial Zaini, Aaron Aziz, Nasha Aziz, Eyka Farhana.

#### \* SALINA



Tarikh Tayangan: 25 Mac 2021

Salina tinggal di sebuah banglo yang mempunyai kisah misteri. Kanak-kanak yang menetap di situ juga mula digangu dengan kejadian-kejadian aneh. Situasi menjadi lebih menakutkan apabila berlakunya satu pembunuhan yang tidak dijangka.

Penerbit : Madness Films Movies

Pengarah : Raja Mukhriz Raja Ahmad Kamaruddin

Pelakon : Mona Allen, Pekin Ibrahim, Dewi Amanda.

### \* PENUNGGANG AGAMA

Tarikh Tayangan: 25 Mac 2021 (Astro First)



Amir dan Anna, pasangan suami isteri berdepan dengan cabaran getir kerana ibu tiri Amir, Datin Maria mengalami ‘gangguan makhluk halus’. Dato Hafsyam, iaitu ayah Amir mengambil keputusan untuk mendapatkan khidmat seorang ‘pakar ruqyah’ bernama Tok Haji. Namun, Amir dan Anna tidak mempercayai Tok Haji dan menasihati Dato Hafsyam untuk tidak lagi menggunakan khidmat Tok Haji. Anna merasakan Tok Haji sebenarnya adalah seorang bomoh yang bertopengkan agama Islam, manakala Dato Hafsyam pula merasakan isterinya disantau oleh ahli keluarganya sendiri.

Penerbit : Skop Production

Pengarah: Syafiq Yusof

Pelakon: Zul Ariffin, Azira Shafinaz, Nasir Bilal Khan, Salina Saibi, Jalaludin Hassan, Sabrina Ali, Johan Arrif, Putri Qaseh, Azzahra Ahmad.

### \* 18 PUASA DI KAMPONG PISANG

Tarikh Tayangan: 15 April 2021 (Astro First)



Sekumpulan penduduk Kampong Pisang masih melakukan kemungkaran di bulan Ramadan. Ketika Barkoba menikmati makanan di siang hari dalam semak samun, tiba-tiba berlaku satu insiden. Dia didatangi si iblis dan membawa Barkoba kembali ke masa silam untuk mengimbau setiap tindak tanduk kesalahan yang dilakukan sepanjang hidupnya.

Penerbit : Astro Shaw, Enjit Enjit Semut Motion Pictures

Pengarah: Mamat Khalid

Pelakon: Bell Ngasri, Kazar Saisi, Mat London, Aziz M Osman, Dewa Sapri, Joey Daud, Rashid Othman, Ahmad Yasin, Afea Deana, Namron, Jaafar Onn, Siti Elizad Sharifuddin, Datuk Ustaz Kazim, Rani Kulop, Yeop Hitler, Man Raja Lawak

### \* SEANDAINYA KAU ADA

Tarikh Tayangan: 29 April 2021 (Astro First)



Nur Syahirah berkelana ke negara yang amat asing baginya kerana membawa hati yang duka. Berbekalkan kecekalan hati dan kekuatan semangat yang masih bersisa, Nur Syahirah cuba membina hidup baru di perantauan. Di dalam kehidupan global tanpa sempadan itu, Nur Syahirah bertemu dengan Isaac (Aidit Noh). Perkenalan di alam siber menjadi realiti kehidupan di alam nyata apabila Isaac menjelaki Nur Syahirah di negara yang berlainan benua itu. Cinta yang luhur membawa Isaac mencari Nur Syahirah, gadis yang dipujanya walaupun belum pernah bertentang mata. Walau bagaimanapun, Nur Syahirah jadi keliru

apabila Iskandar, tiba-tiba muncul antara dia dan Isaac. Amat payah untuk Nur Syahirah menerima cinta Iskandar ataupun Isaac kerana kisah pilu dahulu sentiada membelenggu hidupnya.

Genre: Komedi

Penerbit : Zeel Production

Pengarah: Haji Zeel & Chad Abdul Rahman

Pelakon: Fendy Bakry, Raysha Rizrose, Nur Ruhainies, Aidit Noh, Shah Iskandar, Rozita Che Wan, Fauziah Nawi, Haris Ismail, Scha Elinnea, Daler Yusof, Ali Reza, Fendi Seman, Fahrin Ahmad, Azhan Rani.

### \* DEKATNYA CINTA

Tarikh Tayangan: 13 Mei 2021 (Astro First)



Pasangan suami isteri Adam Mukriz dan Ain Hawani hidup bahagia sehingga hadir orang ketiga, Zulaika (Farah Nabilah). Adam Mukriz mula beralih arah kerana Ain Hawani tidak dapat memberi tumpuan pada keluarga disebabkan sibuk dengan kerjaya dan menyambung pengajian. Keadaan bertambah rumit apabila Adam Mukriz ternampak Ain Hawani menerima sejambak bunga bersama Profesor Yusoff (Datuk Fazley Yacob). Diselubungi rasa marah dan cemburu, Adam Mukriz melafazkan cerai. Bermulalah perjalanan hidup baru buat mereka berdua dalam berdepan dengan pelbagai dugaan. Kini, Adam Mukhriz dan Ain mengutip makna cinta yang tertinggal sebelas

tahun lalu. Untuk kali kedua, mereka saling jatuh cinta kembali. Namun, kebahagiaan mereka tiba-tiba diuji. Sejambak bunga ros di tangan Ain mencetus prasangka Adam. Cemburunya merasuk apabila terlihat isterinya bersama lelaki lain. Akhirnya Adam melafazkan talak.

Genre: Drama

Penerbit : Global Station Sdn. Bhd

Pengarah: Feroz Kader

Pelakon: Datuk Aaron Aziz, Nadiya Nissa, Farah Nabilah, Fazley Yaakob, Nadya Syahera.

### \* HANYA NAMAMU LAILA

Tarikh Tayangan: 15 Mei 2021 (Astro First)

Borhan, Nathan dan Ah Cheng adalah rakan sejak kecil. Mereka juga meminati gadis yang semasa kecil bernama Laila. Apabila gadis itu pulang ke kampung, mereka berpeluang menemui Laila semula. Tetapi tidak lama kemudian, peristiwa aneh mula berlaku dan terdapat kelibat entiti aneh mula muncul.

Genre: Seram Komedi

Penerbit :

Pengarah : Eizlan Yusof

Pelakon : Diana Daniele, Ikmal Amry, Sri Kumaran, Phoon Chi Ho, Ropie, Salleh Yaacob, Sathiya, Lim Hui Hong, Cat Farish.



### \* KAMPONG PISANG MUSIKAL RAYA ISTIMEWA

Tarikh Tayangan: 27 Mei 2021 (Astro First)

Seluruh penduduk Kampong Pisang bersama-sama mengerjakan aktiviti masak-masak pada sehari sebelum raya. Husin kembali ke kampung bersama kekasih baru Nelly sehingga Cik Chun cemburu dan merajuk kerana cintanya ditolak. Manakala Barkoba dikejutkan dengan kehadiran bekas kekasih yang pernah tinggalkannya dahulu kerana berkahwin dengan lelaki berpangkat pengurus kilang. Pak Din pula sedih kerana anaknya

tiba-tiba tidak dapat pulang ke kampung untuk beraya bersamanya. Cik Purnama membawa beg pakaian dan tilam ke mana-mana kerana kesunyian. Pak Karim dan Kak Som hiba kerana ini kali pertama beraya tanpa anak mereka yang telah tiada.

Penerbit : Astro Shaw & Enjit-Enjit Semut

Pengarah: Mamat Khalid

Pelakon: Dato Awie, Nazeera Sardi, Kaka Azraff, Siti Elizad Sharifuddin, Kazar Saisi, Aziz M Osman, Bell Ngasri, Dewa Sapri, Mat London, Ahmad Yasin, Afea Deana, Joey Daud, Nazeera Sardi, Avaa Vanja, Yoep Hitler, Imuda, Raja Azmi

**\* J2 : J RETRIBUSI**

Tarikh Tayangan: 1 Jun 2021 (Disney+ Hostar)

Jay Zulkarnain (Zul), bekas ketua pegawai Unit Tindakhas (UTK) kini menjadi pengawal peribadi usahawan terkenal, Datuk Hashim (Rosyam) melawan masa untuk menyelamatkan beliau dan anaknya, Nadi (Ainin Batrisyia) daripada kumpulan penjenayah diketuai oleh Taufiq (arwah Ashraf). Jay menjadi harapan untuk menentang penjenayah bersama Chang (YiMing) yang juga pengawal peribadi pengurus hotel, Amy (Amelia) demi memastikan tebusan dalam keadaan selamat.

Genre : Aksi

Penerbit : Primeworks Studios, Infinitus Productions

Pengarah : Nazrul Asraff Mahzan, Nazim Shah

Pelakon : Zul Ariffin, Ashraf Sinclair, Chen Yiming, Amelia Henderson, Ainin Batrisyia, Rosyam Nor, Norman Hakim, Eric Chen, Jasper Supayah, Luqman Hafidz, Shah Rezza.

**\* ARWAH PAK MAT, LIF & AJK**

Tarikh Tayangan: 10 Jun 2021 (Astro First)

Nordin, seorang pekerja kilang yang menjaga bapanya selepas kematian ibunya. Nordin tinggal di Flat Seri US, sebuah kawasan perumahan rumah pangsa yang terletak di KL. Nordin dan bapanya tinggal di tingkat 25 di flat itu. Keadaan di Flat Seri US juga meriah dan hangat kerana sedang berlangsung pemilihan presiden dan ahli ajk untuk musim terbaru. Berlaku perebutan kuasa antara Pak Mat Tahir dan Syamsul serta ahli ahli lain.

Namun berlaku kejadian yang tidak diingini, bapa Nordin meninggal dunia secara mengejut di rumah ketika majlis pemilihan berlangsung. Keadaan bertambah kecoh selepas lif di rumah pangsa mereka turut rosak dan perlu mengambil masa yang lama untuk dibaiki.

Penerbit : Excellent Pictures, Cinemalaya Studios

Pengarah : Khir Rahman

Pelakon : Joey Daud, Tauke Jambu, Jalil Hamid, Ropie, Wafariena Roslan, Wan Gegau, Anas Ridzuan, Souya, Man Raja Lawak, Tapai Raja Lawak, Che Mat Raja Lawak, Kimmy Low, Nizam Jentik-Jentik, Shendo Kiut, Sathia, Sheila Mambo, Douglas Lim.

**\* MASUK JAWI**

Tarikh Tayangan: 17 Jun 2021 (Astro First)

Tat, Ery dan Shamim sudah empat kali mlarikan diri daripada berkhatan. Pelbagai helah dilakukan oleh tiga sekawan ini semata-mata untuk mengelakkan diri daripada berkhatan dengan pelbagai ragam sehingga menyebabkan huru hara dalam kalangan penduduk kampung.

Genre: Komedi

Penerbit : Wandet Film Production

Pengarah : Che Mie

Pelakon : Ropie, Zainol Ismail, Fendi Seman, Zul Ghani, Amirul Rahman, Muhammad Daffie, Muhammad Haziman, Cik Hawa Fasha, Fiesha Sha, Nur Hanim, Anne Adorra, S Azali.

### \* CHOMEL



Tarikh Tayangan: 24 Jun 2021 (Astro First)

Mimi, seorang kanak-kanak cerdik 9 tahun, mengalami keceluaran fikiran setelah kematian ibunya. Selepas gagal berkawan dengan Diva Girlz, ditambah diketepikan kakaknya Nora, Mimi sedih apabila dia melihat pertengkaran antara neneknya, Wan, dan ayahnya, Imran. Dalam kesedihannya, Mimi berdoa untuk mendapatkan kawan untuk mengisi kekosongan hidupnya. Keesokan harinya, Mimi terjumpa Chomel seekor kucing terbiar, dan membelaanya. Imran, terdesak atas ketidakstabilan pendapatannya, berusaha untuk menjual hasil kerja batiknya. Walau bagaimanapun, Chomel menghancurkan karya batiknya. Dengan penuh kemarahan, Imran menyuruh Nora membuang Chomel. Nora, Mimi dan Diva Girlz menghadiri parti Zain. Sementara itu, karya Imran yang dianggap rosak dikagumi oleh seorang peniaga seni, Stefano. Stefano menjemput Imran untuk menghadiri majlis yang bakal memberi peluang yang besar untuk Imran berkenalan dengan pempamer tersohor Mr Chen.

Penerbit : Double Vision; Astro Shaw

Pengarah : Jason Chong

Pelakon : Airiezara Jasmin, Zahirlil Adzim, Yuyun Hikmah, Aniq Suhair, Azizah Mahzan, Douglas Lim, AdibahNoor, Aziz M. Osman, Nadia Aqilah, Indah Emeerlda.

### \* SABDA KEKASIH



Tarikh Tayangan: 24 Jun 2021 (Astro First)

Di hari pertunangan, Kasih Murni (Wawa Zainal) ditinggalkan oleh bakal suaminya, Sabda Bukhary (Aeril Zafrel). Sabda adalah seorang pemuzik jalanan yang berpura-pura cacat penglihatan. Namun selepas mengenali Alya Sufiah (Sharifah Husna), gadis yang baru pulang dari pengajian di Mesir, Sabda berubah menjadi lelaki yang lebih baik, dengan bimbingan daripada bapanya. Di luar pengetahuan Sabda, Aly yang bakal dikahwininya itu adalah sepupu kepada Kasih.

Penerbit : Respected Citizen Production

Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Aeril Zafrel, Wawa Zainal, Sharifah Husna, Sabri Yunus.

### \* ZOMBITOPIA



Tarikh Tayangan: 2 Julai 2021 (*Disney+ Hostar*)

Setelah Hassan mendapat tahu Zidik tinggal bersendirian di jalan, dia membawanya pulang dan menjaganya seperti anak sendiri. Kini Zidik bekerja dengan Hassan di sebuah pusat pelupusan sampah dan kedua-dua mereka tersepit dengan masa silam masing-masing. 15 tahun lalu, satu virus yang mengubah manusia menjadi ganas meragut nyawa keluarga mereka. Hassan cuba melupakan bahawa virus itu membunuh isterinya, sementara Zidik masih ingat adiknya menyerang ibu bapanya yang mengorbankan nyawa untuk menyelamatkan Zidik. Dia juga sering teringatkan Zooey, gadis yang dikenali di rumah anak yatim sebelum dia dihalau keluar oleh Kak Lily.

Penerbit : Skop Production

Pengarah: MJ Woo

Pelakon: Shaheizy Sam, Bront Palarae, Elvina Mohamad, Azman Hassan, Sharifah Amani.

### \* JANGAN TAKUT.. KAU TAKUT AKU PUN TAKUT

Tarikh Tayangan: 8 Julai 2021 (Astro First)



Tiga sahabat karib Sarip, Dol dan Leman sangat nakal dan sering mencuri serta menyakat penduduk kampung. Sikap mereka membuatkan keluarga masing-masing terpaksa menanggung malu. Selepas gagal mencuri di rumah Tok Bomoh, mereka bertiga dihalau oleh keluarga masing-masing. Kemudian Sarip, Dol dan Leman tekad untuk berhijrah ke Kuala Lumpur. Mereka menahan dan menumpang sebuah kereta yang dipandu oleh seorang gadis bernama Malaika.

Genre: Komedi / Seram

Penerbit : CMA Media Sdn Bhd, Astro Shaw

Pengarah : Nazir Jamaluddin

Pelakon: Mark Adam, Amerul Affendi, Syuk Sahar, Tasha Shilla, Wan Hanafi Su, Delimawati, Ropie, Jasmin Hamid, Bell Ngasri, Melati Zero, Azlee Senario, Ucop Cecupak, Aiyuni Hashim, Kamarul Yusof, Donna Muslim, Along Eyzendy.



### \* MAT BOND MALAYA

Tarikh Tayangan: 20 Julai 2021 (Astro First)

Mat ingin menjadi ejen peristik di M6. Dengan bantuan ibunya, dia berjaya bekerja di M6 tetapi sebagai budak pejabat. Pada masa sama, dia mula menyukai salah seorang ejen jelita bernama Bondi. Satu hari, dunia digemparkan dengan serangan virus zombi yang disebarluaskan Dr Ebel. Ramai terkena virus tersebut termasuk ejen-ejen di M6 dan Bondi. Mat tiada pilihan melainkan mencari penawar bagi menyelamatkan semua yang dijangkiti sebelum virus tersebut merebak ke seluruh dunia

Genre: Aksi / Komedi

Penerbit : KMN Production Sdn Bhd

Pengarah : Nabil Ahmad

Pelakon: Naqiu, Elizabeth Tan, Azri Iskandar, Riezman Khuzaimi, Farid Halus (Farid Azmeir), Amyza Aznan, Reza Hasbi, Datuk Ramli MS, Aziz M.Osman, Datuk Yusof Haslam, Ghaz Abu Bakar, Michael Ang, Aloy Paradoks, Syafiq Kyle, Ning Baizura, Didie Alias.

### \* HUTANG 2D



Tarikh Tayangan: 5 Ogos 2021 (Astro First)

Ayie (Ayie Elham), seorang pelukis webtoon yang kuat berangan dan bersifat pengecut. Hubungan Ayie dan ayahnya, Pak Jie (Ropie) tidak mesra, bahkan bakat melukisnya juga sering dipandang rendah oleh Pak Jie. Ia membuatkan Ayie rasa sedih dan kurang keyakinan, termasuklah memendam rasa terhadap jirannya, Shima (Baby Shima). Sementara itu, Pak Jie banyak berhutang dan sering diganggu oleh dua orang gangster, Han (Black) dan Kit (Wafiy Ilhan). Apabila Pak Jie diserang di rumahnya, Ayie terus menyembunyikan diri. Segalanya berubah apabila Ayie bertemu dengan Gua Mambang (Altimet) dan telah menghadiahkan sebuah 'tablet' ajaib. Ayie mendapati setiap lukisannya di tablet itu akan menjadi kenyataan.

Genre: Aksi / Komedi / Fantasi

Penerbit : Arie Zaharie Production, Knack Knack Studios

Pengarah: Irwan Rauf & Eric Fuzi

Pelakon: Floor 88, Baby Shima, Black Hanafiah, Fauziah Datuk Ahmad Daud, Ropie, Altimet, Wafiy Ilhan, Coki.

### \* ADA HANTU

Tarikh Tayangan: 13 Ogos 2021 (*Disney+ Hotstar*)



Alif, seorang YouTuber yang tidak mempercayai hantu menyambut hari jadi bersama rakannya di sebuah banglo lama tinggalan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua.

Genre: Seram

Penerbit : ACT 2 Pictures Sdn Bhd

Pengarah: Hairul Azreen

Pelakon: Zahiril Adzim, Shikin Kamal, Hairul Azreen, Nafiez Zaidi, Elvina Chua, Dafi, Sophia AlBarakah, Theebaan. G, Henley Hii, Hakim Nordin, Afiz Aris.

### \* MENCARI RAHMAT



Tarikh Tayangan: 31 Ogos 2021 (MUBI)

Razak adalah anak yatim piatu yang menjadi ahli perniagaan berjaya yang tinggal di Pulau Pinang. Setelah ibu bapa angkatnya mati dalam kemalangan kereta, dia mewarisi segalanya dari mereka, termasuk menjaga cucu perempuan mereka yang berusia 19 tahun, Ratna, yang juga anak yatim. Walau bagaimanapun, Razak seorang yang suka berpesta dan mencari kesenangan, tetapi dia ingin memberikan contoh yang baik kepada Ratna. Sementara itu, Azman adalah anak yatim lain yang dibesarkan oleh ibu saudaranya, Datin Azizah. Datin Azizah mempunyai seorang anak


perempuan bernama Rose yang merupakan teman wanita Razak. Kehidupan watak-watak ini saling berkaitan ketika rahsia mereka terbongkar.

Genre: Komedi

Penerbit : Empire Film Solution

Pengarah: Al Jafree Md Yusop

Pelakon: Namron, Amerul Affendi, Nadia Aqilah, Sharifah Amani, Adibah Noor, Fauziah Nawi, Azman Hassan.



### \* BAKARA

Tarikh Tayangan : 31 Ogos 2021

Filem ini merakamkan kejadian sebenar pertempuran di Mogadishu, Somalia, adaptasi daripada filem ‘Black Hawk Down’ versi sebenar Malaysia. Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Datuk Seri Panglima Ahmad Hasbullah Mohd Nawawi memberitahu filem ini adalah kejadian sebenar pertempuran berkenaan. Ia mengenai Pasukan Batalion Malaysia (Malbatt) yang terbabit dalam misi menjaga keamanan, diserang hendap

oleh gerila pemberontak pimpinan Mohamed Farrah Aidid.

Penerbit : Produksi Act 2

Pengarah : Adrian Teh

Pelakon : Bront Palarae, Shaheizy Sam, Remy Ishak, Hairul Azreen, Fauzi Nawawi.

### \* KAMPUNG LATAH KENA KUARANTIN

Tarikh Tayangan: 9 September 2021 (Astro First)



Kampung Latah Permai, menjadi tumpuan pelancong keranasatunya lokasi di dunia yang mempunyai kadar penduduk ‘melatah’ yang ramai. Ajin (Azhan Rani) merupakan ketua pemandu pelancong untuk syarikat Latah Permai Travel & Tours, bersama rakan kongsinya, Jamilah (Nazia Mustafar), Eton (Ieda Moin) dan Din (PS Mansur). Gelagat mereka sering menceriakan penduduk kampung dan juga pelancong. Dalam pada itu, Ajin menaruh perasaan terhadap Juanita (Elisia Sandha). Tetapi Apoi (Joey Daud) telah dahulu menghantar rombongan meminang Juanita dengan mengikut adat resam dan budaya melayu, namun pinangan Apoi ditolak. Apoi bersama koncanya Abon (Bell Ngasri) dan Anjang (Wanns Ahmad) melakukan sesuatu kerana tidak berpuas hati. Selang beberapa hari kemudian, Kampung Latah Permai yang ceria, tiba-tiba dilanda sindrom melatah yang tidak terkawal sehingga menimbulkan pelbagai kes berbahaya.

Genre: Komedи

Penerbit : Megapine Sdn Bhd

Pengarah: Azizi Adnan

Pelakon: Azhan Rani, Nazia Mustafar, Ieda Moin, PS Mansur, Din Latah, Elisia Sandha, Joey Daud, Bell Ngasri, Ropie, Didie Alias, Azlee Senario, Wanns Ahmad, Datuk Awie, AR Badul, Ustaz Syamsul Debat, Riezman Khuzaimi, Roy Azman, Achong Sweet Child, Mak Wan Latah.

### \* OLYMPIC DREAM



Tarikh Tayangan: 23 September 2021 (Astro First)

Wong Anna bercita-cita sejak kecil untuk menjadi pemain badminton kebangsaan. Walaupun Anna mengalami masalah kesihatan, itu tidak mematahkan impianinya. Ketika di sekolah, Anna ternampak kehebatan Pak Cik Quan yang juga adalah bekas pemain badminton dalam mengendalikan bola tangkis. Sejak itu, Anna sentiasa berlatih dengan Pak Cik Quan sehingga berjaya memenangi beberapa siri pertandingan badminton. Bakat Anna dilihat oleh jurulatih Cheah dan ia membuka laluan Anna untuk menjadi pemain kebangsaan. Apabila meningkat dewasa, Anna berjaya menjadi salah seorang pemain terbaik kebangsaan. Namun, pasangan beregunya, Xiu Man cedera parah dan Anna terpaksa bertukar pasangan beregu baru, Hao Yu. Anna dan Hao Yu belatih keras untuk mengatasi semua kesukaran. Mereka membawa impian dan harapan 32.38 juta orang Malaysia untuk melangkah ke Olimpik.

Genre: Drama, Sukan

Penerbit : De Theatre Entertainment & Full Billion Entertainment

Pengarah : Don Hoe

Pelakon : Maya Karin, Jordan Voon, Annabelle Tan, Adelle Ng, Rashid Sidek, Cheah Soon Kit , Ong Ewe Hock, Janice Woon Khe Wei, Vivian Hoo Kah Mun, Jean Tan, John Tan, Jeffrey Leong, Chai Zi.

### \* FRONTLINER

Tarikh Tayangan: 30 September 2021 (Netflix)

Genre: Drama, Sukan



Filem yang diadaptasi dari kisah benar berkisar tentang perjuangan petugas barisan hadapan dari sektor perubatan hinggakan pekerja penghantar makanan memerangi penularan jangkitan Covid-19 di Malaysia.

Genre: Drama, Sukan

Penerbit : D'Alphalegacy Sdn Bhd

Pengarah : Razif Rashid

Pelakon : Azhan Rani, Beto Kusyairy, Achey, Emma Maembong, Wan Maimunah, Farah Ahmad, Black Hanifah, Zul Handyblack, Ashraf Muslim, Merqueen, Shamsul Danish, DSP Siren Boonthnam Ekkasook, Aril Fazrie.

### \* HANTU KE LIMA

Tarikh Tayangan: 30 September 2021 (Astro First)

Auni Qaisara Putri (Raysha Rizrose) mencari perlindungan setelah dianaya oleh ibu tirinya Puan Sri Zaleha (Adibah Noor) dalam skim pelaburan saham yang merugikan. Puncak Mahligai kediaman mewah peninggalan arwah ayah Auni yang dipelihara oleh Iskandar Syah (PU Azman) dan isterinya, Kam (Elly Mazlein) menyimpan seribu satu misteri. TKO Studio yang diusahakan Taufiq (Aisar Khaled), Kent (Izzue Islam) dan Oya (Shiha Zikir) sedang dalam kejatuhan dan mereka bersetuju untuk bekerjasama dengan Puan Sri Zaleha dalam mempromosi Puncak Mahligai untuk menarik minat pelabur. Namun mereka berhadapan dengan pelbagai kejadian mistik.

Penerbit : AT Movies Sdn Bhd  
Pengarah : Azhari Zain

Pelakon : Izzue Islam, Raysha Rizrose, Elly Mazlein, Shiha Zikir, Aisar Khaled, Danish Daniel @ Coki, PU Azman, Adibah Noor, Azman Ahmad.



### \* PENUNGGANG AGAMA 2

Tarikh Tayangan: 19 Oktober 2021 (Astro First)

Ia adalah kesinambungan kisah Amir dan Anna yang digangu oleh Huda akibat dendam lama. Pada waktu sama, seorang anak murid Anna bernama Anim hilang sejurus pulang dari kelas mengaji yang dikendalikan oleh Anna. Kedua ibu bapa Anim meminta bantuan Amir dan Anna untuk mencari anak mereka. Sementara itu, Amir mula obses dengan kerja sampingannya, iaitu merawat penyakit dan gangguan makhluk halus kerana ganjaran lumayan yang diterima. Kehebatan Amir menyembuhkan pesakitnya juga turut tular di media sosial dan itu membuatkan dia semakin selesa dengan gelaran Ustaz. Amir juga mengubah penampilannya dengan sentiasa mengenakan jubah putih serta berkopiah.

Genre: Seram  
Penerbit : Skop Productions Sdn Bhd & Astro Shaw Sdn Bhd  
Pengarah: Syafiq Yusof  
Pelakon: Zul Ariffin, Azira Shafinaz, Tony Eusoff, Salina Saibi, Nasir Bilal Khan, Johan As'ari, Dato' Rahim Razali, Anna Jobling, Puteri Nurqaseh, Burhan Sidqi, Sharifah Aisyahra.

**\* SA BALIK BAJU**

Tarikh Tayangan: 21 Oktober 2021 (Netflix)

Kisah enam wanita menempuh tekanan moden daripada media sosial, pekerjaan dan hubungan pada zaman internet.

Genre: Drama

Penerbit : Red Communications Sdn Bhd

Pengarah : Junad Nor, Sarah Lois, Umie Omar, Afiza Asram



Pelakon : Nadiya Nissa, Elena Laurel Moujing, Juliana Evans, Sarancak, Mira Filzah, Kaka Azraff, Jo Kukathas, Chelsia Ng,

Kahoe Hon, Jad Hidhir, Nicole Rinai Joachim, Alif Satar, Amirah Azmi, Lee Yvonne, Idris Khan, Haleeda, Azman Hassan, Joanne Kam.

**\* DENDAM KESUMA**

Tarikh Tayangan: 4 November 2021



Hadri mengalami kemurungan dan tekanan perasaan sejak berpindah ke rumah ibu mentuanya, Kesuma. Perkahwinannya dengan Meena dikurniakan dua cahaya mata, Ali dan Suri. Namun, suasana di rumah agak tertekan dan suram akibat mengalami pelbagai gangguan yang sering dihadapi oleh keluarganya. Meena pula sentiasa menasihati Hadri supaya mendekatkan diri dengan Allah. Walau bagaimanapun, nasihat Meena itu sentiasa tidak diendahkan. Suri juga mengalami gangguan di mana dia sering didekati oleh seorang nenek yang tidak dikenalinya. Justeru, kelakuuan aneh Suri itu sering menimbulkan tanda tanya buat Meena.

Genre: Thriller

Penerbit : Richplus Media Sdn Bhd

Pengarah: Jefri Jefrizal

Pelakon: Jefri Jefrizal, Bella Paloma, Haliza Khalili, Nazreen Putra, Marissa Ezureen.

**\* DENDAM PENUNGGU**

Tarikh Tayangan: 5 November 2021 (Tonton Cinema)

Lima rakan diganggu oleh sesuatu yang misteri di sebuah kolej kediaman mereka.



Genre: Seram

Penerbit : Parallax Pictures

Pengarah: Faizul Jais

Pelakon: Ismail Izzani, Shalma Eliana, Bella Dowanna, Imran Aqil, Atiq Azman, Shasha Abdul, Ahmad Syafiq, Hakim Nordin, Ahmad Adly, Sherry, Alhadad, Amerul Affendi, Hasnul Rahmat.

### \* BUDAK KRIPTO

Tarikh Tayangan: 11 November 2021

Putra menguruskan skim wang cepat kaya berkaitan dengan pelaburan emas. Malangnya, Putra tidak berjaya malah ditipu sehingga diburu oleh pemutangnya. Untuk menambah masalahnya, tunangnya meninggalkannya kerana tidak dapat memenuhi jumlah mas kahwin yang dijanjikan, manakala adik-beradiknya menjauhinya kerana malu dengan kegalannya. Dia mempunyai pertemuan yang tidak dijangka dengan seorang wanita bernama Mira, yang memperkenalkannya kepada mata wang digital yang dipanggil Crypto.



Genre: Aksi

Penerbit : MIG Beats Sdn Bhd

Pengarah: Din CJ

Pelakon: Zam Azmi, Nurul Hida, Fahrin Ahmad, A. Galak, Liza Abdullah.

### \* RUMAH MADU KU BERHANTU

Tarikh Tayangan: 2 Disember 2021

Saufi, seorang ejen harta hidup bahagia bersama isterinya Sofea dan anak perempuan mereka. Rakan lamanya Ali memujuk Saufi untuk menjadi `Pak Sanggup` dengan mengahwini bekas isterinya Alia hanya untuk semalam. Perkahwinan sementara ini menjadi rumit apabila Ali tiba-tiba meninggal dunia dan kini Saufi terpaksa menyembunyikan isteri keduanya daripada pengetahuan isteri pertamanya. Dia membenarkan Alia tinggal di salah sebuah rumahnya - sebuah banglo lama tetapi ia tidak kosong. Terdapat entiti yang tinggal di sana yang tidak mahu berkongsi rumahnya.

Genre : Komedi, Seram

Penerbit : GSC Movies

Pengarah : Abdul Razak Mohaideen

Pelakon : Zizan Razak, Rita Rudaini, Nadia Brian, Azlee Jaafar, Saiful Apek, Douglas Lim.



**Bibliografi**

- \* Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas
- \* English Wikipedia - Wikipedia
- \* *Film Melayu Dari Jalan Ampas Ke Hulu Kelang*, Salleh Ghani, Penerbit Finas - 2011.
- \* *Bermulanya Filem Melayu*, Amin Jatt, Mohd Zamri A Malek, Penerbit - Tahun
- \* *Sosioladaya Dalam Filem Melayu Klasik*, Mohd Zamri A. Malek-2020, Penerbit : UKM Press
- \* *Buku Filem Malaysia Era 1975-1999*, Finas, 2008
- \* *Polo Pengamalan Profesionalisme Dalam Industri Filem Malaysia*, Dr Asih Sarji, Dr Faridah Hashim, Mazni Buyong, Penerbit UKM, 1996
- \* Buku '120 Wayang Melayu', Amir Muhammed, Penerbit Selangor DuBook Press, 2018
- \* *50 Tahun Filem Malaysia & Singapura*, Mustafa AR, Penerbit - 2008
- \* *Akhbar Banta Harian, Usaha Malaysia, Sinar Harian, Harian Metro*.



### Profil Penulis

Md Salleh Kassim dilahirkan di Johor Bahru pada 28 Ogos 1951. Beliau pernah menjadi wartawan RTM dari Tahun 1972-1978. Kemudian, beliau mengikuti kursus Diploma Kajian Sebaran Am di ITM. Seterusnya melanjutkan pelajarannya di Boston University dalam bidang yang sama. Sekembalinya dari Boston dengan Ijazah Sarjana Kewartawanan pada tahun 1980, beliau memulakan kariernya sebagai Pensyarah Penulisan Kreatif & Diskriptif, University Malaya & Pensyarah Kewartawanan di UKM. Pada tahun 1985 beliau bertugas di TV3 sebagai Penerbit, Penerbit Kanan dan jawatan terakhirnya Timbalan Pengurus Berita & Ehwal Semasa. Pada tahun 1992 beliau menujuhkan *Prime Time Communications Sdn Bhd* yang antara lain membekalkan program kepada TV3 dan RTM. Antaranya untuk TV3 : *Dari BSKL, Niaga, Wanita Hari Ini ( Suasana & Imej), Saudagar Senja, Dying Trade, Asia Hebat, Citarasa, Muamalat, Addin & Neraca-Kisah Benar*. Untuk RTM : *Kenal & Cinta, Belajar Jawi, Lifeline & Belantara*. Kerjaya terakhir beliau sebelum bersara termasuk Pengarah Editorial untuk TV internet *UMNOtv.com, EDUwebtv.com* - Kementerian Pelajaran, *mytourismtv.com* - Kementerian Pelancongan, *malaysiaview.tv, mobtv & mymalaysia.tv*.

